PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	KHAMIS, 19 NOVEMBER 2015	BIL. 10 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat Ketiga bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Persidangan kali ini akan mengambil masa selama 7 hari mulai hari ini sehingga 30 November 2015.

Sebelum kita meneruskan sesi Persidangan, sukacita saya dan Ahli-Ahli Dewan Negeri merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Penaung DiRaja Pasukan Bola Sepak Johor Darul Ta'zim, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang membawa transformasi besar pencetus kejayaan pasukan JDT sehingga menjuarai Piala AFC 2015 baru-baru ini. Sekali gus menjadikan JDT sebagai pasukan bola sepak pertama dari Asia Tenggara dan Asia Timur merangkul kejuaraan AFC 2015. Semoga JDT terus mengukir kejayaan di persada tempatan dan antarabangsa pada masa-masa yang akan datang.

Sukacita juga Dewan ini merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia sempena Konvokesyen UTM Ke-55 pada 24 Oktober 2015 yang lalu. Tahniah.

Pada hari ini, kita akan merakam, mendengar ucapan Bajet Negeri Johor Tahun 2016 kali yang ketiga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor selepas Pilihan Raya Umum Ke-13. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah meneruskan kejayaan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional di Negeri Johor dengan bajet surplus untuk tahun 2013 dan 2014.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para jemputan, pembentangan bajet pada kali ini akan disiarkan secara langsung oleh Jabatan Penyiaran Malaysia Johor (RTM) di radio Johor FM 101.9 dan Best FM 104.1. Pembentangan ini juga dapat diikuti secara *live streaming* di www.johor.gov.my dan www.jauhar.my.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan baru-baru ini, negara dikejutkan dengan pembunuhan kejam mangsa penculikan di Sandakan, Saudara Bernard Then seorang jurutera elektrik berusia 39 tahun berasal dari Sarawak. Dewan ini menzahirkan rasa dukacita dan simpati dan seterusnya merakamkan takziah kepada keluarga mendiang. Sehubungan itu, dipohon supaya kita sama-sama berdiri bertafakur selama 1 minit sebagai menghormati kepada mendiang. (Dewan bertafakur). Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 19 hingga 23 Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2015 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2015 - Laporan Jawatankuasa Bajet Negeri Mengenai Peranggaran Negeri Johor Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2015 - Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2015 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 dan Penyata Memorandum Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 2.

Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2015 - Resolusi Untuk Menubuhkan Akaun Amanah di Bawah Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Memberi Pinjaman Perumahan Kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO), Ahli Dewan Negeri Johor dan Setiausaha Politik kepada YAB Menteri Besar Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Yayasan Pelajaran Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25 dan 26 Tahun 2015.

Bilangan 25 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Perbadanan Islam Johor

Bilangan 26 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 27 hingga 39 Tahun 2015.

Bilangan 27 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Perbandaran Muar.

Bilangan 28 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Bilangan 29 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Perbandaran Kluang.

Bilangan 30 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Bilangan 31 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Perbandaran Kulai.

Bilangan 32 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Bilangan 33 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Tangkak.

Bilangan 34 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Yong Peng.

Bilangan 35 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Simpang Renggam.

Bilangan 36 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Segamat.

Bilangan 37 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Pontian.

Bilangan 38 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Kota Tinggi.

Bilangan 39 Tahun 2015 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Majlis Daerah Mersing.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2015.

Bilangan 40 Tahun 2015 - Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor kepada Dewan Negeri Johor Berhubung Dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 2012.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2016) TAHUN 2015.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 dikemukakan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, izinkan saya membentangkan kepada Dewan yang Mulia ini, cadangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2016.

Terlebih dahulu saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana berpeluang untuk sekali lagi membentangkan Bajet bagi Negeri Johor. Kita sedia maklum, Bajet adalah pembentangan rancangan pembangunan, pengurusan dan penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun mendatang. Bagi tahun ini, selain menjadi panduan pembangunan dan pengurusan, Bajet Johor 2016 ini telah dirangka dan disusun dengan beberapa keutamaan.

Pertama, ia adalah pelan terancang untuk mengangkat kesejahteraan rakyat Johor pada tahap yang lebih baik. Kesejahteraan yang seiring dengan kepesatan pembangunan dan pemodenan yang kita kecapi. Kesejahteraan yang akan menjadikan kita sebuah masyarakat yang lebih baik, bersatu padu, madani dan berbudaya tinggi.

Kedua, Bajet 2016 ini adalah manifestasi pengiktirafan Kerajaan Negeri di atas segala kerja keras, pengorbanan dan sokongan rakyat Johor selama ini. Kerja keras dan sokongan yang tidak berbelah bahagi inilah yang telah banyak menyumbang kepada Johor yang semakin membangun, berdaya saing dan sejahtera.

Ketiga, Bajet 2016 adalah sebahagian daripada perancangan jangka masa panjang

Johor untuk beralih dari sebuah negeri berpendapatan sederhana kepada sebuah ekonomi berkesejahteraan. Dari sebuah ekonomi material yang membangun kepada sebuah kuasa ekonomi yang inklusif, melangkaui unjuran dan perkiraan KDNK semata-mata.

Dan keempat, Bajet 2016 adalah landasan menyerlahkan lagi budaya muafakat Johor. Kemuafakatan yang mengizinkan kebersamaan dalam perbezaan pada tahap tertinggi. Agar kesepaduan erat masyarakat Johor yang majmuk ini, menjadi kekuatan yang mampu melonjak pembangunan negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya pergi lebih jauh, izinkan saya merumus secara ringkas prestasi dan kedudukan semasa ekonomi Malaysia. Ia penting bagi menggambarkan prestasi sebenar ekonomi negara. Suka saya memaklumkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia berada di landasan yang kukuh meskipun terpaksa menghadapi tekanan luar yang lebih mencabar seperti kejatuhan harga komoditi dan penyusutan nilai ringgit.

Sepanjang separuh pertama tahun ini, ekonomi negara bertumbuh pada kadar 5.3 peratus. Manakala bagi keseluruhan tahun 2015, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka pada kadar 4.5 hingga 5.5 peratus. Ini adalah prestasi yang meyakinkan, kerana ekonomi dunia tahun ini dijangka hanya berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 3.1 peratus.

Sebagai sebuah ekonomi yang global dan terbuka, Malaysia pasti menerima tempias dan terdedah dengan naik turun ekonomi dunia. Pelbagai usaha bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara telah diperkenalkan dan mula menampakkan hasil meskipun dihimpit dengan kejatuhan harga minyak dunia serta ketidaktentuan ekonomi global. Malah Malaysia terus berjaya meningkatkan kebolehsaingan globalnya dan berada pada kedudukan 14 sebagai ekonomi paling kompetitif di dunia pada tahun 2014. Justeru itu, perkembangan KDNK negara dijangka bertumbuh pada kadar 4.0 hingga 5.0 peratus pada tahun 2016 dan akan terus dipacu oleh pelaburan langsung asing dan domestik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi negeri Johor, sukacita saya memaklumkan bahawa pertumbuhan kita pada kadar 6.5 peratus pada tahun 2014 adalah melebihi kadar nasional iaitu 6.0 peratus. Kadar pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada unjuran awal iaitu pada sekitar 6.1 peratus. Menyedari persekitaran yang lebih mencabar pada tahun ini, KDNK Johor dijangka bertumbuh sekitar 4.5% sehingga 5.5% pada tahun 2015 dan 2016. Unjuran ini diasaskan pada *trend* kemasukan pelaburan asing dan domestik yang tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Statistik terkini berkaitan pelaburan di Johor menunjukkan pencapaian yang sangat baik. Bagi jumlah pelaburan keseluruhan, Johor sekali lagi mencatatkan nilai pelaburan tertinggi di peringkat nasional iaitu sebanyak RM30 bilion sehingga September 2015. Ini sekali gus jauh meninggalkan beberapa buah negeri lain di Malaysia. Kerjasama erat Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan sinergi yang sangat positif dan membolehkan momentum pelaburan yang diterima bukan sahaja konsisten, malah dipertingkatkan dengan signifikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua pencapaian ini membuktikan satu perkara. Bahawa wujudnya keyakinan yang sangat tinggi oleh sektor perniagaan terhadap masa depan Johor. Keyakinan untuk hadir, bertapak, melabur dan melebarkan operasi mereka di Johor. Keyakinan ini terserlah kerana pentadbiran Kerajaan Negeri Johor senantiasa berusaha memastikan segala perancangan ekonomi dan pembangunan negeri dirancang dengan rapi, lestari dan strategik. Kita sangat serius dalam mewujudkan sistem governan yang diyakini dan berwibawa.

Namun, adalah satu kesilapan besar jika semua petanda positif ini melekakan dan menyebabkan kita berfikir bahawa segala tugas dan cabaran besar kita sudah berjaya kita selesai dan tangani. Lihat sahaja persekitaran global. Bagaimana krisis ekonomi boleh menerjah bila-bila waktu dan kita pasti akan terkesan. Pembangunan dan ekonomi kita akan jadi rentan bukan kerana kita tidak bersiap siaga tetapi kerana kita telah menjadi sebahagian dari sistem ekonomi global. Apa yang berlaku di China, Jepun, Amerika Syarikat, India serta Eropah pasti akan mendatangkan kesan kepada kita.

Maka, kita harus mengurus ekonomi dengan bertanggungjawab dan melihatnya dari perspektif yang pragmatik. Melihat dengan kesedaran bahawa risiko ekonomi global adalah satu realiti lebih-lebih lagi kedudukan ringgit yang tidak begitu kukuh. Justeru, strategi kita dalam bajet 2016, ialah mengurangkan segala perbelanjaan yang tidak perlu, meminimumkan pinjaman, meningkatkan pelaburan, melonjakkan produktiviti dan memodenkan sistem penyampaian kerajaan. Kita sangat bersungguh-sungguh melakukan perubahan ini. Kita akan terus melabur untuk meningkatkan kemahiran rakyat, khususnya kemahiran kendiri dan berfikir secara kritikal.

Kita mesti memantapkan dan melebarkan sistem kebajikan kita. Kita akan memperbaiki keadaan dan jaringan jalan raya, memastikan setiap desa terhubung dengan jalur lebar, membantu rakyat Johor untuk bekerja dengan lebih produktif, meluangkan lebih banyak masa untuk keluarga dan masyarakat dan menjalani kehidupan yang lebih bermutu dan sejahtera. Kerana itu, Bajet 2016 dirangka untuk menterjemahkan aspirasi besar ini Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hasil Kerajaan Negeri untuk tahun 2015, telah mencapai anggaran asal dalam Bajet 2015. Kutipan hasil setakat 17 November 2015, telah mencapai RM1,345.08 juta atau 108.54% daripada anggaran asal, maknanya ada lebihan. Bagi tahun 2016 pula, kutipan hasil negeri dianggarkan naik sebanyak 15.04% iaitu sejumlah RM1,425.66 juta.

Perbelanjaan mengurus pula, dianggarkan RM1,424.11 juta dengan sejumlah RM520.00 juta caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Baki RM904.11 juta akan diperuntukkan kepada bagi tujuan Perbelanjaan Mengurus untuk Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan jabatan-jabatan kerajaan. Berdasarkan angka ini, anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2016, dipertingkatkan ke RM541.10 juta iaitu kenaikan daripada RM366.20 juta ataupun bersamaan 47.76% penokokan daripada tahun 2015. Jumlah ini adalah yang tertinggi dalam sejarah Bajet Negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Berdasarkan jumlah ini, Pejabat Menteri Besar Johor diperuntukkan RM155 juta untuk projek dan program pembangunan fizikal, sosial dan projek berkepentingan awam lain. Sebanyak RM213 juta pula untuk projek dan program ekonomi. Sejumlah RM95.1 juta peruntukan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan pentadbiran manakala RM45 juta pula adalah peruntukan untuk Pembangunan Agama Islam. Sebanyak RM33 juta dikhaskan untuk projek-projek pengairan dan saliran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bajet ini dipasak pada enam teras yang akan menjadi keutamaan perancangan pembangunan inklusif Kerajaan Negeri. Setiap teras ini akan disokong dengan pelbagai Agenda Besar, titik sentuhan dan inisiatif yang sesuai, inovatif dan perlu bagi menjayakannya.

TERAS PERTAMA : MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

Segala kemajuan dan pemodenan ekonomi Johor tidak akan bermakna sekiranya rakyat Johor masih sukar untuk mendapatkan kediaman yang selesa. Maka, perumahan terus menjadi agenda keutamaan Kerajaan Negeri. Dasar kita jelas, semua penduduk Johor mesti mempunyai tempat berlindung yang baik. Namun, ia bukan sekadar sebuah kediaman, ia adalah sebuah projek kehidupan. Rumah adalah tempat hidup untuk memupuk nilai yang mulia, ruang untuk pembelajaran yang selesa bagi anak-anak dan medan untuk keluarga membina kehidupan sakinah.

Maka fokus dan strategi perumahan pada tahun 2016, ialah meneruskan pembinaan rumah mampu milik dengan lebih banyak, membantu membaik pulih rumah yang uzur, menyediakan kemudahan skim pembiayaan serta memantapkan sistem permohonan agar lebih telus. Selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang menggalakkan orang Melayu tinggal di bandar, proses pengambilalihan tanah untuk dijadikan tapak perumahan Bumiputera dan Rumah Mampu Milik Johor di bandar-bandar Johor akan dilaksanakan secara besar-besaran. Pelaksanaan dasar ini melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk pengambilan tanah sahaja.

Selain membina lebih banyak rumah mampu milik, satu program inovatif, Rumah Mesra Rakyat Johor akan dilaksanakan. Program ini bertujuan memberi subsidi bagi membantu mereka yang berhasrat membina dan menambah baik kediaman di atas tanah milik sendiri.

Untuk melaksanakan inisiatif ini, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor akan dilantik menjadi kontraktor yang bertanggungjawab. Di bawah program tersebut, subsidi RM20 juta akan diberikan melalui 3 skim bantuan berdasarkan harga dan keluasan rumah. Iaitu :-

1. Bantuan RM10,000.00 bagi rumah berharga RM64,000.00 seunit.
2. Bantuan RM12,500.00 bagi rumah berharga RM72,500.00 seunit dan
3. Bantuan RM15,000.00 bagi rumah berharga RM85,000.00 seunit.

Sebelum ini, di pelbagai forum dan kesempatan, saya telah memaklumkan sasaran untuk membina 46,000 unit rumah menjelang tahun 2018. Saya dengan sukacitanya pada hari ini mengumumkan penambahan sebanyak 14,000 unit lagi, menjadikan jumlah sasaran kita adalah 60,000 unit, menjelang 2019. (Dewan bertepuk).

Pelaksanaan komitmen dan sasaran tersebut, sebahagiannya akan dilaksanakan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan berdasarkan pecahan berikut:

1. KPRJ akan membina 1,083 unit secara keseluruhan yang melibatkan pembinaan 260 unit di Kg. Melayu Pandan dan 280 unit di Desa Larkin di Johor Bahru, 493 unit di Kulai dan 50 unit di Kota Tinggi.
2. YPJ Holding akan membina 1,179 unit di Pengerang.
3. Manakala anak syarikat JCorp, Johor Land Sdn. Bhd. akan membina 156 unit di Kampung Londang Batu, Mersing, 500 unit di Bandar Dato' Onn dan 400 unit di Bandar Baru Majidee.
4. PIJ Holding akan membina 1,035 unit keseluruhannya yang dipecahkan kepada 121 unit di Larkin, 333 unit di Stulang Baru, 71 unit di Jalan Datin Halimah, 60 unit di Jalan Muafakat Uda, 106 unit di Teluk Jawa dan 344 unit di Bukit Mambai Labis dan
5. KEJORA akan membina 127 unit rumah di Perumahan Tersusun Kampung Paya, Layang-Layang, 78 unit di Kampung Tuan Seh dan 486 unit di Taman Penawar Harmoni di Bandar Penawar.

Selain itu, 3 Taman Perbadanan Islam baharu di Pasir Gudang, Muar dan Stulang Baru akan diwujudkan. Masing-masing dengan sasaran 600 unit, 400 unit dan 330 unit rumah kediaman.

Bagi membantu pemilikan rumah oleh penjawat awam pula, YPJ Holding akan membina sebanyak 1,194 unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi dan Pengerang. Semoga melalui ikhtiar ini, hasrat penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah idaman mereka akan tercapai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana komitmen yang berterusan dalam menjayakan Projek Perumahan Rakyat di Negeri Johor. Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang baharu untuk 2016 adalah di kawasan Bandar Tenggara yang melibatkan sebanyak 500 unit dengan kos berjumlah RM65 juta.

Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar Kerajaan Persekutuan memberi pertimbangan sewajarnya pada tahun hadapan, untuk projek perumahan ini dilebarkan lagi di beberapa kawasan yang mempunyai keperluan mendesak seperti di Larkin dan Masai di Johor Bahru serta di Mersing.

Membina rumah yang lebih banyak tidak bermakna yang tanggungjawab kita telah selesai. Malah ia hanya sebahagian dari penyelesaian. Ramai yang masih tidak boleh memiliki rumah yang kita bina kerana kesukaran mendapat pembiayaan. Kerajaan Negeri memahami masalah ini. Kerajaan Negeri mengerti betapa sukarnya mendapat pembiayaan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah.

Bagi membolehkan lebih ramai berupaya memiliki rumah sendiri pada 2016, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan satu Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor yang akan diusahakan secara bersama dengan AmBank Islamic Berhad. Kerajaan Negeri

bersama pihak AmBank Islamic Berhad akan menyediakan dana berjumlah RM300 juta bagi memastikan lebih ramai golongan sasar memperolehi pinjaman perumahan. Langkah inovatif ini membuktikan betapa seriusnya kita untuk menjadikan kehidupan rakyat Johor lebih baik, lebih sejahtera dan lebih bermaruah.

Bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengagihan, penambahbaikan sistem agihan juga akan turut dilakukan. Mulai tahun hadapan, pendaftaran dan permohonan Rumah Mampu Milik Johor hanya perlu dibuat di atas talian di www.erumah.johor.gov.my. Manakala dokumen sokongan pula hanya perlu dikemukakan setelah pemohon menerima tawaran.

Bagi memastikan golongan asnaf terbela dan mendapat kemudahan asas, Skim Bantuan Zakat bagi maksud perumahan asnaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor akan terus dilaksanakan. Ia akan dibangunkan secara bersepadu dan menjadi perkampungan asnaf dengan kemudahan seperti surau, gerai perniagaan dan taman permainan.

Peruntukan keseluruhan untuk projek ini adalah sebanyak RM27 juta dan akan dilaksanakan seperti berikut:

1. Pembinaan 250 unit rumah baharu terutamanya.
2. Pembaikpulihan 100 unit rumah sedia ada.
3. Program Rumah Transit secara sewa beli dan pembinaan unit baharu di 3 lokasi iaitu Tapak Perumahan PPR Bukit Kepong sebanyak 32 unit, di Mukim Gemerih, Segamat sebanyak 20 unit dan Pungai, Kota Tinggi sebanyak 20 unit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memberi kesejahteraan tidak memadai sekadar memastikan rakyat mempunyai pendapatan yang mencukupi demi menikmati kehidupan yang lebih baik. Saya rasa, sudah tiba masanya kita mempunyai dasar yang jelas tentang kebajikan masyarakat kita.

Bukan sekadar inisiatif yang seakan melepaskan batuk di tangga dengan mengumumkan peruntukan yang bersifat 'asal ada'. Benar, kita bukan sebuah negara berkebajikan, tetapi kita mestilah menjadi masyarakat yang berkebajikan. (Dewan bertepuk).

Justeru, agenda besar yang kedua di bawah teras pertama ini adalah dasar Johor Prihatin. Melalui Johor Prihatin, hasrat kita ialah memberikan perlindungan yang sebenar-benarnya kepada seluruh penduduk Johor. Perlindungan yang mewujudkan rasa selamat, rasa dilindungi dan rasa kemanusiaan yang mendalam. Perlindungan yang menyerlahkan sifat ihsan dan nilai insan. Johor Prihatin akan menyantuni mereka yang tidak bernasib baik, mereka yang kekurangan, terpinggir dan tersasar. Johor Prihatin adalah pendekatan kita untuk menyuburkan sisi insani yang tulus dengan segala kemaslahatan yang timbul dek laba materialisme yang kita kaut selama ini.

Saya percaya, sebagai bangsa yang bertamadun dan maju, sistem sosial kita harus memastikan setiap ruang adalah peluang, setiap entiti adalah bererti dan setiap bahagian punya peranan. Inilah yang akan kita lakukan melalui Johor Prihatin. Pemusatan tenaga dan fokus ke arah Johor yang lebih berkebajikan, Johor yang lebih

berperikemanusiaan. Kita tidak mahu sekadar mempamerkan simpati bermusim tetapi mewujudkan sistem sokongan untuk kemandirian agar yang tua boleh melalui sisa usia dengan produktif; yang berlainan upaya diberikan kemahiran untuk membina kehidupan bermaruah; yang miskin dihakupayakan; yang terjerumus di lembah hina diangkat dengan ihsan untuk kembali pulang ke jalan yang benar dan lurus. Yang menjadi ibu tunggal diberikan keupayaan untuk berdikari; yang pernah tersilap langkah diberikan kemaafan untuk kembali menjadi baik dan berguna dan yang bergelandangan akan dipimpin untuk punya tempat perlindungan. (Dewan bertepuk).

Maka sebagai permulaan, kita akan membuka peluang pekerjaan kepada golongan berkelainan upaya di setiap PBT, Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui inisiatif ini setiap PBT diwajibkan menerima penempatan minimum 2 orang pekerja berkelainan upaya mengikut kelayakan. (Dewan bertepuk). Kita juga akan menubuhkan Sekretariat Sukan OKU khusus bagi memberi fokus kepada latihan dan pembangunan atlet di kalangan golongan berkelainan upaya dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Bagi menyantuni golongan yang uzur dan mempunyai keilatan kekal, satu Program *Home Help Service* dengan peruntukan RM162,000.00 akan dilaksanakan. Insya-Allah ia bakal memanfaatkan 448 penerima termasuklah kumpulan warga emas.

Meniti hari tua yang bermaruah adalah dambaan setiap seorang dari kita. Untuk membantu golongan warga emas menjadi lebih produktif, 2 buah lagi pusat aktiviti warga emas masing-masing di Pontian dan Kota Tinggi akan diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00. Ini sekali gus menjadikan jumlah pusat aktiviti warga emas di Johor bertambah kepada 8 buah. Selain itu, Kerajaan Negeri bersetuju membina Pusat jagaan Orang-Orang Tua baru di Taman Perling melalui peruntukan Majlis Agama Islam sebanyak RM10 juta.

Bagi memperkasakan fungsi dan operasi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kompleks Penyayang berharga RM50 juta akan dibina di Kempas dengan peruntukan awal oleh kerajaan persekutuan sebanyak RM1.8 juta tahun hadapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita gelar tanah air ini ibu pertiwi. Jadi, mana mungkin dalam agenda pembangunannya kita meminggirkan kaum ibu. Mengiktiraf peri pentingnya peranan golongan wanita, sebanyak RM250,000.00 akan diperuntukkan untuk menjalankan dua inisiatif berikut :

1. Penyediaan kursus kemahiran melibatkan 1,000 orang wanita golongan berpendapatan rendah.
2. Bantuan peralatan bagi menggalakkan mereka memulakan perniagaan.

Manakala, melalui program-program kerajaan persekutuan pula, penghakupayaan wanita akan ditumpukan kepada 3 bidang utama iaitu :

1. Pembangunan Usahawan Wanita
2. Peningkatan Kemahiran
3. Kepimpinan Wanita.

Kerajaan negeri sentiasa memastikan agenda pembangunan Johor akan memanfaatkan semua pihak. Justeru, pembangunan keluarga bukan Islam tidak

sesekali diabaikan. Melalui satu inisiatif khas iaitu Program Kasih, sebanyak RM100,000.00 akan diperuntukkan di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim untuk dimanfaatkan oleh 1,500 orang peserta. Program Inklusif Masyarakat India yang diumumkan tahun lalu akan digandakan pada tahun hadapan. (Dewan bertepuk). Kali ini sebanyak RM6 juta diperuntukkan diberikan iaitu peningkatan sebanyak 50 peratus atau RM2 juta berbanding tahun lalu. Peruntukan khas ini adalah untuk membiayai ikhtiar-ikhtiar berikut :

1. RM1.5 juta bagi aktiviti kebajikan.
2. RM2 juta bagi program keusahawanan.
3. RM1 juta bagi tujuan baik pulih Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, dan
4. RM1.5 juta bagi tujuan pendidikan.

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Johor pula akan diperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi tujuan baik pulih prasarana. (Dewan bertepuk).

Selari dengan nilai dan citra masyarakat yang maju dan bertamadun yang memandang masyarakat sekelilingnya dengan pandangan ihsan, maka sebanyak RM2 juta lagi pula akan diperuntukkan bagi merancakkan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dalam masyarakat. Melalui Program *Johor Future* pula aktiviti kesukarelawanan ini akan disebar luas sehingga ke peringkat Dewan Undangan Negeri. Ia mensasarkan golongan pelajar sekolah menengah yang akan menamatkan persekolahan. Melalui penganjuran pelbagai aktiviti fizikal dan riadah yang menarik. Malah program ini akan turut memberi pendedahan tentang kerjaya dan pelbagai inisiatif kerajaan negeri. Secara keseluruhan Program *Johor Future* diperuntukkan sebanyak RM488,000.00. Pergerakan sivil yang aktif dan progresif adalah rakan kerajaan dalam menghakupayakan rakyat. Menghargai peranan besar mereka, kerajaan negeri bersetuju meneruskan geran berjumlah RM3 juta bagi menggerakkan pelbagai NGO di Johor dengan lebih aktif.

Salah satu aspek penting kesejahteraan masyarakat adalah sistem pengangkutan awam yang baik. Pergilah ke mana-mana negara maju, sistem pengangkutan awam mereka bukan sahaja moden tetapi sangat murah dan menyenangkan. Pada tahun 2016, kita akan memperluaskan pengangkutan awam di pelbagai peringkat. Misalnya, perkhidmatan bas percuma Johor di Hatiku akan dilebarkan jaringannya dengan kerjasama 4 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Perbandaran Kulai. Maknanya penyediaan bas percuma. Kesemua PBT tersebut akan bersama-sama membiayainya dengan kos sebanyak RM11 juta. (Dewan bertepuk).

Menyedari kesulitan pergerakan di setengah kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas awam, inisiatif pengangkutan awam di bawah jenama TransJohor akan ditambah dan diperluaskan. Tahun hadapan sebanyak 10 laluan baru akan ditambah bagi menghubungkan pelbagai desa dan bandar di 7 daerah iaitu Mersing, Segamat, Kota Tinggi, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kluang. Perkhidmatan ini akan diuruskan oleh anak syarikat JCorp iaitu Syarikat Pengangkutan Maju Berhad. Bagi memudah dan merancakkan aktiviti kemuafakatan rakyat pelbagai bangsa, kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan bersetuju membina sebanyak 23 buah Dewan Muafakat Johor. Kesemua dewan ini akan segera dibina oleh PBT dengan kos

keseluruhan berjumlah RM70 juta. Misalnya pembinaan Dewan Muafakat Johor di Taman Pulai Utama, Skudai berharga RM10.5 juta, Dewan Muafakat Johor di Majlis Perbandaran Batu Pahat berharga RM13 juta serta Dewan Muafakat Johor di Majlis Daerah Yong Peng berharga RM4.5 juta.

Johor yang membangun mestilah Johor yang terhubung dengan jaringan maklumat yang pantas. Oleh yang demikian, Program *Johor Free Wifi* akan di terus dan diperluaskan dengan cakupan 135 *hotspot* di dalam 16 PBT. Inisiatif ini akan menelan belanja sebanyak RM4.4 juta bagi tujuan membina, menaik taraf dan menyelenggara perkhidmatan berkaitan.

Menyalurkan keperluan asas seperti air amatlah penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan negeri dengan sukacitanya mengumumkan yang Program Air Percuma melalui Syarikat Air Johor sebanyak 25 meter padu kepada golongan sasar seluruh Johor akan di terus dan diperluaskan. Ia melibatkan penerima dalam senarai e-Kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Program Air Percuma ini menelan belanja RM3 juta dan mensasarkan manfaatnya kepada kira-kira 5,000 orang penduduk. Untuk meningkatkan prasarana bekalan air, beberapa projek utama bekalan air negeri Johor akan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Antaranya ialah pembinaan loji rawatan air di Buloh Kasap, Segamat; Pagoh, Muar dan Kahang, Kluang. Pada waktu yang sama, penggantian paip lama di sekitar Johor akan turut dilaksanakan. Kesemua ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM430 juta. Untuk perancangan sistem bekalan air yang lebih terencana, BAKAJ akan diberi peruntukan bagi menjalankan kajian bekalan air yang mapan. Fokus kajian ini ialah tentang kaedah pengawalan bekalan serta perlaksanaan zon penampan di kawasan tadahan air.

Manakala kerajaan persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi dan Air telah memperuntukkan RM57 juta bagi pembangunan sumber air negeri Johor melalui Rancangan Malaysia yang Ke-11. Peruntukan ini merangkumi kajian kemungkinan bagi pembangunan sumber air ke Iskandar Malaysia dan di lembangan Sungai Muar. Kajian kemungkinan dan impak alam sekitar bagi pembinaan Empangan Mersing dan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan baraj serta empangan dan menaik taraf empangan. Kesemua inisiatif ini bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan bekalan air di negeri Johor dan mengatasi pelbagai masalah bekalan air yang melanda kita termasuklah di Pasir Gudang dan Pengerang.

Malah pada kesempatan ini saya menyeru dan menggesa pihak-pihak berkepakaran seperti Universiti Teknologi Malaysia untuk turut bersama-sama tampil menawarkan cadangan dan penyelesaian bagi permasalahan ini. Kita mahu Universiti berperanan lebih besar dalam membantu kerajaan negeri menyelesaikan pelbagai masalah pembangunan di lapangan melalui pelbagai teknologi baru. Johor yang membangun mestilah Johor yang terhubung dengan baik, melalui prasarana jalan rayanya. Untuk itu, kerajaan negeri akan membina 150 kilometer rangkaian jalan kampung baru dan menaik taraf jalan kampung yang sempit sepanjang 70km. 70% daripada tumpuan projek akan melibatkan kawasan seperti Pontian, Batu Pahat, Muar dan Ledang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM50 juta. Selain daripada itu, sekali lagi seperti tahun 2015, sejumlah RM600 juta akan diperuntukkan bagi penyelenggaraan rangkaian jalan-jalan negeri di Johor.

Menyelesaikan masalah setinggan turut menjadi keutamaan kerajaan negeri. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan setinggan yang boleh dikurniakan hak milik. Melalui Jawatankuasa *Taskforce* Perumahan Negeri Johor yang telah ditubuhkan di setiap daerah. Rentetan itu 3 inisiatif berikut akan dijalankan pada tahun hadapan :

1. Mengeluarkan senarai nama kampung dan kawasan setinggan yang bakal memperoleh hak milik tanah.
2. Susulan proses pengambilan tanah di Kem Tebrau yang sedang berjalan, isu pemilikan lebih kurang 136 penduduk Kampung Desa Perwira yang melibatkan kawasan seluas 30 ekar akan dapat diselesaikan.
3. Meluluskan permohonan oleh 4,560 pemohon yang terdiri daripada 4,213 pemohon tanah pertanian dan 347 pemohon tapak bangunan kediaman atau rumah kedai. Keluasan permohonan ini melibatkan pemberian 23 kawasan dengan keluasan 5,540 ekar tanah pertanian dan 20 ekar tapak rumah kediaman dan kedai.

Antara kawasan-kawasan tersebut adalah:

1. Kulai yang melibatkan Kampung Bukit Ibol.
2. Kluang yang melibatkan Jalan Padang Tembak
3. Labis yang melibatkan Tanah Umum Bekok
4. Kota Tinggi yang melibatkan Mukim Ulu Sungai Johor iaitu Kampung Seri Aman dan kawasan Ulu Tebrau dan Mukim Sedili Besar, Kampung Gemereh.

Pengukuhan institusi dan badan awam amat penting kepada sistem tatakelola yang moden dan maju. Bagi menzahirkan komitmen tersebut kerajaan negeri akan membina Mahkamah Rendah Syariah Kluang dan membaik pulih Mahkamah Syariah Muar. Kedua-dua inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM33.8 juta.

Kerajaan Negeri juga bersetuju membina pejabat-pejabat daerah dan tanah baru di Kluang berharga RM18 juta dan Kulai berharga RM60 juta melalui kaedah penswastaan. Projek di Kulai akan melibatkan beberapa komponen seperti bangunan pentadbiran, dewan serba guna, dataran awam dan masjid yang beleh menampung seramai 1,500 jemaah pada satu-satu masa.

Pembinaan pusat pentadbiran Daerah Ledang yang baru di Tangkak juga telah di cadang untuk dibina atas tanah milik kerajaan seluas 4 ekar dengan kos pembangunan sebanyak RM48 juta.

Warisan Johor amatlah berharga dan mesti dipelihara, agar menjadi khazanah yang boleh dipelajari dan diteladani zaman berzaman. Bagi tujuan itu Pusat Dokumentasi Johor akan ditubuhkan untuk menyimpan penulisan-penulisan yang mempunyai nilai sejarah dan warisan berkaitan Negeri Johor yang akan diselia oleh Yayasan Warisan Johor bersama-sama dengan Persatuan Penulis Johor dengan peruntukan RM200,000.00. Pusat ini akan berfungsi seperti arkib dan menjadi pusat rujukan utama berkenaan pelbagai sejarah dan warisan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri amat berterima kasih kepada kakitangan kumpulan pengurusan dan profesional tetap lantikan perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Johor, yang selama ini banyak berkorban dan bekerja keras menjayakan segala agenda pembangunan Kerajaan Negeri. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memberikan ganjaran setimpal kepada bakat terbaik dalam kalangan penjawat awam.

Walau bagaimanapun terdapat kekangan bagi kenaikan pangkat dan imbuhan gaji sesetengah kumpulan pengurusan dan profesional ini kerana skim kenaikan pangkat yang sedia ada kurang anjal dan terhad. Akhirnya ramai pegawai yang tidak menikmati imbuhan dan faedah yang selayaknya. Perkara ini mesti diselesaikan jika kita inginkan perkhidmatan awam yang berwibawa. Dengan itu Kerajaan Negeri bersetuju memberikan elaun insentif khas kepada kumpulan pengurusan dan profesional tetap lantikan Perkhidmatan Awam Negeri Johor, yang tidak diberi kemudahan kenaikan pangkat secara *time based.*

Ini akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1.91 juta setahun dan ia berkuatkuasa 1 Januari tahun hadapan. Kemudahan ini akan diberikan kepada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional yang berjawatan tetap dan telah berkhidmat melebihi 8 tahun ke atas. Elaun insentif khas tersebut juga boleh dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada kemampuan kewangan dan amalan masing-masing.

Pada dasarnya Kerajaan Negeri juga bersetuju dengan cadangan Bajet Persekutuan untuk memberikan bayaran khas RM500.00 kepada semua penjawat awam negeri. Kerajaan Negeri juga bersetuju memanjangkan pelaksanaan pemberian satu insentif pergerakan gaji kepada semua penjawat awam pada tahun 2016 tertakluk kepada garis panduan dan pekeliling yang akan diselaraskan dengan Kerajaan Persekutuan.

Kemudahan kesihatan yang cekap, murah dan bermutu amat penting kepada masyarakat, malah ia adalah keperluan asas yang tidak boleh di kompromi. Bagi menambah baik kemudahan kesihatan di Johor, tiga projek pembangunan penting akan dilaksanakan.

1. Membina satu Hospital Awam di Pasir Gudang berharga RM500 juta dan 1 Hospital Pakar KPJ di Sri Gading berharga RM60 juta.
2. Menaik taraf Hospital Segamat fasa 1 dengan kos keseluruhan berjumlah RM50 juta, dan
3. Membina Klinik Pergigian di Kluang dengan kos RM4.7 juta dan menambah tiga lagi Klinik 1 Malaysia dengan peruntukan RM600,000.00.

Bagi golongan orang asal atau pun Orang Asli yang telah menerima risalah Islam, keselesaan dalam amalan ibadah mereka sangat diberi perhatian. Justeru, peruntukan oleh Majlis Agama Islam sebanyak RM5.5 juta akan diberikan untuk pembinaan dan naik taraf surau-surau serta balai Islam di 17 buah perkampungan orang Asli. Antaranya Kampung Orang Asli Teluk Jawa, Kampung Orang Asli Temon dan Kampung Orang Asli Kuala Masai.

Untuk menyantuni keperluan saudara baharu atau golongan Mualaf pula, sebuah bangunan yang dikenali sebagai Darul Ukhwah di Taman Mutiara Rini, Johor Bahru akan dibina. Ia akan berfungsi sebagai institut latihan dan dakwah risalah Islam, melibatkan peruntukan Majlis Agama Islam Negeri Johor sebanyak RM20 juta.

Untuk terus membangunkan bidang sukan, Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah untuk dipajakkan bagi pembinaan sebuah stadium bola sepak di Nusajaya. Ia akan merangkumi komponen seperti stadium yang berkapasiti antara 40,000 hingga 45,0000 penonton, ruang-ruang perniagaan serta kemudahan-kemudahan yang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KEDUA : MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI JOHOR.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan stabil adalah prasyarat utama jika Johor ingin muncul sebahagian kuasa ekonomi baharu Malaysia. Segala perancangan pembangunan mestilah difokuskan untuk mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan, telus dan inovatif bagi menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara untuk datang dan memulakan perniagaan di Johor.

Hanya dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, pekerjaan dapat diwujudkan. Pendapatan isi rumah dapat di pertingkat, kualiti kehidupan menjadi semakin baik dan rakyat Johor menjadi lebih sejahtera. Bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi Johor pada tahun 2016, terdapat 5 agenda besar yang baharu akan kita ketengahkan.

Pertama : Pelan Pertumbuhan Strategik Ekonomi Johor.

Pelan ini dirangka dengan tujuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Johor merentasi wilayah dan daerah. Ia adalah strategi untuk membongkar setiap potensi ekonomi di seluruh pelosok Johor. Pelan ini memastikan pembangunan ekonomi kita tidak dilakukan secara semberono dan ikut-ikutan. Sebaliknya di laksana berpandukan perancangan yang strategik, sesuai potensi setempat. Kesemuanya bertujuan agar seluruh bahagian dan daerah di Johor membangun dan berdaya saing.

Maka, saya mengambil kesempatan ini mengumumkan pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor akan bermula Januari 2016.

Pelan ini akan melakar visi strategik dan komprehensif pembangunan di Negeri Johor secara keseluruhan. Di bawah pelan yang melibatkan peruntukan RM3 juta ini, setiap daerah di Johor akan dibangunkan mengikut kekuatan setempat dan lapangan kebitaraannya (*niche area)*dengan izin iaitu:-

1. Johor Bahru – Pembuatan dan Perdagangan Antarabangsa
2. Mersing – Pelancongan dan Perikanan
3. Kluang – Eko-pelancongan dan Pertanian
4. Kulai – Informasi dan Teknologi Komunikasi
5. Pontian – Eko-pelancongan dan Perikanan
6. Kota Tinggi – Pelancongan, Pertanian serta Minyak & Gas
7. Batu Pahat – Pembuatan dan Pemprosesan

8. Muar – Hab Pendidikan dan Kemahiran
9. Ledang – Pelancongan dan Pembuatan Ringan dan
10. Segamat – Pertanian

Harapan kita, melalui pembangunan dan pertumbuhan terancang seperti ini, kita akan mampu melonjakkan Johor sebagai kuasa ekonomi baharu Malaysia.

Kedua : Waqf Sebagai Instrumen Baharu Ekonomi, Pendidikan dan Kebajikan.

Peranan dan kapasiti Kerajaan dalam pelbagai projek yang melibatkan pelaburan kewangan adalah terhad. Oleh itu, kita mesti mencari naratif dan wahana baharu dalam membangunkan keberdayaan masyarakat. Jalan keluar terbaik adalah dengan menghakupayakan rakyat dan mengajak masyarakat mencurahkan amal dan bakti pada tanah air. Maka waqf akan menjadi instrumen penting dalam membangun ekonomi, membuka ruang pendidikan dan melebarkan sistem kebajikan Johor dan masyarakatnya. Keputusan ini adalah ekoran bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sistem dan institusi Waqf mempunyai potensi yang sangat luar biasa. Tetapi selama ini, instrumen dan institusi ini dipinggirkan dan tidak dikembangkan secara optimum.

Justeru, telah tiba masanya waqf dibangunkan dan diuruskan secara profesional. Khususnya dalam mengembangkan budaya memberi seperti yang diamalkan oleh masyarakat negara maju di Barat. Kita mahu membudayakan masyarakat Johor dengan tradisi memberi dan menyumbang sebanyak-banyaknya. Memberi bukan untuk ganjaran, martabat dan upacara tetapi kebaikan manusiawi jua.

Melaluinya, pelbagai inisiatif endowmen boleh dilakukan untuk tujuan pendidikan, penyelidikan sains dan teknologi, pembangunan antarabangsa, budaya, sukan dan pelbagai ikhtiar kebajikan yang lain. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri dengan ini mengumumkan penubuhan Tabung Waqf Rakyat Johor. Tabung ini akan diuruskan oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ) yang akan dilantik sebagai Nazir Khas Pembangunan oleh Majlis Islam Negeri Johor.

Mandat dan tugas utamanya bukan sekadar mentadbir amanah Waqf dengan sebaik-baiknya, tetapi meyakinkan umat Islam agar aktif mewaqaf dan menginfaq harta benda untuk Islam, untuk ummah dan untuk kebaikan manusiawi. Bagi menjayakan agenda besar kedua ini, Perbadanan Islam Johor Holdings akan menyuntik RM5 juta kepada Tabung Waqf ini. Sebuah Sekolah Agama Waqf pertama yang akan mengguna pakai sukatan kurikulum pembelajaran antarabangsa juga akan dibangunkan dengan kerjasama *Fateh College* daripada Turki.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Ketiga : Mewujudkan *Central Business District* (dengan izin) di dalam Bandaraya Johor Bahru.

Johor Bahru telah diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 sebagai salah satu daripada 4 buah bandar utama yang akan muncul sebagai metropolis baharu Malaysia. Sesuai dengan matlamat tersebut, kewujudan sebuah CDB atau pun *Central*

Business District, dengan izin. Amatlah relevan dengan potensi dan kedinamikan tersendiri Johor Bahru. Ada 4 sebab yang mewajarkannya:

1. Kedudukannya amat strategik. Selain menjadi salah satu pintu masuk utama negara, Johor Bahru terletak bersebelahan dengan kota metropolis paling maju dan membangun di dunia iaitu Singapura. Johor Bahru juga adalah Ibu Negeri di Semenanjung Malaysia yang paling hampir dengan Indonesia. Maka, ia mesti ditiupkan dengan nafas pembaharuan untuk melonjakkannya sebagai Jauhari Selatan yang bersiri global.

2. Malaysia memerlukan lebih banyak kawasan pertumbuhan ekonomi seperti Kuala Lumpur jika ingin kekal berdaya saing. CDB sangat sesuai diwujudkan di Johor Bahru kerana ia terhubung dengan infrastruktur sokongan yang baik seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa dan tidak lama lagi rangkaian kereta qpi laju yang moden.

3. Johor Bahru menyaksikan pertambahan penduduk dan kepesatan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

4. Kewujudan CDB di Johor Bahru akan membantu meningkatkan taraf hidup komuniti setempat susulan limpahan kesan perniagaan dan aktiviti ekonomi yang baru.

Sebagai permulaan, Pelan Transformasi Central Business District (CDB) Johor Bahru akan disediakan. Komponen utamanya ialah pembangunan *Coronation Square* yang akan melibatkan pembinaan pelbagai gedung komersial yang terhubung melalui laluan pejalan kaki bertingkat, ruang Persada Annex yang bakal menjadi tumpuan usahawan Bumiputera, hab perkhidmatan kesihatan pelbagai disiplin termasuk perubatan alternatif dan pembinaan pelbagai menara perniagaan dan kediaman yang menampilkan gaya kehidupan kontemporari yang lestari.

Dengan kos sebanyak RM5 juta, pelan ini akan disediakan oleh Johor Corporation dan akan disiapkan secepat mungkin bagi mendapat maklum balas semua pemegang taruh dan masyarakat Johor Bahru sebelum fasa pembangunannya bermula.

Kerajaan negeri berharap 10 tahun akan datang, Johor Bahru Central Business District ini akan menjadi Kuala Lumpur kedua untuk Malaysia. Malah, lebih baik daripada segi landskap, prasarana, dan kualiti kehidupannya, *Insya-Allah*.

Keempat : Rejuvenasi Desa Johor.

Selain daripada pemerkasaan bandar raya kita, kerajaan negeri turut mempunyai agenda besar yang khusus bagi mencergaskan rejuvenasi luar bandar. Ia akan dikenali sebagai Rejuvenasi Desa Johor dan akan menjadi agenda besar yang keempat bagi merancakkan ekonomi Johor.

Program ini akan menjadi fokus kerajaan negeri bermula tahun 2016 dan tahun-tahun mendatang. Tujuannya pelbagai:

1. Kita mahu memastikan wujudnya keseimbangan antara pembangunan kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Idea pembangunan inklusif berkehendakkan kita membangunkan seluruh potensi Johor secara adil dan bukan hanya tertumpu di kawasan seperti Iskandar Malaysia dan Johor Bahru sahaja.

2. Kita mahu memastikan potensi ekonomi kawasan luar bandar dibangunkan secara maksimum. Kawasan pertanian dan ladang, daerah perikanan, sempadan perhutanan dan paya bakau, serta pusat aktiviti ekonomi desa yang lain mesti dihubungkan dengan pelbagai kemudahan prasarana dan teknologi komunikasi.

3. Kita percaya bahawa ramai anak muda di desa mesti digalakkan untuk meneruskan aktiviti pekerjaan di desa seperti bertani, berternak, mengusahakan aktiviti perikanan, menjadi malim gunung, memajukan kawasan pelancongan serta pelbagai lagi pekerjaan desa yang mulia dan bermanfaat.

Semua ini agar Desa Johor terus bermanfaat dan membangun seiring dengan kemajuan bangsa dan negara. Kita mahu memastikan penduduk luar bandar terus tinggal menetap dan memajukan kawasan luar bandar. Tetapi mereka mesti dilengkapi dengan kemahiran yang lebih baik, dengan ilmu yang lebih mendalam, dengan manfaat teknologi yang lebih canggih dan pastinya, dengan pendapatan yang lebih tinggi. Kerana desa dan kawasan pedalaman kita adalah aset penting untuk Johor yang membangun dengan inklusif dan lestari.

Maka sukacita saya umumkan bahawa, kerajaan negeri melalui kerjasama strategik dengan Bait Al Amanah, iaitu institut pemikir milik UMNO Johor, akan menyediakan satu pelan komprehensif dan mencergaskan Rejuvenasi Desa Johor. Semua kos penyediaan pelan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Bait Al-Amanah. Ini adalah satu sumbangan UMNO Johor untuk rakyat negeri ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Kelima : Mewujudkan Zon Antarabangsa.

Sekalipun kita mengalu-alukan kedatangan pelabur dan perniagaan asing untuk merancakkan ekonomi domestik, kita harus mengimbanginya dengan kepentingan masyarakat tempatan. Isu seperti pemilikan hartanah oleh orang luar adalah isu yang akan meminggirkan kepentingan masyarakat tempatan, jika tidak diimbangi dan diurus dengan betul.

Bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak di pelihara, kerajaan negeri mengumumkan pengisytiharan penubuhan Zon Antarabangsa bagi Koridor Pembangunan Selat Johor (KPSJ). Pengisytiharan Zon Antarabangsa ini adalah dengan satu tujuan utama, iaitu untuk mengawal pemilikan hartanah oleh warganegara asing di Johor. Semua ini bertujuan memastikan rakyat tempatan tidak terjejas dengan spekulasi harga hartanah.

Misalnya, bagi pembangunan perumahan bertanah, strata bertanah dan komersial atau perdagangan di luar Zon Antarabangsa, pemilikan warganegara asing yang dibenarkan hanya antara 10% hingga 30% sahaja tertakluk kepada kategori pembangunan hartanah.

Zon Antarabangsa ini juga dirangka untuk memenuhi beberapa kepentingan strategik lain:

1. Zon ini akan dibangunkan menjadi pusat pelaburan dan industri yang berdaya saing agar berupaya menarik masuk pelaburan asing dengan lebih banyak dan pelbagai.

2. Konsep dan susun atur pembangunan di sini akan direncanakan secara moden dan memenuhi keperluan global. Namun digerakkan dengan cara yang boleh memberi kelebihan kepada pemain dan anak tempatan serta kelestarian alam sekitar di sekelilingnya.

3. Ia akan menjadi pusat yang mempunyai watak tempatan namun berkapasiti profesional dan antarabangsa daripada segi keupayaan tawaran perkhidmatan dan produk, kepakaran, sistem pengendalian dan pengurusan serta kemudahan sosial.
4. Ia akan menjadi satu lagi produk Johor dengan jenama dan prestij tersendiri yang akan diangkat dan dibawa ke pentas ekonomi serantau dan antarabangsa sebagai tarikan pelaburan yang menarik dan kompetitif.

5. Zon Antarabangsa ini juga bertujuan merealisasikan salah satu daripada 9 sektor ekonomi yang menjadi fokus Iskandar Malaysia.

Berdasarkan kelima-lima kepentingan strategik ini, Zon Antarabangsa akan memacu satu bentuk pembangunan yang memberi nilai tambah kepada Johor dan Malaysia. Ia akan menjadi satu lagi '*brand*' atau produk Johor yang akan menjadi tumpuan dunia. Yang pasti, ia merangsang bakat terbaik tempatan untuk bekerja di dalam negara namun dalam persekitaran antarabangsa.

Dalam erti kata lain, Zon Antarabangsa adalah sebahagian aspirasi Johor untuk menjadi kuasa ekonomi termaju di Malaysia dan rantau ini. Kita tidak mahu lagi sekadar bersaing dengan pemain-pemain tempatan dan negeri-negeri lain di dalam negara. Kita mahu pergi lebih jauh dan menjadi pemain global. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada 5 Agenda Besar ini, usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi Johor akan turut disokong oleh titik-titik sentuhan yang pelbagai dan menarik. Kesemuanya adalah seperti berikut:

1. Kerancakan aktiviti ekonomi memerlukan sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diperkemas dan menjadi lebih sistematik. Oleh itu proses Persempadanan Semula PBT amatlah perlu. Untuk tujuan ini, 3 PBT, iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah akan disempadankan semula. Persempadanan semula ini berkuatkuasa 1 Januari 2016.

2. Selain itu, pertumbuhan dan pembangunan pesat *Pengerang Intergrated Petroleum Complex* (PIPC) dan kawasan sekitarnya menuntut pengurusan serta pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang cekap dan berkeupayaan. Ini amat penting dalam menguruskan pembangunan kawasan perindustrian mega dengan kehadiran pelbagai pelabur antarabangsa. Pelbagai proses yang melibatkan kelulusan pelan pembangunan sehinggalah pengeluaran lesen perniagaan mesti dilaksanakan dengan cekap dan pantas. Bagi memastikan hal ini dapat direalisasikan, satu PBT khusus bagi Pengerang akan diwujudkan dan Johor Corporation akan dilantik mentadbirnya sehingga suatu masa yang akan diputuskan oleh kerajaan negeri kelak.

   Keputusan ini diharap akan membantu menjayakan pelbagai siri pelaburan yang dijangka bernilai RM18 bilion untuk memajukan industri minyak dan gas di Pengerang melalui Projek Rapid.

3. Pembangunan pesat di Pengerang mestilah memanfaatkan masyarakat perniagaan Bumiputera. Bagi memastikan yang limpahan ekonomi dan pembangunan di Pengerang tidak meminggirkan penyertaan dan kemandirian Bumiputera, Pusat Industri Bumiputera di Pengerang akan dibangunkan oleh PIJ Holding yang terdiri daripada taman perindustrian ringan, sederhana dan berat dengan keluasan 877 ekar.

Pada kesempatan ini juga, kerajaan negeri merakamkan rasa terima kasih kepada kerajaan pusat kerana kelulusan pelbagai projek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Antara beberapa projek besar di bawah RMK-11 yang telah diluluskan dan boleh menjadi ikon kawasan ialah :

1. Pembangunan Landskap Perbandaran Batu Pahat yang berharga yang diperuntukkan RM10.5 juta,
2. Projek Taman Awam Tepian Sungai Muar berjumlah RM11.25 juta,
3. Projek Taman Komuniti Kampung Melayu, Kluang berjumlah RM3 juta, dan
4. Pusat Perkhidmatan dan Transit Pelancong di Pekan Batu 4, Kota Tinggi berjumlah RM10.8 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertumbuhan ekonomi Johor akan terus dipacu oleh pembangunan pelbagai sektor, termasuk industri pembuatan. Johor memang mempunyai sektor pembuatan yang sangat berdaya saing seperti industri perabot. Daerah Muar dan Ledang misalnya, sangat sinonim dengan industri perabot yang cergas dan merupakan penyumbang 54% eksport perabot Malaysia.

Menyedari potensi ini, satu Hab Industri Perabot yang dikenali sebagai Taman Perindustrian Kayu Muar akan dibangunkan di kawasan seluas 985 ekar dengan anggaran kos pembangunan keseluruhan berjumlah RM355 juta. Pembangunan berkonsepkan Kerjasama Awam Swasta ini akan menyaksikan penglibatan cergas Johor Corporation, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Persatuan Perabot Muar. Ia dijangka akan siap dibina dalam tempoh 3 tahun.

Projek ini akan menyusun dan menempatkan semula kilang-kilang perabot yang tidak

berlesen di Muar ke satu taman perindustrian pembuatan perabot yang bersepadu dan terancang. Hasilnya nanti, daerah Muar akan ditransformasikan sebagai "Hab Perabot" yang utama bagi Malaysia dan rantau ini. (Dewan bertepuk).

Sebagai usaha untuk terus menyokong Daerah Muar dan Ledang sebagai pemain utama dalam industri perabot, satu Pusat Pameran Antarabangsa Perabot Ledang juga akan dibina secara penswastaan. Kerajaan persekutuan juga telah bersetuju untuk memberikan RM14.68 juta sebagai dana mudah cara.

Pada Bajet 2015, saya telah mengumumkan bahawa Johor mesti dibangunkan sebagai destinasi persidangan dan pameran bertaraf antarabangsa atau MICE. Ia adalah bidang pertumbuhan yang sangat strategik. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, tahun hadapan kerajaan negeri akan menubuhkan *Johor Convention & Exhibition Bureau* (JCEB).

Selari dengan sasaran Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang ingin meletakkan Mersing sebagai destinasi pelancongan serantau, prasarana pelancongan Mersing akan dibangunkan secara menyeluruh. Susulan peruntukan sebanyak RM174.9 juta di bawah RMK-9 dan RMK-10 sebelum ini, sebanyak 6 projek lagi telah diluluskan di bawah RMK-11 dengan kos keseluruhan sebanyak RM80 juta. Daripada jumlah ini, peruntukan bagi Rolling Plan 1 (RP1) adalah sebanyak RM12.7 juta tahun hadapan iaitu bagi Pembangunan Taman Pemprosesan Ikan Endau-Mersing dan Pembangunan Pelancongan Inap Desa (*homestay*) Mersing.

Selain daripada itu, selari dengan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor, Kerajaan Negeri bersetuju untuk Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan, Johor Bahru dijadikan, antara lain, pusat sehenti pelancongan, pusat penjualan cenderamata, platform pertunjukan berjadual serta pusat mengetengahkan makanan dan busana warisan Johor.

Satu lagi daerah yang mempunyai potensi pelancongan yang besar ialah Kota Tinggi. Ia kaya dengan pelbagai warisan sejarah. Selari dengan Pelan Transformasi Kota Tinggi, ia akan dibangunkan sebagai satu lagi produk pelancongan untuk Johor.

Bersesuaian dengan Program Kembara Wangsa Kota Tinggi yang saya umumkan pada tahun lepas, kawasan tapak sejarah sekitar pinggir Sungai Johor akan dibangunkan. Pembangunan secara berperingkat tersebut akan dimulakan dengan menaik taraf Balai Polis Lama Kota Tinggi menjadi Pusat Informasi Pelancongan dengan kos sebanyak RM2.5 juta.

Bagi menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Taman-taman Negara di Johor pula, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun 2016. Ini merangkumi Taman Negara Tanjung Piai, Taman Negara Gunung Ledang, Taman Negara Endau Rompin (Selai) dan Taman Laut Sultan Iskandar.

Kerajaan Negeri juga akan turut meningkatkan sektor agro-pelancongan, iaitu pelancongan berasaskan pertanian dan inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Sektor pertanian akan terus menjadi sektor penting dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Johor.

Untuk itu, pada tahun 2016, kita akan memperkenalkan beberapa inisiatif baru. Iaitu:

1. Program Pertanian Rakyat dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.
2. Program Galakan Usahawan Tani dengan peruntukan sebanyak RM3 juta.
3. Pemantapan kawalan penyakit dan kesihatan ternakan sebanyak RM1.8 juta.
4. Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Sayuran, Buah-buahan dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan; dan
5. Pembangunan Segamat Sebagai Daerah Industri Asas Tani. Sebagai permulaan, tanah seluas 702 ekar di Tebing Tinggi, Mukim Jementah akan dibangunkan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9 juta. Ia akan melibatkan pembangunan usahawan tani dan projek agrotani dengan kerjasama Johor Corporation. Antara projek-projek pertanian lain yang akan turut dibangunkan ialah Pusat Agro-pelancongan, Pembiakbakaan dan Fidlot Biri-biri (Dorper), Penanaman Lada Hitam, Penanaman Uncaria Gambir, Penanaman Serai Wangi dan Penanaman Buah Tin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KETIGA: MENANGANI PENINGKATAN KOS SARA HIDUP.

Malaysia secara keseluruhannya telah menyaksikan peningkatan kos sara hidup yang pantas dan kerap. Amat sukar bagi sesebuah ekonomi yang dinamik untuk mengelak dari masalah ini kerana dorongan beberapa faktor luar Kerajaan, khususnya Kerajaan Negeri.

Menyedari bahawa peningkatan kos ini memberi kesan kepada rakyat, langkah yang rasional dan pendekatan-pendekatan inovatif mesti diambil bagi berhadapan dengan perkara ini. Tujuannya untuk meringankan beban rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah di negeri Johor.

Lanjutan dari Bajet sebelum ini yang menganjurkan kepentingan kedai runcit harga patut sebagai alternatif untuk berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup, maka suka saya mengumumkan penubuhan 20 rangkaian Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop). Kedai ini akan menawarkan pelbagai barangan pada harga patut dan ahli-ahli koperasi yang terlibat akan menikmati tambahan diskaun kepada harga tersebut iaitu sebanyak 3% secara automatik. Lebih menarik, inisiatif ini menyerlahkan konsep Muafakat Johor, kerana melibatkan penyertaan 60 buah koperasi dengan keahlian seramai 40,000 keahlian. Salah satu daripada koperasi tersebut adalah Koperasi Muafakat Bangsa Johor yang terbuka kepada semua kaum.

Bagi membolehkan mereka yang kurang berkemampuan berupaya menikmati manfaat harga patut serta diskaun tambahan 3% ini, Kerajaan Negeri akan membantu membayarkan saham keahlian kepada 6,500 orang golongan miskin dan berpendapatan rendah dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.3 juta.

Kedai-kedai ini akan dibuka dan mula beroperasi sebelum akhir tahun 2015. Seterusnya, 50 buah lagi Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop) akan dibuka pada tahun 2016, mencakupi kawasan di luar Iskandar Malaysia.

Selain itu, bagi terus menggalakkan penggunaan instrumen koperasi dan konsep muafakat dalam keberdayaan ekonomi, Kerajaan Negeri akan turut memperuntukkan RM300,000.00 bagi penubuhan mana-mana koperasi yang berkonsepkan kepada berbilang kaum di Johor.

Malah, buat julung-julung kalinya kita akan menubuhkan sebuah Koperasi Orang Asli Johor dengan sumbangan dana sebanyak RM200,000.00. Inisiatif '*social entreprise*' ini, diharap akan sedikit demi sedikit membangunkan cara hidup berkeusahawanan dalam kalangan orang asal.

Masalah kesenjangan ekonomi dalam masyarakat adalah masalah serius yang mesti diberikan perhatian. Rata-ratanya masalah ini berpunca daripada kelemahan kebolehsaingan. Bagi membantu mengatasi masalah ini, Program Azam Kerja Muafakat Johor akan diteruskan. Ia bertujuan membangun kapasiti dan menanam daya kebolehsaingan kumpulan sasaran. Penerima manfaat program ini adalah 250 orang dalam kategori 40 Terbawah (B40) dan melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Untuk terus memastikan sasaran kadar kemiskinan sifar tercapai, pelbagai program pembasmian kemiskinan dengan peruntukan sejumlah RM8.5 juta juga akan dilaksanakan. Program ini meliputi, antara lain, Program Usaha Meningkatkan Pendapatan 40 Terbawah (B40), Program Transformasi Minda Insan dan Pembangunan Modal Insan.

Bagi memastikan manfaat pembangunan di Pengerang dirasai penduduknya, Kerajaan Negeri akan menyalurkan sebanyak RM500,000.00 kepada Yayasan Pengerang. Peruntukan ini akan menggunakan dana hasil Tabung Sosial Pengerang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Semoga melalui sumbangan kepada yayasan ini, pelbagai aktiviti sosio-ekonomi yang bermanfaat kepada penduduk Pengerang dapat digiatkan.

Sebagai langkah intervensi dalam berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup, bantuan makanan sihat kepada 10,000 pelajar anak golongan miskin di Sekolah Rendah Agama Johor yang dijalankan sebelum ini akan diteruskan. Kali ini, pembiayaan bantuan tersebut adalah berjumlah RM4 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Manakala bagi meringankan beban dan kos sara hidup yang dihadapi golongan nelayan yang terjejas kerana pelbagai aktiviti pembangunan dan penambakan di Selatan Johor, Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan kewangan kepada 1,800 orang nelayan berdaftar dan layak. Pada tahun ini, jumlah yang diberikan ialah RM1,000.00 seorang. Namun untuk tahun hadapan, bantuan ini akan digandakan 100% dengan pemberian sebanyak RM2,000.00 seorang kepada setiap nelayan yang terlibat.

Sejajar dengan matlamat memperkukuhkan inklusiviti dan menangani isu peningkatan kos sara hidup di bandar, program Pertanian Kota atau *Urban Farming* di Iskandar Malaysia akan diperkenalkan. 4 kawasan iaitu Johor Bahru, Kulai, Pasir Gudang dan Tebrau telah dikenal pasti untuk menjayakan Program Pertanian Kota ini.

Dan bagi membantu menjayakan program ini, sebuah entiti pembimbing yang dinamakan *Urban Farming Development Centre* (UFDC) akan diwujudkan oleh IRDA untuk memberi panduan, galakan dan sokongan kepada mereka yang terlibat. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan IRDA untuk menjayakan program ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, biar apa pun alasan dan halangan, kemiskinan, peningkatan kos sara hidup dan apa-apa sahaja desakan hidup, pentadbiran saya tidak akan membiarkan mana-mana anak Johor tercicir dalam pendidikan mereka. Pendidikan adalah hak asasi dan tanggungjawab ini mesti dilunaskan oleh Kerajaan dengan sebaiknya.

Bagi menggalakkan pelajar dari keluarga miskin terus cemerlang dalam pendidikan, insentif Biasiswa Kenangan Dato' Onn akan diteruskan di Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia, setakat ini, YPJ sedang membiayai seramai 1,028 orang pelajar pelbagai kaum. Mereka terdiri daripada 862 orang pelajar Melayu, 113 pelajar Cina dan 53 orang pelajar India dengan peruntukan berjumlah RM750,000.00.

Bagi tahun 2016 pula, YPJ akan meneruskan insentif pendidikan ini dengan peruntukan tambahan sebanyak RM240,000.00 lagi. Ini akan membiayai seramai 400 orang lagi pelajar baharu berbilang kaum yang miskin dan menjadikan peruntukan keseluruhan untuk Biasiswa Kenangan Dato' Onn bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM990,000.00.

Seterusnya bagi meringankan beban keluarga untuk membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka, peruntukan Skim Bantuan Pendaftaran Ke IPTA kepada anak Johor daripada keluarga berpendapatan maksimum RM4,000.00, ditambah daripada RM1 juta pada tahun 2015 kepada RM1.5 juta pada tahun hadapan. Skim ini mensasarkan seramai 3,000 orang mahasiswa baru.

Kita harap, melalui segala inisiatif pelbagai bentuk ini, akan sedikit sebanyak membantu meringankan kos sara hidup penerima yang selayaknya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KEEMPAT: MERANCAKKAN KEUSAHAWANAN JOHOR BERASASKAN INOVASI DAN PENGETAHUAN.

Rakyat Johor harus menjadi sebuah masyarakat yang mandiri, yang berdaya saing dan boleh membangunkan potensi diri serta memanfaatkan segala peluang yang tersedia. Sifat dan budaya keusahawanan mesti menjadi nilai masyarakat kita.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk mengarusperdanakan agenda keusahawanan ini atau apa yang saya panggil Keusahawanan Johor. Sasaran kita adalah memastikan lebih banyak perniagaan dapat diwujudkan. Sekali gus lebih

banyak kehidupan menjadi lebih baik dan lebih ramai rakyat kita yang bekerja sendiri dan tidak mengharapkan pihak Kerajaan.

Bagi mencapai hasrat ini, satu program Bantuan Bertapak Usahawan ataupun B.A.N.T.U akan dilaksanakan. Ia melibatkan sebanyak 267 lot komersial EDC-SSI dan akan memanfaatkan 500 orang usahawan.

Sebanyak RM1.85 juta peruntukan juga akan disalurkan dalam Program Usahawan Asnaf dengan kerjasama *Entrepreneur Development Centre* (EDC) dengan izin. Melalui program ini, yang mendapat, yang diwujudkan secara kerjasama dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Perkara-perkara berikut akan dilakukan;

1. Bazar Usahawan Asnaf Zakat di setiap daerah di Johor akan dibangunkan menjelang akhir 2016. Setakat ini bazar tersebut telah dibuka di PPR Sri Stulang, Johor Bahru.

2. Bantuan strategi pemasaran produk dan perkhidmatan, suntikan modal permulaan dan latihan keusahawanan.

3. Mewujudkan sebuah Asnaf Mart Negeri Johor.

Bagi menggalakkan penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan berasaskan teknologi, Program Bio-SME yang dilancarkan pada 2014 akan diteruskan. Ia akan menjadi platform bagi syarikat–syarikat Bio-SME mendapat bimbingan melalui latihan khusus mendepani masalah seperti pengurusan risiko, akses pasaran dan pembiayaan bagi perniagaan berasaskan bioteknologi.

Untuk mencergaskan industri, satu Hab Bio Halal akan dibangunkan. Kerjasama strategik ini melibatkan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan JBiotech. Inisiatif komprehensif pertama seumpamanya di Malaysia ini akan melibatkan 2 tindakan utama:

1. Pembangunan satu *Roadmap,* dengan izin, yang akan menggariskan penyediaan komponen ekonomi dan teknologi yang bersesuaian seperti infrastruktur, proses permohonan sijil halal dan keperluan lain bagi menjayakan Hab Bio Halal ini;

2. Penubuhan Makmal Halal bagi menyokong bermacam-macam keperluan oleh pelbagai industri di Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Bagi merancakkan lagi aktiviti keusahawanan di negeri Johor, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi merealisasikan 3 inisiatif besar berikut:

1. Program Jejak Mini PKS di bawah Pusat Pembangunan Usahawan Johor dengan sasaran menemukan 130 usahawan dengan pelbagai agensi yang mencakupi 26 Parlimen.
2. 4 pakej rangsangan dalam mempromosi produk usahawan Johor, promosi Video

Usahawan, memperkenalkan Buku Direktori Usahawan Negeri Johor, mengiktiraf usahawan negeri melalui Anugerah Usahawan Johor; dan memperkenal slot Kad Bisnes di setiap daerah; dan

3. Program Pembangunan Usahawan Kemahiran dengan sasaran melahirkan 1,200 orang usahawan generasi baharu yang berkemahiran tinggi. Program ini akan diselaras dan dikendalikan oleh EDC dan akan melibatkan institut dan kolej kemahiran di negeri Johor.

Program Bantuan Usahawan Belia Islam di bawah PIJ pula akan diterus dan dipertingkatkan. Kali ini, dengan peruntukan sebanyak RM2.25 juta. Sasaran penerima adalah seramai 1,812 usahawan, iaitu peningkatan sebanyak 18% dan melibatkan 4 skim iaitu:

1. Usahawan Belia
2. Penjaja Kecil
3. *Youth Collective*, dan
4. Tajaan Belia

Bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS), sebanyak RM2 juta akan diberikan di bawah Tabung Industri Kecil dan Sederhana. Dana ini bertujuan memperluas promosi dan pemasaran produk-produk IKS Johor sehingga ke peringkat antarabangsa. Malah, ia akan turut menyediakan bantuan modal dan barangan kepada usahawan IKS yang layak.

Pekan Rabu, Johor Bahru pula akan dijenamakan semula sebagai Hab Perniagaan Belia serta menawarkan kemudahan ruang perniagaan kepada usahawan belia. Konsep seumpama ini telah dilaksanakan di Bangunan EDC, Bandar Baru Uda.
Selain itu pembangunan 3 Inkubator Usahawan yang setiap satunya menelan kos RM1.5 juta akan dilaksanakan dengan sasaran mewujudkan 94 unit pejabat kecil oleh PIJ di 3 lokasi iaitu:

1. Di Stulang Baru iaitu sebanyak 34 unit.
2. Di Pasir Gudang sebanyak 30 unit, dan
3. Di Pengerang sebanyak 30 unit.

Bagi mengupayakan usahawan Bumiputera, pelbagai aktiviti perniagaan yang dijana oleh Koridor Utiliti Johor Sdn Bhd (KUJSB) akan digiatkan dengan sasaran melahirkan seramai 30 syarikat dan usahawan berpotensi.

Sebagai membantu kebingkasan ekonomi luar bandar, terutamanya di kawasan pesat membangun seperti Pengerang dan Desaru, 1 program latihan kemahiran dan keusahawanan kepada penduduk dan usahawan tempatan di sana akan dikendalikan oleh KEJORA dengan peruntukan sebanyak RM8 juta.

Selain inisiatif dalam bentuk peruntukan dana dan penyediaan program-program latihan, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti dan akan mempertimbangkan sebanyak 21 lot tanah dengan jumlah keluasan kira-kira 97 ekar untuk dipajak dan dimajukan oleh pelbagai usahawan dan koperasi di Johor. Inisiatif ini melibatkan

kerjasama strategik antara PDT dan EDC.

Bagi mewujudkan prasarana perniagaan yang sesuai dengan keadaan dan lingkungan semasa, Kerajaan Negeri akan menaiktaraf gerai-gerai dan pasar awam agar lebih mesra pengunjung, bersih, harmoni dan sistematik. Penaiktarafan ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM36 juta yang merangkumi, antaranya:

1. Projek menaiktaraf Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dengan kos RM1.2 juta.
2. Projek menaiktaraf gerai dan medan selera di Mutiara Rini dengan kos RM2 juta.
3. Projek menaiktaraf gerai dan pasar awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kos RM5.4 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KELIMA: MENGANGKAT AGENDA JOHOR LESTARI.

Dalam agenda pembangunan Johor yang berdaya saing, membelakangkan alam sekitar bukan satu pilihan. Setiap dasar, agenda dan projek di Johor mesti harmoni dengan kepentingan alam sekitar.

Sumber air dan laut, hasil bumi, bekalan udara yang bersih serta persekitaran yang hijau dan damai sangat penting kepada Johor yang berkesejahteraan. Kesemuanya adalah simfoni alam yang amat berguna pada kita. Tanpanya, mana mungkin hidup kita boleh berfungsi dengan normal.

Ambil sahaja pengajaran dari fenomena jerebu yang kita hadapi baru-baru ini. Kita dihukum teruk oleh alam. Ia menggugat produktiviti, merugikan perniagaan, memudaratkan kesihatan, membantut rutin harian, mengganggu proses persekolahan malah menekan emosi dan jiwa kita.

Sasterawan Negara kelahiran Kuala Sedili, Johor, Allahyarham Dato' Dr. Usman Awang di dalam karyanya, *Surat Masyarakat Burung Kepada Dato Bandar*, pernah menempelak dan menegur sinis pihak pemerintah. Betapa hari ini kita dilihat terlalu ghairah mementingkan pembangunan fizikal sehingga mengabaikan nasib alam sekitar. Sedangkan, semua perniagaan masa hadapan adalah berorientasikan kelestarian. Malah dalam RMK-11 sendiri, pertumbuhan ekonomi hijau menjadi salah satu dari enam teras strategik bagi memacu perubahan ekonomi Malaysia.

Maka, amat penting untuk kita memastikan yang kepesatan pembangunan fizikal dan hutan konkrit tidak sama sekali mengabaikan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli. Baik untuk kegunaan masa kini mahupun survival generasi masa hadapan seperti yang disarankan dalam Suruhanjaya Brundtland.

Masanya telah tiba untuk kita memastikan pertumbuhan ekonomi kita mengambil kira kos perubahan iklim, pemanasan global, kualiti alam sekitar dan kesusutan sumber asli negeri.

Kita semua adalah sebahagian dari kelestarian ini dan harus berkongsi tanggungjawab secara bersama - kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sivil, rakyat tempatan mahupun

masyarakat antarabangsa.

Oleh itu, pada tahun 2016, dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta, kita akan melancarkan satu Agenda Besar alam sekitar yang mapan iaitu Dasar Kelestarian Johor. Penggubalan dasar komprehensif ini akan memberi hala tuju yang jelas, bagaimana kita harus mengurus sumber asli dengan cekap, serta memberikan pencerahan tentang pelaburan yang mesti kita lakukan bagi menyokong agenda kelestarian. Kata orang, sediakan payung sebelum hujan. Jangan sampai nanti sudah terhantuk, baru terngadah.

Untuk makluman Dewan, penggubalan Dasar Kelestarian Johor ini disasarkan siap dalam masa 6 bulan dari sekarang. Pada waktu yang sama, komitmen kita terhadap kelestarian bukan sekadar pada kerangka dasar. Kita akan menggerakkannya melalui Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang telah ditubuhkan bagi merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang relevan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM100 ribu akan diperuntukkan.

Lebih spesifik, kita akan melakukan Pelaksanaan Pelan *Low Carbon Society,* dengan izin, yang meliputi Program Pembinaan Kapasiti, Program Pemantauan Karbon dan Program Komuniti Hijau di bawah 5 PBT dalam kawasan Iskandar Malaysia.

Kelestarian Johor juga menuntut agar segala sumber biodiversiti kita dipertahan dan dipulihara dengan giat. Untuk itu, satu Pusat Santuari Gajah Johor dengan kos RM15 juta akan turut dibina. Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 ribu pada tahun hadapan, pusat ini akan memberi fokus kepada keperluan program pemuliharaan habitat alam sekitar serta pelaksanaan pendekatan, pengekalan kelestarian hidupan liar terutamanya gajah.

Bagi menjaga kepentingan hidupan marin istimewa pula, Pelan Pengurusan Dugong Laut dan Tapak Santuari Dugong akan diberikan perhatian. Inisiatif memelihara biodiversiti Johor ini akan diberikan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Selari dengan aspirasi memelihara alam sekitar sebagai tanggungjawab kolektif, satu Tabung Amanah Hidupan Liar Terperangkap Negeri Johor akan diwujudkan. Tabung ini berfungsi menyokong segala usaha pemuliharaan hidupan liar. Dananya akan di kumpul dengan cara mengenakan caj RM1 bagi setiap ekar kepada 87 buah syarikat perladangan yang beroperasi di kawasan seluas 701,046 ekar.

Di samping itu, Kerajaan Negeri akan meningkatkan 150% kadar wang sumbangan perparitan oleh pemaju iaitu sebanyak RM10 ribu setiap ekar di kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dan RM5 ribu setiap ekar di kawasan Majlis Daerah. Sumbangan itu bertujuan membiayai penyelenggaraan sistem saliran bagi pembangunan dalam kawasan tadahan, menaiktaraf sistem saliran, projek kejuruteraan sungai, projek tebatan banjir dan kerja-kerja berkaitan.

Di samping itu, satu pelan tindakan banjir dengan peruntukan RM1 juta akan turut diwujudkan bagi tujuan mengenal pasti kawasan banjir kilat di seluruh negeri Johor serta merangka penyelesaian jangka masa pendek dan panjang untuk menanganinya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KEENAM: MENERUSKAN AGENDA PENDIDIKAN BERKUALITI DAN PEMBANGUNAN SWADAYA INSAN

Kita tidak akan mampu memberikan masyarakat kita ikan selama-lamanya. Kita harus mengajar mereka cara memancing, dan memancing di tempat yang betul.

Justeru, bagi memastikan Johor dan masyarakatnya lebih berdaya saing, pelaburan yang berterusan dalam membangunkan potensi dan bakat mesti dilipat gandakan. Khususnya dengan membuka ruang agar bidang kemahiran menjadi alternatif yang baik dan setanding dengan laluan akademik.

Sebab itulah, semasa menerajui Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini, antara dasar yang dekat di hati saya ialah menjadikan pendidikan teknikal dan kemahiran diiktiraf sama penting dengan pendidikan berorientasikan akademik.

Kerana saya memahami dengan sedalam-dalamnya, bahawa semua kita mempunyai bakat dan potensi yang berbeza. Tidak semua orang ulat buku. Tidak semua orang suka persekitaran dalam kelas dan perpustakaan. Tidak semua orang minat dengan peperiksaan bertulis yang berasaskan kertas dan markah.

Kepada mereka yang tidak boleh pergi jauh dalam bidang akademik, pasti ada kebolehan lain dalam diri mereka yang dapat membantu mereka menjadi berdaya saing dan mandiri. Mereka ini sebenarnya tidak sedikit pun kekurangan atau terkebelakang daripada aspek kemampuan dan bakat.

Antara projek utama yang telah saya lancarkan sebelum ini ialah penubuhan *Johor Skill Hub*. Agar tersedia alternatif untuk pendidikan kemahiran tinggi buat mereka yang mempunyai kelainan kebolehan.

Namun, menyediakan prasarana yang baik sahaja jauh dari memadai. Akses kepada program-program kemahiran memerlukan pembiayaan. Dan ketiadaan pembiayaan inilah yang seringkali menjadi halangan dan mematikan semangat anak-anak kita yang kurang berkemampuan, namun amat berbakat.

Justeru, di bawah Teras Keenam dan terakhir ini, Agenda Besar yang akan kita angkat adalah melahirkan warga Johor Berkemahiran. Untuk itu, saya dengan sukacitanya mengumumkan 2 inisiatif utama:

1. Kita akan merangka Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Johor atau *Johor Skill Masterplan,* dengan izin.
2. Penubuhan Tabung Latihan Kemahiran Johor.

Sebagai pelengkap kepada pelbagai program kemahiran yang tersedia dalam pasaran, kita mesti turut hadir dengan satu skim pembiayaan yang bersesuaian agar segala program yang bermanfaat tersebut boleh direbut dan diikuti oleh anak-anak muda Johor tanpa mengira latar belakang ekonomi mereka.

Justeru, Tabung Latihan Kemahiran Johor ini akan menampung sebahagian pembiayaan kepada pelbagai kursus kemahiran, khususnya kepada peserta-peserta kursus kemahiran yang telah memperolehi pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Pusat iaitu PTPK.

Di bawah tabung ini nanti, geran bernilai RM2,000.00 seorang akan disalurkan kepada 4,500 calon yang layak dengan syarat mereka perlu mengikuti kursus tersebut di institusi-institusi dalam Negeri Johor.

Maka pada kesempatan ini, saya berbesar hati mengumumkan Tabung Latihan Kemahiran Johor ini akan menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM10 juta.

Bagi memastikan segala inisiatif pembangunan swadaya insan di Johor ini berjalan lancar, memberikan impak yang optimum serta bergerak selari dengan kehendak pasaran semasa, kita juga akan menubuhkan sebuah Unit Swadaya Insan Negeri Johor.

Unit ini akan berfungsi sebagai Pusat Sehenti (OSC) atau pusat maklumat, yang menguruskan penyelarasan rancangan, pelaksanaan inisiatif serta memberikan tumpuan kepada isu penawaran dan permintaan sumber manusia di Negeri Johor termasuklah menjadi perantara agensi kerajaan dengan sektor swasta dan pihak pelabur.

Selari dengan aspirasi pembangunan swadaya insan yang berterusan, Program Kembara Kerjaya yang telah dimulakan dahulu akan diteruskan untuk tahun ke-3. Kali ini, dengan peruntukan RM200,000.00, ia akan diadakan di daerah-daerah terpilih dengan tujuan memberi maklumat pembangunan dan peluang-peluang kerjaya di Negeri Johor.

Bagi pembiayaan pendidikan pula, pinjaman pendidikan YPJ akan ditambah peruntukannya menjadi RM3 juta dan akan memberi manfaat kepada 500 mahasiswa baharu.

Kepada yang sudah menamatkan pengajian pula, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan rebat 20% bagi pelangsaian pinjaman pendidikan YPJ secara penuh. Pemberian rebat ini melibatkan kos sebanyak RM1.5 juta.

Selain memberikan pinjaman dan potongan bayaran balik pembiayaan pendidikan, YPJ juga akan menjalankan program intervensi pendidikan bagi pelajar tingkatan 5 dengan menyediakan program Tuisyen YPJ untuk subjek Sains dan Matematik Tambahan. Bantuan bersasar ini melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM1.2 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setelah melalui beberapa proses kelulusan dan pembinaan, saya berbesar hati memaklumkan pembukaan Kampus Induk Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi yang berharga RM120 juta. Kampus ini akan mula beroperasi pada awal 2016 dan Fasa Pertama kemasukannya akan menempatkan seramai 2,500 orang mahasiswa.

Bagi mengelakkan masa cuti terbuang tanpa manfaat, YPJ akan mengadakan program Kepimpinan Generasi Ta'zim dengan jumlah peruntukan sebanyak RM400,000.00. *Summer Camp* ini, dengan izin menyasarkan 2 objektif utama iaitu:

1. Mengasah bakat kepimpinan mahasiswa dan mendekatkan mereka dengan sejarah kepimpinan tokoh-tokoh Johor; dan
2. Memberi pendedahan kepada peserta tentang dasar semasa serta inisiatif pentadbiran Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Dewan, sejak Mac tahun ini, program *Bio-Talent Johor* telah dijalankan. Melihat kepada reaksi positif dan kepentingan program pendedahan untuk meningkatkan kebolehpasaran dalam industri bioteknologi, program *Bio-Talent Johor* ini akan diteruskan pada tahun hadapan. Ia disasarkan untuk melatih 2,000 orang pelajar, graduan, belia dan lepasan sekolah di 20 buah syarikat. Program ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM607,000.00.

Kita sering mendengar ungkapan bahawa jika ingin melihat nasib dan masa depan sesuatu bangsa, maka lihatlah keadaan belianya hari ini. Berbekalkan kepercayaan bahawa belia adalah aset masa hadapan kita, Kerajaan Negeri akan meneruskan Skim Bantuan Belia dengan peruntukan sebanyak RM4.3 juta.

Selain untuk kegunaan pelbagai aktiviti belia, skim ini bertujuan membantu melancarkan segala urusan pengurusan persatuan dan pergerakan belia dan boleh dipohon melalui Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan Perbadanan Islam Johor mengikut fokus jabatan terbabit.

Tan Sri Speaker, saya yakin pasti masih segar di ingatan kita semua akan kejayaan bersejarah pasukan JDT menjuarai Piala AFC di Dushanbe, Tajikistan baru-baru ini. (Dewan bertepuk). Tahniah kita ucapkan kepada Pasukan JDT. Bagi meneruskan momentum kejayaan tersebut, satu program pembangunan bola sepak belia akan dilaksanakan di peringkat akar umbi dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Ia akan dibiayai secara bersama oleh Majlis Sukan Negeri Johor sebanyak RM1.5 juta dan KPRJ sebanyak RM1 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bercakap tentang pendidikan dan kemahiran swadaya insan, pentadbiran saya percaya, selaku pemimpin, kita juga menggalas amanah membentuk masyarakat yang berminat untuk mendekati agama dan budaya mereka.

Lambat laun, kekayaan kita akan susut, pangkat dan kedudukan akan terpaksa kita dilepaskan, ilmu dan pencapaian kita akan diatasi, kebaikan kita akan dilupakan. Ini semua lumrah hidup. Namun, pegangan agama dan akar budaya tidak akan pernah boleh kita biar luntur, rapuh dan dilupakan.

Atas hakikat inilah, Kerajaan Negeri mengambil kesempatan untuk menyuburkan kehidupan beragama dan berbudaya sebagai agenda besar yang berikutnya di bawah Teras Keenam ini.

Sama ada di peringkat pendidikan awal, penerokaan ilmu di tahap yang lebih tinggi, pelaksanaan amalan ibadah yang lebih selesa, kajian dan penyelidikan khazanah agama yang lebih rancak sehinggalah kepada usaha menjernihkan persepsi songsang dan tanggapan negatif kepada agama, kita akan memastikan kehidupan beragama diberikan kebebasan dan perlindungan yang sewajarnya.

Melalui pendekatan pendidikan agama misalnya, terdapat 5 inisiatif utama yang akan kita lakukan, iaitu:

Pertama:
Transformasi Sekolah Agama melalui Program Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Teknologi Digital yang akan mengetengahkan pendekatan Pengajaran & Pembelajaran ataupun P&P berasaskan teknologi maklumat. Sebagai permulaan, projek ini akan dimulakan dengan 2 buah sekolah rendah agama dan 2 buah sekolah menengah agama yang masing-masing akan melibatkan 155 orang pelajar dan 160 orang pelajar di sekolah-sekolah tersebut. Transformasi ini akan melibatkan peruntukan awal bagi 2016 sebanyak RM5.5 juta.

Kedua:
Pembinaan 77 buah Sekolah Agama terbengkalai yang akan diambil alih oleh KPRJ. Pengambilalihan yang melibatkan 4 fasa ini akan disiapkan secara berperingkat menjelang 2017. Dengan peruntukan sebanyak RM168 juta, sasaran kita adalah untuk menyiapkan 40 buah sekolah terlebih dahulu menjelang Disember 2016. Manakala, baki 37 lagi disasarkan untuk disiapkan menjelang Jun 2017.

Ketiga:
Meneruskan pemberian sumbangan RM5,000.00 kepada Badan Kebajikan di 564 Sekolah Agama Johor bagi tujuan menampung kos pengurusan dan pentadbiran sekolah yang akan melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM2.82 juta.

Keempat:
Memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi tujuan penyelenggaraan Sekolah-Sekolah Agama Gred A iaitu yang mempunyai pelajar melebihi 1,100 orang; dan

Kelima:
Menaikkan elaun bulanan kepada RM1,312 dan meneruskan pemberian imbuhan tahunan kepada 1,850 guru KAFA di seluruh Johor. Malah, setiap kali Kerajaan mengumumkan pemberian bonus, golongan guru KAFA juga tidak terkecuali menerimanya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, biar mati anak, jangan mati adat. Dalam aspek seni dan budaya pula, Pentas Teater Karya Johor yang dimulakan pada tahun ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan pemberian peruntukan sebanyak RM180,000.00.

Melalui inisiatif ini, aktivis seni di saran mengemukakan cadangan persembahan yang melibatkan persembahan pentas kepada sekretariat karya melalui Majlis Kebudayaan Negeri Johor untuk dinilai. Bagi karya yang diterima, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan dana dan sokongan teknikal bagi tujuan pelaksanaan dan pementasannya.

Sebagai acara tahunan memartabatkan seni budaya warisan negeri Johor, Yayasan Warisan Johor akan mengadakan Festival Seni Muafakat Johor yang terdiri daripada pelbagai aktiviti kebudayaan dan warisan seperti pertandingan kompang, zapin, tarian tradisi Cina dan tarian tradisi India. Dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00, pelaksanaan festival seni ini akan dimulakan di peringkat DUN, daerah dan kemuncaknya dilaksanakan secara besar-besaran di peringkat negeri dengan sasaran penyertaan dari semua kaum.

Siapa tahu, melaluinya, suatu hari nanti kita berpeluang menganjurkan pula acara yang lebih besar seperti Festival Ghazal Sedunia. Atau terbitnya kerjasama-kerjasama yang lebih kreatif dan spesifik seperti penubuhan Orkestra Klasik Anak Johor dengan kerjasama Sekolah Seni Johor.

Saya juga ingin menyarankan agar Yayasan Warisan Johor mengambil inisiatif untuk menyediakan pelan hala tuju dan kajian kesesuaian ke arah menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, demikianlah perancangan pembangunan dan pengurusan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2016. Inilah Agenda Johor yang Inklusif, Lestari dan Sejahtera.

Agenda Johor pada tahun 2016 mendatang ini nyata lebih inovatif dan terancang.

Ini kerana, bagi mengelakkan kita sekadar meluluskan pelbagai projek pembangunan dan pembinaan kapasiti tanpa perancangan yang teliti dan strategik, kita kini mengambil langkah progresif dengan memeta terlebih dahulu pelbagai pelan induk yang khusus agar segala agenda pembangunan menjadi inklusif, lestari dan mensejahterakan semua Bangsa Johor.

Malah penggunaan instrumen baharu seperti waqaf diharap dapat memberi nilai tambah yang memberangsangkan kepada kerancakan ekonomi dan ikhtiar kebajikan kita. Sekali gus menjadi katalis ke arah melonjakkan Johor sebagai ekonomi termaju negara.
Saya menyeru seluruh Ahli Yang Berhormat serta warga Johor untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri menerima baik cadangan ini dan bersama-sama berusaha keras merealisasikannya.

Akhir sekali, dengan penuh rasa rendah diri, saya dengan ini mohon membentangkan Bajet 2016 dengan tema Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor. Semoga semua ini dipermudahkan dan mendapat keberkatan Allah SWT Saya mohon mencadangkan. (Dewan bertepuk).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih dan tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2016.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum persidangan ini saya tangguhkan, sukacita Dewan ini merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari Ahad, 22 November 2015. Semoga Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan semoga Negeri Johor Darul Ta'zim akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Isnin, 23 November 2015 jam 9.30 pagi di mana perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 akan dimulakan.

Dengan sukacita dan dengan hormatnya mempersilakan semua hadirin menikmati jamuan makan tengah hari di Dewan Jamuan. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan jam 11:30 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	**ISNIN, 23 NOVEMBER 2015**	**BIL. 10 TAHUN 13**

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersyukur kita semalam kita baru sahaja bersama-sama menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT kita berdoa Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus sihat walafiat dan dipanjangkan usia.

Sesuatu yang sangat berharga Titah Ucapan Tuanku pada hari semalam ialah apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah berharap rakyat Bangsa Johor bersatu padu mudah-mudahan Titah Ucapan Duli Yang Mulia Tuanku itu akan menjadi pegangan kita bersama, insya-Allah. Hari ini, kita akan mula membahaskan ucapan bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari pertama Persidangan kita hari Khamis, 19 November yang lalu. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas ucapan yang penuh dengan berbagai-bagai kebaikan untuk rakyat dan negeri Johor. Kita akan mula membahaskan selepas kita soal lisan pada pagi ini dengan ucapan oleh pencadang usul yang dibenarkan berucap antara 45 minit, 1 jam lah dan penyokongnya ialah antara 30 minit, 45 minit begitulah lebih kurang. Dan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain akan dibenarkan membahaskan lebih kurang 20 minit lah, kalau ada masa lah. Jadi, mudah-mudahan kita akan dapat terus menjalankan tugas kita ikut agenda pada hari ini. Jemput.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker , soalan nombor 1.

Sila nyatakan bilangan PDK di Negeri Johor mengikut daerah dan berapa ramaikah pelatih di setiap daerah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Paloh, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Paloh dan Ahli Dewan sekalian, bahawa jumlah PDK yang direkodkan di Negeri Johor adalah berjumlah 69 buah. Manakala jumlah pelatih yang didaftarkan adalah berjumlah seramai 2,457 orang, di mana 75.9% ataupun 1,865 pelatih adalah pelatih di PDK dan bakinya iaitu 24.1% atau 592 pelatih adalah pelatih di rumah.

Manakala mengikut daerah:- Daerah Johor Bahru, bilangan PDKnya adalah 8, pelatih di PDK 336 manakala di rumah 48. Bagi Daerah Batu Pahat, bilangan PDK 9, pelatih di PDK 170 manakala di rumah adalah 72. Bagi Daerah Muar, bilangan PDK 9 pelatih di PDK 222 dan di rumah 75. Segamat, bilangan PDKnya adalah 10, di PDK 195 manakala di rumah 49. Manakala Daerah Kluang, bilangan PDK adalah sebanyak 11, pelatih di PDK 206, di rumah adalah 54. Bagi Daerah Kota Tinggi, bilangan PDK 9, di PDK 309 dan di rumah 138. Daerah Pontian, bilangan PDK 4, PDK ataupun pelatih di PDK 132 dan di rumah 61. Daerah Mersing, PDKnya adalah 5, pelatih di PDK 128 dan di rumah 44. Di Ledang, PDK 3, pelatih di PDK 128 dan di rumah 49. Manakala di Kulai, bilangan PDKnya hanya 1 dengan jumlah pelatih di PDK 39 orang dan di rumah 2 orang. Jadi, jumlah keseluruhannya adalah 2,457.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Paloh. Apa teragak-agak bangun ajelah.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Soalan tambahan saya, ya. Kehadiran pelatih di sesetengah PDK kurang memuaskan. Adakah ini disebabkan oleh latihan yang disampaikan di PDK kurang meyakinkan ibu bapa ataupun ada faktor-faktor lain yang menyebabkan perkara ini berlaku? Dan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh JKM untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Paloh. Sebenarnya, dari segi pelatih-pelatih, kehadiran pelatih yang berkurangan. Sebenarnya, sesuatu tindakan harus dibuat bersama dengan Jawatankuasa serta ibu bapa untuk kita memberikan penerangan selengkapnya ataupun sejelas-jelasnya mengenai dengan aktiviti-aktiviti atau program yang dijalankan di PDK. Kerana kalau dari segi petugas-petugas PDK, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita telah pun memberikan kursus asas kepada petugas PDK dan kursus lanjutan juga kepada petugas PDK begitu juga dengan penyelia-penyelia. Dan setiap tahun, beberapa siri kursus kita berikan dengan latihan dan sebagainya untuk menambah baik dari segi pembelajaran kepada anak-anak kita ataupun pelatih-pelatih di PDK. Soal ketidakhadiran itu rasa saya itu tanggungjawab daripada Jawatankuasa untuk memastikan pelatih-pelatih tersebut berada di kelas-kelas ataupun di PDK. Kerana apa juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setiap pelatih telah pun kita berikan ya bantuan sebanyak RM150.00 seorang dan itulah tujuannya dari segi pengangkutan dan sebagainya termasuk di dalam bantuan yang telah diberikan pada setiap bulan.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan kenaziran. Kadang-kadang Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun guru-guru, petugas-petugas ini diberi latihan asas tetapi kadang-kadang kemahiran, pengajaran mereka ini adalah tak selaras dengan pengajaran di tempat-tempat lain, mungkin itu kerana mereka tak berminat. Jadi, soalan saya, ada tak pihak kerajaan negeri menyediakan macam sekolah-sekolah biasa ada Nazir yang pergi melawat guru-guru yang mengajar ni? Jadi, tujuan kenaziran ini ada tak dilibatkan bagi PDK? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Sebenarnya memang ada, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kita mempunyai lawatan ataupun kenaziran di setiap PDK yang kita buat mengikut giliran kepada PDK-PDK di seluruh negeri Johor ini mengikut daerah-daerah. Dan, bagi tahun 2015, telah pun kita laksanakan naziran ke PDK-PDK ini.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya, soalan nombor 2.

Adakah Kerajaan Negeri Johor berancang untuk mengiktiraf Peperiksaan Bersama Sekolah-Sekolah Persendirian Cina?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, buat masa ini belum ada cadangan untuk kerajaan negeri mengiktiraf Peperiksaan Bersama Sekolah-Sekolah Persendirian Cina.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jawapan itu memang terlalu ringkas. Bahawa, sebenarnya kerajaan kena sentiasa membuat kajian terhadap, satu isu sebenarnya yang lama, yang telah dibangkit oleh Ketua Menteri Sarawak dan juga Sabah, ada PBS Sabah dan juga satu isu saya rasa, kita Kerajaan Negeri Johor dan juga warga negeri Johor sepatutnya mengambil perhatian, sebab kita kehilangan profesional-profesional yang berbakat kepada Singapura, Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju. Mereka yang berkelayakan UEC atau Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Cina, Sekolah Persendirian Menengah Cina telah diterima oleh Amerika Syarikat, Britain, Australia, Singapura dan juga sampai Indonesia dan negeri China, Taiwan dan sebagainya, sebagai satu kelayakan untuk memasuki universiti setaraf dengan GC A Level dan juga STPM. Dan, masalah yang dibangkit oleh bekas Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin bahawa sesiapa, sebenarnya kerajaan tidak mengiktiraf, Kerajaan Persekutuan tidak mengiktiraf UEC ada sebabnya mereka tidak mengetahui bagaimana *standard* Bahasa Malaysia, di Ujian Bahasa Malaysia dijalankan oleh Ton Chong.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita telah ambil inisiatif dulu UEC pun tidak diiktiraf oleh negeri China mereka mempersoalkan *standard* Bahasa Mandarin oleh dijalankan oleh UEC. Tetapi selepas 20 tahun, 30 tahun, mereka cuba menyelaraskan *standard* keputusan UEC dengan *standar*d yang dipanggil dengan izinnya (Berbahasa Cina) di negeri China, iaitu satu ujian untuk Bahasa Mandarin. Barulah mereka terima standard itu Bahasa Mandarin, ujian bahasa ini di*conduct*, dijalankan oleh UEC setaraf dengan (Berbahasa Cina) dengan izinnya, di negeri China. Dan juga ada negeri-negeri dan universiti-universiti dan kolej-kolej setempat swasta yang menerima...

YB Tan Sri Speaker : Pendekkan sahajalah, YB. Pendekkan soalan itu.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, Tan Sri Datuk Speaker, saya pergi latar belakang sikit, sebab itu menunjukkan kejahilan EXCO itu sendiri. Saya nak beritahu dia satu aduan, satu maklumat yang tepat bahawa kita kena ambil perhatian dan mengambil berat kenapa kita bangkit isu ini. Kalau universiti-universiti luar negeri sampai Harvard University ada 30 tahun dahulu. Sebenarnya, rakan sedarjah saya diterima oleh MIT dengan UEC. Kita 3 bulan dan juga universiti-universiti setempat menerima *standard* Bahasa Inggeris UEC katanya A pangkat A sama dengan Pangkat B dengan GC O Level dan juga negeri lain seperti UK dan Australia. Makna, maksud saya, kita kerajaan kena ambil inisiatif untuk mengkaji *standard* Bahasa Malaysia dijalankan oleh UEC itu kalau katanya Pangkat A sama dengan C atau B dengan SPM, kita boleh terima, tetapi inisiatif itu tidak diambil dan kita kehilangan profesional berbakat kepada Singapura.

YB Tan Sri Speaker : Ok, YB kita fahamlah, kita faham-faham. Yang Berhormat fahamlah. Ok, faham.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukan itu...

YB Tan Sri Speaker : Tidak, ini soalan, faham.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, itu menunjukkan satu kerajaan dan EXCO yang kurang bertanggungjawab tak buat kajian sebelum memberikan jawapan.

YB Tan Sri Speaker : *No*, ini bukan soal EXCO ni soal jawapan. Ok, ok YB, YB. Jemput. Yang Berhormat.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, duduk, duduk, duduk. Biar Yang Berhormat jawab Skudai punya, yang dibangkitkan oleh Skudai.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Tan Sri Speaker, sebenarnya tak ada soalan, dia. Dia tadi, cuma bercakap, soalan tak ada. Dan, dia tuduh saya jahil.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, Tan Sri Speaker, soalan saya adalah bila EXCO dan Kerajaan Negeri nak bermula buat kerja? Itulah soalan saya.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat saya nak minta Tan Sri Speaker, bila seorang Ahli Dewan bercakap Peraturannya tak ada orang lain boleh menyampuk.

YB Tan Sri Speaker : Betul.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ini Peraturan, kita kena ikut Peraturan, dah ada dalam ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tadi, masa Skudai bercakap tiada siapa pun sampuk. Bila EXCO bercakap, Skudai menyampuk. Itu Peraturan ya.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Rengit. Jemput, duduk, duduk, biar Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Dia cakap saya jahil. Dia tak sedar dia pun jahil juga. Ok, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak bagi beberapa alasan terhadap jawapan tu, sebab dia tanya soalan pun pendek saja, saya pun jawab pendek lah. Ok, Sijil Peperiksaan Bersama ataupun yang disebut sebagai *Unified Examination Certificate* atau UEC dengan izin, merupakan peperiksaan yang diambil oleh pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan di sekolah tinggi persendirian Cina yang mana kebanyakan kokurikulumnya diwujudkan berasaskan kepada kokurikulum luar negara seperti Taiwan, China dan sebagainya.

Berasaskan kepada kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan pada 7 November yang lalu, pihak kementerian telah menyatakan bahawa antara sebab UEC ini tidak diterima pakai ialah, untuk kemasukan ke IPTA kerana sijil itu tidak selari dengan kokurikulum kebangsaan seperti mana yang mana terkandung dalam Akta Pendidikan Tahun 1996. Antara yang tak selari ialah:

1. Bahasa Melayu dalam standard Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia.
2. Liputan sejarah negara yang terkandung dalam kokurikulum Sijil UEC juga tidak mencukupi.

Jadi, pokoknya kokurikulum ataupun UEC ini tidak capai standard apa yang terkandung dalam Akta Pendidikan dan juga Dasar Pendidikan Kebangsaan.

1. Dalam kita nak melahirkan modal insan yang pandai, sebab Dasar Pendidikan kita sejak Laporan Razak Tahun 1956 lagi, kita tidak hanya mengutamakan soal yang berkaitan dengan melahirkan orang pandai aje, tetapi juga dalam konteks kita rakyat Malaysia yang berbilang kaum, kita juga menitikberatkan soal memperkukuhkan perpaduan, membina identiti nasional dan juga semangat kebangsaan di kalangan anak-anak kita.

2. Dari segi syarat-syarat untuk kemasukan ke institut pengajian tinggi awam ataupun juga syarat-syarat untuk memasuki pekerjaan, semua syarat-syarat lepasan daripada apa pun peperiksaan untuk masuk ke IPTA ataupun institut pengajian awam di Malaysia, semuanya meletakkan syarat mesti mempunyai kepujian Bahasa Melayu dalam peperiksaan. Kita nak masuk universiti, mesti ada Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM, maknanya yang setara. Jadi, tadi UEC tak setara. Kalau pun dikaitkan untuk mendapatkan pekerjaan khususnya dalam sektor pekerjaan, kita di peringkat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor juga memerlukan kelulusan dalam Sijil Pelajaran Malaysia termasuk juga kepujian dalam Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun yang setaraf dengannya. Jadi pokoknya ialah, kita di kerajaan negeri dari segi konteks pendidikan ini dia terikat dengan Akta Pendidikan, dasar-dasar pendidikan yang diuruskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi, Skudai jangan nak kata kita jahil pula.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Oh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang kita tahu sekarang ada satu senario bahawa pelajar-pelajar daripada sekolah menengah persendirian Cina, *Chinese*, mereka dapat melanjutkan pelajaran di luar negeri tetapi kadang kerajaan Malaysia mereka tidak mengiktiraf sijil-sijil mereka dengan tadi ada sebut, kelayakan kepujian Bahasa Melayu tak ada. Tapi memandang dengan keadaan negara kita, kita import banyak pelajar-pelajar daripada luar negara. Termasuk ada Afrika, Amerika Syarikat dan mana-mana, mereka langsung tidak tahu Bahasa Melayu...

YB Tan Sri Speaker : Tak, ini soal Dasar Pelajaran kita Yang Berhormat.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ini saya kena tanya kenapa kita boleh terima pelajar-pelajar daripada luar negeri? Mereka langsung tidak tahu Bahasa Melayu tetapi bagi pelajar-pelajar yang mereka belajar dalam sekolah menengah swasta *Chinese*, mereka bukan tak ada belajar, mereka guna standard yang berlainan. Sebab itu saya bagilah cadangan kepada kerajaan supaya mengkaji dengan teliti sama ada mereka punya standard, apakah beza antara mereka dan sebab itu, saya rasa kerajaan perlu memberi penjelasan, kenapa pelajar-pelajar daripada luar negeri tanpa fasih sebarang Bahasa Melayu boleh diambil masuk dalam universiti kerajaan tetapi bagi pelajar-pelajar yang hidup lahir di negara sendiri tidak diterima.

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok YB.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya dah katakan tadi yang kita nak lahirkan ni daripada sistem pendidikan kita ialah rakyat Malaysia yang akan balik ke negara walaupun dia belajar di mana pun, dia akan balik ke dalam negara kita, dia akan bekerja di sini dan membina keluarga di sini. Sebab itu, sistem pendidikan kita ini diolahkan berasaskan kepada tiga perkara yang katakan tadi, selain dari kita nak dia pandai, dia ada *degree*, sijil yang hebat-hebat, dia tak boleh lari daripada soal untuk membina identiti nasional dengan semangat kebangsaan.

Soal pelajar-pelajar luar negara belajar dalam negara kita, memanglah kita ada apa nama program-program yang sebegitu, sebab pelajar kita pun belajar luar negara kita juga. Tetapi pelajar-pelajar luar negara ni dia lepas habis belajar, dia balik negara dia.

Dan, dia di peringkat sekolah asasnya mungkin dia dah melalui proses pembangunan modal insan dalam negara dia yang memang dah ada dia punya kokurikulum yang membentuk identiti nasional dan semangat kebangsaan mereka. Sebab itu yang kita cakap ni ialah soal sistem pendidikan di peringkat sekolah ni. Di peringkat sekolahlah kita nak tanamkan semangat patriotik, semangat kebangsaan. Kita tidak mahu pelajar-pelajar ni, walaupun dia pandai, hebat tapi bila pergi luar negara, dia sanggup terbalikkan bendera Malaysia, maknanya itu tak ada semangat patriotik. Dia memalukan negara dia sendiri. (Dewan bertepuk). Dia tak mahu yang begitu dan saya percaya di sebelah sana pun sama juga, kita nak rakyat Malaysia yang bersatu padu. Jadi, Yang Berhormat...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Datuk Speaker, Peraturan Tetap 25, sebab dia sentuhkan orang yang terbalikkan bendera negara itu, saya rasa itu...

YB Tan Sri Speaker : Dia bagi contoh...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Satu tuduhan yang serius. Adakah orang yang terbalikkan bendera itu berkelayakan UEC?

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok duduk Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bukankah relevan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat sedang menjawab. Sila, sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Tadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker pun ada sebutkan, semalam Duli Yang Maha Mulia Tuanku pun sebutkan kesan kepada kita bangsa Johor ni, dia nakkan rakyat dia yang bersatu padu, berbilang bangsa, berbilang kaum dan sebagainya. Jadi, semasa di sekolahlah kita bina asas-asas itu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tiram jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Adakah Legoland di Nusajaya masih menjadi daya tarikan utama pelancong ke negeri Johor memandangkan perniagaan di Medini Mall dilihat merosot dan banyak kedai telah ditutup.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Legoland yang sedang beroperasi di Nusajaya, Johor ini merupa pada satu-satunya Legoland di dunia yang mempunyai ketiga-tiga komponen utama tarikannya iaitu Taman Tema Legoland, Taman Tema Air Legoland yang merupakan terbesar di dunia bagi kategori taman tema air Legoland dan hotel Legoland.

Menerusi Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023 yang telah menggariskan 11 sebuah kluster pembangunan pelancongan di negeri Johor termasuk salah satu kluster yang terletak di dalam daerah Johor Bahru yang dinamakan kluster hiburan keluarga atau *family fun* yang menjadikan Legoland sebagai produk pemacu atau *driver* utama bagi mencetuskan rantaian dan limpahan ekonomi ke kawasan sekitar.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, aspek strategi pemasaran dan promosi pihak Legoland telah berjaya merekodkan pertumbuhan yang stabil terutamanya menerusi pasaran baharu yang berjaya ditembusi yang mana sebelum ini bukanlah pasaran utama kepada sektor pelancongan negeri Johor iaitu negara Hong Kong dan Australia.

Perniagaan yang dilihat merosot dan ditutup di Medini Mall adalah kebanyakannya perniagaan yang berorientasikan makanan dan minuman, di mana pihak Legoland sendiri telah menyediakan premis perniagaan menjual makanan dan minuman di dalam kedua-dua Taman Tema Legoland. Dan ini ditambah dengan polisi pihak pengurusan Legoland yang telah menetapkan makanan luar tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam taman tema.

Pihak pengurusan Medini Mall perlu menyesuaikan kembali strategi pemasaran perniagaan di dalam memastikan penyewa-penyewa yang beroperasi mempunyai nisbah pulangan keuntungan yang sesuai dan tidak bertindih secara berlebihan dengan jenis perniagaan yang telah beroperasi di dalam Taman Tema Legoland agar perniagaan yang dijalankan dapat berkekalan dan menerima limpahan ekonomi daripada pengunjung yang mengunjungi Legoland secara berterusan. Ini juga ditambah dengan lokasi Medini Mall yang kini walaupun terletak berhampiran dengan Taman Tema Legoland, tetapi daya tarikan bagi menarik kunjungan pengunjung tempatan itu sendiri perlu diutamakan bagi memanfaatkan faedah kepada tahap optimum kerana selain daripada pengunjung yang datang hanya untuk berkunjung ke Taman Tema Legoland, pengunjung tempatan khususnya yang tinggal di negeri Johor perlu diberi penekanan dari segi promosi dan permasalahan bagi menjadikan Medini Mall mempunyai daya tarikan tersendiri.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Tan Sri Speaker, saya rasa kita kena terima hakikat bahawa di awal pembukaan Legoland, Medini Mall merupakan kawasan tumpuan pengunjung. Tetapi lama kelamaan dengan sebab saya difahamkan oleh peniaga bahawa langkah Legoland itu sendiri yang mengubah kedudukan tempat letak kenderaan di mana akhirnya hanya satu laluan sahaja yang memasuki Legoland dan tidak lagi melalui Medini Mall yang akhirnya menyebabkan ramai peniaga gulung tikarlah, tutup kedai. Jadi, saya melihat bahawa dua-dua pihak ni ada penglibatan daripada pihak GLC, maknanya syarikat yang berkaitan kerajaan, saya nak tahu apakah peranan dan juga langkah kerajaan ataupun pihak yang terlibat sendiri untuk memulihkan keadaan ni. Kerana apa, kalau Legoland mungkin masih lagi menerima pengunjung yang banyak tapi di sebelahnya Medini Mall itu dalam suasana yang begitu muram sekali, ianya tak berapa eloklah sebenarnya kedudukan sedemikian.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tiram. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak pengurusan Medini Mall sedang melaksanakan strategi pemasaran, pengekalan dan menarik premis perniagaan baharu iaitu dengan mengubah, memberi nafas baharu dengan menyuntik konsep kesenian yang digariskan oleh pihak pengurusan Medini Mall kepada premis perniagaan bagi menyesuaikan keadaan semasa Medini Mall yang kini mempunyai dua buah kawasan yang disediakan khusus untuk aktiviti yang dipanggil *black box* dengan izin, dan juga bagi pameran kesenian yang dipanggil *white box* dengan izin. Penyesuaian dibuat bagi memberikan gambaran bahawa Medini Mall adalah sinonim sebagai sebuah kompleks yang bercirikan berorientasikan kesenian. Strategi sebagai, sebegini boleh dilihat sepertimana yang telah dibuat oleh pihak kompleks publica. yang merupakan cawangan utama di bawah pihak Khazanah Nasional di Kuala Lumpur yang semakin dikenali sebagai sebuah kompleks yang mengetengahkan premis-premis perniagaan yang berkonsepkan kesenian dan juga mempunyai kawasan khusus bagi aktiviti dan pameran kesenian.

Oleh yang demikian, pihak pengurusan Medini Mall akan berterusan menganjurkan acara-acara terutamanya yang berteraskan dan berkonsepkan kesenian bagi mendedahkan dan menjadikan Medini Mall sebagai destinasi utama bagi penganjuran acara kesenian di negeri Johor. Selain itu, strategi pemasaran yang direncanakan oleh pihak pengurusan Medini Mall ialah dengan usaha menarik penyewa utama atau *anchor tenant* dengan izin, dicampurkan dengan tambahan premis perniagaan makan dan minuman yang terkenal.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Nusajaya jemput.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, sebagaimana kita maklum, Legoland ini dia produk pelancongan antarabangsa dan tamannya Taman Tema dan taman air. Cuma tiketnya tadi, harga tiketnya kalau dua-duanya tadi hampir RM300.00. Jadi, kita bayangkan kalau satu keluarga ibu bapa campur anak tiga orang hampir RM2,000.00 belum termasuk tempat tinggal sebagainya. Jadi, persoalannya, adakah promosi atau tawaran yang lebih baik diberikan kepada rakyat Malaysia ataupun khususnya masyarakat negeri Johor? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, tiket mahal sangat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Nusajaya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tidak boleh nafikan bahawa produk Legoland adalah ikonik produk pelancongan di Negeri Johor. Kerana ada Legoland kita dapat sambutan yang baik oleh pelancong-pelancong dari dalam negara dengan luar negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiket masuk untuk pelancong asing dan pemegang Mykad adalah tidak sama. Untuk pelancong asing, harga tiket untuk kedua-dua Taman Tema dan Taman Tema air adalah RM225.00 untuk dewasa dan RM180.00 untuk kanak-kanak dan warga

emas. Manakala untuk pemegang Mykad pula adalah RM180.00 sahaja untuk dewasa, RM144.00 untuk kanak-kanak dan warga emas. Potongan harga adalah sebanyak 20% untuk warganegara Malaysia.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Tan Sri Speaker, saya selalu mengambil perhatian dan juga prihatin kepada perkembangan sektor industri pelancongan di negeri Johor, sebab saya percaya ini adalah satu sektor yang sangat penting untuk mendapat lebih banyak pendapatan dan juga limpahan ekonominya adalah sangat berat untuk dinikmati oleh semua rakyat Johor. Saya hanya hendak beri sedikit cadangan kepada EXCO berkenaan, berkenaan dengan promosi Legoland ini ya. Kalau kita banding dengan *theme park-theme park* lain, contohnya di Genting Highlands, Sunway Lagoon ataupun dengan negara jiran kita di Singapura Universal Studio, saya nampak promosi mereka lebih giat Tan Sri Speaker. Macam ada iklan di tv, di radio, malah saya pun tak tahu sama ada EXCO tahu tidak? Ada satu jenis promosi panggil g*roupon*. *Groupon*, Johor pun ada *Groupon* Johor, *Groupon National*, *Groupon Singapore*. Saya selalu nampak Universal Studio di Singapura dia ada kasi diskaun melalui *Groupon. Groupon* tu kalau orang banyak beli dia akan kasi diskaun yang tinggi. Tapi saya tidak pernah tengok Legoland ada termasuk dalam isu *Groupon* ini. Saya rasa kita mesti peka kepada perkembangan teknologi untuk kita terus menjual atau mempromosikan Legoland ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok, YB soalannya itu apa?

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Ya. ada,ada soalannya.

YB Tan Sri Speaker : Ada, ada. Tapi, kita masa.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Dah sampai. *So* soalan saya senang sahaja selain dari promosi, apa promosi yang kita lakukan? Saya pun nak tanya kepada EXCO, sebenarnya Legoland ini sudah buka beberapa tahun, adakah jumlah orang yang datang itu dia ada penambahan? Adakah setakat ini Legoland sebenarnya dia ada untung ke tidak? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Ini Bukit Batu, Bukit Batu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Bukit Batu, *sorry*. Ni Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi cadangan yang baik dan produk-produk yang berada di pelancongan di negeri Johor, kita haraplah semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sama-sama, apa menanamkan budaya bangsa Johor untuk sama-sama jaga imej negeri Johor, dan kadangkala kita buat segala promosi kita pun boleh berjaya. Janganlah pakai baju apa yang warna-warna kuning ke merosakkan imej kita. Dan kita kalau boleh, kita sama-sama mempromosikan produk-produk yang berada di negeri Johor. Dan kita banyak cara, banyak cara kita mengadakan laman web, kita

juga promosi luar negara, di mana kita dijalankan oleh *Tourism* Malaysia di luar negara, pejabat masing-masing di luar negara. Begitu juga, inisiatif kerajaan negeri Johor, kita memang mengadakan promosi *exhibition* di luar negara. Baru-baru ini kita sama-sama produk-produk berada di negeri Johor, kita bersekali, bersepadu untuk mempromosikan produk kita ke negara-negara jiran kita. Kita mengadakan satu program, *explore Johor* dan kita sama-sama jumpa agensi pelancongan tempatan di negara Indonesia, di Singapura, di Myanmar. Walaupun di luar negara, kita juga buat di dalam negara, di Pulau Pinang, di Perak itulah usaha kita. Dan mereka menjalankan *business matching* dengan izin, *business to business* dan membolehkan galakkan mereka bersatu padu dan mempromosikan produk kita di negara masing.

YB Tan Sri Speaker : Ok. Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Berapa seriuskah kerajaan memerangi penyalahan penggunaan dadah di negeri Johor dan nyatakan badan-badan NGO yang terlibat serta keberkesanannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahiramanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tan Sri Speaker, bagi menangani isu penyalahgunaan dadah di negara dan di negeri ini. Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai aktiviti penguatkuasaan, program pencegahan, rawatan dan pemulihan. Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah adalah badan tertinggi negara yang ditubuhkan untuk mengkoordinasikan segala keputusan dan perakuan mengenai pengawalan dan pencegahan dadah selaras dengan Arahan No 1 Perdana Menteri tahun 2004. Di bawah JKMD jentera-jentera pelengkap adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang
2. Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan
3. Jawatankuasa Bertindak Pencegahan, Pendidikan dan Publisiti
4. Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri dan
5. Majlis Tindakan Membanteras Dadah Daerah atau Bahagian

Jentera ini bertujuan meningkatkan kerjasama pelbagai Jabatan seperti Polis DiRaja Malaysia, AADK, Jabatan Kastam DiRaja, Jabatan Pengangkutan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain termasuk Badan Bukan Kerajaan. Di negeri Johor, AADK bersama badan bukan kerajaan PEMADAM sentiasa menjalankan program pencegahan dadah di semua peringkat institusi pendidikan sekolah dan juga di peringkat tinggi, komuniti dan juga di tempat kerja bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah dan meningkatkan kesedaran bahaya dadah di kalangan rakyat. Bagi rawatan perubatan dan pemulihan, AADK telah memperkenalkan dua program iaitu program rawatan dan pemulihan dalam institusi melalui pemulihan dalam pusat pemulihan dadah di klinik *Cure & Care* 1Malaysia dan *Cure & Care Rehabilitation Centre* serta Program Rawatan Dan Pemulihan Dalam Komuniti melalui *Cure & Care Service Centre* dan *Caring Community House* melalui kerjasama badan bukan kerajaan seperti Rumah Hijrah, Sinar Sofia, Intan Life Zone, Pengasih dan Pendamai.

Pendekatan seterusnya adalah pengesanan dan pengawasan di mana penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di AADK akan ditangkap melalui operasi dan aduan awam. Selain daripada itu, pemantauan ke atas Orang Kena Pengawasan yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan selama dua (2) hingga tiga (3) tahun dan pengesanan ke atas OKP yang melanggar syarat pengawasan juga diadakan melalui proses siasatan dan pendakwaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini nak ucapkan tahniahlah kepada ADUN Tanjung Puteri yang mempunyai komitmen tinggi kerana terlibat sama sebagai Timbalan Pengerusi PEMADAM daerah Johor Bahru.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Tan Sri Speaker, pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada YB EXCO yang mana menjawab soalan dan juga memberikan penerangan sebagaimana kerajaan pusat dan juga kerajaan Johor ini melaksanakan tugas-tugas yang diutamakan. Selain daripada itu juga, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada PDRM, AADK dan juga badan-badan yang mengenai dadah ini. Semua menjalankan tugas dengan baik, tetapi sebagai menyahut saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan negeri tidak hanya membuat satu program hanya asal buat sahaja. Jadi, dari segi itu saya ingin sampaikan sedikit sebanyak keluhan daripada NGO-NGO yang tidak rapat dengan apa dengan kerajaan ini, yang mereka katakan apabila mereka membuat program dan sebagainya pihak kerajaan tidak, macam memilih tidak memberikan keutamaan kepada mereka dan mereka membuatnya secara bersendirian. Jadi, pada ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah PEMADAM di peringkat negeri memberi keutamaan kepada PEMADAM di peringkat daerah-daerah dan juga PEMADAM yang bersekutu ini? Bajet yang tertentu yang telah di umumkan bagi tahun bajet tahun lepas sebanyak RM400,000.00. Jadi, itu soalan saya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, PEMADAM sebenarnya sejak tahun 1970-an dah tubuh. Dan PEMADAM ini ditubuhkan bukan sahaja di peringkat negeri dan negeri sebagai penyelaras dan PEMADAM bertindak lebih aktif di peringkat daerah di mana DO berfungsi sebagai, sebagai Pengerusi. Rupanya, selama ini tidak berjalan di peringkat daerah rupanya bajet, kan? Maknanya hendak duit, sedangkan hakikatnya itu adalah tanggungjawab secara bersama bagi menangani masalah dan yang menjadi, yang ditanyakan, kita baru tahun ini dapat peruntukan. Jadi, kita cuba melihat tentang perkara-perkara tersebut. Kita hendak tanya yang sebelum-sebelum ini nampaknya macam, rupanya tak berjalan. Makna jelas apabila dikatakan itu maknanya tidak berjalanlah, maka dikata tak dapat dan sebagainya, sebabnya kita minta supaya ianya perlu dilakukan secara sukarela dan juga membantu kerana PEMADAM ini adalah NGO yang rapat dengan kerajaan.

Untuk pengetahuan Tan Sri Speaker, peruntukan yang kita terima pertama kalinya, saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah pun memberikan peruntukan yang pertama kali dalam sejarah agaknya, kepada AADK kepada PEMADAM melalui AADK sebanyak RM500,000.00 dan di antara yang kita lakukan adalah yang pertama untuk kita memastikan bahawa Pelan Tindakan Strategik Dadah Negeri Johor yang kita mensasarkan tahun 2018 Johor Bebas Dadah adalah berkaitan tentang tekad tempat kerja bebas dadah yang kita mensasarkan pada tahun ni 5,000 kakitangan negeri dapat menjalani rawatan ataupun ujian air kencing saringan kencing dan kos yang melibatkan untuk program tersebut RM100,000.00 dan sebenarnya kita telah pun memberikan di peringkat daerah pentadbiran sekurang-kurangnya RM3,000.00 setiap tahun kepada daerah-daerah dan kita telah pun menurunkan peruntukan hampir RM8,000.00 ke RM10,000.00 kepada peringkat daerah untuk melaksanakan tugas dan tanggung jawab. Kadang-kadang tuan-tuan sekalian, daerah-daerah ni dia buat duit peruntukan yang kita bagi buat mesyuarat agung saja. Jadi kita perlu melihat tentang perkara ni sebab kita kena perkukuhkan PEMADAM bukan sekadar dari segi bajet, tetapi saya yakin dan percaya kewibawaan PEMADAM-PEMADAM di peringkat daerah dalam usaha untuk memartabatkan dan juga untuk memastikan bahawa pencegahan itu dapat dilakukan.

YB Tan Sri Speaker : Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Orang tua-tua kata, mencegah sebelum parah. Jadi dari segi isu perniagaan dadah ini yang paling penting sekali ialah pencegahan dan dalam isu semasa yang Maharani nampak kali ini ialah potensi untuk menjadikan ia sebagai satu cara untuk penghisapan dadah ialah penghisapan *shisha* dan *vape*. Kepingan dadah akan dimasukkan di dalam bahan-bahan yang digunakan itu, jadi pertanyaan saya ialah adakah kerajaan akan bertindak tentang penggunaan *shisha* dan *vape* ini kerana ini boleh menyebabkan penularan kepada penggunaan dadah dan kalau dahulu *shisha* telah pun difatwakan haram, adakah *vape* juga kerajaan negeri Johor akan fatwakan sebagai haram? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : jemput, ni pasal vape ni.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau nak fatwakan haram tu EXCO, agamalah yang jawab. Sebab kesihatan dia tak ada nak fatwa-fatwa. Tapi sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker dari segi asasnya, asasnya bahawa fatwa di peringkat kebangsaan telah pun menyatakan bahawa rokok dan juga *vape* tu haram. Dan saya sebutkan sebelum ini bahawa fatwanya hanya sekadar di kertas tetapi mungkin tindakannya tidak ada. Yang jelas, Yang Berhormat Tan Sri Speaker bahawa *vape* ini, walaupun ada sebahagian yang menyokong, tidak kiralah yang berkaitan tentang isu etnik dan sebagainya, tetapi kita perlu melihat tentang jangka masa panjang, adakah penggunaan *vape* ni boleh memberikan kebahagiaan ataupun ia akan meruntuhkan anak bangsa dalam tempoh yang mendatang? Itulah sebabnya kerajaan di empat negeri dan juga di peringkat pusat melihat bahawa kemudaratan itu lebih berbanding dengan apa yang diperolehi, maka itulah sebabnya Kementerian Kesihatan berusaha untuk memberikan penerangan dan juga memberikan informasi kepada masyarakat

bahawa penggunaan *vape* tersebut amat merbahaya kerana ianya boleh disalahgunakan kerana dapatan yang telah pun kita perolehi bahawa terdapat *vaper* ini menggunakan *flavour* tersebut dengan mencampurkan ketum dan juga unsur-unsur yang lain dan inilah yang sebenarnya yang boleh memberikan kemudaratan kepada mereka-mereka yang menghisap.

YB Tan Sri Speaker : YB Rengit, Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Minta penjelasan apakah perancangan strategik kerajaan negeri Johor mengatasi isu bekalan air di negeri Johor. Ada beberapa daerah di negeri Johor sejak kebelakangan ini menghadapi catuan air yang panjang. Johor masih mempunyai tanah yang luas untuk dijadikan kawasan tadahan air dan negeri yang menerima hujan sepanjang tahun.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Yong Peng, jemput. Yang Berhormat Jementah, jemput.

Yb Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Senaraikan langkah-langkah yang telah atau bakal diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan catuan air, putus bekalan, kemerosotan paras air empangan dan pencemaran air dari berlaku?

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Nyatakan secara komprehensif usaha kerajaan negeri Johor untuk menyelesaikan/meminimumkan masalah pembekalan air di Negeri Johor di mana catuan air selama beberapa bulan diperlukan di sesetengah daerah di negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

Apa langkah-langkah serta usaha kerajaan negeri Johor menangani masalah kekurangan air yang agak kritikal di empangan-empangan utama sewaktu musim kemarau?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Empangan Sungai Lebam, Pengerang Kota Tinggi yang kekeringan hingga ke paras kritikal bawah 9 meter. Apakah langkah jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah kekeringan dan menggalakkan hujan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 10.

Selain dari taburan hujan yang kurang di Empangan Sungai Lebam akhir-akhir ini, apakah faktor lain yang menyebabkan empangan berkenaan kekurangan air sehingga memerlukan tindakan catuan oleh SAJ?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Johor Jaya, jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 11.

Nyatakan keberkesanan atas setiap usaha yang dilaksanakan dalam menangani masalah kerosotan air mentah di muka sauk Empangan Sungai Lebam dan Empangan Sungai Layang mengakibatkan pelaksanaan Bekalan Air Berjadual selama 3 bulan.

YB Tan Sri Speaker : Semua soalan-soalan ini bersamaan jadi kita minta Yang Berhormat jawab sekali, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana mengizinkan untuk soalan 5 hingga 11 dijawab secara bersekali. Ahli-Ahli Yang Berhormat, banyak yang menanyakan berkaitan dengan punca kepada masalah bekalan air yang dijadual atau dicatukan bagi sebahagian kawasan di Pasir Gudang Johor Bahru dan di sebahagian kawasan di Pengerang, Kota Tinggi. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga bertanya rancangan kerajaan negeri bagi mengatasi atau mengenal pasti jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul di kawasan berkaitan, malah Yang Berhormat turut bertanyakan keberkesanan atas usaha yang telah diambil. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, isu bekalan air di negeri Johor ini antaranya ialah:

1. Tentang kekurangan air hujan di kawasan-kawasan tadahan.
2. Pembangunan pesat Wilayah Iskandar, meningkatkan keperluan air untuk penduduk.
3. Kekurangan air mentah yang berkualiti disebabkan oleh pencemaran sungai dari industri kilang dan aktiviti pertanian, penggunaan air yang tinggi oleh tanaman pertanian.
4. Penerobosan air masin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, punca masalah yang disebabkan oleh kekurangan air hujan di kawasan tadahan, sebagai contoh paras air di Empangan Sungai Layang atau dinamakan Empangan Sultan Iskandar, dan Empangan Sungai Lebam merosot disebabkan oleh hujan yang berkurangan. Pada tahun 2010, di Empangan Sultan Iskandar, tahun 2010 hujan yang turun adalah sebanyak 2,600mm, 2011; 3,000mm,

secara purata Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Pada tahun 2012; 2,900mm hujan yang turun sepanjang tahun. Pada tahun 2013, 3,000mm; sementara pada tahun 2014; 2,500mm. Sehingga bulan September 2015, jumlah hujan yang turun di Empangan Sultan Iskandar, ataupun Empangan Sungai Layang adalah sebanyak 1,200mm sahaja. Di Sungai Lebam, pada tahun 2010 hujan yang turun pada purata ialah sebanyak 1,500mm. Pada tahun 2011, 2,500mm; 2012, 2,300mm; 2014, 1,600mm dan sehingga September 2015, 1,100mm. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa empangan di Sungai Layang yang sepatutnya mampu menampung sebanyak 318 juta liter sehari air termasuk pemindahan air sebanyak 180 juta liter dari Sungai Johor ke Empangan Sultan Iskandar tidak dapat menampung jumlah pengeluaran air yang diperlukan. Oleh kerana kurangnya ataupun menurunnya paras air di empangan tersebut. Termasuk juga empangan di Sungai Lebam yang sepatutnya mampu menampung sehingga 44 juta liter sehari, tetapi keupayaan untuk mengeluarkan 34 juta liter sehari pun, Empangan Sungai Lebam tidak berupaya menampung atau membekalkan air yang sepatutnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

1. Adalah kekurangan air mentah yang berkualiti, atas sebab penerobosan air masin atau *Salinity Intrusions* dan ini menjejaskan keupayaan Sg. Johor seperti mana yang saya katakan termasuk untuk memindahkan air ke Empangan Sultan Iskandar. Keadaan yang serupa juga turut berlaku di Sungai Muar. Kekurangan air mentah yang berkualiti juga disebabkan oleh pencemaran sungai dan pencerobohan kawasan-kawasan tadahan.

2. Kekurangan air mentah yang berkualiti adalah kerana penggunaan air yang tinggi oleh aktiviti pertanian.

3. Yang Berhormat Tan Sri Speaker adalah kerana pembangunan yang pesat yang berlaku di Wilayah Iskandar telah meningkatkan keperluan air untuk penduduk. Dan ini kita dapati bahawa keperluan air akan terus meningkat dari tahun ke tahun.

4. Sebagai punca pada masalah yang kita hadapi ialah penggunaan air yang masih tinggi di negeri Johor. Rakyat di Johor menggunakan purata sebanyak 220 liter sehari air. Berbanding dengan rakyat daripada Singapura hanya menggunakan 155 liter sehari. Rakyat di United Kingdom mengguna 150 liter sehari dan masyarakat di Hong Kong mengguna 130 liter sehari. Rakyat Malaysia banyak menggunakan air Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga bertanyakan berkenaan dengan rancangan bagi menyelesaikan masalah sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang. Usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan adalah pelbagai. Antaranya:

1. Pembinaan baraj di Sungai Johor. Baraj ini dibina bertujuan untuk menyelesaikan atau menghalang penerobosan air masin atau *Salinity Intrusion,* dan juga meningkatkan keupayaan penyimpanan air yang pada waktu ini pada tahap yang saya katakan tadi 318 juta yang diperlukan di Sungai Layang yang mengambil 180

juta liter dari Sg. Johor, maka keupayaan Sg. Johor apabila baraj ini disiapkan akan meningkat sehingga 550 juta liter sehari.

2. Pembinaan empangan di Kahang.

3. Menaikkan taraf Empangan Bekok.

4. Menaik taraf Empangan Chongok di Mersing.

5. Menambahbaik sumber air ke Loji Simpang Renggam.

6. Melaksanakan penyaluran air daripada Empangan Seluyut ke Empangan Sungai Lebam melalui projek air mentah RAPID yang dibangunkan oleh Petronas di Pengerang.

7. Melaksanakan projek-projek utama seperti membina loji rawatan air di Buloh Kasap, Segamat, membina loji rawatan air di Pagoh, Muar, membina loji rawatan air di Kahang, Kluang.

8. Usaha kerajaan juga turut dilaksanakan melalui Perbadanan Aset Air Berhad iaitu penggantian paip-paip lama. Di Johor, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat 7,000km paip-paip air yang lama daripada 22,000km paip yang terdapat di negeri Johor. Berdasarkan kepada *operating plan,* dengan izin, Syarikat Air Johor, sepanjang 250km setahun sahaja yang mampu diganti paip-paip lama ini, dengan perbelanjaan sebanyak RM 238.6 juta untuk tempoh tiga tahun. Dengan kadar tarif air yang sedia ada dan dalam keadaan kita ada 7,000 kilometer paip yang perlu diganti, kita masih lagi melalui Syarikat Air Johor mampu menurunkan kadar air, *non revenue water* daripada 32% pada tahun 2009, hari ni menurun kepada 25.5% pada tahun 2015.

9. Melalui Rancangan Malaysia Ke-11, kita telah mendapat peruntukan bagi menjalankan kajian kemungkinan bagi pembangunan sumber air ke Iskandar Malaysia dan juga ke Lembangan Sungai Muar. Selain daripada kajian kemungkinan dan impak alam sekitar bagi Empangan Mersing.

10. Usaha-usaha kerajaan bagi menyelesai masalah seterusnya termasuklah langkah jangka pendek seperti di Empangan Sultan Iskandar ataupun Empangan Sungai Layang. Kerajaan membelanjakan RM2.45 juta bagi memindahkan air mentah daripada Sungai Tiram ke Sungai Layang yang akan dapat meningkatkan lagi simpanan air di empangan tersebut antara 22 sehingga 30 juta liter sehari. Sementara di Empangan Sungai Lebam, kerja-kerja yang melibatkan kos sebanyak RM2.02 juta adalah melibatkan kerja-kerja pemindahan air daripada Sungai Papan ke Empangan Sungai Lebam yang akan meningkatkan simpanan air di Empangan Sungai Lebam antara 12 sehingga 20 juta liter sehari.

11. Usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri termasuklah menjalankan operasi pembenihan awan. Kali pertama sebulan yang lalu iaitu ataupun pada awal tahun sekitar bulan Mac dan April telah berjaya meningkatkan paras air di

Empangan Sultan Iskandar dan juga Empangan Sungai Lebam. Sementara operasi pembenihan awan yang dijalankan bermula Ogos-September belum menampakkan hasil yang diharapkan. Walau bagaimanapun, Jabatan Meteorologi telah bersetuju untuk melaksanakan pembenihan awan secara percuma kepada kerajaan negeri sebanyak 20 penerbangan melalui peruntukan kerajaan persekutuan.

12. Kerajaan negeri turut mengambil ketetapan agar projek yang berskala besar sebagai *Forest City* sebagai contoh, dibangunkan sistem rawatan air sendiri. Sebagai contoh, penyahgaraman atau *desalination* menggunakan air laut. Oleh kerana projek tersebut mampu untuk membangunkan sistem rawatan airnya sendiri. Kerajaan negeri Yang Berhormat Tan Sri Speaker, telah menganjurkan *Johor Water Forum* 2015 dengan menghimpunkan para profesional, golongan akademik, pembuat dasar dan pentadbir bagi mengenal pasti sumber-sumber baru seperti air bumi atau air bawah tanah, penuaian air hujan*, rain harvesting* dan pendekatan untuk *reduce, reuse* and *recyle* sebagai sumber-sumber air baru di masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri adalah dalam proses untuk mewartakan kawasan-kawasan tadahan dan hutan tadahan air. Selain daripada mengawal perubahan penggunaan guna tanah. *Rebate* air akan diteruskan. Kerajaan negeri akan meneruskan usaha-usaha untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar yang bertujuan ataupun yang tersenarai melalui e-Kasih seramai 5,000 keluarga atas tujuan, atas matlamat untuk kita menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di beberapa kawasan.

Dan pada akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan negeri telah mengemukakan rancangan pembangunan sumber air termasuklah permohonan agar Empangan Hulu Sedili Besar dan sistem penyalurannya dibangunkan.

Kedua, penyaluran air daripada Sungai Johor ke Sungai Skudai perlu dibangunkan. Ketiga, perlu dinaik taraf sumber air daripada Sungai Muar seperti pembinaan Empangan Meda. Keempat, pembinaan empangan di Mersing sebagai usaha atau rancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah bekalan air di masa yang akan datang.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat jawab soalan dengan panjang lebar. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita tak ada masa untuk meneruskan soalan-soalan lisan ini, jadi setakat ini sahajalah soalan-soalan lisan yang dapat kita dikemukakan dan sekiranya ada soalan-soalan yang belum dijawab, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2016) TAHUN 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat saya akan mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112 (2) maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah

dihadkan kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini.

Perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 dimulakan sekarang dengan saya mempersilakan Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Bacaan doa). Salam sejahtera, salam muafakat Johor dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan dan peluang dan serta ruang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama terlibat dalam perbahasan ini. Apatah lagi untuk diberi peluang sebagai pencadang usul dalam Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan (2016) pada Tahun 2015.

Alhamdulillah, tiga hari yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan satu bajet yang mempunyai kesinambungan dan beraspirasi baru. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya terlebih awal tidak sabar untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta syabas bagi pihak warga Semarang dan negeri Johor amnya di atas keinsklusifan, kelestarian serta kesejahteraan yang ditawarkan dalam wacana bajet itu.

Yang Berhormat Tan Speaker, syukur alhamdulillah juga, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengajak diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat untuk bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah menganugerahkan kepada kita kelangsungan untuk melaksanakan tanggungjawab kita kepada rakyat hingga ke hari ini. Walaupun tidak ada pilihan raya kecil, tidak ada belum lagi pilihan raya umum, kita melihat dalam Dewan ini sudah ada berubah kerusi, tetapi hanya berubah tempat tapi bukan kehilangan kerusi Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Hari ini 23 November 2015 dan sekadar makluman bermakna ada 891 hari lagi penggal ini untuk kita bersama sebelum pilihan raya yang baru, umum yang baru akan diadakan. Ini sekadar nak mengingatkan kita bahawa tugasan kita ini masih belum selesai. Tapi realitinya dalam negeri Johor ini syukur alhamdulillah, kesejahteraan dan kemakmurannya serta hasilnya dapat dilihat dan di rasa oleh rakyat jelata, alhamdulillah.

Kita bersyukur di negeri Johor Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam kerencaman politik yang melanda semua parti politik, negeri Johor terus aman, muafakat dan maju. Di sini kita bersyukur kerana dalam kerajaan tidak ada, mudah-mudahan tidak ada Ahli-Ahli Dewan yang menangis waktu berucap di Dewan (Dewan bertepuk) kerana rakyatnya langsung tidak di endah pemerintahnya sendiri. Alhamdulillah, kita bersyukur tiada kecelaruan dalam rakan yang sepakat dan tidak sepakat dalam pakatan mahupun tahalusiasi. Syukur alhamdulillah juga tiada parti yang kecewa dan berkelana membawa diri. Alhamdulillah, tiada individu minta menggunakan bahasa lain selain daripada bahasa rasmi dalam Dewan kita ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Kita berterima kasih, bersyukur tiada sepanduk dalam Dewan untuk publisiti murahan. Alhamdulillah. Kita bersyukur tiada parti yang mengadu dan merasa mereka dibuli oleh parti yang lain di sini. Dan, Alhamdulillah tiada perbahasan melalui media tentang cerai dan rujuk dalam negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagaimana kita mahu menyerahkan negara dan kerajaan kita ini kepada mereka yang tidak bersepakat dan bersatu? Justeru itu kita harus bersyukur, kita masih menjadi sebuah parti yang mempunyai komponennya 14 parti tetapi masih lagi bersatu dan memajukan negeri dan rakyat yang tercinta (Dewan bertepuk). Alhamdulillah, di sini ikatan muafakat dalam kerajaan khususnya pemerintah masih rapi dan utuh. Dan, dalam apa kerencaman politik pun syukur fokus kerajaan memberi kesejahteraan dengan izin Allah SWT tetap dilaksana dengan lebih baik daripada biasa. Rakyat sekarang mahukan perkara yang berfakta, bukan retorik semata-mata. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa lagi nak dikatakan tentang Bajet ini? Apa lagi? Kalau ada yang mahu menolak, apakah alternatifnya? Kita belum pernah lagi mendengar dan melihat alternatif yang lebih baik daripada bajet ini. Selain dari teguran-teguran yang kita anggap ianya membina dan kita dengar tak kira siapa mereka yang mengenakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, segala tanggapan *skeptical* dan sinis sehingga ada yang menjangkakan dan doa dalam erti kata yang lain untuk melihat kemuflisan negeri ini oleh mereka yang tidak redha dengan kerajaan ini, kini semakin pudar malahan telah malap, semalap-malapnya. Dan, jika mereka meneruskan mereka akan hanya menghina kewarasan mereka sendiri, keintelektualitian mereka dan akan menjadi sumbang di mata rakyat yang kini mahukan segalanya dilihat dan di rasa, bukan cakap fitnah, fitnah, fitnah dan minta maaf akhirnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang nak mereka dengar di luar sana adalah apa kerajaan rancang dan sediakan untuk rakyat dan mereka mahu menikmatinya serta-merta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tentang Bajet 2016 ini, siapakah mereka di sebalik Bajet Negeri yang mengutamakan pembangunan dengan memperkenalkan Bajet Pembangunan yang paling tinggi dalam sejarah Johor moden ini? Dengan 47.7% lebih daripada tahun 2015 yang ada ini. Ia digubal dan dirangka oleh pentadbir negeri yang juga politikus yang beridentiti organisasinya dan individunya. Istiqamah dengan ideologi dan perjuangan yang bijak dan beriltizam tinggi. Beliau, adalah seorang *servant leadership* dengan izin. Seorang yang telah meletakkan *target*, visi yang jelas seorang yang sanggup menyingsing lengan bekerjasama, bersama yang lain untuk menjayakan visi yang ada. Dan, dalam hal ini kepada mereka bukan orang awam bekerja untuk dia, tetapi dia bekerja untuk orang awam dan keseluruhannya. Sebagai *servant leadership* dengan izin, dia juga mendiagnos masalah-masalah dan aspirasi rakyat melalui Pelan Suara Hati Rakyat Johor.

Dia tidak lain dan tidak bukan adalah Yang Berhormat Menteri Besar kita yang kita sayangi. (Dewan bertepuk). Beliau menggunakan data dan kepadatan kajian, kedapatan kajian untuk merealisasikan dasar dalam kerangka Bajet ini. Justeru itu, kita jangan sewenang-wenangnya mempertikaikan tentang apa yang diketengahkan. Selanjutnya menangani isu dan perlaksanaan dengan strategik dengan

penggemblengan segala sumber baik dalam kerajaan melalui agensi-agensinya, GLC-GLC nya, pihak swasta juga organisasi dalam masyarakat. Malahan beliau juga adalah dengan izin, *transformative leadership* yang membawa transformasi dalam pentadbiran dan juga perjalanan kerajaan yang sedia ada ini. Pemimpin ini kita membawa, pemimpin ini membawa kerajaan kepada satu cara konsep yang tidak bertiang tidak apologetik. Dalam urusan untuk kebaikan rakyat dan warga dia tidak pernah apologetik. Mereka ini tetap istiqamah dengan apa yang telah diputuskan. Kenapa? Kerana dia yakin mewakili organisasi rakyat yang beridentiti, mesra rakyat dan realistik dalam membantu yang lemah, memperkasa yang tertinggal dan meletakkan keadilan di tempatnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita harus menoleh ke belakang mengingati tema Bajet 2014 yang lalu. Saya bukan mengajak mengundur ke belakang tetapi sekadar melihat dan merujuk yang lalu tentang pembangunan yang bertemakan Muafakat Pembangunan Pengagihan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sengaja saya mengingati kembali tema ini kerana mahu semua faham sefaham-fahamnya dan akur, seakur-akurnya tentang asas apa yang dinamakan pembangunan berkeadilan dan saksama dan bukannya pengagihan sama rata. Dalam erti kata yang lain dengan izin, *growth with equity* bukan *growth with equality* Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kini, sikap istiqamah kerajaan adalah nyata bila semuanya dapat dirujuk dan insya-Allah di rasa dalam masa yang terdekat dalam segala aspek pembangunan yang melibatkan ummah. Harapan kita kepada semua yang mendambakan kemajuan yang melihat kebaikan dan mengharapkan kesejahteraan ummah, ayuh kita sama-sama memahami dan mendukung hasrat ini baik yang tersurat mahupun tersirat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita harus bangga dengan memberi testimoni kepada kejayaan kerajaan. Dengan ikhlas dan terus berbangga. Penyata kewangan negeri Johor tentang akaun hasil disatukan negeri Johor dari berkedudukan defisit yang terkumpul sebanyak RM325.7 juta di tahun 2010, kini telah menjadi kepada surplus RM844.67 juta pada 2014. (Dewan bertepuk).

Kita harus sama-sama mengucapkan terima kasih dan tahniah serta syabas kepada Pegawai Kewangan kita yang baru, mudah-mudahan dia istiqamah dan terus hebat (Dewan bertepuk), bersama Bendahari dan bukan dia sahaja malahan kepada semua pegawai-pegawai kerajaan, pemungut-pemungut hasil tanah dan jabatan-jabatan yang memberi hasil kepada kerajaan ini, terima kasih, mudah-mudahan Allah akan membalas kerja kuat serta keikhlasan tuan-tuan dengan keberkatan di dunia dan di akhirat.

Pada masa yang sama kita harus tahu dan memperhati dari segi anggaran pula, kita bangga dengan belanja anggaran, belanjawan surplus sepanjang 6 tahun berturut-turut sehingga 2016 ini. Tahniah kepada kerajaan yang sedia ada. (Dewan bertepuk). Mari kita ucapkan atas kejayaan mengumpul hasil tahun 2015 ini yang kita harap, yang dimaklumkan lebih awal akan melebihi 108.54% dari anggaran-anggaran yang ada, terima kasih. Tahniah kepada Pegawai Kewangan dan Bendahari Negeri. Dan, ini adalah kejayaan jentera kerajaan yang komited dan fokus mengutip hasil sepanjang tahun. Dan, saya harapkan akan menjadi kenyataan, mudah-mudahan di atas

keyakinan, keberanian mereka, mereka juga mengunjurkan bahawa kenaikan hasil tahun hadapan akan bertambah kepada 15.04%. Mudah-mudahan Allah akan kabulkan hajat dan doa kita insya-Allah Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bajet negeri kini mudah diakses dimaklumi. Tahniah, kita berbangga dengan inisiatif dan komitmen kerajaan yang menyiarkan secara langsung ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk Bajet yang dilihat sebagai janji kerajaan kepada rakyat. Sekarang ini ianya boleh dengar pada hari yang lalu, pada tiga hari yang lalu ianya boleh didengar secara langsung dalam saluran radio iaitu Johor FM dan Best FM dan pada *online streaming,* laman web, *Facebook* dan juga *Twitter* Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Ini adalah manifestasi tentang ketelusan. Satu manifestasi tentang keyakinan dan penggunaan media yang cekap oleh kerajaan yang mahukan rakyat mendapat maklumat dengan cepat dan tepat dari di manipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, infograf-infograf 119 titik sentuhan sudah *viral* melalui pelbagai aplikasi dan kesannya, hasilnya kami tidak cukup tangan menjawab soalan dan memberi penerangan yang jelas dan ringkas kami hanya nyatakan ia akan dimulakan pada tahun hadapan, itu pun jika ia diluluskan dalam Dewan dan tidak ditolak oleh pembangkang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menarik perhatian Ahli serta pemerhati dalam Dewan ini. Agar mulai sekarang kita harus meneliti dan memahami dan menghayati rancang apa yang dinamakan Rancangan Johor 5 Tahun. Mungkin ramai orang tidak mengetahui dan mengambil tahu tentang apakah dia Rancangan Johor 5 Tahun ini. Yang bermula daripada 2016 hingga kepada 2020 nanti insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ia meliputi prospek ekonomi. Teras strategik dan kaedah penyediaan projek pembangunan di seluruh negeri. Ia adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Yang ke-11. Justeru itu, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat bersama EXCO-EXCO yang bijaksana yang telah sama-sama menjayakan dan menguruskan pelaksanaan Rancangan Johor 5 Tahun 2016-2020 ini.

Menurut data Jabatan Perangkaan Negara, KDNK per kapita untuk negeri Johor mencatatkan peningkatan daripada RM16,258.00 pada tahun 2005 kepada RM25,032.00 di tahun 2013. Dan, ini bermakna ia tumbuh dan meningkat dalam kadar 6% setahun. Maknanya, makanya perancangan RJ5T ini adalah fasa terakhir dalam perancangan 5 tahun ke arah visi pertumbuhan Johor untuk menjadi negeri berpendapatan tinggi menjelang 2020 nanti. Justeru, tindakan kerajaan menambah peruntukan pembangunan adalah amat wajar dan realistik. Saya nyatakan ini kerana ianya bersangkutan dengan perbelanjaan yang disediakan dalam Bajet kita. Transformasi juga berlaku bila bermula 2016 ini, Bajet Pembangunan akan di selaras oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk memastikan peningkatan sinergi antara perancangan dan pengagihan kewangan sebagai amalan di peringkat persekutuan di antara *Economic Planning Unit* dan *Ministry Of Finance* dengan izin, di peringkat persekutuan. Ini adalah satu tindakan yang baik dan memajukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya terdengar dalam waktu 3 hari, desas-desus tentang ada pihak yang mempertikaikan tentang peruntukan Pejabat Menteri Besar. Ada setengah pihak mula mempertikai peruntukan Pejabat Menteri Besar yang dikatakan terlalu besar.

Saya nak terangkan lebih awal agar ia jangan dijadikan isu murah-murahan. Kenaikan ini adalah selari dengan kenaikan anggaran perbelanjaan di enam pejabat dan jabatan dalam negeri yang lain dalam urusan pembangunan. Apatah lagi, dengan adanya RJ5T ini. Ia hanyalah 28.6% daripada keseluruhan Bajet Pembangunan yang dikatakan besar RM155 juta itu adalah hanya 28.6% daripada keseluruhan Bajet Pembangunan. Bunyinya hanya besar berbanding dengan yang lain, tetapi ia juga sebenarnya termasuk projek khas daerah yang berjumlah RM51 juta yang dulunya duduk dalam vot untuk konsesi pembesaran dan naik taraf jalan kampung. Kami memang tunggu, kami cari di mana vot ini, di mana duit ini? Duit RM51 juta ini di mana? Kami memang tunggu dan ikuti peruntukan kerana kami mahu pembelaan jalan-jalan kampung seluruh negeri ini akan dibela dengan baik. (Dewan bertepuk). Dan, perlu diingatkan peruntukan ini dulunya tidak termasuk dalam peruntukan Pejabat Menteri Besar, kerana sebelum ini ia diletakkan dalam vot Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Johor. Bermakna, bukan satu benda yang baru, bezanya adalah Pegawai Pengawal yang terlibat setelah ia ditolak dari peruntukan khas ini, ia hanya tinggal RM104 juta atau 19.2% dari keseluruhan Bajet Pembangunan yang ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita harus tahu anggaran pembangunan terbesar kali ini adalah RM541.1 juta adalah untuk tahun 2016 hingga 2020. Dan ini sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah memanglah lebih besar daripada sebelumnya dan ini adalah sebagai salah satu transformasi. Kalau dulu 5 tahun yang dulu, peruntukan-peruntukan pembangunan ini dikawal oleh 13 orang Pegawai Pengawal, tetapi kini ianya hanya diserahkan kepada 6 Pegawai Pengawal dengan jumlah yang lebih besar iaitu daripada RM205 juta kepada dan hinggalah RM850 juta. Kenapa ini berlaku? Ini tidak lain dan tidak bukan untuk meningkatkan lagi kelicinan dan juga mengurangkan birokrasi agar mereka lebih responsif kepada permasalahan dan keperluan rakyat jelata. Sewajarnya ia harus disokong dan dibantu oleh semua pihak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita mahu kerajaan dan Menteri Besar memenuhi keperluan dan mengatasi masalah amnya. Rakyat bahagia bila keluhan mereka didengari dan keperluan mereka dipenuhi dan ia dibuat tanpa bermusim. Ia adalah suatu urusan yang berpanjangan dan kita berharap ianya akan difahami agar kita harapkan nanti ianya dapat memberi manfaat yang semaksima mungkin kepada rakyat di bawah sana. Soal tentang belanjawan yang besar ianya adalah untuk pembangunan bukan untuk mengurus pejabat Menteri Besar sepertimana yang disangka ataupun direka oleh setengah-setengah pihak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Semarang panjang lagi?

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Insya-Allah Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit. Yang Berhormat Semarang boleh sambung selepas rehat.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum Warahmatullahiwarabakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula**.** Sila Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala warabakatuh Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita telah dengar pembentangan dan juga penerangan yang begitu panjang lebar daripada Yang Berhormat yang menguruskan air di Negeri Johor sebentar tadi. Kerajaan adalah bertanggungjawab bukan sahaja membekalkan air yang cukup tetapi air yang bersih dan selamat. Masalah bekalan air ini tidak boleh ditangani dengan cara emosi dan bersentimen. Dan, saya ingin maklumkan di dalam Dewan ini bahawa masalah air ataupun isu air ini bukanlah hanya milik segelintir ataupun setengah-setengah golongan semata-mata. Saya ingin jelaskan bahawa urusan air ini adalah masalah sejagat dan kita sebagai pendukung kerajaan yang sedia ada juga sebenarnya prihatin dan sensitif tentang perkara ini. Keluhan rakyat yang ketiadaan air walau sehari sahaja cukup membimbangkan dan sebenarnya ia menjadikan naiknya emosi di semua pihak. Pada masa yang sama tidak dapat dinafikan masalah bekalan air bersih ini kerap kali menaikkan emosi pengguna tanpa mengira siapa mereka dan di mana mereka. Apatah lagi jika kesempitan dan kesukaran ini dijadikan minyak membakar kemarahan mereka kepada pihak yang berkuasa.

Justeru itu, jeritan, pekikan mahupun tunjuk perasaan dan sebagainya tidak boleh menyelesaikan masalah. Justeru itu, saya berterima kasih di atas tindakan kerajaan yang telah mengambil tindakan jangka pendek sederhana dan panjang yang memenuhi faktor-faktor teknikal dan alam yang ada di hadapan kita. Insentif Kerajaan Pusat dan Negeri ini adalah cukup baik untuk meyakinkan. Namun kita mahu kepastian agar ia dilaksanakan mengikut jadual agar masalah yang ada tidak berlanjutan di masa yang akan datang. Untuk itu kita mengharapkan iltizam politik yang telah ditunjukkan sekian lama oleh pemimpin kita, agar ia menekankan kepada *stake holder-stake holder* dengan izin yang terlibat dalam urusan menyiapkan prasarana dan infra untuk bekalan air ini agar ianya dilaksanakan mengikut masa dalam jangka waktu yang ditetapkan. Dan pada masa yang sama juga saya ingin merayu kepada pihak kerajaan agar Jawatankuasa Kualiti Air yang sedia ada mengadakan mesyuarat dan analisa daripada masa ke semasa untuk memastikan kualiti air yang dibekalkan kepada rakyat dalam Negeri Johor ini bukan sahaja cukup tetapi selamat dan lebih baik daripada yang ada.

Kita harap pembangunan-pembangunan baru di kawasan-kawasan yang baru akan mendapat bekalan yang cukup dan pada masa yang sama dan pembangunan-pembangunan yang baharu ini tidak mengganggu gugat bekalan-bekalan air di

kawasan yang lama yang lain. Kita dimaklumkan tadi dengan penggunaan air sebanyak 150 liter satu hari seorang dalam Malaysia. Ia adalah suatu yang tinggi. Justeru saya ingin menganjurkan agar pendidikan menghargai air ini ditekankan mulai daripada peringkat awal persekolahan lagi hinggalah kepada masyarakat awam.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pada masa yang sama saya mengharapkan kerajaan mengambil penguatkuasaan menggunakan kuasa yang ada untuk menangani masalah penceroboh-penceroboh tanah di kawasan *buffer zone* dan juga tadahan air di empangan-empangan yang ada dalam Negeri Johor ini agar pencemaran dan juga bekalan air mentah cukup untuk masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker Alhamdulillah, Malaysia ini menikmati matahari sepanjang tahun. Air yang cukup, tanah yang subur dan kurangkan bencana alam secara kasarnya kita harus faham bahawa rakyat Malaysia mampu menghasilkan sendiri semua jenis-jenis makanan mereka yang mereka makan setiap hari. Di Malaysia ini realitinya daging di Malaysia kita mengeluarkan 28% daging yang ada. Ayam dan itik kita membekalkan 105% melebihi daripada yang kita perlukan. Sayur-sayuran di Malaysia membekalkan 91%, ikan pula adalah 90%, buah-buahan 100% dan beras di Malaysia ini kita membekalkan untuk diri kita sendiri sehingga kini pada kadar 71%. Dalam erti kata yang lain, tahap sara diri adalah tidak membebankan, tidak-tidak membimbangkan. Risiko bencana di negara sendiri dan pengeluar harus diambil kira. Justeru itu, saya ingin menekankan soal sekuriti makanan yang ada di dalam negara khususnya dalam Negeri Johor ini. Kalau kita tengok berdasarkan pada statistik kita mengimport 53% daging daripada India, Australia dan juga New Zealand masing-masing 11 dan juga 5%. Kita masih lagi mengimport sayur daripada China, kita masih lagi mengimport ikan 3% daripada Indonesia dan pada masa yang sama kita masih berharap 11% daripada Thailand, Vietnam dan juga Pakistan.

Susu di Malaysia hanya membekalkan 13% sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita mengharapkan New Zealand 39%, USA 14% dan Australia 18%. Kita berhadapan dengan realiti bahawa imbangan makanan yang negatif dalam negara. Realitinya kita mengimport 0.8 bilion ikan. Kita mengimport 1.6 bilion bijirin. Kita mengimport 5.8 bilion makanan binatang ternakan manakala kita pula mengimport 2.1 bilion binatang hidup ataupun daging daripada negara luar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah suatu perkara realiti yang harus kita fahami bersama. Keseluruhan defisit perdagangan, agro makanan negara bertambah daripada tahun ke tahun. Kalau pada tahun 2010, kita mengimport 3.2 bilion tetapi mengeksport 18.1 bilion yakni membawa defisit sebanyak 12.1 bilion. Pada tahun 2014 pula kita mengimport 42.6 bilion tetapi hanya mengeksport sebanyak 25.6 bilion. Bermakna defisit agro makanan kita untuk keseluruhan negara Malaysia ini mencapai hingga RM17 bilion. Ini bermakna duit kita mengalir keluar. Persoalannya bagaimanakah keadaan negeri Johor? Realitinya dalam Negeri Johor ini Yang Berhormat Datuk Speaker, penduduk yang kita mempunyai 3.5 juta penduduk ini keluasan pertanian kita adalah hanya 56.6% daripada 174.818 juta hektar tanah dalam Negeri Johor ia mewakili 56.6%. Pengeluaran komuniti pertanian utama adalah getah dan kelapa sawit. Saban kali kita jumpa petani, kita tanya dia apakah kerja mereka?

Mereka kerja petani. Tanam apa? Kelapa sawit. Tanam apa? Getah. Dan, ini merupakan 88% dari jumlah nilai pengeluaran semua pertanian dalam Negeri Johor.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, 9.7% keluasan pertanian dalam negeri ini adalah ditanam dengan getah dan sawit iaitu seluas 971.43 hektar. Dan daripada itu, kita melihat bagaimana sebenarnya industri agro makanan ini kecil berdasarkan kepada pecahan tanah yang digunakan untuk tanaman khususnya komoditi kelapa sawit dan getah yang ada ini.

Justeru itu kita harus tahu juga ayam dan itik menyumbang kepada 94.37% kuantiti pengeluaran ternakan. Di Johor, lembu, kerbau 1.21%. Sejauh manakah kita memenuhi dasar pertanian, dasar agro makanan negara. Dan justeru itu saya minta supaya kerajaan dalam Negeri Johor memenuhi hala tuju strategi dasar agro makanan negara yang mana menetapkan tentang menjamin bekalan makanan agar cukup, berkebolehan dapatan, mampu beli dan dalam keadaan keselamatan yang baik.

Pada masa yang sama kita meningkatkan sumbangan industri agro makanan. Dan, yang lebih penting melengkapkan rantaian nilai dalam industri agro makanan negara. Kita boleh mengajak orang untuk bertani tetapi sekiranya ada putus rangkaian nilai dalam industri ini ianya juga tidak boleh menyumbang apa-apa dan ini menyebabkan petani bosan dan tidak berminat untuk berniaga. Kita harus ingat, kita mengimport makanan binatang sehingga lebih RM5 bilion. Kita cukup makan, kita cukup beras, kita cukup sayur, kita cukup buah tetapi kalau binatang ternakan kita kurang bermakna kita juga bermasalah. Untuk menternak antara perkara yang menghalang selain daripada pengusaha dan bilangan ataupun keluasan tanah yang digunakan, antara perkara yang menjadi isu dan masalah adalah bekalan makanan binatang itu sendiri.

Justeru itu, kita harus melihat rantaian nilai ini, kita harus secara *integrated*, bersepadu menganjurkan akan lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha menanam tanaman seperti ... ataupun gandum, jagung untuk makanan-makanan binatang ini agar bukan sahaja kita mengimbangi deifisit kewangan ataupun defisit yang ada tetapi juga yang lebih penting memastikan sekuriti makanan ini cukup dalam negara dan negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara ini adalah penting dan kita harapkan pada masa yang sama kita menggunakan budaya data *driven decision making* berdasarkan membuat kesimpulan, membuat keputusan berdasarkan dengan data. Kita harus perlu laporan apa yang telah berlaku, dan pada masa yang sama juga kita perlukan analisis kenapa ia berlaku. Pada masa yang sama kita perlukan *real time monitoring* ataupun pengawasan pada waktu dan ketika yang perlu terhadap apa yang sedang berlaku dan kita juga harus menganalisa ramalan apa yang akan berlaku. Dan yang terakhir, yang lebih penting dalam urusan ini, bagaimana kita boleh kawal apa yang berlaku. Dan ini memerlukan kita untuk menganalisa preskriptif yang kita dapat berdasarkan pada data yang kita ada.

Justeru itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menekankan telah tiba masanya kerajaan negeri mementingkan balik kepada pertanian. Kita melihat pembangunan-pembangunan fizikal yang berterusan. Memang prasarana penting, infrastruktur penting, pembangunan memang perlu tetapi realitinya kita berjumpa doktor tak

mungkin setahun sekali, tetapi kita berjumpa petani untuk makanan setiap hari, setiap masa dalam kehidupan kita . Justeru itu, kita harus mempertebakkan balik petani-petani dalam negeri Johor dengan melihat struktur kerajaan negeri ini untuk memastikan kita bergerak seiring dengan dasar agro makanan Negara. Untuk bekalan yang cukup, kebolehdapatan, harga yang mampu dan keselamatan, *security* makanan itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak tahu kepada kerajaan negeri, puluhan ekar, ratusan ekar yang kita telah berikan kepada pengusaha-pengusaha satu ketika dahulu yang kononnya untuk menanam tanaman-tanaman buahan, yang kononnya untuk tanaman-tanaman kontan, apa yang jadi kepada mereka? Jangan sekadar keluarkan kayu lepas tu tinggalkan kebun-kebun tanpa diusahakan. Kita punya syarat, kita ada penguatkuasaan, ambil, gunakan penguatkuasaan ini agar kita dapat memaksimumkan penggunaan tanah untuk pertanian demi *security* makanan dalam negeri Johor ini. Kita harus memberi satu nafas baru dalam sektor pertanian negeri kerana realitinya negeri johor ini menikmati kelebihan dari segi cuaca dan *acreage* keluasan tanah yang mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengetengahkan satu perkara penting berkenaan dengan hasil Kajian Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Satu kajian telah dibuat pada pertengahan tahun 2015, berkenaan dengan hasil Kajian Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia oleh penyelidik-penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia. Kedapatannya, isu paling popular adalah sistem penyampai ataupun *delivery system.* Rakyat gembira dengan perancangan dan inisiatif kerajaan. Mereka sebenarnya mahu lebih daripada itu iaitu melihat dan merasai. Justeru, adalah diharap Skim Elaun Insentif Khas kepada Pengurusan dan Profesional yang berjawatan tetap yang mula dinikmati mulai 1 Januari 2016 nanti yang juga cerminan keprihatinan dan penghargaan kerajaan negeri akan memberangsangkan semangat dan komitmen pentadbir di daerah untuk menggerakkan sistem pencapaian di akar umbi secara dua hala, baik ke bawah mahupun ke atas.Ini adalah penting kerana kita harapkan kepuasan di peringkat pelanggan kita iaitu rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor telah mengguna pakai pendekatan Islam dalam membangun ekonomi negeri. Menjadikan wakaf sebagai instrumen baru ekonomi, pendidikan kebajikan adalah suatu yang cukup murni dan *consult.* Gabungan ikhtiar untuk duniawi dan akhirat ini cukup cantik. Berdasarkan realiti konsesi yang besar dan berpanjangan. Tabung wakaf dan sekolah agama wakaf adalah testimoni, bagaimana model pembangunan ekonomi Islam dapat diterapkan dalam pentadbiran Johor. Justeru itu, kita harus melihat bukti di luar negara memperlihatkan pengurusan yang profesional dan cukup serta yang cekap serta berintegriti tinggi membawa banyak keuntungan dan manfaat. Saya mencadangkan agar pakar dengan gabungan nilai-nilai murni diberi peranan. Ia mesti profesional serta amanah. Kita boleh bayar gaji mereka asalkan mereka boleh memberi pulangan dan manfaat yang lebih kepada organisasi wakaf yang kita perkenalkan. Saya merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kerajaan berkenaan rizab Melayu. Saya berbangga Yang Amat Berhormat Menteri Besar komited meningkatkan tanah rizab Melayu yang menjadi wasiat Raja-Raja Melayu suatu masa dulu. Dengan polisi yang strategik ia telah berjaya selain mempertahankan yang sedia ada, kerajaan dapat meningkat kan rizab tanah

Melayu di negeri Johor dari 22.8% kepada 29.2 % sekarang ini dan ia melibatkan pertambahan sebanyak 122,000 hektar. Ini dicapai tanpa perlu beretorik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam urusan di *centralize* kuasa mengeluarkan pemusatan kuasa, rakyat juga mulai sedar dan teruja dengan pelaksanaan Menteri Besar membangunkan negeri Johor dengan kaedah di *centralize* dengan izin, kuasa dengan melibatkan beberapa banyak pihak yang penggemblengan GLC Negeri, Perbadanan Islam dan lain-lain yang menunjukkan satu pendekatan yang baru di dalam mengurus ekonomi negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenal pasti agen pertubuhan ekonomi yang baru dalam mengalami cabaran ekonomi baru, kita terperanjat tetapi kita amat berbangga kerana Yang Amat Berhormat dan juga kerajaan telah menekankan agenda berinjunansi desa dan ini adalah gambaran pemimpin beridentiti dan berani kerana di sini lahirnya pendukung bangsa dan negara. Dan, di sinilah di desalah beradanya pendukung *survival* nusa dan masa di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah nyatakan tadi tentang perkara-perkara yang telah dilakukan, kita berbangga dalam bajet kita ini, pembinaan Pusat Santuari Gajah Johor dalam erti kata yang lain kita menguruskan gajah di hutan, menguruskan dugong di laut tetapi realitinya Yang Berhormat Dato' Speaker, orang kampung berhadapan dengan masalah yang besar, berhadapan dengan monyet-monyet liar yang bertambah banyak bilangannya melebihi penduduk negeri Johor itu sendiri. Justeru itu, mungkin ianya suatu perkara yang kecil kepada sesetengah pihak tetapi realitinya antara perkara yang menghalangkan industri pertanian berkembang di dalam desa dan kampung adalah masalah binatang-binatang liar seperti monyet, malahan ke tahap monyet telah masuk rumah. Ini adalah satu yang membimbangkan. Justeru, kita harapkan pihak PERHILITAN mencadangkan secara yang terbaik sama ada menidur atau memindahkan agar masalah monyet liar ini dapat ditangani agar orang kampung saya boleh bercucuk tanam dengan lebih selesa seperti dahulu kala.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga mengharapkan infrastruktur komunikasi wifi yang lebih baik. Saya melihat hutan di Hutan Bandar Johor Bahru punya wifi tapi di kampung saya yang telah wujud sekian lama telefonnya juga terputus-putus. Kali terakhir saya ditegur tentang wifi ini, hari semalam. Apabila dengan sopan seorang muda menyatakan bahawa kita tak tahan duduk kampung kerana tiada wifi. Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan perkembangan semasa dan keperluan yang sedia ada, kita mengharapkan penambahan infrastruktur komunikasi wifi dengan kelajuan yang munasabah sekurang-kurangnya 3mb untuk gunakan. Kita gunakan perkataan Yang Amat Berhormat, "ada jangan asal ada, ada mesti boleh pakai". Justeru itu kita harapkan, sekarang ini tiada masalah soal digital, analog tak ada masalah. Digital, kita perlukan kemudahan wifi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengetengahkan masalah soal saliran. Terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan kewangan untuk saliran kerana setengah-setengah pihak kadangkala apabila peruntukan yang besar untuk saliran mereka merasakan bahawa perkara itu tidak mustahak. Lebih penting adalah untuk jalan, untuk bangunan dan sebagainya. Tetapi realitinya saliran itu penting. Saliran yang baik tidak membuatkan banjir. Melainkan satu keadaan yang ekstrem.

Saya nak membawa soal saliran banjir kilat khususnya di Ayer Hitam yang sampaikan ke paras dada. Walaupun kilat tetapi tetap banjir. Walaupun kilat, sepantas kilat itulah kemusnahan berlaku dalam keluarga-keluarga yang berhadapan dengannya.

Pada masa yang sama juga Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengetengahkan, Alhamdulillah berkat usaha kerajaan masalah banjir seperti mana yang telah menimpa kita pada 2007 di kawasan Batu Pahat dan juga di kawasan Segamat, telah dapat ditangani. Sungai-sungai diluruskan dan didalamkan tetapi pada realitinya saya nak maklumkan, ada satu sungai yang bernama Ulu Sungai Simpang Kiri di Jalan Chaah memang tak pernah bersentuh pun. Antara dua darjat daerah Segamat bersih, daerah Batu Pahat semak, tak pernah diendahkan hanya dikunjungi oleh pemancing-pemancing baung sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Justeru itu, saya mahu perkara ini diambil tindakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga berterima kasih, pendekatan-pendekatan secara Muafakat Johor, pembangunan koperasi-koperasi yang ditekankan sebagai Bapa Koperasi, Yang Berhormat kita ini memang telah diperakukan, hari ini diterjemahkan dalam negeri Johor. Insya-Allah kita akan mempunyai puluhan, kita akan mempunyai banyak puluhan kedai-kedai yang harga murah. Satu perkara yang baru, apatah lagi ianya melibatkan muafakat memulai koperasi, saya mengharapkan, Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak kerajaan memberi *priority* kepada pekan-pekan kecil dalam seluruh negeri Johor ini agar diwujudkan kedai-kedai ini kerana di pekan-pekan inilah sebenarnya monopoli-monopoli berlaku khususnya peniaga-peniaga runcit di pekan-pekan. Justeru itu, dengan kekuatan dan iltizam-iltizam politik yang ada, kita mahu kedai harga murah ini diwujudkan di semua pekan kecil di pentingkan lebih daripada bandar-bandar besar yang mempunyai alternatif yang lebih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menekankan dan membawa perkara-perkara tentang apa yang dikatakan sebagai Zon Antarabangsa. Kepada saya ini adalah satu pendekatan yang baik...

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Semarang, sila gulung.

YB Datuk Haji Samsolbari Bin Jamali (Semarang) : Ini adalah satu pendekatan yang baik. Baik kerana ianya melindungi kepentingan mereka rakyat-rakyat yang mampu untuk membeli rumah di tempat-tempat yang setengah tempat-tempat orang lain tidak mampu. Secara ringkas saya ingin mencadangkan kalau kita telah wujudkan zon-zon ini, saya minta kerajaan supaya langsung tidak membenarkan warga luar negara membeli hartanah di seluruh negeri Johor melainkan dalam zon yang ditetapkan dalam yang ada ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga berharap dan ingin melihat bahawa harapan kita, kecemerlangan kita dalam sukan berterusan. Kemenangan kita dalam AFC adalah satu perkara yang mengejutkan dan amat dibanggakan sekali. Ianya akan tercatat dalam satu sejarah dalam Negara kita, bukan sekadar negeri kita kejayaan dicapai, tetapi pada masa yang sama, saya ingin memberi harapan agar, saya ingin berharap agar kerajaan menitikberatkan soal bagaimana kita boleh menjuarai SUKMA yang akan diadakan di negeri Johor dalam masa yang akan datang ini dengan mengadakan prasarana yang lebih awal agar atlit-atlit kita boleh

menggunakan sepenuhnya kemudahan yang ada, berlatih dan bertanding di tempat yang sama untuk memberi *advantage* kepada kita untuk meraih seberapa banyak pingat di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah membenarkan saya hingga ke hujung penggulungan ini. Apa yang saya harapkan adalah selepas ini kita lebih muafakat. Apa yang kita harapkan, apa yang baik dalam bajet ini harus sama-sama kita sokong, apatah lagi untuk kepentingan ummah warga negeri Johor. Ayuh, kita cari titik persamaan dan kita lupakan tentang perbezaan-perbezaan yang mungkin banyak tapi gunakanlah persamaan yang sama ini untuk kita bersama membina negeri bertuah Johor Darul Ta'zim atas konsep muafakat ini. Dan, dengan itu saya dengan sekali lagi rendah diri mengusulkan usul ini untuk dibahaskan. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taalawabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat kita mengalu-alukan kehadiran rombongan Ahli Majlis Perbandaran Muar seramai 24 orang. (Dewan bertepuk). Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan di sambung semula. Jemput, Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan kali ini, iaitu menyokong usul yang telah dibawa oleh YB Semarang. Izinkan saya menyatakan rasa syukur saya, alhamdulillah, syukur saya kepada Allah kerana diberikan kekuatan dan kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan Bajet 2016 ini, bagi Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Ada eloknya saya memulakan perbahasan ini dengan membaca sepotong ayat Al-Quran yang berbunyi ...*(Ayat Al-Quran...,* surah Al-Haj, surah yang ke-22, ayat yang ke-41. Terjemahannya, *"mereka yang apabila Allah memperkukuhkan mereka menjadi pemimpin di muka bumi, mereka mendirikan solat dan mengeluarkan zakat dan mereka menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah yang mungkar dan kepada Allah SWT jualah akibat dari segala urusan"*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah pun membentangkan cadangan belanjawan Bajet Johor 2016 ini. Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2016, bajet yang memberikan tumpuan kepada kesejahteraan rakyat untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri Johor dengan menangani peningkatan kos sara hidup serta memperkasakan aspek keusahawanan berasaskan inovasi dan pengetahuan. Betapa apa yang saya bacakan ayat yang tadi, bahawa kita sebagai orang Islam diperintahkan untuk membayar zakat, memberi zakat dan zakat merupakan satu daripada aktiviti ekonomi. Bayangkanlah, kalaulah pemimpin kita tidak memikirkan soal ekonomi, sudah tentulah negara yang miskin akan mengundang banyak kemungkaran sebagaimana yang kita lihat di negara-negara yang lain.

Turut diberikan tumpuan adalah untuk mengangkat agenda Johor lestari dan meneruskan agenda pendidikan berkualiti dan pembangunan tenaga manusia suara Insan. Saya juga ingin menyatakan rasa gembira saya dan tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menyebutkan bahawa hasil kerajaan negeri untuk tahun 2015 telah pun mencapai anggaran asal dalam Bajet tahun 2015 yang lalu iaitu kutipan hasil setakat 17 November 2015 telah mencapai RM1.34508 bilion iaitu 185.4% daripada anggaran asal. Dan pada tahun ini, dianggarkan bahawa kutipan hasil negeri dianggarkan naik sehingga mencecah kepada sejumlah RM1.42566 bilion. Makanya, kita lihat pada perbentangan itu dengan hasil peningkatan negeri Johor sebanyak 15% maka anggaran perbelanjaan pada tahun ini, tahun 2016, tahun hadapan adalah sebanyak RM1.42411 bilion iaitu bagi belanja mengurus dan juga pembangunan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Semarang tadi, mengatakan bahawa inilah bajet negeri yang paling tinggi daripada sebelum ini. Kalau kita pandangkan dan kita bandingkan dengan bajet yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini iaitu bajet 2016, Bajet Persekutuan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, peruntukan sebanyak RM267.2 bilion belanja Persekutuan. Nak dibandingkan dengan bajet negeri Johor yang hanyalah, Yang Berhormat Dato' Speaker, RM1.4 bilion kalau diambil nisbahnya ataupun saya kirakan peratusannya hanyalah 0.53% sahaja iaitu tak sampai 1% pun daripada bajet F*ederal*, dengan izin. Cuma kita dalam Dewan ini, dalam Dewan yang mulia ini ingin bertanya-tanya, kita pun nak tahu juga, agak-agaknya berapakah peratusan limpahan bajet *Federal* ini ataupun bajet pusat ke negeri Johor daripada jumlah sebanyak RM267.2 bilion itu. Nampak jelas di sini kuasa ekonomi yang dipegang, yang berada di tangan kerajaan pusat nak dibanding dengan kuasa ekonomi kita dalam kerajaan negeri. Tak mengapalah begitu. Kita teruskan sahaja perbahasan kita ini dalam ucapan pada kali ini saya cuba hanya memfokuskan perbahasan kepada agenda pendidikan, latihan dan kemahiran vokasional yang dijalankan di dalam negeri Johor ini, di mana kalau kita lihat dan kita teliti daripada keseluruhan ucapan yang baru-baru ini, kerajaan negeri sentiasa memastikan bahawa agenda pembangunan dari aspek pendidikan, latihan, kemahiran vokasional telah diberikan tumpuan yang sangat banyak. Kerana, fokus saya kepada pendidikan, YB Semarang telah pun membawa usul secara menyeluruh, tak perlulah saya mengulas lebih lanjut tentang perkara itu.

Dalam para 105, dalam ucapan Bajet baru-baru ini, kerajaan negeri telah mengumumkan tentang perlaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang akan bermula pada bulan Januari 2016. Pelan yang dirangka dengan tujuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Johor merentas wilayah dan daerah, satu perancangan yang strategik bertujuan agar seluruh bahagian dan daerah di negeri Johor ini membangun dan berdaya saing. Setiap daerah di Johor akan dibangunkan mengikut kekuatan setempat dan lapangan kebitaraannya atau *niche area,* dengan izin. Dalam perbentangan itu dinyatakan bahawa daerah Muar ini akan menjadi hab pendidikan dan kemahiran. Saya rasa bangga sekali kerana Parlimen Pagoh yang terletak dalam daerah Muar telah pun dikenal pasti sebagai hab pendidikan dan kemahiran. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan negeri dan Pusat yang telah pun mengenal pasti dan seterusnya telah dengan secara rancaknya bagi kita daerah Muar sebagai hab pendidikan dan kemahiran. Kalau kita pandangkan

pada hari ini, satu pembangunan yang pesat dalam kawasan Parlimen Pagoh, untuk hari inilah. Esok, wallahualam, faham-faham sajalah. (Dewan ketawa). Jangan Ketawa.

Telah dibina satu hab pendidikan Pagoh dengan pembinaan 3 buah kampus cawangan yang besar iaitu Kampus UTHM, (Universiti Tun Hussein Onn), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan juga UTM (Universiti Teknologi Malaysia) bagi pengajian siswazah termasuk sebuah Politeknik Pagoh, selain daripada beberapa institusi kemahiran yang lain iaitu IKTBN (Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara), Kolej Komuniti, Kolej Vokasional Teknikal dan Pertanian serta banyak kemudahan-kemudahan sekolah, baik sekolah rendah dan sekolah menengah dan juga dianggarkan bahawa nantinya ada juga universiti swasta, kolej-kolej swasta yang akan didirikan di kawasan tersebut. Dijangkakan bahawa sebagaimana yang saya dimaklumkan, dengar-dengarnya tahun hadapan akan mulalah kumpulan pertama pelajar yang akan mula masuk belajar di kawasan hab pendidikan Pagoh itu. Insya-Allah, kalau tidak ada perubahan. Hab ini akan dilengkapkan dengan kemudahan infrastruktur dan sosial seperti jalan-jalan perumahan dan ruang perniagaan dan kemudahan awam yang lain. Dan bagi menyokong pembangunan daerah Muar dan sekitarnya, maka satu projek besar juga mega, dijangkakan ialah pembinaan laluan *high speed rail*, dengan izin, projek kereta api kelajuan tinggi yang mana jajaran dan stesennya akan berhenti dalam kawasan daerah Muar ini. Kalau kita melihatkan cerita ini, sekali gus sudah tentu akan memberikan banyak impak ekonominya kepada rakyat dalam kawasan utara Johor ini. Dianggarkan ada pertambahan penduduk sehingga 100,000 orang pelajar dan juga tenaga pekerja sokongan sehingga tahun 2050. Apa pun nanti saya akan ulas kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan untuk pembangunan di kawasan Muar ini.

Sepertimana yang disebutkan tadi bahawa pembangunan pendidikan dalam negeri Johor dalam bidang teknikal dan vokasional ini, kemahiran ini, amat pesat sekali dalam negeri Johor, baik di kawasan Iskandar Malaysia yang juga banyak kemudahan pendidikan, juga di kawasan yang saya sebutkan tadi, di kawasan utara Johor ini, peluang pendidikan tinggi kemahiran dan vokasional.

Pokoknya ialah bagaimana kita boleh pastikan bahawa anak-anak Johor mengambil peluang, kesempatan dengan adanya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. Sama ada ambil kesempatan ataupun ambil mana yang sempat. Dua-dua boleh pakai.

Saya rasa agak bimbang kerana minat kepada pelajaran Sains dan Matematik. Mengapa minat pelajaran kepada Sains dan minat Matematik ini menurun? Pada zaman saya, tahun 70-an, Yang Berhormat Dato' Speaker saya adalah pelajar aliran Sains, tingkatan 4 dan tingkatan 5. Pada masa itu, mata pelajaran Sains dan Matematik, saya aliran Melayu, Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Melayu sepenuhnya. Pada masa itu saya masih ingat lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker, guru-guru pakar Sains dan Matematik diambil daripada negara Indonesia untuk mengajar kami. Pada masa itu, saya boleh ingat lagi bahawa kecenderungan untuk belajar Sains dan Matematik begitu tinggi sekali kerana kita faham apa yang kita diajar pada masa itu, dengan Bahasa Melayu.

Jadi, andaian saya yang pertama ialah pelajar Sains dan Matematik ini mungkin peluang kerjayanya sangat terhad. Tidak menjanjikan satu kerjaya yang cemerlang. Saya berbicara dengan anak-anak yang mengambil pelajaran Sains dan Matematik. Dia kata, kalau kita lihat secara umum, tempat kerja yang hebat-hebat sebagai ahli korporat, orang *business,* penjawat awam sebagai *DO* dan sebagainya rata-rata dipegang ataupun dijawat oleh graduan-graduan daripada Sains Sosial, Sains Kemasyarakatan atau bidang sastera. Dalam bidang *management*, yang jadi jutawan, yang jadi *billionaire*, adalah mereka-mereka yang datangnya daripada aliran sastera. Jadi, graduan-graduan yang mengambil bidang Sains dan Matematik ini melihat bahawa kerjaya mereka tidak boleh menjanjikan sesuatu yang lebih *glorious,* yang lebih cemerlang mungkin, jadi senang-lenang, dan jadi selebriti. Ditambah pula dengan saya katakan tadi bahawa ada satu ketakutan melihat bahawa *point* yang kedua ialah melihat mata pelajaran Sains dan Matematik ini satu mata pelajaran yang susah. Saya menyatakan demikian kerana pada awal tahun 70-an pelajar yang mengambil jurusan Sains dan Matematik hampir 40%. Targetnya kerajaan ialah 60% Sains, 40% Sastera. Belum pun kita mencapai target 60% baru di tahap 40%, dia menurun kepada merosot kepada 28% sahaja. Mengapakah ada penurunan yang begitu agak drastik daripada 40% kepada 28% minat pelajar kepada Sains dan Matematik di sekolah-sekolah.

Salah satu sebabnya ialah apabila Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Pembelajaran dan pengajaran dalam Bahasa Inggeris. Itu sebab, utama yang telah pun memang satu kajian saintifik yang telah dinyatakan. Saya nyatakan ini sebagai suatu kenyataan kerana ada ura-ura kementerian sekali lagi untuk melihat bahawa pengajaran Sains dan Matematik ini mahu juga kembali kepada PPSMI. Walaupun sudah dinyatakan sebelum bahawa PPSMI ditukar kepada MBMMBI. Tetapi sekarang ini telah timbul pula. Senang cerita bila Menteri Pelajaran yang, Menteri Pendidikan yang baru ada suara-suara mahu mengembalikan semula PPSMI. Yang saya rasakan perlu dijalankan satu kajian yang terperinci tentang perkara ini.

Saya harap, kalau kita lihatkan dalam banyak keadaan sebenarnya, apa yang berlaku dalam PPSMI atau pelajar-pelajar yang belajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris mempunyai dua kesulitan. Pertama, memahami konsep Sains dan Matematik. Kedua, nak faham Bahasa Inggeris. Saya boleh analogikan seolah-olah kita mengajarkan Sains dan Matematik ini dalam Bahasa Mandarin atau Bahasa Tamil. Manalah anak-anak kita boleh faham ajar Sains dan Matematik dalam bahasa yang mereka sukar untuk fahami. Kerana *environment* kita ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, *environment* kita adalah *environment* bercakap Melayu. Kita berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan kita berjumpa dan bercakap dan bertutur juga dalam Bahasa Melayu. Maka sesuailah bagi kita di sini untuk anak-anak kita di sekolah meneruskan pengajian dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang betapa kita kena memperkukuhkan MBMMBI ini, mendaulatkan bahasa ini, memartabatkan Bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris.

Saya melihat bahawa di negeri Johor ini, sebagai contohnya majlis-majlis rasmi kerajaan negeri, juga kadang-kadang majlis-majlis yang dijalankan oleh syarikat-

syarikat yang berkaitan kerajaan negeri sama ada namanya Johor Corporation, yang kadang-kadang saya lihat lepas pandang untuk mendaulatkan, memartabatkan Bahasa Malaysia ini. Kita orang Johor ni, sepatutnya berbangga. Berbangga kerana apa? Kerana Bahasa Melayu Johor-Riau menjadi asas kepada pembentukan Bahasa Melayu Malaysia ini. Menjadi satu bahasa piawai yang standard yang digunakan hari-hari oleh rakyat Malaysia. Kalau tidak kita, siapa lagi yang hendak mendaulatkan bahasa Melayu, yang datang dari tempat kita ini. Maksud saya ialah, dalam acara rasmi, ucapan-ucapan rasmi, surat-menyurat, bil dan papan-papan tanda kita, janganlah dipinggirkan Bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan kita.

Kalau setakat, kalau kita lihat, di tirai pandang, apa tu ya? Tirai pandang. *Backdrop.* Setakat Majlis Johor Water Forum 2015, susah sangat ke hendak diletakkan, hendak ditafsirkan dalam bahasa Johor, Melayu Johor-Riau. Johor Water Forum. Forum itu apa Dato' Speaker? Ngobrol-ngobrol.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tanpa izin

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Dengan izin ke tanpa izin? (Dewan ketawa.) Boleh tarik balik tak ada hal.

Jadi, kita sebagai orang Johor rasa patut sepatutnya rasa bangga untuk kita memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jorak, sila gulung.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Dato' Speaker. (Ketawa) Yang Berhormat Dato' Speaker, baru nak ngobrol-ngobrol dengan izin. Ada iklan besar,dalam,tak tahulah di negeri Johor atau dikata 'potong stim'. (Dewan ketawa). Saya nampak iklan tu dah tak ada dah. Baru (ketawa). Baru nak mula suruh berhenti. Saya nak katakan sini, nak sambung sikit apa ni Dato' Speaker, yang disebut dan menjadi kerisauan juga ialah kerana katanya pelajar-pelajar tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya pelajar kita ini, dia bukan setakat *poor communication* ataupun mempunyai komunikasi yang lemah dalam Bahasa Inggeris tetapi juga dalam bahasa kebangsaan. Kedua-duanya. baik pelajar Melayu, pelajar Cina ataupun pelajar India. Kerana, kita lihat aktiviti-aktiviti di sekolah metodologi, pengajaran di sekolah, di bilik darjah, kebanyakannya pelajar tidak bercakap, yang bercakap ialah guru. Saya bertanya, contoh kepada anak saya sendiri, saya selalu tanya, siapakah yang banyak sekali bercakap? Dia kata hampir 90% masa di dalam bilik darjah dikuasai oleh guru. Cakap Bahasa Inggeris, cikgu yang cakap, pelajar hanya mendengar. Mengajar dalam Bahasa Malaysia juga begitu, guru yang banyak bercakap. Kerana apa? Kerana hendak habiskan *silibus*. Kerana apa? Kerana ini yang penting, awak kena tahu ini. Kerana hendak periksa, jawab cara macam ni. Soalannya macam ini, jawabnya macam ini. Inilah *trend* pembelajaran. Dalam negara kita, mungkin di tempat saya, tidak di tempat yang lain. Mungkin perkara itu harus diambil serius oleh pihak Jabatan Pendidikan melihat bagaimana guru-guru, cara guru mengajar Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Oleh kerana, Dato' Speaker dah minta saya gulung, saya memang banyak lagi hendak disebut di sini, saya minta maaf banyak, dalam perkara itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kalam lantaran cakap-cakap umum, dengar-dengarnya, kita dengarkan kegelisahan rakyat ini, walau apa sekalipun yang diwajahkan dan riak kerut air muka mereka di mana-mana. Baik cakap-cakap sama ada di kota ataupun di desa, apa yang dilaporkan dalam media perdana atau di media sosial atau cakap-cakap di kedai-kedai kopi, di padang golf, sama ada juga di warung-warung, berkait letak duduknya negara kita Malaysia di mata dunia. Dan, keadaan ekonomi Malaysia yang sentiasa tercabar. Cakap-cakap konon-kononnya tuduhan-tuduhan liar tanpa fakta, maka kita lihat-lihatlah, katanya hutang negara yang parah, negara yang sudah berada di ambang muflis, negara dah nak bankrap, negara berada dalam krisis ekonomi. Duit kita dah jadi duit daun pisang. Dah tak laku. Kejatuhan nilai ringgit yang terjejas teruk.

TPPA membawa Malaysia menjadi blok jajahan Amerika dan tidak lagi berkecuali. Kos sara hidup dan GST yang membebankan. Ditambah pula dengan persepsi ketidakcekapan, ketidaktelusan tadbir urus kewangan negara serta pula dipertikaikan tentang tatacara perbelanjaan kerajaan yang katanya tidak berhemah, berketirisan, segala-galanya sudah dijawab. Sudah terjawab. Sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pembentangan Bajet di Dewan Rakyat yang lepas dan juga di forum-forum terbuka kerajaan. Kita lihat bahawa jawapan yang boleh diterima ataupun yang tidak boleh di terima oleh rakyat. Sama ada jawapan itu ditolak oleh rakyat, pilihan masih di tangan rakyat. Kita mesti ingat bahawa akhirnya, kuasa rakyat jugalah yang harus kita ambil pertimbangan. Bagi kita di negeri Johor ini, Ahli-ahli rakan-rakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita terus beriltizam membangun dan memacu ekonomi negeri Johor ini dengan cara kita, cara orang Johor, bangsa Johor, budaya Johor, budaya muafakat kita, bangsa Johor. Berinklusif, lestari demi sejahtera untuk Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jorak menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jorak. Saya tidak suruh berhenti. Persidangan disambung semula, dijemput Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Selamat tengah hari dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih sebab diberi peluang kepada Penggaram untuk berbahas dalam Bajet Negeri Johor 2016. Yang Berhormat Dato' Speaker, Penggaram hari ini berdiri di Dewan yang mulia sebagai Ketua Pembangkang yang baru, maka izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada bekas Ketua Pembangkang yg terdahulu atas jasa dan kegigihan beliau dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Ketua Pembangkang sungguhpun taraf Ketua Pembangkang masih belum diiktiraf secara rasmi oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih YB Skudai. (Dewan bertepuk). Penggaram tahu hanya menukarkan tempat duduk telah mengecewakan rakan yang sebelah sana mengatakan bahawa kami tidak bersatu padu tetapi satu peristiwa yang mereka tidak boleh menafikan iaitu skandal 1MDB telah mengakibatkan kita kehilangan seorang Timbalan Perdana Menteri bangsa Johor, seorang ahli politik yang berpengalaman. Ini membuktikan bahawa perpaduan dan sepakat bukan serupa yang diceritakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berasa cukup kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Johor bahawa Baginda telah menyatakan bahawa seluruh rakyat Johor tidak kira Cina, Melayu, India dan lain-lain bangsa adalah bangsa Johor. Semangat ini merupakan satu wawasan yang saya kira cukup baik untuk memastikan seluruh rakyat dapat bersatu dan menumpahkan taat setia kepada negeri tercinta ini. Atas semangat ini, saya mewakili rakan-rakan Pakatan Harapan Johor ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan bola sepak kesayangan kita Johor Darul Ta'zim yang juga kita gelarkan Harimau Selatan, di atas kejayaan mereka menempa nama di persada antarabangsa apabila berjaya menjuarai Kejohanan Piala Asia baru-baru ini di Tajikistan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat dah beli baju dia? Baju Southern Tiger.

YB Puan Gan Peck Heng (Penggaram) : Dah beli. Memang saya ada membuat satu siaran langsung. Kami juga ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Tengku Mahkota Johor atas usaha gigih beliau memajukan sukan bola sepak negeri Johor selama ini. Tanpa usaha dan keyakinan beliau, JDT tidak akan berada di puncak prestasi seperti mana hari ini. Tahniah pasukan JDT dan pihak pengurusan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada pengurusan pasukan JDT dalam usaha membangunkan mutu bola sepak di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya ulangi kami mewakili rakyat negeri Johor juga mempunyai tanggungjawab yang sama besar dengan wakil-wakil rakyat sebelah kerajaan. Tugas kami di Dewan yang mulia ini juga cukup penting bagi memastikan sistem semak dan imbang, dengan izin, *check and balance* berkesan dalam kerajaan negeri menjalankan tanggungjawabnya secara cekap dan berkesan.

Oleh yang demikian, atas semangat demokrasi yang tulus ini, kami memohon buat sekian kalinya kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan seluruh Ahli Dewan Negeri Johor untuk mengiktiraf secara rasmi peranan ketua pembangkang, seperti mana amalan Dewan-Dewan negeri yang lain telah melaksanakannya. Saya tidak fikir permintaan kami ini keterlaluan atau menyalahi peraturan Dewan yang mulia ini. Pengiktirafan ini bukan sekadar untuk tujuan formaliti, pangkat atau nama tetapi ia adalah satu amalan lazim bagi mana-mana sistem demokrasi yang ada di dunia. Kami memerlukan kemudahan-kemudahan asas seperti pejabat, bilik mesyuarat, peralatan asas pejabat serta ruang urusan pentadbiran berkaitan dengan tugas-tugas di Dewan.Ini semua bagi memastikan kami dapat menjalankan tugas dengan baik, lebih baik dan selesa. Pengiktirafan rasmi ini bukan sahaja akan dilihat sebagai satu pelaksanaan demokrasi yang matang malah ia juga akan dapat memberi petanda yang baik kepada golongan hawa bahawa peranan kaum wanita di dalam Dewan sebagai ketua pembangkang adalah setaraf dengan kaum Adam yang terkenal dengan kebolehan mereka dalam memimpin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahun 2016 adalah tahun yang penuh dengan cabaran untuk negeri Johor. Kemerosotan-kemerosotan harga minyak, harga minyak mentah dunia secara tidak langsung memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri untuk tahun hadapan khasnya bagi pelaburan sektor minyak dan petrokimia.

Walaupun negeri Johor mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu KDNK pada kadar 0.2% lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK kebangsaan tahun 2013 iaitu 4.9%, namun masalah di Johor tetap wujud kerana KDNK per kapita masih rendah berbanding negeri lain. KDNK per kapita Johor untuk tahun 2013 adalah RM25, 302.00, anggaran ini hanya merupakan 1/3 daripada anggaran Wilayah Persekutuan dan 2/3 daripada anggaran negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa negeri Johor yang berkembang pesat sejak tahun 2009, masih lagi berada di belakang negeri Sarawak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Masalah pembahagian pendapatan ekonomi bukan masalah yang boleh diselesaikan sepenuhnya oleh kerajaan negeri. Ia perlu dilakukan secara komprehensif dengan kerajaan persekutuan secara kerjasama. Justeru, kerajaan negeri Johor perlu bersikap proaktif untuk meringankan beban rakyat. Bagi tahun 2016, rakyat Johor akan menerima kesan daripada kemerosotan nilai mata wang Ringgit dan peningkatan kadar inflasi. Harga import yang lebih tinggi akan mengurangkan kuasa beli isi rumah. Bahkan kemerosotan nilai mata wang Ringgit ini tidak membantu meningkatkan eksport negeri Johor dan pelaburan dalam negeri kerana keadaan ekonomi dunia masih lemah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyelesaian yang lebih praktikal di peringkat negeri adalah dengan meningkatkan pendapatan boleh guna setiap isi rumah. Ini bermaksud, kita seharusnya meningkatkan pelaburan agar kuasa beli setiap isi rumah turut meningkat. Pada masa yang sama, perbelanjaan rumah dan utiliti kekal sebagai perbelanjaan utama untuk semua isi rumah. Apabila kos sara hidup meningkat secara mendadak, harga makanan menjadi salah satu isu paling utama tetapi rakyat masih mempunyai pilihan untuk memilih jenis makanan. Sebaliknya rakyat tidak mempunyai alternatif dalam isu pengangkutan.

Pada tahun 2013, bilangan kenderaan berdaftar dalam negeri Johor telah melebihi jumlah 3 juta. Sebanyak 92% daripada jumlah kenderaan berdaftar tersebut adalah motosikal dan kereta. Selain daripada kos sewa tempat tinggal, atau bayaran pinjaman perumahan, perbelanjaan bulanan untuk membayar pinjaman serta petrol bagi kenderaan telah menjadi beban utama kepada isi rumah yang berpendapatan bawah RM3,000.00. *Trend* ini tidak akan berubah jika kerajaan melabur dalam infrastruktur dalam pengangkutan awam. Makna kepada kemajuan pembangunan ekonomi sesebuah negeri seharusnya dilihat kepada sejauh mana ekonomi tersebut mampu memperkaya semua lapisan rakyat. Jika kita berhasrat memperkaya bangsa Johor khasnya dalam keadaan ekonomi yang mencengkam sekarang ini, kita seharusnya memulakan pelaburan untuk membangunkan infrastruktur yang akhirnya dapat memberi kesan terhadap peningkatan kuasa beli rakyat.

Bajet alternatif mencadangkan Bajet 2016 pelaburan sebanyak RM222 juta membangunkan sistem pengangkutan awam seluruh negeri bagi tempoh 5 tahun. Kos ini termasuk pelaburan aset dan kos operasi untuk tahun pertama. Sistem ini bukanlah sistem pengangkutan percuma namun tambang yang dikenakan, ditetapkan pada kadar yang paling minimum. Semua perjalanan sehala dalam bandar pada kadar tambang RM1.00 tanpa mengira jarak. Sebanyak 300 buah bas disediakan mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut :

1. Zon selatan iaitu MBJB, MPJBT, MPPG, MDP, MPKu, 100 buah.
2. Majlis Perbandaran Batu Pahat, 40 buah.
3. Majlis Perbandaran Kluang, 30 buah.
4. Majlis Daerah Ledang, 20 buah.
5. Majlis Perbandaran Muar, 30 buah.
6. Majlis Daerah Segamat, 20 buah
7. Majlis Daerah Kota Tinggi, 15 buah.
8. Majlis Daerah Simpang Renggam, 15 buah.
9. Majlis Daerah Yong Peng, 15 buah.
10. Majlis Daerah Mersing, 15 buah.

Sekiranya, 500,000 isi rumah serta individu menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan, keadaan ini dapat menjimatkan sekurang-kurangnya RM100.00 kos petrol sebulan. Ini seterusnya membawa kepada penjimatan perbelanjaan isi rumah sebanyak RM50 juta sebulan seluruh negeri. Dengan ini bajet alternatif turut mencadang satu jawatankuasa terpilih pengangkutan awam ditubuhkan segera agar melancarkan satu sistem pengangkutan awam yang memanfaatkan bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu kebajikan penjaja pasar malam dan pasar tani perlu dijaga khasnya untuk tahun 2016. Kita harus sedar kuasa beli rakyat semakin berkurangan selepas GST dilaksanakan berkuat kuasa 1 April 2015 yang lalu. Penjaja menerima kesan buruk jika tiada langkah proaktif diambil oleh kerajaan. Bajet alternatif ini mencadangkan agar bayaran lesen yang berkenaan untuk semua pasar malam dan pasar tani dikecualikan bagi tahun 2016. Dasar sementara ini akan mengurangkan kos yang terpaksa dihadapi penjaja. Menerusi pengecualian ini, kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan negeri dijangka sebanyak RM25 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 2016 merupakan tahun yang amat getir untuk negeri Johor dalam mendepani kemelut isu air. Zon selatan Johor khususnya buat masa ini sedang mengalami catuan bekalan air berjadual sejak 16 Ogos yang lalu. Krisis ini berada pada tahap kritikal di mana buat pertama kalinya dalam sejarah Empangan Sungai Layang dan Sungai Lebam menyaksikan penyusutan paras air yang amat membimbangkan. Apabila krisis muncul barulah kita semua menyedari betapa pentingnya aspek pengurusan air yang cekap dan bersepadu. Kita merancang, Tuhan yang menentukan. Kita berbangga dengan pelancaran pelbagai projek mewah dan mega tetapi kita lupa bahawa tanpa pelan perancangan dan pengurusan bekalan air bersih yang menyeluruh dan cekap tak mungkin projek-projek mega dan mewah di selatan Johor ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Merujuk kepada Badan Kawal Selia Air Negeri Johor yang diberi tanggungjawab menyedia sumber-sumber air sewajarnya menjadi satu agensi yang lebih berkesan. Kita tidak mahu apabila krisis berlaku barulah agensi mahu bertindak dan membuat kajian. Usaha kerajaan mahu membina lebih banyak lagi kawasan tadahan dan rawatan air mungkin akan menjadi sia-sia sahaja jika punca utama masalah yang wujud hari ini tidak ditangani. Pewartaan kawasan tadahan air hanya sebahagian daripada usaha tersebut. Namun apa yang lebih utama adalah aspek pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang khususnya berkaitan penerokaan tanah di kawasan-kawasan sensitif tersebut. Jika ada 20 empangan baru sekalipun tetapi jika

kawasan-kawasan ini tidak dikawal selia dengan cekap dan ketat pasti ia menjadi sia-sia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesannya permasalahan ini bukan terhadap pembangunan ekonomi negeri tetapi yang lebih mendukacitakan adalah kesan terhadap pengguna khususnya rakyat bangsa Johor. Kesan ini bukan bersifat jangka pendek tetapi kita percaya ia mempunyai kesan rantaian yang jauh lebih besar dan lama jika langkah tepat tidak diambil dari sekarang. Menyedari krisis air yang melanda Johor, bajet alternatif ini mencadangkan agar satu jawatankuasa terpilih yang bersifat rentas parti ditubuhkan segera pada sidang Dewan Negeri kali ini melibatkan ADUN-ADUN kerajaan dan pembangkang untuk tujuan memikirkan semula dasar-dasar utama negeri dan melakukan penambahbaikan dalam menangani krisis yang sedang dihadapi. Merangka pelan bertindak jangka panjang bagi memastikan krisis air di Johor dapat ditangani dengan lebih berkesan pada masa hadapan.

Jawatankuasa terpilih perlu ditubuhkan agar perkara-perkara melibatkan bangsa Johor dapat dirancang serta dikaji terperinci oleh Wakil Rakyat tanpa mengira ideologi politik. Justeru, bajet alternatif ini mencadang agar menubuhkan satu lagi jawatankuasa terpilih agar menyediakan kebebasan maklumat. Negeri Johor perlu mengubahkan satu enakmen kebebasan maklumat. Enakmen ini amat penting untuk mengekalkan kredibiliti serta akauntabiliti satu kerajaan.

Selain aspek ekonomi, aspek pendidikan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam pembangunan dan kemajuan negeri serta rakyatnya. Saya pasti Johor tidak mahu ketinggalan dalam memastikan aspek pendidikan ini sentiasa diberi keutamaan dalam agenda negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu berhubung kes pembinaan sekolah agama yang terbengkalai di negeri Johor, projek ini dimulakan lebih 4 tahun lalu hingga kini belum siap sepenuhnya. Malah ia telah lewat 2 tahun dari jangkaan asal. Dalam bajet 2016 menyatakan bahawa Kumpulan Prasarana Rakyat Johor akan mengambil alih pembinaan 77 buah sekolah agama yang terbengkalai di negeri ini dengan peruntukan berjumlah RM168 juta. Saya membangkitkan perkara ini adalah atas kepentingan dua perkara iaitu :

1. Keperluan mendesak anak-anak untuk belajar, dan
2. Sistem tadbir urus antara kerajaan negeri termasuk agensi kerajaan negeri, pihak pemaju dan kontraktor pembinaan.

Saya difahamkan 96 buah sekolah agama dengan kos RM319.04 juta dan nilai *work done*, dengan izinnya oleh MySys adalah sebanyak RM138.5 juta.

Di sini, Penggaram ingin mengetahui apakah perjanjian penyelesaian di antara pihak kerajaan dan MBSB bagi tujuan penamatan dan pengambil alih projek? Apakah penilaian semula terhadap setiap kerja yang telah siap dan sedang dalam pembinaan oleh KPRJ? Adakah peruntukan RM168 juta secara tambahan pada kos RM319.04 juta yang diputuskan pada awalnya ataupun penilaian kos yang baru?

Saya menggesa buat demikian kalinya agar kerajaan negeri melaporkan status pembinaan kesemua sekolah-sekolah ini di Dewan dengan telus. Kami juga menggesa satu siasatan rapi dijalankan bagi mengenal pasti punca kegagalan projek ini. Jika ada mana-mana pihak yang gagal menjalankan tanggungjawab seperti yang telah dimeterai, kerajaan wajar mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit. Tidak kira dari pihak pemaju, kontraktor, agensi kerajaan negeri sekali pun. Kita bukan sekadar memperjudikan wang cukai rakyat, malah kita memperjudikan nasib dan masa depan anak-anak bangsa Johor. Kami khususnya rakan-rakan dalam DAP dan Pakatan harapkan akan terus bersuara memperjuangkan kepentingan rakyat tanpa mengira latar agama mahupun bangsa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai seorang wanita, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini. 20 November adalah sebagai hari antarabangsa menghentikan keganasan terhadap wanita. Berdasarkan fakta daripada pihak Polis DiRaja Malaysia, sebanyak 9% daripada wanita telah dibelenggu oleh keganasan domestik. Pada tahun 2012 hingga tahun 2015, seramai 11,686 wanita telah menjadi mangsa keganasan domestik. Dalam seramai 11,686 orang bangsa ini, terdapat 1,903 kes yang berlaku di Johor iaitu 16%.

Justeru, saya menyeru agar semua pihak memandang serius insiden keganasan domestik kerana ianya boleh menjejaskan keharmonian keluarga, kecederaan parah serta kematian. Malah kempen membanteras keganasan terhadap wanita perlu dilaksanakan di bawah kerajaan Johor agar Johor boleh membanteras dan menghentikan keganasan dengan mengadakan kempen kesedaran seperti Program Kesaksamaan Jantina, Usaha Mengarusperdanakan Isu dan Perspektif Gender. Di sini terdapat beberapa soalan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Penggaram, sila gulung.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Bagaimana usaha kerajaan Johor untuk melakukan sesuatu dapat supaya meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat bangsa Johor untuk membendung masalah keganasan terhadap wanita dalam jangka panjang?

Soalan yang nombor 2, berapa banyak pusat perlindungan untuk wanita sekiranya terdapat keperluan mendesak berhubung kes keganasan tersebut?

Soalan yang nombor 3, apakah *hotline* yang disediakan kepada wanita yang mengalami keganasan?

Soalan yang nombor 4, berapakah statistik berkaitan penceraian yang berpunca daripada kes melibatkan keganasan dalam keluarga?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menamatkan perbahasan saya, Penggaram ingin mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pasar awam sementara Batu Pahat. Tapak pasar awam sementara Batu Pahat yang telah dibina dengan kos RM1 juta tanpa dilengkapi dengan sistem perparitan dalaman. Ini telah membawa banyak kerumitan kepada penjaja-penjaja khasnya kepada mereka yang

menjual hasil tangkapan laut. Ia wujud sejak pemindahan dibuat pada hujung bulan Julai 2015.

Kini meter pemasa telah dipasang terbalik, bekalan elektrik berfungsi pada sebelah malam dan tutup pada siang hari. Walaupun aduan telah dibuat selama 2 bulan tiada apa tindakan yang diambil oleh pihak tertentu. Ini telah bertentangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet ingin mewujudkan prasarana peniaga yang sesuai dengan keadaan dan lingkungan semasa. Kerajaan negeri akan menaikkan gerai-gerai dan pasar awam agar lebih mesra pengunjung, bersih, harmoni dan sistematik. Saya berharap Dewan Negeri dapat direformasi struktur dan sistem agar fungsinya dapat memberi impak terhadap rakyat. Kita harus pastikan prinsip semak dan imbang berlaku dan berjalan dengan betul dan wajar. Ini juga turut akan memberi kesan terhadap mutu kerja dan perkhidmatan sektor kerajaan khususnya di Pihak Berkuasa Tempatan.

Kami Wakil-Wakil Rakyat pihak pembangkang tidak mengharapkan layanan istimewa dari PBT sebaliknya kami memerlukan kerjasama yang lebih erat dan mesra dalam menjalankan tugas masing-masing. Saya menaruh kepercayaan kepada semua kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan tugas dengan profesional tanpa sebarang prejudis terhadap kami Wakil Rakyat pembangkang. Saya mencadangkan agar satu Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan keberkesanan PBT-PBT memuaskan kehendak pembayar cukai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kami dari Pakatan Harapan sekali lagi ingin mengingatkan semua daripada kita bahawa segala usaha pemulihan ekonomi pada hari ini tidak semudah memberi wang kepada rakyat. Tahap pertumbuhan ekonomi negeri juga pastinya menerima tempias dari suasana ekonomi dan dasar kerajaan pusat. Dalam hal ini, saya menyeru agar kerajaan negeri perlu sentiasa peka dengan keperluan rakyat khususnya golongan bawahan serta kumpulan miskin bandar yang sedang teruk dihimpit akibat kecuaian pemimpin kerajaan pusat. Zaman kerajaan serba tahu dan betul telah berubah. Justeru, Pakatan Harapan sebagai kerajaan menanti akan sentiasa memantau segala urusan kerajaan dan kami akan terus meningkatkan usaha agar kehidupan rakyat dapat di terus diperbaiki dengan lebih berkualiti lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Kami menolak semua sikap politik pecah dan perintah serta politik perkauman yang tidak akan membawa apa-apa kebaikan kepada rakyat, negeri dan negara. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sunday sambung semula. Jemput Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Waalaikumusalam.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Dan salam sejahtera. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang memberi peluang kepada Puteri Wangsa untuk turut serta membahaskan Ucapan Bajet Negeri Johor Darul Takzim Tahun 2016 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini, pada 19 November 2015 yang lalu. Puteri Wangsa ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Bajet yang Inklusif, Lestari dan Sejahtera untuk Johor.

Sebelum meneruskan perbahasan, Puteri Wangsa tidak ketinggalan untuk mengucapkan tahniah dan melahirkan kesyukuran dan kebanggaan di atas kejayaan yang cemerlang yang dicapai oleh Pasukan JDT memenangi Piala AFC di Tajikistan baru-baru ini sehingga nama Johor bertambah harum dan manis dan menjadi sebutan di peringkat antarabangsa.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB ikut sama ke Tajikistan?

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :Ya?

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak ikut sama?

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Tak ikut, dah ramai yang pergi. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Dato' Speaker, Puteri Wangsa melihat langkah-langkah dan saranan-saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar begitu komprehensif yang merangkumi segala aspek kehidupan yang membawa kepada kesejahteraan rakyat. Puteri Wangsa amat mengharapkan bahawa ianya bukan sekadar teori semata-mata bahkan ianya adalah merupakan teori dan praktikal yang dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan yang sebaik-baiknya. Puteri Wangsa suka untuk memperingatkan diri sendiri, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan terhadap peringatan daripada Allah SWT di dalam Al-Quranul Karim dengan firmannya, (Bacaan Ayat Al-Quran). Yang Bermaksud, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. "Telah bertasbih kepada Allah oleh segala apa yang ada di langit dan di bumi dan Dialah Allah yang gagah lagi Maha Bijaksana. Hai orang-orang yang beriman, mengapakah kamu memperkatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan. Amat besarlah kebencian di sisi Allah. Apabila bahawa kamu berkata apa yang kamu tidak buat. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berjuang di jalannya dalam satu saf yang tersusun rapi seolah-olah mereka itu satu bangunan yang kukuh". Ayat 1 hingga 4 surah As-saf.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB duduk dulu kita hormat azan. (Dewan diam menghormati azan).

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Demikianlah ayat-ayat Allah sebagai tazkirah di Dewan yang mulia ini, dalam memastikan integriti pelaksanaan Bajet yang sebaik mungkin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam menggambarkan pengagihan ekonomi yang adil, maka Rasulullah SAW memperingatkan menerusi sabda Baginda, (bacaan potongan hadis) yang bermaksud," manusia itu atau rakyat itu berkongsi di dalam 3 perkara iaitu air, api dan padang ragut yakni tempat ternakan". Ianya boleh dikiaskan terhadap segala perkara yang menjadi kepentingan bersama bukan sekadar air, api dan padang ragut bahkan termasuk lebuh raya dan jalan raya dan seumpama. Begitu juga pengangkutan awam, peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan dan hak untuk mendapatkan pelajaran di pusat-pusat pengajian dan sebagainya. Maka perkara-perkara tersebut tidak wajar diperniagakan sehingga membebankan rakyat. Oleh itu pembayaran yang dikenakan kepada rakyat hanyalah dengan kadar untuk memenuhi keperluan perkhidmatan semata-mata, bukan untuk komersial atau memberikan keuntungan yang berlipat ganda kepada pihak-pihak yang tertentu.

Demikianlah konsep kesejahteraan rakyat yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW lebih-lebih lagi pada masa kini kita melihat *cost of living*, dengan izin, yang semakin meningkat dari masa ke semasa oleh itu segala langkah dan saranan bagi meringankan bebanan rakyat jelata hendaklah dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan harapan untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan beberapa hasrat dan permohonan rakyat Johor amnya dan di kawasan Puteri Wangsa khasnya, di antaranya ialah permohonan jejantas di Jalan Bukit Mutiara. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan utama berhampiran Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara sedang dinaik taraf daripada 2 lorong kepada 4 lorong kerana peningkatan kenderaan yang menggunakan laluan tersebut. Peningkatan kenderaan akan menambah risiko kemalangan terhadap murid-murid sekolah. Sehubungan dengan itu, Puteri Wangsa memohon jasa baik pihak kerajaan agar dapat membina jejantas kerana lebih 700 orang murid sekolah menggunakan laluan tersebut setiap hari tambahan pula telah berlaku beberapa kemalangan melibatkan murid-murid sekolah tersebut.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi?

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Panjang lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila duduk. Bagi membolehkan Puteri Wangsa menyambung perbahasan pada sebelah petang, saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan kita hingga ke jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Puteri Wangsa menyambung perbahasan. Dijemput.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Puteri Wangsa juga ingin menyentuh isu sekolah agama yang terbengkalai. Sekolah agama adalah menjadi nadi penting kepada Negeri Johor. Sedia maklum masalah projek pembangunan sekolah agama yang terbengkalai menjadi masalah yang serius dan dibimbangi. Puteri Wangsa amat mengharapkan agar masalah ini diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeri Johor. Masalah ini telah berlarutan berpuluh tahun hingga sekarang dan melibatkan hampir seluruh daerah Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor sepatutnya memberi amaran keras kepada pihak pemaju agar menyiapkan projek pembangunan ini dengan segera dan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya tidak menjadi masalah kepada rakyat hingga menyebabkan peningkatan kos yang sedia ada. Ini akan memberi kesan buruk kepada kewangan kerajaan negeri yang mana pembaziran wang rakyat kerana penambahan kos. Contohnya Sekolah Agama Taman Setia Indah dan Sekolah Agama Taman Kota Masai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa juga berharap pihak kerajaan negeri tidak memandang pembangunan sekolah agama ini secara sambil lewa, ia perlu diberi perhatian yang sewajarnya sepertimana sekolah kebangsaan dan projek-projek mega lain. Projek pembangunan sekolah agama ini amat penting bagi memastikan kesinambungan pendidikan agama dalam membentuk modal insan. Allah SWT berfirman (Bacaan Al-Quran) Surah Al-Mujadilah yang bermaksud, "Allah mengangkat orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu dengan beberapa darjat ketinggian." Pada sidang yang mulia ini Puteri Wangsa dengan tegas menggesa agar pihak kerajaan negeri menyelesaikan dan menyegerakan projek pembangunan sekolah agama agar murid-murid dapat belajar dengan selesa dan tidak terganggu dengan kelas yang sempit akibat ramainya pelajar dalam setiap kelas, dalam masa yang sama dapat menghilangkan kerisauan ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya Puteri Wangsa ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan banjir kilat yang sering berlaku di kawasan perumahan dan kampung-kampung khususnya di kawasan Puteri Wangsa. Melalui pemerhatian saya dan maklumat yang diterima dari orang awam, punca sebenar berlaku adalah disebabkan apabila terdapat projek pembinaan yang baru, sama ada perumahan dan sebagainya dengan kedudukannya yang lebih tinggi daripada kawasan perumahan sedia ada, maka apabila berlaku hujan, sistem perparitan yang ada tidak dapat menampung air yang mengalir dari kawasan binaan yang tinggi. Bagi mengelakkan masalah ini berlaku pada masa-masa akan datang, Puteri Wangsa menyeru supaya agensi berkaitan dapat membuat kajian dan pertimbangan sebelum sesuatu projek perumahan diluluskan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di kawasan Puteri Wangsa terdapat tiga kawasan perumahan seperti Taman Setia Indah, Taman Dato' Onn, Taman Istimewa dan empat buah kampung, Kampung Maju Jaya, Kampung Tawakal, kampung Ubi dan Kampung Kangkar Tebrau yang sering dilanda banjir kilat. Masalah ini berpunca dari sistem perparitan yang kurang sempurna di kawasan pembinaan yang baru yang parasnya lebih tinggi dari kawasan perumahan dan kampung yang sedia ada. Puteri Wangsa mewakili penduduk kawasan terlibat meminta Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBJB, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Pejabat Daerah Johor Bahru dan JPS dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka dan diselesaikan supaya harta benda mereka dapat diselamatkan dan kesejahteraan hidup mereka terjamin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jambatan adalah penghubung jalan untuk merentasi sungai atau parit, maka dengan itu Puteri Wangsa mohon kepada pihak yang bertanggungjawab agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna jalan raya terutama di Jalan Kempas Lama, Kampung Maju Jaya yang keadaan jambatan merentasi Sungai Tebrau iaitu sangat sempit dan uzur, mempunyai dua lorong dan sangat-sangat merbahaya terutama kenderaan kecil seperti motosikal dan kereta. Masalah jambatan sempit ini telah berlaku beberapa kali, di maju dan dibangkitkan semasa beberapa sidang DUN yang lalu. Jalan Kampung Maju Jaya adalah salah satu jalan yang sangat sibuk dengan kenderaan besar seperti lori. Ia telah menjadi jalan utama untuk ke beberapa kawasan perindustrian seperti kawasan perindustrian Seelong, perindustrian Senai, perindustrian Berjaya dan juga merupakan jalan pintas ke Lapangan Terbang Senai. Oleh kerana jambatan yang sempit dan kedudukannya di cerun bukit, ia telah menjadi punca penyebab banyaknya berlaku kemalangan jalan raya. Masalah ini telah pun dijawab oleh EXCO yang bertanggungjawab dengan pelbagai jawapan diterima oleh Puteri Wangsa. Jawapannya seperti berikut. Pertama, kerja-kerja ukur telah selesai dan reka bentuk sedang dibuat. Kedua, pelebaran jambatan dan jalan akan dibuat dari dua lorong ke empat lorong. Dan jawapan yang terakhir, sesi yang terdahulu, yang lepas, pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf jambatan merentasi Sungai Tebrau akan dimulakan akhir Tahun 2015 dan dijangka siap akhir 2016 dengan kos anggaran RM 3 juta. Akan tetapi, sehingga sekarang, tiada tanda-tanda yang pembinaan jambatan itu akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melalui sidang yang mulia ini Puteri Wangsa mohon teramat sangat agar masalah dan keperluan pengguna jalan raya ini diberi keutamaan yang sewajarnya. Melalui jawapan-jawapan yang diberikan oleh EXCO yang berkenaan, Puteri Wangsa mempunyai keyakinan yang pelaksanaan menaik taraf jambatan tersebut akan dibuat demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain itu Puteri Wangsa memohon Kementerian Kesihatan melalui Kerajaan Negeri agar membina Poliklinik di kawasan Puteri Wangsa atau menaik taraf klinik desa yang ada menjadi pusat kesihatan masyarakat serta menempatkan doktor-doktor dan pembantu doktor bagi memudahkan dan mengurangkan kesesakan di pusat-pusat kesihatan. Seterusnya Puteri Wangsa juga memohon agar pihak yang bertanggungjawab dapat meluluskan permohonan AJK dan Ahli Qoriah Surau Al-Amru Ibnu Aus, di Taman Kempas Indah dan Surau Taman

Setia Tropika di naik taraf untuk dibenarkan mendirikan solat fardu Jumaat. Puteri Wangsa juga memohon agar pihak kerajaan dapat memberi peruntukan bagi keperluan pengurusan jenazah di masjid-masjid atau di surau-surau atau utama seperti van jenazah, tempat permandian jenazah dan keperluan yang berkaitan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengemukakan pertanyaan, mengapakan pengusaha industri perkilangan yang mempunyai kesan luaran dibenarkan beroperasi di luar kawasan majlis dan di dalam kawasan kampung? Mohon pihak kerajaan memaklumkan dan mengambil tindakan sewajarnya kepada jabatan-jabatan yang terlibat terutama mengeluarkan lesen operasi demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa amat menghargai pihak Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang mengambil berat di dalam memastikan pengamalan ajaran agama oleh umat Islam hendaklah berasaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan menjauhi fahaman-fahaman yang bercanggah seperti Syiah dan lain-lain. Puteri Wangsa ingin meminta penjelasan terhadap perkembangan yang terkini, penyebaran fahaman Syiah di negeri Johor sama ada terus menular atau telah dapat dikurangkan, dan apakah tindakan pihak kerajaan bagi menangani masalah penyebaran fahaman tersebut dan apakah tindakan terhadap pusat atau markas fahaman mereka yang telah dikenal pasti? Sehubungan dengan itu, Puteri Wangsa ingin penjelasan dengan langkah-langkah yang diambil untuk menyuburkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah di kalangan umat Islam.

Akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa amat maklum dan memahami peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat, terutama generasi muda yang baru menamatkan pengajian dan memulakan pekerjaan. Ramai di antara mereka yang memilih perniagaan secara sepenuh masa dan sambilan bagi menampung kos sara hidup ini. Oleh itu, Puteri Wangsa ingin bertanya, apakah tindakan kerajaan bagi membantu dan memastikan para usahawan muda ini untuk terus berdaya saing dalam perniagaan mereka seterusnya dapat menjana pendapatan yang lumayan terutamanya di kawasan Puteri Wangsa? Jadi itulah yang dapat saya sampaikan, sekali lagi terima kasih kerana memberi peluang berucap dua kali pada hari ini. Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualakum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mendahului kata, Kempas merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam persidangan ini. Pertama-tamanya saya mewakili warga Kempas merafak sembah menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Hari Keputeraan baginda semalam. Semoga Tuanku dikurniakan kesihatan yang baik dan usia yang panjang untuk terus memerintah Negeri Johor dan jajahan takluknya dengan adil dan saksama. Daulat Tuanku.

Keduanya, Kempas merafak sembah menjunjung kasih mendoakan kesejahteraan Ke Bawah Duli Yang Amat Mulia, Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil Ibni Sultan Ibrahim yang dilaporkan sedang menjalani perubatan ketika ini. Sudah tentunya bukan di Johor sahaja, malah di seluruh negara yang mengenal, yang mengenali hati budi beliau turut mendoakan agar dipulihkan Allah secepat mungkin. Amin. Ketiganya, Kempas merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim di atas kejayaan menjuarai Piala AFC. Kempas menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim yang bertanggungjawab meningkatkan prestasi bola sepak negeri Johor dan Insya-Allah Malaysia kelak. Kempas juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Presiden Bola Sepak Johor, JDT iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Karim.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang telah membentangkan belanjawan untuk tahun 2016. Kempas dapat melihat dengan jelas, kesinambungan dalam usaha-usaha kerajaan negeri ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memantapkan lagi pembangunan ekonomi negeri Johor, meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan melengkapkan modul insan berkemahiran tinggi. Kempas menyanjung tinggi projek penghidupan kerajaan negeri Johor. Kita sedia maklum, sejak akhir-akhir ini betapa harga sebuah rumah kini sudah tidak tercapai dek akal. Kempas berharap, projek Rumah Mampu Milik ini memungkinkan setiap rakyat Johor memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah. Kempas turut melihat kesungguhan kerajaan negeri dalam usaha untuk terus memperkasakan rakyat Johor dengan kemahiran, pengetahuan dan mencungkil serta memupuk potensi mereka sehingga ke tahap yang tertinggi. Bak kata pepatah Inggeris yang pertama kali digunakan di pertengahan kurun ke-10 dahulu, *"give a man a fish, and you feed him once. Teach him how to fish and you feed him for a life time"* dengan izin.

Usaha kerajaan negeri akan membolehkan mereka bukan sahaja dapat turut serta dalam pertumbuhan ekonomi negeri Johor tetapi juga dalam negara. Tanpa kemahiran mana mungkin rakyat Johor boleh mengambil bahagian dalam peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Kempas juga merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri yang telah mengenal pasti, Kempas sebagai lokasi untuk Kompleks Penyayang yang berharga RM50 juta dengan suntikan awal oleh kerajaan persekutuan sebanyak RM1.8 juta. Semoga pembinaan Kompleks ini, dapat menyediakan khidmat kebajikan secara *integrated,* dengan izin kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti kanak-kanak, warga tua dan ibu-ibu tunggal. Ia juga melambangkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap mereka yang kurang bernasib baik. Kempas mendoakan semoga Allah SWT permudahkan segala urusan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dalam mentadbir kerajaan di penggal pertamanya ini dan seterusnya Insya-Allah. Kempas turut mendoakan agar semua pelaksana dasar dan dapat menjalankan tanggungjawab seperti yang telah diamanahkan kepada mereka dan peruntukan yang diberikan sampai kepada semua kumpulan sasaran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam ucapan sulung Kempas pada sidang Dewan pada 11 November 2013, Kempas telah mencadangkan agar diwujudkan satu sempadan yang jelas bagi pembangunan dan pelaburan bagi warga asing berimpak

tinggi bertujuan untuk melindungi rakyat tempatan dari impak pembangunan yang tidak mampu dimiliki rakyat tempatan. Pada hari ini, Kempas ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang bestari. Dalam pembentangan belanjawan negeri Johor untuk tahun 2016, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bertindak jauh lebih unggul dengan mengisytiharkan penubuhan Zon Antarabangsa bagi koridor pembangunan Selat Johor yang bakal mengawal pemilikan hartanah oleh rakyat asing di Johor ini. Syabas Yang Amat Berhormat Dato'. Walau bagaimanapun, terdapat di dalam belanjawan tersebut satu cadangan yang membenarkan pemilikan warga asing dalam pembangunan perumahan hartanah, strata bertanah dan komersial atau perdagangan di luar Zon Antarabangsa sebanyak 10% hingga 30% sahaja tertakluk kepada kategori pembangunan hartanah. Kempas mohon sedikit pencerahan, dari Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagaimana cadangan ini boleh melindungi atau *insulate* dengan izin, rakyat Johor yang bercadang dan ada sedikit kemampuan memiliki perumahan bertanah, strata bertanah dan komersial atau perdagangan dari spekulasi harga hartanah jenis ini. Tapi kalau boleh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, biarlah pemilikan orang asing hanya terhad di dalam Zon Antarabangsa sahaja sebagaimana cadangan Yang Berhormat Semarang tadi. Kerana pandangan beberapa perunding hartanah dilaporkan, berkata had harga rumah RM2 juta untuk perumahan biasa serta RM1 juta bagi strata *title,* dengan izin pada pemilik harta asing boleh merangsang pemaju untuk menaikkan harga hartanah yang dibina untuk rakyat Johor terutamanya di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya Kempas memohon, mencadang kepada kerajaan negeri untuk juga mewujudkan Zon Khas bagi peniaga-peniaga tempatan terutamanya Bumiputera untuk berniaga di tengah-tengah bandar raya. Premis perniagaan di zon ini di kemudian hari tidak boleh diambil oleh mana-mana pihak untuk dibina semula bagi kegunaan lain. Kita sudah dapat melihat, bagaimana peniaga-peniaga Melayu terpaksa berpindah keluar dari premis perniagaan mereka kerana kerakusan agensi-agensi kerajaan dan separa kerajaan untuk mengaut keuntungan berlipat ganda menjual premis-premis ini kepada pemaju-pemaju swasta yang kemudiannya membina kompleks membeli belah mewah yang tidak lagi mampu disewa oleh orang Melayu. Kalau kita lihat di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, misalnya, masih tersergam Pertama Complex yang kini mencapai usia 39 tahun. Walaupun dikelilingi oleh bangunan-bangunan yang mencakar langit, Pertama Complex ini seperti dahulu dan masih lagi kini menempatkan perniagaan orang-orang Melayu. Kita berdoa agar, ianya kekal seperti ini sampai bila-bila. Di sini mungkin belum ada lagi, atau sebagaimana diharapkan di atas budi bicara pihak kerajaan. Ianya di dalam perancangan Insya-Allah. Kalau boleh kita tidak mahu lagi peniaga-peniaga Melayu, di sini hanya layak berniaga di pasar-pasar besar, pasar malam dan bazar karat sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jerebu yang baru sahaja melanda negara sesungguhnya telah mencabar kesabaran kita. 18 tahun lamanya negara jiran ini, bersikap tidak bertanggungjawab dan mengakibatkan negara-negara jirannya termasuk Malaysia menderita. Seperti kejituan waktu jam Swiss, saban tahun bagai boleh diramal bila jerebu akan berkunjung tiba. Negeri Johor tidak terkecuali, dari bahana ini. Ia seperti musim yang pasti akan muncul dalam takwim tahunan kita. Dari jerebu kepada kabut dan seterusnya asap toksik tebal, Yang Berhormat Tan Sri

Speaker, negara kita mengalami satu pelanggaran hukum alam sekitar yang paling buruk setakat ini yang telah menjejaskan kesihatan rakyat dengan ketara. Sebagai sebuah negara yang paling banyak memberikan subsidi kesihatan kepada rakyatnya. Peningkatan bilangan pesakit di klinik dan hospital kerajaan pasti memberi kesan terhadap imbangan kewangan negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Kempas sahaja, di antara bulan Ogos hingga Oktober iaitu 3 bulan terdapat 28,911 kes iaitu bersamaan dengan 47 orang setiap jam atau setiap 4 minit 3 orang yang datang daftar untuk apa nama ini berjumpa dengan doktor kerana sesak nafas. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekolah-sekolah juga terpaksa ditutup selama berhari-hari yang menjejaskan jadual dan pembelajaran akibat purata Indeks standard pencemaran (PSI) yang melebihi 150 bagi tempoh 6 bulan 6 minggu berturut-turut. Perniagaan menerima pukulan yang paling hebat, syarikat-syarikat penerbangan terpaksa menanggung kerugian dengan kelewatan dan pembatalan operasi. Acara-acara Sukan Antarabangsa dan pelancongan dibatalkan, mengakibatkan kerugian terkumpul mencecah berbilion ringgit. Kita perlu memperincikan jumlah keseluruhan kerugian berterusan yang ditanggung akibat jerebu ini dan mengumumkannya secara bulanan. Walaupun, kita tidak boleh menghantar bil kerugian kepada pesalah yang sebenarnya, sekurang-kurangnya ia boleh dijadikan fakta penting untuk melaksanakan tindakan serius terhadap mereka. Sekali pun jika mereka yang terlibat ini adalah syarikat-syarikat dari Malaysia, mereka semestinya dikecam dan dihukum sewajarnya mengikut pada undang-undang negara tersebut. Janganlah diringankan hukuman mereka semata-mata untuk dijadikan alasan bagi penduduk tempatan pula melakukan jenayah yang lebih besar. Sudah tiba masanya negara-negara anggota kanan ASEAN yang terjejas mengemukakan hujah kukuh agar tindakan *affirmative* seperti tekanan undang-undang diambil terhadap negara punca jerebu ini di atas kecuaian dan sikap acuh tak acuh mereka terhadap bukan sahaja kesejahteraan rakyat mereka sendiri tetapi rakyat negara-negara jiran mereka.

Singapura telah pun mengharamkan barangan dari kedai-kedai mereka yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab ini. Syarikat-syarikat ini mahupun kerajaan negara punca jerebu ini. Selain dari mengatakan bahawa kita tidak akan beri tekanan kepada negara ini, apakah tindakan yang dibuat oleh kerajaan kita? Adakah kita bersedia menderita untuk 18 tahun lagi? Pada hari ini, semalam, minggu lepas, ada sidang kemuncak ASEAN, saya rasa dukacitalah sebab tiada baca pun tentang apa-apa, tentang tajuk jerebu yang dibawa keluar sedangkan rakyat negara kita, rakyat negara Singapura, Thailand, *Philippines* dan juga Brunei menderita selama 6 minggu berturut-turut, 18 tahun sudah menjadi macam ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker**,** pemerintah yang sengaja membenarkan aktiviti ini berlaku perlu diheret ke muka pengadilan kerana apa yang mereka lakukan adalah suatu jenayah kemanusiaan kerana membiarkan aktiviti pembakaran ini berleluasa. Setelah 18 tahun, bersesak nafas, secara fizikal mahupun *physical* sudah sampai masanya kita cuba antara dua cara iaitu sama ada melalui *International arbitration* ataupun tindakan tegas oleh ASEAN ke atas negara ini. Kita boleh rujuk kepada kes *'Trail Smelter Arbitration'* iaitu *United States vs Canada* dengan izin. Amerika Syarikat telah mengambil tindakan ke atas Canada berkenaan isu *sulfur* dioksida daripada *Trail Smelter* yang memberi kesan buruk ke atas Washington antara tahun 1925 hingga

1937. Telah didapati di *arbitration* tersebut bahawa kewajipan untuk melindungi negara-negara lain terhadap perbuatan yang memudaratkan oleh individu dari dalam lingkungan bidang kuasa sesebuah negara pada setiap masa adalah menjadi tanggungjawab negara tersebut. Maka kalau ada orang yang individu di dalam negara itu yang membakar ke apa ke tanggungjawab negara itulah harus dipertanggungjawabkan bukan sahaja syarikat. Dan ini ada kes, yang telah pun didengari dan dah pun telah dimenangi oleh negara Amerika.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau dilihat dasar penglibatan ASEAN atau ASEAN *Policy of engagement,* dengan izin iaitu menyelesaikan secara diplomasi tidak boleh lagi diguna pakai sebagai kaedah berurusan dengan negara ini. Kalau setelah 18 tahun kita berdepan dengan musibah ini, terbuktilah bahawa diplomasi ASEAN dalam tajuk jerebu ini sudah ternyata gagal. Satu tindakan sepadu menjurus kepada suatu hukuman oleh ASEAN harus diambil dan dimulakan perbincangannya oleh kerajaan kita selaku pengerusi ASEAN untuk tahun ini. Tentunya sekurang-kurangnya 5 negara yang telah turut menjadi mangsa akan menyokong sepenuhnya cadangan kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kebanjiran pekerja asing. Kebanjiran pekerja asing di Malaysia kini berada pada tahap yang sangat serius bila dianggarkan 6.7 juta warga asing mencari rezeki di negara kita dalam pelbagai sektor. Yang mana hanya 2.1 juta orang sahaja yang memiliki permit sah dan berdaftar dengan Jabatan Imigresen untuk bekerja di negara ini. Terkini kita diberitahu, kira-kira 1.5 juta pekerja dari Bangladesh akan dibawa masuk ke Malaysia secara berperingkat dalam tempoh masa 3 tahun bagi memenuhi permintaan majikan daripada pelbagai sektor yang mana hanya 2.1 juta orang sahaja yang memiliki permit sah dan berdaftar dengan Jabatan Imigresen untuk bekerja di negara ini. Terkini, kita diberitahu kira-kira 1.5 juta pekerja dari Bangladesh akan dibawa masuk ke Malaysia secara berperingkat dalam tempoh 3 tahun bagi memenuhi permintaan majikan daripada pelbagai sektor. Jika dilihat secara rasionalnya, apakah perlu kita membawa masuk lagi 1.5 juta pekerja dari Bangladesh? Jika sudah ada warganegaranya yang sudah berada di negara ini yang boleh diberikan permit kerja yang sah, daripada kerajaan menanggung kos yang tinggi untuk menghantar mereka balik ke negara asal mereka, pekerja-pekerja ini boleh dihalalkan kehadiran mereka di sini dengan diberikan permit kerja dengan di*redeploy*, dengan izin, di sektor-sektor tertentu. Yang selebihnya barulah dimasukkan lagi untuk mencukupkan apa yang kurang. Lagipun mereka yang sudah terlajak tinggal di sini tidak perlu pun dilatihkan semula sudah pun dapat mengasimilasikan diri mereka dengan keadaan kerja di sini dan juga mereka pun dah tahu berbahasa Melayu. Akan tetapi, ada lagi isu..

YB Tan Sri Speaker : Melayu pun ada.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Ya?

YB Tan Sri Speaker : Melayu pun ada.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Bahasa Melayu. Akan tetapi Tan Sri Speaker, ada lagi isu mengenai pekerja asing ini yang lebih membimbangkan Kempas. Sesetengah daripada mereka daripada

beberapa negara hadir dengan membawa bersama pelbagai penyakit dan gejala sosial yang tidak sihat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, statistik PDRM mendapati jumlah kes jenayah membabitkan warga asing semakin meningkat setiap tahun iaitu 2,291 kes pada 2012, meningkat mendadak kepada 13,591 kes pada 2014. Naik 11,000 dalam masa 2 tahun. Ini jenayah yang membabitkan warga asing, Tan Sri Speaker. Banyak kes-kes yang telah dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan termasuk kes terbaru membabitkan 6 lelaki warga asing yang ditahan untuk membantu menyelesaikan siasatan kes bunuh, rogol dan rompak seorang kerani Sekolah Agama Sungai Raya di Sungai Terap, Muar. Juga tak lama dahulu, seorang pengawal warganegara asing telah menembak mati kerani sebuah bank yang kita semua dapat saksikan melalui media sosial.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas bimbang mereka yang masuk ke negara ini sama ada secara sah atau haram mempunyai rekod jenayah di negara masing-masing sebelum berhijrah ke sini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang dikasihi, sebuah akhbar terkemuka di United Kingdom pernah melaporkan tentang syarikat-syarikat pembinaan dari sebuah negara di Asia yang telah menggunakan banduan sebagai tenaga kerjanya bagi projek-projek di Sri Lanka, Afrika dan negara-negara dunia ketiga yang lain. Ianya dikatakan untuk meringankan beban negara tersebut dari menanggung kos membiayai penjenayah-penjenayah ini dan sekali gus mengosongkan penjara-penjara yang sudah pun padat di negaranya. Ini laporan oleh akhbar di United Kingdom yang boleh kita anggap sebagai terkemuka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adakah kita sudah selidik jikalau pekerja-pekerja yang datang ke sini secara *end block,* dengan izin, untuk pembangunan-pembangunan spesifik oleh pelabur dari negara yang sama ini adalah bersih dari jenayah ataupun bukan banduan di negara mereka sendiri? Mungkin ada yang *skeptic* mengatakan ini adalah tugas dan tanggungjawab kerajaan pusat dan bukan negeri dan mungkin ini bukan arena untuk kita bincang. Tetapi jika ada kebarangkalian jenis pekerja ini datang ke bumi Johor kita harus tentang dan tuntut kepada pihak pusat agar mereka lebih bertanggungjawab dalam hal ini. Tidak mustahil jika perkara ini berlaku, lebih-lebih lagi jika kita ambil bulat-bulat pekerja asing ini di atas syarat yang diletakkan oleh pelabur-pelabur asing itu tanpa diusul periksa akan latar belakang mereka. Mana mungkin kita dapat menjejak mereka jika permit kerja yang diberikan tidak meliputi saringan keselamatan ke atas mereka, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Kita seharusnya menuntut agar kerajaan negara pekerja-pekerja asing ini mengeluarkan *letter of good conduct*, dengan izin. Diikatkan dengan bon yang boleh dipulangkan apabila mereka balik ke negara asal tanpa insiden bagi memberi satu jaminan atau *guarantee*, dengan izin, ke atas tindak-tanduk rakyat mereka semasa di bumi Johor. Dengan ini, kerajaan dan syarikat atau ejen-ejen luar atau tempatan yang membawa masuk pekerja-pekerja asing nanti, boleh dipertanggungjawabkan jika pekerja-pekerja ini melakukan jenayah di sini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mungkin ada yang katakan, akan katakan bahawa isu yang dibawa Kempas ini agak keterlaluan atau cubaan, satu cubaan untuk

menakut-nakutkan tetapi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keselamatan bangsa Johor jangan sekali-kali kita ambil enteng. Sedangkan di Singapura di mana tahap keselamatannya yang amat tinggi pun telah berdepan dengan rusuhan oleh pekerja asing dalam setahun yang lepas, yang melibatkan kereta polisnya dibakar dan ramai yang tercedera. Maka tidak mustahil jika perkara ini boleh berlaku di bumi Johor.

Kempas bertanggungjawab untuk mengutarakan kegusaran rakyat tentang kemasukan secara besar-besaran pekerja asing tanpa saringan keselamatan yang munasabah. Di Kempas sahaja, nisbah anggota Polis adalah 41 orang untuk menjaga keselamatan lebih kurang kawasan sebesar 45km persegi. Mereka bukannya bekerja serentak pada satu-satu masa. Jika mengikut syif, tinggal setengah sahaja iaitu 20 orang bagi kawasan sebesar 45km persegi, Tan Sri Speaker.

Oleh yang demikian, Kempas berharap kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk menentukan yang pekerja-pekerja asing yang sudah dan akan bekerja di bumi Johor ini telah ditapis dan adalah selamat untuk melayari kehidupan bersama rakyat dan bangsa Johor. Bak kata Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di Forum Air Johor minggu lepas dan di dalam Ucapan Pembentangan Bajetnya kelmarin, 'jangan kita sudah terhantuk baru tengadah'. Pada ketika negara kita Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai negara yang menghadapi defisit kesetiaan atau *deficit a legion*, dengan izin, di mana berbanding dengan negeri-negeri jiran, kita perlu memberikan bendera negara secara percuma untuk dikibarkan. Kempas terpanggil untuk berkongsikan satu cerita tentang seorang hamba Allah yang kami jumpa di satu majlis rasmi di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, beliau ini telah meluaskan kuasanya kerana diminta datang ke Kuala Lumpur dari Johor semata-mata untuk membaca doa di dalam majlis tersebut. Beliau yang duduk di sebelah saya dari awal majlis itu ternampak gusar, dengan secara tiba-tiba telah melahirkan kedukacitaannya apabila anak kecilnya di kampung dalam ketakutan telah menelefonnya dari Johor untuk memaklumkan bahawa seorang anggota beruniform telah mengarahkannya untuk menurunkan Jalur Gemilang yang dinaikkan bersama anaknya sempena bulan kemerdekaan dalam kawasan rumah peribadinya, rumah sendiri. Difahamkan anggota beruniform ini telah bertindak keterlaluan dalam melaksanakan apa yang dianggap sebagai suatu arahan.

Kempas beranggapan, tindakan ini oleh anggota beruniform itu adalah suatu pengkhianatan kepada kebebasan rakyat yang setia kepada Raja dan Negara kerana bendera itu merupakan simbol kedaulatan dan perlembagaan sesebuah negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, suka Kempas ingatkan bahawa berkemungkinan besar ianya bukan pun suatu arahan tetapi mungkin suatu pandangan yang telah disalah tafsir dan diterjemahkan mengikut cita-cita kerjaya orang-orang yang menjalankan tugas itu. Dan ini dan telah pun membawa kesan yang tidak baik terhadap pemerintah atau sesiapa sahaja yang dikaitkan dengan perintah tersebut. Kesudahannya di kebelakangan ini, beberapa pembetulan terpaksa dibuat untuk menyucikan nama baik pihak yang tidak bersalah. Contohnya, bila masa Setiausaha Kerajaan Negeri terpaksa menerangkan tentang surat penurunan bendera Jalur

Gemilang yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Segamat kepada semua ketua jabatan di daerah berkenaan. Dan menerusi satu siaran media, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sendiri telah di titah untuk menafikan suatu titah yang dikatakan daripada Ke Bawah Duli Tuanku mengenai hal itu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas menimbulkan isu berkaitan ini bukan untuk diambil tindakan terhadap anggota beruniform tersebut atau mana-mana pihak. Tetapi sebagai peringatan agar ianya tidak berulang lagi di masa-masa akan datang. Jika perkara ini berulang kembali, mungkin di tempat-tempat lain umpamanya, ianya secara tidak langsung akan melunturkan lagi ketaatsetiaan rakyat kepada Raja dan negara.

Maka dari itu, Kempas mengingatkan dirinya sendiri dan kepada semua bahawa rakyatlah lebih-lebih lagi mereka yang membayar cukai kepada kerajaan, yang menyumbang untuk membayar gaji kita, membayar gaji anggota-anggota uniform dan kakitangan kerajaan semuanya maka janganlah sekali-kali kita menderhaka kepada rakyat jelata di dalam kita menjalankan tugas yang diamanahkan kepada kita oleh mereka dan Allah SWT. Semoga Allah berkati Johor. Allah selamatkan Sultan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kempas mohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Terima kasih kepada Tan Sri Speaker yang telah memberikan, membenarkan Parit Yaani membahaskan berkaitan dengan Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. Pertamanya, Parit Yaani merafak sembah kepada Duli Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim. Menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah sempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2015 bersamaan 10 Safar 1437. Parit Yaani bersama-sama rakyat jelata mendoakan Tuanku agar berada dalam sihat sejahtera, dipanjangkan usia, dimurahkan rezeki, ditambahkan ilmu, iman dan amal serta berbahagia bersama Permaisuri, anak-anakanda, kaum kerabat dan terus memimpin sekalian rakyat jelata dengan adil dan bijaksana.

Sebelum Parit Yaani meneruskan ucapan, dahulunya mewakili Parti Islam SeMalaysia (PAS), pada kali ini mewakili Parti Amanah Negara. Ringkasnya bukan PAN tapi Amanah. Jadi saya harap, tulisan PAN itu ditukar kepada Amanah.

YB Tan Sri Speaker : Parti Amanah ya.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Parti Amanah sebab dalam kelulusan daripada ROS adalah Amanah. Tan Sri Speaker, Parit Yaani juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada *team* JDT yang telah melakarkan sejarah tersendiri apabila berjaya merangkul Piala AFC baru-baru ini. Inilah kehebatan

bangsa Johor, kita tetap bersatu walaupun berlainan pandangan dan ideologi. Bagaimana Parit Yaani mengharapkan Timbalan Perdana Menteri dari Timbalan Presiden UMNO orang Johor yang dibela oleh bangsa Johor sepatutnya dibela kerana dilucutkan jawatannya daripada Timbalan Perdana Menteri sebab teguran mengenai *donation* RM2.6 bilion.

Kita tahu bahawa suasana yang dinyatakan berkocaknya ataupun berlakunya kegawatan ekonomi dan juga politik bukan sahaja berlaku kepada pihak pembangkang bahkan di dalam kerajaan pun ada dan kita nampak seolah-olahnya air Sungai Muar tidak berkocak tapi saya yakin dan percaya di dalamnya ada buaya yang menunggu, kerana kita pengalaman Bangsa Johor ini kali kedua Timbalan Perdana Menteri daripada Johor yang dipecat ataupun yang digugurkan.

Tan Sri Speaker, Parit Yaani ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pencapaian cemerlang membawa Johor keluar dari masalah belanjawan defisit yang dialami sebelum ini. Jika nilai ringgit kukuh seperti sepuluh tahun dahulu, maka pencapaian ini adalah lebih bermakna dan amat dikenang. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, hasil kerajaan negeri sehingga 17 November 2015 telah mencapai RM1,345 juta atau 108.54% daripada anggaran asal. Bagi tahun 2016 kutipan hasil negeri dianggarkan naik sebanyak 15.04% kepada RM1,425,644 ribu juta. Pertumbuhan ekonomi negeri Johor pada tahun 2014 adalah pada kadar 6.5% iaitu melebihi kadar nasional, iaitu 6% *surplus* atau lebihan hasil dianggar adalah RM400 juta setahun. Dengan rizab tunai terkumpul sebanyak RM2.76 bilion.

Di samping itu jumlah pelaburan yang diterima oleh negeri Johor setakat September 2015 merekodkan nilai pelaburan tertinggi di peringkat nasional, apabila menerima pelaburan asing dan tempatan, sebanyak RM30 bilion. Persoalannya apabila kita melihat kepada statistik, KDNK per kapita tahun 2014, Johor duduk pada *ranking* ke-9 dengan KDNK per kapita sebanyak RM28,105. Jauh di belakang Kuala Lumpur, RM87,801, Pulau Pinang RM43,409, Selangor RM43,165, Melaka RM37,200, bahkan Negeri Sembilan RM36,404. Jika merujuk kepada *Khazanah Institute of Research*, medium pendapatan gaji bulanan negeri Johor pada tahun 2013 duduk di *ranking* ke 6 iaitu RM1,517 berbanding Putrajaya RM2,495, Kuala Lumpur RM2,095, Selangor RM1,980 dan Negeri Sembilan RM1,600. Perangkaan yang disebut tadi menunjukkan bahawa negeri Johor daripada aspek prestasi ekonomi adalah baik serta cemerlang. Tetapi hakikatnya kesejahteraan ekonomi yang banyak tidak dapat dikongsi bersama oleh 3 juta rakyat negeri Johor.

Isu yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan negeri adalah bagaimana untuk mengagihkan kekayaan ekonomi negeri secara adil dan efektif kepada rakyat Johor. Allah SWT mengingatkan kita sebagaimana maksud Al-Quran supaya harta itu tidak hanya beredar di kalangan orang-orang kaya di kalangan kamu. Itu sebabnya di antara asas ekonomi Islam adalah menegakkan keadilan sosial dan perseimbangan ekonomi di antara anggota masyarakat. Agama Islam berteraskan keadilan dan keseimbangan. Tidak ada jurang yang begitu jauh antara orang miskin dan orang kaya. Persaudaraan yang dipupuk oleh Islam akan terhasil sekiranya keseimbangan dan agihan kekayaan adalah saksama di kalangan masyarakat. Pengagihan yang tidak adil, yang berleluasa sudah tentu akan merosakkan keharmonian hidup dalam

masyarakat. Islam amat menekankan keadilan sosial dan perseimbangan ekonomi supaya setiap hidup individu dijamin dapat menikmati taraf hidup yang sempurna sejajar dengan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Adalah tidak menjadi, adalah menjadi tanggungjawab ketua negara bagi menjamin setiap individu mendapat taraf hidup yang sempurna, memberi bantuan kepada yang kurang mampu. Sabda Rasul SAW yang bermaksud, "orang yang dijadikan oleh Tuhan memimpin tentang hal ehwal orang Islam khususnya tetapi dia terus tidak mengambil peduli terhadap keperluan mereka dan kemiskinan mereka, Allah juga tidak akan mempedulikan keperluan dan kemiskinannya nanti".

Tan Sri Speaker, seawal kehadiran Parit Yaani di dalam Dewan yang mulia ini, perancangan kerajaan untuk mengangkat kesejahteraan rakyat agar wujud sebuah masyarakat yang baik bersatu padu, madani dan berbudaya tinggi perlulah direalisasikan dengan sebenar-benarnya. Pengagihan kekayaan jangan hanya dimonopoli oleh segolongan kecil rakyat seperti yang dilaporkan oleh *The Economist* pada 18 April 2015 yang menyatakan 15 buah keluarga menguasai aset yang bernilai hampir 76% KDNK Malaysia. Mereka adalah ahli kelab maha kaya dan bila dibandingkan dengan 3.185 juta keluarga ahli kelab BR1M maka keadaan ini perlu diperbetulkan. Bagaimana 15 keluarga ini amat bertuah dan rakyat lain hanya mendapat kuah.

Tan Sri Speaker, rumah adalah keperluan asas bagi sebuah keluarga. Rumah adalah tempat berteduh, berlindung dan beranak-pinak yang sangat penting dalam kehidupan sebuah keluarga. Kekuatan seorang ketua keluarga akan terserlah apabila dapat menunjukkan kepada anak-anaknya di mana kediaman mereka walaupun kecil, bersederhana dan seadanya adalah milik mereka sendiri. Bagaimana perasaan pasangan ketua keluarga yang sudah tua tanpa pendapatan tetap masih belum mempunyai rumah sendiri, terutama yang tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar untuk keselamatan, perlindungan dan berteduhnya anak-anak yang masih kecil jika mereka ditakdirkan pergi dahulu. Parit Yaani mengucapkan terima kasih di atas usaha kerajaan negeri untuk menyediakan tapak perumahan Bumiputera dan Rumah Mampu Milik Johor, RMMJ dengan melaksanakan proses Pengambilan Balik Tanah secara besar-besaran dengan peruntukan RM150 juta. Kerajaan negeri dalam masa yang sama akan menambah bilangan pembinaan RMMJ sehingga 60 ribu unit pada tahun 2019. Jumlah ini termasuk jumlah rumah yang akan dibina oleh syarikat berkaitan kerajaan, GLC seperti Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, Yayasan Pelajaran Johor, Johor Land Sdn Bhd, Perbadanan Islam dan KEJORA.

Walau bagaimanapun, penambahan 14 ribu unit ini masih belum mencukupi kerana setakat ini bilangan rakyat Johor yang telah mendaftar untuk memiliki rumah mampu milik adalah seramai 85 ribu orang. Saya ingin mengemukakan beberapa cadangan khasnya dan membendung kenaikan harga rumah yang terlalu mahal jika kekurangan penawaran unit-unit perumahan khususnya rumah mampu milik.

1. Menurut kajian Majlis Profesor Negara, dan juga faktor yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga rumah yang tinggi adalah disebabkan oleh kegiatan spekulasi oleh mereka yang ingin mengaut keuntungan segera di atas permintaan yang tinggi ke atas hartanah kediaman berbanding dengan penawarannya khususnya rumah mampu milik. Kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan

persekutuan perlu menaikkan cukai keuntungan hartanah daripada 30% kepada sekurang-kurangnya 50% untuk pemilik, untuk pindah milik dalam tempoh 2 tahun pertama.

2. Meningkatkan tempoh larangan untuk menjual kembali perumahan kuota kos rendah atau RMMJ daripada 5 tahun kepada 10 tahun sebagaimana yang telah dilaksanakan di Pulau Pinang. Tempoh larangan ini akan memastikan mereka yang membeli rumah mampu milik adalah mereka yang membeli untuk diduduki sendiri dan bukannya untuk tujuan dijual balik atau mendapatkan keuntungan. Menaikkan kuota 40% kos rendah dan RMMJ daripada keseluruhan unit perumahan yang dibina bagi setiap kawasan perumahan yang melebihi 5 ekar kepada 50%. Kenaikan kuota ini perlu kerana kuota 40% wujud sebelum RMMJ yang berharga RM150 ribu hingga RM220 ribu diperkenalkan. Sekarang ini kuota RMMJ telah mengambil 20% daripada kuota kos rendah yang asal. Oleh itu, kenaikan 10% kuota untuk kos rendah dan RMMJ adalah munasabah dan berpatutan. Kerajaan negeri meningkatkan harga lantai bagi pemilikan hartanah oleh warga asing di Negeri Johor daripada RM1 juta pada masa sekarang sebagaimana cadangan daripada Pengkalan Rinting.

3. Mengembalikan skim pemaju tanggungan kadar faedah, bagi pembelian rumah pertama sahaja. Skim ini akan meringankan beban pembeli, khususnya golongan muda kerana tidak perlu membuat bayaran ansuran serta faedah pinjaman sepanjang tempoh pembinaan sehinggalah rumah tersebut siap dibina oleh pihak pemaju. Skim ini seolah-olah seperti skim bina dan jual.

4. Seterusnya mewujudkan polisi mengawal margin keuntungan pemaju. Menurut Majlis Profesor Negara, margin keuntungan pemaju di Malaysia adalah di antara tertinggi iaitu 21% berbanding Amerika Syarikat 12%, UK 17% dan Thailand 12%. Kawalan ke atas margin keuntungan pemaju ini akan dapat mengurangkan kos pembinaan, kos pembangunan dan akhirnya akan dapat mengurangkan harga jualan unit-unit perumahan yang dibina.

5. Mendesak kerajaan persekutuan untuk mengenakan pengecualian GST pada kadar 0% bagi pemindah milik hartanah kediaman kerana pada masa sekarang, kerajaan persekutuan hanya memberikan status pengecualian sahaja, tidak pada kadar 0%. Ini bermakna pemaju terpaksa menanggung GST ke atas setiap bekalan bahan binaan yang dibeli, tetapi tidak boleh menekan GST kepada pembeli, dengan kata lain, pemaju perumahan akan menanggung kos GST. Oleh itu, pemaju ada dorongan untuk memindahkan kos GST ke dalam harga jualan unit-unit perumahan yang siap dibina.

6. Saya mengharapkan skim pembiayaan RMMJ dengan usaha sama AMBank, Islamic Berhad dengan peruntukan RM300 juta adalah berbentuk skim sewa beli yang dapat mengatasi masalah penolakan pinjaman perumahan daripada bank khususnya dari mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Sekarang ini sebanyak 50 hingga 70% permohonan pinjaman perumahan ditolak oleh institusi perbankan tempatan.

7. Bagi menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak RMMJ, daripada yang ditetapkan maka kerajaan negeri boleh menawarkan pelbagai insentif seperti pengurangan dalam premium tukar syarat dan pecah sempadan melalui SBKS, menaikkan densiti pembangunan, meningkatkan kawalan ketinggian bangunan dan sebagainya.

Tan Sri Speaker, berkenaan dengan pembangunan infrastruktur awam, Parit Yaani ingin mengingatkan kerajaan agar setiap projek pembangunan yang menggunakan dana rakyat iaitu hasil dari cukai dan sebagainya hendaklah dibuat secara tender terbuka. Tender terbuka dapat mengelakkan sesetengah pihak yang akan mengambil kesempatan untuk meletakkan harga berlipat kali ganda dari harga sebenar. Perkara ini akan memperlihatkan kepada rakyat dan kakitangan kerajaan bagaimana tidak cekapnya pengurusan pemberian sesuatu projek pembangunan kerana secara tidak langsung telah mengambil dana rakyat secara tidak sah di samping mengurangkan bilangan projek yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat jangan ada di kalangan pegawai kerajaan atau Ahli-Ahli Yang Berhormat atau EXCO apatah lagi Yang Amat Berhormat atau Tan Sri Speaker sendiri menggunakan kedudukan. Minta maaf Tan Sri. Mempengaruhi sesuatu keputusan berpihak kepada kepentingan peribadi ataupun keluarga masing-masing untuk mendapatkan projek pembangunan yang telah disusun dengan cantik ini. Berilah peluang kepada kontraktor yang benar-benar berkemampuan dan berkebolehan dalam menjalankan pembangunan negeri Johor supaya tidak disebut sebagai negeri pembangunan kroni-kroni tertentu sahaja. Ini laporan daripada beberapa kontraktor yang mohon saya sebut dalam Dewan yang mulia ini. Parti Yaani mengucapkan jutaan terima kasih di atas Pelan Infrastruktur Awam, Dewan Muafakat Johor yang akan dibina di Batu Pahat. Jika boleh siap sebelum Hari Raya tahun hadapan, boleh saya sewa untuk perkahwinan anak-anak saya. Akan dijemput semua yang hadir pada hari ini. Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Perkahwinan YB ke perkahwinan anak-anak? (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Insya-Allah. Dah tua dah. Menyentuh infrastruktur awam projek bekalan air, Parit Yaani merasakan perlunya tindakan tegas dari semua agensi kerajaan yang terlibat dalam penguatkuasaan penjagaan zon penampan di sekitar empangan dan perlu digazetkan sebagai kawasan larangan. Segala bentuk aktiviti pembalakan, pembangunan atau penanaman apa-apa jenis tanaman melainkan membiarkan kawasan sekitar tadahan empangan ditumbuhi hutan simpan kekal yang akan menggamit atau menggalakkan hujan dan menghalang penyejatan air di empangan dengan lebih pantas. Jika ada sebahagian dari keliling empangan telah di ceroboh atau dikurniakan kepada pihak tertentu, maka berdasarkan pengalaman Johor sejak beberapa tahun kebelakangan ini maka Parit Yaani mencadangkan pihak berkuasa segera membatalkan kurniaan tersebut atau mengambil tindakan undang-undang kepada penceroboh. Isu Empangan Sungai Lebam di Pengerang, Kota Tinggi yang mengakibatkan lebih 50,000 penduduk dengan Projek RAPID yang sedang berjalan amat menyedihkan. Bak kata pepatah, kera di hutan disusukan, anak di kandungan mati kehausan, kerana rakyat bertanya banyak air dihantar ke Singapura tetapi air di Johor kekeringan melata. Parit Yaani telah mencadangkan beberapa tindakan berkaitan empangan dalam sidang yang lepas. Tan Sri Speaker, syabas dan tahniah kepada Tan Sri sendiri kerana dapat membantu membawa Hospital Pakar KPJ ke Sri Gading. Insya-Allah. Parit Yaani

mengharapkan dengan kewujudan Hospital Pakar di Sri Gading akan mendapat manfaat kepada penduduk sekitar daerah Batu Pahat dengan kos perkhidmatan yang lebih munasabah kepada golongan sasaran penduduk kampung yang berpendapatan sederhana dan rendah, yang datangnya daripada Rengit, Senggarang, Air Hitam, Yong Peng, Parit Raja, Parit Sulong, Sri Medan, Parit Yaani dan sekitarnya. Mudah-mudahan dengan kewujudan Hospital Pakar yang berada di Sri Gading dapat mengurangkan sakit ataupun dapat membantu beberapa projek dipanggil projek swasta kebajikan kepada warga yang kurang berada.

Tan Sri Speaker, berdasarkan belanjawan Menteri Kewangan Malaysia yang memotong peruntukan kepada Kementerian Pelajaran Pengajian Tinggi sebanyak RM2.4 bilion dari RM15.785 bilion kepada RM13.378 bilion akan mengakibatkan tekanan kepada pelajar. Kemungkinan pengurangan PTPTN sebanyak 15 hingga 25 % akan memberi tekanan kepada ibu bapa yang kurang berkemampuan untuk menampung perbelanjaan anak-anak mereka kerana anak-anak mereka tidak memperolehi pinjaman PTPTN. Parit Yaani mengharapkan kerajaan Johor dapat membantu keluarga yang berpendapatan di bawah RM3,000.00 khasnya semasa pendaftaran awal kemasukan ke IPTA atau IPTS dengan sumbangan RM1,000.00 seorang.

Berkaitan dengan ini juga, Parit Yaani mengharap hab pendidikan di Parlimen Pagoh akan diteruskan walaupun Ahli Parlimen Pagoh hari ini tidak lagi jadi Timbalan Perdana Menteri. Saya difahamkan bahawa pembangunan hab pendidikan di Pagoh dah mula perlahan dan saya menyokong Jorak supaya hab pendidikan di Pagoh, daerah Muar ini terus berjalan dengan baik kerana ada kepentingan kepada rakyat di sekitar daerah Muar. Parit Yaani juga sebelum berundur ingin, izinkan saya merakamkan jutaan terima kasih mewakili penduduk DUN Parit Yaani dan sekitarnya yang telah diberikan perhatian oleh pihak berwajib demi keselesaan dan kemudahan rakyat seperti menaikkan taraf jalan raya, jalan kampung dan lorong-lorong dalam taman. Membaik pulih longkang dan perparitan untuk mengelakkan banjir kilat, lampu, jalan yang sempit dan di kampung-kampung serta bantuan kepada warga kurang berupaya atau uzur disebabkan kemalangan atau sakit kronik. Namun, masih ada beberapa perkara yang masih sangat diharapkan oleh rakyat dalam DUN Parit Yaani, khususnya dari beberapa buah kampung di beberapa buah tempat. Isu yang pernah di sebut Kampung Bindu yang berbunyi jalan dan jambatan yang sempit, sering berlaku kemalangan sedang jalan ini menjadi jalan pintas utama yang menghubungkan antara Tongkang Pechah dan Parit Raja. Di simpang Bindu Tongkang Pecah juga sangat memerlukan lampu isyarat untuk mengelakkan kemalangan yang sering berlaku ketika waktu kesesakan terutamanya waktu pagi, tengah hari dan petang. Lampu isyarat di simpang Jalan Beroleh - Jalan Bindu yang sering berlaku kemalangan. Ketiga, lampu isyarat jalan masuk ke Taman Putra Indah di jalan Parit Jalil yang kerap berlaku kemalangan semua kemalangan ini boleh kita semak atau kita lihat memang kemalangan yang mengakibatkan kerosakan kenderaan yang amat serius. Cuma belum sampai ke tahap meragut nyawa. Longkang simen yang boleh mengalirkan air terus dari Bagan Bukit Soga ke sungai tanpa melimpah yang mengakibatkan banjir kilat di kawasan tanah rendah, khususnya Suluk Wan Moh, Parit Sidek, Parit Besar dan sekitar Beroleh.

Yang kelima, lampu jalan di sepanjang jalan Sri Bengkal sehingga Pekan Parit Yaani kerana jalan ini telah menjadi jalan pintas utama dari Parit Medan sehingga ke Parit

Raja yang agak sempit dan gelap gelita di waktu malam kerana bilangan lampu jalannya yang sedikit dan berjauhan antara satu sama lain.

Keenam, pembinaan masjid di Taman Putera Indah yang sedang membangun pesat, mempunyai penduduk lebih daripada 300 keluarga Islam.

Ketujuh, pembinaan Sekolah Agama di Bindu dan Taman Maju, yang kita sedia maklum pembinaan sekolah agama begitu ketara kekurangannya.

Kelapan, pembersihan parit dan longkang yang berkala khususnya sebelum November setiap tahun di lokasi yang selalunya berlaku banjir atau banjir kilat. Dan berdasarkan kepada banjir kilat inilah saya mengharapkan supaya pemindahan kepada mereka yang sekiranya terlibat dengan banjir dapat diurus dan disemak sebenar-benarnya, adakah tempat yang dikatakan banjir kilat tadi betul-betul banjir atau tidak.

Kesembilan, ha ini luar sikit dari kawasan saya, satu permohonan daripada peniaga-peniaga Pasar Awam Larkin supaya dapat diambil tindakan iaitu kenaikan sewaan 10% setiap 2 tahun dapat dikurangkan sebab urusan perniagaan sekarang ini merosot 30%. Bebanan GST dan banyaknya pasar raya baharu di sekitar Pasar Awam Larkin.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sekian. Terima kasih di atas apa yang telah dibentangkan. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.40 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala warabakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Nusajaya.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala warabakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana telah diberi ruang dan peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan pada petang ini. Terlebih dahulu bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita masih dipanjangkan umur dan diberikan kekuatan untuk berhimpun pada petang ini di majlis persidangan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas pembentangan Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dikira

sebagai Pembentangan Bajet menyahut suara hati rakyat dan Muafakat Johor. Apa yang dapat dirangkumkan terdapat banyak aspek dan pertimbangan telah diambil kira dan dimasukkan dalam perancangan kerajaan negeri untuk Bajet Johor 2016 sudah tentu hal-hal berkaitan keperluan rakyat akan terus menjadi tumpuan dan keutamaan dalam perancangan termasuklah soal kesejahteraan hidup rakyat, ekonomi, pembangunan luar bandar, permerkasaaan wanita, penghakupayaan golongan belia dan orang muda soal pendidikan dan kemahiran, warisan budaya serta aspek perpaduan kaum. Moga apa yang dirancang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat dilaksanakan oleh jentera kerajaan negeri Johor serta menepati kehendak dan selari dengan pengharapan rakyat. Marilah kita, bersama-sama berdoa semoga Bajet 2016 dengan bertemakan inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor ini dipermudahkan dan mendapat keberkatan Allah SWT jua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada kesempatan ini Nusajaya ingin menggunakan ruang dan peluang yang ada ini untuk membahaskan berkenaan isu kepuasan pesakit terhadap hospital dan klinik kesihatan kerajaan. Dalam pepatah Arab ada menyebut (berbahasa Arab) bermaksud mencegah itu lebih baik dari merawat. Tentunya dalam fikiran kita akan terbayang mengenai hal-hal kesihatan diri. Ungkapan ini sudah tentu, amat sinonim dalam kalangan rakyat Malaysia. Nusajaya yakin dalam usaha mengutamakan kesejahteraan rakyat, kerajaan Johor tidak mengabaikan soal-soal kesihatan penduduk amnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan syabas serta tahniah kepada Yang Berhormat EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar serta Jabatan Kesihatan Negeri Johor kerana sepanjang masa terus mengambil langkah demi langkah bagi memastikan kesejahteraan rakyat Johor khususnya menangani wabak denggi yang melanda negeri Johor baru-baru ini. Menerusi program COMBI iaitu *Communication For Behavior Impact* dengan izin serta program Komuniti Sihat Perkasa Negara atau dikenali dengan KOSPEN yang terus berlangsung saban minggu di seluruh pelosok negeri Johor. Memasyarakatkan pengetahuan mengenai kaedah rawatan dan pencegahan penyakit seperti dalam program berkenaan tentunya berupaya membantu pesakit-pesakit jantung, darah tinggi serta kencing manis memperolehi pendedahan maklumat dan cara hidup yang sihat melalui aktiviti KOSPEN. Lembaga-lembaga pelawat hospital di hospital-hospital kerajaan dan ahli-ahli panel kesihatan di klinik-klinik kesihatan sentiasa dilihat memainkan peranan yang cukup berkesan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital dan klinik kesihatan di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memetik sumber dari Pusat Informatif Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, nisbah doktor dan penduduk bagi negara Malaysia pada tahun 2013 adalah 1 doktor berbanding 633 penduduk. Dan justeru itu dijangkakan pada tahun 2020 nisbahnya akan mengecil 1 doktor nisbahnya dengan 400 penduduk.

Namun demikian, di negeri Johor bila dikira jumlah doktornya 3911. Pada tahun 2013 nisbahnya agak besar juga 1 doktor berbanding dengan 890 penduduk. Jika diamati dari nisbah itu Johor masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Apa pun mungkin kita ada data terbaru dan masa terkini oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor iaitu berapakah jumlah sebenar doktor kerajaan dan swasta di seluruh negeri Johor

kerana ini akan menggambarkan sejauh mana nisbah yang boleh dijadikan kayu ukur bagi menilai standard kepuasan hati penduduk dalam menikmati serta merancang perkhidmatan kesihatan masyarakat Johor yang jauh lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari penganalisaan Nusajaya terhadap 2 buah klinik kesihatan di Daerah Kulai dan 3 klinik kesihatan di Parlimen Gelang Patah. Saya pilih daerah Kulai disebabkan sebahagian penduduk Gelang Patah juga mendapat rawatan di Hospital Dan Klinik Kesihatan Kulai. Dan difahamkan Klinik Kesihatan Kulai Besar doktornya 11 orang namun setiap hari pesakitnya 800 orang dan bila dikira beban doktor tadi 1 doktor 72 pesakit. Kalau nak ikutkan standard piawaiannya 1 doktor merawat pesakit 10 minit. Jadi 1 hari 8 jam. Jadi di kali 6, 48 pesakit. Jadi puratanya 1 doktor merawat 50 pesakit sehari. Tapi bila dilihat di Klinik Kesihatan Kulai Besar 1 doktor merawat 70 pesakit sehari manakala di Klinik Kesihatan Kulai pula 7 doktor merawat pesakit iaitu 1 doktor merawat lebih kurang 60 pesakit.

Jadi ini kira menambah beban doktor tadi. Dan dilihat pula ini semua doktor setiap daerah namun kes di Kulai sedikit sebanyak menggambarkan tentang rasa hati penduduk daerah berkenaan yang mana terpaksa menunggu sedikit lama untuk mendapat rawatan doktor. Dan di Gelang Patah pula Yang Berhormat Dato' Speaker, di Klinik Kesihatan Taman Sri Orkid yang merangkumi kawasan Skudai dan Tun Aminah terdapat 9 doktor tetapi pesakit hariannya 700 pesakit dan bila dikiranya, 1 doktor 78 pesakit, lagi tinggi dan pastinya agak sukar untuk doktor terbabit untuk memberi perkhidmatan yang mampu kerana mengambil lebih masa untuk menjaga hati pesakit. Begitu juga di Klinik Kesihatan Gelang Patah hanya terdapat 4 doktor sahaja, walhal beban pesakitnya 300 pesakit setiap hari. Jadi kalau dikira pesakitnya 1 doktor merawat 75 pesakit sehari. Ini sudah melebihi piawaian untuk 1 doktor 50 pesakit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau untuk doktor swasta lagi ramai pesakit lagi dia senyum. Begitu juga Dato' Speaker misalnya, tapi namun demikian Klinik Kesihatan Taman Universiti pula agak selesa iaitu 8 doktor pesakitnya 400 orang setiap hari. Jadi kalau dikira 50 pesakit setiap hari, saya rasa memang cukup selesa di Klinik Kesihatan Taman Universiti. Kadar ini merupakan penanda aras yang baik sebagai contoh dalam mewujudkan budaya kerja selesa para petugas klinik dan tentunya pesakit juga menerima lebih perhatian daripada doktor di Taman Universiti.

Nusajaya ingin mengucapkan tahniah tetapi persoalannya apakah situasi itu mampu kekal lama kerana kepesatan pembangunan setempat mendorong pertambahan penduduk dari masa ke semasa sementara bilangan doktor belum berupaya mengimbangi nisbah penduduk sedia ada. Yang Berhormat Dato' Pengerusi bila dilihat dari segi taburan klinik kesihatan di negeri Johor, kita dapati terdapat 97 klinik kesihatan untuk negeri Johor yang bagi penduduknya hampir 3.5 juta. Jadi dikira 1 klinik kesihatan secara purata merangkumi bagi penduduk hampir 36 ribu penduduk. Tapi kalau dibandingkan di Kulaijaya tadi penduduknya hampir 260 ribu tapi hanya 2 klinik kesihatan. Jadi 1 klinik kesihatan merangkumi hampir 130,000 lebih daripada kiraan untuk seluruh Johor tadi. Di Gelang Patah juga kawasan Parlimen Gelang Patah penduduknya hampir 350,000 hanya 3 klinik kesihatan juga yang mana klinik kesihatan tadi 1 klinik kesihatan merangkumi 110,000. Jadi saya lihat, Nusajaya lihat bahawa klinik kesihatan di Kulai dan Gelang Patah tidak mencukupi. Jadi kesimpulannya Dato' Pengerusi, cadangan Nusajaya, satu, ditambahkan lagi klinik kesihatan di daerah Kulai

dan dua, di bahagian Gelang Patah itu sendiri dan juga menambahkan bilangan doktor perubatan di klinik-klinik kesihatan yang telah disebut tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya juga ingin memberi pandangan mengenai kedudukan hospital pula. Di daerah Johor Bahru bila dicampurkan hospital terdapat 3,600 katil bila kita buat perbandingan ia dikira katil tadi. Jadi jumlah daerah Johor Bahru bilangan katilnya total 3,600 bagi penduduk Johor Bahru yang jumlahnya 1.4 juta lebih. Jadi bila dikiranya katilnya 2.5 katil bagi 1,000 penduduk. Walhal di Kulai pula ada 1 hospital sahaja yang katilnya 93 untuk diagihkan kepada penduduk yang hampir 260,000 ribu jadi bila dijadikan kiraannya tadi satu pertiga katil, 0.3 katil bagi 1,000 penduduk. Jadi untuk mudahkan fahaman di bagi penduduk daerah Johor Bahru 300 penduduk boleh berkongsi sama 1 katil iaitu kalau nak tinggal semalam pun boleh 1 malam dalam setahun iaitu di hospital kerajaan pun boleh, hospital swasta pun boleh, Hospital Tampoi Permai pun boleh. Tapi di Hospital Kulai pula, 3,000 penduduk berkongsi 1 katil. Maksudnya penduduk tadi boleh duduk katil di Hospital Kulai 1 hari setiap 10 tahun. Jadi ini menggambarkan bahawa cukup membebankan Hospital Kulai dari segi sedikit dia punya katil tadi.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ini menjelaskan, mencerminkan tahap keupayaan kita dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat negeri Johor tanggungjawab bersama, iaitu namun demikian ada berita baik juga iaitu sekalung penghargaan tahniah serta syabas pada pihak kementerian kesihatan kerana kajian yang telah dijalankan di Malaysia menunjukkan kepuasan pelanggan kepada institusi kesihatan iaitu di Hospital Dungun, di Klinik Kesihatan Kanak-Kanak Muar, di Klinik Kesihatan Bachok, Kelantan. Difahamkan kepuasan pelanggan 70%. Jadi, ini menunjukkan bahawa walaupun bebannya tinggi tapi perkhidmatannya cukup baik sebab apa 70% pesakit-pesakit memberi kepuasan mendapati menunjukkan kepuasan yang tinggi terhadap perkhidmatan kesihatan dan kita lihat kalau dibandingkan kalau ikut doktor tadi biasanya 40% doktor adalah di kesihatan, 55% di swasta tapi pesakitnya 70-80% pergi dia hospital kerajaan, 30% di swasta. Jadi dengan beban walaupun bebannya tingi, tapi perkhidmatannya cukup baik.

Juga Yang Berhormat Dato' Speaker, perkembangan yang baik juga di negeri Johor dilihat hospital swasta akan banyak dibina terutama di kawasan Iskandar Malaysia. Dan ini sedikit sebanyak memberi perkhidmatan pelancongan perubatan ataupun dikenali dengan *Medical Tourism* dengan izin yang ini sedikit sebanyak akan menarik kehadiran warga jiran tetangga di kalangan Asia Timur Tengah untuk mendapat rawatan dan seterusnya meningkatkan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rumahku syurgaku ungkapan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya rumah dalam kehidupan individu apatah lagi bagi mereka yang sudah berkeluarga. Pada kesempatan ini Nusajaya ingin merakamkan penghargaan terima kasih dan syabas di atas keprihatinan kerajaan negeri Johor yang terus mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dalam mewujudkan pelbagai peluang dan ruang kediaman kepada anak bangsa Johor. Namun demikian, kita tidak berupaya memuaskan hati semua pihak tapi dalam waktu yang sama sebagai sebuah kerajaan yang mendukung pendekatan inklusif lestari dan kesejahteraan anak Johor, beberapa keluhan hati murni rakyat wajar kita dengar serta dibantu. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Speaker daripada penduduk Taman Prisma ataupun

di panggil RIM ataupun Rumah Iskandar Malaysia. Sebab apa, baru-baru ini saya telah menerima memorandum daripada mereka, daripada penduduk Rumah Iskandar Malaysia. Mereka pertama-pertama menyampaikan penghargaan terima kasih dan rasa bersyukur kepada pihak kerajaan negeri Johor,

YB Dato' Timbalan Speaker : YB rehat sekejap ya. (Berhenti sebentar bagi menghormati azan).

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Rumah Iskandar Malaysia telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2011. Dan penduduk di situ, penyewa di situ sekarang ini yang syarat boleh tinggal menyewa di situ setelah dikaji sehingga RM8,000.00 pendapatan bersama sebulan. Dan dikira cuma rumah tu asalnya distatuskan sebagai rumah *transit* dengan izin, maksudnya di sewa untuk sementara, 2 tahun sahaja. Dan selepas 2 tahun seharusnya berpindah tapi namun demikian dengan belas ihsannya telah diberikan 4 tahun, 2 tahun, 2 tahun dengan kenaikan 10%.

Cuma rungutan atau bukan rungutan dan juga permintaan penduduk tadi, dia memohon kalau boleh sebab apa unit, jumlah unit rumah yang disewa cukup banyak sekarang ni, 1,500 unit dan masih kosong 400 unit, yang mana penduduk yang menyewa 900 dan 100 lagi di sewa oleh syarikat swasta, yang mana pekerja-pekerjanya duduk di situ. Jadi cadangan atau penduduk-penduduk sewa tadi mereka berkata yang sebahagiannya masih belum dapat beli rumah lagi. Jadi sedang menunggu dan ada cadangannya kalau boleh setiap 2 tahun disambung sewanya.

Dan sehingga satu masa mungkin selepas 10 tahun, mungkin dengan belas ihsan kerajaan boleh dijadikan sewa milik. Sebab apa ramai daripada mereka yang tidak mampu menyewa. Ada yang umurnya agak lanjut dan sebagainya dan ada juga setelah sewa 2 tahun mereka memang suka duduk di situ. Dan,

YB. Dato' Timbalan Speaker : Sewa murah memang sukalah.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Ia.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Nusajaya sila gulung.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali,

YB Dato' Timbalan Speaker : Habis dah.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Ada Dato' Speaker. Yang saya berkesempatan untuk berjumpa seorang warga emas yang sekarang ini dia menuntut di UTM – Universiti Teknologi Malaysia yang umurnya 68 tahun, yang sekarang ni mengambil *thesis* PhD yang mana beliau berjumpa saya untuk mohon bantuan pelajarannya. Iaitu, saya tanya dia kenapa dia berminat, dia kata satu dia berminat untuk belajar. Pertama-tamanya dia masuk universiti nak beri motivasi kepada anak-anaknya iaitu jika ayahnya masuk universiti anaknya jadi galakan masuk universiti. Dan sekarang ni dia nak beri galakan pada cucu dia pula. Jadi cucu cicit dia masuk universiti juga.

YB Dato' Timbalan Speaker : Itu tak payah masuk dalam Dewanlah jumpa YB Pengerusi Pendidikan aje.

YB Dr. Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Jadi akhirnya Tuan Pengerusi itu bantuannya yang akhir sekali saya dengan ini Tuan Pengerusi, Nusajaya menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Nusajaya. Kita teruskan perbahasan, sila Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat petang dan salam sejahtera diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2016 Negeri Johor. Yong Peng merujuk Bajet 2016 berkenaan agenda wanita.

Yong Peng berpendapat bajet sebanyak RM250,000.00 demi penyediaan kursus kemahiran untuk 1,000 orang wanita adalah tidak mencukupi dan hanya 50 wanita diberi bantuan peralatan. Yong Peng meminta agar bajet dan sasaran ditingkatkan dan golongan ibu tunggal perlu diutamakan, sebab mereka yang betul-betul perlu bantuan dari kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada zaman kos sara hidup yang tinggi sebuah keluarga memerlukan kedua suami dan isteri bekerja. Akan tetapi golongan isteri tidak dapat keluar bekerja kerana terpaksa menjaga anak kecil dan warga emas. Ini adalah disebabkan oleh faktor kesulitan menempatkan anak-anak dan warga emas semasa bekerja. Sebahagian besar golongan ibu yang menjadi suri rumah tangga sepenuh masa terdiri daripada golongan terpelajar. Secara tidak langsung pihak kerajaan dan swasta akan kerugian tenaga mahir daripada golongan wanita ini.

Untuk mengatasi masalah ini perlu ada usaha dan tindakan dari kerajaan untuk menambah kemudahan penjagaan kanak-kanak dan golongan warga emas. Di syarikat-syarikat swasta, pejabat-pejabat kerajaan atau di setiap kawasan perumahan melaksanakan waktu kerja anjal, memberi elaun penjagaan kanak-kanak bagi kaum ibu yang berpendapatan rendah. Menggalakkan ibu bapa untuk berkongsi kerja-kerja rumah dan menjaga anak-anak mereka bagi merapatkan hubungan mereka.

Pada masa yang sama ini akan memudahkan golongan ibu bapa yang bekerja mengimbangkan masa untuk kerja dan keluarga, dengan ini dapat meningkatkan bilangan kaum wanita yang bekerja. Kerajaan juga perlu memberikan latihan pekerjaan, memberi insentif untuk wanita kembali semula ke tempat kerja. Ini dapat mengurangkan penggantungan kepada buruh asing dan menggalakkan perkembangan ekonomi. Rakyat yang hidup bahagia diperlukan untuk memakmurkan negeri dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng berharap kerajaan negeri dapat menubuhkan suruhanjaya bagi kesaksamaan gender, menyempitkan jurang jantina

secara sistematik di pelbagai industri dan bidang. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 25 November yang akan datang adalah hari menghapuskan keganasan terhadap wanita antarabangsa. Yong Peng menyeru supaya ditubuhkan pusat perlindungan untuk golongan wanita terdera dan juga tempat tinggal sementara untuk keluarga yang menghadapi masalah kewangan dan tidak dapat membayar cukai, membayar sewa semasa dihalau oleh tuan punya rumah.

Pusat perlindungan ini boleh ditubuhkan di setiap pekan di seluruh Johor. Yong Peng juga menyeru kerajaan negeri adakan talian khas untuk mendengar masalah yang dihadapi golongan wanita terdera ini. Yong Peng meminta supaya kerajaan negeri Johor menubuhkan suruhanjaya bagi mengurangkan keganasan terhadap wanita. Memberi bantuan kepada mangsa keganasan dan mencegah keganasan secara sistematik.

Pada 25 hari bulan ini Yong Peng sebagai jurucakap hal ehwal wanita DAP Johor. Di sini mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat dari pihak kerajaan untuk bersama melancarkan program sempena hari menghapuskan keganasan terhadap wanita antarabangsa. Kehadiran adalah penting untuk menunjukkan semua Ahli Yang Berhormat menyokong agenda tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa di Yong Peng terdapat 2 laluan masuk dan keluar untuk lebuh raya Utara - Selatan. Suka Yong Peng menyeru agar kemudahan yang istimewa ini digunakan sepenuhnya dan menjadikan pekan Yong Peng sebagai satu hab pelancongan. Pekan Yong Peng yang penuh dengan kedai makanan yang sedap seperti Kari Kambing 40 Hari dan Sate Sahlan. Tokong yang cantik dan istimewa seperti seperti *Tian Bao Gong, Hei Long Dong, Zhuan Yun Xiang Long* naga di persatuan memperbaiki adat Yong Peng.

Sungai Bekok juga boleh di naik taraf dan dibangunkan sebagai tempat pelancongan dengan membina satu jeti berdekatan Dataran Gemilang. Pekan Yong Peng ini juga digelar pusat buah-buahan. Ladang buah-buahan tersebut boleh menarik pelancong dan boleh membangunkan agro-pelancongan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demi merancakkan industri pelancongan di pekan Yong Peng, Yong Peng mencadangkan supaya satu perhentian bas ekspres seperti di Batu Pahat dan Kluang diujudkan di pekan Yong Peng. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kini penduduk pekan Yong Peng atau pengunjung perlu membayar tambang yang sama dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru, walau pun destinasi mereka adalah pekan Yong Peng. Dengan adanya perhentian bas ekspres tambang yang dikenakan adalah mengikut destinasi. Di perhentian bas tersebut boleh diadakan perkhidmatan bas *shuttle* yang boleh membawa pelancong ke tempat-tempat menarik seperti yang mana Yong Peng sebutkan di atas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng juga mencadangkan supaya sebuah kolej atau institusi pengajian tinggi dapat dibina di kawasan Yong Peng dan sekitarnya. Penubuhan institusi pendidikan tinggi di kawasan Yong Peng diyakini dapat membawa peluang ekonomi yang baru di kawasan Yong Peng dengan kunjungan ibu bapa pelajar yang akan berbelanja di kawasan Yong Peng. Demi menjayakan Pekan Yong

Peng sebagai satu hab pelancongan, maka sistem pengangkutan dan sistem layar lebar di pekan Yong Peng perlu di naik taraf, supaya dia lebih mesra pengguna dan kurang kemalangan berlaku.

Yong Peng di sini mencadang pihak kerajaan supaya 3 lampu isyarat di pasang iaitu Persimpangan Jalan Damai dan Jalan Aman, Persimpangan Jalan Kota dan Jalan Aman dan depan KFC Yong Peng yang sering berlaku kemalangan. Kebelakangan ini satu kes kemalangan yang melibatkan 2 nyawa telah berlaku di tempat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketika ini kos sara hidup semakin meningkat. Golongan pertengahan dan bawahan menerima kesan langsung di atas segala kos yang tinggi. Konsep berjimat cermat perlu dipupuk oleh rakyat sekalian dan tidak ketinggalan penjawat awam perlu juga mengamalkannya ketika meluluskan apa juga projek pembangunan dan semasa pemilihan kontraktor. PBT atau semua agensi kerajaan perlu pastikan kontraktor dipilih mempunyai kemahiran dan peralatan yang mencukupi dan pastikan kontraktor tersebut tidak menggunakan kontraktor pihak kedua dan ketiga atau lebih dikenali sebagai Ali Baba dengan izin, untuk menyiapkan projek tersebut. Yong Peng menyeru setiap PBT mengkaji semula proses sebut harga dan pemilihan kontraktor supaya setiap projek yang dijalankan adalah dengan harga yang munasabah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem prasarana yang baik adalah faktor keselesaan hidup rakyat. Di kawasan Yong Peng menghadapi masalah-masalah banjir kilat dan kekurangan lampu jalan. Banjir kilat sering berlaku di Jalan Ann Moh Sam, Taman Jelita; sampai ada ular bisa dikesan di kawasan tersebut. Jalan Kekwa di Taman Timur; Jalan Keembong, Taman Selatan; jalan berhampiran Lucky Garden; jalan berhadapan KFC Yong Peng dan Taman Sri Lalang. Seterusnya kekurangan lampu jalan di Jalan Helang, Taman Sembrong Barat; Jalan Tembaga, Taman Muhibbah; Jalan Kelerai, Taman Desa; Jalan Kerambit, Taman Ria dan sebagainya menjadi satu faktor meningkatnya kes pecah rumah dan kecurian. Walaupun permohonan dari penduduk telah lama ditujukan kepada Majlis Daerah Yong Peng dan masih tunggu tindakan atau jawapan dari pihak berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, PBT ini perlu sentiasa diingatkan, pelanggan utama mereka adalah penduduk tempatan yang membayar cukai. Dengan memahami konsep tersebut, KPI kepuasan pelanggan perlu diadakan supaya pembayar cukai boleh memastikan cukai yang mereka bayar adalah setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan. KPI kepada PBT bergantung masa diambil untuk membalas satu aduan, masa diambil untuk menyelesaikan satu masalah, pemantauan kerja-kerja yang dijalankan oleh setiap kontraktor, denda yang dikenakan kepada kontraktor yang gagal dan cuai, dan cuai melaksanakan kerja-kerja PBT. Pampasan kepada mangsa jika kemalangan atau kerugian berlaku akibat pelaksanaan projek yang tidak sempurna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng juga ingin membawa perhatian ke Dewan yang mulia ini, bahawa Majlis Daerah Yong Peng telah menjalankan penilaian semula nilai harta dalam kawasan tadbiran Majlis Daerah Yong Peng dan kenaikan cukai pintu telah dikenakan. Pendapatan penduduk di kawasan Yong Peng banyak bergantung kepada getah dan kelapa sawit dengan harga komoditi yang merosot serta harga

barang yang makin naik, beban rakyat sudah berat. Walaupun rayuan dan pendengaran telah dijalankan, tetapi cukai yang dikenakan masih tidak diturunkan. Yong Peng di sini menyeru pihak Kerajaan Negeri mengarahkan Majlis Daerah Yong Peng mengkaji kadar cukai yang dikenakan supaya cukai harta yang dikenakan selepas penilaian semula, tidak melambung tinggi dan membebankan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memorandum dengan tandatangan penduduk telah dihantar ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar kadar cukai pintu dan penilaian dapat diturunkan dan dikaji semula. Kalau boleh ditangguhkan kenaikannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di pekan Yong Peng timbul beberapa kes di mana beberapa penduduk telah terima surat daripada TNB berkenaan tuntutan bagi amaun kerugian hasil dan perbelanjaan akibat mengganggu atau menggubah pinda atau merosakkan pemasangan meter TNB. Surat ini berikutan dengan pemasangan meter baru oleh pihak TNB sendiri pada 2 hingga 6 bulan yang lepas. Pada setiap pemasangan meter baru, pekerja TNB sendiri diberitahu kepada pengguna, tiada bayaran yang diperlukan. Yong Peng ingin bertanya kenapa selepas beberapa bulan surat tuntutan diterima. Pada setiap kes ini juga, Yong Peng dapati mangsa-mangsa ialah warga emas yang tinggal di rumah. Tidak mungkin warga emas ini mampu membuat kerosakan yang di dakwakan seperti di atas. Bagaimana pula dengan pengiraan TNB, menuntut hasil kerugian dari tahun 2013 hingga 2015? Yong Peng menyeru kerajaan siasat dan memberi bantuan kepada golongan yang terlibat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk titik sentuhan Bajet 2016, *point* No.88, menaik taraf gerai-gerai dan pasar awam agar lebih mesra pengunjung, bersih, harmoni dan sistematik yang mengambil kos RM36 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Bandar Baru Ayer Hitam, terdapat satu bazar yang telah siap dibina, tetapi masih belum diduduki penjaja. Ia telah dimasuki air hujan dan takungan air berlaku selepas hujan. Para penjaja dan penduduk tertanya-tanya dan berharap jawapan diberi kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan bajet yang inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor, Yong Peng menyambut baik Bajet Negeri Johor 2016, yang memberi peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Johor. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah merosot, Yong Peng meminta supaya adakan peruntukan sistematik kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Agama Persendirian atau sekolah-sekolah tersebut dengan adanya dana lebihan untuk menampung perbelanjaan harian sekolah-sekolah yang tersebut di atas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya ia telah direalisasikan di negeri Pulau Pinang, Selangor dan juga di Sarawak.

Dalam ucapan Bajet 2016 yang dibentang Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menyentuh tentang meminta pakar dari Universiti Teknologi Malaysia untuk memberi cadangan dan penyelesaian berkenaan masalah isu air. Yong Peng menyeru kerajaan negeri Johor mengikut jejak kerajaan negeri Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak bercadang mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) bagi Sekolah Menengah Persendirian Cina sebagai syarat untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selepas tamat pembelajaran hujung tahun, Universiti dari Singapura telah melawat Sekolah Menengah Persendirian Cina untuk memilih pelajar dari sekolah tersebut masuk ke Universiti Singapura dan diberi biasiswa. Kerajaan negeri Johor harus menyedari peranan besar yang dimainkan oleh sekolah alternatif ini dalam membangunkan modal insan dengan langkah mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu. Maka ia dapat menangani masalah penghijrahan cendekiawan yang semakin serius. Polisi tidak mengiktiraf UEC, telah menyebabkan golongan cerdik pandai dari negara ini pergi ke negara-negara yang mengiktiraf kelayakan berkenaan. Yong Peng berharap kali ini permohonan ini dapat disokong penuh oleh Yang Berhormat EXCO Permatang Pauh dan Yang Berhormat Pemanis, Yang Berhormat Paloh, yang lebih faham masalah sekolah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker..

YB Dato' Timbalan Speaker : Ada Permatang Pauh sini? (Dewan ketawa).

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : *Sorry*. Maaf.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pergi Pulau Pinang ke?

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Betul kan eh, YB EXCO Pelancongan. (Dewan ketawa). Nanti saya belanja makan. YB EXCO Pulai Sebatang. Terima kasih. Jauh ek. Satu utara, satu selatan. Maaf. Ok.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Yong Peng, sila gulung.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Ok, baik. Dua isu yang lebih penting. Sejak kebelakangan ini, kes pecah rumah, merompak dan meragut kerap berlaku di Yong Peng, bilangan Polis pada tahun 2012 adalah 59 orang, tapi pada tahun 2015 bilangan telah di kurang ke 37 orang. Fenomena ini adalah bersongsangan dengan peningkatan kawasan perumahan dan bilangan penduduk. Yong Peng berpendapat, ini kemungkinan faktor utama keamanan Yong Peng tergugat. Dengan ini, Yong Peng meminta supaya kekosongan anggota Polis di Balai Polis Yong Peng diisi, supaya keamanan Pekan Yong Peng ini dapat di pulih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejadian banjir kilat di dalam satu taman atau Kampung Baru kerap berlaku pada masa ini. Punca utama adalah sistem pembinaan pengairan yang tidak sempurna. Jadi bila banjir kilat berlaku, pihak JPS dan PBT perlu adakan satu penyelesaian di mana kedua-dua pihak membuat persetujuan, duduk bersama berbincang dan penyelesaian ini akan membawa keselesaan dan keselamatan penduduk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Yong Peng memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, berkenaan Sungai Bekok dan Sungai Temehel di kawasan Yong Peng. Melalui pemerhatian, kedua-dua sungai ini tidak di selenggara dengan baik dan mengikut jadual. Sungai tersebut berpotensi mengakibatkan banjir kilat, tidak dikorek dan alasan yang diberi adalah tiada peruntukan. Pada pendapat Yong Peng, JPS

seharusnya membuat persiapan penganggaran bagi kos penyelenggaraan dan pembersihan sungai-sungai, di mana bilangan sungai di Johor sudah diketahui. Kalau ini telah dilakukan, maka alasan tiada peruntukan bukan satu sebab yang boleh menjejas tindakan kerajaan untuk membanteras banjir di Negeri Johor khasnya pada musim hujan yang dikata banjir akan melanda bila-bila masa. Yong Peng menyeru kerajaan negeri supaya membersihkan Sungai Temehel dan Sungai Bekok yang terletak di sebelah kawasan banjir sebelum banjir berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan Yong Peng terdapat dua kes yang perlu kerajaan negeri diberi peruntukan kepada JPS untuk menyelesaikan masalah. Isu masalah seperti di bawah:

(1) Kes keruntuhan tebing, Parit Cabang Seri Lalang, di Lot 5890, Jalan Sekolah Seri Lalang.
(2) Kes banjir kilat di belakang Jalan Ann Moh Sam, Taman Jelita Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini sekali lagi Yong Peng membawa isu berkenaan kawasan takungan air di Empangan Bekok dan Manong. Saya dimaklumkan bahawa pencerobohan masih tetap berlaku. Perkara ini adalah penting melibatkan rakyat dalam skala yang besar. Saya merayu kepada kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus dengan kadar yang segera. Penduduk kawasan Yong Peng dan Batu Pahat tidak ingin situasi catuan air selama 4 bulan seperti di Johor Bahru berlaku di kawasan-kawasan Johor Tengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan Jalan Persekutuan No. 1, antara Johor Bahru hingga ke Gemas yang mendukacitakan, khususnya kenderaan Ayer Hitam ke Labis, Yong Peng menerima aduan daripada penduduk di kawasan Yong Peng, keadaan jalan itu yang berlubang-lubang dan tidak rata, amat membahayakan pengguna. Selain itu keadaan jalan yang sempit, terutamanya di kawasan jambatan. Tambahan pula kekurangan lampu jalan di situ dan kawasan selekoh juga amat membahayakan. Mintalah pihak kerajaan menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yong Peng...

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Kejap. *Final* isu yang *last.* Yang terakhir. Selain isu Jalan Persekutuan, Yong Peng ingin menyentuh berkaitan pemantauan terhadap paip gas antara Kluang ke Yong Peng. Dari Yong Peng ke Parit Yaani. Saya menyeru dan berharap agar pihak kerajaan mengambil langkah terhadap pemeriksaan berkala terhadap sistem paip gas tersebut. Kita tidak mahu kejadian seperti Taiwan dan Chengjing, berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu-isu yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya bertujuan untuk kebaikan bersama dan demi kebajikan rakyat jelata. Justeru itu, saya menyeru pihak kerajaan hendaklah memandang positif apa juga isu yang dibangkitkan sekiranya ia berasas. Marilah bersama berganding bahu memajukan negeri yang kita cintai ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian ucapan Yong Peng. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Yong Peng. Kita teruskan. Sila Bukit Permai.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Bismillahirahmanirrahim (selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada kesempatan yang awal ini, saya Bukit Permai mewakili seluruh rakyat dari kawasan Bukit Permai ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Amat Mulia Tuanku pada 22 November 2015, bersamaan 10 Safar 1437H.

Di samping itu juga, Bukit Permai mewakili rakyat ingin merakamkan sekalung tahniah ke bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, kerana berjaya membawa pasukan bola sepak JDT menjuarai Liga Super pada tahun ini, dan lebih manis lagi apabila menjuarai AFC Cup yang berlangsung di Tajikistan, baru-baru ini.

Pucuk pauh delima batu, anak semilang ditapak tangan, negeri Johor terus maju, pasukan JDT tiada tandingan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah membentangkan suatu bajet yang begitu baik dan mendapat pujian daripada rakan-rakan daripada pihak pembangkang. Ini bermakna Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah berjaya menguruskan kewangan negeri dengan baik di samping dengan bantuan pegawai-pegawai, tenaga kerja daripada pihak kerajaan yang mana daripada rekod kutipan hasil sehingga 17 November sahaja kita sudah melebihi anggaran dan sudah mencapai 108.45% hasil kutipan bagi tahun ini.

Ini menunjukkan kecekapan kerajaan kita menguruskan kewangan negeri sehingga membolehkan kita membentangkan bajet surplus untuk 5 tahun berturut-turut. Namun begitu pada mesyuarat ketiga pada persidangan kali ini, saya agak keliru Dato' Speaker kerana apabila saya jeling ke sebelah kanan, saya lihat kenapa Yang Berhormat Skudai berbaju kurung tetapi apabila Yang Berhormat Penggaram bangun bercakap, baru saya perasan rupanya dah bertukar tempat. Saya ingat Skudai pakai baju kurung, rupa-rupanya Penggaram dah duduk tempat Skudai. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira ketua yang baru ini agak mungkin lebih baiklah, saya dengar cadangan-cadangan tentang pengangkutan awam dan sebagainya. Tetapi apa yang saya perhalusi tadi, rupanya Penggaram ni dah ketinggalan zaman, apabila mencadangkan beberapa perkara berkenaan pengangkutan awam. Mereka tidak faham bahawa kerajaan negeri Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kita telah pun melancarkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Johor, yang mana suruhanjaya ini telah pun menggariskan suatu pelan yang komprehensif. Kita akan mengadakan bas bandar setiap daerah yang berjumlah anggaran kosnya RM13 juta. Dan, dalam pembentangan bajet juga telah dimaklumkan bahawa kerajaan akan memperluaskan lagi perkhidmatan percuma bas Johor Dihatiku yang melibatkan peruntukan RM11 juta.

Sebenarnya, perkhidmatan bas Johor Dihatiku ini telah pun dilaksanakan untuk pengetahuan pihak sebelah sana. Satu hari penggunanya 3,000 orang. Sebab sambutannya baik, sebab itu kita perluaskan supaya daerah lain pun dapat nikmat. Inilah kerajaan yang menjaga kesejahteraan rakyat. Jadi, cadangan itu macam baik tapi lambat. Kita dah buat dulu, baru dia nak cadang. Jadi, tapi rupa-rupanya Yang Berhormat Dato' Speaker, bila Penggaram duduk di situ saya lihat Parit Yaani bersemangat. Parit Yaani semangat dia bila bercakap lebih mungkin ada aura barulah duduk sebelah kan? Selama ini Skudai mungkin Parit Yaani kurang semangat.

Tapi, dalam semangat-semangat ini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah bila dah terlampau semangat ini kadang kita bercakap ikut sedap mulut sahaja. Saya mula-mula pun hairan juga, kalau tak silap saya masa pilihan raya tempoh hari Parit Yaani ini bertanding benderanya hijau, sekarang dah oren. Oren ni warna FELDA saya harap orang FELDA tak terpengaruhlah dengan parti Oren ini. Bukannya apa, sebab fakta yang dibentangkan dalam Dewan ini tak menggambarkan nama parti itu. Macam mana pula kata kerajaan membentangkan bajet yang defisit bertahun-tahun ini, mana buktinya? Sebab daripada rekod kita kerajaan ini membentangkan dah 5 - 6 tahun dah. Entah macam mana pula Parit Yaani boleh kata kita bajet defisit bertahun-tahun jadi kalau kata nama amanah tu, dengan data yang dibentangkan dalam Dewan ni macam tak berapa amanahlah gitu, bunyinyalah.

Dan, kedua pula Dato' Speaker, Parit Yaani ada sebut tentang projek-projek kroni dan mengaitkan beberapa nama termasuk nama Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Pada saya itu satu telahan yang tidak berapa elok dan tak amanah kerana dalam Peraturan dan Perintah Tetap, Perkara 45 fasal yang ke-13 ada sebut '*seorang Ahli tidak boleh sekali mendatangkan sangkaan yang tidak baik kepada seorang Ahli lain'*. Jadi macam mana pula boleh sebut nama-nama jawatan kononnya kerajaan kroni pada projek-projek di negeri Johor. Jadi, kita kalau parti itu amanah, kita kena cakap pun kena ada amanah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Mesti ada faktalah.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai): Lagi sikit. Cakap biar betul. Jadi Dato' Speaker, saya nak cakap lagi tadi Parit Yaani pun minta kalau boleh Jurutulis Dewan ubahlah daripada apa ni kat sini PAN kepada Amanah. Lebih eloklah tukar. Nasib baik nama Parti Amanah Negara. Cuba Dato' Speaker bayangkan kalau nama parti ini Parti Amanah Negara Tanah Air Tercinta, susah nak buat dia punya singkatan tu. Tapi tak apalah untuk nampak molek kita terimalah amanah tu. Tak apalah. Saya harap Jurutulis dapatlah membetulkan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh kepada bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya sebagai wakil kepada penduduk di Bukit Permai dan juga sebagai rakyat negeri Johor, saya rasa amat selamat dan amat bertuah serta bersyukur kepada Allah SWT kerana diberikan seorang pemimpin negeri yang hebat, yang sangat halus pandangannya dalam menangani isu-isu rakyat. Banyak negeri yang membentangkan bajet tentang penawaran rumah dan sebagainya. Tetapi, bezanya dengan Menteri Besar kita ini, beliau membentangkan penawaran rumah ini dalam satu pakej, bukan setakat tawaran rumah mampu milik

tapi jalan penyelesaian bagaimana golongan ini nak memiliki rumah, itu yang terbaik. Contoh RM300 juta dengan institusi kewangan swasta. Ini masalah pokok.

Saya pernah bentang dekat Dewan ini. Alhamdulillah disambut baik oleh kerajaan dan dilaksanakan RM300 juta pembiayaan, kemudian kita meletakkan 1 sistem baru iaitu sewa beli ini satu perkara yang amat diterima baik oleh rakyat di bawah. Dan, kita juga mengambil berat tentang golongan asnaf apabila kita memperuntukkan RM77 juta daripada tabung zakat untuk rumah asnaf. Ini saya kira bukan manusia suka, tuhan suka, malaikat pun suka kerana kita menjaga golongan fakir miskin yang ada di negeri Johor.

Jadi Dato' Speaker dan tak lupa iaitu berkenaan dengan perumahan kakitangan awam maksudnya yang orang buat kerja, buat dasar, yang keluarkan borang dapat nikmat juga bukan rakyat sahaja jadi yang ini saya kata tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ni halus pendekatannya memang hebat. Jadi, dalam pada itu saya pun nak mengingatkan jugalah terutamanya kepada EXCO yang menjaga Bahagian Perumahan dalam pada kita melihat perkara rumah ini jangan kita terlepas pandang iaitu tentang Kedai Mampu Milik ataupun Kedai Kos Sederhana Rendah ataupun nak cantik lagi kita sebut Kedai Mampu Milik Rakyat Johor kerana apabila kita buat satu taman ada komuniti, ada populasi, pastinya akan ada aktiviti perniagaan. Kita tak nak orang Melayu ataupun golongan ini hanya memenuhi rumah tetapi ruang-ruang perniagaan dikuasai sebelah pihak. Kita nak keadilan, kediaman dan juga perniagaan.

Premis-premis perniagaan juga perlu kita lihat supaya dapat diletakkan secara adil dan saksama. Janganlah satu pihak je kontrol perniagaan tu di satu-satu taman sebagainya. Jadi, yang ini saya minta lihat balik kepada syarat-syarat atau dasar bagaimana kita membebaskan lot bumi untuk dijual kepada non bumi selepas tamat tempoh edahnya. Yang ini kita kena kawal, sebab apa kadang-kadang Dato' Pengerusi, pemaju ini memang buat kedai supaya orang tak boleh beli. Contoh, macam di Kulai. Di Kulai, kedai 2 tingkat lot tengah di kawasan Indahpura dan Bandar Putra Kulai, harganya RM1 juta. Lot tengah, 2 tingkat. Kalau unit tepi dengan izin, *corner lot* 2 tingkat harganya RM1.8 juta. Kalau 3 tingkat, lot tengah harganya RM1.5 juta ke atas.

Jadi, bagaimana orang-orang yang golongan seperti rendah ini nak berniaga? Jadi, yang itu kita kena lihat balik. Jadi, adakah levi yang dibayar ini, bila pemaju nak melepaskan unit bumi untuk dijual untuk dijadikan lot antarabangsa pihak pemaju perlu membayar levi, tapi sebenarnya bayaran levi ini tidak mendatangkan kudis pun kepada pihak pemaju dari segi keuntungan. Tak ada masalah. Ada pemaju memang suka unit tu tak dibeli, bayar levi kemudian dia boleh jual dan buka jadikan lot antarabangsa ini permainan pemaju

YB Dato' Timbalan Speaker : ini masa YB kerja kat situ pun sama juga.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai): ha, iyalah. Sebab itu saya cakap, sebab saya tahu saya cakap hari ini. Sebab saya tahu...

YB Dato' Timbalan Speaker : Oklah YB. Oleh kerana YB berpengalaman untuk membolehkan YB berucap 2 hari, saya tangguhkan Dewan ini ke jam 9.30 pagi 24 hari bulan...

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai): Dato' Speaker, kalau besok perut saya terkucil macam mana?

YB Dato' Timbalan Speaker : Kita doakan moga-moga YB sihat dan boleh hadir persidangan Dewan esok hari. Dewan ditangguhkan hingga 9.30 pagi esok.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	SELASA, 24 NOVEMBER 2015	BIL. 10 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI,PSI
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sambung persidangan kita untuk hari yang ketiga pada pagi ini dan saya berharap persidangan kita ini akan dapat berjalan dengan lancar mengikut sepertimana agenda mesyuarat yang kita tetapkan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jorak, jemput.

YB Datuk Dr. Shahruddin Bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.
Nyatakan negara-negara luar yang telah membuat pelaburan (FDI) di Negeri Johor dari tahun 2010 hingga 2014. Dan nyatakan jumlah pelaburan dan jumlah tenaga kerja yang diperlukan?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

YB Dr. Hj. Zaini Bin Abu Bakar (Nusajaya): Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Usaha menarik pelabur luar supaya melabur di Negeri Johor sedang dipergiatkan. Dalam waktu yang sama apakah perancangan, insentif serta prasarana berstandard antarabangsa yang disediakan untuk mereka.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jawapan kepada soalan Yang Berhormat daripada Jorak dan Yang Berhormat Nusajaya mohon dijawab bersekali.

Yang Berhormat daripada Jorak dan Nusajaya telah membangkitkan persoalan mengenai jumlah pelaburan dan jumlah peluang pekerjaan yang wujud menerusi kedatangan negara-negara luar yang telah membuat pelaburan, dengan izin (FDI) di Negeri Johor dari tahun 2010 hingga 2014 dan usaha-usaha menarik mereka untuk melabur di Johor.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA hanya mengambil kira pelaburan dalam sektor pembuatan bagi menentukan jumlah FDI ataupun pelaburan terus asing dengan izin di negeri ini.

Sehubungan dengan itu, laporan projek yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri seperti yang dikeluarkan oleh pihak MIDA pada tahun 2014, Johor telah mencatatkan jumlah pelaburan terus asing dengan izin ataupun disebut sebagai FDI dengan izin, sebanyak RM7.9 bilion iaitu yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Sarawak.

Berdasarkan maklumat daripada Pusat Pelaburan Johor atau Johor State Investment Centre dengan izin, secara keseluruhannya sejak 2010 sehingga 2014, negeri Johor telah menerima pelaburan FDI sebanyak RM29.5 bilion.

Manakala bagi tahun 2015, sehingga September tahun ini, negeri Johor telah menerima pelaburan FDI sebanyak RM2.3 bilion.

Negara Singapura telah menjadi pelabur tertinggi dalam senarai pelabur FDI kepada negeri Johor dengan pelaburan sebanyak RM6.7 billion atau 22% jumlah keseluruhan. Diikuti oleh Amerika Syarikat dengan pelaburan sebanyak RM5.4 bilion atau 18%. Jepun sebanyak RM4.6 bilion atau 15%, Netherland sebanyak RM3.1 bilion atau 10% dan China sebanyak RM1.37 bilion atau 4%.

Selain itu, negeri Johor turut menerima pelaburan FDI daripada negara-negara lain seperti Indonesia, Korea, Jerman, India dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sumbangan pelaburan FDI daripada negara-negara tersebut pada kadar yang rendah berbanding dengan negara-negara yang saya disebutkan tadi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejak 2010 melalui FDI, lebih daripada 75,000 peluang pekerjaan pelbagai peringkat telah berjaya diwujudkan di negeri ini. Dan, perkara ini telah membantu Johor menjadi negeri yang mempunyai kadar pengangguran antara yang paling rendah di negeri kita.

Dalam merancang dan menentukan supaya pihak pelabur terus melabur di Johor, ada beberapa perkara yang telah kita sediakan sebagaimana soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Nusajaya.

Pertamanya ialah dari segi kewujudan pelan pertumbuhan strategik. Menyedari tentang kepentingan pembangunan ekonomi yang terancang dan strategik, kerajaan negeri telah memulakan inisiatif dengan menyediakan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor. Pelan ini disasarkan untuk merangsang pembangunan ekonomi negeri bagi satu tempoh jangka masa panjang yang melibatkan pembangunan di seluruh Negeri Johor secara seimbang.

Kedua, kemudahan prasarana bertaraf antarabangsa. Terdapat semakin banyak kawasan perindustrian di negeri Johor yang dimajukan oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan juga para pemaju swasta yang akan dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan berteknologi tinggi bertaraf antarabangsa.

Ketiga, penyusunan kawasan perindustrian secara strategik. Bagi memudahkan pelabur yang ingin melabur di Negeri Johor, Kerajaan Negeri akan menempatkan industri berdasarkan sektor yang secara relatifnya saling berkait di suatu kawasan yang dikhususkan. Langkah ini dilaksanakan bertujuan supaya kemudahan dan keperluan yang disediakan bagi sektor tersebut dapat memenuhi kehendak pelabur itu kelak.

Keempat, kewujudan pelbagai pilihan sektor dan industri yang berbeza-beza. Di Johor, kita tidak mengkhususkan pertumbuhan kita kepada satu industri atau bidang sahaja. Sebaliknya, terdapat 87 kawasan perindustrian di negeri Johor yang menawarkan kepelbagaian pilihan.

Kelima, insentif cukai yang kompetitif. Kerajaan Negeri turut mengakui selain daripada kawasan industri yang sofistikated dan maju, faktor luaran turut memangkin lagi pembangunan di negeri ini seperti pemberian insentif pengecualian cukai.

Atas sebab itu, Kerajaan Negeri Johor menyambut baik pengumuman dalam Ucapan Bajet 2015 Kerajaan Persekutuan mengenai empat insentif bagi merancakkan lagi aktiviti pelaburan dan membangunkan sektor industri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin tegaskan bahawa sejak tahun 2013 hingga kini, Negeri Johor berada di kedudukan teratas dalam jumlah pelaburan.

Sehingga pertengahan 2015, negeri Johor mencatat pelaburan sebanyak RM 27 bilion, merekodkan kenaikan 72% pelaburan berbanding dengan RM15.7 bilion dalam tempoh yang sama dalam tahun 2014.

Dan, seperti yang telah saya umumkan semasa pembentangan bajet yang lalu, maklumat terkini setakat September 2015, Johor telah menerima jumlah pelaburan sebanyak RM30 bilion dan jauh meninggalkan negeri lain yang jumlah pelaburan mereka sekitar RM12 bilion ataupun kurang daripada itu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Tan Sri Speaker yang membenarkan saya membuat soalan tambahan. Pertama-tamanya saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya menarik pelabuhan atau pelaburan FDI (*Foreign Direct Investment*) yang begitu besar sehingga RM27 bilion dan dua kali lebih tinggi daripada mana-mana negeri yang berhampiran. Dan juga, kalau kita lihat inisiatif-inisiatif yang digariskan itu begitu kondusif untuk menjadikan Johor sebagai satu negeri yang mempunyai iklim pelaburan yang sangat baik dan insya-Allah saya yakin pelabur-pelabur daripada luar ataupun asing ini akan berlumba-lumba melabur di negeri Johor ini. Jadi, soalan saya ialah apabila kita telah menyediakan satu prasarana yang baik dengan iklim pelaburan dan juga politik di negeri Johor ini, sudah pasti ramai pelabur datang. Tapi kita juga sedia maklum bahawa ekonomi dunia sekarang ini tidak menentu. Dan dalam masa yang sama kita juga berhadapan dengan nilai ringgit yang semakin menguncup dan sukar diramal. Jadi, apakah kerajaan negeri yakin pelaburan pada masa hadapan kita dan yang sedia ada ini dapat kita pertahankan dan terus kita pertingkatkan? Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat daripada Tanjung Piai.

YB Tan Sri Speaker : Kukup.

YAB Menteri Besar : Daripada Kukup. Bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan juga keadaan ringgit yang lemah sama ada kita dapat mengekalkan Johor sebagai destinasi pelaburan yang utama dan menarik dalam negara kita. Dari segi, dari pandangan kerajaan negeri, kita memang sentiasa memantau keadaan ini dan mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa kita akan dapat terus mempertahankan kedudukan Johor, negeri Johor ini sebagai destinasi pelaburan yang menarik berbanding dengan negeri-negeri lain dalam negara kita. Ini adalah bersandarkan kepada beberapa faktor:-

1. Kita tidak nafikan peranan kerajaan negeri yang *prominent* dan kritikal dalam soal ini. Di mana kerajaan negeri mempunyai dasar dan strategi yang rapi dan juga tersusun. Berbagai dasar yang menyokong pelaburan telah dan sedang kita perkenalkan. Dan, antara dasar-dasar utama itu ialah seperti yang saya sebutkan tadi pelan pertumbuhan strategik. Kita juga menggalakkan masyarakat supaya melibatkan diri dalam keusahawanan. Apa yang dipanggilkan selalu sebagai keusahawanan Johor. Kita juga menggalakkan rakyat supaya memahirkan diri di bawah Projek Johor Mahir. Kita mempunyai Dasar Kelestarian Johor serta Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar 2 yang akan kita lancarkan pada tahun hadapan yang semuanya menjurus kepada memastikan Johor terus menjadi destinasi pelaburan yang penting dalam negara ini.

2. Kita mempelbagaikan cambahan kegiatan ekonomi kita. Kita tidak bergantung sama sekali kepada satu atau dua sektor utama dalam negeri ini. Di Johor kita bukan sahaja beri fokus kepada sektor industri, sektor hartanah mahupun sektor minyak dan gas. Tetapi kita juga beri perhatian kepada sektor ekonomi tradisional dan inovatif seperti pembuatan perabot, kesihatan, makanan, perkhidmatan, pertanian dan juga pelancongan. Atas sebab itulah, kita dalam bajet baru-baru ini, kita telah umumkan mengenai pembinaan industri perabot di Muar, mengenai usaha kita mengukuhkan Johor sebagai pusat persidangan dan pameran antarabangsa, sebagai sektor pertumbuhan baru. Matlamat kita membangunkan industri perikanan di Mersing dan beberapa hari yang lepas, untuk membangunkan *Ibrahim International Business District* bagi kita merancakkan sektor pertanian, peruncitan, kewangan dan perkhidmatan serta melestarikan pembangunan Iskandar dengan pelbagai pelaburan yang baru.

3. Kita terus beri penekanan kepada kemajuan prasarana dan keterhubungan. Kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan GLC memperbaiki secara berterusan keperluan prasarana dan jaringan keterhubungan. Johor mesti terhubung dengan seluruh dunia, bukan sahaja secara fizikal tetapi juga secara maya. Pelaksanaan projek kereta api laju yang menghubungkan Kuala Lumpur-Johor dan Singapura adalah pelaburan paling strategik untuk melonjakkan kebolehsaingan Johor. Ia akan menjadikan Johor terletak hanya 20 minit dari ekonomi paling pesat di dunia iaitu Singapura. Dan satu setengah jam dari Kuala Lumpur, pusat kegiatan ekonomi utama negara kita, Malaysia.

4. Keselesaan logistik pelabur. Johor menyediakan pelbagai kemudahan penempatan yang selamat, selesa, moden dan berprestij bagi memastikan

pelabur rasa selesa tinggal bekerja dan menyumbang kepada ekonomi Johor. Pelbagai pembangunan hartanah menawarkan kemudahan kediaman berciri moden, lestari dan sesuai dengan keperluan bakat terbaik global.

5. Program promosi berterusan akan kita teruskan dengan kerjasama semua GLC dan juga Kerajaan Pusat. Johor Corporation, Johor Biotech juga Johor Petroleum Development Corporation semuanya akan dilibatkan untuk bersama-sama mempromosi Johor sebagai destinasi pelaburan paling baik di rantau ini.

6. Kita juga menyediakan program bakat yang tersusun. Sebagaimana yang kita sedia maklum Kerajaan Negeri mengambil langkah intervensi dengan menyediakan pelan induk pembangunan soal daya insan dan juga Johor Skill Hub.

Dan, yang terakhir yang paling penting mengapa kita yakin Johor akan terus menjadi destinasi pelaburan utama negara kerana kestabilan politik Johor. (Dewan bertepuk). Yang paling penting ialah Johor mempunyai kestabilan politik. Amalan politik kita yang bersandarkan muafakat adalah strategi paling penting untuk meyakinkan pelabur bahawa kita boleh mengurus kepelbagaian politik dan kerencaman kaum dengan sangat sofistikated. Inilah yang sebenarnya dimahukan oleh pelabur luar, suasana persekitaran politik yang stabil dan progresif diuruskan melalui amalan perkongsian kuasa yang dinamik serta tadbir urus yang semakin meningkat baik dan maju. Antara kita parti komponen semua tak ada masalah kalau ada pun cabaran dalamanlah.

YB Tan Sri Speaker : Alhamdulillah. (Dewan bertepuk).

YAB Menteri Besar : Antara mereka masalah satu dengan yang lain. Jadi tak mungkin boleh bawa kestabilan. (Dewan bertepuk). Terima kasih.

YB Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jorak. Yang Berhormat Jorak, soalan tambahan, bukan? Bangun untuk soalan tambahan ke apa Yang Berhormat Jorak?

YB Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Tambahan, tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Ha, jemputlah.

YB Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah pun memberikan jawapan kepada soalan lisan saya. Soalan tambahan saya adalah tentang, adakah pihak kerajaan ada mengenakan syarat-syarat wajib kepada syarikat-syarikat pelabur asing ini di mana mereka dikenakan syarat iaitu pegangan ekuiti oleh syarikat tempatan dalam syarikat asing?

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Speaker, perkara-perkara dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan adalah merupakan perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kita perlu mengimbangi antara usaha kita menarik pelabur dan perkara-

perkara yang menyebabkan pelabur enggan untuk melabur dalam negara dan juga negeri kita. Antara keutamaan yang kita lihat dalam kita menarik pelaburan ialah dari segi bagaimana sesuatu pelaburan itu boleh memberi nilai tambah kepada ekonomi negara dan negeri. Sejauh mana ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat kita bukan sahaja di peringkat rendah tetapi sehingga di peringkat yang tertinggi. Dan, bagaimana sesebuah pelaburan itu membuka peluang kepada rantaian ekonomi yang lain seperti keusahawanan, perkhidmatan, sebagainya. Dan seterusnya, sama ada dengan pelaburan itu boleh berlaku perkongsian pengalaman dan pemindahan teknologi. Dan, selepas itulah mungkin perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat jadi dia ikut keutamaan. Apa sebenarnya keutamaan kita. Dan, sekiranya mungkin agaknya satu-satu industri itu bersifat strategik dan penting untuk negara mungkin Kerajaan Pusat akan mengenakan syarat-syarat itu. Ia tidak menjadi syarat asas dan umum kepada semua pelaburan kerana kalau dilakukan begitu berbanding usaha yang dilakukan oleh negara lain maka mungkin industri dan syarikat itu enggan untuk melabur dalam negara kita.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat hujung.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berkenaan dengan pelaburan Iskandar yang mensasarkan pelaburan sebanyak RM383 bilion menjelang 2025. Menurut angka yang terdekat, yang terkumpul setakat September 2015, pelaburan komited yang terkumpul berlandaskan yang telah diumumkan adalah RM185 bilion. Iaitu kalau saya kira adalah 48% daripada angka sasaran. Dan angka pelaburan yang direalisasikan, yang telah disiapkan adalah RM90.57 bilion iaitu sekitar 23.65% daripada angka sasaran. Jadi, fakta saya adalah selepas 10 tahun Iskandar Malaysia berjalan pelaburan yang direalisasikan hanya ¼ daripada angka sasaran, ini belum lagi mengambil kira dalam masa 10 tahun yang akan datang, mungkin ada para pelabur yang keluar, menarik pelaburan, kalau mereka yang komited, tidak komited untuk melabur. Dan, satu fenomena lagi adalah sektor-sektor lain.

YB Tan Sri Speaker : YB jangan negatif aje. Mungkin ada pelabur yang akan datang juga.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Ok, boleh-boleh.

YB Tan Sri Speaker : Jadi kita...

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Kalau macam tu cantik.

YB Tan Sri Speaker : Adillah.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Macam sekarang, sektor hartanah sekarang nampaknya menjangkaui prestasi sektor-sektor tumpuan yang lain. Jadi, soalan saya apakah memandangkan pelaburan hanya sekitar 25% apakah strategi, strategi rombakan ke dan sebagainya, adakah rombongan dan rundingan akan dipergiatkan

dan sebagainya untuk meningkatkan angka tersebut kerana saya rasa kita tak boleh lari terlalu jauhlah?

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Kerana masa sudah tinggal 10 tahun lagi.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Stulang. Yang Berhormat Stulang sebenarnya mengkhususkan soalan mengenai pelaburan di Iskandar. Memang benar bahawa sasaran pelaburan terkumpul Iskandar Malaysia adalah sebanyak RM383 bilion menjelang tahun 2025 dan jumlah pelaburan terkumpul bagi Iskandar Malaysia setakat Jun 2015, adalah RM172.51 bilion. Berasaskan kepada itu, memang kita yakin dalam masa 10 tahun yang akan datang ini, pelaburan di Iskandar Malaysia seperti yang disasarkan, kita akan dapat mencapainya berasaskan kepada perkara-perkara dan sandaran yang telah saya nyatakan tadi. Tetapi harus juga kita ingat bahawa dalam masa ke hadapan Kerajaan Negeri juga mempunyai penekanan supaya kemajuan dan pembangunan di negeri Johor ni kita agihkan juga ke kawasan-kawasan yang lain. Jadi, yang pentingnya ialah pertama secara keseluruhannya Negeri Johor kita terus mendapat pelaburan, kita terus menjadi destinasi pelaburan yang utama. Dan yang keduanya, Iskandar memainkan peranan untuk melonjakkan pembangunan di Johor. Jadi, tak kiralah sama ada pelaburan tu datang ke kawasan Iskandar ataupun pergi ke daerah lain, kerana pada ketika itu daerah lain pun dah bersedia. (Dewan bertepuk). Jadi, kita tak bolehlah hanya fikirkan kawasan kita. Walaupun saya Wakil Rakyat dalam kawasan Iskandar, saya relakan pembangunan itu berlaku di daerah lain. (Dewan bertepuk)

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah yang telah dan akan dilakukan oleh pihak kerajaan Johor terhadap pemohon pinjaman perumahan mampu milik Johor yang gagal mendapat pinjaman dari bank disebabkan oleh syarat dan peraturan yang tidak mampu dipenuhi oleh pemohon.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 4.
Apakah tindakan kerajaan untuk membantu mereka yang ingin memiliki rumah tapi susah mendapat pinjaman bank disebabkan pendapatan tidak tetap serta tidak mempunyai penyata gaji?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Assalamualaikum, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Dewasa ini pihak pemohon rumah mampu milik Johor menghadapi masalah pinjaman dari pihak bank yang mengenakan syarat yang ketat bagi membuat pinjaman perumahan walaupun pemohon telah menerima Sijil Kelayakan Memiliki Rumah Mampu Milik dari SUK. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi membantu golongan ini?

YB Tan Sri Speaker : Ni soalan ni, ada 2 Raja, satu Surat tau. Sila, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Dalam Raja ada tersurat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk menjawab bersekali ketiga-tiga soalan dari Parit Raja, Pasir Raja dan Tanjung Surat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memangnya menyedari akan masalah kesukaran memperolehi pinjaman perumahan bagi mereka yang ingin memiliki rumah idaman mereka di negeri ini. Kerajaan Negeri Johor sememangnya begitu komited dalam usaha untuk menyediakan rumah mampu milik semaksimum yang mungkin untuk memberi peluang kepada rakyat di negeri ini bagi memiliki rumah idaman mereka.

Namun mutakhir ini, kita mendapati kemelut yang sering di hadapi oleh penerima Rumah Mampu Milik Johor terutamanya bagi rumah jenis kos rendah dan sederhana rendah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan mahupun dari bank-bank komersial yang sukar meluluskan permohonan rumah di bawah harga RM100,000.00. Perkara ini juga berlaku di seluruh negara dan menjadi tekanan dan menjadi permasalahan kepada Kerajaan Negeri mahupun kepada pihak pemaju.

Buktinya, isu permasalahan kesukaran memperoleh pinjaman perumahan ini telah pun dibangkitkan sendiri oleh YAB Menteri Besar Johor berkenaan cabaran dalam mengatasi masalah pinjaman perumahan yang begitu merunsingkan di negeri ini. Beliau juga berpendapat bahawa kerajaan pusat harus mencari jalan penyelesaian seperti penubuhan Bank Perumahan bagi membantu golongan berpendapatan rendah di negara ini untuk mudah memperoleh pinjaman perumahan mereka.

Selain itu juga, di dalam Resolusi Kongres Perumahan Negara 2014, yang berlangsung pada 16 dan 17 Jun 2014, yang dianjurkan oleh Majlis Profesor Negara (MPN) untuk mencadangkan bagi menubuhkan Bank Perumahan Negara bagi menyelesaikan masalah kesukaran pinjaman perumahan di negara ini. Hal ini berpunca daripada syarat-syarat bank yang ketat, pendapatan yang rendah, tiada penyata gaji, golongan graduan yang baru bekerja dan sebagainya.

Untuk pengetahuan sidang hadirin, Majlis Profesor Negara akan mengadakan Konvensyen pada 1hb Disember ni di Negeri Johor, kerana memilih Negeri Johor sebagai satu *Role* Model dalam penyelesaian Rumah Mampu Milik di Negeri Johor dalam penyelesaian Rumah Mampu Milik di Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, justeru dengan itu, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran YAB Menteri Besar Johor telah mengambil inisiatif bagi membantu golongan sasar untuk mendapatkan pembiayaan perumahan mampu milik khususnya bagi rumah jenis PKJ A yang berharga RM42,000.00 dan PKJ B dengan harga RM80,000.00. Di mana dalam ucapan Bajet yang kita dengar baru ini, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan kerjasama di antara pihak Kerajaan Negeri dengan AmBank Islamic Berhad untuk menyediakan satu Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor bagi membantu golongan sasar mendapat pinjaman perumahan yang sukar diluluskan oleh bank-bank komersial yang lain. Untuk makluman semua hadirin, idea ini adalah merupakan satu idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sewaktu beliau melancarkan Karnival Hartanah Bumiputera di Johor Bahru pada awal Jun tahun ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerjasama antara Kerajaan Negeri Johor dan AmBank Islamic Berhad ini adalah satu langkah pro aktif Kerajaan Negeri bagi mendukung aspirasi pemilikan Rumah Mampu Milik di negeri ini. Melalui skim ini, Ambank Islamic Berhad akan menyediakan dana berjumlah RM300 juta bagi memastikan lebih ramai golongan sasar di negeri ini memperolehi pembiayaan rumah mereka. Skim ini akan mula beroperasi pada bulan, pertengahan Januari dan akan dimuktamadkan pada bulan Januari tahun 2016.

Yang Amat Berhormat ketika membentangkan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama dengan memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi membantu pembeli rumah pertama memiliki rumah pertama idaman mereka. Langkah ini disambut baik oleh Kerajaan Negeri Johor bagi membantu golongan sasar di negeri ini untuk memperolehi bantuan pembiayaan deposit rumah yang dijangka bermula pada tahun hadapan. Langkah ini baik secara tidak langsung dapat membantu 46,000 pemilik Rumah Mampu Milik Negeri Johor sehingga tahun 2018.

Di dalam Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan untuk memperluaskan lagi Program Rumah Mampu Milik seperti PRIMA, Rumah Mesra Rakyat, Program Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M), Program Rumah Pertama dan Program Perumahan Rakyat bagi membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah yang mampu dimiliki di negara ini. Selain daripada itu, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perumahan Negara telah memperkenalkan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta iaitu *My Home.* Skim ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggalakkan pemaju-pemaju swasta di negara ini membina lebih banyak Rumah Mampu Milik. Skim ini menawarkan insentif RM30,000.00 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Skim ini terdapat 2 kategori iaitu MyHome1 iaitu harga jualan RM80,000.00 hingga RM120,000.00 dengan keluasan minimum 800kaki persegi dan MyHome2 dengan harga jualan dari RM120,000.00 hingga RM200,000.00 dengan keluasan minimum 850kaki persegi. Bagi pemohon yang telah ditawarkan rumah ini, telah menerima sijil kelayakan menduduki rumah yang masih lagi mengalami kesukaran untuk mencari pinjaman. Pihak SUK telah memberi peluang kepada mereka untuk mengemaskini ataupun *renew*, dengan izin bagi melanjutkan tarikh sijil berkenaan sebanyak 3 kali lanjutan. Oleh itu, pemohon berkenaan berpeluang untuk mencari pinjaman di mana-mana bank lain.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, sebelum kita teruskan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan yang mulia ini, rombongan Ketua-Ketua Whip bagi Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan seramai 15 orang. Jemput, Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih. Saya suka ungkapan Tan Sri tadi, dua raja satu surat. Terima kasih.

Pertama, Tan Sri, semasa soalan ini dibuat belum ada pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tetapi soalan ini ialah soalan yang popular di akar umbi. Dan ia sebenarnya menjadikan kita bertanya dan saya nak ucap tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pengumuman bahawa ada satu bank *at least* AmBank Islam yang sanggup memberi penajaan kepada rumah mampu milik Johor. (Dewan bertepuk).

Justeru itu, kita nak bandingkan betapa setakat ini bank-bank komersial kalau kita bandingkan dua perkara, satu kalau beli kereta, kereta harga menurun tapi mereka boleh beri pinjaman kepada peminjam-peminjam. Tapi bila bab rumah sedangkan harga rumah akan naik. Kalau dikira nilai, tetapi nak beri pinjaman kepada rumah begitu banyak birokrasi dan kerenahnya. Justeru itu, adakah pihak kerajaan, kalau macam tulah, dapat satu bank kita mulakan inisiatif dengan membuat rundingan dengan agensi-agensi kerajaan pusat yang mampu untuk memberikan pinjaman. Dan, adakah ini ada kaitan dengan kualiti kerja membina rumah mampu milik Johor yang menyebabkan bank-bank tidak mahu memberi pinjaman?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada sahabat saya, Pasir Raja. Untuk makluman Tan Sri Speaker, saya diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk berbincang dengan banyak bank. Dan, beberapa perkara yang saya kongsi dengan pihak bank tentang rumah mampu milik negeri Johor ni, ia adalah harga subsidi,di mana kita ada harga RM42,000.00, RM80,000.00 dan RM150,000.00. Untuk RM42,000.00, kalau diikut kepada kos membina hampir dekat RM130,000.00.

Jadi, kaedah perbincangan saya dengan pihak bank adalah dengan kita maklumkan itu adalah harga subsidi dan bermakna nilainya akan bertambah dari segi nilaian yang perlu dinilai oleh pihak bank. Tetapi apa yang menjadi permasalahan pihak bank kerana kebanyakannya peminjam-peminjam daripada golongan rendah ini kebanyakannya adalah mereka-mereka yang bekerja sendiri. Peniaga-peniaga, sekarang anak-anak muda sekarang ini banyaknya kerja *online*, meniaga *online*, pendapatannya agak bagus tetapi tiada slip gaji. Jadi, inilah permasalahan bagi pihak bank berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara.

Jadi, kaedah-kaedah yang kita lakukan walau pun kita tahu ada beberapa skim yang dibuat oleh pihak agensi kerajaan di mana seperti contohnya bank daripada MBSB, di mana skim ini dibagi kepada kakitangan kerajaan melalui skim-skim yang telah ditawarkan seperti memberi pinjaman perumahan kepada mereka yang ingin memiliki rumah dengan syarikat MBSB, dengan izin Malaysia Building Society Berhad, yang telah

diperbadankan Akta 1965. Tetapi ianya adalah tertakluk kepada agensi-agensi membabitkan kakitangan-kakitangan kerajaan dan juga agensi swasta yang diluluskan oleh pihak MBSB. Jadi, ianya tidak mencakupi kepada keseluruhan rakyat itu sendiri dan apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor adalah satu program inovasi di mana kerjasama kita dengan pihak AmBank dalam perundingan kita berdasarkan nilaian rumah mampu milik yang boleh diberi peluang kepada mereka memiliki rumah. Di mana kita mensasarkan dengan program yang kita lakukan ini, sebanyak 5,000 peluang akan kita beri kepada mereka-mereka yang gagal dalam bentuk pinjaman tetapi dari segi mata kasarnya boleh diluluskan berdasarkan pendapatan yang kita boleh perakui dan ini akan diperincikan dalam perbincangan kita dengan pihak AmBank. Tetapi setakat ini pihak kerajaan negeri telah meluluskan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kerjasama ini akan ditandatangani dalam awal bulan 1.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Daripada jawapan...

YB Tan Sri Speaker : Minta maaf, belakang.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya sebenarnya tentang perumahan skim sewa beli. Kerana nampaknya pinjaman perumahan adalah punca pertama yang menjadi bangsa Johor bankrup sejak tahun 2008 hingga tahun ini yang paling ramai adalah punca pertama jadikan bangsa Johor bankrup. Sebanyak lebih 5,000. Itu saya fikir, Senai fikir, adakah kerajaan Johor merancang untuk tambah unit sewa beli khasnya untuk golongan muda kerana golongan muda ini walaupun seperti apa yang EXCO dah disebut, mungkin berpendapat lebih tinggi daripada biasa, orang biasa. Tetapi pendapatan itu tidak stabil kerana mereka berniaga sendiri dan pinjaman dari bank tu sebenarnya adalah satu beban yang amat berat untuk mereka. Kalau *interest rate* tambah,beban itu lagi tinggi, lagi berat. Itu saya cadangkan dan juga nak tanya berapa unit skim sewa beli disedia untuk kerajaan negeri sedia ada dan rancangan dalam masa depan untuk golongan muda dan juga skim sewa beli ini mana lokasi perumahan ini? Kerana skim ini bukan sahaja untuk golongan berpendapat rendah. Mestilah terletak dalam lokasi perdana. Jadi, golongan ini boleh akses kepada semua fasiliti atau kemudahan dalam bandar. Itu yang lebih penting untuk golongan muda ataupun golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih dengan soalan tersebut. Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, maaf. Isu tentang skim sewa beli ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat pada sidang Dewan 2015 di mana sebanyak 5,000 unit akan dijadikan skim sewa beli secara berperingkat. Kalau Yang Berhormat boleh baca, sidang Dewan yang lepas untuk 2015 sebanyak 5,000 yang telah diberi senarai, di mana bangunan-bangunan tersebut adalah milik kerajaan negeri. Kita boleh melakukan skim sewa beli berdasarkan pemilikan kita. Kalau kita nak jadikan ia sebagai satu skim sewa beli, makna kita kena beli rumah tu

dan kita sewakan. Dan ini menjadi satu kekangan kepada kerajaan negeri untuk kita memiliki rumah-rumah tersebut untuk kita beli, sedangkan banyak lagi perkara-perkara yang kita perlu lakukan. Tetapi ia adalah satu permulaan di mana kita telah melakukan yang terbaik berdasarkan idea Yang Amat Berhormat dengan kita melepaskan rumah-rumah sewa kita tu kepada skim sewa beli yang baru-baru ini telah dilancarkan di Taman Cendana sebanyak 2,100 unit telah diumumkan Yang Berhormat selain daripada pada tahun hadapan projek EDL, di kawasan projek kita nampak sebelah jalan *highway* tu, tu pun akan dijadikan skim sewa beli kepada mereka yang tidak lulus pinjaman bank. Maknanya, kita akan melalui proses pertama melalui pinjaman bank dahulu, lepas itu bila ditolak, mana-mana projek yang menjadi milik kita akan kita wartakan untuk dijadikan sebagai skim sewa beli dan ianya telah diumumkan oleh Yang Berhormat pada sidang Dewan Bajet 2015.

Dan, kita sedia maklum bahawa skim sewa beli memang diperlukan. Sebab itulah, di bawah kerajaan persekutuan ada membina rumah PPR, rumah rakyat untuk disewakan kepada golongan di mana di situ diletak 10% kepada golongan-golongan belia yang boleh menyewa dan ada juga di kawasan-kawasan di luar bandar kita kena ada skim sewa supaya untuk kita mempastikan ada transit untuk mereka-mereka yang tidak mampu untuk menyewa rumah. Tapi, kita tahu jumlah ini tidak cukup dan kita di bawah kerajaan negeri memang memohon peruntukan dengan kerajaan pusat supaya dapat menambah lagi rumah PPR untuk disewa dan dijadikan sebagai antaranya sebagai skim sewa beli. Tetapi untuk dijadikan skim sewa beli ini, kerajaan negeri terpaksa membayar kos supaya kita tahu untuk membina rumah sebanyak RM42,000.00, ini kos sebenarnya adalah RM130,000.00 seunit. Jadi kos ini agak meningkat tetapi kerajaan persekutuan bagi subsidi untuk kita membeli sebanyak RM35,000.00.

Ini pun berdasarkan kaedah dan perlaksanaan kita untuk kita laksanakan program-program sebegini tetapi ianya dilakukan secara berperingkat. Tapi, insya-Allah berdasarkan muafakat yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kita yakin banyak perkara baru yang akan kita kongsikan bahkan Majlis Profesor Negara sendiri membuat konvensyen di negeri Johor. Kerana memilih Johor sebagai *role* model perlaksanaan rumah mampu milik Johor dan penyelesaian rumah bagi rakyat. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta penjelasan bilangan dan status pencapaian Koperasi Sekolah di negeri Johor. Nyatakan mengikut daerah. Apakah perancangan kerajaan melonjakkan pencapaian Koperasi Sekolah di negeri ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehingga 31 Oktober 2015 di negeri Johor terdapat sebanyak 257 buah koperasi sekolah dengan keanggotaan seramai 271,956 orang dengan modal syer berbayar berjumlah RM2.6 juta dan aset bernilai RM44.2 juta. Pada 30 Jun 2015, gerakan koperasi sekolah seluruh negeri Johor telah mencatat

perolehan berjumlah RM40 juta dan telah berjaya memperolehi keuntungan bersih sebanyak RM5.5 juta.

Dari segi status pencapaian koperasi sekolah seluruh negeri Johor mengikut daerah sehingga 30 Jun 2015, ialah seperti berikut :

1. Koperasi sekolah dalam daerah Johor Bahru terdapat 69 bilangan koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM785,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM10.5 juta dan untung semasa sebanyak RM1.8 juta.

2. Bagi daerah Kluang, terdapat 28 bilangan koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM317,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM3.9 juta dan untung semasa sebanyak RM528,000.00.

3. Daerah Kota Tinggi terdapat 22 buah koperasi sekolah dengan modal syer berjumlah RM152,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM3 juta dan untung semasa sebanyak RM224,000.00.

4. Bagi daerah Kulai terdapat 27 koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM316,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM6 juta dan untung semasa RM1 juta.

5. Bagi daerah Mersing terdapat 8 buah koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM23,0000.00, jumlah perolehan sebanyak RM956,000.00 dan untung semasa sebanyak RM35,000.00.

6. Untuk daerah Muar, koperasi sekolah ada sebanyak 37 buah dengan modal syer sebanyak RM387,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM6.1 juta dan untung semasa sebanyak RM684,000.00.

7. Daerah Pontian terdapat 15 buah koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM217,000.00. Jumlah perolehan sebanyak RM2.1 juta dan untung semasa RM318,000.00.

8. Bagi daerah Segamat terdapat 24 buah koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM117,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM2 juta dan untung semasa sebanyak RM246,000.00.

9. Bagi daerah Batu Pahat terdapat 27 koperasi sekolah dengan modal syer sebanyak RM284,000.00, jumlah perolehan sebanyak RM5.7 juta dan untung semasa sebanyak RM633,000.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Jabatan Pendidikan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa mengadakan program-program bagi membantu untuk melonjakkan pencapaian koperasi sekolah melalui program-program pemantapan, pengurusan dan permohonan perniagaan yang telah dijalankan. Antara program yang diadakan terutama bagi memantapkan pengurusan koperasi sekolah program bimbingan dan kursus-kursus berkaitan pengurusan akaun dan tadbir urus koperasi sentiasa

dilaksanakan secara berterusan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia dan juga ANGKASA. Pengurusan yang cekap dalam koperasi sekolah dapat meningkatkan pencapaian perolehan koperasi pada masa depan.

2. Sebanyak 28 buah koperasi sekolah telah terlibat dalam Program Transformasi Kedai Runcit bagi memodenkan pengurusan dan operasi kedai koperasi sekolah di bawah anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan selepas mengikuti program ini prestasi jualan di kedai koperasi sekolah didapati telah meningkat antara 25% hingga 30% daripada sebelum mengikuti program tersebut. Jadi setiap kedai koperasi sekolah yang terlibat dalam program TUKAR menerima bantuan sebanyak RM50,000.00 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

3. Kerajaan negeri Johor dengan kerjasama Pihak Berkuasa Iskandar Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menubuhkan Koperasi Iskandar Malaysia Berhad iaitu menubuhkan IMCoop untuk membangunkan Kedai Harga Patut bagi tujuan membantu rakyat menangani kos sara hidup rakyat. Koperasi sekolah juga akan dilibatkan dalam rantaian kedai IMCoop ini.

4. Bagi meningkatkan budaya kreativiti, inovasi dan keusahawanan di koperasi sekolah, setiap tahun diadakan konvensyen, pembudayaan, keusahawanan oleh sekolah dan juga Hari Koperasi di peringkat sekolah. Program-program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan negeri, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan juga ANGKASA. Semua program-program ini juga didapati berupaya menyumbang kepada peningkatan jualan di kedai-kedai koperasi sekolah.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih ke atas jawapan yang diberikan oleh EXCO. Kita tahu bahawa koperasi ini adalah jentera ke tiga ekonomi negara. Dan koperasi sekolah ni merupakan latihan awal keusahawanan dan perniagaan bagi mereka yang lepas sekolah besok nak berniaga. Cuma kita ingin tahu, di sekolah ni dia banyak *business*, dalam sekolah tu kalau kita kira daripada makan, pakaian, pakaian sekolah, baju sekolah, beg sekolah, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan juga pihak Jabatan Pelajaran membenarkan tak, pihak koperasi sekolah ini terlibat dalam perniagaan ini? Kalau ada kajian, berapa persen koperasi sekolah menguasai perniagaan di sekolah itu sendiri? Kalau ini dapat dilakukan saya yakin ia boleh melonjakkan pencapaian koperasi. Saya ingat kita beruntung sebab Menteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ni kita pernah menggerakkan Gerakan Massa Koperasi masa Yang Amat Berhormat jadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dulu. Kalau ini dapat digemblengkan tenaga Yang Amat Berhormat, saya yakin koperasi ini di sekolah di negeri Johor ni dapat dilonjakkan.

Keduanya, Skim galakan insentif kepada koperasi sekolah yang berjaya ada tak dilakukan di negeri Johor ini? Itu Yang Berhormat soalan saya. Soalan tambahan.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tujuan diwujudkan koperasi-koperasi sekolah ni adalah mengikut akta di bawah Seksyen 26 Akta Koperasi 1993. Yang dibenarkan untuk jadi anggota koperasi ialah umur 12 tahun ke atas, maknanya di sekolah menengah sahaja.

Yang kedua, asas tujuan ialah untuk melatih budaya keusahawanan di peringkat sekolah, jadi sebab tujuan sekolah tu dia nak belajar, jadi nanti kalau dia sibuk dengan perniagaan-perniagaan di sekolah, tender dan sebagainya dah lari daripada sebab asasnya ialah nak melatih pelajar-pelajar ni budaya keusahawanan. Walau bagaimanapun di kebanyakan sekolah, semua urusan pembelian buku-buku latihan dan sebahagian daripada keperluan pakaian seragam dan sebagainya memang diuruskan oleh koperasi sekolah. Untuk inisiatif kepada koperasi-koperasi yang berjaya, selain di peringkat jabatan, Kementerian Pendidikan sendiri, kalau dulu koperasi sekolah ini dia kena sewa premis sekolah, tetapi sejak tahun 2011 pihak Kementerian telah memberikan premis-premis koperasi ini secara percuma. Dia cuma digalakkan untuk memberi sumbangan sahaja tetapi tidak dalam bentuk sewa. Selain daripada itu di peringkat Kementerian, Suruhanjaya Koperasi dan ANGKASA setiap tahun akan mengadakan semasa Hari Koperasi Negara, memberikan anugerah ataupun pengiktirafan-pengiktirafan tertentu dalam bentuk sijil dan juga jumlah kewangan sebagai insentifnya kepada koperasi-koperasi sekolah ini.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pagoh, Paloh, jemput.

YB Encik Teo Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah syarat-syarat untuk menubuhkan sebuah KRT?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, skim Rukun Tetangga telah dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada 29 Ogos 1975 dalam sektor Rukun Tetangga Kampung Kassipilay, Kuala Lumpur.

Skim ini diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) bawah Ordinan Darurat 1969. Penubuhan awal Skim Rukun Tetangga adalah untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan-kawasan tertentu yang dikenali sebagai sektor berikutan kejadian-kejadian yang menggugat perpaduan nasional pada ketika itu.

Skim ini sebenarnya memberi kuasa kepada penduduk dalam kawasan tertentu untuk memastikan keamanan dan keselamatan rumah dan kawasan sekitarnya melalui rondaan wajib ke atas penduduk berusia di antara 18 hingga 55 tahun. Selain itu, Rukun Tetangga juga pada masa itu berperanan untuk melaksanakan program kejiranan dan aktiviti berasaskan pembangunan komuniti serta pendidikan sosial dan sukan untuk meningkatkan perhubungan antara kaum dalam komuniti setempat.

Konsep Rukun Tetangga seterusnya telah pun mengalami beberapa fasa perubahan selaras dengan peredaran semasa sosioekonomi negara seperti berikut :

Sekiranya pada tahun 1975 ia berasaskan kepada Konsep Keselamatan, pada tahun 1984 ia adalah berasaskan kepada Konsep Kejiranan, untuk meningkatkan semangat kejiranan dan perpaduan setempat. Pada tahun 2001 ia sekali lagi mengalami perubahan di mana memberi fokus kepada Pembangunan Komuniti dalam aspek yang menyeluruh. Dan, pada tahun 2010 ia dipanggil sebagai Model Transformasi Rukun Tetangga di mana pelaksanaan program dan aktiviti berlandaskan lima teras iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup. Lima teras ini adalah di antara kerangka yang dikenal pasti mampu mencapai matlamat negara untuk melahirkan masyarakat berbilang kaum yang hidup dalam suasana aman, damai dan harmoni.

Selaras dengan perkembangan terkini, termasuk pemansuhan akta Keselamatan Dalam Negeri dan Ordinan Darurat 1969, maka Akta Rukun Tetangga 2012 telah digubal dan dikuatkuasakan pada 22 Jun 2012.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai syarat untuk menubuhkan sesuatu KRT:

1. Perlu ada permohonan Penubuhan KRT daripada penduduk melalui Pejabat Perpaduan Daerah masing-masing dan keutamaan diberikan kepada kawasan yang mempunyai komposisi bilangan penduduk pelbagai kaum.

2. Jumlah isi rumah lebih daripada 2,000 orang ke atas. Ia termasuk kawasan bandar dan pinggir bandar, taman-taman perumahan dan kawasan-kawasan yang berpenduduk kepadatan yang tinggi. Termasuk juga isu yang diambil kira ialah kawasan-kawasan berisiko tinggi yang mempunyai kadar jenayah tinggi dan gejala-gejala sosial yang tinggi. Dan, seterusnya penubuhan KRT juga antara isu yang diambil kira ialah kawasan-kawasan kediaman dan penempatan yang belum mempunyai apa-apa organisasi penduduk seperti JKKK atau Persatuan Penduduk yang sah dan yang berdaftar dan juga kawasan-kawasan yang mempunyai kediaman penduduk majoritinya *mono race*, dengan izin, diambil kira dan diberikan kelulusan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sesiapa sahaja warga negara Malaysia yang mempunyai umur 18 tahun ke atas, bebas dari rekod jenayah, waras akal fikiran , tidak bersabit dengan hukuman mahkamah boleh membuat permohonan menubuhkan KRT. Mereka yang berminat untuk menubuhkan KRT di kawasan komuniti ini, akan dikenali sebagai Pengerusi Penaja sebelum kawasan tersebut diwartakan dan mereka juga perlulah mengenal pasti kawasan yang ingin dijadikan ataupun kawasan yang ingin ditubuhkan KRT tersebut dan juga tujuan penubuhan KRT mestilah menepati misi dan visi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional supaya objektif penubuhannya tidak bercanggah dengan dasar-dasar yang telah pun ditetapkan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Selepas sesuatu permohonan untuk menubuhkan KRT dimajukan, berapa lamakah masa yang diperlukan untuk mendapat kelulusan, sekian terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Berapa lama?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Tan Sri Speaker, sebenarnya tidak ada masa yang telah pun ditetapkan, masa yang tepat ditetapkan tetapi ia bergantung kepada beberapa perkara:

1. Tarikh pertama kali taklimat bersama penduduk dalam komuniti tersebut telah pun diadakan.

2. Bergantung kepada tempoh Pengerusi Penaja KRT tersebut melengkapkan borang dengan perkara-perkara dan kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan dan menghantarnya ke Jabatan Perpaduan. Dan permohonan lengkap ini yang telah pun diisi akan dimasukkan ke dalam satu sistem dan dihantar kepada Ibu Pejabat Unit Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan di Jabatan Perpaduan. Dan, Unit PMK ini akan membuat semakan dan akan bermesyuarat bersama dengan bahagian-bahagian lain untuk menetapkan warta bagi kelulusan Rukun Tetangga tersebut. Jadi ini semuanya bergantung kepada berapa cepat Jawatankuasa Penaja itu mengambil inisiatif untuk memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada hari ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2016) TAHUN 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 disambung sekarang. Saya ingin nak mengingatkan Ahli-Ahli yang Berhormat, dalam perbahasan jangan sekali-kali kita menyentuh sahsiah peribadi seseorang yang boleh dianggap negatif. Ia bercanggah dengan Peraturan 45(xiii) Peraturan-Peraturan Perbahasan dan saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat faham dan baca dengan teliti supaya kita dalam perbahasan tidak menyentuh peribadi atau sahsiah orang-orang tertentu yang berkaitan dengan perbahasan kita.

Saya persilakan Yang Berhormat daripada Bukit Permai menyambung perbahasan.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim (bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam muafakat Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Permai untuk menyambung perbahasan yang terhenti semalam.

Inilah hikmah apabila mesyuarat yang lalu hanya dapat bercakap 2 minit, akhirnya pada mesyuarat kali ini saya dapat bercakap selama 2 hari. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Tahniahlah.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Untuk permulaan ucapan sambungan saya ini, saya ingin merakamkan tahniah dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker telah selamat kembali daripada menunaikan fardhu haji bersama Yang Berhormat Parit Raja dengan selamat. Mudah-mudahan terus diberi kekuatan oleh Allah dan sihat dalam menjalankan tugas harian.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semalam saya bercakap tentang soal kedai ataupun premis-premis perniagaan, kedai-kedai pejabat, rumah-rumah kedai yang terletak di kawasan bandar dan bandar-bandar baru. Hari ini kita lihat pemaju-pemaju meletakkan harga yang begitu tinggi. Dasar perumahan Johor, lot-lot bumiputera perlulah diberikan diskaun 15%. Ada setengah-setengah pemaju merasakan diskaun 15% kepada lot bumiputera tidak menguntungkan mereka. Maka dengan itu mereka lebih selesa untuk membiarkan lot-lot itu tidak dijual, akhirnya mereka selepas beberapa tahun membayar levi untuk dilepaskan penjualan lot itu kepada bangsa asing.

Jadi, persoalan saya di sini, kita tak boleh membiarkan perkara ini berterusan. Bagaimana kita nak mempertahankan ekuiti ataupun pemilikan bumiputera dalam premis-premis perniagaan di bandar? Hari ini bayaran levi itu adakah nilai bayaran levi bagi pelepasan lot-lot bumi kepada premis-premis perniagaan itu setimpal dengan nilai hilangnya ekuiti dan pemilikan bumiputera dalam bandar. Sebab itu saya rasa dasar kita tentang levi ini, pelepasan ini kita kena kaji semula. Kita ada agensi-agensi di bawah anak syarikat Johor Corporation seperti Johor Land, Damansara Asset, kita pun ada Perbadanan Islam Johor yang terlibat dalam sektor hartanah.

Saya harap lot-lot bumi di kawasan-kawasan strategik ini perlulah diselamatkan. Maksudnya, Johor Land dan Damansara Asset bukan sahaja melihat kepada pembinaan taman-taman baru, tetapi bagaimana nak jadi pengurus hartanah (property manager) kepada aset-aset berpotensi di kawasan-kawasan potensi supaya ia dapat dikekalkan ekuiti dan pemilikannya kepada kaum bumi. Yang ini perlu ada perkara yang kita perlu lihat secara mendalam, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ada pemaju memang sengaja bayar levi, bayar levi ini tak berapa memberi kesan kepada kadar keuntungan ataupun margin keuntungan syarikat. Tetapi duit levi ini tak boleh buat apa-apa pun untuk menjadikan sebuah lagi kedai seperti itu di bandar. Jadi, saya minta PBT terutamanya yang mempunyai hasil yang lumayan seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Kulai supaya apabila memberi kelulusan kepada kebenaran merancang, melihat bagaimana kita boleh menyelamatkan tanah-tanah dalam bandar baru itu supaya kita boleh buat pusat perniagaan dan kita serahkan perniagaan ini kepada komuniti kawasan itu.

Hari ini kita lihat komplek-komplek perniagaan besar seperti contohnya Jusco, Aeon Jusco. Sebenarnya PBT yang kaya seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis

Perbandaran Johor Bahru Tengah, bangunan seperti itu mereka pun boleh bina, mereka ada kekuatan kewangan. Cuma yang paling penting jabatan ataupun Unit Pengurusan Harta PBT tersebut perlu dinaik taraf, diberikan kekuatan, tambah staf, ambil profesional untuk duduk dalam Unit Pengurusan Harta ini supaya boleh *manage*, bole urus *shopping-shopping* kompleks yang sehebat Jusco dan sebagainya. Bagi saya kalau bangunan-bangunan kedai seperti ini dibina oleh PBT baru kita dapat tempatkan perniagaan itu mengikut selera kita supaya premis-premis perniagaan itu tidak dikuasai oleh sesuatu golongan sahaja. Yang ini saya rasa tak jadi masalah. Ini zaman bukan lagi PBT nak tengok buat gerai, tak habis-habis buat gerai makan, gerai tepi jalan. Kita dah, zaman kita dah berubah. Kita kena melihat perkara besar, perlu ada anjakan yang lebih besar kepada PBT yang hasilnya dah semakin besar.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk menyentuh tentang dasar perumahan lain ni tak perlulah kerana saya rasa apa yang dibentangkan dalam Belanjawan 2016 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini cukup komprehensif dan mencakupi semua perkara. Sebagai Wakil Rakyat kepada penduduk di Bukit Permai dan satu-satunya wakil tunggal kerajaan yang memerintah di daerah Kulai, saya tak boleh lari untuk membawa isu-isu tempatan, yang tak dapat kita selesaikan di peringkat daerah iaitu yang pertamanya sebelum saya pergi kepada masalah, saya nak ucap terima kasih. Terima kasih kepada kerajaan persekutuan, terima kasih kepada EXCO Pendidikan Negeri Johor dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor kerana telah memperjuangkan sekolah menengah harian iaitu Sekolah Menengah Bandar Putra 2 yang telah diluluskan dalam Bajet Persekutuan sejumlah RM48 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Kelulusan ini pastinya akan menggembirakan 12,000 keluarga yang tinggal di Bandar Putra Kulai.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah, terima kasih kepada kerajaan negeri Johor bagi pihak penduduk dan kakitangan kerajaan di Kulai kerana telah meluluskan pembinaan Pejabat Daerah yang baru di Kulai berjumlah RM60 juta. Terima kasih kepada kerajaan Johor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu prihatin.

Saya juga nak ucap terima kasih kepada Pejabat Pentadbir Tanah Daerah Kulaijaya kerana telah menyelesaikan permohonan tanah penduduk-penduduk kampung iaitu penduduk setinggan Kampung Rahmat, 32 pemohon; Kampung Sungai Siam Sungai Besui, 115 pemohon; Kampung Seri Muar, 6 pemohon; Kampung Separa dan Kampung Pertanian, 60 pemohon; Kampung Pengkalan Indah, 23 pemohon. Jumlah pada tahun ini, fail yang dapat diselesaikan permohonan tanah orang-orang kampung ini berjumlah 236 pemohon. Saya cakap dalam Dewan ini kerana permohonan ini telah tertangguh bukan setahun, bukan dua tahun tetapi ada permohonan ini dah tertangguh 20 tahun, 15 tahun dan ada yang 30 tahun. Yang duduk kat rumah tu pun tak tahu yang tanah tu tak bergeran sebab bapa dia dah meninggal. Tetapi dengan usaha keras Pentadbir Tanah Kulai, pada tahun ini fail-fail ini semua dah bergerak dan apa yang saya suka, apa yang berlaku hari itu, Pentadbir Tanah Daerah Kulai bersama kakitangannya turun ke kampung pada waktu malam, bawa borang, bawa kakitangan, tolong orang kampung isi borang tanah. Orang kampung tak payah pergi ke Pejabat Tanah pun, *outreach*. Ia bekerja dalam keadaan yang luar biasa. Jadi saya nak beritahu dalam Dewan, kalau pejabat-pejabat kerajaan boleh melakukan perkara sebegini, saya rasa tak ada masalah, banyak masalah kita boleh selesaikan asalkan nak bekerja luar biasa. Ini yang kita nak. Jadi, saya mewakili semua penduduk

kampung yang saya sebut tadi nak ucap terima kasih kepada kerajaan kerana telah menjalankan permohonan tanah-tanah yang tertangguh ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah di Kulai ini cukup besar,iaitu masalah hospital. Saya nak beritahu nama hospital Kulai ini, namanya Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim. Nama dia cukup gah, cukup hebat. Tetapi saya nak beritahu yang Berhormat Tan Sri speaker, hospital ini dibuka pada 3 April 1995. Jumlah katil ketika dibuka 93 buah katil. Sekarang tahun 2015, katilnya masih 93 katil, ini yang kita nak, sedangkan penduduk hari ini saya nak beritahu pesakit yang datang di Hospital Kulai ni, penduduk Kulai saja sekarang ada 260,000. Di samping 260,000 orang penduduk Kulai, Hospital Kulai juga terpaksa menerima 150,000 lagi daripada kawasan berdekatan iaitu daripada Kota Tinggi, daripada Simpang Renggam, daripada Kluang, daripada Pontian, daripada Gelang Patah dan daripada Skudai. Kawasan-kawasan industri yang dekat situ, Industri Senai, Industri Seelong, Industri Bandar Tenggara, Industri Kelapa Sawit dan yang baru ni Industri Indahpura semuanya pun tuju Hospital Kulai. FELDA, FELDA Taib Andak, FELDA Bukit Besar, Bukit Ramun, Pasir Raja, Sungai Sayong, FELDA Inas, FELDA Sibol, FELDA Pengeli, FELDA Bukit Batu, FELDA Bukit Permai, FELDA Layang-Layang pun kadang-kadang Hospital Kulai.

Saya nak beritahu jumlah pesakit, saya nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Nusajaya. Sebenarnya, kita orang ni 2 orang duduk dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Kulai. Setelah 2 tahun lebih kita duduk mesyuarat bersama, perkara ini tak boleh selesai, sebab itu kita bawa dalam Dewan. Nusajaya bawa, Bukit Permai pun bawa, nak beritahu betapa seriusnya masalah di Hospital Kulai.

Tahun 2005 pesakit 42,500 orang, tahun 2011, jumlah pesakit 72,800 orang, tahun 2014 jumlah pesakit mencecah 100,000 orang. Beban tugas kakitangan meningkat 200%. Saya nak cerita kronologi ni, kronologi Hospital Kulai ni Hospital Kulai hari ini terkenal sebagai hospital tanpa pakar yang paling sibuk dalam Malaysia nombor 1, lebih sibuk daripada Hospital Sultanah Zahirah Kuala Terengganu. Tahun 2004 pihak hospital mohon bangunan tambahan 4 tingkat di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, telah lulus dalam pembentangan bajet Persekutuan 2009 tetapi apabila pelaksanaan, hilang. Tak ada, tak tahu siapa larikan peruntukan tu ke mana, kita pun tak tahu.

Pada tahun 2010 pihak hospital, pejabat daerah buat lagi laporan hantar untuk permohonan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh, langsung tak ada khabar berita. Dan, yang paling cantik pada tahun 2015, saya, Bukit Permai, Nusajaya, Pegawai Daerah Kulai, Pengarah Hospital Kulai, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, kita ni mesyuarat ingat 5, 6 kali mesyuarat sebab nak hantar laporan bagi permohonan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi Daerah Kulai. Kita duduk mesyuarat, bincang, buat laporan sama-sama hantar. Hantar kepada UPEN, kita bentang. Saya, *follow very closely on this matter* dengan izin sebab ia menjadi masalah rakyat, kita dah tak sanggup dah nak dengar orang punya *complaint*. Kita *check* menjadi keutamaan negeri ni *top 3*. Keutamaan nombor 3 daripada 33 perkara yang disenaraikan untuk Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi kita sangat kecewa.

Saya mewakili rakyat Kulai, kecewa apabila dibentangkan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11, Hospital Kulai tak ada dalam senarai. Ini zalim, kita jangan menzalimi orang sakit, orang Kulai ramai yang sakit, hospitalnya kecil kenapa buat macam ini,

yang ini tolong saya hairan, saya nak beritahu, saya tak nak sentuh Pasir Gudang kenapa nombor 3 saya tahu, Kulai nombor 3 kenapa sebab Pasir Gudang nombor 1, nombor 2 Segamat, nombor 3 Kulai, keutamaan hospital ni tapi bila bajet RMK 11 ni, Pasir Gudang dapat, Segamat dapat, eh Kluang dapat Klinik Gigi, Kulai tak dapat. Kulai, kita faham Kulai, Ahli Parlimen Kulai pun bukan orang Kerajaan kita tak boleh bergantung harap pada Ahli Parlimen Kulai, Kulai pun tak ada EXCO tapi janganlah anak tirikan rakyat Kulai. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, kita kekurangan masa.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ya, ya. Ini penting ini masalah orang sakit, kita kena bantu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita kena dengan masalah ini sampai habis. Dan saya minta pihak UPEN, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor tolong mengadap Menteri Kewangan, kita nak juga, Kulai nak juga hospital tahun ni dah tak boleh tunggu dah. Bayangkan, 1 orang rakyat Kulai nak tunggu katil 10 tahun baru dapat rasa duduk kalau nak. Itu statistik yang dibagi oleh Nusajaya, betapa pentingnya hospital.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang ke-2 saya nak ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor dalam soal pendidikan agama yang mana telah menyerahkan kerja-kerja pembinaan semula sekolah agama kepada pihak KPRJ sebanyak RM160 juta. Namun, di Kulai ada masalah tentang sekolah agama. Sekolah agama ni masalahnya unik. Dia macam orang bertunang tapi tak kahwin-kahwin. Bertunang dah bertunang, hantaran pun dah setuju tapi majlis nikahnya tak berlangsung. Saya nak cerita iaitu berkenaan sebab Sekolah Agama Bandar Putra 2 ni tak masuk dalam skim ini. Saya nak cerita, sekolah agama ni sangat menyedihkan, masalah ini dah berlarutan bertahun-tahun, jumlah murid 2,500 orang. Dalam projek pembinaan sekolah agama yang baru yang dulu yang dijalankan oleh sebuah syarikat dulu Bandar Putra dah dapat, dah ada bangunan tetapi tak cukup sebab tu kita nak mohon bangunan tambahan. Murid ada 2,500 orang, bilik darjah 14 bilik darjah, 2 sesi hanya boleh menampung 1,800 orang. Baki murid ada 700 orang, jadi 700 orang murid ini perlukan 9 bilik darjah. 9 bilik darjah ini pun terpaksa buat 2 sesi. Jadi apa yang mereka buat, mereka sewa rumah kedai. Mereka sewa rumah kedai dengan kos RM5,700 sebulan, terpaksa sekolah di rumah kedai.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ya. Sikit lagi YB Tan Sri Speaker. Jadi keadaan rumah kedai ni merbahaya, banyak kedai-kedai, waktu murid sekolah keluar ya Allah ...

YB Tan Sri Speaker : Ya, kita faham.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Bahaya-bahaya. Saya nak cerita apa YB Tan Sri Speaker, tahun 2013, semasa lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Kulai, isu ni dibangkitkan pada Mac 2014. 10 Mac 2014, hari Isnin, saya ada dalam bilik mesyuarat tu lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ada minit mesyuarat, ada pada saya, soal ini dibangkitkan dan jawapan pada ketika itu Majlis Agama Islam kata, Yang Amat Berhormat kata, kita guna duit sebab nak tunggu

kontraktor lambat, kita guna duit Majlis Agama Islam buat bangunan tambahan yang baru. Majlis Agama Islam kata boleh, peruntukan ada, akan dibuat tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Ya,ya.

YB Tan Sri Speaker : Masa dah terlebih sangat Yang Berhormat ni.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Dato' Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Cukuplah, cukup, cukup, cukup Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang dulu saya dapat 2 minit aje ...

YB Tan Sri Speaker : Kita tamatkan.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Jadi saya minta, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tahun 2015 bila kita bangkitkan perkara ini, Majlis Agama Islam jawab projek ini akan dimasukkan di bawah program KPRJ fasa 5. Kenapa fasa 5? Sedangkan perkara ni dah tenat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun dulu dah luluskan, kemudian Majlis Agama Islam kata bajet tak cukup. Saya minta bawa fasa 1 bukan fasa 5. Ini masalah dah terdesak. Jadi saya harap Yang Berhormat Tan Sri Speaker kita dapat menilai perkara-perkara penting ini untuk diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Saya Bukit Permai dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Saya persilakan Yang Berhormat Tenang.

YB Encik Mohd Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Bismillahhirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam muafakat Johor. Alhamdulillah, segala puji pujian kepada Allah subhanahu wataala, selawat dan salam atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan ahli keluarganya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu Tenang mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut diberi ruang dan peluang bagi menyertai sesi perbahasan bajet 2016 Penggal Persidangan Ke 3 Dewan Negeri Johor yang ke 13 pada hari ini. Di awal ucapan ini bagi rakyat DUN Tenang menjunjung kasih kepada DYMM Baginda Sultan Johor sempena hari keputeraan baginda pada 22 November 2015 yang lepas, semoga Allah melanjutkan usia Tuanku dan sihat berkekalan jua.

Tenang juga seperti rakan-rakan ADUN yang lain mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana telah pun membawa dan mencipta sejarah yang baru kerana pasukan Johor Darul Ta'zim menjuarai serta menjulang piala AFC piala yang prestij di Asia ini dan ia semoga menjadi satu titik tolak pada kuasa bola sepak Malaysia selepas ini, insya-Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tenang juga merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengekalkan prestasi bajet negeri yang cemerlang bagi 5 tahun berturut-turut dan ia merupakan satu bajet yang komprehensif serta inklusif bagi rakyat menikmati peluang-peluang yang diumumkan oleh kerajaan negeri. Anggaran hasil iaitu RM1.425 bilion adalah satu jumlah yang agak besar dan cukup membuktikan bahawa kerajaan begitu cekap dan berkesan dalam pengurusan kewangan Negeri Johor. Lihat kepada bajet Negeri Johor di tahun 2016, ini bertemakan Johor yang Inklusif, Lestari dan Sejahtera dengan menggariskan 6 teras utama iaitu memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat, merancakkan pertumbuhan ekonomi, menangani kenaikan kos sara hidup, mempertingkatkan keusahawanan berasaskan motivasi dan pengetahuan, mengetengahkan pembangunan swadaya insan dan pendidikan berkualiti serta meningkatkan agenda lestari.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan dan kesejahteraan rakyat merupakan tunjang utama dalam bajet 2016 ini. Memperlihatkan keseriusan kerajaan negeri dalam mendengar dan memahami denyut nadi rakyat. Bajet kali ini membawa perkhabaran gembira kepada rakyat Johor iaitu memberi tumpuan kepada penambahan rumah mampu milik Johor RMJ sebanyak 14,000 kepada 60,000 menjelang tahun 2019. Seiring dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat yang menitikberatkan pembangunan sektor hartanah ia juga memberi harapan kepada rakyat negeri khususnya golongan Bumiputera merebut dan mengambil bahagian dalam pemilikan rumah-rumah mampu milik di bandar Johor dengan peruntukan RM150 juta.

Tenang juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui anak syarikat kerajaan negeri iaitu PlJ Holding yang akan membina sebanyak 344 unit rumah mampu milik Johor di Bukit Mambai, Labis.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perincian Bajet Negeri Johor 2016 bukan saja memperlihatkan kemampuan merealisasikan denyut nadi rakyat Johor tapi menunjukkan kedudukan kerajaan negeri yang amat prihatin terhadap keperluan pengurusan dan pembangunan Kerajaan Johor. Bajet yang memperlihatkan ketelusan kerajaan negeri mengagih rata hasil negeri melalui pembangunan yang mampu dirasai bersama. Ia membuktikan bahawa ekonomi Johor masih lagi kukuh walaupun dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi dunia hari ini, bahkan sekiranya diperhalusi bajet negeri kali ini kerajaan negeri mengambil beberapa inisiatif dalam usaha meningkatkan, memperbaiki dan mengukuhkan sektor ekonomi dalam usaha mengimbangi ketidaktentuan ekonomi dunia hari ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita perlu meyakini bahawa tumpuan kesejahteraan rakyat merupakan inti pati utama dalam merencana bajet negeri. Kerajaan negeri sedar keperluan dan kehendak rakyat dijadikan panduan utama dalam membentuk bajet negeri yang mampan. Setiap denyut nadi rakyat negeri menjadi dasar dalam pembinaan bajet ini. Justeru itu, Bajet Negeri 2016 ini, memperlihatkan kesungguhan kerajaan dalam merealisasikan impian rakyat. Dalam membicarakan keperluan dan kehendak rakyat beberapa aspek pembangunan perlu diberi perhatian. Antaranya aspek perumahan, peningkatan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam, peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan yang semakin rencam dan kompleks, kemudahan kesihatan, keselamatan, penstrukturan dan keberkesanan air di Johor,

masalah perumahan generasi kedua FELDA dan sebagainya. Inilah keperluan dan hasrat utama rakyat Johor yang perlu diberi perhatian.

Berdasarkan keperluan rakyat yang digariskan, Tenang ingin memberi tumpuan dan penekanan berkaitan isu Perumahan Generasi Baru FELDA ataupun PGBF di Negeri Johor khususnya. Mengambil inti pati ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2016 yang lalu, sejumlah RM1.5 bilion diperuntukkan dalam pembinaan 20,000 unit rumah untuk generasi baru FELDA dalam tempoh 5 tahun. Manakala, sebanyak RM60 juta diperuntukkan untuk membaiki rumah-rumah tradisi di sekitar Rancangan-Rancangan FELDA. Matlamat PGBF ialah melaksanakan tanggung jawab sosial kerajaan ataupun *Corporate Social Responsiblity* dengan izin dalam menyediakan perumahan rakyat di luar bandar. Natijahnya, PGBF ini memenuhi keperluan dan kehendak generasi baru FELDA. Tanggung jawab sosial ini memberi gambaran pihak FELDA prihatin terhadap isu penempatan dan perumahan generasi muda FELDA.

Bahkan PGBF turut menggariskan 3 tahap keperluan dan kehendak perumahan generasi muda ini. Tahap pertama, yang dinyatakan sebagai perumahan untuk keperluan kepada generasi muda yang mempunyai pendapatan yang rendah dan memerlukan rumah asas dalam kehidupan. Tahap kedua, yang dinyatakan sebagai keperluan rumah untuk keselesaan merujuk kepada perkembangan keluarga yang berpendapatan sederhana dan memerlukan penempatan yang stabil. Manakala tahap ketiga, yang dinyatakan sebagai perumahan yang memenuhi kehendak bagi keluarga yang matang dan mempunyai pendapatan yang tinggi dan memenuhi keselesaan dan kepuasan. Bahkan tanggung jawab sosial ini bertujuan mengambil peranan yang perlahan daripada syarikat pembangunan perumahan swasta disebabkan margin keuntungan yang kecil, masalah mendapatkan tanah yang sesuai dan kekangan pekerja dalam membangunkan tanah tersebut. Justeru...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenang, sila duduk dulu. Yang Berhormat boleh sambung selepas rehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:30 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sila. Tenang teruskan ya.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, tanggung jawab sosial ini bertujuan mengambil peranan yang perlahan daripada syarikat pembangunan perumahan swasta disebabkan margin keuntungan yang kecil, masalah mendapatkan tanah yang sesuai dan kekangan pekerja dalam membangunkan tanah tersebut. Justeru itu, dengan adanya Program Perumahan Generasi Baru FELDA ini, perancangan perumahan dapat dilaksanakan secara tersusun selain membuka peluang pelaburan dalam sektor hartanah dan

pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat FELDA. Pihak FELDA telah mengambil inisiatif menyampaikan maklumat berkaitan PGBF ini melalui satu sesi taklimat yang telah diadakan pada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam wilayah Segamat pada 9 November yang lalu. Justeru itu, mengambil inisiatif terhadap Program PGBF ini, Tenang ingin menarik perhatian pihak kerajaan negeri agar memperhalusi rancangan ini serta diselaraskan supaya kehendak dan keperluan rakyat khususnya generasi muda FELDA dalam negeri Johor dapat direalisasikan. Maklum mengetahui, Johor antara negeri yang mempunyai warga FELDA yang ramai sudah tentu berita seperti ini ibarat mengantuk disorongkan bantal. Namun, rata-rata rakyat masih lagi tertunggu-tunggu tentang sejauh mana pelaksanaan dan perancangan yang telah dibuat.

Justeru itu, peranan kerajaan negeri dalam mengikuti dan mengambil langkah pro aktif terhadap program pembangunan rakyat ini amat diperlukan. Sebagai contoh statistik dan data yang diperolehi menunjukkan prestasi kerja siap PGBF adalah seperti berikut:- Umpamanya di FELDA Papan Timur sebanyak 48.85%; diikuti dengan FELDA Sungai Sibol, 95.50%; FELDA Inas Utara, 65.27%; FELDA Maokil 1 dan 2, 12.78% dan FELDA Pemanis 1, 29.55%. Dan, senarai projek cadangan perumahan generasi baru FELDA bagi tahun 2015, tahun 2017 adalah seperti berikut mengikut fasa 6 dan fasa 7.

Dalam fasa 6, FELDA Palong Timur, FELDA Redong, FELDA Bukit Senggeh, Bukit Serampang, FELDA Medoi, FELDA Chempelak, FELDA Bukit Permai, FELDA Kahang Timur, FELDA Nitar 1 dan Nitar 2, merangkumi 939 unit rumah. Manakala fasa 7 pula, terdiri daripada FELDA Kahang Barat, FELDA Chempelak Barat, FELDA Layang-Layang, FELDA Bukit Batu, FELDA Ulu Penggeli dan FELDA Lenga, jumlahnya sebanyak 490 unit rumah PGBF ini.

Dalam konteks DUN Tenang, FELDA Chempelak juga telah dimasukkan sebagai cadangan PGBF tapi rata-rata anak peneroka tidak bersetuju atas faktor kewangan, kekangan kewangan. Anak-anak muda FELDA yang mungkin tidak mampu apabila syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat kewangan agak membebankan. Tinjauan mendapati warga muda FELDA lebih selesa dengan kaedah kurniaan biasa mengikut Kanun Tanah Negara. Bukan sahaja di kawasan DUN Tenang, malah umpamanya rakan di kawasan DUN Kemelah iaitu di FELDA Redong sendiri bersetuju bahawa kurniaan tanah secara biasa berbanding dengan Skim Perumahan Generasi Baru FELDA untuk kalangan golongan-golongan anak generasi kedua.

Dalam kesempatan ini juga, Tenang ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FELDA kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.6 juta bagi tiga-tiga Rancangan FELDA dalam DUN Tenang merangkumi FELDA Chempelak, FELDA Chempelak Barat dan FELDA Tenang. Peruntukan ini bagi keperluan kemudahan prasarana jalan raya, perparitan, elektrik dan air. Sudah tentu imbuhan ini memberi impak positif kepada pembangunan FELDA terutamanya kepada generasi muda. Namun begitu, timbul isu lain berkaitan penyelenggaraan dan hak pengurusan prasarana yang dinyatakan tadi. Sebagai contoh, sekiranya berlaku masalah dalam sistem perparitan, timbul persoalan tentang pihak berwajib yang seharusnya menyelesaikan dan menguruskan isu tersebut. Antara alasan yang sering diberikan oleh setengah-setengah jabatan adalah isu atau masalah itu berlaku dalam kawasan

Rancangan FELDA yang menuntut pihak FELDA sendiri yang mengurus tadbir isu tersebut.

Justeru itu, Tenang mencadangkan agar diwujudkan satu mekanisme yang menggabungkan peranan setiap agensi dan jabatan yang berkaitan dalam urus tadbir FELDA. Untuk itu perlu diwujudkan rundingan antara kerajaan negeri dan pihak FELDA supaya segala kemudahan prasarana jalan raya, perparitan, elektrik dan air dapat digerakkan secara tersusun dan teratur. Keselarasan dan mekanisme rancangan ini harus dimonopoli oleh pihak kerajaan negeri kerana penempatan dan kependudukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Tenang begitu yakin sekiranya mekanisme ini dapat direalisasikan memberi banyak kesan positif terhadap penduduk FELDA.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Tenang juga ingin memohon pencerahan berapa banyak pusat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di setiap FELDA di negeri Johor berperanan aktif di setakat ini? Kerana kita melihat bahawa kemampuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang digerakkan di FELDA banyak membantu membangunkan ekonomi penduduk dan menyumbang kepada sektor ekonomi negeri. Pembangunan yang kondusif ini melibatkan pembangunan ekonomi dan modal insan. Justeru itu, peranan IKS perlu diberi perhatian dan dibangunkan dengan lebih mampan lagi.

Berkaitan isu yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, pihak FELDA perlu juga melalui proses kelulusan kebenaran merancang sebelum melaksanakan kerja perumahan dan berdasarkan pada pra semakan permohonan. Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memulakan pembinaan, dalam masa yang sama juga proses kelulusan kebenaran merancang dijalankan secara serentak. Perlu juga mendapat ulasan dan sokongan PBT dan lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan dan juga mendapat sokongan daripada Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah untuk dapatkan kelulusan kebenaran merancang dan mematuhi syarat-syarat dan garis panduan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Ini adalah antara syarat-syarat yang wajib dipatuhi oleh FELDA di dalam pelaksanaan projek perumahan. Kadang-kadang kita mendengar, tiada kelulusan kebenaran merancang yang dibuat tanpa merujuk jabatan-jabatan teknikal tertentu serta ini menyukarkan jika rumah yang telah siap masih tidak dapat diduduki atau dihuni oleh pihak peserta Rancangan FELDA. Inilah satu masalah yang sering berlaku di peringkat FELDA. Di harap selepas ini di antara pihak PBT dan juga pihak FELDA dapat bersemuka untuk melalui proses-proses sepertimana yang dinyatakan tadi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian sidang Dewan beberapa isu dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tenang. Pertamanya, berkaitan perancangan Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) setelah Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan Segamat sebagai hab pengeluaran pertanian negeri Johor. Sehingga ke hari ini, perancangan tersebut masih belum kelihatan dan agak kelihatan kabur sebagai salah satu projek besar negeri Johor perlu ada satu mekanisme dan modus operandi yang memperlihatkan gerak kerja terhadap projek ini. Sudah tentu, Labis sebagai sebahagian dari projek tersebut perlu didedahkan, diberi maklumat berkaitan gerak kerja yang telah dan akan dijalankan. Sudah tentu, dalam pelaksanaan projek ini nanti rakyat diberi peluang untuk bersama-sama dalam menggerakkan hab pertanian ini.

Yang keduanya, isu berkaitan hak milik Perumahan Rumah Rakyat Labis. Isu ini sudah berlarutan dan jangka masa yang agak panjang. Isu ini sewajarnya diselesaikan untuk memberi kepercayaan rakyat kepada kerajaan negeri, bahkan perlu ada penyelesaian secara tuntas supaya isu yang lama ini tidak tergantung dan menjadi teka teki. Perkara ini telah berlanjutan walaupun pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, SUK Perumahan telah hadir dan mendengar untuk menyelesaikannya namun masih ada lagi yang tertangguh. Justeru itu, amatlah perlu Pejabat SUK Perumahan mencari alternatif dan jalan penyelesaian untuk mengatasi isu yang sudah lama berlarutan ini.

Yang ketiganya, isu berkaitan Kuarters Klinik Kesihatan Labis yang telah lama dikosongkan dan bakal dirobohkan nanti. Justeru itu, Tenang ingin mengambil inisiatif dan mencadangkan agar kuarters yang terbiar itu dinaikkan taraf dijadikan Pusat Kegiatan Belia. Umum mengetahui di Labis khususnya tidak mempunyai Pusat Kegiatan Belia. Cadangan menaikkan taraf kuarters tersebut kepada Pusat Kegiatan Belia disambut baik oleh warga muda Tenang. Penyelesaian masalah kuarters tersebut ini dapat diselesaikan bahkan menjadikannya satu projek yang berimpak tinggi pada belia-belia.

Yang keempatnya, dari segi kemudahan menaikkan taraf Padang Mini masih lagi menjadi indah khabar dari rupa. Ini, stadium ini memberi impak besar kepada terhadap kelangsungan aktiviti dan program untuk masyarakat dan juga penduduk setempat. Untuk pengetahuan, pada waktu sekarang, segala bentuk aktiviti-aktiviti terutamanya sukan dan juga permainan dijalankan di padang yang dipinjamkan dan sudah tentu ia tidak memiliki satu prasarana atau kemudahan yang memuaskan. Aktiviti yang dijalankan terpaksa mengambil kira jarak antara setiap *venue* dan tidak mempunyai satu kawasan yang tetap dan kemudahan yang lengkap. Rungutan masyarakat dijadikan sandaran dalam meletakkan keperluan mini stadium ini. Apatah lagi telah digazetkan kawasan khas cuma tidak mempunyai kemudahan dan aktiviti untuk menaik taraf.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, yang kelima dan kesempatan ini juga Tenang ingin menarik perhatian berkaitan isu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang perlu, wajar kita beri perhatian. Golongan ini yang sudah tentu kurang kemampuan dari aspek kewangan perlu mendapat perhatian daripada syarikat perbankan atau kewangan. Terutamanya, dalam aspek membuka akaun deposit baru yang tidak memerlukan sekatan dari segi jumlah deposit yang tinggi. Segelintir golongan ini tidak mampu menyediakan deposit seperti yang berlaku di kampung Sawah Baru di Labis baru-baru ini. Beliau merupakan seorang OKU yang pekak dan bisu tetapi difaktorkan kerana tidak memiliki sumber kewangan maka pihak bank tersebut tentu tidak membantu. Dan kita agak sedih kerana golongan ini sepatut perlu diberi perhatian. Oleh itu, Tenang merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Bank Simpanan Nasional kerana mengambil langkah proaktif dengan memberi kelonggaran kepada golongan OKU tersebut dalam membuat deposit baru.

Apa yang ingin disampaikan harapan agar golongan OKU ini sentiasa diberi perhatian, ruang dan peluang dalam perbaiki diri mereka dari segi aspek ekonomi dan kerenah birokrasi yang tidak membebankan.

Seterusnya yang keenam, langkah kerajaan negeri mengumumkan kemudahan wifi percuma baru-baru ini di beberapa kawasan khususnya dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disambut baik oleh rakyat. Rakyat merasakan maklumat di hujung jari pada ketika ini adalah satu keperluan. Kemampuan mengakses dan mendapatkan maklumat dengan kadar percuma, meningkatkan kemahiran dan ilmu. Namun apa yang Tenang ingin ketengahkan adalah pelaksananya yang wajar diperhalusi.

Apa yang ingin diketengahkan konsep wifi percuma ini yang direncanakan menjadi aset kepada akses maklumat akhirnya menjadi liabiliti yang membebankan. Maksudnya, wifi di tempat di kawasan-kawasan digazetkan ada kalanya merupakan kawasan awam pada waktu malam terdedah tanpa pemantauan. Kawasan dataran atau kawasan PBT yang terlindung dan gelap pada waktu malam akan menarik aktiviti tidak bermoral berlaku. Justeru itu program yang baik ini perlu dilaksanakan dengan cermat seperti menempatkan wifi di kawasan tumpuan atau di kawasan yang mempunyai pemantauan yang tetap.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhir sekali Tenang ingin menyentuh tentang kebejatan sistem maklumat tanpa kawalan. Apa yang ingin disimpulkan adalah aliran baru yang Tenang istilahkan sebagai mazhab media sosial. Pada hari ini berdasarkan dengan maklumat di hujung jari, rakyat bukan sahaja mudah mengakses maklumat bahkan menyebarkan maklumat tanpa diketahui kesahihannya. Di satu sudut pula terdapat segelintir pihak menjadikan media maya sebagai landasan menyebarkan fitnah dan mengadu domba.

Rakyat yang pada hari ini terdorong dalam sindrom mazhab media maya menerima dan mematuhi sesuatu isu itu tanpa selidik. Akhirnya apa yang dilihat adalah hilang kepercayaan rakyat terhadap kerajaan, perbalahan dan fitnah. Perlu diingatkan bahawa dalam dunia moden hari ini revolusi rakyat yang digerakkan melalui media maya telah berjaya tetapi negara yang terbabit terjerumus dalam kancah peperangan dan ketidakstabilan politik tanpa kesudahan. Justeru itu, dengan tegas Tenang ingin menyatakan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) perlu bergerak secara proaktif untuk mengekang budaya ini dari berleluasa.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, bangsa Johor, bangsa muafakat, bangsa bermaruah. Ayuh marilah kita semua bersatu tanpa mengira kaum, fahaman dan ideologi untuk memakmurkan lagi negeri Johor supaya menjadi sebuah negeri yang maju di Malaysia pada masa akan dan datang dan diharap kita sebagai rakyat di negeri Johor akan memperkukuhkan lagi perpaduan dan konsep kemuafakatan di antara kita. Dengan ini Tenang memohon menyokong usul rundingan yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Persidangan disambung semula. Sila Tanjung Surat.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' kerana memberi peluang kepada Tanjung Surat untuk turut serta membahas bajet 2016.

Kepada pasukan JDT setinggi-tinggi tahniah diucapkan kerana menjuarai piala AFC 2015. JDT telah membuktikan betapa benarnya peribahasa-peribahasa seperti rajin dan usaha, tangga kejayaan. Kalau hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Kalau tidak dipecahkan ruyung, bagaimana dapat sagunya.

Sebagai salah seorang pernah terlibat dalam pentadbiran bola sepak, saya pernah menjadi Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak daerah Segamat dalam tahun 80an dan juga Pengurus Pasukan bawah 16 piala Milo negeri Johor, saya dapati peningkatan yang begitu ketara kepada pasukan JDT ini. Marilah kita sama-sama berdoa agar pasukan JDT dan lain pasukan dari negeri Johor akan terus menempa kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan.

Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Mohamad Khaled Nordin, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan di atas pembentangan bajet 2016 yang bertemakan inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor. Pengalaman beliau di masa lalu dan silaturahim yang terjalin di peringkat kementerian-kementerian yang beliau pernah bertugas, baik sebagai Timbalan Menteri mahupun menteri penuh digunakan sepenuhnya. Jika kita lihat bajet beliau, setiap kali membentang bajet kita akan dapati bidang-bidang seperti keusahawanan dan koperasi diberi penekanan. Sekarang isu perumahan rakyat sangat dekat di hati beliau.

Hubungan beliau dengan ahli-ahli akademik telah digunakan sebaik mungkin untuk memacu negeri ini ke hadapan. Pelan suara hati Johor dan pelan pembangunan strategik Johor yang diguna pakai oleh kerajaan negeri dalam memajukan negeri ini semuanya mendapat sentuhan dan kerjasama dari institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
Dalam ucapan bajet kali ini, beliau banyak mengajak pihak yang berkepakaran seperti dari UTM tampil menawarkan cadangan dan penyelesaian bagi membantu kerajaan negeri dalam isu air. Salah satu ciri pemimpin yang hebat ialah bijak menggunakan pengalaman, *connections* dengan izin, *resources* dengan izin, yang ada padanya untuk membantunya dalam mentadbir sesebuah organisasi. Ciri ini ada pada Yang Berhormat Menteri Besar kita, Dato' Mohamad Khaled Nordin. Semoga Johor akan terus berkembang maju di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh isu-isu air. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana bukan sahaja meneruskan malah memperluaskan program Air Percuma 25 meter padu melalui SAJ kepada rakyat termiskin termasuk Orang Asli. Beberapa projek bekalan air akan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad sama ada projek loji rawatan air baru atau projek pembesaran loji yang sedia ada dan kerja-kerja berkaitan.

Pihak BAKAJ (Badan Kawal Selia Air Negeri Johor) akan menjalankan beberapa kajian untuk mengawal bekalan air dan melaksanakan zon penampan di kawasan tadahan *catchment area* dengan izin. Sejak 16 Ogos 2015, diteruskan sehingga 15 Disember 2015 ini catuan bekalan air telah dilaksanakan di Pasir Gudang dan Pengerang. Ini disebabkan Empangan Sungai Layang dan Empangan Sungai Lebam kekurangan air secara mendadak. Salah satu sebab ialah kerana kekurangan hujan yang turun di kawasan-kawasan berkenaan.

Saya difahamkan 2013 - 2,600 milimeter hujan yang turun, 2014 -1,600 milimeter, 2015 terakhir yang saya dapat maklumatnya 1,300 milimeter. Jadi memang kita nampak pengurangan taburan hujan sejak 2 - 3 tahun kebelakangan ini. Selain itu sebab-sebab lain empangan-empangan berkenaan kurang air hendaklah dikaji juga. Jika kurniaan tanah kepada individu-individu di kawasan berhampiran Empangan Sungai Lebam adalah juga penyebab kepada kekurangan air di empangan, tindakan drastik hendaklah diambil termasuklah mengambil balik tanah-tanah berkenaan. Janganlah keperluan masyarakat terbanyak diketepikan untuk memenuhi kehendak beberapa individu.

Sebagai penyelesaian untuk mengatasi kekurangan air mentah di Empangan Sungai Lebam, air mentah dari Sungai Papan disalurkan ke Empangan Sungai Lebam dan dijangka siap kerja-kerja menjelang hujung tahun ini. Selain daripada itu insya-Allah pada bulan Mei pada tahun hadapan dari sistem bekalan air Petronas, 30 juta liter air mentah sehari akan disalurkan ke Empangan Sungai Lebam. Jadi, saya yakin masalah kekurangan air mentah di Empangan Sungai Lebam akan dapat diatasi tidak berapa lama lagi.

Catuan air ini membawa banyak kesulitan kepada rakyat khususnya mereka-mereka yang tinggal di tempat tinggi. Teruk, saya sebagai Wakil Rakyat dan juga pegawai-pegawai SAJ di marah kerana orang tidak sabar kerana pertama kali menghadapi masalah catuan bekalan air. Orang Pengerang tak pernah mengalami catuan bekalan air dan saya yakin pihak SAJ pun tidak pernah menghadapi situasi di mana air terpaksa dicatu. Jadi banyaklah perkara-perkara yang tidak elok ya, kerana pengalaman pahit ini telah terjadi.

Tapi alhamdulillah, masalah yang timbul kebanyakannya di kawasan FELDA, di kawasan saya kerana kawasan-kawasan kampung tradisi ini kebanyakannya di tanah yang rendah. Di FELDA ada tanah rendah, ada tanah tinggi, tempat tinggi. Jadi rumah-rumah yang di tempat tinggi, kadang-kadang catuan itu bila ada air dibuka, catuan balik sampai dia pun tak dapat air. Jadi, inilah yang menjadikan mereka sangat marah. Jadi, saya juga yakin SAJ boleh membaiki pelaksanaan catuan air dengan lebih efektif lagi, jika ada tindakan sesuai diambil seperti penjadualan yang lebih baik, penambahan logistik seperti tambahan lori tangki dan sebagainya.

Isu NRW (*Non Revenue Water)* dengan izin, air tidak terhasil lebih senang difahami air terawat yang hilang pada kadar 25.5% di negeri Johor walau pun salah satu kadar terendah di Malaysia masih lagi agak tinggi. Usaha-usaha untuk mengurangkan lagi kehilangan ini hendaklah berterusan. Pihak SAJ haruslah mempercepatkan pembaikan paip-paip dan injap-injap yang bocor, membanteras kecurian air terawat dan penggantian paip-paip yang usang.

Di Jepun, 20 tahun lalu air yang hilang ini 20%, pada kadar 20%. Setelah 20 tahun berlalu, sekarang kehilangannya hanya 3%. Memandangkan banyak isu-isu berkaitan bekalan air timbul akhir-akhir ini, sama ada isu-isu alami, *natural courses* dengan izin, mahupun kerana kelemahan kita mengurus sumber air, usaha-usaha memahami dan mengatasinya hendaklah digiatkan.

Sehubungan dengan ini saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat EXCO Kerja Raya dan EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar yang telah berjaya mengadakan *Johor Water Forum* 2015 baru-baru ini dengan bantuan pihak-pihak lain.

Yang Berhormat Jorak janganlah *Johor Water Forum*, Forum Air Johor dipertikaikan. *Johor Water Forum* dalam Bahasa Inggeris, Forum Air Johor dalam Bahasa Malaysia. Forum ini merupakan forum boleh katakan forum antarabangsa juga, kerana ada pembentang kertas adalah dari Jepun. 7 jam terbang untuk membentangkan kertas kerja beliau mengenai hal air bumi dan 80 hingga 85% forum ini adalah dalam Bahasa Malaysia. Cuma kertas kerja yang dibentangkan oleh Professor Kotaro Kotakimura sahaja yang dalam Bahasa Inggeris. Jadi, walaupun nama *Johor Water Forum* tapi isinya lagi penting majoritinya dalam Bahasa Malaysia, dengan izin, *don't judge the book by it's cover*.

Walaupun penglibatan saya sekadar di pinggiran dalam forum ini, saya dapat melihat bagaimana kerjasama erat pihak-pihak yang berkepentingan seperti jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan, pihak swasta seperti SAJ dan ahli-ahli akademik dapat menyumbangkan pandangan dan kepakaran dalam forum ini yang julung-julung kali diadakan di negeri Johor. Beberapa resolusi forum telah dihasilkan di antaranya memutuskan untuk diperkasakan fungsi dan gerak kerja Badan Kawal Selia Air Johor, BAKAJ. Juga dirumuskan agar satu peruntukan khas dana disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjalankan kajian kemungkinan penggunaan sumber air alternatif dengan sasaran mencapai 20% dari keperluan air mentah. Sumber air alternatif adalah seperti air bumi, dengan izin, *ground water*, dan air tadahan air hujan dengan izin, *rain harvesting*.

BAKAJ, sebagaimana saya difahamkan mempunyai tidak lebih dari 10 orang kakitangan buat masa ini. Memanglah sukar untuk mereka melaksanakan peruntukan-peruntukan yang dipertanggungjawabkan kepadanya di bawah Enakmen Air 1961 Pindaan 2014. Saya suka mencadangkan supaya BAKAJ diperbadankan kerana untuk memperkasakan lagi fungsi dan peranannya. Kakitangan hendaklah ditambah untuk mentadbir, meningkatkan kepakaran dan menguatkuasa. Dalam memperkasakan BAKAJ saya suka menyarankan pegawai-pegawai tadbir negeri Johor yang berminat dan sedia menyahut cabaran dihantar untuk sambung belajar ke peringkat diploma atau ijazah lanjutan dalam bidang pengurusan air dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Bidang-bidang ini bukanlah rumit sangat seperti roket sains. Saya berkeyakinan mereka setelah tamat pengajian kelak boleh memegang jawatan-jawatan yang penting dalam BAKAJ yang diperbadankan. Dengan demikian, adalah diharapkan prospek kerjaya mereka akan lebih baik dan menarik dalam perbadanan baru ini.

Saya suka juga mencadangkan Forum Air Johor dijadikan sebuah sekretariat dengan mendapat bantuan kewangan dari kerajaan. Sekretariat ini boleh dijadikan sebuah platform untuk pemain-pemain industri air di Johor memberi pandangan dan berkongsi kepakaran sambil membantu kerajaan dalam pengurusan air dari masa ke semasa.
Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh isu jalan raya dan lebuh raya. Penyelenggaraan jalan-jalan negeri dan peruntukan RM600 juta sebagaimana juga di tahun 2015 ini adalah perbelanjaan untuk menyelenggara jalan-jalan di bawah JKR, jalan-jalan negeri di bawah JKR, jalan-jalan majlis di bawah PBT dan jalan-jalan

kampung di bawah Infra Desa (IDJ). Saya berharap kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Jangan biarkan jalan berlubang berhari-hari sebelum dibaiki. Setelah dibaiki pastikan ia tidak rosak semula begitu cepat. Laksanakanlah tugas dengan penuh keikhlasan dan penuh amanah. Dengan sikap sebegini rakyat akan dapat menikmati keselesaan jalan-jalan yang baik.

Jalan FT92 dari Bandar Penawar ke Sungai Rengit sedang dinaikkan taraf dua lorong kepada empat lorong, dan dijangka siap dua tahun lagi. Saya mengalu-alukan projek menaikkan taraf ini sesuai dengan kawasan Pengerang sebagai hub minyak dan gas selain dari pelancongan. Saya juga mencadangkan jalan yang dinaikkan taraf juga jalan ini dinaikkan taraf juga dari Bandar Penawar hingga ke Bandar Kota Tinggi supaya jalan FT92 ini menjadi empat lorong sepanjang-panjang jalan dari Sungai Rengit ke Kota Tinggi. Pengguna-pengguna lebuh raya E22 *Senai-Desaru Express Way* dapat lihat pembukaan lebuh raya terus diperbaiki sesuai dengan lebuh raya ini yang semakin sibuk. Saya mencadangkan supaya penaikkan taraf kepada empat lorong di bahagian dari persimpangan Cahaya Baru ke Bandar Penawar yang kini dua lorong sahaja dibuat dengan segera. Bahagian ini kelak akan menjadi sesak kalau kekal dua lorong dengan izin, menjadi *bottleneck.* Jadi, saya harap projek ini menjadikan empat lorong dari persimpangan Cahaya Baru ke Bandar Penawar disegerakan. Bayaran tol *Senai-Desaru Express Way* telah dinaikkan. Pastikanlah juga aras perkhidmatan dengan izin, *level of service* dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh isu-isu di dalam kawasan saya mahupun dalam Parlimen Pengerang. Saya mengalu-alukan sebuah badan berkuasa tempatan untuk Pengerang ditubuhkan tahun hadapan seperti dimuatkan dalam ucapan Bajet 2016 ini. Sememangnya kepesatan pembangunan Pengerang Intergrated Petroleum Complex (PITC) menuntut sebuah penguasa tempatan yang cekap dan berkeupayaan. Pihak Johor Corporation akan mentadbir PBT ini pada mulanya. Saya yakin dengan pengalaman yang ada dari zaman pihak berkuasa Pasir Gudang dulu Johor Corporation akan dapat memikul tugas ini dengan baik. Saya juga menyambut baik pembinaan pusat industri bumiputera di Pengerang oleh PIJ Holdings di atas tanah seluas 877 ekar ini sudah pasti dapat menarik penyertaan masyarakat bumiputera sama ada dalam industri ringan, sederhana dan berat. Saya menyeru masyarakat bumiputera dari seluruh pelosok negeri Johor untuk turut serta dalam merebut peluang ini. Kawasan yang begini besar pasti boleh menampung bukan sahaja usahawan-usahawan dari Pengerang malah dari luar juga.

Saya juga ingin menyeru di sini agar anak-anak muda Johor mengikuti kursus-kursus kemahiran yang sesuai dengan untuk keperluan industri minyak dan gas. Petronas akan memerlukan hampir 5000 kakitangan tetap apabila loji penapis minyak siap. Adalah diharapkan dengan melengkapkan anak-anak johor dengan kemahiran yang bersesuaian ramai anak-anak Johor dapat mengisi jawatan-jawatan berkenaan dan mendapat gaji yang baik. Kolej Komuniti di Bandar Penawar sekarang telah dijadikan pusat latihan industri minyak dan gas di kalangan kolej-kolej komuniti seluruh negara dan rancak melatih anak-anak muda kita sekarang. Selain dari itu, pihak KEJORA terus memberi peluang-peluang latihan kepada anak-anak muda Pengerang dalam bidang kemahiran dan keusahawanan. Peruntukan RM8 juta juga kepada KEJORA telah disediakan dalam bajet ini.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberi peruntukan banyak, sebanyak RM500,000.00 kepada Yayasan Pengerang untuk tahun hadapan. Dengan peruntukan ini, bolehlah yayasan menggiatkan pelbagai aktiviti sosioekonomi untuk penduduk-penduduk Pengerang.

Sekianlah ucapan saya sekali lagi terima kasih Dato' Speaker, Tanjung Surat dengan ini menyokong usul cadangan yang dibawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Persidangan disambung semula. Jemput, Buluh Kasap, minta maaf, jemput Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Bismillahirrahmanirrahim, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera. Alhamdulillah, (selawat dan salam). Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani mengucapkan syukur alhamdulillah kerana diberi peluang membahaskan Ucapan Bajet Negeri Johor 2016 yang bertemakan Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor di dalam Dewan yang mulia pada tengahari ini. Maharani merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas keputeraan baginda pada 22 November yang lalu. Mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Sultan dianugerahkan dengan nikmat sihat, iman dan Islam untuk terus memayungi Bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani menyambut baik bajet negeri Johor pada tahun ini dan ingin menyentuh beberapa perkara yang melibatkan daerah Muar di dalam Bajet kali ini. Yang pertama, Projek Taman Awam Tepian Sungai Muar yang bernilai RM11.25 juta yang telah diluluskan di bawah RMK-11 adalah satu yang sangat baik untuk menarik pelancong dan juga untuk memberi keceriaan kepada Bandar DiRaja ini supaya menjadi satu kebanggaan kepada warga setempat. Cuma biasanyalah bila pembangunan dijalankan untuk keceriaan ini di Bandar Maharani ini yang juga mempunyai kawasan perindustrian dengan ramai pendatang asing, kadang-kadang orang asing lebih memanfaatkan kemudahan awam yang ada di situ. Jadi kita harap kali ini masyarakat setempat akan dapat menikmatinya juga dan di samping itu masalah tebing pemendapan tebing di Tanjung Emas itu diharapkan dapat dipercepatkan pembangunannya saya rasa sudah hampir setahun yang mula di baiki tetapi hingga sekarang masih belum selesai lagi kerana ini adalah tempat riadah, tempat yang boleh menarik pelancong ke daerah Muar.

Yang keduanya, pembangunan hab industri perabot dengan adanya taman perindustrian kayu Muar yang dijangka akan dibangunkan di kawasan seluas 985 ekar dan akan siap dalam masa tiga tahun, Maharani tidak tahulah di mana tempat itu dan diharapkan dalam daerah Muar sebab di Ledang sudah ada dalam perancangan untuk mengadakan pusat pameran antarabangsa Ledang juga jadi mudah-mudahan dengan adanya hab industri perabot yang sangat terkenal ini akan dapat memacu industri perabot yang akan dapat memenuhi keperluan eksport dan permintaan daripada negara-negara luar kerana perabot daripada daerah Muar sangat terkenal di seluruh dunia dengan kualitinya dan dengan keunikannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesuatu yang sangat-sangat ditunggukan oleh penduduk setempat ialah masalah perumahan di mana perumahan adalah satu kemudahan asas yang sangat ditunggu-tunggu bukan sahaja mesti ada projek tetapi projek itu mestilah mampu dimiliki oleh mereka terutamanya yang berpendapatan rendah. Jadi dengan adanya Taman Perbadanan Islam yang akan dibina di Muar dengan sebanyak 400 unit ini adalah satu yang sangat-sangat ditunggu dan diharapkan rumah-rumah di sini mampu dimiliki oleh mereka yang berpendapatan pertengahan dan juga berpendapatan rendah dan kena pastikanlah mereka yang berjaya nanti adalah mereka yang benar-benar memerlukan terutama golongan muda dan juga mereka yang baru membeli rumah yang pertama. Jadi, kalau mereka yang dah ada rumah tu, sepatutnya tidak layak untuk memohon perumahan ini.

Semalam, masa balik daripada Dewan ini, saya balik rumah, buka paip tengok air di rumah itu, agak warna kekuning-kuninganlah. Nak jerang air untuk cucu pun terpaksa keluar beli air mineral, tetapi alhamdulillah dalam Bajet ni tengok-tengok rupanya ada pembinaan loji rawatan air di Pagoh, Muar, dan menggantikan paip lama yang diharapkan dapat menyelesaikan masalah kebersihan dan keselamatan dengan air-air yang didapati yang di keluar daripada Syarikat Air Johor dan seterusnya selamat diminum. Jadi saya harap..

YB Dato' Timbalan Speaker : YB kena syukur tak kena catu macam Pengerang dengan Pasir Gudang.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Alhamdulillah, tetapi kalau warna kuning sangat tu, tinggal letak gula dah boleh minum teh susu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Belilah *filter.*

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya jalan-jalan sekarang kalau kita pergi ke kampung-kampung, alhamdulillah lah, terima kasih EXCO. Jalan-jalan di kampung nampaknya sudah ada perubahan. Mana yang sempit sudah dilebarkan bahunya, dan penurapan pun nampak berkala dan tambah pula dengan cadangan untuk membina rangkaian jalan kampung baru dan menaik taraf jalan kampung yang sempit termasuk dalam daerah Muar, sangat-sangat melegakan kami, jadi harap banyak-banyaklah jalan-jalan baru yang akan dibina dan diluaskan sebab sekarang ini dengan pertumbuhan perumahan kalau di kawasan Muar tu hampir di setiap kampung sudah ada perumahan maka jalan-jalan yang dahulunya sesuai, sekarang sudah tidak sesuai kerana sudah sempit untuk laluan kenderaan-kenderaan yang bertambah. Jadi kami mengharapkan lah supaya semua, kalau boleh semua jalan-jalan yang sempit, susah untuk berselisih dapat dilebarkan dan juga dapat di naik taraf. Maharani kurang pasti sama ada bolehkah jalan-jalan yang selama ini diselia oleh Infra Desa boleh di naik taraf supaya jalan-jalan ini boleh diselenggarakan di bawah MARRIS kerana saya difahamkan peruntukan MARRIS ini masih banyak lagi lebihan mungkin lebih daripada RM700 juta. Maka kalau boleh jalan-jalan kampung ini dibangunkan di bawah MARRIS seperti ada contoh di dalam daerah Muar tu, contohnya di Parit Sakai berhampiran Masjid Al Manar, saya dapati jalan itu telah di selenggara, jalan kampung tetapi telah diselenggarakan oleh MARRIS dan nampaknya lebih lebar, lebih cantik dan lebih sempurna. Jadi kalau ini boleh dilakukan pada kawasan lain juga, maka tiada masalah dari segi jalan-jalan di

kampung yang boleh di naik taraf. Begitu juga dengan perancangan di mana setiap daerah di Johor akan dibangunkan mengikut kekuatan setempat. Jadi Muar dipilih sebagai hab pendidikan dan kemahiran yang sebahagian besarnya adalah di kawasan Pagoh, jadi Maharani juga mengharapkan supaya projek ini dapat diteruskan dengan jaya dan tidaklah sampai YB Jorak pun merasa bimbang kalau-kalau projek ini terlambat. Jadi nak pastikan bahawa perubahan angin tidak akan menjejaskan pembangunan di Muar ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab semalam YB Kempas ada menyatakan kebimbangan tentang kebanjiran pendatang asing, Maharani juga merasakan begitu dengan statistik yang telah pun disebut oleh Kempas, memang kita cukup bimbanglah bahawa negara kita satu masa nanti akan kebanjiran dengan pendatang asing yang menimbulkan beberapa masalah. Sekarang ni pun kalau kita pergi ke kedai karpet, tengok tuannya pun dah Pakistan. Dulu naik basikal, rupanya sekarang dah ada kedai sendiri. Pergi ke *Supermarket* yang menyambut kita, atau pergi ke bank, yang menyambut kita pengawal keselamatan Nepal. Memang dia menghormati kita lah, saya akui tetapi sepatutnya orang tempatan juga mampu mengadakan, menjadi pekerja yang penting begini. Pergi ke *Supermarket,* juruwang juga mungkin dari Myanmar, kita keluar tempat pembinaan, orang Indonesia. Pergi masuk ke kebun, yang bertani orang Lombok, silap-silap dia bawak lari anak dara kita. Itu ceritanya lah. Di rumah, masuk rumah, pembantu kita kalau tak Indonesia, Filipina. Di kedai-kedai makan pun begitu juga kerana pembantu-pembantu kedai makan, restoran-restoran biasanya ada juga daripada Filipina, daripada Indonesia. Kalau kita ke stesen minyak, YB, stesen minyak, jangan tanyalah kalau kita pergi ke Kuala Lumpur ke, kawasan jauh, jangan tanya arah kalau tersesat, jalan tanya arah di stesen minyak, rupanya dia pun bukan orang tempatan. Itu juga masalah kepada kita. Kalau tanya EXCO kesihatan tentang kesihatan, saya cukup yakinlah. Penularan penyakit berjangkit ini di antara puncanya adalah daripada pendatang asing yang penyakit-penyakit seperti TB *Tuberculosis*, malaria yang mula meningkat juga adalah hasil daripada kebanjiran pendatang asing di mana saringan yang dibuat mungkin di negara mereka itu tidak memenuhi piawaian yang kita perlukan. Dah letih-letih balik daripada Dewan, singgah kedai mamak tengoknya rambut begitu, rupanya warga India, bukannya mamaknya tetapi warga India. Jadi banyaklah perkara-perkara yang kita dapati bahawa negara kita sebenarnya sudah tidak perlu lagilah kita membawa masuk 1.5 juta pendatang daripada Bangladesh seperti yang dirancangkan, cukuplah apa yang ada ini dan kita manfaatkannya.

Walau pun rakyat tempatan sebenarnya ada juga manfaatnya selain mendapat servis mereka syarikat bas juga kalau tak ada pendatang asing, syarikat bas pun tak ada penumpang, orang tempatan semua ada kenderaan sendiri. Kedai-kedai runcit pun adalah mereka membeli di situ, tetapi kalau saya lihat selain daripada kedai karpet daripada yang warga asing mungkinlah mereka dah ada apa ni dah jadi pemastautin di sini mendapat pemastautin tetap di sini tetapi kita lihat ada juga setengah kumpulan warga asing dia ada kedai runcit mereka sendiri, ada kedai-kedai menjual pakaian terpakai sendiri, menjual beg, menjual barang elektrik jadi bagaimanakah mereka boleh berniaga dan menyebabkan persaingan kepada penduduk tempatan. Jadi penguatkuasaan ini diharapkan dapat mempastikan bahawa masalah begini tidak akan timbul, masalah jenayah sebagaimana disebut Timbalan statistik tentang

kadar jenayah ini juga kita kena perlu pastikan bahawa negara kita ini selamat daripada ancaman daripada pendatang-pendatang asing ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani sangat mengalu-alukanlah risalah pembangunan penerangan tentang status projek pembangunan sekolah agama Kerajaan Johor ini yang sangat-sangat yang menimbulkan banyak masalah kepada penduduk setempat yang menunggu-nunggu sekolah baru tapi telah pun dirancang sejak 2010 hingga sekarang masih banyak lagi yang belum diselesaikan. Kira alhamdulillah lah, kalau dalam DUN Maharani tu ada sekolah agama Parit Raja nampaknya akan selesai, sebelum Jun tahun ini, alhamdulillah. Jadi tahniahlah kepada kerajaan Johor telah dapat menyelesaikan pembangunan sekolah agama ini yang dijangkakan akan siap 7 buah ini sebelum 30 Jun 2017. Walau bagaimanapun Maharani mengharapkan supaya sebelum akhir tahun ini, seperti yang telah disebut di dalam buku ini, sebanyak 19 buah yang saya lihat sepatutnya siap sebelum akhir tahun ini, jadi kita lihat bagaimana perkembangan sekarang, adakah ia setakat ini tinggal ada sebulan lagi sebelum habis sikit lagi sebelum akhir tahun adakah 19 buah sekolah ini akan dapat disiapkan mengikut jadual atau pun cerita lama timbul semula, diharap tidak begitu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek pembangunan sekolah agama ini adalah contoh satu projek yang dianggap sebagai projek mega yang dari segi perancangannya cukup baik kerana ia telah pun diperhalusi seperti kata laporan sebelum perancangan ini telah diperhalusi oleh Kerajaan Negeri melalui UPEN, Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam dan telah pun mendapat pinjaman daripada Kuwait Finance House (M) Berhad dan telah pun Finance House ini telah meterai perjanjian dengan Mysis Net Development Sdn. Bhd. Malangnya apa yang dirancang itu tidak menjadi, jadi Maharani ingin tahu apakah punca kegagalan sebenarnya yang menyebabkan projek yang penting ini tergendala, tindakan kepada pemaju dan adakah ia menjejaskan kewangan negeri kita dan adakah menyebabkan kerugian kepada pihak kerajaan?

YB Dato' Timbalan Speaker : Maharani sila gulung.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Maharani ingin mengucapkan tahniah kepada EXCO Agamalah, pasal ni tentang perancangan untuk membangun Sekolah Agama Wakaf Antarabangsa dengan kerjasama Fatih College, Turki. Saya ingat ni hasil daripada lawatan EXCO ke Turkilah kan. Begitu juga dengan transformasi pendidikan agama dengan program pengajaran dan pelajaran berasaskan teknologi digital satu pendekatan baru di mana peruntukan RM5.5 juta telah pun disediakan. Ini adalah satu anjakan yang cukup hebatlah untuk sekolah agama tapi kena pastikanlah adakah kerajaan mampu untuk meneruskan projek ini ke seluruh sekolah. Kalau setakat *pilot* projek sahaja, tidak dapat diteruskan kerana kekangan yang lain, maka ini RM5.5 juta ini akan menjadi satu pembaziran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkhidmatan bas percuma di empat PBT yang telah pun disenaraikan dengan biaya sebanyak RM11 juta. Maharani berpandangan bahawa apa yang diperlukan sekarang bukanlah bas percuma, lebih laluan bas, lebih laluan bas, lebih kerap perkhidmatan bas, supaya rakyat mudah untuk berhubung dari satu tempat ke satu tempat. Sebab masalahnya sekarang oleh kerana laluan-laluan

itu tidak ekonomikal, banyak syarikat bas yang menghentikan perkhidmatan di laluan tersebut. Sebab kalau dia lalu pun yang masuk, yang naik bas tu adalah warga asing, orang tempatan dah tak naik bas dah. Jadi kalau dapat kekerapan laluan tu ditambah, kekerapan ditambah maka masyarakat tempatan pun akan mula menggunakan perkhidmatan bas awam ini dengan bayaran yang mungkin seminimum mungkinlah yang masih boleh memberi keuntungan kepada syarikat bas. Jadi kalau dengan ada pun telah pun ada cadangan untuk menambah 10 laluan baru perkhidmatan bas awam di bawah pengurusan JCorp di 7 daerah seperti yang disebut termasuk dalam daerah Muar, maka kalau peruntukan RM11 juta diberi subsidi kepada syarikat bas yang menambah laluan ini, mungkin ini akan memberi kesan positif kepada syarikat ini sebab ini menjadikan laluan itu lebih *viable,* dengan izin, menguntungkan dengan itu perkhidmatan ini dapat diteruskan dalam jangka panjang sebab Maharani bimbang lah kalau setakat mengadakan laluan, menyediakan kenderaan disediakan tetapi tidak *economica*l maka sampai satu peringkat perkhidmatan itu akan diberhentikan juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebajikan mualaf tidak dilupakan dalam bajet kali ini dan dengan pembinaan bangunan baru Darul Ukhwah Taman Mutiara Rini Johor Bahru bernilai RM20 juta memang sangat dialu-alukan untuk kepentingan saudara baru, boleh dikatakan untuk kemudahan latihan dan dakwah dengan memberi semangat kepada saudara-saudara baru dan memberi pengiktirafan kepada mereka supaya mereka dapat menikmati kemudahan, dapat merasakan bahawa apabila mereka berhijrah mereka adalah diberi kemudahan diberi kesempatan untuk mengamalkan kepercayaan baharu mereka.

Namun begitu keperluan asas saudara baru janganlah dilupakan juga. Sebagainya kita lihat tak semuanya mereka adalah berpendapatan tinggi. Ramai juga yang tiada tempat tinggal yang tetap, tiada pekerjaan tetap, tiada saudara mara Islam dan ada yang ingin melanjutkan pelajaran juga tidak mempunyai wang untuk melanjutkan pelajaran, jadi Maharani mengharapkan supaya Baitulmal dapat membantu mereka ini sehingga mereka ini dapat manfaat sebenar-benarnya dan seterusnya memberi sumbangan kepada masyarakat.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Di bandar Maharani bandar di sini ada sebuah...

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila tamatkan.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Akhirnya, ada sebuah kedai 2 tingkat di Jalan Sayang tak jauh dari klinik saya telah diwakafkan dan diserahkan kepada Pejabat Agama dan saya difahamkan Pejabat Agama telah mengamanahkan bangunan ini, bangunan wakaf ini kepada Persatuan Cina Muslim. Tapi malangnya bangunan ini adalah agak uzur dan perlu diubahsuai, dibaiki dengan kos yang agak tinggi sebelum boleh digunakan sebagai dijadikan kedai ataupun dijadikan pejabat untuk aktiviti-aktiviti saudara baru kaum Cina ini. Jadi, Maharani mengharapkan supaya pihak Baitulmal dapat membaik pulih bangunan ini dan menyerahkannya kepada persatuan ini supaya mereka dapat aktif memberi dan juga dapat sama-

sama dalam meneruskan kehidupan mereka dan seterusnya untuk mereka berdakwah kepada rakan-rakan mereka untuk mengamalkan agama Islam.

Dan yang akhir sekali sebagai pembangkang yakinlah bahawa kita adalah sebagai *team check and balances* memberi nasihat bila perlu dan juga sama-sama menikmati rezeki yang Allah turunkan kepada negeri Johor yang kita kasihi ini. Sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Maharani. Kita teruskan, sila Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Buloh Kasap mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi ucapan sempena sidang Dewan pada hari ini. Bersyukur kepada Allah kerana dengan izin dapatlah kerajaan negeri Johor, kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Menteri Besar Johor Mohamad Khaled bin Nordin membentangkan bajet pada Khamis yang lalu.

Alhamdulillah, walau pun kita terpaksa berhadapan persekitaran global yang melihatkan krisis ekonomi boleh menerjah pada bila-bila waktu, bajet 2016 kerajaan negeri masih lagi berupaya dan meneruskan pendekatan holistik dengan 6 teras utama. Bajet 2016 yang bertemakan Inklusif, Lestari dan Sejahtera untuk Johor merupakan pelengkap kepada bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat lebih kurang sebulan yang lalu.

Kedua-dua bajet 2016 ini, sama ada bajet kerajaan persekutuan mahu pun bajet kerajaan negeri sesungguhnya telah meletakkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sebagai matlamat utama. Bajet 2016 ini sekali lagi telah membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak pernah membelakangkan rakyat, sebaliknya kerajaan inilah kerajaan yang peka akan kegelisahan, akan keperitan dan juga mendengar hasrat dan suara rakyat malah dalam bajet ini kita lihat kita tidak meminggirkan mana-mana golongan mahu pun lapisan masyarakat.

Infrastruktur kesihatan Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Barisan Nasional di negeri Johor sememangnya kerajaan yang amat prihatin dan peka mengenai masalah infrastruktur kesihatan untuk rakyat negeri Johor terutamanya dalam daerah Segamat. Amatlah bahagia rasanya apabila saya dengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan projek menaik taraf Hospital Segamat yang bernilai RM50 juta. Pengumuman ini sebenarnya amatlah dinantikan oleh warga Segamat memandangkan hospital itu sudah lanjut usianya. Maka projek naik taraf ini memberi kesan yang sangat positif kepada Hospital Segamat yang boleh menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada warga Segamat khususnya.

Namun begitu, saya ingin suarakan permintaan rakyat di kawasan saya agar apa kiranya kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah dana kebajikan pesakit, contohnya pesakit yang memerlukan dana untuk membeli peralatan seperti skru atau pun pemasangan tapak atau besi demi kelangsungan hidup mereka. Kos untuk membeli peralatan ini terlalu tinggi. Ingin saya cadangkan kiranya pihak kerajaan negeri mewujudkan tabung prihatin pesakit JDT khususnya untuk membantu pesakit yang berhadapan dengan masalah kewangan yang seperti yang saya katakan sebentar

tadi. Kita sedia maklum hospital sememangnya terdapat jabatan sosial yang boleh menawarkan bantuan kewangan dan kita juga ada MAIJ yang boleh berikan bantuan kewangan untuk pesakit ini dan sebagainya. Tetapi apa kiranya kerajaan negeri dapat mewujudkan tabung prihatin ini supaya golongan yang dapat kita bantu adalah lebih ramai. Saya amat berharap agar cadangan ini dapat diperhalusi oleh kerajaan negeri kerana kita tahu soal kesihatan memang tidak boleh dikompromi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hab pertanian Segamat. Pelan strategik Johor bermula pada Januari 2016 yang telah melakarkan visi strategik dan komprehensif pembangunan di negeri Johor secara keseluruhannya, yang setiap daerah di Johor akan dibangunkan mengikut kekuatan dan lapangan kebidaraannya. Dan, daerah Segamat telah dikategorikan sebagai daerah pertanian. Malah Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga turut mengumumkan inisiatif baharu pembangunan Segamat sebagai daerah industri asas tani dengan permulaan tanah seluar 702 ekar di Tebing Tinggi, di Mukim Jementah yang akan dibangunkan dengan peruntukan sejumlah RM9 juta. Kalau kita lihat peruntukan sejumlah RM9 yang dialokasikan untuk harapan rakyat di Segamat ini amat kecil nilainya dibandingkan dengan apa yang diterima oleh Ledang untuk pembangunan hab industri perabot dan pusat pameran antarabangsa di Ledang. Nisbah harapan adalah 1 Segamat, 41 Ledang. Segamat dapat RM9 juta, Ledang dapat RM369.69 juta dan kita pun sedia maklum bahawa Ledang daerah baharu. Ia tidak langsung menjadikan daerah Segamat sangat terkilan kerana kita akui proses transformasi sesebuah daerah baharu sememangnya mempunyai peruntukan dana yang besar.

Namun begitu, atas usaha untuk kita memperkasakan pertanian apatah lagi untuk kita jadikan daerah Segamat sebagai hab pertanian, kita mestilah mempunyai *master plan* atau pun *blue print* yang strategik. Apatah lagi kita tahu dunia akan menghadapi krisis makanan pada awal tahun 2050 dan ada sesetengah meramalkan pada awal tahun 2030. Dan Malaysia juga tidak terkecuali dalam isu ini yang mana kita juga akan menghadapi perubahan cuaca, penambahan penduduk serta keluasan pertanian tanah yang subur semakin berkurangan.

Jadi, menyedari kepentingan isu tersebut, dalam usaha kita sama memperlihatkan untuk memperkasakan sektor pertanian yang perlu kita lihat, yang perlu kita teliti adalah soal tenaga mahir profesional dalam pertanian. Oleh itu, saya melihat jika kita benar-benar serius untuk memperkasakan sektor pertanian dalam usaha melatih tenaga kerja dalam bidang pertanian, kita harus gerakkan usaha memperkasakan pertanian untuk terus bergerak maju dan kekal kepada momentumnya yang baik.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk kita mewujudkan agro usahawan atau agro di daerah Segamat. Malah berdasarkan pemerhatian saya konsep ini dapat menekankan kepada suasana sebenar aktiviti pertanian yang lazimnya dijalankan di luar bandar, sama ada di kampung atau kawasan pendalaman dengan cabaran-cabaran tersendiri. Semua graduan mengikuti pengajian di institut ini akan dapat merasai manfaat dan potensi pertanian semaksimum mungkin. Pakej latihan merangkumi bidang pengkhususan Sijil Kemahiran Malaysia, tanaman makanan tahap 1 dan 2 dan bidang tambahan wajib iaitu asas ruminan, akuakultur, inap ladang serta keusahawanan.

Kesemua aktiviti yang dijalankan dalam kawasan integrasi yang menggabungkan pertanian, penternakan dan pelancongan dalam satu kawasan yang dipanggilkan Kompleks Warisan Pertanian Agro. Maka, kiranya konsep ini diwujudkan di daerah Segamat insya-Allah ia mampu menjayakan pemerkasaan bidang pertanian dalam negeri Johor. Selain itu pemerkasaan bidang pertanian secara besar-besaran dan strategik ini sebenarnya akan menyumbangkan kejayaan kepada pelan rejuvensi desa Johor yang mana bertujuan memastikan penduduk luar bandar terus tinggal dan menetap serta memajukan kawasan luar bandar, dilengkapi dengan kemahiran yang lebih baik, dengan ilmu yang mendalam, dengan manfaat teknologi yang lebih canggih dan pendapatan yang lebih tinggi.

Maka menubuhkan kompleks agro di kawasan pendalaman seperti di daerah Segamat khususnya Buloh Kasap akan memenuhi kehendak pelan ini yang mana telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet yang lalu. Sudah tiba masanya kita diberikan perhatian, kita memberikan perhatian serius kepada usaha memastikan kepada semua graduan pertanian menjadi usahawan dengan mengusahakan pertanian secara komersial dan berskala tinggi. Bukan sekadar suka-suka, bukan sekadar melepaskan batuk di tangga, bukan sekadar hangat-hangat tahi ayam tetapi dilaksanakan seelok-eloknya dengan bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu dalam usaha menjadikan Segamat sebagai daerah industri asas tani pihak kerajaan negeri perlu mempercepatkan pembinaan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian atau *agro home.* Hal ini kerana pembinaan pusat pengumpulan berkenaan membolehkan usahawan, membolehkan peniaga dan penjaja di daerah Segamat mengumpul dan membungkus hasil tani dengan jenama misalnya Segamat Best atau pun JDT *Best* yang kemudiannya boleh dipasarkan di Bazar Agro di seluruh negara. Sesungguhnya terdapat banyak manfaat yang dapat dinikmati oleh petani melalui pembinaan pusat pengumpulan itu. Selain dapat mengurangkan kebergantungan orang tengah, petani dapat menjual terus dan banyak lagi. Kita harus memastikan rangkaian nilai dikuasai sepenuhnya oleh golongan petani supaya mereka tidak teraniaya oleh orang tengah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi kaedah yang kita lihat iaitu *indoor farming* juga sesuai dilaksanakan bagi tujuan memperkasakan bidang pertanian dalam daerah Segamat terutamanya. Hal ini, kita lihat dapat meminimumkan risiko bencana alam seperti banjir. Walau pun kosnya agak tinggi pada peringkat permulaan, tetapi kaedah ini sebenarnya merupakan transformasi bidang pertanian yang mendedahkan para petani kepada kaedah petani moden. Malah kita lihat di luar negara di utara Texas, kaedah ini dilihat sebagai resolusi dalam bidang pertanian yang mampu menyumbang hasil yang besar dan paling utama tanaman yang dituai adalah sangat berkualiti berbanding dengan kaedah biasa.

Pertanian adalah salah satu faktor pencemaran bekalan air bersih. Jadi, dengan adanya *indoor farming* ini serba sedikit isu air dapat diselesaikan kerana struktur pertanian dalam bangunan lebih teratur dari segi sistem pengairan air. Saya amat berharap, perkara yang saya utarakan dipandang serius dan apa yang saya utarakan dan suarakan ini melihatkan soal kebajikan rakyat di kawasan saya. Soal periuk nasi mereka, soal harapan anak-anak muda, pengundi yang bergantung harap besar

kepada bantuan kita, maka, saya mohon perkara ini menjadi keutamaan dan diberi perhatian yang sebaiknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saat dan ketika kita semua berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup yang pantas dan kerap, malah hampir setiap hari saya sendiri lihat dan menerima keluhan ahli masyarakat yang ditemui mengenai kenaikan kos sara hidup. Keluhan yang paling kerap diterima adalah tentang kenaikan kos harga barang-barang keperluan seharian. Oleh itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas langkah inovatif penubuhan 20 rangkaian Kedai Harga Mampu Muafakat Johor (ImCoop). Penubuhan ini kita lihat dapat menawarkan harga lebih murah dan harga pasaran amatlah dapat membantu meringankan beban rakyat. Saya amat berharap pilihlah lokasi yang baik bukan sekadar rawak. Hal ini kita tidak mahu golongan lapisan masyarakat yang benar-benar kurang berkemampuan tidak menikmati kemudahan ini. Misalnya, kita buka di kawasan perumahan mewah, saya kira ianya tidak adil. Biarlah kedai ini dibuka di kawasan penduduk berpendapatan rendah misalnya di kawasan kos rendah ataupun kawasan luar bandar. Biarlah idea yang baik ini dilaksanakan dengan baik dan dapat diterima dan sampai kepada sasarannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar amatlah *versatile* dan berinspirasi. Pasukannya adalah terlalu mantap, pelaksanaannya juga kompeten. Suka saya merafakkan salam rakyat DUN Buloh Kasap ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Johor di atas sumbangan dan usaha memartabatkan sukan bola sepak di Negeri Johor. Tahniah, kerana berjaya membuktikan Bangsa Johor hebat di pentas antarabangsa kerana membawa pulang kejuaraan *AFC Cup* 2015. Selamat maju jaya untuk persaingan Piala Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata semoga Maha Pengasih memudahkan segala urusan kita semua, memberi khidmat masyarakat yang terbaik, semoga segala tiap apa yang kita bicarakan dapat penelitian dan perhatian yang sewajarnya. Semoga kuatlah kita walaupun kita dalam keadaan yang payah, semoga kita tegar dan tabah, semoga kita jadi gagah dalam susah, semoga elok-elok dilaksanakan segala tanggungjawab dan amanah. Segala usaha ini kita akhirnya serah kepada Allah jua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih sekali lagi memberi peluang kepada saya turut serta di dalam sidang Dewan kali ini. Yang baik datangnya daripada Allah, yang buruk datangnya dari kedangkalan ilmu dan pengalaman diri saya sendiri. Buloh Kasap mohon menyokong. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila, Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyertai perbahasan Bajet 2016 Negeri Johor...

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah tengah hari YB. Rasa pagi lagi ke?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat tengah hari. Yang Berhormat Dato' Speaker, telah berturut tiga tahun sebenarnya masa Bajet tahun depan diperbahaskan tanpa dibentangkan satu kertas yang penting iaitu penyata kewangan tahun sebelum itu dan kali ini kita pun belum mendapatkan Penyata Kewangan 2014 yang diluluskan oleh Ketua Audit Negara untuk diperbahaskan, Bajet 2016. Yang penting, kita adalah pembuat undang-undang atau *law maker*.

Dato' Speaker, menurut Undang-Udang Tubuh Negeri Fasal 38 (4) (ii) di mana satu sekurang-kurangnya anggaran dan penyata kewangan berkenaan liabiliti kerajaan dan hutang kerajaan berakhir tahun sebelum itu mesti dibentangkan dalam Dewan ini untuk kelulusan Rang Undang-Undang Bajet 2016 tahun depan. Itu adalah satu kehendak undang-udang. Saya mempertikaikan sama ada kalau kita Bajet 2016 boleh diluluskan tanpa penyata kewangan yang disahkan oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan ini sebelum diperbahaskan dan diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini setelah tiga tahun saya peringatkan kerajaan dan Menteri Besar adalah seorang peguam juga. Beliau sebenarnya kena ambil berat perkara ini. Kalau tidak, saya akan rujukkan perkara ini bukan saja kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, dan Menteri Besar yang sepatutnya kena jawab dalam Dewan ini atau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau kita tak puas hati, saya rasa adalah satu tanggungjawab yang berat dan juga untuk kita sebagai Wakil Rakyat membawa isu ini ke mahkamah untuk membuat satu keputusan sama ada kita boleh mengambil sikap main-main untuk meluluskan bajet tahun depan tanpa penyata kewangan yang diluluskan oleh Ketua Audit Negara yang berakhir 31 Disember 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya dulu saya tak mempertikaikan sebab sekurang-kurangnya anggaran liabiliti tahun sebelum itu dibentangkan sekurangnya anggaran kita ingat sebab itu kontroversial sama ada anggaran atau penyata kewangan. Sekarang, langsung anggaran liabiliti untuk tahun lepas tidak dibentangkan. Adakah kita datang ke Dewan ini untuk main-main? Dato' Speaker, itu kita saya ambil sebagai anak Johor, saya memang berasa bangga sebab kita ada Undang-Undang Tubuh Negeri yang pertama di seluruh Malaysia. Dan kita sebagai kerajaan yang selama-selama ni UMNO Johor, Menteri Besar sebagai Ketua UMNO Johor tidak ambil berat dalam perkara ini. Tuan-tuan dan puan-puan... (Dewan ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Nak kempen jadi ketua balik ke?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita selalu berbahas dalam Pakatan Pembangkang, kita ada berbincang pandangan tapi dari segi menghadapi musuh yang bersama masalah yang bersama dihadapi oleh rakyat kita, kita mempersoalkan ketulusan kerajaan, kita adalah bersatu padu. Saya A.B.U asalkan bukan satu rejim yang korup. Di sini sebagai ketua dan juga pemimpin UMNO Johor saya nak bertanya, kalau bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai ahli UMNO, pemimpin UMNO telah di gugur nama baik bukan dipecat, di gugur namanya dalam kabinet. Kita sebagai anak Johor, kita pun walaupun kita bukan Barisan Nasional kita nak persoalkan sama ada ini satu rejim, apa masalah dengan rejim Kerajaan Persekutuan ini yang membuatkan kita anak Johor semua marah pada dia? Itu satu

isu bersama. Kita musuh bersama. UMNO Persekutuan, Kerajaan Persekutuan yang tidak menghormati pemimpin-pemimpin Negeri Johor sebab kita dulu ada ramai Timbalan Perdana Menteri dari UMNO Johor juga, Tun Musa Hitam, Dr. Tun Ismail, Tan Sri Muhyiddin, ada lagi yang telah tak pernah berjaya menjadi Perdana Menteri dan digugurkan nama sebab mereka berani mempertikaikan salah laku Kerajaan Persekutuan. Itulah kebanggaan sebagai anak Johor. Saya boleh dibuang jawatan tapi kita tetap rasa sebagai anak Johor dan selalu menegakkan keadilan, tak kira bangsa, tak kira parti tak kira mana jawatan kita pegang. Itulah semangat sebagai anak bangsa orang Johor.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ikhlas ke?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : Skudai, ikhlas ya?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ya ikhlas. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Dato' Speaker, lama tak berceramahlah, orang tak bagi peluang saya berceramah, sekarang saya berceramah dalam Dewan inilah. (Dewan ketawa). Kedai kopi pun tak dapat masuk sekarang.
YB Dato' Timbalan Speaker : Jadi, jangan jadikan Dewan Negeri jadi platform ceramah pula. (Dewan ketawa).

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dato' Speaker, adakah Bajet 2016 itu sebenar-benarnya defisit atau berlebihan? Ini kira-kira sekolah rendah belajar sudah tahu. Dia tak masukkan peruntukan pembangunan sebagai sebahagian perbelanjaan untuk dalam Bajet 2016. Dato' Speaker, sebenarnya mengikut Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri lain, peruntukan pembangunan adalah sebahagian perbelanjaan Kerajaan Negeri. Kalau ada muslihat lain saya tak taulah, tetapi saya harap Menteri Besar dapat menjawab kenapa Bajet 2016 anggaran hasil cuma RM1,425 juta, perbelanjaan mengurus adalah RM1,014.24 juta dan perbelanjaan pembangunan adalah RM541 juta. Itu kira-kiraan pelajar sekolah rendah pun tahu. Ini defisit sebanyak, perbelanjaan keseluruhannya adalah RM1,965 juta dan defisit sebanyak RM549 juta. Itu adalah kira-kira sekolah rendah. Tak payah universiti dengan akauntan untuk memastikan anggaran ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memerlukan satu perakaunan yang tepat untuk membentangkan satu Bajet Negeri Johor. Jangan memalukan kita anak Johor, Bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya anggaran kumpulan wang pembangunan bagi tahun 2014 telah berdefisit sebanyak RM312 juta. Dan, kumpulan wang pembangunan berdefisit sebanyak RM243 pada tahun 2015 anggaran untuk tahun ini. Dan, untuk tahun depan akan berkurangan kepada RM233 juta pada akhir tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi tahun 2016 merupakan cuma 27.5%. Menurut pelaporan Jawatankuasa Bajet Negeri sebanyak RM360 juta, atau 66.64% daripada jumlah peruntukan pembangunan akan

ditubuhkan di bawah penjagaan Menteri Besar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan dan lain-lain dibahagikan cuma apa itu, peruntukan pembangunan di bahagian untuk lain tiga portfolio sahaja iaitu Jawatankuasa Agama Islam 8.32%, Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar 6.1% dan Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 18.94%. Ini nampaknya lain port folio tidak biarkan pembangunan, pelancongan, perumahan dan juga warisan dan sebagainya tidak diberikan peruntukan pembangunan. Sebenarnya saya menegakkan keadilan untuk merekalah, EXCO-EXCOlah, sebab mereka tidak mendapati...

YB Dato' Timbalan Speaker : Nanti Pengerusi-Pengerusi belanja YBlah ....

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Itu rasuah tak? Minum teh bolehlah tanpa gula. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bangkitkan isu ini sebab secara pembangunan ini sepatutnya lebih dijalankan dengan lebih seimbang. Sebab semua portfolio ini kena dapatkan peruntukan ... tumpukan dalam satu pejabat sahaja. Itu bahaya sebab kerajaan persekutuan pun macam itu, pejabat Perdana Menteri membelotkan peruntukan. Saya tak tahu ada, dia ada *partner* lain ke tidak, tapi yang penting itu kalau kita hendak ketelusan kerajaan itu dan kerajaan yang lebih efektif saya rasa adalah adillah bagi menteri-menteri lain. Kalau satu hari saya jadi ada nasib jadi Perdana Menteri saya ingat menteri-menteri lain kena jaga juga tentang kebajikan mereka...

YB Dato' Timbalan Speaker : Doa sajalah, moga-moga jadi Menteri.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, itu bagi satu contoh, yang penting itu kita kena adil, kalau port folio lain tidak dapat untuk membuat pembangunan saya tak faham mereka buat apa, apa kerja, apa tugasan mereka yang boleh dilakukan yang itu ... permohonan yang tidak dapat peruntukan yang nampak saya ikut apa yang dalam Bajet ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ok, anggaran perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri tahun 2016 adalah RM541 juta iaitu 38% kalau berbanding dengan perbelanjaan menguruskan kerajaan iaitu RM1,424 juta. Pemberian dan kenaan pembayaran tetap termasuk ganjaran gantian cuti, tuntutan insurans, pampasan, biasiswa dan derma siswa bantuan pelajar pemberian dalam negeri sebanyak RM678 juta iaitu 47%. Oleh itu saya mencadangkan supaya satu enakmen dikuat kuasakan untuk memastikan pulangan GLC kepada kerajaan ditetapkan pada tahap sekurangnya 10% daripada keuntungan tahunan untuk syarikat-syarikat berkaitan kerajaan untuk meringankan beban kerajaan dan mengusaha mempertingkatkan emolumen, ganjaran dan kebajikan penjawat awam JCS.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perbelanjaan pembangunan sepatutnya lebih tinggi daripada perbelanjaan mengurus kerajaan oleh itu usaha-usaha untuk mereka itu, perlu dilaksanakan supaya Bajet yang lebih berkesan akan memberangsangkan ekonomi.

Mengurangkan perbelanjaan mengurus kerajaan dengan kadar 2% setiap tahun.

1. Kedua, mempertingkatkan perbelanjaan pembangunan kerajaan dengan kadar 4% setiap tahun sebab peruntukan pembangunan akan secara langsung atau tidak langsung memberangsangkan ekonomi negeri.

2. Mempertingkatkan hasil pendapatan kerajaan negeri dengan memastikan pulangan penuh cukai tanah, levi perlombongan dan diwajibkan pulangan keuntungan GLC kepada Bendahari Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun prestasi ekonomi Malaysia dan Johor dikatakan semakin meningkat, tapi keturunan nilai ringgit itu...

YB Dato' Timbalan Speaker : YB rehat sekejap ya. Jemput Skudai sambung.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Walaupun dikatakan pertumbuhan ekonomi adalah antara pada purata 4.7% antara 2006 dan 2013 bagi negeri Johor dan kadar 6.5% pada tahun 2014 dan pertumbuhan ekonomi negeri Johor akan bertumbuh lagi dengan kadar 4.5 hingga 55.5% pada tahun 2015 dan pada tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Speaker yang penting kita kena mengambil kira penurunan kemelesetan nilai ringgit apa impaknya kepada ekonomi Negeri Johor khasnya kehidupan taraf kehidupan warga negeri Johor dan Malaysia. Dan tahun ini, 9 bulan yang pertama nilai ringgit telah menurun sebanyak 21% berbanding dengan US dollar dan menurun sebanyak 14% berbanding dengan Singapore dollar. Ini menjejaskan kuasa membeli warga Johor dan warga Malaysia dan kita mesti mengambil langkah-langkah yang efektif untuk memastikan keyakinan para pelabur bukan semestinya negeri Johor tapi di seluruh Malaysia di mana nilai ringgit itu mesti distabilkan dan juga perubahan demokratik dan juga kestabilan dan kita mesti perubahan dan juga ketelusan kerajaan kita dan pemimpin-pemimpin kita supaya kita meyakinkan para pelabur bahawa kita adalah lebih kompetitif lebih adil kalau berbanding dengan negara-negara lain di serantau Asia Tenggara termasuk Myanmar. Di mana Myanmar baru mengadakan satu persidangan pilihan raya yang tidak diterima oleh rejim tentera di mana satu perubahan dijangka akan berlaku di Myanmar, dan juga para pelabur sudah tidak bersabar untuk melabur di Myanmar. Itu merupakan satu negara baru menjadi pesaing kita, *competitor* bagi negara Malaysia selain daripada Indonesia, Vietnam, Thailand dan sebagainya. Pada masa akan datang, saya rasa lebih ramai tenaga kerja di Johor menjadi lebih tertarik kepada nilai Singapura Dolar dan semakin meningkat berbanding nilai ringgit Malaysia. Ini juga akan menjadikan lebih susah untuk Iskandar Malaysia untuk menarik tenaga kerja yang lebih mahir dan kompetitif. Dan, di sebaliknya kadar penyertaan tenaga buruh setempat purata pada kadar 82% bagi lelaki dan cuma bagi 50.8% bagi wanita. Penyertaan tenaga buruh mesti dimaksimumkan supaya kita tidak bergantung kepada pekerja asing semata-matanya. Dengan faedah kebajikan yang diberikan untuk menggalakkan tenaga kerja khasnya golongan wanita untuk menyertai tenaga kerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut jawapan yang bertulis Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada Skudai pada persidangan 1 Mei tahun ini, belum ada perancangan pada masa jangka panjang oleh kerajaan negeri untuk mengurniakan tanah rizab kerajaan untuk tujuan pembangunan kebajikan masyarakat termasuk

pembinaan taska, tadika, pusat pemulihan komuniti, rumah penjagaan orang tua, rumah anak yatim, pusat hemodialisis dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya PBT-PBT dan Jabatan Perancangan Desa dan Bandar akan mengambil inisiatif untuk merancang pelan pembangunan yang lebih menyeluruh dan inklusif di mana fasiliti kebajikan masyarakat sewajarnya di titik beratkan. Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Skudai panjang lagi?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada separuh lagi habis.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagi *chance* lah walaupun bukan jadi Ketua Pembangkang kita bagi *chance* Skudai untuk berucap sebelah petang pukul 2. Jadi saya, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat sehingga ke jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan kita sambung semula. Saya persilakan Ahli Yang Berhormat Skudai untuk menyambung perbahasan, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selamat petang. Saya alu-alukan usaha kerajaan negeri menampakkan lagi 14,000 unit rumah mampu milik yang menjadikan jumlah sasaran rumah mampu milik Johor sebanyak 65,000 unit menjelang tahun 2019. Usaha-usaha GLC-GLC untuk membina rumah mampu milik adalah menggalakkan malahan pemantauan mesti diperketatkan oleh Lembaga Perumahan seperti termaktub dalam satu Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini serta menanti-nantikan berkenaan Duli Yang Mulia Tuanku. Saya berharap Rang Undang-Undang ini berkuat kuasa secepat mungkin supaya pembangunan pasaran perumahan negeri Johor dapat dijadikan dengan lebih stabil dan lebih manfaat kepada warga Johor dan keseluruhan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah diperingatkan bahawa perumahan berharga RM50,000.00 dan RM200,000.00 masih merupakan permintaan yang paling hangat. Oleh itu, pembinaan rumah mampu milik mesti menurut kehendak pasaran. Cuma Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cuma sebanyak RM57 juta diperuntukkan oleh PAAB dalam Rancangan Malaysia yang ke-11 untuk membangun sumber air di negeri Johor. PAAB juga akan melaksanakan projek utama bekalan air termasuk pembinaan Loji Rawatan Air Buloh Kasap, Pagoh dan Kahang yang menggantikan paip air yang lama di sekitar Johor yang akan perbelanjaan sebanyak RM430 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memandangkan ketiadaan peruntukan dan rancangan untuk mempertingkatkan kapasiti takungan air di Empangan Sungai Lembam dan Sungai Layang yang berkapasiti 44 juta liter pengeluaran air satu hari. Manakala projek RAPID di Pengerang memerlukan sekurangnya 100 juta liter satu hari.

Sedangkan projek kemudahan bekalan air di RAPID yang dijangka akan membekalkan 200 juta sehari, tetapi belum operasi lagi, kalau projek untuk membina kemudahan bekalan air di RAPID memakan masa bertahun-tahun, ini pula menjadi jadual air akan dijalankan berjalan bertahun-tahun di kawasan Kota Tinggi, Johor Jaya dan sebagainya. Maka memandangkan ketiadaan usaha konkrit untuk menghitungi sumber pengimbangan bekalan air iaitu Hutan Simpan Kekal dan pertumbuhan semula jadi dan meningkatkan kapasiti takungan air dan empangan-empangan itu tadi dan catuan air dijangka akan berterusan beberapa tahun lagi di kawasan-kawasan terbabit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, empangan-empangan yang dibina lebih banyak dan lebih besar bukan satu penyelesaian muktamad. Tapi sebaliknya Hutan Simpanan Kekal, Hutan Bakau termasuk Hutan Bakau Sungai Pulai yang belum diwartakan sebagai tapak RAMSAR merupakan empangan air yang semula jadi. Dan, tidak mengenakan sebarang kos penyelenggaraan selain dari warta keazaman manusia dan usaha kerajaan yang ikhlas. Tapak RAMSAR dan Hutan Simpanan Kekal sewajarnya diwartakan dengan sebagai perlindungan tahap pertama dengan kadar segera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, SAJH selama ini banyak beruntung sebanyak RM98 juta pada tahun 2013. Dan, dalam memberikan dividen sebanyak RM146 juta kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah. Jika SAJ beruntung, apa rasional SAJ menaik tarif. Oleh itu, saya mencadangkan satu enakmen ketelusan-ketelusan berkaitan kerajaan negeri Johor sepatutnya dikuat kuasakan supaya:

1. Semua gaji-gaji GLC, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah GLC dan juga pentadbir yang berjawatan tinggi mesti diumumkan dalam Dewan yang mulia ini. Sebab GLC adalah untuk kepentingan rakyat dan kerajaan dan

2. Mesti mewajibkan bahawa keuntungan GLC sebanyak 10% mesti dipulangkan kepada Bendahara Kerajaan Negeri sebab itu mengikut pekeliling Kementerian Kewangan itu sendiri. Semasa...

YB Tan Sri Speaker : Bendahari bukan Bendahara. Perkataan yang sebenarnya Bendahari bukan Bendahara.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Bendahari, minta maaf. Bendahari Kerajaan Negeri. Itu satu pekeliling yang telah diedarkan oleh Kementerian Kewangan tapi pekeliling itu tidak berkuat kuasa sebagai undang-undang. Oleh itu, kalau kita nak menjadi satu contoh yang baik oleh kerajaan negeri Johor saya rasa satu enakmen yang mesti dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum kerajaan melaksanakan perkhidmatan bas PBT percuma akan dilancarkan, SPAD sepatutnya memastikan beberapa syarat dipatuhi oleh syarikat bas swasta termasuk warga emas yang mengadu bahawa mereka berumur 60 tahun ke atas layak mendapatkan potongan tambang sebanyak 25% bagi bas ekspres dan 50% bagi bas berhenti-henti yang disebut dalam Pekeliling Had Kadar Tambang LPKP Tahun 2009 dan Dasar Perlesenan SPAD. SPAD tidak sewajarnya menunggu-nunggu aduan penumpang malahan mengambil tindakan

untuk menyiasat dan memeriksa bas-bas swasta yang sering tidak mematuhi syarat-syarat lesen mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mengalu-alukan perkhidmatan bas percuma akan dilancarkan oleh 4 PBT iaitu MBJB, MPPG, MPJBT dan MP Kulai. Dan 10 laluan baru Trans Johor akan bermula di 7 daerah malahan diharapkan perkhidmatan-perkhidmatan bas ini akan berkekalan dan konsisten supaya tidak membazirkan sumber-sumber PBT. Di samping itu, bagi menjadikan perkhidmatan bas lebih popular adalah amat penting tinjauan dilakukan supaya kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukan perkhidmatan bas akan diliputi dengan laluan yang berjadual. Kawasan-kawasan yang berkepadatan penduduk yang tinggi seperti pangsapuri dan kawasan rumah kos rendah dan sederhana sepatutnya diberikan keutamaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, demi memajukan sistem pengangkutan di kawasan Skudai, saya mencadangkan supaya Jalan Nakhoda 12, Taman Ungku Tun Aminah berhampiran Public Bank Berhad ditukar daripada jalan dua hala kepada jalan satu hala untuk mengurangkan kesesakan trafik. Saya mengucapkan syabas kepada MPJBT yang telah melancarkan pembinaan jejantas merentasi Jalan Tun Aminah, Taman Ungku Tun Aminah berhampiran Tapak Terminal Bas dan Pasar Awam Taman Ungku Tun Aminah diharapkan projek berkenaan dapat dipercepatkan supaya persiapan awal akan mengelakkan kemalangan jalan raya maut dengan kadar segera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah dimaklumkan Dewan yang mulia ini oleh Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa pembinaan dua hospital baru akan dilancarkan pada tahun 2016 termasuk Hospital Awam Pasir Gudang dan Hospital Pakar KPJ Sri Gading yang menelan perbelanjaan, untuk Hospital Awam Pasir Gudang menelan perbelanjaan RM500 juta dan untuk Hospital Pakar KPJ Sri Gading menelan kos perbelanjaan,kos pembinaan sebanyak RM60 juta. Hospital Pasir Gudang melibatkan...

YB Tan Sri Speaker : 600 Yang Berhormat, bukannya 60, 600. Hospital di Sri Gading itu RM600 juta bukan RM60 juta.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 600? Tapi dalam Bajet 60. Ok, itu sebab saya mempertikaikan perbelanjaan sebab ikut saiz hospital itu kita ikut bilangan katil. Kalau Hospital Awam Pasir Gudang menelan perbelanjaan 8 kali ganda berbanding dengan Hospital Sri Gading. Saya hendak pihak kerajaan menjawab bahawa katanya kalau Hospital KPJ Sri Gading mempunyai katil 100 buah katil pesakit dan kalau 8 kali ganda kos pembinaan untuk Hospital Pasir Gudang yang perlu menyediakan sekurang-kurangnya 800 buah katil. Itu sebab saya bangkitkan isu ini, kalau sebab kos pembinaannya terlalu besar dekat 8 kali ganda. *So* itu kita nak tahu dan untuk memastikan wang rakyat kita dibelanja dengan berhemah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebuah hospital kerajaan amat diharapkan, dinanti-nantikan juga di kawasan Skudai, Nusajaya atau kawasan Parlimen Gelang Patah untuk keperluan bilangan penduduk dijangka seramai antara 300,000 hingga 450,000. Untuk 1,000 penduduk sekurang-kurangnya 2 katil, 2 atau hingga 3 katil pesakit dijangka dalam satu kawasan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Laporan Audit Negara 2014 pembayaran balik pinjaman YPJ tahunan adalah berada ditahap kurang daripada 40%. Pengurusan YPJ dan anak-anak syarikat YPJ Holdings amat mustahak untuk memastikan Yayasan Pelajaran ini akan mendatangkan manfaat terbesar kepada anak-anak Johor. Dua prinsip untuk menjayakan pengurusan YPJ dan anak-anak syarikat YPJ adalah :

1. Kadar kutipan pinjaman YPJ sepatutnya dipertingkatkan dengan bersangkut paut dengan KWSP dan potongan KWSP dibenarkan.

2. Pengurusan anak-anak syarikat YPJ Holdings Berhad dan YPJ Corporation Sendirian Berhad, anak syarikatnya YPJ Plantation Sendirian Berhad perlu ditambah baik supaya keuntungan maksimum dapat dipertingkatkan kewangan YPJ.

3. Sekurang-kurangnya 10% keuntungan YPJ Corporation sendirian Berhad dan Kumpulan Anak-Anak Syarikat Kumpulan YPJ Holdings Berhad sepatutnya dipulangkan kepada YPJ, untuk tujuan mewujudkan biasiswa kepada anak-anak Johor tanpa perlu dibayar balik. Kalau kita, kalau keadaan kewangan YPJ boleh dikukuhkan lagi dengan pengurusan anak-anak syarikatnya dengan lebih *transparent*, lebih berkesan.

Malangnya menurut laporan Audit 2014, YPJ PSB atau YPJ Plantation Sendirian Berhad mempunyai ladang kelapa sawit seluas lebih daripada 10,000 hektar tetapi terdapat pengeluaran PKS antara 12 dan 15 tan metrik sehektar setahun. Di antara tahun 2012 dan 2014 iaitu lebih rendah berbanding dengan pengeluaran-pengeluaran purata nasional pada tahap antara 15 dan 19 tan metrik sehektar setahun. Malahan kekurangan pekerja penuaian buah kelapa sawit telah menjejaskan pengeluaran kelapa sawit Ladang YPJ PSB. Disebabkan penurunan keberkesanan pengurusan kewangan YPJ PSB, dividen dibayar kepada syarikat induknya iaitu YPJ Corporation Sendirian Berhad telah semakin merosot daripada RM19 juta pada tahun 2011 kepada RM10 juta sahaja pada tahun 2013.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penubuhan syarikat-syarikat berkaitan YPJ adalah untuk kepentingan YPJ itu sendiri semata-mata. Bukan sahaja keuntungan anak-anak syarikat berkaitan YPJ sepatutnya dimaksimumkan dengan pengurusan yang paling berkesandan telus. Keuntungan dan dividen itu sepatutnya dibayar sekadar maksimum kepada YPJ, jika diuruskan dengan lebih berkesan. YPJ saya percaya, YPJ sepatutnya berkemampuan memberikan biasiswa tanpa perlu dibayar balik kepada anak-anak Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah menerima maklum balas daripada komuniti *business* dan persatuan-persatuan bahawa mereka lebih menggemari hari cuti minggu ditukar semula kepada hari Sabtu dan hari Ahad. Atas beberapa sebab termasuk kemudahan berniaga dengan negara-negara lain dan waktu riadah bersama dengan keluarga. Diharap kerajaan akan mempertimbangkan semula cadangan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perpaduan nasional sejati tidak boleh berasaskan kejahilan, prejudis dan salah faham terhadap keadaan yang sebenarnya.

Persefahaman di antara kumpulan-kumpulan etnik masing-masing perlu dipertingkatkan melalui dialog yang melibatkan semua pihak. Prejudis terhadap UEC menunjukkan kejahilan sesetengah pihak dan kekurangan inisiatif untuk membuat tinjauan dan kajian. Selain daripada mengulang alikkan retorik politik, UEC atau sijil peperiksaan bersama sekolah menengah persendirian, sebenarnya dijalankan dalam tiga-tiga bahasa, iaitu bahasa Mandarin, Melayu dan Inggeris untuk dipilih oleh pelajar, untuk semua mata pelajaran. Ianya bukan suatu peperiksaan dijalankan dalam bahasan mandarin sahaja. UEC telah diiktiraf sebagai peperiksaan setaraf dengan GCE A Levels dan STPM oleh universiti di negara-negara lain, termasuk negara maju. Ada sesetengah institut pengajian tinggi membuat *pagging* dengan izinnya, keputusan pangkat A bahasa Inggeris UEC setaraf dengan pangkat B dalam GCE O Levels. kerajaan negeri Johor dan JCS sepatutnya mencontohi kerajaan Selangor, Pulau Pinang dan Sarawak untuk mengkaji pengiktirafan UEC sebagai kelayakan untuk memasuki IPTA di bawah pentadbiran negeri Johor dan JCS di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Walaupun, sesetengah pihak masih mempersoalkan *standard* bahasa Malaysia UEC, suatu kajian boleh dibuat sama ada pangkat A dalam bahasa Malaysia UEC boleh disamakan atau *pagging* dengan izinnya, dengan Pangkat B dalam bahasa Malaysia SPM. Proses ini dikatakan *pagging*, bukan US dollar dengan ringgitlah tetapi *pagging* dari pangkat peperiksaan kerana ada universiti menggunakan cara ini untuk mengiktiraf UEC.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, integrasi sewajarnya dibenarkan berlaku kepada semua peringkat tanpa kira sektor swasta atau sektor awam, dari peringkat pra sekolah hingga IPT. Oleh itu, demi integrasi dan perpaduan nasional sepatutnya pelajar berkelayakan EEC sepatutnya lebih baik diserap daripada tercicir mereka oleh sektor awam dan IPTA setempat. Diskriminasi akan menjejaskan perpaduan nasional serta memaksa mereka berhijrah ke negara-negara lain. Seperti dikatakan oleh Dr Tun Mahathir Mohamad bahawa, warga Malaysia yang berbakat dihalau, tetapi pekerja yang kurang berkemahiran melandai tanah air yang tercinta kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tidak boleh menghebah bukan perpaduan nasional tetapi dasar integrasi sebenarnya dilaksanakan. Dulu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bekas Datuk Speaker selalu bergurau pada saya, ketawa pada saya, kenapa dia kata YB Skudai suka membangkitkan isu makanan? Pada pandangan saya, kalau kita tak ada persefahaman dari segi pemakanan apatah lagi kita nak berbincang berkenaan integrasi dari segi budaya, agama, pendidikan dan sebagainya.

Dulu saya masih kecil lagi, kali pertama saya disuapkan nasi lemak dan rendang adalah di bandar Mersing sebab ibu bapa saudara membuka satu kedai kopi hailam di bandar Mersing. Dia sewa dulu pada tahun 60-an.Dia sewa satu gerai kepada seorang nyonya cina, dia kahwin dengan Melayu dan masuk Melayu. Masak rendang, nasi lemak. Orang Melayu masuk makan, minum air hailam yang dibuat oleh ibu bapa saudara saya. Itu satu keadaan muhibah dan berintegrasi yang tidak dipaksa oleh mana-mana pihak tapi pada waktu ini susah kita nampak macam itu. Kita kalau kita tak percaya pada satu sama lain dari segi makanan pun, pada pandangan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa dikatakan oleh dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *trustworthiness*. Ada kepercayaan pada satu sama lain itu, satu

pembangunan sosial mana-mana negara maju yang amat penting adalah dikatakan *trustworthiness*, iaitu kepercayaan pada satu sama lain di antara warganegara, tak kira bangsa. Yang pentingnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, boleh berlaku bukan sahaja sebab dari segi warna kulit atau agama kita atau bangsa kita atau bahasa kita. Kita khasnya bangsa Johor dan anak Malaysia, kita ada satu tradisi yang amat istimewa di mana kita membesar dalam satu masyarakat yang berbilang kaum dan juga berbilang budaya tapi saya rasa, saya sudah 51 tahun, orang putih, orang hitam, jemput saya ke rumah mereka, kampung mereka bermalam di sana. Tapi dalam hidup saya sebagai warga Malaysia tak pernah sekalipun saya pernah duduk di kawan India dan kawan Malaysia, satu malam pun. Saya rasa kenapa kita ada prasangka atau kesusahan menjadi bukan sahaja jiran sebelah tetapi menjadi warga dan saudara, satu negara, satu negeri. Orang kata dulu, saya setuju. Malaysia ini bukan negeri China. Bukan negeri India. Tapi saya cuma nak kata kita bukan negeri Afrika, bukan Amerika dan juga bukan Asia Tenggara, apa Asia Barat atau Timur Tengah. Yang penting tu kita sepatutnya menjadi satu contoh khasnya negeri Johor sebagai bahasa Johor. Menjadi satu contoh yang terbaik di mana walaupun kita persefahaman politik yang berbeza, bangsa yang beza dan pentingnya kita adalah umat manusia dan kita berpegang kuat kepada kepercayaan kepada Tuhan dan mengikut interpretasi masing-masing. Dan pentingnya kalau ketidakadilan itu, kita, kita sokong untuk pihak yang tertentu. Seperti yang saya kata tadi sebenarnya negeri Johor menghasilkan yang paling ramai Timbalan Perdana Menteri daripada Tun Musa Hitam,

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat, Yang Berhormat jadi masa Yang Berhormat, masa. Masa dah lebih sangat.

Ringkasan. Oleh itu, satu krisis yang dihadapi oleh negara kita adalah kita kena memastikan wang rakyat itu dibelanja dengan secara telus dan bermanfaat kepada semua warga Malaysia. Tak kira jawatan orang itu yang tertinggi di negara kita ini, itu satu keberanian bangsa Johor berbangkit dan membantah kepada sebarang ketidakadilan. Oleh itu kata sebelah sini, kata sebelah sana itu tak perlu.

YB Tan Sri Speaker : Saya rasa itu tak perlu. Kita menghadapi musuh bersama, kita bersatu padu dan saya menjemput wakil-wakil rakyat, YB-YB yang sebelah sana bersama kita, kita menentang dasar atau satu pemimpin yang sanggup memberikan maklumat sesat atau dalam perkataan lain yang senang di faham menipu negara kita. Menipu bangsa kita, itulah yang kita tak boleh terima. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tadi di awal dah beritahu kita kena jaga sahsiah kita, menuduh tuduhan yang tidak tertentu itu menjadi kesalahan kepada kita. Jadi saya harap semua ambil ingatan lah. Sebelum saya teruskan Persidangan ini saya suka nak mengalu-alukan rombongan daripada Duta Muafakat Johor seramai 8 orang bersama-sama dengan kita dalam Dewan ini (Dewan bertepuk). Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada Mengkibol untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Tahun 2016. Salam sejahtera diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam perlembagaan persekutuan kita, perkara (1) yang berbunyi *"The Federation shall be know in Malay and in English by the name Malaysia"* dengan izin, iaitu dalam Bahasa Melayu, Persekutuan dinamai Malaysia dalam Bahasa Melayu dan dalam Bahasa Inggeris. Ini bermaksud negara kita merupakan sebuah persekutuan yang terdiri daripada 13 buah negeri dan 3 buah wilayah persekutuan. Soalannya adalah adakah kita betul-betul sebuah negara yang mengamalkan sistem persekutuan? Saya masih ingat lagi pada bulan Oktober yang lalu, media telah melaporkan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengharapkan kerajaan persekutuan dapat mempertimbangkan permintaan untuk meningkatkan bekalan air dan pengangkutan awam di negeri Johor. Ini merupakan usaha yang sejajar dengan keperluan dan hasrat rakyat. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bagaimanapun, saranan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini sebenarnya telah menggambarkan kelemahan sistem negara kita. Di mana hampir semua sumber dan kuasa berada dalam tangan kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri sebenarnya hanya bergantung kepada sumber kewangan yang begitu terhad iaitu kurang daripada RM1.4 bilion setiap tahun. Berbanding dengan bajet tahunan kerajaan persekutuan yang berjumlah lebih daripada RM267 bilion iaitu 190 kali ganda lebih banyak daripada bajet kerajaan negeri Johor. Keadaan ini seterusnya adalah sangat tidak seimbang kerana hampir kesemua pungutan cukai diberikan kepada kerajaan persekutuan. Dan situasi ini secara tidak langsung dia telah menyebabkan pemusatan kuasa dalam tangan Putrajaya yang secara langsung mengurangkan keberkesanan urus tadbir kerajaan khasnya dan isu-isu setempat yang berkaitan rapat dengan kehidupan seharian rakyat.

Semangat *federalisme* haruslah dihormati dan dizahirkan dengan mengadakan pengagihan kuasa daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri mahupun Kerajaan Tempatan. Penyahpusatan kuasa bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan urus tadbir kerajaan malah ianya juga dapat menggubal dasar yang berorientasikan keperluan setempat mengikut kesesuaian komuniti-komuniti yang berlainan. Sehubungan itu, Mengkibol ingin mencadangkan supaya kita memberi desakan perlembagaan persekutuan haruslah dipinda supaya bidang kuasa berkaitan dengan pendidikan, kebersihan dan kesihatan, air dan tenaga serta sebahagian besar daripada percukaian haruslah diberikan kepada kerajaan negeri.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Mengkibol, sebelum Yang Berhormat terlajak, dalam pemasyhuran kemerdekaan negara kita tahun 57, sila duduk. Kita telah bersetuju untuk masuk dalam satu persekutuan dinamakan, waktu itu Persekutuan Tanah Melayu , Malaya tahun 63 kita ubah kepada Malaysia. Ada perkara-perkara yang telah pun dirundingkan dan dipersetujukan hak-hak kerajaan persekutuan, hak-hak kerajaan negeri. Jadi ada pembahagian-pembahagian yang telah ditentukan oleh Perlembagaan berkaitan dengan hak-hak kerajaan negeri, hak-hak kerajaan persekutuan dalam persekutuan. Jadi kita jangan sembrono begitu sahaja mencadangkan benda-benda yang telah pun dimeterai begitu lama sehingga akhirnya ia tidak menguntungkan mana-mana pihak tapi akan merugikan rakyat itu sendiri. Jadi Yang Berhormat, jangan terdorong kerana sifat pembangkang, kita membangkang perkara-perkara yang telah pun dipersetujui di peringkat awal lagi negara kita dimasyhurkan menjadi negara merdeka selepas penjajahan British. Jadi

jangan sewenang-wenangnya kita rombak perkara-perkara yang telah menjadi pegangan selama ini, selama berpuluh-puluh tahun lagi.

Inilah perlembagaan yang telah membawa Malaysia dan Johor ini ke tahap yang ada pada hari ini (Dewan bertepuk). Teruskan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya Mengkibol faham tentang semangat *federalisme* ini. Dan sebenarnya apa yang disebut oleh Tan Sri Speaker tadi ada dalam perlembagaan, senarai ke-9 yang menyatakan di mana bidang kuasa negeri bidang kuasa kerajaan persekutuan. Dan senarai ini sebenarnya bukan tidak boleh dipinda. Perjanjian yang lama bukan bermaksud kita tidak boleh mengkaji semula. Saya bagi satu contoh, bidang kuasa yang berkenaan dengan air, sebelum ini berada dalam tangan kerajaan negeri tetapi telah dipinda dan dialihkan kepada kerajaan Persekutuan. Maka, sampailah masa untuk kita mengkaji semula dan,

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, sampai sekarang hasil-hasil air, hasil-hasil tanah masih hak kerajaan negeri. Tidak berubah itu. Jadi, itulah, silalah teruskan Yang Berhormat.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Maksud Mengkibol adalah kerajaan negeri sepatutnya diperuntukkan ataupun diberikan kuasa untuk menjana lebih banyak hasil supaya kita sendiri yang tahu apa bentuk pembangunan yang kita perlu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor kerana telah pun menjalankan siaran langsung pembentangan Bajet Tahun 2016 melalui pelbagai saluran termasuklah saluran radio dan juga saluran *online streaming*. Ini merupakan satu usaha yang begitu baik dan perlu sebenarnya diperluaskan lagi kepada keseluruhan Persidangan Dewan. Sudah tentu dan kita semua maklum bahawa Ahli-Ahli dalam Dewan yang mulia ini, kita dipilih oleh rakyat dan sudah tentu rakyat mahu melihat sendiri prestasi ADUN mereka dalam Dewan bersiaran langsung Persidangan Dewan. Ia bukan sahaja dapat meningkatkan ketelusan kerajaan negeri malah juga kita dapat mewujudkan semangat penyertaan atau pun dengan izin, *sense or participation* dan kekitaaan dengan kerajaan negeri dalam proses memberi masyarakat kita ke arah negara, negeri yang makmur dan maju.

Sebagai satu kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, fungsi Dewan Negeri sebagai badan perundangan haruslah diperkasakan. Pada masa yang sama, Dewan yang mulia ini juga memainkan peranan yang penting dalam semak dan imbang dengan izin, *check and balance* ke atas badan eksekutif. Oleh yang demikian, Mengkibol ingin menyarankan supaya beberapa perkara yang di bawah dilaksanakan untuk memperkasakan lagi institusi negeri, Dewan Negeri sebagai badan perundangan dalam negeri Johor:

1. Mengiktirafkan kedudukan ketua pembangkang negeri mengikut sistem, tradisi sistem *westminster* dengan memberikan segala kemudahan yang sewajarnya. Baru-baru ini Mengkibol mendapati bahawa ada tidak kuranglah tidak kurang

Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, terutamanya dari sebelah sana, mereka sangat berminat tentang perubahan tempat duduk. Saya berharap bukan sahaja tempat duduk diberikan perhatian tetapi juga pengiktirafan kedudukan sebagai ketua pembangkang diberikan perhatian supaya memberikan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya. Bukan kita nak minta benda-benda yang mewah. Tak kan satu pejabat pun tak boleh diberikan kepada ketua pembangkang atau pun ADUN-ADUN pembangkang supaya pembantu-pembantu kita dapat berurusan dalam suasana yang lebih selesa dan lebih sesuai. Saya kesian apabila melihat pembantu-pembantu kami kerja atas sofa, letakkan laptop atas, atas meja yang begitu rendah, terpaksa bengkokkan badan untuk menaip. Bukan ke Dewan, bangunan Dewan Negeri ini amat besar dan saya tak nampak ada apa-apa masalah untuk memberikan satu ruang pejabat yang lebih sesuai untuk bekerja dan lebih selesa kepada pihak pembangkang.

2. Mengkibol berharap bahawa kita dapat memperbanyakkan masa untuk sesi soal jawab setiap Persidangan supaya lebih banyak isu rakyat dapat dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Selalunya apabila kami bangun untuk nak timbulkan soalan tambahan masa soal jawab sudah, sudah, sudah tamat. Maka, ada banyak isu-isu rakyat yang belum sempat kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

3. Supaya Dewan yang mulia ini menyediakan sekurang-kurangnya seorang pembantu dan seorang penyelidik kepada setiap Ahli Dewan Negeri supaya membantu ADUN-ADUN kita menunaikan tanggungjawab kita dengan lebih berkesan.

4. Menubuhkan Jawatankuasa Terpilih yang terdiri daripada ADUN-ADUN pihak pembangkang dan juga *back benchers* supaya kita dapat membincang, mencadang dan meneliti segala dasar yang bakal dilaksanakan di negeri Johor. Perkara ini adalah penting dan begitu sesuai supaya Ahli-Ahli dalam Dewan yang mulia ini, memahami dasar kerajaan negeri Johor.

5. Kita perlu memanfaatkan peringkat jawatankuasa dan proses perbahasan rang undang-undang supaya setiap rang undang-undang yang digubal dalam Dewan yang mulia ini, dapat diteliti dan mutu perbahasan akan ditingkatkan.

6. Mengkibol, berharap persidangan akan datang kita akan menjalankan siaran langsung keseluruhan proses persidangan kerana kali ini kita dah cuba untuk pembentangan bajet. Dan, Mengkibol nampak tiada masalah sangat untuk supaya keseluruhan persidangan disiarkan langsung melalui cara atas talian ataupun online. Jadi, Mengkibol berharap cadangan-cadangan yang disebutkan tadi itu dapat dipandang serius dan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan dan juga pihak Pejabat Jurutulis untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hampir setiap tahun warga Kluang akan dihantui gangguan bekalan air dan catuan air yang berpanjangan kadang-sampai bulanan. Pada awal tahun, setiap awal tahun masalah yang sama akan berulang. Baru-baru ini, penduduk di sekitar kawasan Pasir Gudang dan Johor Jaya menghadapi krisis

bekalan air yang serius, yang terpaksa mengalami catuan air untuk tiga bulan yang lalu. Musim kemarau yang berpanjangan dan perubahan iklim, dia mungkin antara faktor yang menyumbang kepada krisis air yang kita hadapi sekarang. Namun begitu, isu pencerobohan kawasan tadahan air yang memusnahkan fungsi tadahan air empangan-empangan dan sungai-sungai sebagai sumber air, dia merupakan isu yang lebih kritikal yang harus diberikan lebih keutamaan oleh pihak Kerajaan.

Laporan Audit Negara, Tahun 2014 Siri Ketiga yang baru dibentangkan semalam, telah melaporkan aktiviti perlombongan pasir yang tidak terkawal di beberapa lokasi di sepanjang Sungai Johor. Aktiviti-aktiviti perlombongan pasir itu telah merosakkan kawasan tadahan air di sepanjang sungai tersebut. Di mana Sungai Johor sebenarnya merupakan salah satu sumber air yang begitu penting dan utama di negeri Johor. Aktiviti perlombongan pasir juga menyebabkan pencemaran yang akan menjejaskan kualiti air mentah. Dalam laporan Audit, Ketua Negara juga telah mendedahkan bahawa aktiviti perlombongan pasir yang merosakkan rizab sungai dan mencemarkan sungai tersebut. Sebenarnya kebanyak daripada permohonan-permohonan itu, projek-projek itu tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Namun begitu, Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi tetap memberikan kelulusan kepada pengusaha untuk melombong pasir. Ini menunjukkan bahawa, Tan Sri Speaker, isu pemeliharaan kawasan tadahan air masih belum dijadikan satu teras yang utama dalam perihal urus tadbir Kerajaan.

Semalam Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa proses pewartaan kawasan tadahan air sedang dijalankan. Nampaknya, kerajaan telah sedia maklum tentang kepentingan pemeliharaan kawasan tadahan air. Bagaimana pun Tan Sri Speaker, usaha-usaha pemeliharaan kawasan tadahan air masih belum mencukupi untuk memastikan keselamatan sumber air selagi tiada *political will* dengan izin, untuk melaksanakan penguatkuasaan yang tegas dan serius.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Yang Berhormat, sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Kerajaan haruslah menguatkuasa Enakmen Air Tahun 1921 yang dipinda pada tahun 2014 untuk mengenakan denda kepada mereka yang mencerobohi kawasan tadahan air. Usaha penguatkuasaan dalam kawasan tadahan air haruslah dijalankan dengan segera sebelum tahap pemusnahan menjadi barah yang lebih kritikal. Bagaimanapun Tan Sri Speaker, seluruh warga Kluang masih berasa bersyukur kerana kerajaan mengambil berat tentang masalah gangguan air yang kami hadapi. Adalah dijangkakan Empangan Kahang dengan kapasiti takungan air sebanyak 21 juta meter padu dan penghasilan sebanyak 90 juta sehari dapat menyelesaikan masalah yang kami hadapi sekarang dan memastikan air di sekitar daerah Kluang dapat secara berterusan.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok. YB.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Bagaimana pun Tan Sri Speaker, kami tidak dapat minum air terus daripada empangan tanpa dirawat. Sehingga sekarang, kami masih

belum dimaklumkan tentang sebarang butiran berkenaan pembinaan loji rawatan air. Walaupun dalam ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada sebut bahawa peruntukan diberikan untuk membina loji rawatan air di Kahang, tetapi Kerajaan haruslah memberi desakan yang cukup kuat kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) supaya pembinaan loji rawatan air dapat bermula segera kerana pembinaan sesebuah loji rawatan air dia memakan masa 2 hingga 3 tahun untuk ianya mula beroperasi. Oleh itu, pembinaan loji rawatan air di Kahang haruslah bermula dengan seberapa cepat yang boleh supaya ianya sempat beroperasi dan membekalkan air terawat sebaik sahaja Empangan Kahang yang dijangkakan siap dibina pada Mei 2017.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Yang Berhormat, sila tamatkan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Boleh 5 minit lagi?

YB Tan Sri Dato' Speaker : Tak dapat, tak dapat, pasal dah lebih sangat.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ada sikit isu lagi Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam sebahagian rakyat hidup dalam keadaan kekurangan air, rakyat Johor sebenarnya juga dibebankan dengan kenaikan tarif air mulai 1 Ogos tahun ini. Secara tidak langsung, kos sara hidup warga Johor telah bertambah. Lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan cukai GST dan kemerosotan nilai ringgit. Kerajaan harus mempertimbang semula kewajaran kenaikan tarif air dan menarik balik keputusan ini. Dalam keadaan yang beruntung, SAJ Holdings Sendirian Berhad tidak sewajarnya menaikkan tarif air. Untuk 5 tahun kebelakangan yang berturut-turut, sebenarnya SAJ membuat keuntungan berjuta-juta ringgit. Bagi tahun lepas, tahun 2014, SAJ untung RM71,592,068.00 Untuk tahun 2013, SAJ untung RM73 juta, tahun 2012, RM151 juta, tahun 2011, RM94 juta, tahun 2010, RM103 juta. Bermaksud, untuk 5 tahun keseluruhan ini SAJ untung RM494,851,082.00, hampir RM500 juta SAJ untung untuk 5 tahun yang lepas. Dengan kadar keuntungan antara 8 hingga 20%. Maka, dengan kadar keuntungan begitu tinggi adalah sewajarnya kenaikan tarif air ditarik balik.

Pada masa yang sama, Mengkibol ingin juga mencadangkan supaya kadar keuntungan SAJ, *profit margin* SAJ dihadkan kepada 6% setiap tahun, supaya keuntungan yang selebih itu dapat digunakan dalam tindakan ataupun kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan tadahan air. Selalunya, apabila kita kata Kerajaan Negeri, tak ada peruntukan, tak ada bajet yang cukup sekarang SAJ beruntung beratus-ratus juta ringgit dapatlah duit itu daripada sana.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok. YB, sila..

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk isu yang terakhir adalah, Mengkibol berharap supaya Kerajaan dapat mewujudkan perlindungan sosial yang menyeluruh supaya menjamin kestabilan hidup golongan pesara. Walaupun perkara ini kita faham dia bukan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tapi saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah yang lebih pro aktif dalam menjalin jaringan perlindungan sosial yang menyeluruh bagi golongan bawahan khasnya untuk golongan buruh. Kebanyakan golongan pekerja, mereka menghadapi masalah kewangan selepas bersara kerana

telah kehilangan mata pencarian dan simpanan yang ada tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ramai di kalangan mereka ini, menghabiskan simpanan dalam masa beberapa tahun selepas bersara. Kehidupan mereka selepas ini boleh disifatkan sebagai kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang. Mereka terpaksa bergantung pada bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan atau pun individu-individu yang murah hati dan bersimpati sahaja.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok YB.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Adalah diharapkan supaya Kerajaan Negeri dapat memberi bantuan kepada golongan pesara ini untuk menjamin kestabilan hidup mereka.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Akhirnya, Mengkibol berharap, Kerajaan mengkaji semula bantuan kebajikan yang diberikan kepada mangsa banjir, mengikut garis panduan yang diguna pakai sekarang iaitu mangsa banjir hanya layak menerima bantuan sekiranya ditimpa banjir lebih daripada 6 jam.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok YB.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Dengan kata lain, mangsa banjir kilat tidak layak menerima bantuan. Kejadian banjir kilat selalunya berlaku di luar jangkaan dan akan mendatangkan kerugian yang besar. Oleh itu, Kerajaan disarankan supaya memperluaskan lagi perlindungan dan bantuan yang diberikan supaya mangsa banjir kilat layak mendapat bantuan daripada kerajaan.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Ok. YB. Sila duduk, sila duduk YB.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Kesimpulannya, Kerajaan harus memberikan penekanan dalam memastikan keselamatan dan kebersihan sumber air mentah bagi memastikan kemampanan bekalan air di negeri Johor pada masa yang sama sistem semak dan imbang yang menyeluruh juga perlu diwujudkan supaya kita dapat menggembleng tenaga dan bersama-sama merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menjayakan dasar yang inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor. Sekian, Terima kasih.

YB Tan Sri Dato' Speaker : Terima Kasih. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera. Bekok ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ucapan sempena Mesyuarat Ketiga Bajet 2016 Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri harus melipatgandakan usaha dalam membangunkan sektor pertanian kerana ada banyak faedah yang dapat diraih sekiranya sektor pertanian dimajukan lagi. Sebagai contoh, pertanian yang moden mampu menjana pertubuhan industri khususnya industri asas tani yang boleh mencipta banyak peluang pekerjaan.

Bajet Negeri Johor 2016 menyatakan bahawa kerajaan negeri akan melaksanakan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor iaitu setiap daerah di Johor akan dibangunkan mengikut kekuatan setempat dalam lapangan .... Ekoran daripada itu daerah Segamat diutamakan untuk dibangunkan sebagai daerah industri asas tani di mana tanah seluas 702 ekar di Tebing Tinggi mukim Jementah melibatkan pembangunan usahawan tani dan projek agrotani dengan kerjasama JCorp. Akan tetapi, apakah projek agrotani yang dimaksudkan? Siapa yang akan dimanfaatkan secara langsung dan tidak langsung daripada projek tersebut di atas tanah yang sebegitu luas? Adakah projek yang berbelanja sebanyak RM9 juta yang dimaksudkan turut akan membawa impak pembangunan sektor pertanian dan ekonomi bukan sahaja di mukim Jementah malah di kawasan persekitarannya iaitu Labis dan Bekok dalam jangka masa panjang?

Bekok meminta pihak berkenaan supaya menerangkan secara terperinci tentang pelan pembangunan sektor pertanian di kawasan Segamat dan bukan hanya memainkan nombor sahaja di atas kertas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, secara umumnya diketahui bahawa puluhan ribu tanah pertanian lazimnya untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di Johor, bukan tanah pertanian yang sah. Maka, kerajaan negeri akan memberikan 23 kawasan iaitu seluas 5,540 ekar tanah pertanian kepada pemohon akan tetapi adakah permohonan ini merupakan pengusaha pertanian yang betul-betul mengusahakan kerja pertanian? Berapakah orang pemohon yang diluluskan permohonan ini? Adakah mereka merupakan pengusaha pertanian sebelum ini atau diambil alih oleh orang lain yang tidak berkaitan? Sila beri jawapan kepada orang awam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri juga berhasrat untuk membangunkan Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Namun perkara dan projek yang di rancangkan pula tidak diterangkan secara terperinci dalam Bajet Negeri Johor 2016. Maka Bekok ingin memberi beberapa cadangan tentang projek ini dalam Dewan ini :

1. Kerajaan negeri Johor patut merancang dan mewujudkan zon pengeluaran tanaman makanan kekal untuk permintaan semasa. Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan patut menumpu perhatian untuk mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pengeluaran makanan yang sering dihadapi oleh usahawan dan sektor swasta. Sebagai contoh, TKPM perlu mengambil perhatian dan memastikan kejayaan projek mencapai sasaran. Penambahbaikan terutamanya struktur tanah yang bermasalah di beberapa lokasi TKPM terpilih dan memerlukan kos pembangunan yang tinggi.

2. Projek pembangunan TKPM patut menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membantu meningkatkan pengeluaran makanan negeri yang mampan dan berkualiti. Menubuhkan satu jawatankuasa pilihan bipartisan di Dewan Undangan Negeri untuk memantau program TKPM dari semasa ke semasa yang disertai oleh wakil-wakil jabatan yang berkaitan, agensi kerajaan negeri dan ADUN kerajaan dan pembangkangnya. Yang memainkan peranan dalam pemantau yang berterusan untuk memastikan perjalanan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual.

3. TKPM patut membentukkan satu pakatan kerjasama yang padu di antara pemain industri bersama Jabatan Pertanian dan agensi-agensi R&D dalam membangunkan daya sains industri komuniti berpotensi. Jawatankuasa khas patut menilai, membangun dan menyesuaikan teknologi baru hasil daripada penyelidikan dari institusi-institusi penyelidikan dan diamalkan mengikut keadaan setempat.

4. Mempromosikan teknologi yang terkini dan sedia ada di ladang petani yang dipilih bagi menarik minat petani lain yang ada di sekitar kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain itu menurut Pengerusi Program Yayasan Gerakan Tindakan Afimatif Baru, sistem fertigasi yang digunakan dalam projek perintis bagi penanaman cili dipercayai mampu mengeluarkan hasil sebanyak RM5,000.00 hingga RM20,000.00 bagi setiap hektar tanah yang dituai dalam tempoh 90 hari. Namun, Bekok amat berminat dan ingin bertanya bahawa di manakah projek ini diusahakan di negeri Johor? Berapakah peserta telah menyertai dalam projek ini? Apakah hasilnya? Bekok berharap projek ini dapat dibuka dan dimanfaatkan kepada lebih ramai peserta di kawasan Bekok.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bekok juga ingin membangkitkan persoalan tentang sistem pengangkutan yang tidak lengkap dan sempurna di kawasan Labis. Kerajaan harus memberi penekanan terhadap pelaksana projek–projek infrastruktur asas yang menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi di kawasan pekan seperti Labis. Tambahan pula, penaiktarafan Jalan Persekutuan Segamat ke Yong Peng diharapkan mendapat manfaat ekoran daripada projek naik taraf Jalan Muar ke Tangkak ke Segamat demi merangsangkan aktiviti ekonomi dan sektor pelancongan di kawasan Labis. Penaiktarafan jalan tersebut juga diharapkan dapat membangunkan bilangan pertanian di kawasan Labis kerana hasil pertanian amat bergantung kepada sistem pengangkutan yang lengkap untuk diedarkan ke pasaran. Di samping itu, kemudahan jalan raya yang cekap juga dapat menarikan lebih ramai pelancong datang melawat tempat pelancongan di Labis dan Bekok sehingga memajukan sektor pelancongan dan merangsangkan ekonomi tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sementara itu Bekok ingin mencadang agar membina satu jalan yang menghubungkan Bekok dengan Paloh untuk meningkatkan aktiviti dan integrasi antara penghuni Bekok dan Paloh. Walaupun banyak kali isu ini dibangkitkan dalam Dewan ini, juga ada ADUN dari Paloh pun ada bangkit isu ini. Penghuni-penghuni Bekok pun sering bertanya dan menunggu-nunggukan cadangan ini dapat dipertimbangkan oleh kerajaan negeri demi kemudahan dan kebajikan awam.

Namun bilakah cadangan ini akan diterima oleh kerajaan negeri demi memenuhi keperluan dan hasrat awam?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bekok mempercayai bahawa sistem pengangkutan memainkan peranan yang penting untuk merangsangkan aktiviti ekonomi di kawasan Labis. Perkhidmatan kereta api amatlah penting untuk menghubungi bandar Utara dan Selatan di Semenanjung Malaysia dengan Labis dan Bekok. Projek Landasan Kereta Api Berkembar di kawasan Utara Semenanjung Malaysia telah disiapkan dan telah berkhidmat sejak tahun ini. Bilakah projek ini akan disiapkan di negeri Johor dan berkhidmat kepada orang awam?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Data Asas Negeri Johor Tahun 2014 jumlah penumpang berdasarkan kepada bilangan individu yang menaiki tren di stesen-stesen di dalam negeri Johor semakin merosot dari tahun 2011 hingga 2014. Adakah ini bermaksud permintaan awam terhadap perkhidmatan kereta api semakin menurun? Pada halnya, penghuni Labis dan Bekok mengadu bahawa mereka sering menghadapi masalah untuk membeli tiket destinasi mereka. Mereka sering diberitahu oleh penjual tiket bahawa tiket telah habis dijual dan walaupun mereka telah datang awal seminggu daripada tarikh bertolak untuk membeli tiket, mengapakah statistik menunjukkan bahawa bilangan penumpang semakin merosot sedangkan permintaan terhadap perkhidmatan kereta api masih tinggi? Bekok hairan bahawa adakah pihak berkenaan betul-betul memahami dan mendengar suara rakyat tentang permintaan rakyat setempat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun pelanggan kereta api yang bertolak di Stesen Labis dan Bekok hanya terdiri daripada peratusan yang kecil berbanding dengan pelanggan di tempat lain. Namun kebajikan golongan minoriti ini tidak patut diabaikan dan dikorbankan semata-mata kerana keuntungan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan itu sahaja penduduk Labis, Chaah dan Bekok juga selalu menghadapi masalah membeli tiket bas ekspres ke Kuala Lumpur mahupun ke Johor Bahru. Terutamanya pada hari cuti umum dan hujung minggu. Maka, Bekok menggesa pihak berkuasa supaya membuka lebih banyak pas perjalanan pergi balik iaitu dari Labis ke Kuala Lumpur dan Johor Bahru pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan hari cuti umum kepada syarikat bas ekspres demi memenuhi keperluan awam dan bertimbang rasa akan penduduk yang berkeinginan untuk balik ke kampung sendiri dengan segera.

Bekok menggesa pihak berkuasa sekali lagi supaya mengambil tindakan yang lebih proaktif untuk menyelesaikan masalah sistem pengangkutan awam yang tidak cekap dan lengkap yang sering dihadapi oleh penduduk Labis sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu cadangan alternatif yang diharapkan oleh penduduk Bekok termasuklah disediakan perkhidmatan *shuttle bus* iaitu perkhidmatan bas tempatan awam yang menghubungi kawasan pekan Bekok dengan Labis dan Chaah. Ini adalah bas awam yang sedia ada tidak masuk ke pekan Bekok kerana semata-mata syarikat bas tersebut menghadapi kerugian sehingga menyebabkan penduduk Bekok tidak mendapat menikmati perkhidmatan bas awam yang sedia.

Ucapan Bajet Negeri Johor pada tahun 2016, telah membangkitkan isu bahawa kerajaan menyedari kesulitan mengelakkan di sesetengah kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas awam. Inisiatif pengangkutan awam di bawah jenama Trans Johor akan ditambah dan diperluaskan pada tahun depan. Adakah lalu baru ini termasuk di kawasan Bekok? Jika ya, Bekok mengalu-alukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkhidmatan telefon dan Internet merupakan alat komunikasi yang amat penting pada zaman kini. Pelancaran Johor free wifi sejak kebelakangan ini amat digalakkan. Walau bagaimanapun, sejumlah 135 *hotspot* yang disediakan dalam negeri Johor adalah tidak mencukupi. Sebaliknya kawasan luar bandar seperti pekan Labis, Chaah dan Bekok harus ditambahkan *hotspot* lebih manfaatkan lebih ramai warga negeri yang tidak berkemampuan untuk membayar perkhidmatan Internet yang mahal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, namun begitu masih terdapat beberapa kawasan yang masih tidak disediakan oleh perkhidmatan telefon dan Internet TM di kawasan Labis, seperti Taman Maju Jaya dan Taman Seri Sejati. Kekurangan perkhidmatan telefon dan Internet di kedua-dua kawasan perumahan tersebut telah menyusahkan penghuni tempatan. Hal ini yang demikian, kerana peniaga tidak dapat menelefon dan faks dokumen penting kepada pelanggan mereka sehingga perniagaan mereka terjejas. Pelajar yang menduduki di kawasan tersebut pula tidak dapat mencari sumber pelajaran melalui Internet. Sistem *security* rumah juga tidak dapat berfungsi kerana tiada perkhidmatan telefon dan Internet.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung Yang Berhormat.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Mengapakah Pihak Berkuasa Tempatan membenarkan pelan pembinaan perumahan baru sedangkan infrastruktur awam dan keperluan asas seperti talian telefon tidak dibina di kawasan tersebut? Apa alasannya yang membenarkan sijil layak menduduki rumah baru dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan walaupun infrastruktur asas ini tidak disediakan. Setakat ini siapakah yang akan bertanggungjawab untuk menyempurnakan perkhidmatan talian telefon di Taman Maju Jaya dan Taman Seri Sejati, Labis. Bilakah masalah ini akan diselesaikan? Siapakah yang akan bertanggungjawab? Siapakah yang menanggung kerugian jika jawapan bagi soalan ini tidak dapat diberikan dan masalah ini tidak diselesaikan pada akhirnya pastinya penduduk tempatan yang disusahkan.

Yang Berhomat Tan Sri Speaker, jasa Jabatan Bomba dan Penyelamat Labis dan Bomba Sukarelawan di kawasan Chaah dan Bekok haruslah dipuji. Mereka telah menolong ramai penghuni tempatan untuk mengurangkan kerugian harta jika berlakunya kebakaran dengan segera. Namun begitu, Bekok menyeru kerajaan supaya kerajaan negeri dapat menghulurkan lebih peruntukan kepada pihak berkenaan ini supaya mereka berupaya untuk menaiktaraf kemudahan dan peralatan yang lebih canggih supaya menyenangkan kerja mereka dengan lebih berkesan. Itulah merupakan ucapan Bekok pada hari ini. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhomat Bekok. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.35 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 3.55 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengtuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan kita sambung semula. Jemput Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahhirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam Muafakat Johor. Terima kasih atas ruang dan keizinan untuk saya membahas rundingan Bajet 2016 pada kali ini. Bajet 2016 ini juga mendapat pujian daripada Yang Berhormat Puteri Wangsa menganggap ia yang baik daripada yang terbaik. Siap baca potongan ayat dari Al-Saf. Telahan Bajet ini hanya teori tak mampu sebenarnya menggembirakan hati-hati Yang Berhormat pembangkang kerana memang setiap tahun di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional, Bajet yang dibentang dilaksana dengan baik dan teratur. Saya rasa semua diambil kira dalam pelaksanaan secara inklusif. Sebab tu, pada tahun ini tema Bajet 2016 ialah Inklusif, Lestari dan Sejahtera. Berbanding dengan tema Bajet 2014 : Muafakat Pembangunan Dan Pengagihan. 2015 tema Bajet : Membangun Johor Secara Inklusif. Ini menyatakan bahawa sudah tentu rakyat di peringkat akar umbi merasai pengagihan nikmat pengurusan dan pembangunan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ada menyatakan, Dato Speaker. Bahawa Bajet 2016 ini adalah manifestasi pengiktirafan kerajaan negeri di atas segala kerja keras pengorbanan dan sokongan rakyat Johor selama ini. Sokongan dan kerja keras ini telah menyumbang kepada Johor yang semakin membangun, berdaya saing dan tentu sekali sejahtera. Malah diperuntukkan juga untuk membangunkan perenggu minda atau pun dengan izin, *mind set* masyarakat negeri Johor supaya perancangan jangka masa panjang Johor untuk beralih dari sebuah negeri berpendapatan sederhana kepada sebuah ekonomi berkesejahteraan.

Jadi Dato' Speaker, siapa sebenarnya yang menyokong usaha ini? Siapa sebenarnya yang menentang? Dan siapa yang mengelirukan? Saya ingin merujuk Yang Berhormat Skudai terhadap pernyataan beliau bahawa Penyata Kewangan Negeri, Penyata Kewangan Negeri tahun sebelum ini tidak dibentang di Dewan ini bertentangan sebenarnya dengan peruntukan Perkara 38(1), Undang Tubuh Kerajaan Negeri, sebenarnya Dato' Speaker adalah *miss leading,* mengelirukan.

1. Penyata Kewangan Negeri, Negeri sebenarnya dibentangkan di Parlimen bukan di Dewan Negeri sebelum dibentang di negeri-negeri. Dan kemudiannya perlu mendapatkan sijil bersih dan haruslah dibentangkan ke bawah Duli Tuanku untuk perkenan. Baru dibentang ke Dewan Negeri. Cuba baca betul-betul 38(1), Perkara 31 *Law Of State Of Johor*. Bacaan yang betul adalah sebahagiannya mesti yang dibentang dalam Dewan Negeri ini adalah anggaran hasil dan perbelanjaan negeri, *estimated*. Kita tengok Dato' Speaker dalam buku yang di cetak dengan cantik ini. Bajet 2016 ada tulis Embargo lepas dibentang baru boleh baca. Dalam buku ini kita tengok, pertama sekali muka surat 2, dia ada bentang di sini anggaran hasil bermula 2

sampai 11. Muka surat 12 sehingga muka surat seterusnya, anggaran perbelanjaan, ini yang sebenarnya dimaksudkan dengan Perkara 38(1). Jadi apa yang dimaksudkan oleh YB Skudai sebenarnya *miss leading*. Apa yang di sebut nak rujuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, nak bawa ke Mahkamah sebenarnya ini adalah satu tohmahan atau gimik publisiti murahan. Jadi, kita di sini wakil rakyat Barisan Nasional menyatakan bahawa ini sebenarnya bukanlah satu amalan baik Yang Berhormat daripada pembangkang.(Dewan bertepuk)

Dan Dato' Speaker, kita juga baca Perkara 38(1), kita kena baca juga perkara 39 bersekali iaitu dalam Perkara 39, Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor juga menyatakan, perkara yang disebut ada dah masuk dalam Rang Undang-Undang kita. Jadi, perkara ini perlu kita bantah dan kita perlu betulkan. Jadi saya di sini bertanggungjawab sebagai warganegara Johor, bangsa Johor yang prihatin, saya tak mahu terlewat memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa perkara yang *miss leading* seperti ini tidak boleh sekali-sekali kita benarkan berlaku dalam Dewan yang mulia ini (Dewan bertepuk). Satu lagi, Yang Berhormat Skudai juga menyentuh dalam buku Belanjawan, perkara defisit. Saya rasa kalau ada universiti yang boleh menawarkan Kursus Perakaunan lah kepada Yang Berhormat Skudai,

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Skudai tak ada pula eh?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ha. Kursus Perakaunan atau pun *Accountancy.* Kalau nak jadi Akauntan boleh la. Kita rujuk kepada keputusan yang telah pun,

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Doktor ada...

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya ada belajar sikit-sikit.

YB Dato' Timbalan Speaker : sijil Accountancy?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tapi untuk Dewan Negeri tak payah belajar *Accountancy* secara *detail* boleh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tadi kata budak darjah 1 pun boleh.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya rasa budak sekolah menengah, budak sekolah rendah pun boleh melihat perkara ini. Sila lihat perkara, muka, muka 2, Roman. Beliau mengatakan bahawa perbelanjaan defisit RM541 juta. Kita kena rujuk balik Dato' Speaker, anggaran hasil tidak ada defisit. Kita kena baca bersekali dengan perkara yang di belakang ni iaitu muka surat 91, ha muka surat 91. Kita bukan saja merujuk kepada sumbangan Kumpulan Wang Berkanun. Ada, ada Kumpulan Berkanun? Dan ada juga sumbangan-sumbangan lain dan *total* kepada Kumpulan Wang Pembangunan ini sebenarnya melebihi. Tak ada defisit. Habis yang Yang Berhormat Skudai kata ada defisit ni apasal? Ni satu perkara yang mengelirukan. Ha ni YB Tanjung Piai pun boleh ajar saya sebab dia ni Akauntan. Ini Dato' Speaker, perkara-perkara seperti ini lah sebenarnya yang mencemarkan Dewan yang mulia ini. Kita tak tahulah nak rujuk dia kepada siapa lepas ini tetapi yang penting Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet 2016 yang terbaik ini Dato' Speaker

perlu kita pertahankan, kita pastikan kita dapat laksanakan di peringkat akar umbi (Dewan bertepuk). Barulah kita boleh menjayakan segala langkah-langkah untuk mensejahterakan rakyat di peringkat bawah.

Saya berkata begini Dato' Speaker, kerana sepanjang tahun 2015 kita telah menggambarkan kepada seluruh rakyat Johor bahawa Bajet *surplus* sejak 6 tahun yang kebelakangan ini sebenarnya telah pun diusahakan begitu bersungguh-sungguh. Kita tengok barisan Jawatankuasa Pengerusi Jawatankuasa berusaha untuk mendapatkan bajet portfolio masing-masing. Ini ada tersenarai, ada tersenarai dalam muka surat 81, semua Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa ada dapat agihan-agihan peruntukan. Bukan tak ada, ada. Semua ada. Jadi ini perkara yang kita rasakan sebagai munasabah, kita hendak kerajaan Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sentiasa dilindungi oleh Allah SWT daripada sebarang tohmahan dan fitnah.

Jadi Dato' Speaker, kalau kita lihat *tagline* Bajet, dalam *tagline* Bajet yang inklusif, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut perkataan projek kehidupan. Ha ini *special*. Saya rasa sepanjang jadi wakil rakyat tak pernah ada satu perkataan satu ayat dipanggil projek kehidupan. Satu perkara yang saya lihat maju ke hadapan, proaktif kerana dia tentu mendengar tentang masalah masyarakat di bawah dan projek kehidupan ini bukanlah satu harapan sahaja, dia adalah satu realiti. Bukan mimpi bukan lah harapan palsu sepertimana mereka di sebelah sana, Dato' Speaker. Dan untuk projek kehidupan ini, saya ingin mencelah, saya ingin memberitahu bahawa kita boleh *topup*, kita boleh tambah nilai kepada segala bentuk projek kehidupan. Apa yang dibentangkan selama ini mungkin memihak kepada penduduk di dalam bandar. Rumah Mampu Milik Johor, Rumah Mesra, Rumah Prima. Tetapi baru-baru ini Dato' Speaker, saya ada mengikuti ucapan Menteri Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, beliau ada menyebut tentang hasrat kerajaan pusat untuk mengusahakan pembinaan Rumah Bina Negara (RBN), ha senang sebut RBN. Untuk masyarakat generasi kedua kampung-kampung tradisional atau pun desa. Ini saya rasa satu usaha yang sangat baik untuk kesejahteraan rakyat di luar bandar. Jadi dengan ada penambahbaikan ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya tidak melupakan juga masalah perumahan atau pun kehidupan, projek kehidupan belia masyarakat luar bandar.

Dan saya difahamkan selama ini perumahan-perumahan yang dibantu di peringkat luar bandar ialah rumah PPR. Pembinaan rumah Kampung Baru, Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB, Majlis Agama Islam. Dan mungkin agensi seperti KEJORA, RISDA, FELCRA dan lain-lain yang membangunkan. Tetapi kali ini dengan adanya kewujudan RBN ini yang akan diusahakan saya difahamkan untuk sasaran 4 ribu unit menjelang 2020 seluruh negara.

Justeru itu, cadangan mungkin kita boleh tambah dalam Bajet 2016 Negeri Johor terhadap kesejahteraan di peringkat kampung itu nanti kita ingin kerajaan negeri Johor merebut peluang supaya belia-belia di kawasan luar bandar mendapat juga projek kehidupan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar. Jadi, Dato' Speaker, jadi agenda ke-4 2016 iaitu pelan Rejuvinasi Desa Johor. Ha ini pun benda baru. Tak pernah terdengar sebelum ini, Rejuvinasi. Dipanggil mengupayakan lah, mengembalikan semula harapan. Harapan tulen bukan harapan palsu. Kita

mahu supaya idea ini yang disegarkan oleh satu badan, badan yang ingin membantu membugar masalah desa dan kampung dapat dibuat. Tahniah, syabas kepada kerajaan negeri Johor dengan bantuan Amanah, Bait Al-Amanah yang memberi percuma peruntukan untuk membina untuk membuat kajian Rejuvinasi Desa Johor.

Jadi dengan itu, kampung-kampung akan mendapat limpah nikmat yang lebih baik kalau sasarannya kepada bandar, kali ini sasaran kepada kampung atau desa menjadi kenyataan. Kata pantun, pisang emas di bawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh di bayar, hutang budi di bawa mati. Budi Bait Al-Amanah yang telah memberi peruntukan. Dan, saya juga ingin mencadangkan, Pasir Raja ingin mencadangkan supaya kajian rejuvenasi belia desa atau luar bandar juga dilakukan oleh Bait Al-Amanah ini pada masa hadapan selain daripada rejuvenasi terhadap projek kehidupan.

Dato' Speaker, saya ada mengatakan pada tahun sebelum ini bahawa projek kehidupan yang berkaitan dengan MICE, Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu menyebut MICE, kalau sekali sebut MICE itu MICE iaitu tikus tapi kalau diakronimkan M itu adalah *Meeting*; I, *Incentive*; C, *Conference;* E, *Exhibiton*; Ini MICE singkatan kepada empat insentif untuk kita laksanakan. Saya nak ucapkan syabas di atas penubuhan Johor Convention And Exhibition Bureau, *JCAB*. Ini Alhamdulillah, tubuh juga akhirnya. Satu jabatan ataupun satu *centre* atau *bureau*. Saya tak pasti lah sama ada letak di bawah Pejabat Menteri Besar ke, Pejabat *State Secretary Incorporation* ke atau UPEN ke, tapi biro ini yang penting kerajaan Johor peka atas cadangan yang dikemukakan agar MICE ataupun M.I.C.E ini dengan izin diperhebatkan. Saya suka dengan ungkapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet 2016 Dato' Speaker. Apa dia kata? Dia kata Johor melalui zon antarabangsa menjadi, ha ni dia, pusat watak tempatan, namun berkapasiti antarabangsa. Kata orang putih, dengan izin, *local flavor, international standard.* Ha tu dia. Kita nak *flavor local* ini tapi taraf dia *international*. Yang ini kita nak bawa sebagai menjadikan Johor sebagai *new economic power house*. Jadi dengan itu, dia akan menjadi kuasa ekonomi dan *branding* negeri, jenama negeri. Ini suatu perkara yang penting.

YB Dato' Timbalan Speaker : Flavor apa tu? Lemon ke, Lavender ke?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : *Flavour* ni banyak Dato' Speaker, makan boleh *flavour*, kari, roti canainya, teh tariknya. Tetapi mesti sampai peringkat *international*, antarabangsa, baru lah kita ada satu standard baru. Jadi Pasir Raja ingin mencadangkan Dato' Speaker supaya kerajaan negeri mengambil pendekatan 3C1M. Apa itu 3C? Kita kena bina karakter orang Johor. Kalau kita sebut bangsa Johor, kita mahu karakter bangsa Johor tu macam mana. Macam saya ke, karakter, YB-YB ialah *front line,* karekter macam mana, Yang Amat Berhormat Menteri Besar karakternya sangat telus, mentadbir negeri dan berjaya membawa ke arah kemajuan, kesejahteraan. Itu karakter. C kedua ialah *Capacity*. *Capasit*y ini Dato' Speaker ialah macam mana kita nak pergi, berapa cc kita nak pergi ini. Nak menerima servis S class ke, E class ke, ha contoh kapasitinya. C ketiga, kita nak *capability,* keupayaan. Dia punya keupayaan itu setakat diploma ke, ijazah ke, master ke, degree, PHD ke, ha dia punya *capability*, keupayaan untuk bersaing di peringkat dunia. Jadi saya cadangkan 3C pendekatan 1M. Apa itu M? M ialah *mind set*. Dalam bahasa kita dipanggil

perenggu minda. Yang ini sebenarnya Dato' Pengerusi perlu ada satu program di panggil *Behavior Modification Program* ataupun pembentukan perangai-perangai, watak-watak Negeri Johor. Jadi dengan adanya cadangan mungkin daripada Pasir Raja ini, saya yakin MICE ini bukan sahaja boleh maju, tetapi dia boleh bertapak dipeta dunia untuk menyerap kepesatan watak ini. Jadi dengan JCAB dan penganjuran MICE, MICE ini Dato' Speaker merupakan punca pendapatan baru yang lumayan.

Dengan kemasukan pelancong meletakkan Iskandar Malaysia dipeta dunia dengan kehadiran tokoh-tokoh terkemuka dunia dalam bidang ekonomi, *marketing, branding*, teknologi, pendidikan, sosial, industri air, tenaga diperbaharui dan sebagainya. Sebagai permulaan, dari apa yang telah dilakukan sebelum ini, kita boleh mencadangkan kepada kerajaan Johor supaya satu *World Marketing Summit*, WMS 2016 dengan memanggil tokoh-tokoh *marketing* terkenal dunia yang saya dapat maklum ada 20 juta pengikut, iaitu Philip Kotler, marketing guru, datang ke sini, saya rasa kita boleh lakukan perkara ini untuk tahun 2016 dengan kerjasama IRDA, Johor Corp, Iskandar Malaysia dan juga universiti tempatan serta JCAB. Cadangan ini kita cadangkan supaya kita boleh jadikan MICE ini satu tema, jenama*, branding* yang baik kepada negara, negara kita. Dan barulah Dato' Speaker, barulah apa yang Dato' Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebutkan, penubuhan pelan induk pembangunan kemahiran akan diperhebatkan. Barulah penubuhan tabung latihan kemahiran sebanyak 10 juta dengan geran 2,000 seorang kepada 4,500 calon dapat dimanfaatkan. Barulah program kembara kerjaya untuk menjelaskan kehadiran Johor di mata dunia dapat dilakukan dan barulah peningkatan kapasiti modal insan negeri Johor dengan membawa sebahagian warga Johor menyertai kursus jangka pendek di universiti terkemuka adalah tepat dan kena kita boleh menyediakan watak-watak tersebut.

Dan yang paling penting Dato' Speaker, marilah dalam Dewan yang mulia ini, kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor yang akhirnya dapat membangunkan sendiri universiti negeri Johor dengan terbinanya kampus tetap atau induk Kolej Yayasan Pelajaran Johor di DUN Pasir Raja (Dewan bertepuk). Diucap tahniah dan syabas. Akhirnya terbina sebuah universiti milik kerajaan negeri Johor melalui YPJ, dah terbentang, dah terbina. Kita kena sokong kuat kerana semua pihak dari sama ada pihak parti BN atau parti pembangkang menyokong kerana kita mempunyai universiti milik kerajaan sendiri, milik kerajaan Johor. Dan sebagai permulaan, dia akan menghimpunkan 2,500 mahasiswa-mahasiswi di bawah satu bumbung yang kuat demi melahirkan *Johor Talent*, ataupun bakat Johor. Jadi Dato' Speaker, Pasir Raja akan berusaha agar penyampaian berita bajet 2016 ke peringkat akar umbi akan dilaksanakan agar masyarakat kita semua tahu dan mampu melakukan yang terbaik dari yang baik.

Dengan bajet yang *surplus* ini ada beberapa perkara yang Pasir Raja ingin minta di beri perhatian Dato' Speaker di peringkat akar umbi iaitu yang pertama, mohon agar ada agenda yang dimasukkan nanti perkara memperkasakan nelayan sungai sepanjang Sungai Johor bermula dari FELDA Sungai Sayong hinggalah ke Bandar Kota Tinggi dapat di perhebat pada tahun 2016 dan tahun-tahun akan datang. Kita perlu beri mereka sedikit keselesaan dengan binaan jeti-jeti pendaratan dan penyimpanan bot-bot serta enjin bot mereka dengan selamat. Kita perlu meningkatkan kapasiti atau kekerapan mereka turun mencari rezeki sepanjang Sungai Johor. Dan kita minta agar

JPS serta Jabatan Alam Sekitar, sentiasa memantau agar tiada pencemaran air sungai ini, Sungai Johor, lagipun tangkapan air untuk di bekal kepada kita minum yang menyebabkan hasil tangkapan berkurangan sekiranya berlaku pencemaran. Bolehlah kita beri bantuan peralatan memancing ke, atau menjala serta jaring dan yang paling penting, sentiasa mendaftarkan mereka sebagai nelayan sungai yang sah berdaftar, dan justeru itu, Jabatan Perikanan perlu turun padang untuk membuat pertemuan dengan Persatuan Nelayan ini atau nelayan secara persendirian. Ini dengan lebih kerap agar teknologi baru dapat digunakan membantu mereka supaya menambah pendapatan. Pasir Raja juga ingin memohon Dato' Speaker, supaya sesuatu dapat dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya terhadap menjadikan keadaan jalan raya di pekan FELDA Sungai Sayong, melalui FELDA Sungai Sayong terutamanya di hadapan Sekolah Rendah Sungai Sayong dan Tabika KEMAS Sayong bukan lagi menjadi laluan yang menjadi kawasan kemalangan. Tolonglah. Untuk menjadikan ia selamat, kita minta supaya kita cepatkan atau pandang supaya kemalangan yang berlaku di kawasan tersebut akibat jalan raya yang sedikit mengelirukan. Maknanya pandangan lori, kereta, motor di pandang hadapan mereka tidak jelas, sebab itu jalan ini perlu diperbaiki. Dan saya ucap terima kasih kepada EXCO ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Luar Bandar yang telah sendiri turun padang, memerhatikan perkara tersebut, cuma saya perlukan tindakan Dato' Speaker.

Saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri di atas kelulusan pembinaan rumah mampu milik Johor di Taman Daiman Jaya, Kota Tinggi satu. Yang kedua, kelulusan di peringkat lokasi antara jalan Kota Tinggi-Kulai iaitu kawasan simpang Kulai-Kota Tinggi-Bandar Tenggara, berdekatan dengan landasan untuk pembinaan rumah mampu milik Johor dan juga PRIMA. Dan juga saya mohon kerajaan negeri mengambil maklum, ini pun melibatkan kawasan Dato' Speaker sendiri supaya cadangan pembangunan bercampur di kawasan Ladang Sisik, Ladang Sungai Kecur, Ladang Sungai Lebak, seluas 16,000 ekar dalam kawasan Tenggara, DUN Panti oleh pemaju yang di panggil Tradewinds dapat majukan dengan sempurna dan ia perlu di ambil sebagai langkah-langkah munasabah.

Akhir sekali Dato' Speaker, saya ingin memohon apa yang dibangkitkan kadang-kadang ini perlu dia ada kategori *urgent*, satu lagi di panggil mustahak ataupun tak *urgent, important,* tak *urgent.* Ada yang *not urgent, important,* ada yang tak *important, urgent.* Tapi yang ini, *important and urgent.*

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Pasir Raja dan habis?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Sikit lagi Dato' Speaker. Dan akhir kata orang, *last but not lease, important urgent* saya mohon agar Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, bukan daerah, saya nak minta negeri Johor datang ke Kampung Seri Aman, kawasan DUN Pasir Raja meninjau satu aduan daripada penduduk-penduduk kampung itu supaya melihat apa yang berlaku pembinaan reban ayam, reban ternakan ayam yang di bina berdekatan dengan kawasan perumahan. Dan kita anggap sebagai melanggar syarat-syarat dan harus perkara ini di ambil perhatian dan di ambil tindakan pembatalan kerana pemilik kandang ataupun reban ayam ini pun bukanlah orang kawasan tersebut. Dan kita menjangkakan dengan tindakan itu dapat menyelamatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyakit-penyakit terhadap isu kawasan setempat.

Dato' Speaker, saya ucap terima kasih kerana peluang yang di beri untuk saya menyampaikan rundingan dan saya menyokong rundingan yang di bawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Selamat petang dan salam sejahtera YB Dato' Speaker. Terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016, dalam Dewan yang mulia ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam membentangkan satu bajet yang bersifat Inklusif, Lestari dan Sejahtera untuk Johor, namun segala perancangan, usaha dan pelan-pelan tidak akan berjaya sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil tindakan atau penguatkuasaan yang tegas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan yang cergas dan cekap perlu memastikan kehidupan asas rakyat di lindungi dan di pelihara dengan baik. Ini termasuk bekalan elektrik dan bekalan air yang merupakan keperluan asas bagi seseorang. Kini negeri Johor sedang menghadapi krisis air yang paling teruk. Sebahagian di Johor selatan telah menghadapi masalah bekalan air berjadual mulai bulan Ogos. Kawasan tersebut termasuk Pasir Gudang, Kota Tinggi dan sebahagian kawasan Johor Bahru yang mengalami bekalan air berjadual hampir empat bulan. Ini termasuk dengan kawasan saya. Tidak kira apa-apa penjelasan yang di beri oleh pihak kerajaan, penduduk di kawasan tersebut turut tidak dapat memahami kenapa negeri Johor yang dapat menjual air mentah ke negeri Melaka dan Singapura tetapi bangsa Johor pula menghadapi bekalan air berjadual selama empat bulan. Pelbagai persoalan timbul semasa bekalan air berjadual dijalankan. Antaranya pertama, mengapa projek memindahkan air mentah dari Sungai Tiram ke Sungai Layang hanya dijalankan pada bulan Oktober iaitu dua bulan selepas catuan air. Walaupun, kita diberitahu bahawa tindakan bekalan air berjadual disebabkan oleh kemerosotan paras air di empangan, namun Johor Jaya difahamkan bahawa paras air di Empangan Sungai Layang dan Empangan Sungai Lebam bukannya turun dalam satu, dua hari. Paras air mula merosot sejak awal tahun. Persoalannya mengapa projek ini hanya dijalankan pada bulan Oktober iaitu dua bulan selepas catuan air. Mengapa projek ini bukan dijalankan dengan segera apabila mendapati paras air mula merosot? Selain itu, negeri Johor mempunyai 21.1% *reserve margin* dengan izinnya, mengapa *reserve margin* ini tidak dapat membantu dalam krisis air kali ini.

Soalan kedua, iaitu pengawalan dan pewartaan kawasan tadahan air. Terdapat aktiviti pertanian di sekeliling kawasan tadahan air terutamanya penanaman kelapa sawit, di mana pohon kelapa sawit menyerap air yang sehari. Aktiviti pertanian seperti ini tidak harus dijalankan di sekitar kawasan penadahan air demi menjamin sumber air mentah berkualiti tidak terjejas. Kawasan tadahan air amat penting di sekitar empangan untuk mengumpul segala sumber air yang berkualiti. Dengan ini salah satu faktor penting yang menyebabkan krisis air Johor adalah kawasan tadahan air yang tidak dikawal atau tidak mengambil penguatkuasaan yang tegas walaupun sudah diwartakan.

Ketiga, menurut Laporan Audit Negara Edisi Negeri Johor 2014 Siri 3, aktiviti pengeluaran bahan batuan turut memberi kesan negatif terhadap alam sekitar terutamanya kawasan rizab air iaitu kawasan tadahan air. Aktiviti pengambilan pasir sungai di PTD 287, telah menceroboh dan mengubah aliran sungai di kawasan rizab Sungai Linggiu tanpa kebenaran JPS. Kerosakan sungai turut menyebabkan sumber air mentah terjejas di Sungai Linggiu di mana Sungai Linggiu merupakan laluan bagi *intake* air di sebelah hilir. Johor Jaya mendapati paras air di Empangan Sungai Linggiu turut merosot daripada 80% hingga 42%. Pencerobohan di Sungai Linggiu adalah serius dan tidak dinafikan bahawa pencerobohan ini merupakan salah satu faktor yang penting. Mengapa Pejabat Tanah Daerah tidak memantau dan mengambil langkah penguatkuasaan yang tegas selepas dinasihati oleh JPS dan sebelum lawatan Audit, adakah PTD Kota Tinggi tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku oleh pengusaha semasa syarikat tersebut ingin beroperasi semula?

Maklum balas oleh PTD Kota Tinggi yang dicatatkan dalam laporan menyatakan bahawa pengusaha dalam tindakan membuat penambah baik rizab sungai. Apakah tindakan atau dendaan yang diambil oleh PTD, selain mengarahkan pengusaha membuat pembaikan? Syarikat ini harus didenda dengan keras, dihentikan dan dimasukkan dalam senarai hitam supaya tidak beroperasi semula sebagai dendaan merubah rejim sungai tanpa kebenaran. Ini hanya salah satu kejadian yang berlaku di mana kawasan tadahan air dirosakkan dan tidak diambil tindakan dan penguatkuasaan yang tegas. Apatah lagi kawasan tadahan air yang tidak dilaporkan dalam Laporan Audit Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun pelbagai usaha telah dirancang dalam menangani krisis air yang dihadapi tetapi krisis air akan berterusan sekiranya pihak kerajaan tidak menjalankan pemantauan, pengawalan dan penguatkuasaan yang tegas. Kita tidak boleh hanya menuduh bahawa punca kemerosotan air di empangan adalah disebabkan dengan pengguna air yang tinggi, pembangunan yang pesat atau musim kemarau. Ini di sebaliknya, pihak kerajaan sepatutnya nampak punca-punca dan bersedia menghadapinya dan mengelakkan catuan air yang begitu serius berlaku. Ini telah membuktikan kegagalan pengurusan pihak kerajaan negeri dengan tidak memandang serius dan hanya mencari jalan iaitu menjalankan bekalan air berjadual apabila kemerosotan paras air di empangan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sediakanlah payung sebelum hujan. BAKAJ yang sepatutnya memastikan kawasan tadahan di negeri Johor dipelihara dengan baik oleh kerajaan negeri. Pengurusan, pengawalan dan penguatkuasaan yang lebih cergas, cekap dan tegas amat diperlukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Jaya amat sakit hati apabila penduduk di kawasan saya terpaksa menanggung kesulitan bekalan air berjadual air selama 4 bulan. Walaupun mereka dapat bekalan air satu hari dan satu hari ada air dan dua hari tiada air tetapi ini tetap menyusahkan mereka yang perlu menyimpan air untuk kegunaan harian terutamanya warga emas dan ibu rumah tangga yang sedang mengandung. Semasa saya melawat ke rumah mereka, pelbagai masalah mereka hadapi. Macam mana suruh warga emas dan ibu yang sedang mengandung untuk menyimpan dan mengambil air yang berat. Ada yang sakit badan dan ada seorang ibu yang berjumpa dengan saya yang sedang mengandung hampir berdarah kerana mengangkat bakul air yang berat kerana suaminya hanya balik kerja pada waktu

malam. Tarif air di negeri Johor adalah paling mahal berbanding dengan negeri lain dan dinaikkan lagi pada bulan Ogos. Pada masa yang sama, sebahagian kawasan ini pula menghadapi bekalan air berjadual. Krisis ini melibatkan 97, 000 unit isi rumah iaitu hampir 500,000 pengguna.

Johor Jaya menyeru pihak kerajaan negeri supaya memberi pampasan atau rebat tarif air kepada mereka yang terbabit. Ini kerana mereka tidak dapat menikmati perkhidmatan bekalan air seperti biasa. Dengan jadual bekalan air ini mereka hanya dapat menikmati 10 hari bekalan air seperti biasa dalam satu bulan. Sebagai cadangan, membayar pampasan pada kadar RM100.00 bagi setiap isi rumah secara keseluruhan atau rebat tarif air dengan mengambil kira purata tarif air yang lepas. Pampasan atau rebat tarif air ini dapat membantu pembelian kos takung air. Walaupun harga pampasan atau rebat tarif air ini bukan amaun yang banyak, tetapi ini turut akan menunjukkan keikhlasan pihak kerajaan negeri terhadap mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Menteri Besar, Johor Jaya amat setuju bahawa negeri Johor membangun mestilah berhubung dengan baik melalui prasarana jalan raya. Jaringan jalan raya adalah penting dalam memastikan kecekapan seseorang mahupun sebuah negeri. Seseorang individu bukan sahaja membazirkan masa tetapi juga mengakibatkan ekonomi terbantut sekiranya tersangkut dalam kesesakan jalan raya. Dalam usaha menaik taraf dan penyelenggaraan rangkaian jalan-jalan di negeri Johor, jangan lupa supaya memastikan projek yang sedia ada dijalankan dengan lancar dan tamat dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sekali lagi,Johor Jaya ingin membangkitkan isu projek menaik taraf Lebuh raya Pasir Gudang dari empat lorong ke enam lorong. Lebuh raya Pasir Gudang boleh dikatakan sebagai salah satu jaringan pengangkutan utama dan penting di kawasan Johor Selatan. Lebuh raya ini memainkan peranan jaringan ekonomi negeri kerana menjaringkan kedua-dua pelaburan penting iaitu Pasir Gudang dan juga Tanjung Pelepas. Namun bukan kali pertama tarikh tamat projek ini telah dilanjutkan. Projek ini dijangka siap pada awal tahun 2015, lepas tu dilanjutkan ke bulan September dan sekarang kini dilanjutkan ke bulan Disember 2015. Memandangkan kini sudah bulan November, tapi kerja-kerja menaik taraf masih nampaknya ketinggalan jadual. Sampai bila projek menaik taraf ini boleh disiapkan?

Bukan ini sahaja masalah yang saya bangkitkan pada sidang yang lepas, iaitu isu keselamatan jalan raya semasa projek dilaksanakan tidak nampaknya ada apa-apa perkembangan atau telah diselesaikan. Masalah lubang, masalah kekurangan pengadang jalan dan juga masalah kekurangan lampu bernyala tidak diambil berat oleh pihak kontraktor atau pihak kerajaan negeri. Menteri JKR pernah memberi amaran kepada pihak kontraktor bahawa mereka akan didenda dan membayar pampasan kepada pihak kerajaan dengan RM26,805.00 sehari sekiranya mereka tidak dapat menyiapkan projek dalam pada 30 September. Ini bermaksud, pihak kontraktor sepatutnya membayar pampasan sebanyak RM1.44 juta setakat hari ini.

Kini projek ini telah dilanjutkan sekali lagi ke 21 Disember 2015. Adakah pembayaran pampasan ini dikira mulai bulan September atau Disember?Adakah pampasan yang dibayar dapat digunakan untuk menaik taraf komponen-komponen keselamatan

yang kekurangan di Lebuh raya Pasir Gudang?Apakah tindakan seterusnya akan dijalankan memandangkan kelewatan ini adalah 12% dan saya khuatir bahawa tarikh tamat projek dapat disiapkan pada 21 Disember atau ia akan ditangguhkan sekali lagi.

Selain itu, adakah pampasan, Yang Berhormat Dato' Speaker, Lebuh raya Pasir Gudang mempunyai aliran trafik yang tinggi. Projek menaik taraf untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas memang amat dialu-alukan, namun pengguna sudah tidak yakin dan percaya lagi terhadap tarikh tamat projek tersebut. Projek menaik taraf yang dilanjutkan ini merupakan Fasa 1 sahaja. Kini Fasa 2, iaitu dari persimpangan Plentong ke persimpangan bertingkat Seri Alam pula diluluskan dan sedang menunggu jawapan daripada kontraktor. Saya amat bimbang dengan kesesakan yang lebih serius sekiranya Fasa 1 tak dapat siap dan Fasa 2 pula mula kerja menaik taraf.

Di samping itu, adakah Fasa 2 ini dijalankan secara tender terbuka? Kontraktor yang tidak dapat menyiapkan projek seperti di janji harus dimasukkan dalam senarai hitam sebagai satu amaran kepada kontraktor yang lain. Pihak kerajaan perlu mengutamakan isu keselamatan sebelum apa-apa insiden berlaku. Oleh itu, pemantauan dan penguatkuasaan yang tegas oleh pihak kerajaan adalah penting demi memastikan projek ini dapat memanfaatkan pengguna jalan dalam masa yang singkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tekanan ekonomi yang kian berat dan kos perumahan yang kian meningkat mengakibatkan rakyat terutamanya golongan muda tidak mampu membeli rumah kediaman. Menteri Besar membentangkan bahawa perumahan terus menjadi agenda utama kerajaan negeri. Pelbagai usaha dan perancangan telah dibentangkan dalam Bajet 2016. Selain pembinaan baru dan pembaikan rumah yang sedia ada, Johor Jaya ingin tanya apakah rancangan pihak kerajaan negeri terhadap perumahan sakit, lewat dan terbengkalai?

Walaupun pembangunan baru amat penting tetapi pembinaan yang sedia ada tidak harus diabaikan. Terdapat projek pembinaan lewat, sakit dan terbengkalai yang telah membimbangkan rakyat jelata. Antara projek termasuk perumahan di bawah kontraktor Kong San iaitu di Taman Mount Austin dan Taman Mewah Jaya di Plentong. Projek terbengkalai bukan sahaja mencemarkan imej negeri tetapi juga akan menjadi tempat kegiatan jenayah atau dadah berlaku. Selain itu, pembelian rumah tersebut masih menanggung dan membayar *installment* dengan izinnya tetapi tidak dapat menduduk perumahan tersebut. Johor Jaya meminta pihak kerajaan negeri mengambil inisiatif dalam membantu projek terbengkalai tersebut walaupun kontraktor akan dimasukkan ke senarai hitam tetapi ini tidak dapat membantu pembelian rumah menyelesaikan masalah mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor pelancongan sering menjadi fokus dalam Dewan yang mulia ini. Johor Jaya amat yakin dan percaya bahawa negeri Johor mempunyai tarikan kepada orang ramai bukan sahaja kedudukan yang strategik tetapi juga tempat pelancongan yang kaya dengan warisan sejarah dan semula jadi. Johor Jaya meminta YB EXCO jangan sekali-kali hanya mempromosikan produk-produk yang memerlukan kemasukan tiket yang mahal iaitu Legoland, Angry Bird,

Hello Kitty World dan Johor Premium Outlet. Bukannya tempat ini tidak menarik, tetapi kebanyakan rakyat tidak mampu menampung kos tiket yang mahal.

Selain itu, dengan pembangunan sedunia yang besar, taman permainan bertema telah banyak dibangunkan dan dipromosikan secara hebat-hebatan. Selain *Universal Studios*, dengan izinnya yang terletak di negara sebelah, taman tema yang menarik iaitu dengan izinnya *20th Century Fox Theme Park* turut akan bermula operasi di Genting Highlands pada tahun depan. Taman tema ini mempunyai 25 jenis permainan yang lebih menarik dan dijangka menarik 6 juta pelancong dalam setahun. Oleh itu, Yang Berhormat EXCO harus mempromosikan pelancongan tempatan yang unik supaya dapat bersaing dengan negeri lain, seperti Taman Negara, taman rekreasi, pantai persiaran, gunung-gunung dan kepulauan yang indah. Pakej pelancongan yang merangkumi taman tema dan pelancongan tempatan amat diperlukan. Selain itu, penyelenggaraan dan penaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Taman Negara perlu, adalah penting untuk menarik pelancong. Dalam trend pelancongan sedunia, pelancong suka sangat melawat dan duduk di *homestay* di tempat pelancongan. Pihak kerajaan harus memastikan *homestay* dengan izinnya, yang beroperasi dan pengangkutan awam di tempat pelancongan adalah sentiasa di jaga dalam keadaan yang sempurna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini masih terdapat banyak kes yang berlaku dalam, kes jenayah yang berlaku dalam negeri. Johor Jaya percaya sentimen kadar jenayah akan mempengaruhi ekonomi dan pembangunan dan juga pelancongan terhadap sesebuah negeri. Kadar jenayah yang rendah dapat memberi rasa selamat kepada orang ramai dan turut menarik pelancong dan pelabur untuk mengunjungi negeri kita.

Walau bagaimanapun, Johor Jaya mendapati tiada usaha-usaha pihak kerajaan negeri, mahupun kerajaan tempatan yang dibentangkan salam Bajet 2016. Adakah kesemua projek pemasangan CCTV yang dibentangkan dalam Bajet 2014 dan usaha pemasangan lampu awam serta penambahan anggota polis bantuan yang dibentangkan dalam Bajet 2015 telah disiapkan? Adakah pihak kerajaan negeri meluaskan lagi kawasan pemasangan CCTV? Atau memupuk program Bandar Selamat di kawasan lain? Johor Jaya bertanya soalan tersebut kerana peranan CCTV adalah amat penting dalam membantu mencegah jenayah. Johor Jaya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak PDRM kerana berjaya menangkap suspek baling botol kaca dan besi di kawasan Johor Jaya pada bulan September. Terdapat 26 orang mangsa yang terbabit dalam kes ini dan kejayaan penangkapan adalah atas bantuan CCTV. Oleh itu, saya minta pihak kerajaan negeri supaya meluaskan lagi usaha pencegahan jenayah.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : Johor Jaya sila gulung.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Pembinaan Sekolah Rendah Cina yang baru memang sentiasa menjadi satu masalah yang sering kita hadapi. Pembinaan SJK (C) Pei Hua II yang hampir lengkap dan bermula persekolahannya pada tahun 2016 amat dialu-alukan oleh penduduk di sekitar Permas Jaya. Namun, telah berlaku isu

pengorekan oleh pemilik tanah di hadapan sekolah yang menghalang jalan masuk ke sekolah semalam. Ini disebabkan dengan pengambilan tanah yang masih dalam proses dan perundingan.

Johor Jaya ingin membangkitkan adalah, apa yang saya ingin membangkitkan adalah pihak kerajaan harus mempunyai perancangan yang teliti dan sistematik semasa pembangunan perumahan. Tanah rizab bagi kawasan sekolah perlu dirancang sebelum meluluskan pembinaan perumahan dengan mengambil kira peningkatan populasi yang hadapi. Kerajaan perlu mengamalkan dasar yang adil dan saksama dengan menyediakan tanah rizab yang munasabah untuk pembinaan Sekolah Rendah Jenis Cina dan diletakkan dalam peta cadangan di rancangan tempatan setiap Pihak Berkuasa Tempatan sejak awal-awal lagi. Dengan ini, masalah yang timbul seperti ini dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa dengan kuasa pihak kerajaan negeri masalah ini tetap dapat diselesaikan dengan lancar dan operasi sekolah dapat bermula pada tahun depan seperti yang dijanjikan. Saya juga yakin bahawa pemilik tanah akan bertimbang rasa kerana tempat tersebut adalah dirancang sebagai kawasan sekolah bukannya untuk kepentingan diri tetapi untuk kepentingan orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pihak PBT memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan tempatan. Kebanyakan masalah rakyat adalah bergaul dengan pihak PBT tidak kira sama ada perancangan tempatan, jalan, masalah sampah, longkang ataupun permohonan lesen.

Sukacita dimaklumkan bahawa persempadanan semula kawasan PBT telah dijalankan dan akan berkuat kuasa pada tahun 2016. Dengan pembangunan negeri yang kian pesat kawasan perumahan dan penduduk tempat bertambah. Oleh itu, pihak PBT yang sedia ada mungkin telah menimbulkan kerumitan kepada penduduk atau pihak PBT. Johor Jaya amat...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Sikit lagi Dato' Speaker. Johor Jaya amat berharap kawasan Johor Jaya yang kini terlibat tiga PBT dapat di selaras mengikut apa yang tertakluk dalam Akta Kerajaan Tempatan dan bukan sahaja, bukan ini sahaja Johor Jaya faham bahawa setiap PBT mempunyai pengurusan atau Undang-undang kecil yang berlainan. Sebagai contoh, harga cukai pintu dan pengurusan sisa kumbahan domestik yang berbeza. Hal ini kerana MBJB tidak dikawal oleh *Indah Water* dengan izinnya, tetapi sesetengah kawasan yang kini diurus oleh MPJBT dikawal dengan *Indah Water*. Bagaimanakah pengurusan sisa kumbahan domestik dijalankan selepas persempadanan semula PBT? Adakah usaha-usaha atau rancangan yang telah dijamin oleh PBT yang sedia ada akan diteruskan oleh PBT yang baru? Memandangkan persempadanan PBT akan di kuat kuasa pada masa yang singkat, saya meminta pihak kerajaan negeri mengumumkan maklumat dan rancangan berkenaan, termasuk juga Ahli-Ahli Majlis yang bertanggungjawab supaya tidak menjadi kacau bilau atau sebarang kebantutan kepada rakyat.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis yang mengurus dan menjaga kawasan Johor Jaya selama ini. Sebelum saya gulung Johor Jaya ingin

menjunjung titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim sempena Hari Keputeraan Tuanku ke-57, bahawa Bangsa Johor perlu bersatu. Johor Jaya menekankan bahawa sifat perpaduan dan bersatu antara rakyat adalah penting dalam menuju ke arah kesejahteraan dan kemakmuran sebuah negeri.

Dengan ini Menteri Besar perlu menjadi model untuk menyeru dan menyatukan rakyat. Namun, Johor Jaya berasa amat terkejut apabila saya dihalau dari sebuah kedai makan di kawasan Megah Ria, iaitu kawasan Menteri Besar semasa Johor Jaya menjalankan program di kawasan tersebut. Apa yang mengejutkan lagi adalah, apabila Johor Jaya di beritahu insiden ini melibatkan Ahli-Ahli UMNO dan mereka cuba memainkan isu perkauman dan membuat huru-hara.

Sebagai Pengerusi UMNO Bahagian Pasir Gudang, Menteri Besar bukan sahaja tidak mengambil tindakan disiplin terhadap mereka tetapi berkata bahawa Johor Jaya cuba menarik perhatian orang ramai dengan membuat publisiti program itu secara besar-besaran sebelum program di jalankan. Johor Jaya berasa amat kecewa terhadap apa yang berlaku dan juga apa yang dikatakan oleh Menteri Besar. Walau bagaimanapun, sebagai seorang pemimpin, kita harus sentiasa menerima cabaran secara terbuka, berani dan juga adil. Johor Jaya amat berharap kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi tidak kira mana-mana parti atau mana-mana tempat dalam negeri supaya keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri tercapai.

Akhir kata, satu pembentangan Bajet yang Inklusif, Lestari dan Sejahtera hanya akan berjaya dengan pemantauan, pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan cekap. Sekian terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Jemput, Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Dato' Speaker. Dato' Speaker, saya bersyukur dan berterima kasih kerana di beri peluang oleh Dato' Speaker hari ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Johor 2016 bersama-sama dengan rakan-rakan Wakil Rakyat lain di dalam Dewan yang mulia ini.

Tahun ini kami menyaksikan kerajaan negeri Johor telah membentangkan satu Bajet surplus sebanyak RM1.55 juta iaitu adalah satu penurunan daripada surplus tahun lepas iaitu RM3.82 juta ataupun bersamaan penurunan surplus sebanyak hampir 60% kalau berbanding dengan tahun lepas. Walau bagaimanapun, kami boleh mengambil hikmah bahawa sekurang-kurangnya Bajet ini adalah lebih elok daripada Bajet kerajaan pusat, persekutuan yang telah membentangkan satu bajet defisit untuk 18 tahun berturut-turut.

Dato' Speaker, saya ingin menyentuh dahulu isu berkenaan dengan VEP atau pun *Vehicle Entry Permit*. Sepatutnya sistem VEP ini patut sudah mula beroperasi sejak 1 Ogos 2015, tetapi disebabkan beberapa penangguhan, sehingga hari ini sistem VEP masih belum sedia dan beroperasi. Bagi saya, saya rasa kecewa. Perlaksanaan VEP telah berkali-kali ditangguhkan, sepatutnya bermula pada 1 Ogos 2015 dan selepas itu ditangguhkan pula kepada 1 Oktober tahun ini atas alasan teknikal. Kemudiannya, telah dilaporkan dalam media pada bulan September bahawa tarikh akhir pendaftaran kereta negara asing akan dipanjangkan ke akhir tahun ini dan akhir sekali

pada 7 Oktober 2015, telah diumumkan pula perlaksanaan VEP pula akan ditangguhkan lagi dan dengan dukacitanya penangguhan kali ini langsung tidak ada tarikh lain di berikan Dato' Speaker.

Saya rasa kecewa dengan tindakan kerajaan pusat dan negeri Johor ini kerana penangguhan berkali-kali ini mencerminkan ketidaksediaan kerajaan untuk melancarkan dan melaksanakan sistem VEP ini. Bagi saya satu projek sebesar VEP ini kerajaan patut lebih bersedia berkenaan dengan cara atau mekanisme untuk melaksanakan sistem ini. Sepatutnya, perancangan awal patut diperhalusi sebelum pengumuman yang sekarang nampaknya seperti tergesa-gesa. Situasi sebegini membawa gambaran bahawa perlaksanaan VEP pihak negara kita ini hanya sebagai balasan terhadap tindakan kerajaan Singapore untuk menaikkan VEP pihak mereka dari SD$20.00 kepada SD$35.00 pada 1 Ogos tahun ini.

Dato' Speaker, bagi saya penangguhan berulangan ini akan menjejaskan satu imej negara kita dari segi dalam dan antarabangsa. Kerana persepsi orang awam berkenaan perancangan dan kesediaan kerajaan dalam implementasi sesuatu sistem baru ini sekarang sudah tergugat. Juga, pendapatan jangkaan kerajaan negeri Johor akan terjejas kerana seperti yang sedia maklum, telah dipersetujui bahawa negeri, kerajaan Johor ini akan diperuntukkan 25% ataupun RM5.00 daripada sumber pungutan VEP yang akan disalurkan kepada negeri kita ini.

Dato' Speaker, adalah pendirian saya selama ini bahawa saya memang sokong perlaksanaan sistem VEP ini atas syarat bahawa kerajaan Malaysia patut mengecualikan rakyat Malaysia yang memandu kenderaan Singapura daripada bayaran VEP ini. Sebarang kenaikan kos bagi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura hanya akan menambah beban kewangan mereka yang terpaksa pergi balik setiap hari ke Singapura untuk cari rezeki bagi keluarga mereka terutamanya dalam keadaan ekonomi sekarang.

Saya cukup pasti sebarang wang yang dikecualikan daripada pembayaran caj VEP ini akan di salur balik juga ke ekonomi tempatan Johor. Dan, untuk mengelakkan sebarang salah guna, saya mencadangkan pengecualian kepada rakyat Malaysia ini hanya patut diberi sekali sehari sahaja.

Di samping itu, mereka patut mendaftarkan diri dengan pihak berkenaan untuk mendapatkan keistimewaan pengecualian ini. Sekiranya mereka tidak, mereka pilih tidak untuk membuat demikian, itu adalah keputusan dan pilihan mereka. Tetapi satu hari satu kali sahaja Dato' Speaker.

Dan, sekarang dengan begitu penangguhan saya sekarang tertanya-tanya adakah sistem VEP ini telah dikatakan, kita guna perkataan Inggeris, *stillborn* atau sebelum lahir sudah mati. Sebab sudah tiada maklumat baru sejak Oktober 2015 dan cubaan saya untuk menanya soalan berkenaan dengan VEP ini juga telah ditolak dua kali oleh Dewan yang mulia ini. Dan, saya memang khuatir VEP ini akan dibatalkan secara senyap-senyap kerana saya percaya ini akan menjejaskan satu sumber pendapatan negeri yang amat penting. Lebih-lebih lagi keadaan kewangan negeri sekarang hanya mempunyai surplus bajet RM1.55 juta sahaja.

Tapi Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian Dato' Speaker bila saya teliti Bajet 2016, saya cukup terkejut pada muka surat 4, dalam Bajet 2016, bila saya nampak di bawah kod 71108, ditulis bayaran kenderaan luar negara yang memasuki Malaysia melalui jalan darat, di bawah anggaran hasil bagi tahun 2016. Dianggarkan di bawah kod ini, dianggarkan pendapatan hasil adalah RM45 juta.

Dato' Speaker, *I stand to be corrected*, kalaulah saya salah, saya mohon maaf. Tetapi adakah RM45 juta ini sebenarnya adalah VEP, sebab kalau saya baca daripada imbuhannya, ini macam VEP. Dan kalau kita tengok 2014, tiada pungutan. 2015, tiada pungutan dan hanya anggaran pada tahun depan. So, kalaulah ini VEP, saya nak tanya sekarang, adakah wajar kerajaan negeri Johor ini menganggarkan satu hasil bila VEP belum diumumkan, bila akan dilaksanakan. Mungkin dia tidak dilaksanakan, mungkin dilaksanakan pada pertengahan tahun, kita tidak tahu lagi. Maknanya, adakah wajar dan bertanggungjawab untuk kerajaan ini untuk mengambil kira RM45 juta ini sebagai sumber pendapatan bagi tahun 2016. Saya juga nak tanya adakah anggaran RM45 juta ini untuk satu tahun genap? Sekiranya ini bermakna sebulan kita patut dapat RM3.75 juta. So, mulai bulan depan, eh, bulan Januari, kita patut dapat RM3.75 juta. Sekiranya VEP belum dilaksanakan, adakah sekarang kita boleh dikatakan bajet ini sebenarnya akan menghadapi defisit? Sebab saya rasa adalah tidak patut kita mengambil kira RM45 juta ini bila dia belum lagi diumumkan secara sah. Oleh itu, demikian, Dato' Speaker, saya haraplah kerajaan ini mengambil sikap yang lebih bertanggungjawab dan *prudence*, janganlah berharap sangat kepada satu sumber pendapatan hasil yang belum lagi dipastikan, itu adalah satu jalan yang amat berbahaya.

Dato' Speaker, penurunan surplus tahun ini menunjukkan betapa mencabarnya ekonomi sekarang. Baik di Johor dan Malaysia. Statistiknya tidak menipu. ringgit Malaysia kini berada dalam keadaan paling lemah sejak krisis kewangan tahun 1997. Kini USD1 adalah bersamaan dengan hampir RM4.30. Ringgit, satu tahap yang amat membimbangkan kerana kelemahan ringgit Malaysia akan membawa kesan yang parah kepada ekonomi kita daripada pelbagai sudut seperti harga makanan. Dan saya percaya banyak pinjaman kerajaan ataupun institusi GLC adalah dalam USD. Justeru pembayaran faedah atau pembayaran sebarang pembayaran pinjaman juga adalah dalam USD. Kelemahan ringgit Malaysia ini mencerminkan kekurangan keyakinan para pelabur terhadap negara kita. Skandal-skandal seperti 1MDB, isu *donation* RM2.6 bilion telah menjejaskan keyakinan pelabur asing.

Difahamkan untuk setiap RM1.00 yang masuk ke pasaran kewangan Malaysia, RM3.00 akan keluar daripada Malaysia. Selagi isu-isu yang saya nyatakan tadi tidak diselesaikan, kerajaan terus akan menanggung beban tekanan kewangan luar negeri dan rakyat akan terus menjadi mangsa kepada semua hakikatnya.

Memang secara jujur saya tidak menafikan kenaikan USD ini juga adalah satu fenomena sedunia, global. Disebabkan ekonomi US sekarang sudah dengan izin, *recover,* dan juga kemungkinan akhir tahun ini, bulan depan *federal reserve,* Amerika Syarikat akan naik faedah mereka. Maka ramailah pelabur telah pilih untuk berhijrah balik kepada Amerika Syarikat, membawa balik USD dan menghantar dana-dana mereka balik ke Amerika Syarikat. Tetapi pada masa yang sama, kami tidak boleh abaikan fakta sebenar, iaitu ringgit Malaysia adalah salah satu, kalau tidak, mata

wang yang jatuh paling teruk di seluruh rantau Asia Pasifik, berbanding USD untuk tahun 2014 dan 2015. Ini boleh dicerminkan dalam kadar pertukaran kami dengan negara jiran seperti Singapura, di mana hari ini kadar pertukaran kami sudah jatuh ke satu tahap di mana SGD1 bersamaan dengan hampir RM3. Saya masih ingat beberapa tahun dahulu kadar pertukaran dengan SGD barulah SGD1, RM2.30. Sekejap sahaja sudah lonjak daripada 30% Dato' Speaker. Sama juga dengan Australia Dollar.

Dato' Speaker, bila keadaan ekonomi menjadi lemah, suka tak suka rakyat yang akan merasainya. GST diperkenalkan tahun ini. Baru-baru ini, bulan lepas sahaja sebenarnya, kadar tol di 18 lebuh raya tol seluruh negara naik termasuk juga di Johor, iaitu Senai - Desaru Ekspressway, SDE. Pengguna juga perlu bersedia dengan kenaikan harga makanan kerana mulai tahun depan, kerajaan akan membatalkan juga subsidi beras.

Tambahan lagi di Johor, pada bulan Ogos tahun ini, SAJ telah menaikkan kadar tarif air di Johor dari RM1.05 setiap meter padu kepada RM1.31 setiap meter padu. Iaitu satu kenaikan sebanyak 25% dan ini terus menjarakkan lagi jarak air paling mahal di Johor iaitu Johor dengan air paling murah di Pulau Pinang yang hanya perlukan kos RM0.32 setiap meter padu. Perbezaan di antara Johor dengan Pulau Pinang kini adalah lebih daripada empat kali ganda Dato' Speaker.

Kalaulah ini tidak menderitakan hati, sekarang di sebahagian kawasan Johor, ada orang kata ada duit pun tidak boleh beli air. Air mahal satu hal, sekarang buka paip air, air pun tidak keluar Dato' Speaker.

Seperti yang saya nyatakan dan juga dinyatakan oleh banyak Yang Berhormat di dalam Dewan ini, sejak Ogos 2015, SAJ telah memulakan sistem bekalan air berjadual di sebahagian Johor Bahru, Pasir Gudang, Kota Tinggi dan Pengerang. Saya bukan nak mengulang isu ini, macam satu, dengan izin *broken record.* Saya akan, kita berulang isu ini kerana kita nak tunjukkan keseriusan. Saya nak tunjuk betapa seriusnya isu krisis air ini Dato' Speaker.

Di bawah skim ini penduduk hanya mendapat air dua kali seminggu. Keadaan ini akan berlanjutan sehingga 15 Disember dan sehingga hari ini saya masih tidak mendapat apa-apa maklumat atau kenyataan daripada pihak SAJ atau kerajaan, bahawa sebarang jaminan bahawa catuan ini akan tamat pada 15 Disember, kemungkinan ia akan berpanjang lagi Dato' Speaker.

Saya telah melawat ke banyak kawasan yang terlibat. Di Permas Jaya, di Taman Megah Ria, Kota Masai, Kota Tinggi, Sungai Rengit untuk mendapat maklumat daripada penduduk atau dengan *izin first hand information* daripada rakyat yang sudah marah dan memang sudah *fed up* dengan situasi ini. Rakyat tidak faham bagaimana kerajaan boleh membuat persediaan untuk banjir, dan pada masa yang sama, tiada air untuk rumah mereka. Alasan yang di beri oleh pihak berkuasa, adalah sukar di terima kerana sekarang adalah musim hujan. Hampir tiap-tiap hari penduduk sendiri boleh saksikan hujan lebat sampailah baru-baru ini di Johor Bahru City Square dan Jalan Wong Ah Fook pun kena banjir kilat. Siap sampai dalam *facebook* saya

nampak, ada ikan pun boleh ditangkap di Jalan Wong Ah Fook. Dan ini bukan kecil, ikan yang besar.

Dato' Speaker, rakyat sudah bosan dengan alasan-alasan yang di beri oleh kerajaan. Kena faham daripada sudut mereka, mereka tak nak dengar apa lagi alasan, mereka hanya nak cara jalan penyelesaian, satu jawapan muktamad, boleh tak kita dapat air bulan depan? Itu sahaja Dato' Speaker. Kerajaan di harap memberi pencerahan yang lebih teliti mengapa krisis air ini berlaku.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukit Batu, untuk dapat air bulan depan, sila duduk. (Dewan ketawa). Bagi membolehkan Bukit Batu menyambung perbahasan dua hari, saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 9.30 pagi, 25 November 2015.

Persidangan di tangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	RABU, 25 NOVEMBER 2015	BIL. 10 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan
Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI,PSI
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalammualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi, salam muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan Persidangan kita ini akan dapat berjalan dengan lancar daripada masa ini hampir ke petang sepertimana agenda yang telah pun kita aturkan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Hj. Abd. Taib Bin Abu (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Kemenangan muncul juara oleh pasukan JDT merebut Piala AFC sangat membanggakan seluruh rakyat Johor. Apakah tindakan jangka panjang yang dilakukan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor bagi memastikan mutu bola sepak Johor terus cemerlang dan dapat melahirkan lebih ramai pemain berbakat dari kalangan rakyat Johor sendiri.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan kemenangan pasukan bola sepak Johor JDT merangkul Piala AFC pada 31.10.15 telah menyemarakkan lagi minat dan kesungguhan terhadap sukan ini di seluruh Johor. Apakah pelan komprehensif kerajaan negeri dan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor menggemilangkan terus bola sepak di negeri ini dan juga di seluruh negara.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali.

Pertama sekali marilah kita mengucapkan jutaan tahniah kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor atas kejayaan yang dicapai oleh pasukan Bola sepak Johor Darul Ta'zim kebelakangan ini termasuk yang terkini iaitu menjuarai Piala AFC. Dan, saya

mengucapkan terima kasih di atas ucapan tahniah daripada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sendiri sebagai rakyat negeri Johor merasa bangga kerana ini ialah kali pertama pasukan bola sepak dari negara Asia Tenggara berjaya ke perlawanan akhir seterusnya menjadi juara Piala AFC. (Dewan bertepuk). Memecah monopoli pasukan daripada Asia Barat selama ini. Apa lagi kejayaan ini dicapai di kala r*anking* pasukan bola sepak negara kita kian merudum. Sudah pasti ini memberi sinar baru kepada sukan bola sepak negara bahawa tidak mustahil bola sepak negara mampu bangkit kembali seandainya diuruskan dengan profesional dan teratur.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang kita semua maklum semenjak 3 tahun yang lalu Persatuan Bola Sepak Negeri Johor telah mengalami transformasi besar-besaran yang mana kita semua tidak boleh nafikan atas usaha yang dimainkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim. Dalam 3 tahun ini sahaja kita sudah nampak hasilnya dengan kejayaan pelbagai kejuaraan termasuk memenangi juara Liga Super untuk 2 tahun berturut-turut bagi tahun 2014 dan tahun 2015. Kerajaan Negeri Johor sentiasa memberi galakan dan sokongan sama ada dari segi moral mahupun insentif kewangan. Selain itu kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Johor turut memberi bantuan dalam program pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi. Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dengan kerjasama pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah menganjurkan kejohanan dan liga bola sepak sepanjang tahun. Di antaranya Liga Bola Sepak Piala Menteri Besar, Liga Bola Sepak Piala Tunku Mahkota Johor dan juga Kejohanan Bola Sepak Piala Sultan Johor yang mana melibatkan penyertaan dari seluruh daerah dalam Johor.

Dari segi pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi, Persatuan Bola Sepak Negeri Johor telah mengorak langkah menjalankan program pembangunan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor dalam melahirkan pemain yang bakal mewakili negeri Johor ke peringkat yang lebih tinggi. Dari program ini maka wujudlah pelbagai perkembangan baru dalam pembangunan bola sepak negeri Johor terutama bantuan dari teknikal, taktikal yang diilhamkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, yang mana turut melibatkan kerjasama daripada kelab-kelab dari luar contohnya Borussia Dortmund FC dari Jerman. Mereka membantu melatih dan menerapkan kepakaran yang dimiliki kepada para pelajar bermula semenjak umur 9 tahun. Ini sudah pasti menjadi pelan dan perancangan jangka masa panjang yang dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dalam melahirkan pemain yang berkualiti sejak usia yang muda sebagai pelapis untuk menjadi pemain di peringkat negeri atau negara pada masa akan datang.

Bagi menyokong usaha murni ini, seperti yang kita semua maklum, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin dalam pembentangan Bajet 2016 pada Khamis lalu juga telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.5 juta sebagai suntikan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor untuk melaksanakan program pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi. Selain daripada itu kerajaan negeri Johor juga tidak melupakan dalam perancangan pembangunan infrastruktur sukan yang mana ia merupakan salah satu faktor dalam kejayaan pasukan JDT sekarang. Pembangunan pusat latihan di Dataran Bandaraya Johor Bahru yang meliputi kawasan padang dan pusat kecergasan yang lengkap dalam memastikan pasukan JDT dapat meneruskan kecemerlangan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Diharapkan dengan kerjasama semua pihak ianya dapat

diteruskan demi menaikkan lagi nama negeri Johor di persada antarabangsa. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita melihat sejak 2, 3 tahun ini gelombang kebangkitan, gelombang sokongan dan kemeriahan sambutan daripada peminat-peminat bola sepak negeri Johor terhadap sesuatu pertandingan yang melibatkan pasukan JDT begitu memberangsangkan. Kalau tak silap saya tahun 1986 kemeriahan itu pernah kita rasai bilamana Johor memenangi pertandingan Piala FAM di mana rangkaian penyerang pada masa itu iaitu Erwin Boban, Abbas Saad dan Alistair Edward. Begitulah kemeriahannya pada tahun 1986 dan kini diteruskan kecemerlangan itu, kegemilangan itu setelah begitu lama kita tidak merasai kehebatan dan kemeriahan sambutan bola sepak dalam kalangan peminat bola sepak di negara kita, di negeri Johor ini. Jadi, dalam usaha kita untuk memastikan kecemerlangan ini berterusan, tentunya kita memerlukan sumber kewangan yang kukuh. Mungkin sumber kewangan yang kita peroleh daripada tiket-tiket yang dijual kepada para penonton kemungkinan juga daripada sumber tayangan perlawanan itu dan ada disebut daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri yang turut memberikan sumbangan. Jadi adakah usaha-usaha lain yang boleh membantu menambahkan kantung kewangan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor ini terutamanya yang melibatkan pihak swasta.

YB Tan Sri Speaker : Ok. Faham Yang Berhormat. Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat DUN Machap. Sebenarnya di pihak kerajaan negeri Johor pada hari ini, kita mempunyai 44 persatuan sukan yang aktif dalam menjalankan aktiviti sukan dalam negeri Johor. Dan, bagi pihak kerajaan negeri Johor kita menyerahkan kepada persatuan-persatuan sukan yang ada untuk mereka mencari penaja bagi mengembangkan atau meningkatkan taraf prestasi sukan yang kita lihat di sini bahawa mungkin tumpuan yang ada sekarang penajaan adalah kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor berdasarkan kerana kejayaan yang dicapai oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor terutamanya pasukan JDT. Kerana kita lihat di sini bahawa setiap persatuan perlu menunjukkan bahawa mereka mampu untuk membawa nama penaja-penaja sebagai satu proses pemasaran. Jadi, di sini saya menyarankan bahawa untuk melihat penajaan itu sebagai satu keperluan kepada persatuan sukan, setiap persatuan sendiri perlu memain peranan untuk meningkatkan prestasi bagi menarik lebih banyak penaja. Dan, bagi Persatuan Bola Sepak Negeri Johor pada hari ini. Daripada segi penajaan memang tidak sukar kerana mereka melihat bahawa JDT selain daripada mencapai kejayaan dari segi bola sepak mereka juga memain peranan untuk membawa pembangunan dari segi belia dan juga pembangunan untuk masyarakat di peringkat akar umbi. Dan, ini salah satu cara bahawa penajaan yang dibuat oleh mereka berbaloi dengan apa yang mereka sumbangkan untuk setiap persatuan. Dan, saya harap contoh yang diberi oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor akan menjadi ikutan kepada persatuan-persatuan sukan yang lain. Dan, ini akan memberi satu impak yang cukup besar kepada pembangunan sukan dalam negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. *Golden Touch* atau pun sentuhan emas, dengan izin, daripada kepimpinan Persatuan Bola Sepak Johor, yang peringkat awalnya diterajui kepimpinannya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Johor, dan hari ini dipimpin oleh Presiden yang baru, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang sentiasa senyuman, yang memikat. Kita tengok hari ini dari segi bilangan pemain, kita peringkat awal ini saya setujulah kita bawa pemain *import* untuk menggerakkan, membugarkan, menggalakkan pemain-pemain tempatan. Cuma saya nak tahu berapa bilangan pemain tempatan anak negeri Johor? Peringkat pertama tak apa, ni peringkat awal ni ok. Ada tak pelan komprehensif untuk merangka gerak kerja agar esoknya akan datang JDT ni ramai anak-anak Johor dalam pasukan JDT. Ha, ni soalan tambahan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Rengit. Soalan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk apa soalan tambahan daripada Yang Berhormat DUN Rengit, sebenarnya untuk JDT satu sahaja kita mempunyai 5 orang pemain daripada negeri Johor. Dan, kalau dilihat pada hari ini memang banyak, ramai yang mempertikaikan kenapa pasukan JDT banyak melibatkan pemain luar. Kalau kita lihat di sini pembangunan, pembangunan bola sepak negeri Johor, kalau kita lihat pada hari ini sebenarnya lebih menyeluruh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hari ini untuk makluman DUN Rengit bahawa pasukan JDT kita bukan hanya ada sebuah pasukan sahaja. Kita ada JDT, JDT 1, JDT 2 dan juga JDT 3. Yang mana ketiga-tiga pasukan kalau kita lihat pada hari ini merangkumi seluruh pemain yang ada dalam negeri Johor. Tetapi JDT 2 dan 3 adalah anak-anak tempatan. Mereka ini adalah pemain pelapis yang mana jika mereka boleh menunjukkan prestasi yang baik, boleh diserapkan kepada JDT 1. Kalau kita lihat di sini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa yang kita nampak di sini bahawa pemain luar ni sebenarnya adalah salah satu daripada suntikan semangat kepada pemain-pemain tempatan yang ada. Dan, kita harap dengan adanya 3 tahun perubahan besar-besaran akan melahirkan pemain-pemain daripada tempatan untuk menggantikan mereka pada satu masa kelak. Yang mana pemain-pemain JDT yang ada terutama dalam negeri Johor terutama JDT 2 dan JDT 3 yang telah bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan bola sepak dalam negeri Johor tetapi mereka juga berkebolehan dan mempunyai bakat untuk mewakili negara pada masa-masa yang akan datang. Dan, ini adalah salah satu sumbangan kepada pembangunan bola sepak negeri Johor pada peringkat kebangsaan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton Binti Ismail (**Sungai Balang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Sejauh mana jihad memerangi orang tengah berjaya dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang menanyakan sejauh mana Jihad Memerangi Orang Tengah berjaya dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang?

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha untuk memerangi orang tengah bukan sahaja terletak di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang, tapi juga melibatkan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Soalan Yang Berhormat Sungai Balang lebih kepada peranan LPP untuk usaha ini maka saya akan memberi tumpuan kepada tindakan LPP melalui program-program yang telah dijalankan.

Untuk makluman pihak LPP negeri Johor telah menjalinkan kerjasama yang erat dengan Pertubuhan-Pertubuhan Peladang kawasan dalam memastikan Program Jihad Membasmi Orang Tengah ini dapat dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai matlamat untuk membantu Ahli-Ahli Pertubuhan Peladang dalam memperolehi pendapatan yang lebih baik tanpa melalui orang tengah. Berikut adalah merupakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh LPP negeri Johor dalam menjayakan Program Jihad Memerangi Orang Tengah ini. Antaranya :

1. Membina Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di setiap Pertubuhan Peladang. Sebanyak 26 buah PPHP telah dibangunkan dan beroperasi sepenuhnya. Tujuan mewujudkan PPHP ialah pemasaran oleh petani/usahawan Peladang terus kepada pengguna tanpa melibatkan orang tengah dan dalam masa yang sama pengguna dapat membeli dalam harga yang lebih murah dan kompetitif. Antara produk yang dijual kepada pengguna adalah produk segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, ayam dan produk IKS. Anggaran jualan yang diperolehi di setiap PPHP adalah sekitar RM14,500.00 hingga RM56,000.00 sebulan bergantung kepada produk yang dijual.

2. LPP juga memberi fokus kepada Program Kedai Peladang yang menjual hasil-hasil pertanian, *in put* pertanian serta barang-barang keperluan pengguna. Di bawah program ini, 10 buah Kedai Peladang telah diwujudkan bagi memasarkan hasil pertanian ahli-ahli Pertubuhan Peladang. Anggaran jualan yang diperolehi di antara RM65,000.00 hingga RM80,000.00 sebulan.

3. Bagi tahun 2015, dua buah *fresh mart* telah beroperasi menjual produk segar di kawasan bandar dan taman-taman. Pengguna boleh mendapatkan produk dengan harga yang lebih murah dan jaminan produk yang berkualiti. Anggaran jualan di premis ini di antara RM70,000.00 hingga RM110,000.00 sebulan.

4. Ahli-ahli Pertubuhan Peladang yang komited dalam pemasaran hasil pertanian dan keperluan pengguna diberi ruang untuk berniaga di Pasar Peladang. Sehingga kini terdapat dua buah Pasar Peladang yang beroperasi dalam skala yang besar iaitu Pasar Peladang Skudai dan Pasar Peladang Pontian. Purata jualan yang diperolehi peniaga sekitar RM15,000.00 hingga RM70,000.00 sebulan.

5. LPP Johor juga turut terlibat dalam program Agro Bazar Rakyat. Terdapat empat buah Agro Bazar kelolaan Pertubuhan Peladang yang menjual hasil pertanian

segar dan barangan pengguna. Purata jualan Agro Bazar Rakyat ini sekitar RM8,000.00 hingga RM280,000.00 sebulan.

Kesimpulannya, dengan diwujudkan pusat pengumpulan serta jualan ini memudahkan ahli-ahli Peladang untuk memasarkan produk mereka terus kepada pengguna. Di samping itu, pengguna juga dapat memperolehi bekalan bahan makanan segar pada harga yang berpatutan lebih murah daripada pasar-pasar awam dan pasar raya.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Soalan tambahan saya, apakah penguatkuasaan yang dikenakan kepada mereka-mereka ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program mewujudkan jihad memerangi orang tengah adalah untuk membantu pihak petani untuk mengurangkan rantaian-rantaian yang memanipulasikan dari segi harga, dari segi bekalan input dan juga timbangan dan juga memberi harga yang tidak munasabah kepada petani-petani dan juga untuk membantu pihak pengguna untuk mendapatkan barangan dengan lebih cepat dan juga segar.

Oleh itu, untuk mengambil tindakan terhadap pengguna, terhadap orang tengah, bukanlah tanggungjawab pihak, antaranya agensi bawah kementerian, tapi jika barang-barang itu merupakan barang-barang kawalan, ini menjadi tanggungjawab kepada pihak kementerian, khususnya Kementerian Hal Ehwal Pengguna untuk mengambil tindakan kepada orang tengah. Jadi, program memerangi orang tengah lebih kepada untuk membantu pihak petani supaya harga-harga yang dijual itu dapatlah memberi keuntungan yang lebih kepada mereka dan juga pengguna tahu kat mana nak dapatkan barang-barang segar ini.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Daripada 8 yang diberikan tadi, menunjukkan kepada kita bahawa jihad memerangi orang tengah seolah-olah suatu peperangan untuk memerangi, seolah-olah macam kita, ibaratkan memerangi penagih dadah, memerangi penjenayah. Bahkan pada saya, orang tengah ini adalah suatu mekanisme yang mana oleh kerana pihak kerajaan tidak mampu untuk secara agresif secara sungguh-sungguh untuk membantu petani-petani ni, maka orang tengah ni adalah satu keperluan. Bila Yang Berhormat EXCO tadi mengatakan bahawa satu negeri Johor ada dua pusat, empat pusat ya. Jadi, adakah ini boleh kita nak, jangan kata perangilah, boleh kita nak bantu petani-petani ini ya. Kalau betul kita ikhlas nak membantu petani ini, saya rasa tiap-tiap daerah, tiap-tiap pekan-pekan

seharusnya mesti ada pusat-pusat seperti ini kalau kita ingin sungguh-sungguh nak bantu petani-petani ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi, adakah memadai dengan dua, empat pusat-pusat ini kita rasa kita sudah mampu untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti jawapan awal saya tadi, usaha memerangi orang tengah ini melibatkan banyak agensi. Tapi hari ni, soalan yang ditanya oleh Sungai Balang lebih kepada LPP. Sebenarnya, kita ada agensi bawah FAMA, bawah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan juga jabatan-jabatan lain yang terlibat. Macam kita wujudkan pasar tani di setiap daerah, dan juga Agro Bazar daripada Agro Bazar Rakyat khususnya di kampung-kampung, ini bawah FAMA ya sebenarnya. Ini soalan tadi khusus, awal-awal tadi saya kata daripada LPP, inilah usaha yang dilakukan oleh pihak LPP.

Cumanya, saya ingin menekankan jihad memerangi orang tengah ini adalah kita hendak memerangi orang tengah yang mengambil kesempatan, yang menjadi lintah darat. Bukan orang tengah ada, tak semua kita anggap tak elok. Usaha kita lebih kepada orang tengah yang tidak membantu petani, tapi ambil kesempatan. Hari ni harga naik, dia beri yang tinggi, besok lusa dia turunkan harga, dia mainkan petani. Jadi kita tidak mahu terjadi orang-orang tengah seperti begini. Itu sebab kita mewujudkan lebih banyak lagi orang-orang tengah yang betul-betul membantu. LPP itu sebagai orang tengah antaranya, FAMA, pasar tani, peniaga-peniaga. Ini usaha-usaha yang kita buat untuk membantu petani. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Raja jemput, jemput.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapakah jumlah keseluruhan pekerja pembantu rumah yang berdaftar dalam negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Pembantu rumah adalah merujuk kepada seseorang yang diambil bekerja berhubung dengan kerja di tempat tinggal persendirian dan tiada berhubung dengan mana-mana perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan tersebut.

Pada masa ini, kebanyakan yang sedang bekerja di negeri Johor iaitu pembantu rumah asing dan bukannya orang tempatan. Kebanyakannya pembantu rumah asing. Pembantu rumah asing adalah merujuk kepada pekerja wanita yang diberi pas lawatan kerja sementara untuk bekerja dalam sektor pekerja domestik.

Kalau dilihat sepanjang tahun 2015 sehingga bulan Oktober, terdapat lebih kurang 3,278 kelulusan pas lawatan kerja sementara telah pun diberikan kepada pekerja rumah asing. Ia termasuk permohonan baru dan juga permohonan lanjutan. Dan jika dilihat dari tahun 2013, sebanyak 3,207 permohonan telah pun diluluskan, seperti yang saya katakan tadi termasuk permohonan baru dan lanjutan. 2014, sebanyak 4,133 dan tahun ini 3,278 sehingga bulan Oktober. Dalam tempoh tiga tahun sahaja, kita ada lebih kurang 10,618 pekerja rumah asing yang telah pun diberi kelulusan bekerja di negeri Johor. Dan daripada jumlah ini, hampir 90 % daripada mereka datangnya daripada negara Indonesia. Dan pada masa ini, negara sumber lain yang dibenarkan untuk membekalkan pekerja rumah asing ialah negara Thailand, Filipina, Sri Lanka, India, Vietnam dan Kemboja. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Parit Raja jemput.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Biasanya agensi-agensi yang pembantu rumah yang berdaftar tu dia mengikut peraturan. Cuma saya dapat aduan, pembantu-pembantu rumah ni, yang beragama Islam ni, yang majikannya bukan beragama Islam, dia tak membenarkan pekerja-pekerja ni bersembahyang atau puasa. Alasannya, asyik berhenti-henti sembahyang dan bila puasa nanti lemah. Pakaian dah tentulah dia tak boleh pakai pakaian yang tertutup, macam seluar-seluar pendek aje. Jadi, boleh ke pihak kerajaan memberi nasihat kepada agensi-agensi pembantu rumah ni supaya menghormati pekerja-pekerja yang beragama Islam ni supaya dapat beribadat. (Dewan bertepuk). Jadi itu soalan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau merujuk kepada soalan tambahan Parit Raja, Yang Berhormat Parit Raja, sebenarnya pada hari ini kita tidak ada sebarang perundangan ataupun dasar yang sebenarnya di mana tindakan boleh diambil ke atas agensi pekerjaan ataupun majikan. Walau bagaimanapun, sering kali tindakan secara diplomasi dan juga secara berhemah telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen, Kementerian Sumber Manusia dan juga difahamkan Jabatan Agama juga turut terlibat untuk menasihatkan bukan sahaja agensi pekerja asing ini, tetapi tanggungjawabnya lebih kepada tanggungjawab sebagai majikan. Dan, mereka sentiasa dipantau dan sebagai seorang majikan, mereka mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang seperti berikut :

1. Sebenarnya majikan hendaklah memastikan bahawa pekerja rumah asing yang bekerja ditugaskan untuk membuat kerja-kerja domestik sahaja dan sebenarnya ini tidak termasuk mencuci kereta. Itulah antara kriteria yang ditetapkan untuk pekerja rumah asing.

2. Majikan wajib menyediakan kemudahan bilik ataupun tempat tinggal yang sesuai kepada pekerja rumah asing termasuk kemudahan asas, makanan yang berkhasiat serta waktu rehat yang secukupnya.

3. Majikan bukan Islam yang menggaji pekerja rumah asing yang beragama Islam mestilah menghormati sensitiviti agama pekerja asing ini dengan membenarkan melakukan ibadat seperti sembahyang lima waktu, berpuasa ketika bulan Ramadhan, tidak disuruh melakukan kerja-kerja rumah yang bertentangan dengan agama Islam khususnya untuk mengendalikan anjing dan khinzir.

Dan juga majikan perlu mengambil maklum bahawa perkara-perkara seperti ini tidak boleh dilakukan oleh pekerja rumah asing semasa memegang pas lawatan kerja sementara. Antaranya ialah :

1. Pekerja rumah asing tidak dibenarkan berkahwin dengan rakyat tempatan atau warga asing di Malaysia semasa memegang pas lawatan kerja sementara. Ini sebenarnya tanggungjawab majikan dan bukan agensi swasta.

2. Majikan juga tidak dibenarkan membenarkan pekerja rumah asing ini membuat permohonan permit masuk semasa memegang pas lawatan kerja tersebut.

3. Selain daripada itu juga, majikan kena pastikan bahawa pekerja rumah asing ini tidak bertukar pekerjaan atau sektor atau bertukar majikan tanpa kebenaran daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

4. Lanjutan tempoh pas lawatan kerja hendaklah dikemukakan kepada mana-mana Pejabat Imigresen tiga bulan sebelum tarikh tamat pas lawatan tersebut. Ini juga adalah tanggungjawab majikan sebenarnya.

5. Majikan juga bertanggungjawab kepada rawatan perubatan pekerja rumah asing semasa dalam tempoh pas lawatan kerja.

6. Majikan juga bertanggungjawab melaporkan kepada Jabatan Imigresen sekiranya pekerja rumah asing itu meninggal dunia, hilang atau melarikan diri daripada tempat sepatutnya beliau bekerja.

7. Majikan atau agensi pekerjaan juga tidak dibenarkan untuk memukul atau melakukan apa-apa perbuatan yang mendatangkan kecederaan kepada pekerja rumah asing.

   Dan dalam kes-kes yang tertentu, Jabatan Imigresen mempunyai hak untuk membatalkan kelulusan yang diberikan. Jabatan Imigresen juga mempunyai kuasa untuk memindahkan pekerja rumah asing yang dianiayai oleh majikan asal kepada majikan baru yang layak atas dasar kemanusiaan walaupun tanpa persetujuan majikan asal. Dan juga, majikan yang telah diberi kelulusan tetapi gagal mematuhi syarat-syarat Jabatan Imigresen seperti ini juga boleh disenaraihitamkan daripada mendapat kemudahan pekerja asing pada masa-masa yang akan datang.

Jadi, berdasarkan kepada isu-isu yang saya bangkitkan tadi, sebenarnya memang tindakan menasihati majikan dan juga agensi pekerja asing sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Terima kasih.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Sebenarnya bagi Senai masalah pekerja asing ini bukan salah satu masalah tentang buruh sahaja. Saya berpendapat bahawa daripada jawapan yang diberi oleh EXCO tadi nampaknya pekerja asing khasnya pembantu rumah yang bekerja di negeri kita atau negara Malaysia ini langsung tiada hak asasi walau pun mereka dapat sekurang-kurangnya gaji yang dijamin di negara kita dan juga tempat duduk di rumah majikan dia, dapat makanan tetapi Senai hendak tahu macam mana pegawai Imigresen menguatkuasa kalau ada majikan menyalah guna kuasa mereka? Khasnya apabila ada pembantu rumah tidak di izin ambil hari cuti. Sekurang-kurangnya semua pekerja asing khasnya pembantu rumah di izin boleh mengambil satu hari cuti itu, hari minggu sekurang-kurangnya. Tetapi nampaknya ramai pekerja asing yang bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia langsung tidak dapat hari cuti ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Dan, selain daripada itu Senai juga nak sebut nak bangkit satu isu yang amat penting bahawa buat masa ini sampai hari ini, warga Indonesia yang sudah lama datang Malaysia untuk cari makan nak bekerja sebagai pembantu rumah sekarang pun tidak minat datang Malaysia lagi. Kenapa? Beberapa bulan yang lalu saya pergi melawat ke Taiwan, bertemu dengan seorang warga Indonesia yang bekerja dekat Taipei. Dia bertemu dengan saya dan kawan saya nampaknya warga Malaysia berbual dengan kami dia kata, oh sekarang walau pun Malaysia bagi saya, menawar saya kerja dekat Malaysia saya pun tak nak pergi. Kenapa? Kerana kebajikan mereka tidak di jaga di negara kita. Itu saya hendak tahu macam mana negeri kita dan kerajaan persekutuan atau negeri Johor menambah baik atau hendak ubah balik nama negara kita untuk mempertahankan nama kita di masyarakat antarabangsa. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok. Yang Berhormat. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senai ini sebenarnya ialah *isolated case*. Kes-kes terpencil dan kes-kes penderaan kepada pekerja rumah asing ini bukannya dikatakan *rampant* berlaku di Malaysia. Dan, kita juga pernah terbaca beberapa kes di mana majikan yang sebenarnya menganiaya pekerja asing ini di ambil tindakan mahkamah, pernah di caj di mahkamah dan sebagainya. Jadi, isu mengatakan bahawa tidak ada pembelaan kepada pekerja rumah asing ini adalah sesuatu yang mungkin tidak boleh kita setuju. Pada masa yang sama juga terdapat banyak agensi-agensi yang sebenarnya dari segi apabila berlakunya sesuatu kes jenayah ke atas seseorang, saya rasa agensi-agensi seperti PDRM, agensi-agensi seperti Imigresen dan sebagainya mereka tidak lihat sama ada dia pekerja asing atau pun tidak, tindakan tetap diambil. Jadi, isu mengatakan bahawa terdapat kes-kes seperti ini saya rasa kita tidak boleh setujulah. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Satu ketika dahulu kawasan gugusan pulau-pulau di Mersing telah di canangkan akan dipromosikan sebagai *Caribbean Of The East*. Sejauh manakah inisiatif ini telah dilaksanakan.

YB Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak dinafikan bahawa pada satu ketika dahulu sememangnya terdapat cadangan untuk membangunkan bandar Mersing dan gugusan pulau-pulau Mersing sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan menjadikan Kepulauan Caribbean sebagai aspirasi pembangunan. Walau bagaimanapun, cadangan pembangunan ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan ketidaktentuan keadaan ekonomi ketika itu.

Sungguhpun, cadangan pembangunan ini tidak dapat dilaksanakan namun usaha-usaha untuk mempromosikan pulau-pulau di perairan Mersing sebagai daya tarikan pelancongan sememangnya giat dilaksanakan secara berterusan oleh kerajaan negeri melalui pelbagai agensi yang berkaitan. Ini kerana pulau-pulau di perairan Mersing bukan sahaja mempunyai keunikan dan keindahan yang tersendiri tetapi juga kaya dengan pelbagai habitat serta kehidupan marin yang berpotensi untuk menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara ke negeri Johor khususnya para penyelam.

Bagi memastikan keindahan, keunikan dan habitat serta kehidupan marin yang terdapat di kepulauan Mersing dapat dipelihara dan terus menjadi daya tarikan pelancong maka kerajaan negeri pada tahun 1994 telah mewartakan 13 buah pulau di perairan Mersing sebagai Taman Laut Malaysia yang kemudiannya pada tahun 2010 diwartakan pula di bawah Taman Negara Johor Kepulauan Mersing. Selaras dengan usaha untuk menjadikan pulau-pulau di perairan Mersing sebagai destinasi pelancongan yang lebih komersial maka pada 15 Ogos 2013 pulau-pulau ini telah diberi penjenamaan semula dan kini dikenali sebagai Taman Laut Sultan Iskandar.

Bersempena dengan penjenamaan semula dan pengisytiharan pulau-pulau di perairan Mersing sebagai Taman Laut Sultan Iskandar, kerajaan negeri melalui Perbadanan Taman Negara Johor telah menguatkuasakan beberapa peraturan baru seperti mengenakan yuran menyelam, yuran konservasi dan tidak membenarkan sebarang aktiviti terutamanya aktiviti memancing dilakukan di dalam lingkungan 2 batu nautika dari titik air surut di daratan menuju ke laut. Selain itu, Perbadanan Taman Negara Johor juga sedang mengumpul data berkenaan habitat dan hidupan marin yang terdapat di dalam Taman Laut Sultan Iskandar untuk diterbitkan di dalam bentuk risalah atau cakera padat dan juga dimasukkan di dalam portal Perbadanan Taman Negara Johor. Di samping itu juga Perbadanan Taman Negara Johor sedang berusaha mengenal pastikan lokasi-lokasi baru bagi tujuan aktiviti menyelam.

Sungguhpun terdapat peraturan-peraturan baru yang dikuatkuasakan namun ia bukanlah penghalang untuk menarik kedatangan pelancong ke Taman Laut Sultan Iskandar. Sebaliknya saya merasakan dengan adanya peraturan ini ia dapat membantu menarik kedatangan pelancong secara berterusan untuk satu jangka masa panjang kerana kita dapat mengekalkan keindahan, keunikan serta hidupan marin yang sememangnya menjadi daya tarikan pelancong ke Taman Laut Sultan

Iskandar. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor secara berterusan akan mempertingkatkan usaha untuk mempromosikan Taman Laut Sultan Iskandar sebagai salah satu daya tarikan pelancongan di negeri Johor ini. Antara usaha-usaha promosi yang dilaksanakan adalah :-

1. Penyebaran maklumat menerusi pameran pelancongan di dalam serta di luar negara.
2. Menjalinkan kerjasama pintar dengan beberapa syarikat produksi dari luar negara seperti Guangdong TV Production dari China yang telah membuat penggambaran pada 11 – 30 Mei 2015 yang lalu di beberapa lokasi menarik di negeri Johor termasuk di Taman Laut Sultan Iskandar bagi rancangan *Million Dollar Baby*, dengan izin.
3. Menganjurkan produk *farm-trip* dengan izin, kepada agensi pelancongan dan media dari dalam serta luar negara.

Justeru itu saya merasakan bahawa aktiviti konservasi dan pelancongan perlu bergerak seiringan bagi terus menjadikan Taman Laut Sultan Iskandar sebagai salah satu destinasi pilihan pelancong apabila mengunjungi negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya apakah tarikan pelancongan yang berpotensi untuk dipromosikan sebagai produk pelancongan sokongan di Mersing selain kepulauan di Taman Laut Sultan Iskandar? Kerana saya rasa kita perlukan ada satu pakej bukan hanya sekadar untuk membawa pelancong-pelancong ke pulau-pulau tetapi juga boleh di pakejkan juga dengan apa yang ada di darat. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput. Soalan ini dah lari dari tajuk asal.

YB Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang atas soalan yang dikemukakan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri menerusi pelan induk pelancongan negeri Johor 2014 hingga 2023 telah mengenal pasti daerah Mersing dan gugusan kepulauan Taman Laut Sultan Iskandar dikategorikan sebagai kasta pembangunan pelancongan yang dinamakan *Marine and Island Escapade* dengan izin, selain zon tarikan *Marine* dan pulau yang merangkumi enam pulau utama yang menjadi tarikan utama pelancong, zon aktiviti sokongan telah pun di garis dan dikenal pasti. Antaranya termasuk pantai Tanjung Leman, Pantai dan Homestay Air Papan, Air Teluk Buih, Pantai Teluk Gorek, Pantai Penyabung dan juga Hutan Rekreasi Gunung Arung yang berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai produk sokongan kepada produk kepulauan. Koridor Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur atau ECER telah memasukan daerah Mersing sebagai sebahagian daripada perancangan jangka masa panjang bagi melihat pembangunan dalam sektor ekopelancongan selain menaik taraf kemudahan asas pelancongan seperti jeti-jeti di kepulauan Mersing. ECER telah melaksanakan projek kajian ekopelancongan Taman Negara Endau Mersing bagi membantu merancakkan lagi aktiviti ekopelancongan di daerah Mersing tersebut. Taman Negara Endau Rompin yang terletak di daerah Mersing merupakan antara hutan tropika yang tertua di dunia. Berbagai usaha pemeliharaan

telah dijalankan oleh pihak kerajaan menerusi Perbadanan Taman Negara Johor telah berjaya mengekalkan keindahan flora dan fauna Taman Negara tersebut untuk terus menarik para pelancong yang berminat terhadap alam semula jadi. Malah, kerajaan negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan *Tourism* Malaysia Johor akan terus mempromosikan pakej-pakej ekopelancongan di taman negara tersebut. Di samping itu produk makanan juga merupakan suatu tarikan yang mampu menarik pelancong. Mersing adalah terkenal dengan Nasi Dagang, keropok ikan, otak-otak Endau, ikan dan sotong kering serta produk-produk berasaskan hasil laut yang sentiasa menjadi kegemaran pelancong semasa berkunjung ke Mersing.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenggaroh, jemput.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, sejauh manakah projek-projek pembangunan pelancongan yang dirancang oleh kerajaan di Mersing dapat memanfaatkan rakyat Mersing? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput. Ini dah pergi ke Mersing pulak bukan pulau-pulau lagi dah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh atas soalan yang dikemukakan. Mersing memang kawan saya baik, Mersing juga luar biasa, ada dua Latip dan juga satu daerah yang terkenal. Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Apa kaitan ada dua Latip ni? (Dewan ketawa). Jemput, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Kawan baik, kawan baik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah pun membentangkan dalam bajet beberapa hari yang lalu bahawa sejumlah RM 12.7 juta telah diluluskan untuk API 1 atau *rolling plan 1*, dengan izin, di bawah RMK-11 bagi pembangunan Taman Pemprosesan Ikan Endau-Mersing dan pembangunan pelancongan inap desa atau *homestay*, dengan izin di daerah Mersing. Usaha ini dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada pengusaha tempatan yang berorientasikan industri produk berasas hasil laut. Usaha ini dapat selari dengan sasaran pelan pertubuhan strategik Johor yang ingin meletakkan Mersing sebagai destinasi pelancongan serantau maka prasarana pelancongan Mersing akan dibangunkan secara menyeluruh. Projek pembangunan insan iaitu projek *Mpower* yang diperkenalkan oleh ECERDC seperti pusat pembinaan dan penyelenggaraan bot serta pembinaan medan ikan bakar di Sungai Endau mampu meningkat status sosioekonomi penduduk tempatan malah dapat memperkukuh peranan serta kedudukannya dalam sektor pelancongan.

Selain itu projek *rain forest to live* oleh ECER yang akan membawa Taman Negara Endau-Rompin ke arah produk ekopelancongan bertaraf antarabangsa akan meningkat penduduk setempat khususnya golongan Orang Asli Peta. Di samping itu pembangunan pusat SME bagi mendukung usahawan kecil di Mersing juga telah mendapat kelulusan sebanyak RM10 juta. Ini adalah usaha bagi menggalakkan penglibatan orang tempatan di dalam menyediakan produk sampingan atau ole-ole

kepada pelancong. Setakat ini seramai 96 usahawan Mersing telah mendapat manfaat daripadanya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Hj. Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta penjelasan tentang pelan tindakan yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam Johor dalam membantu pelajar-pelajar Johor yang belajar di luar Negara yang terkesan dengan kejatuhan wang ringgit Malaysia.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan yang diajukan kepada saya iaitu mohon penjelasan tentang pelan tindakan yang dimainkan oleh Majlis Islam Agama Islam Negeri Johor di dalam membantu pelajar-pelajar Johor yang belajar di luar negara khususnya dalam pengajian Islam di Mesir dan Jordan yang terkesan dengan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Machap. Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor telah pun mengambil tindakan awal bagi membantu pelajar-pelajar bantuan zakat. Majlis Agama Islam Negeri Johor yang berada di luar negara iaitu di negara Mesir dan Jordan bagi meringankan beban yang ditanggung disebabkan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia ketika ini. Pada bulan Ogos yang lalu, Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui mesyuarat, telah meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM2.5 juta bagi membantu pelajar-pelajar ini. Pelajar-pelajar pengajian Islam akan menerima tambahan bantuan adalah seperti berikut:

1. Pelajar pengajian Islam di Mesir tambahan sebanyak RM3,000.00 iaitu sekali sahaja dikira sebagai *one shot* dan juga di mana bantuan dermasiswa yang sedia ada telah pun diberikan RM6,000.00 setahun, jadi dicampurkan keseluruhannya sebanyak RM9,000.00 setahun.

2. Pelajar Pengajian Islam di Jordan tambahan RM5,000.00 sekali sahaja, *one-off* sahaja iaitu bantuan dermasiswa sedia ada sebanyak RM8,000.00 bermakna jumlahnya ialah RM13,000.00 setahun.

Manakala pelajar bidang perubatan, pergigian dan juga farmasi akan menerima bantuan berikut dalam bentuk pinjaman sebanyak RM10,000.00 tambahan sama ada yang sedang menuntut di Mesir atau pun di Jordan, tambahan pinjaman yang sedia ada RM30,000.00 setahun iaitu jumlah keseluruhannya sebanyak RM40,000.00 pada tahun itu.

Melalui inisiatif ini, seramai 389 orang pelajar di Mesir dan Jordan akan menerima bantuan dengan perbelanjaan tambahan sebanyak RM2.5 juta bagi tahun 2015 sebagaimana pecahan berikut :

1. Pelajar Pengajian Islam seramai 223 pelajar dan pelajar perubatan di Mesir dan Jordan seramai 166 pelajar. Di mana keseluruhannya iaitu lebih kurang 389 orang pelajar.

Selain daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor telah meletakkan seorang pegawai hal ehwal pelajar yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk mengambil perhatian dan juga menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang ditaja oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk membantu kebajikan mereka dan selain daripada itu juga menyeliakan aset-aset Majlis Agama Islam Negeri Johor yang ada di Mesir. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, bila berlaku penurunan atau kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia, kita melihat bahawa berlaku penambahan dari segi mata wang kita untuk sesuatu pembiayaan. Contohnya anak-anak kita belajar di Mesir atau di Jordan, bila nak balik ke Malaysia atau pergi belajar semula ke Jordan atau Mesir akan melibatkan pertambahan dari segi kos tambang, kemudian sara hidup, pembayaran yuran semester di sana dan makan minum. Jadi, sebagaimana tadi yang telah disebut oleh EXCO Agama, adakah tambahan ini berterusan atau pun tambahan ini akan ditarik balik sekiranya keadaan mata wang kita stabil maka tambahan itu tidak akan diteruskan atau pun ada ura-ura, atau pun ada usaha untuk menambahkan sara tetap, peruntukan atau pun biasiswa kepada pelajar-pelajar ini atau pun mungkin juga ada cara lain misalnya Majlis Agama Islam Negeri Johor membeli bangunan di Jordan atau Mesir yang boleh menempatkan pelajar-pelajar kita di hostel dengan tidak dikenakan bayaran atau mengenakan bayaran yang murah kepada pelajar-pelajar di sana atau juga mungkin boleh memainkan peranan untuk membantu pelajar-pelajar mencari kerja sambilan di Mesir atau pun di Jordan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker dan terima kasih di atas soalan tambahan yang diberikan. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa komited untuk membantu pelajar-pelajar di bawah tajaan pelajar sama ada pelajar yang mengikuti pengajian Islam yang mendapatkan peruntukan bantuan pelajaran itu melalui Asnaf Fisabillilah manakala pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian perubatan dan juga farmasi, mereka mendapat pinjaman melalui konsep Qardul Hassan melalui peruntukan Baitulmal. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa peringkat awal yang kita lihat pada hari ini melalui nilai kejatuhan nilai Ringgit Malaysia pada hari ini maka dengan sebab itu majlis mengambil tindakan segera untuk membantu pelajar-pelajar yang dapatkan bantuan fisabilillah dan juga pinjaman Qardul Hassan ini dan insya-Allah mungkin sekiranya kita melihat kejatuhan nilai Ringgit ini berterusan di masa akan datang, kita juga akan terus membantu pelajar-pelajar sebab kita tidak mahu pelajar-pelajar yang sedia ada yang telah pun belajar di sana, khususnya pelajar-pelajar yang berada di tahun 3, tahun 4, mungkin sekiranya bantuan ini tidak diteruskan, walaupun saya katakan tadi bahawa secara *one off* tadi, tetapi sekiranya kita tidak bantu mereka mungkin menimbulkan masalah yang lain, mungkin mereka tidak dapat meneruskan

pengajian mereka dan mungkin ada timbul lagi perkara-perkara yang lain yang mungkin akan menyusahkan kedua belah pihak pelajar dan juga keluarga mereka di negara kita hari ini.

Selain daripada itu ada pendekatan yang lain yang kita usahakan khususnya di negeri Jordan, sebab di negeri Jordan ini agak berbeza sedikit di Mesir walaupun berlakunya kejatuhan nilai Ringgit dibandingkan pelajar di Mesir dan di Jordan, pelajar di Jordan ini amat ketara sebab selain daripada itu isunya ialah sewaan rumah bagi pelajar-pelajar yang menyewa rumah itu agak tinggi kerana dia ada isu yang lain iaitu di Jordan seperti kerana mereka menerima pelarian-pelarian daripada Syria yang mana mereka datang, pelarian-pelarian ini menyewa rumah dengan harga *demand* yang tinggi, dengan harga yang tinggi, permintaan yang tinggi menyebabkan banyak rumah-rumah yang mereka, tuan rumah itu menaikkan harga yang tinggi. Jadi, di sini kita ada satu perkara yang perlu kita lihat. Maka itu sebab tadi yang sebagaimana saya nyatakan bahawa di Jordan ini kita berikan agak lebih sedikit bantuan *one-off* itu tadi.

Selain daripada itu pendekatan yang kita buat melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor iaitu kita akan membeli atau pun membina sebuah rumah atau pun asrama kepada pelajar Jordan sebab buat masa ini kerajaan negeri Johor belum ada lagi, atau pun mana-mana agensi dalam kerajaan negeri Johor yang belum lagi membuat asrama di negeri Johor berbeza di Mesir, kita ada dua buah asrama yang pertama Haiyyu Thamin iaitu ditaja oleh Yayasan Pelajaran Johor dan juga rumah yang baru dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tunku berapa tahun yang lalu di Raba'ah yang dibiayai sepenuhnya melalui skim saham wakaf pendidikan Johor dan kosnya lebih kurang dalam RM10 juta. Jadi, yang telah diputuskan di dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Johor kita juga akan membeli atau pun membina sebuah asrama wakaf kerajaan negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor di tempat yang mana pelajar telah dikenal pasti khususnya di Mu'tah di Jordan di mana ramai pelajar-pelajar Johor yang sedang mengikuti pengajian di Mu'tah di mana kosnya sebelum ini telah pun kita kira lebih kurang RM8 juta. Dan, apabila kejatuhan nilai Ringgit maka nilainya telah bertambah lebih kurang RM10.5 juta. Jadi, kita pun telah wujudkan tabung ini dan kita dah pun menerima sumbangan-sumbangan wakaf daripada orang ramai khususnya di negeri Johor dan saya melalui Dewan yang mulia ini, juga menyerulah kepada Wakil-Wakil Rakyat yang mungkin ada kelebihan bolehlah membantu juga memberi sumbangan kepada anak-anak kita yang sedang mengikuti pengajian di Jordan khususnya.

Dan, kaedah perlaksanaan itu pun telah kita putuskan bahawa kita sekarang ini dah ada tabungan saham wakaf itu tadi ya. Jadi, oleh kerana kita bimbangkan kos ini mungkin akan bertambah dari masa ke semasa maka kita juga telah mengambil keputusan supaya pihak majlis menggunakan dahulu peruntukan fisabilillah daripada zakat tadi untuk membeli dahulu di samping itu meneruskan lagi kutipan saham wakaf itu sehinggalah saham wakaf itu dapat menampung keseluruhan kos yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, daripada penjelasan yang dinyatakan tadi saya difahamkan bahawa

bantuan-bantuan ini adalah untuk pelajar-pelajar tajaan MAIJ, benar ya? Jadi masalah kejatuhan wang ringgit ni bukan sahaja melibatkan mereka yang ditaja tapi lebih ramai lagi anak-anak Johor yang belajar di luar negara terutama di Mesir dan Jordan ini yang tidak ditaja oleh MAIJ. Jadi, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh MAIJ untuk membantu mereka ini jika mereka memohon bantuan dan selain itu, dari segi bantuan-bantuan yang diberi ini, selain daripada kepada pelajar dalam bentuk kewangan dan kemudahan asrama, adakah juga bantuan diberi kepada persatuan-persatuan di sana kerana mereka juga memerlukan dana untuk menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan untuk kebajikan dan kebaikan anak-anak kita di Johor ini. Begitu juga seterusnya, ada juga rungutan yang mengatakan bantuan ini tidak disalurkan dengan seadil-adilnya terutama dalam kemudahan kewangan, wang zakat, kemudahan asrama dan kemudahan pejabat. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kepada Yang Berhormat Maharani. Terima kasih Tan Sri Speaker. Berkaitan dengan tajaan tadi, sebab sejak saya mula sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama, saya telah mengubah kaedah bantuan kepada pelajar-pelajar khususnya di Mesir, khususnya di Mesir sebab kita melihat, kita juga melihat dari segi kewangan Majlis Agama Islam dan juga di mana taburannya kita nak bantu, kita utamakan yang terutama. Di mana kaedah yang telah kita perkenalkan iaitu setiap pelajar-pelajar yang ingin mengikuti pengajian Islam yang telah mengikuti syarat-syarat yang berikut:

1. Dulu kita gunakan kaedah, setelah mereka naik ke Tahun Tiga, mereka boleh dapat bantuan Majlis. Tapi sekarang ini kita gunakan, mereka boleh masuk daripada Tahun Satu. Tetapi ada syarat-syaratnya, mereka mengikuti pengajian, yang disebut sebagai mereka mempunyai Sijil Tinggi Agama (STAM) yang berpangkat Jaiyit ke atas dan kemudian itu mengikuti Program Daurah, iaitu markas bahasa, pengajian bahasa di Marsah dan setelah itu, setelah mereka pergi ke Mesir, mereka telah melalui satu proses temu duga, iaitu Intihan Qabul ataupun Muqabalah, dan mereka lulus dan mereka layak masuk ke Tahun Satu. Maka di situlah Majlis Agama Islam Negeri Johor akan bantu pelajar ini. Itu yang saya berikan satu bentuk mekanisme yang kita cuba bantu pelajar-pelajar. Dulu Tahun Tiga baru boleh mohon, sekarang daripada Tahun Satu mereka dapat Jaiyit, mereka layak untuk memohon.

2. Dan begitu juga pelajar perubatan, kita memang letakkan sebab dia sistem kaedah pinjaman Qarbul Hassan sejak dari Tahun Dua. Bila mereka naik aje Tahun Dua, baru mereka layak untuk memohon.

Dan selain daripada itu juga, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin ada di kalangan pelajar-pelajar yang mereka ni pergi belajar di atas tajaan *fama,* dengan izin, *fama* ni mungkin orang tak tahu, ingatkan pertubuhan pertanian, tidak. Ini adalah *fama* ni adalah *father and mother*. Maknanya, ibu bapa mereka yang menaja, keluarga, tajaan keluarga. Tetapi sebenarnya kriteria pemilihan untuk kita beri bantuan Majlis, fi sabillillah ni, walaupun mereka fi sabillillah, saya faham fi sabillillah ni siapa-siapa pun, orang kaya ke orang susah atas fi sabilillah. Tetapi melihat kepada keperluan dan kekangan kewangan kita, kita sediakan sebab fi sabilillah ni dia ada

pecahannya sebanyak 7 pecahannya yang lain. Kita kena ingat fi sabillillah ni bukan orang yang pergi belajar agama sahaja, orang yang berdakwah, orang yang, guru-guru agama termasuk elaun imam, termasuk juga apa yang disebut sekolah-sekolah agama, sekolah Arab, itu semua termasuk fisabilillah. Dia ada 7 pecahan ya. Jadi itu sebab.

Jadi bila kita pecahkan tadi untuk menaja pelajar-pelajar ke Mesir ini juga kita melihat kalau kadar kemampuan keluarga mereka, mereka ini dilihat daripada segi pendapatan mereka, mereka mampu untuk menyara anak-anak mereka belajar di sana, mereka tidak akan dapat. Kita akan cari mereka yang lebih susah daripada itu. Tetapi saya juga menerima pandangan daripada Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Maharani, saya akan bawa perkara ini, mungkin ada kaedah ataupun mekanisme yang lain, kita carikan juga macam mana cara kita bantu juga mereka-mereka ini dalam bentuk *one-off* lah. Mungkin kalau akan datang kita lihat keadaan kedudukan ringgit ni kembali mengukuh, mungkin kita akan hentikan, tetapi sekiranya kedudukan seperti ini masih berlarutan, kita akan cari pendekatan untuk mereka-mereka yang tidak dapat bantuan ini kita dapat bantu dengan cara mekanisme yang lain. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan-soalan lisan yang belum dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2016) TAHUN 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan 2016 Tahun 2015 disambung semula. Tapi sebelum itu saya ingin nak mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya, kita ada dua hari aje, hari ni dan esok insya-Allah, saya berharap kerjasama dan timbang rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila ditegur untuk berhenti, berhentilah. Pasal kita ada 25, 26 orang lagi yang belum mengambil bahagian dalam ucapan ni. Jadi, saya dan juga nanti Timbalan Speaker akan menentukan supaya seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat dapatlah berucap. Kalau tak panjang pun, pendek supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan-kawasan, Wakil Rakyat di kawasan akan dapat mengemukakan kalau ada masalah-masalah di kawasan masing-masing. Jadi, saya berharap kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya dapat mematuhi arahan saya berdua untuk kita memberikan ruang kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berucap.

Sebelum saya memanggil untuk menyambung ucapan daripada Bukit Batu, saya ingin memaklumkan bersama-sama kita pada pagi ni ialah rombongan pelajar-pelajar graduasi Sekolah Aminudin Baki Johor seramai 11 orang. Ini daripada kawasan DUN Kempas. Yang Berhormat Bukit Batu, saya jemput untuk menyambung sedikit lagi ucapan. Jemput.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih, Tan Sri Speaker kerana benarkan untuk saya berucap dua hari berturut-turut. Mohon kita *restart the clock* boleh Tan Sri Speaker?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Tan Sri Speaker, saya sambung. Senang kata, krisis air ini mesti diselesaikan secepat mungkin dan dengan lebih pentingnya, saya harap insiden sebegini ini tidak lagilah boleh berulang pada masa depan yang terdekat.

Tan Sri Speaker, beberapa hari terdahulu ada seorang Yang Berhormat dalam Dewan ini telah mempertikaikan penggunaan Bahasa Inggeris dalam satu program tajaan kerajaan negeri Johor. Adalah pendirian saya dan pandangan saya bahawa sebenarnya ini tidaklah patut dijadikan apa-apa isu. Bagi saya, saya rasa orang Malaysia ni cerdik. Kita boleh fasih dalam bukan satu, dua, kadang-kadang tiga bahasa juga. Ini tidak bermakna kalaulah kita fasih dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa ibunda, itu tidak bermakna, kita tidak boleh fasih dalam bahasa Melayu. Dan kalau kita fasih dalam bahasa Inggeris, tidak bermaknanya kita ni kurang patriotik atau kurang ke Malaysia-an, kalau ada perkataan sebeginilah.

Tan Sri Speaker, kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan. Saya hormat dan saya setuju, *saya put on record*. Dan, kegunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan juga telah diperluaskan di bawah Akta Bahasa Kebangsaan. Di Dewan ini juga, di bawah Peraturan Tetap Nombor 5 juga tertakluk bahawa penggunaan bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dalam Dewan ini. Oleh itu, tak payahlah kita takut atau bimbang sekiranya penggunaan bahasa Inggeris itu digalakkan. Tidak semestinya katalah kalau kita guna lebih banyak bahasa Inggeris bermakna kegunaan atau penggunaan bahasa Melayu itu akan dikurangkan. Dengan izin Tan Sri Speaker, penggunaan bahasa bukanlah satu *zero sum game*. Bukannya bermakna kalaulah kita guna ini, terus bermakna kekurangan dalam satu bahasa lagi.

Malah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri telah memberi jawapan kepada Dewan ini bahawa kita lagi perlu menggiatkan usaha kita untuk menarik lebih banyak pelabur atau FDI dan telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat bahawa nombor satu pelabur dalam Wilayah Iskandar adalah daripada Amerika Syarikat, nombor dua adalah dari Jepun. Macam mana kita nak berunding, berniaga, nak menarik pelabur kalau kita tidak fasih dalam bahasa Inggeris yang merupakan satu bahasa perdagangan, informasi dan satu bahasa global. Kita kena terima hakikat ini Tan Sri Speaker. Kalaulah bahasa Inggeris kita tidak bagus, memang kita akan menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan negara-negara lain untuk pelabur FDI.

Dan Tan Sri Speaker, sebenarnya saya nampak hari ni standard, dengan izin, bahasa Inggeris di Malaysia ni amat menyedihkan. Ia sudah merosot. Saya beri contoh. Beberapa hari terdahulu, pada *ASEAN Summit* ke 27, ada satu *electric billboard* di Kuala Lumpur, dia letak, '*Welcome To The President of USA Barrack Obama*'. Ini dia terus *translate* daripada *google translate, 'Welcome to the President of USA Barrack Obama'*. Sebenarnya kalau guna Bahasa Inggeris yang betul kita boleh tulis, '*Malaysia Welcome President of United State of America Barrack Obama'*. Benda ni diletakkan dalam *facebook, posting facebook*, bermakna bukan sahaja orang Malaysia, satu dunia nampak benda ni. Dan semalam pula, juga keluar *facebook* lagi,

di Parlimen kali ini, dalam menu ditulis *scissors salad, scissors* gunting. Sebenarnya apa yang bermaknanya ialah *Ceaser Salad* dan nama Julia *Ceasar* iaitu seorang Maharaja Tamadun Rom. Bukannya *scissor,* gunting. Tapi benda kalau sebegini tidak dikawal, dia akan membawa persepsi yang sangat negatif bukan sahaja untuk negara kita tapi dari segi antarabangsa. *So*, saya harap kerajaan ni patutlah prihatin dan kita kena terima hakikat penggunaan bahasa Inggeris adalah sangat penting. Dan saya masih ingat lagi Tan Sri Speaker, bila saya belajar sekolah rendah, saya belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Kulai 1. Masa tu pada 80an, saya terus terang *standard* bahasa Inggeris kita memang bagus. Kalau bandinglah buku anak-anak saya sekarang, memang jauh. Saya bukan kata bahasa Melayu itu tidak penting, saya masih pegang kita patut menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan kerajaan, tetapi janganlah kita abaikan penggunaan bahasa Inggeris demi isu-isu perkauman atau politik. Itu tak wajib Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, lanjutan daripada kenaikan kos sara hidup yang telah saya sentuh dalam ucapan ini, salah satu aspek lagi yang saya rasa patut mendapat perhatian kerajaan ini adalah dari segi sektor kesihatan dan kos perubatan. Baru-baru ini telah diumumkan bahawa kerajaan Malaysia berhasrat untuk menandatangani perjanjian TPPA, atau dengan izin, *Trans Pacific Partnership Agreement* dan sekali gus menjadi ahli Gabungan Perjanjian Ekonomi (PEC). Ini yang melibatkan beberapa negara di rantau Asia Pasifik termasuk Amerika Syarikat menjelang tahun 2018. Adalah menjadi bimbangan saya bahawa sekiranya Malaysia menjadi ahli gabungan ekonomi PEC TPPA ini, kos perubatan akan melonjak. Saya difahamkan ini adalah sebab banyak ubat-ubat terutamanya yang lebih mahal dan yang digunakan untuk rawatan penyakit serius seperti dalam penyakit kanser atau tumor akan mendapat, dengan izin*, intellectual property right protection* ataupun akan di paten di Malaysia, dan hak paten ini akan dipegang oleh farmaseutikal gergasi di Amerika Syarikat. Dengan monopoli yang mereka ada kemungkinan besar, dan memang tiada halangan dari segi pasaran bebas untuk mereka menaikkan harga ubat-ubat tertentu. Dalam keadaan sebegini saya percaya ramai rakyat akan berhijrah daripada sistem perubatan swasta iaitu klinik swasta dan hospital swasta ke klinik dan hospital kerajaan.

Dan, bila kos perubatan naik Tan Sri Speaker, kesan rantaiannya bermakna premium insurans juga akan naik sekali Tan Sri Speaker. *So,* soalannya sekarang hari ini adakah kerajaan sedia untuk menampung kenaikan pesakit? Yang lazimnya akan menggunakan kemudahan perubatan awam. Dalam Bajet 2016 saya teliti dan saya rasa tidak begitu puas hati dengan hanya umuman bahawa hanya satu pembinaan satu hospital awam di Pasir Gudang dan tiga klinik baru sahaja di negeri Johor. Saya rasa itulah tidak mencukupi dan saya lebih terkejut bila saya dapati di daerah Kulai, di daerah Kulai kita hanya ada satu hospital awam dan 15 klinik kerajaan untuk penduduk Kulai. Daripada 10 daerah di Johor Tan Sri Speaker, Kulai menduduki tempat terakhir. Tidak ada satu daerah lain yang mempunyai lebih sikit Klinik Kesihatan daripada daerah Kulai. Sememangnya daerah Mersing, daerah yang paling kurang penduduk. Penduduknya hanya tidak sampai 73,000 pada tahun 2015 juga mempunyai lebih Klinik Kesihatan daripada daerah Kulai, dia ada 21. Daerah Muar yang mempunyai penduduk hampir sama dengan daerah Kulai 261,000, dia di Muar dia ada satu hospital awam dan 61 Klinik Kerajaan. Kita di Kulai ada 1 hospital dan 15 klinik sahaja.

Justeru itu, saya harap kerajaan negeri boleh mengambil perhatian keperluan penduduk daerah Kulai untuk menambah lagi sumber manusia dan kewangan dan juga jumlah klinik, baik Klinik Desa atau Klinik 1Malaysia untuk memastikan rakyat Kulai juga mempunyai akses perubatan yang sempurna seperti daerah lain. Kerana memang saya sudah menerima banyak aduan daripada penduduk, keperluan untuk kita menaik taraf Hospital Temenggung Kulai yang nampaknya memang tidak dapat lagi menampung untuk jumlah penduduk Kulai yang kian menaik Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Bukit Batu. Gulung, sikit saja gulung.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Isu tempatan Tan Sri Speaker. Akhir sekali Tan Sri Speaker, akhir sekali saya juga hendak merakamkan penghargaan terima kasih tidak terhingga kepada agensi-agensi kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pejabat saya selama ini, khususnya saya hendak berterima kasihlah kepada pihak JPS dan JKR Kulai. Saya mewakili penduduk tempatan mengucapkan terima kasih kepada JKR Kulai kerana telah membaiki dan menaik taraf jalan persekutuan di kawasan Kampung Air Manis, Batu 30. Saya juga berterima kasih kepada JKR Kulai yang telah akhirnya menyempurnakan pembinaan lintasan jalan di hadapan Sekolah FELDA Bukit Batu yang telah dipohon oleh saya sejak tahun 2013. Mungkin lambat sikit tapi tidak apalah dapat juga akhirnya. Akhir sekali permintaan saya kepada JKR Kulai adalah ini. Adalah untuk meluluskan selekoh S di jalan persekutuan JB – Air Manis di Batu 23.4. Sudah banyak kali saya membangkit isu di dalam Dewan Tan Sri Speaker, tetapi dukacitanya masih tiada kerja perubahan.

Dalam Bajet tahun ini telah diumumkan sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan rangkaian jalan di negeri Johor. Tak akanlah Tan Sri Speaker, sedikit pun tak boleh di kasi untuk menyelesaikan masalah ini yang saya gelarkan sebagai satu zon maut. Baru-baru ini di bulan Ogos sahaja 2 orang penduduk tempatan di Kelapa Sawit, pekan Kelapa Sawit telah menjadi mangsa terbaru selekoh S tersebut. Seorang ibu dan anak perempuannya. Jalan di kawasan tersebut memang bahaya kerana banyak kenderaan berat guna jalan tersebut. Keadaan menjadi lebih bahaya bila hari hujan atau pun pada waktu malam bila *condition* jalan tu adalah lebih mencabar. Memang papan tanda yang sedia ada adalah tidak mencukupi. Saya tidak faham mengapa kita tidak boleh meluruskan sahaja jalan selekoh itu, anggaran saya kami hanya perlukan setakat 2 ekar tanah dari ladang kelapa sawit di sebelah jalan. Tidak sebiji rumah pun yang perlu di roboh dan kemungkinan besar banyak nyawa boleh diselamatkan. Tambahan juga masa perjalanan juga akan dipendekkan. Kalaulah kerajaan boleh guna Akta Pengambilan Tanah untuk membangunkan industri *oil and gas* di Pengerang apa salahnya ambil 2 ekar sahaja tanah YB EXCO.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Untuk kita luluskan selekoh S tu. Akhirnya saya harap permintaan penting ini mendapat perhatian dan tindakan segera pihak JKR dan kerajaan. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Bukit Batu. Saya persilakan Yang Berhormat Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Tenggaroh ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam rundingan membincangkan Bajet 2016.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu Tenggaroh ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang di Pertua Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2015. Tenggaroh juga ingin merakamkan sekalung tahniah ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor kerana berjaya membawa pasukan JDT menjuarai AFC Cup yang berlangsung di Tajikistan baru-baru ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2013 Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Khaled Nordin telah membentangkan Bajet 2014 yang bertema "Muafakat Pembangunan dan Pengagihan" yang cukup *detail* dari segala aspek dan juga satu bajet yang mempunyai surplus lebih daripada RM2 juta. Pada tahun 2014 Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan Bajet 2015 yang bertema "Membangunkan Johor Secara Inklusif" yang bertujuan memperbaiki taraf sosial ekonomi dan memberikan pelbagai kesejahteraan hidup secara adil, saksama dan menyeluruh. Pada tahun ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan Bajet 2016 yang bertema "Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor" yang bertujuan mengurangkan segala perbelanjaan yang tidak perlu meminimumkan pinjaman, meningkatkan pelaburan, melonjakkan produktiviti dan memodenkan sistem penyampaian kerajaan. Jelas daripada ketiga-tiga bajet ini menunjukkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin seorang pemimpin yang peka dengan arus nadi perkembangan ekonomi dunia dan negara yang selalu mementingkan rakyat semasa, khususnya rakyat Johor semasa membuat keputusan, sebarang keputusan. Tahniah juga harus diucapkan kepada Yang Amat Berhormat kerana Johor sekali lagi mencatatkan nilai pelaburan tertinggi di peringkat nasional iaitu sebanyak RM30 bilion sehingga September 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menggariskan 6 teras utama iaitu mengutamakan kesejahteraan rakyat, merancakkan pertumbuhan ekonomi Johor, menangani peningkatan kos sara hidup, merancakkan keusahawanan Johor berasaskan inovasi dan pengetahuan, mengangkat agenda Johor Lestari, meneruskan agenda pendidikan berkualiti dan pembangunan suaidaya insan. Sebelum ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memaklumkan sasaran untuk membina 46,000 unit Rumah Mampu Milik menjelang tahun 2018. Tetapi pada Bajet 2016 Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan penambahan sebanyak 14,000 unit lagi menjadikan jumlah sasaran adalah 60,000 unit menjelang 2019. Ini jelas menunjukkan Dato' Mohamed Khaled Nordin adalah seorang pemimpin dengan izin, *walks to talk* pada masa yang sama keselesaan rumah tersebut juga wajar diberi keutamaan tertinggi. Rumah tersebut tidak boleh terlalu sempit dan perlu mempunyai keluasan yang sewajarnya agar penghuninya selesa. Pujian juga harus diberikan kerana Rumah Mampu Milik Johor adalah antara yang terendah di negara kita. Sebelum ini ada juga rintihan daripada masyarakat Johor yang susah mendapatkan pinjaman wang daripada bank untuk

memiliki Rumah Mampu Milik Johor. Tetapi, dengan skim pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor yang diusahakan secara bersama dengan AmBank Islamic Berhad tiada lagi rintihan daripada masyarakat Johor. Ini jelas menunjukkan kerajaan Johor mendengar suara hati Johor. Langkah ini membuktikan betapa serius Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga untuk menjadikan kehidupan rakyat Johor lebih baik, lebih sejahtera dan lebih bermaruah. Melalui model perumahan rakyat yang holistik kebajikan majoriti rakyat akan terpelihara selaras dengan gagasan rakyat di dahulukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada Bajet 2015 buat julung-julung kalinya seorang Menteri Besar dalam bajet negeri memberi peruntukan kepada masyarakat India khususnya. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam beberapa langkah intervensi telah memastikan kepentingan masyarakat India terbela. Telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM4 juta untuk tahun 2015, untuk mencakupi aspek pendidikan, kebajikan dan membantu pembangunan usahawan masyarakat India. Pada Bajet 2016, program inklusif masyarakat India telah digandakan kepada RM6 juta iaitu peningkatan sebanyak 50% atau RM2 juta berbanding tahun lalu. Oleh yang demikian, sebagai seorang yang bersuara untuk masyarakat India Johor di Dewan yang mulia ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Khaled Nordin daripada ke seluruh masyarakat India Johor. Dengan pemberian peruntukan ini jelas menunjukkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar peka terhadap kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat India khususnya masyarakat India Johor. Untuk memastikan bantuan ini dirasai oleh lebih ramai masyarakat India Johor, ingin saya mencadangkan agar bantuan ini tidak diberikan kepada penerima yang sudah menerima bantuan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sektor pelancong merupakan penyumbang ketiga tersebar terhadap ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan kelapa sawit. Sektor ini banyak membuka peluang pekerjaan serta perniagaan. Industri pelancongan bukan sahaja menggalakkan penggiat industri ini mengembang luas perniagaan termasuk dalam sektor perkhidmatan yang menjana pendapatan dan aktiviti ekonomi negara. Tetapi turut menjadi jambatan hubungan antara rakyat dan rakyat. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menjelaskan bahawa pihak kerajaan telah mensasarkan kehadiran pelancong seramai 29 juta pelancong dengan pendapatan RM89 bilion pada tahun 2015 sempena penganjuran tahun festival *Myfairs* dengan izin. Hal ini disebabkan pelancongan menjadi penggerak utama tukaran wang asing melalui kedatangan pelancong asing, dapatlah sesebuah negara memperolehi kadar pulangan tukaran wang asing dengan mudah dan banyak.

Setiap pelancong membawa mata wang asing untuk berbelanja serta membayar kos penginapan selama menetap di sesuatu destinasi. Pelancong juga akan menggunakan kemudahan awam, membeli cenderamata, makanan, minuman dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti sebegini dapat menambahkan pendapatan negara seterusnya wang yang diperolehi oleh kerajaan dapat digunakan untuk pembangunan ekonomi, kemudahan-kemudahan pelancong dan pembangunan fizikal negara. Pelancongan juga membuka peluang pekerjaan yang lebih luas dalam sektor tersebut. Pelancongan merupakan antara industri yang memerlukan ramai tenaga kerja seperti pekerja hotel, pemandu pelancongan, pekerja kedai cenderamata, pekerja kedai kraf tangan.

Perkembangan industri pelancongan yang menggalakkan di negara kita ini meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman dalam industri ini pada peringkat pengurusan dan penyeliaan dan golongan pekerja mahir dan separuh mahir. Selain itu, industri pelancongan memberikan peluang perniagaan berangkai kepada rakyat. Perkembangan industri ini menjadikan nadi kepada pelbagai sektor lain seperti sektor pengangkutan, makanan dan minuman, bunga-bungaan, kraf tangan, pertanian dan penternakan. Hal ini mampu mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Pada masa yang sama taraf hidup rakyat juga akan meningkat. Dengan begitu banyak manfaat di dalam sektor pelancongan, kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah untuk menarik kedatangan pelancongan ke negeri Johor.

Langkah pertama yang boleh dilakukan untuk menarik kedatangan pelancongan adalah dengan mengadakan prasarana pelancongan yang selesa, jimat mencukupi dan mudah. Penyediaan hotel, chalet, tandas, pengangkutan, bekalan air dan elektrik adalah penting untuk pembangunan industri pelancongan. Kerap berlaku pelancong terkandas atau terlewat sampai ke destinasi akibat masalah pengangkutan. Misalnya untuk ke taman negara dan lain-lain destinasi pendalaman. Kerap berlaku juga masalah tandas yang terhad dan berbau busuk selain bekalan air dan elektrik yang kerap meragam. Prasarana ini hendaklah di jaga agar pelancong tertarik untuk berkunjung lagi ke sini. Langkah seterusnya yang boleh diambil ialah mengadakan kempen-kempen dan promosi pelancongan. Jabatan Pelancongan boleh mengadakan kempen ini di dalam atau di luar negeri. Pusat-pusat penerangan pelancongan serta rombongan-rombongan kebudayaan dan kesenian ke luar negara harus ditambah. Ini bertujuan mendedahkan keindahan alam semula jadi dan keunikan hidup masyarakat berbilang kaum di negara ini kepada masyarakat luar. Manakala pelancong dalam negeri pula boleh ditarik dengan mengadakan kempen-kempen pelancongan menerusi media ataupun risalah. Oleh itu, bajet untuk tujuan promosi perlu ditingkatkan agar ia dapat merancakkan lagi sektor pelancongan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memandangkan golongan belia merangkumi, hampir 40% daripada jumlah penduduk Johor, Banyak penekanan perlu diberikan kepada belia. Pada bajet 2015, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan bercadang untuk melaksanakan cadangan pembangunan hab belia tempatan di Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dan hab belia antarabangsa dengan peruntukan sebanyak RM23.4 juta.

Pada bajet 2016, banyak lagi penekanan telah diberikan kepada belia. Sebagai contoh, Hab Perniagaan Belia, Pembangunan Tiga Inkubator Usahawan, Rebat Pinjaman Pendidikan, Program Kepimpinan Pelajar, Program Bio Talent, Program Duta Jauhar, Tabung Pendidikan Peringkat Sarjana Dan Bajet Untuk Pengurusan Persatuan Belia.

Di peringkat persekutuan pula, bagi menggalakkan penglibatan belia terlibat dalam pembangunan ekonomi negara, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, sebuah pertubuhan telah diasaskan iaitu Majlis Menggalak Ekonomi Belia (MPEB) yang dianggotai oleh 6 buah kementerian iaitu Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian

Pertanian Dan Industri Asas Tani, Kementerian Perumahan Dan Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah, Kementerian Pengajian Tinggi serta organisasi swasta. Pertubuhan ini berfungsi sebagai badan penyelaras program pembangunan ekonomi belia pada masa itu dan pada masa yang sama, ia turut menyokong dasar pembangunan belia negara dan Wawasan 2020 bagi meningkat dan memberi peluang-peluang kepada golongan belia untuk menceburi diri dalam aktiviti yang berkaitan ekonomi secara menyeluruh. Program pembangunan ekonomi yang boleh belia sertai...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi?

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Dua muka surat lagi.

YB Tan Sri Speaker : Sila duduk dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:50 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Sila Tenggaroh, sambung sikit ya.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak program pembangunan ekonomi yang boleh belia sertai di samping menjana pertumbuhan ekonomi negara atau negeri, kita bagi menggalakkan belia mengetahui peredaran ekonomi negara serta mengetahui cara untuk mengekalkan kestabilan ekonomi negara daripada jatuh. Justeru itu, golongan belia perlu mempelajari asas-asas mengenai polisi ekonomi negara atau negeri, serta sentiasa peka dengan keadaan pertumbuhan ekonomi negara supaya tidak ditindas oleh pihak yang berkepentingan dan negara-negara maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dewan serba guna adalah merupakan satu keperluan terutamanya di kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk. Dewan itu boleh digunakan untuk mengadakan pelbagai program kemasyarakatan, majlis-majlis keramaian seperti perkahwinan, sambutan perayaan dan sebagainya. Jika tidak, penduduk kawasan itu terpaksa mengadakan majlis-majlis itu di tempat-tempat yang lebih jauh atau lebih mahal kos sewaan. Ini akan menyusahkan penduduk setempat. Dewan juga boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi yang lain. Ini akan mengeratkan hubungan masyarakat setempat. Dalam pada itu, dewan itu juga boleh digunakan oleh belia-belia untuk tujuan yang lebih berfaedah dan mengelak daripada aktiviti-aktiviti membinasa.

Oleh yang demikian, Tenggaroh menyokong langkah kerajaan negeri memperuntukkan RM70 juta untuk membina 23 buah Dewan Muafakat Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Hanya Tenggaroh ingin menyarankan agar satu peruntukan

di sediakan untuk tujuan penyelenggaraan Dewan Muafakat. Kita tidak mahu satu keadaan di mana, terdapat dewan tetapi tidak boleh digunakan kerana tidak di selenggara dengan betul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku Ahli Dewan Negeri Kawasan Tenggaroh ingin saya menyatakan sedikit isu dalam kawasan Tenggaroh ingin saya menyatakan sedikit isu dalam rundingan bajet 2016. Apabila kita melalui perjalanan daripada Johor Bahru ke Mersing, antara R&R pertama yang akan dilalui ialah R&R di Simpang Tenggaroh. Di R&R inilah seseorang boleh berhenti untuk makan, sembahyang, menggunakan tandas dan juga beristeri rehat sebentar. Beristirahat sebentar, minta maaf...

YB Dato' Timbalan Speaker : Kenapa berhenti kat beristeri tu, tak teruskan? (Dewan ketawa).

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Walau bagaimanapun, tempat seseorang beristirahat yang sepatutnya menenangkan pemikiran selepas keletihan memandu berada dalam keadaan yang uzur dan juga kotor, khususnya tandas yang selalu diguna pakai. Malah tempat sembahyang di sana pun berada dalam keadaan yang uzur dan membuat seseorang itu kurang selesa untuk bersembahyang di situ. Tambahan pula, bilik sembahyang tersebut sekarang lebih digunakan oleh pemandu lori untuk tidur. Lebih-lebih lagi lori-lori yang berhenti di situ terpaksa memberhentikan kenderaan mereka di tepi jalan kerana tiada tempat khusus untuk lori. Ini membahayakan keadaan lalu lintas di sana kerana pemandu lori meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan dan ini menyempitkan jalan utama, Johor Bahru - Mersing. Justeru itu, selaras dengan pelan meningkatkan industri pelancongan di Mersing, saya mencadangkan agar, R&R di Simpang Tenggaroh agar di naik tarafkan dan di selenggara dengan baik, khususnya bilik sembahyang, tandas, bilik mandi dan tempat letak lori.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tenggaroh, sila gulung ya.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Dah nak habis dah. Yang Berhormat Dato' Speaker akhir sekali, saya mohon menyokong rundingan yang dibawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Tenggaroh. Kita teruskan kepada, sila Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. (Berselawat).

Terima kasih Dato' Speaker yang memberi laluan kepada Kukup untuk berbahas mengenai belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Melihat perbahasan yang berlangsung beberapa hari ini, Kukup mengambil kesimpulan, sebenarnya terdapat kesilapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam membentangkan bajet ini. Kesilapan beliau ialah kerana menyediakan bajet yang sangat bagus. Bajet yang macam dah tak ada ruang untuk dipertikaikan, bajet yang begitu inklusif yang menyeluruh yang sebenarnya memberi manfaat semua golongan dalam negeri Johor ini. Itulah kesilapan nya. Pasal bila tak ada ruang untuk dicari kesilapan, digunakanlah fakta-fakta yang banyak dan tidak *relevant* oleh pihak

pembangkang untuk menunjukkan sebenarnya Johor ini tertinggal, Johor ini tidak bagus.

Jadi, saya ingin membawa satu isu yang telah dibangkitkan oleh Penggaram dan juga Parit Yaani, iaitu mereka menggunakan pendekatan ataupun angka tunjuk dalam nilai prestasi ekonomi negeri Johor ini dengan mengambil pendekatan keluaran negara kasar per kapita. Saya ulas perkara ini.

Semua tahu pengiraan ekonomi, pendapatan negara kasar itu boleh juga ditafsirkan sebagai *output* dalam negara atau negeri. Boleh juga ditafsirkan sebagai pengeluaran dalam negeri itu. Jadi, banyak elemen untuk menunjukkan *output* dalam negeri, termasuk lah penggunaan kita belanjaan pengguna hari harian, termasuk jugalah perbelanjaan kerajaan dan swasta, termasuklah juga pelaburan, termasuklah juga, faktor eksport, termasuk lah juga faktor import. Elemen-elemen ini digabungkan untuk menghasilkan angka tunjuk keluaran dalam negara kasar tersebut. Kemudian diambil keluaran dalam negara kasar ini, dibahagi dengan jumlah penduduk, menunjukkan Johor tempat ke-9 sebagaimana yang diutarakan oleh Parit Yaani. Lepas tu, daripada Penggaram dia cakap walaupun negeri Johor mencapai pertumbuhan keluaran dalam negara kasar iaitu KDNK pada 0.2% lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK kebangsaan, dia dah puji ni tapi dia cakap, namun masalah di Johor tetap wujud kerana KDNK per kapita masih rendah berbanding negeri lain. Betul ke? Apa masalah yang wujud?

Baiklah tuan-tuan, baiklah Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin kaitkan saya ambil data-data yang melibatkan seluruh dunia kerana sebenarnya KDNK bukan mengukur kesejahteraan rakyat melalui statistik yang diperolehi daripada, menunjuk pengeluaran dalam negara kasar per kapita dunia tempat pertama ialah Qatar, kedua Luxemburg, Malaysia tempat ke-73, USA ke-19, China ke-117, 160 - India. Kalau kita lihat balik, dia ada Luxemburg di tempat ke-2, Bermuda tempat ke-4, di mana Qatar pendapatan per kapita 137,200 USD setahun. Bermuda 85,700, kalau kita lihat balik negara-negara ni, Bermuda 65,000 je orang penduduk. Luxemburg 500,000 lebih je penduduk. Boleh tak kita gunakan perkataan kajian ini menyatakan wah, sebenarnya Qatar, Luxemburg, Bermuda, Isle Of Man negara-negara ini jauh lebih hebat daripada USA tempat ke-19 yang kita kenal dan telah maklum pun sebagai negara yang maju. Boleh ke kita jumpa ataupun saya minta lah ketua pembangkang yang membawa isu ini, Barrack Obama yang lepas ada ataupun kita pergilah US jumpa *Sir* tanya Barrack Obama. Anda gunakan bahasa sebagaimana anda gunakan dalam apa ni, perbahasan yang lepas, walaupun USA negara yang paling maju, ekonomi yang paling besar dalam dunia, tetapi anda ada masalah pasal pendapatan KDNK per kapita anda tertinggal oleh Qatar dan juga Bermuda? Boleh ke kita gunakan angka tunjuk itu menunjukkan prestasi negara? Tak boleh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga China, di tempat ke-117 dan kita tahu China sekarang begitu pesat membangun, jauh meninggalkan negara-negara lain dan dijangkakan akan jadi kuasa nombor 1 ekonomi dunia. Adakah kita sanggup jumpa Xi Jinping, Presiden China cakap, anda tidak menguruskan negara dengan baik, sebagaimana tuduhan dibuat kepada negeri Johor, pasal apa, KDNK per kapita negara anda tertinggal daripada banyak negara-negara lain, anda di tempat 117. Tak boleh.

Jadi, janganlah gunakan fakta yang tidak relevan untuk menunjukkan seolah-olah Johor ini tidak bagus. Kita dah buat yang terbaik, gunakanlah fakta sepatutnya pasal apa, sekarang ini gunakan perbandingan pendapatan isi rumah. Kita sedia maklum, pada tahun 2012 pendapatan isi rumah Johor RM4,658.00 sebulan tetapi telah meningkat pada tahun 2014 kepada RM6,207.00 dalam merupakan peningkatan 14.4% dan juga merupakan pertumbuhan tertinggi di Malaysia. Patutnya ini yang kita banggakan. Bagilah sokongan, bagilah idea-idea bernas macam mana kita nak tambah kan lagi pendapatan, memakmurkan lagi negeri Johor dan tidak cukup kalau kita dengar yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengutarakan bahawa FDI negeri Johor tertinggi dalam Malaysia, RM27 bilion dan meninggalkan dua kali ganda daripada pesaing nombor dua yang terdekat.

Jadi ini menunjukkan prestasi ekonomi Johor yang sangat baik, yang sangat dinamik, yang harus kita pacu untuk terus makmur dan berdasarkan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sangat hebat bajet ini. Meliputi keseluruhan rakyat dan juga sektor-sektor di dalam 6 strategi utama yang telah dibentangkan.

Kemudian, tak cukup dengan itu, pengarang bagi idea, dia cakap, walaupun Negeri Johor, maaf saya, purata pendapatan isi rumah Negeri Johor telah meningkat kata dia. Maaf saya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Hilang nota itu?

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Dia *blurr* sekejap. Dia cakap, ia, ekonomi kita meningkat tapi kata dia berlaku peningkatan kejatuhan dalam ringgit, dan bila kejatuhan dalam ringgit ini, kata dia tidak menyebabkan pun pertambahan dalam eksport. Dalam ekonomi, bila jatuh nilai mata wang sepatutnya eksport naik tapi dia cakap tidak. Kemudian kata dia lagi, walaupun eksport tak naik kemudian kita dihimpit lagi dengan kemelesetan ekonomi dunia yang tidak menentu ini. Saya rasa ini satu andaian yang terlalu banyak kita letakkan dalam suatu unsur nak menggambarkan macam seolah-olah kita tidak boleh bergerak, seolah-olah kita tidak ada strategi macam mana nak meningkatkan ekonomi Negeri Johor. Bagi saya, ini satu pertuduhan yang sangat tidak adil dan saya pun tak faham macam mana seorang Wakil Rakyat dalam Negeri Johor ini yang kita asyik bercerita mempunyai stail Johor, gaya Johor yang kita nak majukan Johor tetapi jauh di sudut dan hati sanubarinya kita tak nak membantu dan melihat Johor terus maju dan berjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, prestasi ekonomi keluarga ataupun *life style* dengan izin, ataupun kesejahteraan hidup bukan sahaja diukur dengan nilai wang. Saya ambil contoh, beberapa tahun lepas, saya ada jumpa kawan saya daripada Singapura. Dia menjadi Pengurus Besar di Johor ini sebuah syarikat Singapura di Johor. Gaji dia sekitar SGD8,000.00. Dia cerita, dengan SGD8,000.00 kata dia, saya mampu duduk rumah yang tiga bilik di Singapura, kereta pun Toyota lama saja kata dia. Satu hari dia pergi beraya, ke rumah *staff* dia, maaf saya, maksudnya pekerja dia yang bergaji sekitar RM5,000.00 sahaja dia SGD8,000.00, ini RM5,000.00 sahaja, alangkah terkejutnya kata dia masa saya beraya di rumah pekerja ini, dia mempunyai rumah teres dua tingkat *end lot, corner*. Lepas itu ada kereta Mercedes walaupun *secondhand* ada kereta Mercedes, kata dia, saya yang bergaji begitu besar di Singapura tidak mampu

menikmati kehidupan semewah dan sebahagia dan seseronok pekerja dia di Malaysia. Jadi, menunjukkan kita jangan bandingkan sekadar pendapatan itu antara satu negara dengan negara lain, negeri dengan negeri lain, menunjukkan seolah-olah kita tidak bagus. Fasal apa, dengan RM5,000.00 di Johor ini, banyak kemudahan dapat, perabotnya mahal, boleh makan luar hari-hari, mampu untuk hidup, lebih mewah daripada yang SGD8,000.00 di Singapura, kerana di sana, *parking* kena bayar, malam pun *parking* kena bayar, pergi mana-mana kena bayar, masuk bandar pun kena bayar. Jadi, ini perkara yang kita kena harus selidik dalam menentukan kesejahteraan rakyat. Jadi itu, bila cerita rakan saya ini, berbangsa Cina, beraya ke rumah orang Melayu, saya terfikir inilah integrasi, inilah yang menunjukkan bahawa ada integrasi sebenarnya antara kaum dalam Malaysia walaupun dia di Singapura dan juga rakannya di Malaysia ada integrasi, tapi bila saya dengar pula YB Skudai cakap, masa dia belajar, saya ambil petikan dia. "Saya sudah 51 tahun, orang putih, orang hitam jemput saya ke rumah mereka, ke kampung mereka bermalam di sana, tapi dalam hidup saya sebagai warga Malaysia tak pernah sekali pun saya pernah duduk di kawasan India dan kawasan Malaysia satu malam pun. Saya rasa kenapa kita ada persangka atas kesusahan menjadi bukan saja jiran sebelah tetapi menjadi warga dan saudara satu negara satu negeri." Ini verbatim beliau cakap. Bagi saya, integrasi bermula daripada ini. Kitalah kena jumpa kawan-kawan, kitalah kena cari kawan-kawan, kitalah pergi jumpa dia berkenalan, itu integrasi, bukan kita jumpa orang itu, kita cakap, "Anda harus berintegrasi dengan saya." Tidak. Integrasi ini melibatkan dua hala. Perhubungan dua hala. Jadi, kalau kita lihat, ialah, dalam dewan makan pun susah sangat saya tengok YB Skudai ini nak jumpa kita salam-salam, bertegur sapa kita, jadi macam mana nak integrasi ini berlaku. Jangan kita salahkan kerajaan, jangan kita salahkan dasar-dasar kerajaan, sekiranya tidak ada integrasi kalau dalam diri tak ada niat untuk berintegrasi, saling berhubungan, bersatu dengan kaum-kaum lain.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa ucapan seperti begini tidak ada ...

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Saya bercakap ini, giliran saya...

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak ada apa-apa...sila duduk.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pekan Nenas kena duduk.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pekan Nenas duduk, teruskan. Jangan menyampuk ya. Pekan Nenas ada sekejap lagi. Sama-sama makan nenas kan.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Jadi, integrasi bermula daripada diri. Semalam saya berbual dengan rakan-rakan saya, YB daripada Johor Jaya dan Senai. Saya cakap integrasi...

YB Dato' Timbalan Speaker : Apa berbual dengan perempuan saja, laki-laki tak?

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Dengarlah, dengarlah cerita. Integrasi mesti bermula daripada diri, dan kita sebagai Wakil Rakyat kena memulakan, menunjukkan kitalah pencetus integrasi. Jadi, saya cakap jomlah kita berintegrasi sama-sama. Tak hendak dia orang. (Ketawa).

YB Dato' Timbalan Speaker : Kukup, sila gulung.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Saya banyak lagi Yang Berhormat.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagi *chance* rakan-rakan lain juga untuk berbahas.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Adoi, kemudian, baru-baru ini timbulkan juga oleh YB Skudai, yang mengatakan sepatutnya UEC, iaitu Sijil Pemeriksaan Bersama Sekolah Menengah Cina ini haruslah disesuaikan taraf dia, supaya A, C nya sama dengan A di sekolah arus perdana dan sebagainya. Ceritanya, bila kita cerita integrasi, kita sebagai kerajaan membuat dasar. Dan salah satu dasar kita, kita berkehendakkan semua sekolah pelajarnya mestilah fasih berbahasa Melayu, mestilah faham sejarah tanah air kita. Itulah integrasi kita nak jadi rakyat yang mewakili negara kita, tahu fasal negara kita, bayangkan, kalau ada satu bangsa ini dekat luar negara bila orang lain tanya, kamu asal daripada mana, Malaysia. Tahu berbahasa Malaysia? Tidak tahu. Bagaimana mungkin orang ini dia cakap sebagai orang Malaysia. Jadi kita nak terapkan integrasi ini bermula daripada peringkat sekolahan. Kalau ini pun tidak dipersetujui jangan hairan, satu hari nanti kalau dah direndahkan tarafnya lain kali cakap Bahasa Malaysia tidak payah diajar langsung di sekolah jenis kebangsaan. Mana mungkin kita benarkan perkara ini berlaku, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Kemudian, bercerita tentang bajet *surplus.* Saya pun tidak faham Mengkibol, Bukit Batu lah cerita begitu juga Skudai, menghentam kerajaan cerita tentang bajet surplus, menganalisalah, VEP ini dimasukkan kenapa, dan macam-macam lagi. Sebenarnya, ini namakan bajet, anggaran.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, peraturan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak ada melanggar peraturan.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Tak ada melanggar...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Tadi dia ada sebut nama Mengkibol...

YB Dato' Timbalan Speaker : Mengkibol duduk, jangan menyampuk.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Tapi, Mengkibol tak mempertikaikan bajet *surplus.*

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Tambah masa saya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kena kacau saja ni. Bajet itu bermaksud anggaran. Saya nak cadangkanlah kerajaan negeri fasal kita mempunyai rizab yang begitu besar, kita mampu hidup tanpa pendapatan langsung untuk dua tahun. Inilah angka tunjuk ekonomi yang terbaik sebenarnya yang telah ditunjukkan oleh Johor. Jadi, saya ingat nak cadangkan sajalah tahun depan, supaya belanjawan kita buat belanjawan defisit. Biar defisit RM1 juta pun tak apa, fasal kita nak menggunakan duit itu membangun, adakah salah kalau dalam bajet itu kita ubahsuai? Macam itu tidak salah, fasal bajet. Tapi bajet yang seharusnya ditengok ialah apa yang kita nak belanjakan. Kesejahteraan rakyat mana yang kita bela? Itu harus diambil kira oleh

pihak pembangkang sepatutnya bukan dari segi nilai-nilai fakta, nombor-nombor yang tidak signifikan sangat dalam kita menganalisa bajet ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya banyak isu lagi sebenarnya ini. Saya nak bawa...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ringkaskan YB, sebagai YB yang bertanggungjawab, kita kena *fair*, adil kepada yang lain.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bila saya diganggu, penaltikan orang yang ganggu saya, kasi tiga kali ganda masa yang sepatutnya diambil, kalau sepuluh saat, gantikan saya tiga puluh minit Yang Berhormat Dato' Speaker, fasal, ganggu *mood* saya dalam kita nak membentangkan idea-idea.

Saya nak sentuh tentang isu pengangkutan awam. Alhamdulillah, kalau kita lihat dalam enam strategi utama yang diperuntukkan itu, oleh kerajaan negeri, dicadangkan oleh kerajaan negeri, kita dah sentuh, begitu *detail*, begitu hebat, tentang perkhidmatan bas bandar dan juga kawasan-kawasan PBT. Kita ada bas percuma yang dinamakan Bas Percuma Johor Dihati, kita ada sepuluh laluan baru dan insya-Allah ada banyak laluan baru lagi dalam perancangan kita untuk kita memastikan kesejahteraan rakyat dijaga. Tapi, saya ingin juga mencadangkan supaya pengangkutan awam ini ditambahbaikkan. Kita lihat, berapa banyak pembangunan di pesisir pantai di sekitar Johor Bahru ini akan membangun, tidak kurang 4,000 rumah akan terbina dalam masa satu dua tahun ini. Dan dengan kapasiti rumah yang padat itu dan juga jalan raya sedia ada mana mungkin jalan raya kita dapat menampung kenderaan yang begitu banyak. Justeru itu, saya ingin membawa beberapa fakta di sini, saya ingin mencadangkan supaya kita gunakan sistem aliran ringan atau apa saja namanya LRT, MRT dan sebagainya, saya ambil cerita, New York, Bandar New York, dipanggil City Subway yang terbesar di dunia mempunyai jarak perjalanan 375 kilometer telah dibina pada tahun 1869. 1869, London, Underground Metro, idea dia 1860, dibina 1860, siap 1863, kemudian kita lihat di Korea, merupakan Metro Soul, iaitu LRT yang terpanjang di dunia, mempunyai 18 transit aliran ringan, Metronya dan Komuter, ada perkhidmatan WiFi dan sebagainya.

Kita lihat di Singapura, rancang 1960, dan dibuka pada tahun 1987, MRT di Singapura, maksudnya 27 tahun dirancang nak buat MRT di Singapura. Dan, pada ketika dirancang itu, telah dibuat ketetapan, Singapura mesti ada MRT pada tahun 1992 dan mereka telah capai sebelum tahun tersebut. Jadi, kalau begitulah kaedahnya, kita lihat lagi satu Washington, Washington DC, siapa pernah pergi Washington DC kita tahu, penduduk Washington ini tak ramai, bandar dia pun tak padat sangat, bangunan tinggi pun tak ada fasal situ ada Pentagon, tak ada bangunan tinggi. Dan, pada sekarang ini penduduk di Washington Capital, sekitar 658,000 sahaja. Tapi, dia dah ada sistem MRT yang dipanggil Washington Metro sepanjang 103 batu dirancang 1950, dibuat 1969 beroperasi 1976. Pada ketika dirancang itu, populasi dia baru lebih kurang 200,000 orang berbanding dengan Johor Bahru, kita mempunyai populasi 1,474,000 orang. Jadi kalau gitulah ceritanya, sepatutnya kita dah lama rancang dah benda ini. Dan bukan saja rancang, dah siap pun. Jadi tak apalah, kata orang terlajak rancang belum terlambat. Kita kena rancang secara cepat, kita kena buat sekarang, fasal kita tahu rumah tumbuh bagai cendawan dengan berbagai-bagai inisiatif yang kita ada, kita dah kena ada satu sistem aliran ringan mungkin kita ada

aliran ringan di situ, kita kena ada komuternya di situ, yang menghubungkan bukan sahaja antara bandar-bandar dalam Negeri Johor, daerah-daerah negeri Johor, tapi juga dalam Johor Bahru sendiri, dah kena rancang sekarang, sebelum harga tanah semakin naik, sebelum kos pembinaan semakin tinggi, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kemudian, kita kena fikir juga, mungkin dah sampai masanya daerah-daerah yang jauh, Mersing, Pontian, Muar, Segamat dah kena ada lapangan terbang yang boleh menempatkan *light aircraft.* Kita ada Senai *Airport*, kita boleh pergi ke sana mungkin dalam masa setengah jam. Memendekkan perjalanan, menjimatkan masa dan menggalakkan lagi industri pelancongan kita. Dan saya pendek sikit sahaja.

Cadangan kedua saya, kalau kita lihat, telefon dalam masa 50 tahun kalau dahulu dengan besar gedabak, sekarang dah jadi macam komputer dah telefon itu. Teknologi berubah begitu cepat. Begitu juga kalau kita lihat kereta, macam-macam *design* kereta. Tapi, kalau kita lihat pula bot nelayan, dengan jaring nelayan, tak berubah dah 50 tahun. Macam itu, macam itu juga. Dekat mana silapnya? Jadi, saya menyerulah jabatan-jabatan yang berkaitan, kita ada jabatan yang mengkaji khusus...

YB Dato' Timbalan Speaker : Fasal ikan dia tak berubah-ubah. Ikan itu juga.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Ha macam tu lah. Kalau dulu dia pakai jaring tepi apa ni sepuluh tas sampai sekarang macam tu juga lah. Bot dia pun macam tu juga lah. Jadi sepatutnya nelayan-nelayan kita ini harus diperkasakan dari sudut teknologinya. Jabatan-jabatan yang berkaitan dah kena fikirkan teknologi supaya menambahkan pendapatan mereka dengan jangka masa kerja yang lebih kurang. Alat mungkin bubu bersatelit atau, ataupun kita gunakan enjin yang mempunyai mesra alam yang menjimatkan tenaga hibrid, enjin untuk motorlaut, *motorboat* dan sebagainya. Harus difikirkan bermula daripada sekarang supaya nelayan ini terus diperkasakan, kos dapat dijimatkan. Begitu juga dengan pertanian...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Kukup sila gulung.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Akhirkan dia punya perbahasan.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Begitu juga dengan pertanian. Bab ni saya di kawasan saya, saya dah bawa semua agensi-agensi Pertanian, saya dah *brainstorm* dia orang sebenarnya agensi-agensi Pertanian tugas awak menjaga kesejahteraan rakyat. Ada masalah rakyat, fikir, buat kajian, panggil universiti duduk, selesaikan masalah kerana di tempat saya ada masalah. Di Serkat contohnya di kawasan hujung benua Asia itu. Pokok durian semua mati, dahulu sungai durian dapat nama pasal *terror*, hebat pokok durian dia, buahnya sedap, isinya sedap. Tapi sekarang semua mati bermula daripada atas. Jadi, macam-macam idea dan juga pandangan orang kampung menganalisa kenapa durian tu mati. Jadi, saya cakap inilah tugas jabatan Pertanian. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian Pontian, bila kita *argue*kan, timbulkan isu ni dia bawa pakar-pakar dia kaji tanah. Rupanya pasal kita dah ada sistem tali air yang baik, tanah yang dulu tak berasid, pasal air laut tak boleh masuk sekarang tanah tu berasid dan dinamakan sebagai gyrocid ini, tanah berasid,

sulfit ini telah menyebabkan membunuh akar-akar tunjang, pokok-pokok buah-buahan. Jadi mereka menganalisa. Tapi saya cakap jangan habis kat situ saja. Bagilah cadangan, bagilah idea supaya macam mana pokok ini boleh di tanam semula. Jadi, setiap jabatan, agensi kerajaan seharusnya itulah peranan mereka bukan sahaja kita mengagihkan peruntukan dan sebagainya kerana saya harus sentuh MARDI yang dahulu sangat berperanan, sekarang saya nampak kurang peranan itu.

Jadi, MARDI kalau dahulu memang buat kajian tentang klon-klon baru, tanaman-tanaman tapi di Pontian contohnya dah lebih kepada jual benih semaian. Jadi, ini saya rasa harus kita lihat balik kita fokus balik semua agensi yang berkaitan pertanian dan nelayan untuk membantu petani-petani dan juga nelayan ini supaya terus diperkasakan, kita modenkan mereka supaya walaupun kita maju, Johor ini akan maju tapi mereka juga maju selaras dengan kemajuan negeri Johor. Salah silap mohon dimaafkan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Kukup. Kita teruskan. Sila Machap. Pendekkan, *free size*.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salamMuafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Machap mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet negeri Johor bagi tahun 2016. Machap merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan Bajet 2016 yang bertemakan Inklusif, Lestari dan Sejahtera untuk Johor. Bajet yang dirancang berusaha memacu Johor menjadi sebuah negeri yang membangun kepada sebuah kuasa ekonomi yang eksklusif, melangkaui unjuran dan pengiraan KDNK dengan prestasi dan kedudukan ekonomi yang mampan. Kejayaan mengurus ekonomi sebagai kerajaan yang prihatin dalam membela nasib rakyat tentunya pendapatan yang diperoleh akan dilimpahkan kembali kepada rakyat dengan pelbagai keperluan, kemudahan dan keinginan yang didambakan oleh rakyat. Justeru, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, maka Bajet 2016 yang dibentangkan merupakan bajet yang berusaha mengangkat kesejahteraan kehidupan rakyat agar kehidupan rakyat menjadi lebih baik dari tahun ke tahun. Bajet yang di bentang merupakan bajet yang dianggap menyeluruh yang mencakupi pelbagai rancangan pembangunan, pengurusan dan penambahbaikan yang akhirnya menjurus kepada kemakmuran negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh ADUN Bukit Permai yang menyatakan bahawa hospital Kulai terdapat lebih kurang 93 katil pesakit. Berlaku kesesakan di sini, ketidakcukupan katil di hospital ini lantaran ramai pesakit dari daerah luar yang datang mendapatkan rawatan di situ dan menggunakan katil pesakit di Kulai termasuk Simpang Renggam. Bila dia sebut termasuk Simpang Renggam tu terasa juga lah. Jadi, di hospital Kluang Che Besar Hajah Kalsom saya dimaklumkan ada 268 katil pesakit dan kadang kala bilangan pesakit yang memerlukan katil untuk pesakit-pesakit ini tidak mencukupi sehinggakan hospital Daerah Kluang terpaksa meminjam katil dari Jabatan Kesihatan Negeri untuk menampung bilangan pesakit ini.

Jadi berbalik kepada orang Simpang yang ke Kulai mendapatkan rawatan, Machap mengandaikan bahawa persepsi orang Simpang Renggam terhadap perkhidmatan hospital Kulai kemungkinannya adalah baik. Maknanya dari segi perkhidmatan doktornya, peka terhadap rawatan kepada pesakit, jururawat yang merawat pesakit-pesakit sanggup melayan karenah pesakit. Kemungkinannya cantik-cantik, muda-muda menjadi tarikan orang Simpang Renggam, agaknyalah eh ke Kulai. Kemungkinannya kalau macam kita ni, peringkat umur kita, yang patut dipanggil pakcik, bila masuk ke hospital Kluang, eh ke hospital Kulai orang panggil abang, baik-baik nak 2 hari kat hospital Kulai, kita minta tambah lagi seminggu. Ha, macam gitulah agaknya. Jadi, kita melihat satu masa dulu fenomenanya orang Simpang Renggam, nak beranak, beranak di hospital Batu Pahat. Kita pun pelik, kita pun tanya kenapa nak beranak di hospital Batu Pahat? Hospital Kluang ada. Tapi persepsi orang ramai yang nak beranak pada masa itu, dia kata Batu Pahat baik sebab layanan jururawatnya baik. Dia kata bila lambat bersalin, dia kata jururawatnya membuatkan air selusuh supaya bayi yang nak keluar itu mudah. Begitulah persepsi. Jadi, pada masa tu orang nak beranak, tak beranak kat Kluang, beranak dekat Batu Pahat. Jadi orang Batu Pahat pun bisinglah. Buat dekat Simpang Renggam, beranak kat Batu Pahat, macam mana ni. Tapi itulah persepsi yang berlaku di Kulai.

Dan kita sebagai pertukaranlah kepada Kulai, insya-Allah DUN Machap, DUN Mahkota yang berada dalam pentadbiran daerah Kluang mempersilakanlah orang Kulai untuk menerima rawatan gigi. Bila klinik pergigian di Kluang nanti dengan peruntukan RM4.7 juta siap termasuklah jiran-jiran yang berdekatan datanglah ke Kluang, insya-Allah untuk mendapatkan rawatan pergigian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat Bajet yang dibentangkan oleh Menteri Besar ada menyebut iaitu meminta setiap PBT supaya menerima minimum 2 orang pekerja berkelainan upaya mengikut kelayakan, sangat dialu-alukan. Kerana kita melihat bahawa golongan OKU ini merupakan golongan yang secara fizikalnya dan mentalnya ada berlaku kekurangan. Sama ada lahir secara semula jadi ataupun berlaku kecacatan selepas itu. Jadi, berkaitan dengan golongan ini, sering dikaitkan dengan peluang pekerjaan di mana mereka ini sering seolah-olahnya dipinggirkan dalam peluang untuk bekerja sama ada di sektor swasta mahupun di sektor kerajaan. Dan, statistik menunjukkan bilangan OKU dalam sektor awam dan swasta dikatakan belum menepati sasaran. Dasar satu peratus pembabitan OKU dalam sektor pekerjaan khusus sektor awam dikatakan setakat Disember 2014 hanya 4,147 OKU berjaya mendapat pekerjaan dan ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan dan seramai 3,741 di rekod sedang berkhidmat sebagai penjawat awam. Jadi kalau kita lihat pembelaan kepada nasib golongan OKU ini yang kadangkala dari segi akademiknya cukup baik tapi oleh kerana ada kecacatan kemungkinan fizikalnya, maka peluang untuk mereka mendapat pekerjaan, peluang untuk mereka menyara kehidupan pada masa akan datang agak terjejas.

Justeru, saranan daripada Menteri Besar Johor yang meminta setiap PBT memberi peluang sekurang-kurangnya 2 orang pekerja berkelainan upaya sangatlah dialu-alukan. Dan juga saya melihat bagaimana peranan PDK yang memberikan pendidikan atau pun latihan kepada golongan OKU ini, yang kita lihat setakat mana keberkesanannya, sebab kadang kala ada peserta atau pelatih-pelatih PDK itu hampir 10 tahun bersekolah belajar di PDK tetapi tidak ada kemahiran yang boleh dibekalkan

kepada mereka. Tidak ada sesuatu yang boleh menjanjikan dengan belajarnya mereka di PDK mereka boleh menyara kehidupan mereka pada masa akan datang. Sebab itu disarankan kalau boleh, JKM menyediakan satu silibus supaya pelatih-pelatih ini boleh berdikari dengan kemahiran menjahit ataupun sebagainya supaya mereka ada bekalan, bila tak bersekolah lagi di PDK, mereka ada kemahiran yang boleh menampung kehidupan mereka pada masa akan datang.

Seterusnya cadangan WiFi di 16 PBT dengan peruntukan sebanyak RM4.4 juta membolehkan anak-anak muda terutamanya mengakses maklumat di tempat yang menjadi tumpuan mereka. Di DUN Machap difahamkan, PBT akan membina menara pemancar WiFi ini di Laman Simpang Renggam yang menjadi tumpuan anak-anak muda terutama bila ada siaran langsung bola sepak yang menayangkan tayangan besar atau *big screen* dan di situ terdapat gerai-gerai makan, tentunya dengan adanya WiFi ini membolehkan gerai-gerai makan itu menarik pelanggan-pelanggan mereka untuk makan dan minum di situ. Di samping itu juga, di Machap iaitu sebuah syarikat telekomunikasi D' Harmoni Telco Infra Sdn. Bhd. yang difahamkan mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri Johor untuk membina pemancar telekomunikasi di Taman Merdeka Mas dan di Taman Harmoni bagi kemudahan penduduk di taman berdekatan sangatlah dialu-alukan. Walau bagaimanapun Machap difahamkan perkhidmatan kampung tanpa wayar yang disediakan di kampung-kampung oleh SKMM tidak disambung perkhidmatan atas dasar sebab-sebab tertentu yang mungkin merugikan pihak SKMM sendiri maka perkhidmatan itu tidak disambung.

Dan juga, Machap merayu agar pihak SKMM membina pemancar atau meluaskan kawasan liputan untuk membolehkan pengguna mendapat kawasan liputan apabila melalui kawasan estet dari Simpang Renggam ke Layang-Layang, dari Renggam ke Layang-Layang sebab bila lalu kawasan ini kita tidak dapat kawasan liputan dengan dunia luar untuk berhubung, kita tidak boleh. Jadi, bila berlaku kemalangan di kawasan ini, kita nak berhubung dengan siapa?Nak berhubung dengan ambulan tak dapat. Nak berhubung dengan pihak polis tak dapat. Apatah lagi nak berhubung dengan saudara-mara mangsa yang terlibat dengan kemalangan. Jadi kita minta supaya SKMM tidak memikirkan keuntungan sebab dasarnya ialah perkhidmatan itu diminta berdasarkan kepada permintaan orang ramai. Jadi kawasan itu tidak ada penduduk. Bila tidak ada penduduk, bagaimana nak dibuat pemancar ini sedangkan penduduk tidak ada. Jadi, kita minta atas dasar khidmat sosial, SKMM membina pemancar supaya kawasan laluan ini boleh mendapat liputan dari segi hubungan dengan dunia luar.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet berkaitan infrastruktur awam, projek bekalan air iaitu meningkatkan prasarana bekalan air akan dapat dibekalkan kepada rakyat. Memastikan bekalan air mencukupi untuk masa kini dan tahun mendatang, malah air yang dibekalkan adalah air yang bersih dan selamat untuk diminum oleh pengguna.Ini yang kita harapkan.

Machap ingin bangkitkan isu kekerapan gangguan bekalan air di DUN Machap. Dalam tahun 2015, lebih kurang 4 atau 5 kali gangguan bekalan air berlaku di Machap dan kadang kala untuk pulih mengambil masa 2 hari. Ini menimbulkan kemarahan dalam kalangan penduduk di DUN Machap. Apa tidaknya, bekalan air terputus, terputus semasa berlakunya hujan lebat. Sepatutnya bila hujan lebat, air banyak dan

tidak seharusnya berlaku gangguan bekalan air. Ini bila hujan lebat, bekalan air terputus dan tidak ada notis, berlaku gangguan bekalan air oleh SAJ. Bila ditanya pada SAJ punca bekalan air terputus, SAJ memberitahu kadar ammonia dalam air yang dirawat didapati tinggi dan bahaya untuk dibekalkan kepada pengguna maka bekalan air terpaksa di tutup serta merta tanpa memberitahu kepada pengguna terlebih dahulu. Loji rawatan air SAJ Simpang Renggam membekalkan air kepada lebih kurang 70,000 pengguna di Simpang Renggam termasuk sebahagian di Pontian. Maknanya bila berlaku pencemaran ini, yang pada peringkat awal dikaitkan dengan punca dari baja-baja kimia, racun rumpai, baja najis tahi ayam yang digunakan di sepanjang sungai itu oleh pekebun-pekebun sawit terutamanya telah menyebabkan air tercemar dan sekarang ini dikatakan tercemarnya air itu berpunca daripada tempat pembuangan sampah di Renggam iaitu dipanggil air *leach*. Difahamkan pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, bertanggungjawab di pusat pembuangan sampah ini telah melantik kontraktor untuk membina takungan rawatan air ataupun *leach treatment plan* dengan izin, dari tempat buang sampah sebelum dilepaskan ke dalam sungai. Jadi, bila berlaku kegagalan untuk menyiapkan projek ini, inilah punca yang dikatakan bahawa air itu masuk ke dalam sungai bila ekoran daripada hujan lebat paras air sungai naik dan sampai ke kawasan itu menyebakkan air *leach* ini bercampur dengan air sungai yang diproses di loji air Simpang Renggam, menyebabkan berlaku pencemaran ammonia yang biasanya pada kadar dua bacaannya telah tercemar sampai tujuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Machap sila gulung.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Machap ingin bercakap berkaitan, Dato' Speaker, Machap ingin berkaitan dengan banjir yang berlaku di Simpang Renggam terutama di DUN Machap. Yang setiap kali, setiap tahun berlaku, di kawasan yang sama, orang yang sama terlibat dan sebahagian besarnya adalah kerugian yang sama. Maknanya di Machap baru-baru ini, 2014 ada berlaku banjir, 2015 berlaku banjir melibatkan lebih kurang 200 orang mangsa terlibat dengan banjir dan mereka ini adalah mereka yang tinggal di kawasan yang agak rendah berhampiran dengan sungai. Jadi, bila kita bertanya dengan pihak JAS, Jabatan Pengairan dan Saliran, maka mereka mencadangkan agar cadangan mengatasi masalah banjir ini yang pertama, projek rancangan tebatan banjir, limbangan Sungai Benut yang merangkumi pelebaran Sungai Benut, Sungai Machap, Sungai Berombong dan Parit Haji Hashim, membina kolam tempatan banjir dan rumah pam rumah Sungai Berombong, membina pembinaan *gross polution trap* di *inlet* Sungai Berombong, pembinaan kawasan landskap di dalam rizab sungai, perlu diberikan tumpuan bajet untuk akan datang. Sebab kita melihat perkara ini sering berlaku, biar kita keluarkan peruntukan yang besar sekali, tetapi penyelesaian jangka panjang dapat diatasi, bukan kita keluar peruntukan setiap kali banjir, kita beri peruntukan kepada mangsa banjir, kita berikan keluar duit makanan untuk mangsa banjir dan sebagainya. Peruntukan ini setiap tahun tapi Machap minta dipertimbangkan supaya kita beri peruntukan besar sekali dan masalah ini akan selesai untuk membela nasib rakyat di Machap terutamanya yang terlibat dengan banjir.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sedikit berkaitan dengan masalah banjir juga, iaitu di Taman Tiara Perdana, taman ini dibina oleh SPNB, rumah mesra rakyat, dikatakan sekarang ini ada 80 rumah, unit rumah yang belum laku ekoran kawasan itu adalah

kawasan yang terlibat dengan banjir. Kawasan rumah tak banjir tapi jalan menghubung ke rumah itu banjir. Baru-baru ini jalan terputus, kenderaan tidak dapat bergerak atau menuju ke rumah tertentu. Jadi, pekerja yang bekerja di kilang, yang bekerja di sektor kerajaan tidak dapat keluar bekerja. Anak-anak juga tidak dapat bersekolah kerana masalah banjir dan penduduk taman ini minta sama ada pihak SPNB ataupun pihak yang berwajib supaya memikirkan supaya jalan ini di tambak, ditinggikan supaya bila berlaku banjir jalan yang menghubung di rumah kediaman ini tidak banjir. Seterusnya berkaitan dengan masalah penempatan rumah FELDA generasi kedua di FELDA Ayer Hitam, di mana lebih kurang dalam 200 unit tanah lot diberi kepada generasi kedua yang sebahagian besarnya membina rumah tersebut mengikut kemampuan masing-masing. Dari segi susun atur perparitan, jalan raya dan juga sistem paip air, tidak diperincikan. Maknanya penduduk ataupun orang yang memiliki tanah tersebut membuat sesuka hati, bentuk rumah dia, muka depan menghadap jalan, muka dapur menghadap jalan sebab tidak ada susun atur dari segi infrastruktur ini, jadi bila berlaku nya begitu, kemudahan untuk penyediaan perparitan agak sukar untuk kita rujuk kepada pihak-pihak tertentu bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan tersebut, baru-baru ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Sungai Balang.

YB Puan Zaiton bin Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu Sungai Balang ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana berpeluang sekali lagi mengambil bahagian dalam sidang Dewan kali ini. Saya ingin juga mengambil kesempatan di sini, mewakili warga Sungai Balang mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mohd Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor yang telah membentangkan bajet Johor 2016 pada 19/11/2015 dan demi kesejahteraan rakyat Johor. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Hidangan dimasak si anak dara, berbilang jenis pelbagai rasa; belia menjadi harapan negara, meneruskan kesinambungan warisan bangsa. Indahnya bulan mengambang penuh; pungguk mendayu jiwa dan raga; belia kuat negara teguh, menyumbang idea serta tenaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi, Sungai Balang ingin menyentuh isu belia bagi merealisasikan cogan kata "Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara". Berdasarkan bancian 2010, sumber Jabatan Perangkaan Malaysia 2011, penduduk negeri Johor berjumlah 3,230,440 orang, jumlah belia berumur 14 hingga 40 tahun berdasarkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia Akta 668, mentakrifkan umur belia antara 15 hingga 40 tahun adalah berjumlah 1,456,727 orang iaitu merupakan ketiga tertinggi di Malaysia selepas Selangor dan Sabah.

Jika dibahagikan kepada dua kategori iaitu belia berumur antara 15 hingga 24 tahun dan 25 hingga 39 tahun, taburan belia di semua daerah negeri Johor adalah seperti berikut- Belia berumur 15 hingga 24 tahun, bagi daerah Segamat seramai 36,800 orang, Muar, 70,800 orang; Batu Pahat, 74,600; Pontian, 31,300; Mersing, 16,000; Kluang, 53,200; Kota Tinggi, 45,100 dan Johor Bahru 240,400. Manakala belia yang berumur di antara 25 hingga 39 tahun, Segamat berjumlah 45,000; Muar, 84,200; Batu Pahat, 88,500; Pontian, 37,000; Mersing, 18,800; Kluang, 64,800; Kota Tinggi, 51,100 dan Johor Bahru

296,500. Keseluruhannya belia berumur 15 hingga 24 tahun berjumlah 44.62% dan belia berumur 25 hingga 39 tahun 54.39%.

Justeru itu, program-program pembangunan belia juga perlu dirancang dengan sebaik mungkin mengikut dua kategori ini. Dunia telah merentasi alaf baru, banyak perubahan sedang berlaku dan memberi kesan kepada cara hidup sosioekonomi, sistem kepercayaan, nilai dan moral masyarakat. Penggerak utama arus perubahan adalah golongan belia. Golongan yang memiliki idealisme tersendiri serta memiliki cita-cita yang unggul untuk kejayaan peribadi mahupun negara. Mereka turut memiliki tenaga dan semangat yang kuat untuk berjaya dan mencipta kegemilangan. Golongan belia merupakan tenaga kerja yang penting di negara kita bagi memenuhi peluang pekerjaan yang ditawarkan di sektor awam, swasta mahupun berkecimpung di dalam keusahawanan. Lebih penting lagi, mereka adalah bakal pemimpin negara pada masa akan datang, dengan suntikan idea-idea baru dan wawasan yang jelas, golongan belia akan menjadi nadi utama dalam mengecap kegemilangan negara mahupun negeri dari pelbagai aspek. Potensi golongan ini merupakan salah satu aset negara yang sangat bernilai dan tidak berbanding dengan wang ringgit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekiranya dilengkapkan dengan ilmu, kemahiran, ketahanan diri dan daya saing yang tinggi, sudah pasti golongan belia akan menjadi anggota masyarakat yang memiliki pemikiran yang terbuka dan matang. Dengan ini, pemupukan perpaduan kaum juga akan menjadi mudah dan akan tiada unsur atau fahaman perkauman yang sempit dalam sanubari mereka. Seterusnya ini akan menjadi pemacu yang sihat untuk menjadikan negara atau negeri kita sebagai model dalam perhubungan etnik atau kaum. Adalah menjadi salah satu tanggungjawab utama kita, sebagai pemimpin masyarakat pada masa kini untuk menyediakan pelapis yang memimpin negara atau negeri pada masa akan datang. Tanpa persediaan ini, negara atau negeri kita tidak akan maju dengan pesat selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di atas kesedaran ini dan dengan tema Inklusif, Lestari Dan Sejahtera Untuk Johor seperti yang semua maklum terdapat 6 teras dalam bajet negeri Johor dan di sini Sungai Balang ingin menyarankan 4 teras utama memperkasakan belia pada sidang Dewan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, teras yang pertama, belia bersaudara. 1Malaysia adalah gagasan mengharmonikan rakyat pelbagai kaum di negara ini tanpa mengubah identiti kaum-kaum tersebut. Di samping menjaga kepentingan semua kaum, gagasan 1Malaysia juga menekankan soal integrasi dan pewujudan 1Malaysia. 1Malaysia menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seandainya, seadanya agar kita dapat hidup bersama dalam keadaan saling menghormati sebagai rakyat dalam satu negara mahupun negeri. Gagasan 1Malaysia ini perlu kita terapkan pada golongan belia kerana mereka adalah jambatan antara generasi yang mencorak suasana bermasyarakat di negara kita. Sungai Balang menyarankan agar infrastruktur belia di setiap DUN menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh memupuk semangat perpaduan untuk mengukuhkan lagi perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum. Sebagai contoh, aktiviti kebudayaan seperti,

kuda kepang, tarian singa, tarian bhagra dan lain-lain, pesertanya tidak lah terhad hanya kepada sesebuah kaum sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, teras kedua ialah ekonomi belia. Sepertimana dalam Bajet Negeri Johor, teras pertama iaitu mengutamakan kesejahteraan rakyat dan teras keenam merancakkan keusahawanan Johor berasaskan inovasi dan pengetahuan ada kaitan dengan teras kedua ini. Usaha kerajaan bagi pembangunan ekonomi belia sentiasa berterusan. Pelbagai dana dan skim bantuan telah dilancarkan. Memandangkan tidak semua belia mendapat peluang akses Internet atau jika dapat akses Internet mungkin tidak pandai atau rajin mencari maklumat. Justeru itu, agensi berkenaan perlu didatangkan kepada mereka melalui program pendedahan dan temu duga terus di setiap daerah. Setiap daerah juga boleh melantik agensi yang mengenal pasti calon yang berminat dan membantu mereka memohon kursus yang bersesuaian dengan minat dan potensi mereka khususnya pada belia yang berumur 15 hingga 24 tahun.

Walaupun pelbagai kemudahan yang kerajaan telah salurkan kepada belia, namun malangnya rata-rata golongan belia terutamanya di kampung-kampung mereka ini kurang peka dengan bantuan dan peluang-peluang yang ada atau beranggapan prosedurnya sangat sukar, lantas melunturkan semangat mereka untuk mencuba.

Sekali lagi, agensi atau jabatan yang membuat pemantauan mengikut DUN harus memberikan keutamaan kepada golongan belia untuk mendapatkan bantuan-bantuan sama ada sebagai usahawan, petani, penternak atau nelayan yang berjaya dan kebanyakan bantuan-bantuan ini hanya tertumpu kepada golongan dewasa sahaja. Pendekatan supaya membuang sikap malu oleh golongan belia ini, untuk mendekati jabatan atau agensi haruslah dicari jalan penyelesaiannya. Usaha untuk melahirkan usahawan di kalangan belia merupakan satu usaha yang amat penting dan perlu dilakukan secara berterusan untuk memperlengkapkan pengetahuan, kemahiran serta daya ketahanan golongan belia dalam mengharungi arus globalisasi masa kini yang berteraskan teknologi maklumat serta pasaran terbuka dalam pembangunan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, teras ketiga ialah kesejahteraan belia. Kategori belia yang berumur 25 hingga 39 tahun merupakan golongan yang kebanyakannya sama ada merancang memulakan keluarga atau telah pun berkeluarga. Untuk membina keluarga, perkara yang paling asas ialah mempunyai kewangan yang mencukupi dan rumah untuk didiami.

Bagi menampung keperluan permintaan yang semakin meningkat dalam Bajet Negeri Johor 2016, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin berkata, bajet yang bertemakan inklusif, lestari dan sejahtera menambahkan bilangan rumah dari 46,000 unit kepada 60,000 unit pada tahun 2019. Memahami hakikat bahawa sebahagian rakyat berpendapatan rendah yang didapati sukar memperolehi pinjaman daripada institusi kewangan untuk membeli rumah selain daripada skim sewa beli yang sedia ada, dicadangkan Kerajaan Negeri Johor menyediakan rumah transit bagi mereka yang baru berumah tangga untuk membolehkan mereka berdikari dan tidak menumpang di rumah ibu bapa atau mertua. Mereka mungkin dibenarkan

menyewa rumah ini paling lama 5 tahun pada kadar mampu terutamanya bagi berpendapatan rendah.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sungai Balang, sila gulung.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Sikit lagi. Dalam usaha menyantuni golongan OKU, kerajaan telah melaksanakan pelbagai insentif antaranya kad OKU yang memberi pelbagai kelebihan kepada golongan ini termasuk pemberian alat-alat bantuan dan sebagainya dan bantuan kemudahan yang sesuai dengan OKU. Mereka juga harus diberi perhatian untuk urus, untuk menyara hidup mereka apabila penjaga atau ibu bapa mereka sudah tiada lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, teras yang terakhir ialah teras keempat, kepimpinan belia, sikit saja lagi. Belia merupakan generasi pemimpin negara pada masa kini akan menentukan kelangsungan negara dan bangsa pada masa hadapan. Pertubuhan-pertubuhan belia di DUN Johor merupakan platform yang boleh digunakan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin muda yang memahami isu belia dan masyarakat seterusnya menjadi pelapis kepimpinan negara. Pemimpin seharusnya mempunyai keupayaan untuk visi, komitmen dan mampu menjiwai serta membawa perubahan kepada golongan yang dipimpin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, fokus juga perlu diberi kepada pelajar-pelajar sekolah terutama pelajar tahun 6, tingkatan 3, 5 dan 6. Sungai Balang mencadangkan supaya diadakan kursus-kursus kepimpinan pelajar DUN Johor yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin dari setiap sekolah untuk dibimbing dengan elemen kepimpinan kenegaraan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah menjadi harapan Sungai Balang agar teras-teras pemerkasaan belia ini mendapat pertimbangan dari Dewan ini. Mengulangi semula kata-kata Sungai Balang di awal ucapan tadi, belia merupakan aset negara yang sangat bernilai dan tidak terbanding dengan wang ringgit. Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk pembangunan DUN Sungai Balang, Sungai Balang ingin memohon beberapa perkara. Yang pertama ialah, sesuai dengan Bandar Maharani, Bandar DiRaja, Sungai Balang mohon limpahan pencahayaan dan landskap di Bandar Maharani dapat juga kepada DUN Sungai Balang.

Yang kedua, Sungai Balang mohon supaya pihak yang bertanggungjawab melihat semula paip-paip utama dari jalan ke rumah-rumah yang paip-paip tersebut telah melebihi 30 tahun supaya ianya dapat mengelakkan rungutan warga Sungai Balang daripada masalah air paip yang kotor.

Dan Sungai Balang mohon supaya memberikan peruntukan untuk membina dua buah masjid yang telah lama, yang telah uzur iaitu Masjid Parit Mislam dan juga Masjid Parit Ibrahim.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Sikit lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga Sungai Balang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada EXCO Kerja Raya yang membantu menyelesaikan masalah jalan, terima kasih juga kepada EXCO Pertanian yang telah memberikan peruntukan pertanian dan ternakan. Begitu juga kepada EXCO Kesihatan yang telah memilih Sungai Balang bagi pelancaran Gotong-royong Perdana dan terima kasih yang tidak terhingga kepada TNB Negeri yang telah membantu mangsa kebakaran di DUN Sungai Balang dan terima kasih juga kepada Bomba Negeri yang telah membina semula rumah mangsa kebakaran di DUN Sungai Balang. Dan akhirnya, ucapan terima kasih Sungai Balang kepada Pegawai Daerah Muar yang sentiasa prihatin dengan apa juga permasalahan di Sungai Balang dan kerap dapat mengambil tindakan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan penuh rasa rendah diri, Sungai Balang mohon supaya perkara-perkara yang dibentangkan tadi dapat diberikan perhatian dan tindakan sewajarnya. Akhir sekali, Sungai Balang menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih, Dato' Speaker. Selamat tengah hari dan selamat sejahtera. Tangkak ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana diberi peluang untuk berbahas berkenaan Bajet Negeri Johor Tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Tangkak ingin mengucapkan tahniah kepada Bangsa Johor kerana negeri kita telah sekali lagi mencatatkan nilai pelaburan tertinggi di peringkat nasional iaitu sebanyak RM30 bilion sehingga September 2015. Pengorbanan dan segala kerja keras anak-anak Bangsa Johor telah membantu negeri kita semakin membangun dan berjaya. Antara hasilnya adalah negeri kita dapat memperolehi sebanyak RM1.55 juta lebihan dalam Bajet 2016 yang telah di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Oleh itu, Tangkak amat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri Johor berusaha dalam mengutamakan kesejahteraan anak-anak Bangsa Johor dalam tahun yang akan datang.

Rumah mampu milik Johor adalah salah satu program perumahan yang berkesan dalam menyelesaikan masalah kesukaran anak-anak Bangsa Johor untuk memiliki kediaman. Tangkak juga mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Dewan yang mulia ini pada minggu lalu tentang penambahan jumlah pembinaan rumah di Negeri Johor. Tetapi, Tangkak juga dapati rumah-rumah yang akan dibina itu cuma terlibat di kawasan Johor Selatan sahaja. Takkan kerajaan negeri tidak sedar bahawa terdapat permintaan perumahan mampu milik di kawasan Johor Tengah dan Johor Utara juga. Tangkak berharap Kerajaan Negeri Johor bertindak dengan lebih adil kepada semua kawasan semasa merancangkan projek pembinaan perumahan di Negeri Johor.

Berkenaan dengan skim pembiayaan rumah mampu milik Johor yang akan diusahakan secara bersama antara kerajaan negeri dengan AmBank untuk menyediakan dana sejumlah RM300 juta sebagai pinjaman perumahan.

Tangkak ingin mengingatkan Kerajaan Negeri Johor menurut satu kajian yang dijalankan yang bertajuk Indeks Nisbah Perbandingan Tanggungan Pembeli Rumah yang diumumkan pada Disember 2014. Negeri Johor telah dikategorikan pada tahap sangat sukar untuk menanggung. Menurut purata pendapatan keluarga Negeri Johor sebanyak RM3,650.00 sebulan, indeks perbandingan tanggungan pembeli rumah di Negeri Johor adalah sebanyak 4.2 kali. Golongan yang berpendapatan rendah dan cuma boleh memiliki rumah mampu milik, skim pembiayaan ini macam tidak membawa manfaat kepada mereka, kerana kebanyakan bank tidak akan meluluskan pinjaman mereka di sebabkan pendapatan mereka. Kerajaan negeri perlu mencari jalan keluar untuk membantu golongan ini supaya mereka boleh memiliki kediaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan perkampungan luar bandar terdapat banyak lagi rumah yang uzur yang dimiliki keluarga miskin memerlukan bantuan kerajaan untuk membaiki. Walaupun kerajaan telah menyediakan program pembaikan rumah, tetapi mereka terpaksa menunggu masa yang panjang untuk dapatkan kelulusan. Tangkak bercadang kerajaan supaya menubuhkan satu jawatankuasa kerja bagi mengenal pasti keadaan rumah pemohon dan memberikan bantuan mengikut keadaan kerosakan, keutamaan perlu diberikan kepada rumah-rumah yang dalam keadaan kritikal.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memperuntukkan RM1 bilion untuk melaksanakan tiga fasa pembinaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Muar bagi mengatasi masalah banjir di daerah Muar dan juga daerah Ledang pada awal tahun 2013. Apakah keadaan projek setakat sekarang dan adakah projek ini bercadang untuk meluruskan Sungai Muar di kawasan Kampung Belemang Ledang? Jika Sungai Muar di kawasan Kampung Belemang Ledang diluruskan untuk mengatasi masalah banjir. Tangkak berasa risau apabila masuk musim kemarau lagi sejarah bekalan air masin di salur kepada pengguna air di daerah Ledang dan Muar akan berulang.

Pada musim kemarau bulan Mac 2014, aliran air laut telah mengalir ke hulu Sungai Muar dan mengakibatkan Loji Air Panchor menyerap air masin. Menurut makluman SAJ, hasil pemeriksaan air pada masa itu, menunjukkan paras sodium klorida yang lebih tinggi berbanding dengan keadaan biasa. Jadi, Tangkak meminta pihak kerajaan dan SAJ perlu mengkaji dengan teliti sekiranya projek tersebut memerlukan meluruskan Sungai Muar.

Beberapa Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor telah mengeluarkan notis mengehendaki peniaga supaya menurunkan papan iklan yang menutupi tingkap di premis bangunan perniagaan mereka sejak bulan Julai. Mereka diberikan tempoh 3 bulan supaya menurunkan iklan tersebut dan kalau gagal mematuhi notis tersebut dalam tempoh yang dinyatakan mereka boleh dikenakan denda RM2,000.00 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. Tindakan PBT ini adalah sangat tidak adil terutama kepada peniaga-peniaga yang telah mengikut prosedur permohonan perlesenan papan iklan dan membayar lesen papan iklan besar dengan kadar yang tinggi.

Bagi papan iklan yang menutupi tingkap di premis bangunan, papan iklan tersebut kebanyakan ada diperbuat oleh *pvc*, dengan izin, yang mudah dikoyakkan dan telah dianjakkan 2 kaki dan di dinding untuk memberi ruang penyelamat semasa di pasang. Jadi papan iklan tersebut tidak akan menghalang kerja-kerja penyelamatan sekiranya berlaku kemalangan seperti kebakaran. Tangkak rasa amat kecewa terhadap Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mengeluarkan notis untuk menurunkan papan iklan tanpa menjalankan siasatan yang lebih lanjut sepertimana yang Tangkak pernah bercadang di Dewan yang mulia ini, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga kerajaan negeri Johor perlu menggariskan satu panduan dan peraturan yang sempurna bagi syarat lesen serta iklan dahulu. Kemudian siasatan yang lebih teliti perlu dijalankan untuk memastikan sama ada papan iklan yang sedia ada itu, di premis bangunan itu akan menghalang kerja-kerja penyelamat atau tidak. Panduan dan peraturan papan iklan baru itu hanya diguna pakai bagi permohonan pemasangan papan iklan baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, langkah ini dipercayai dapat mengelakkan peniaga-peniaga di beban oleh kos membuat papan iklan baru. Pihak Berkuasa Tempatan adalah sistem kerajaan yang paling mendekati rakyat kerana Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa untuk perancangan tempatan mengeluarkan lesen, mengeluarkan cukai-cukai tertentu, membina bangunan perumahan dan unit-unit perdagangan. Kuasa untuk menjalankan fungsi, merancang dan mengurus kawasan bandar, mengurus dan mengawal lalu lintas, sistem pengangkutan awam, bandaran dan kuasa untuk merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam. Oleh itu, sikap perkhidmatan dan sistem penyampaian warga Pihak Berkuasa Tempatan akan membawa kesan langsung kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan pentadbiran mereka.

Terdapat ramai penduduk berpengalaman yang tidak memuaskan dengan sikap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan terutama semasa mereka memerlukan bantuan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelesai masalah-masalah tempatan yang mereka hadapi. Sebagai contoh, apabila seorang penduduk membuat satu aduan tentang kemudahan awam yang telah lama rosak. Kadang-kadang mereka akan mendapatkan jawapan sebegini. Dah lama rosak ke?Kami tak pernah terima aduan pun. Atau pun Pihak Berkuasa Tempatan mengambil masa yang melebihi iaitu selama bulan-bulan, mungkin cuma untuk menampal sebuah lubang jalan. Sikap-sikap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan sebegini telah mengecewakan penduduk-penduduk dan telah memburukkan imej Kerajaan Tempatan. Tangkak ingin menyeru Pihak Berkuasa Tempatan supaya memantau keadaan kemudahan-kemudahan awam dalam kawasan mereka dengan lebih kerap supaya dapat mengambil tindakan yang lebih laju sekiranya mendapati berlaku kerosakan. Juga berharap Pihak Berkuasa Tempatan boleh memaklum balas aduan yang diterima dengan lebih cekap dan profesional.

Tangkak ingin mengucapkan tahniah juga dan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menyediakan saluran aduan seperti *Whatsapp*, *Twitter* dan *Facebook*, dengan izin. Ia telah memudahkan penduduk untuk membuat aduan. Kepada mereka yang kurang bernasib seperti golongan OKU dan keluarga miskin tegar, mereka terpaksa untuk bergantung kepada bantuan kewangan jabatan Kebajikan Masyarakat setiap bulan. Tangkak telah banyak menerima aduan daripada penerima bantuan JKM bahawa wang duit bantuan tersebut di agih secara tidak

tentu masa setiap bulan. Contohnya, pada bulan Januari, beliau terima bantuan kewangan pada 7 hari bulan, bulan Februari dia terima 15 hari bulan, bulan Mac pula dia masukkan pada hujung bulan. Bulan April dia terpaksa gantung kuali kerana bantuan kewangan diterima pada bulan Mei. Keadaan ini telah menyusahkan penerima JKM. Jabatan Kebajikan Masyarakat diminta memberi penjelasan atas masalah ini dan apakah sebabnya berlaku kelewatan agihan kewangan dan permohonan bantuan di proses dengan perlahan. Pejabat,

YB Dato' Timbalan Speaker : Tangkak, sila gulung.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Banyak lagi. Pejabat JKM Daerah Ledang telah dipindah ke premis baru sebelum ini malangnya 3 bulan sudah berlalu, kerja pengubahsuaian ruang pejabat masih belum di selesai. Perkhidmatan telefon pejabat juga belum di pasang oleh Telekom. Pekerja-pekerja JKM Ledang menghadapi kesukaran semasa menjalankan tugas.

Kepada Jabatan Kesihatan Negeri, Tangkak juga menerima pemberitahuan bahawa kemudahan ultra bunyi di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Gersik, Ledang telah rosak dan tidak dibaiki sehingga sekarang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan pusat pentadbiran daerah Ledang yang baru di kawasan Tangkak telah di umum sejak tahun 2012. Dalam Ucapan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada minggu lalu sekali lagi isu ini disentuh, Tangkak ingin tahu bilakah kerja-kerja pembinaan akan dijalankan dan berapa jangka masa diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan. Tangkak juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kerajaan supaya melengkapkan pejabat-pejabat dan agensi-agensi kerajaan di daerah Ledang seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan Raya, Jabatan Imigresen, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya. Sejak Ledang diangkat sebagai sebuah daerah pada 8 Jun 2008, kerajaan gagal untuk menyediakan pejabat dan agensi kerajaan yang lengkap kepada penduduk di situ. Penduduk terpaksa membuat urusan di daerah Muar dan daerah Jasin, Melaka. Pusat pameran antarabangsa yang akan di bina di Ledang juga telah lama dinanti-nantikan oleh penduduk dan usahawan di daerah Muar dan Ledang. Apakah pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menghadapi masalah jarak antara kawasan perindustrian, pembuatan perabot di Muar dan pusat pameran yang terletak di Ledang ini. Memandangkan kerajaan berhasrat untuk membangunkan Segamat sebagai daerah industri asas tani. Daerah Ledang juga sebuah daerah yang banyak mengeluarkan hasil tanaman sayur dan buah-buahan. Adakah kerajaan bersedia memperuntukkan sebahagian daripada pusat pameran ini untuk mempamerkan produk-produk pertanian dari kedua-dua daerah ini.

Tangkak mencadang kerajaan membangunkan industri pengelolah buah-buahan, industri-industri pengeluar buah-buahan boleh ditempatkan di kawasan perindustrian Tangkak yang sedia ada dan Tangkak percaya kalau cadangan ini dirancang dengan baik, harga hasil tanaman pekebun akan lebih stabil dan bukan saja mereka yang dapat, yang akan mendapat keuntungan, kerajaan juga boleh memperolehi manfaat. Dengan lokasi Tangkak yang strategik, bandar yang terletak di utara Johor ini adalah

pintu masuk pertama bagi pelancong-pelancong yang memasuki negeri Johor melalui Lebuh raya Utara-Selatan. Oleh itu, Tangkak ingin mencadang kepada kerajaan supaya menyediakan sebuah ruang memperkenalkan negeri Johor di bandar Tangkak. Selepas itu, pelancong-pelancong yang masuk ke negeri Johor boleh singgah di bandar Tangkak untuk lebih kenal negeri Johor. Bagi pelancong-pelancong yang ingin meninggalkan Johor, mereka boleh juga berhenti di pusat pameran produk-produk pertanian yang Tangkak cadang tadi untuk membeli buah tangan.

Cadangan ini juga selaras dengan pelan pertumbuhan strategik ekonomi Johor yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar minggu lalu supaya daerah Ledang dibangunkan dengan industri pelancongan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sikit lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah tamatkan perbahasan. Tamatkan perbahasan sekarang.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ok. Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang terakhir. Tidak kira Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, Dewan-Dewan Bandaraya sampai ke Majlis-Majlis Daerah, persidangan atau pun mesyuarat yang dijalankan dalam dewan tersebut adalah untuk membincang dan menentukan isu-isu yang berkaitan dengan rakyat. Jadi sebagai satu pentadbiran yang telus dan integriti kerajaan sepatutnya perlu menyediakan segala kemudahan untuk rakyat mengikuti Persidangan dan mesyuarat yang sedang dijalankan. Tangkak juga ingin memuji kerajaan negeri Johor kerana telah berjaya membuat siaran langsung melalui stesen radio dan laman web buat kali pertama pada hari pembentangan Bajet pada tahun 2016 pada minggu lalu. Tangkak berharap siaran langsung ini bukan saja dijalankan pada hari pembentangan Bajet tetapi harus disiarkan sepanjang tempoh Persidangan kerana anak bangsa Johor berhak untuk mengetahui segala keadaan dalam Dewan dengan segera semasa Persidangan dijalankan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat pengumuman pada awal bulan November bahawa Majlis Mesyuarat PBT di seluruh Malaysia akan disiarkan melalui laman web mulai hujung tahun ini. Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah salah satu PBT yang akan membuat siaran langsung mesyuaratnya pada tahap pertama. Tangkak dengan ini menyeru kerajaan membuat siaran langsung Persidangan Dewan yang mulia ini dengan segera.

Jangan nanti kalah pada PBT pula. Selain daripada kemudahan siaran langsung persidangan, Tangkak juga sekali lagi meminta Dewan yang mulia ini untuk menyediakan kesemua dokumen-dokumen urusan Dewan dengan digital. Tujuannya bukan saja dapat memudahkan kerja-kerja Ahli-Ahli Yang Berhormat tetapi juga boleh mempamerkan dokumen-dokumen seperti *verbatim* dalam laman web yang boleh lebih senang dirujuk oleh rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Bentayan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Bentayan mengucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana mengizinkan Bentayan untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2016 ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, ramai yang sering tersalah faham bajet defisit dianggap seperti perniagaan yang kerugian pada penghujung tahun. Manakala bajet *surplus* pula dibanggakan seperti perniagaan yang membuat keuntungan. Adakah ini benar dari kaca mata pakar ekonomi?Berdasarkan kepada laporan bank dunia terkini mengenai ekonomi Asia Tenggara, rantau kita ini diketuai oleh China menunjukkan isyarat ekonomi yang perlahan. Pengeksport komoditi seperti Indonesia dan Malaysia agak terkebelakang dalam kalangan 14 negara kerana harga komoditi global yang menyusut dengan kebarangkalian Amerika Syarikat akan menaikkan kadar faedah dan keseimbangan semula ekonomi China.

Nilai ringgit kita boleh menyusut lagi. Manakala dari segi dalam negara pula, isi rumah Malaysia mula merasai kesan rantaian GST yang telah menghakis perbelanjaan boleh guna kita. Ditambah lagi dengan misteri 1MDB yang masih tidak di rungkai, prospek ekonomi kita masih samar-samar. Walaupun kita maklum bahawa Johor juga meningkatkan nisbah perbelanjaan pembangunan berbanding tahun lepas. Tetapi adakah ia mencukupi dan adakah kita berada di landasan yang tepat? Bajet 2016 bertemakan Inklusif, ye bajet ini memang menyentuh sedikit semua perkara tetapi dengan 30 lebih peruntukan yang disediakan di bawah RM2 juta. Bagaimanakah sesuatu program itu dapat berjalan dengan efektif?Sebagai contoh peruntukan penyelenggaraan infrastruktur dan mempromosi pelancongan di taman negara adalah sebanyak RM2 juta yang terpaksa dikongsi oleh 4 taman negara. Sekiranya peruntukan ini di bahagi sama rata, setiap tahun taman negara hanya akan menerima peruntukan sebanyak RM500,000 sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos pembinaan untuk satu tandas awam di Zoo Melaka adalah sebanyak RM176,000. Jika angka ini dijadikan sebagai panduan maka hanya 2.8 buah tandas awam boleh dibina dengan peruntukan yang disediakan itu. Tidak termasuk fasiliti rekreasi dan kemudahan lain untuk pengunjung tahan Taman Negara. Sehubungan itu, Bentayan memohon penjelasan kerajaan dengan terperinci mengenai projek pembangunan yang akan dilaksanakan nanti. Contoh yang lain,RM2 juta mengenai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, harus diingati terdapat 215 buah SJKC ketika ini. Jika dibahagi sama rata setiap sekolah ini menerima kurang daripada RM10,000. Apakah jenis infrastruktur yang boleh dibuat?Membaiki bumbung?Jangan kita lupakan 2 insiden yang berlaku di sekolah Cina, Muar pada tahun 2006. Membaiki bumbung yang sepatutnya berharga RM3,000 sahaja telah meningkat kepada RM30,000. Jadi, bagaimanakah RM10,000.00 ini dapat memberikan sesuatu yang mempunyai impak kepada sekolah dan warganya? Bentayan tidak mempersoalkan niat baik kerajaan negeri Johor tetapi Bentayan hanya ingin mendesak kerajaan negeri untuk melakukan lebih lagi.

Bentayan melihat lebihan sebenar sebanyak RM105.85 juta setakat 17 November 2015 adalah bonus hujung tahun kepada rakyat Johor. Kita sebenarnya boleh mengemukakan bajet defisit dalam lingkungan RM100 juta lagi tanpa mengganggu keadaan kewangan negeri. Gunakan lebihan ini untuk membiayai projek-projek pembangunan sebagai satu pelaburan jangka panjang untuk kesejahteraan anak bangsa Johor. Bentayan menyeru kerajaan agar tidak mentadbir seperti sebuah

perusahaan hanya memikirkan soal membuat keuntungan dan mengumpul rizab tunai semata-mata. Pendapatan kerajaan datang daripada tangan dan peluh rakyat biasa. Kita seharusnya mengenakan cukai kepada rakyat mengikut keperluan pengurusan dan pembangunan.

Bentayan memetik kata-kata seorang profesor terkenal Dr. Ha Jun Chang dari Universiti Cambridge, dia kata, *"The best way to boost economy is to redistribute wealth downwards as poorer people tend to expand the higher proportion of their income"*, dengan izin. Kita bukan sahaja perlu menyuntik ekonomi kita dengan berbelanja yang lebih lagi tetapi juga kita seharusnya hanya mengambil hasil yang minimum daripada rakyat biasa. Kurangkan semua cukai dan bayaran lesen. Tunjukkanlah sifat ihsan terhadap majoriti rakyat yang berpendapatan sederhana, rendah dan miskin. Kembalikanlah wang hasil usaha gigih mereka kepada mereka semula. Bentayan menegaskan kerajaan negeri patut membentangkan bajet defisit dengan pemotongan cukai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun ekonomi pasaran bebas sepenuhnya tidak lagi wujud dalam dunia moden hari ini. Kerajaan sepatutnya mengelakkan daripada melakukan terlalu banyak usaha untuk membaiki kegagalan pasaran. Bentayan tidak mahu memulakan pendebatan panjang mengenai perbezaan pemahaman teori ekonomi akan tetapi Bentayan mengesakan kerajaan untuk menilai semula beberapa polisi yang telah pun menghasilkan keputusan yang terbantut dan tidak efisien.

Sebagai contoh dalam kes rumah kos rendah. Kita memulakan polisi ini dengan hasrat yang baik untuk menyediakan rumah kepada kelompok miskin. Hasrat ini sememangnya murni tetapi implementasinya tidak. Jika kita selusuri kawasan perumahan kos rendah ini, kita boleh lihat banyak rumah-rumah ini telah disewakan kepada orang lain termasuklah kepada pekerja asing. Sesetengah yang lain pula telah melakukan pengubahsuaian yang menelan kos lebih daripada harga rumah yang tersebut. Ada juga pemilik rumah tersebut yang memiliki kereta yang mahal harga, apa yang sedang berlaku dalam terma ekonomi. Ini adalah merupakan kegagalan kerajaan, *failure of government*. Usaha kerajaan untuk memperbetulkan keruntuhan pasaran telah pula mencipta keadaan yang tidak efisien dan juga tidak menyalah peruntukan sumber yang ada. Dalam kes ini adalah rumah murah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perkembangan yang sama juga saiz keseluruhan tanah rizab Melayu di Johor sama ada meningkat atau berkurangan tetapi Bentayan melihat bahawa bilangan pemilikan individu semakin berkurangan dengan akta sedia ada yang menghadkan penjualan dalam pasaran bebas pastilah harganya merudum. 2 bidang tanah yang bersebelahan yang berbeza status tanah bukan rizab boleh dijual sehingga lima kali ganda lebih tinggi di dalam pasaran bebas kerana potensi pembangunan. Ini bukanlah perkara yang amat sensitif dan Bentayan bukan mencadangkan kepada kerajaan untuk mengubah *status quo* tapi Bentayan hanya mencakap daripada perspektif ekonomi dan dalam masa yang sama Bentayan menyeru kerajaan untuk melakukan sesuatu bagi meningkatkan nilai tanah rizab Melayu ini seperti menyediakan infrastruktur yang lebih baik yang akan membawa pembangunan dan memberikan kebenaran untuk mengubah syarat daripada pertanian kepada penggunaan komersial atau industri. Ini semua boleh dilakukan tanpa mengorbankan kepentingan orang Melayu. Pemilik tanah tidak akan terpaksa

untuk menjual pada harga yang sangat murah dan ini juga akan membantu untuk meningkatkan tradisi ekonomi pemilik tanah rizab Melayu. Persoalannya bagaimana peningkatan keluasan tanah rizab Melayu seperti yang diumumkan oleh Menteri Besar dapat memberi manfaat kepada orang Melayu secara individu?

Seterusnya beralih ke topik pemuliharaan marin. Bentayan harus katakan isu ini sepatutnya menjadi keutamaan terpenting oleh kerajaan negeri. Bentayan menghargai usaha kerajaan negeri yang akhirnya telah menyediakan dana khas untuk kajian mengenai dugong. Tetapi adalah diharapkan agar ia tidak berhenti sekadar itu sahaja. Kita perlu untuk mempertahankan persekitaran habitat dugong terutamanya sekitar Pulau Merambong. Kawasan ini terletak di dalam kawasan yang mempunyai rumpai laut terbesar di dalam negara kita ini.

Bentayan ingin bertanya adakah pihak kerajaan negeri telah melakukan kajian komprehensif dekat Pulau Merambong dan adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menggazetkan habitat dugong ini sebagai Taman Marin?

Masih lagi dalam topik Pemuliharaan Marin. Malaysia bersama 5 negara lain telah memulakan inisiatif dikenali sebagai dengan izin, *the coral triangle initiative on coral reefs, fisheries and food security*. Semenjak 2009 untuk mengenal pasti kepentingan menjaga wilayah marin dan sumber persisiran pantai. Inisiatif ini juga telah mengetengahkan ancaman utama marin iaitu tangkapan ikan yang berlebihan kaedah menangkap ikan yang merosakkan alam sekitar, pembangunan pesisiran pantai dan pencemaran darat. Walau bagaimanapun, bersandarkan kepada semangat untuk memulihara, kita tidak membuat apa-apa tindakan untuk membendung perkara yang Bentayan sebutkan tadi. Sebaliknya hanya mengenakan bayaran yuran RM200.00 bagi setiap penyelam.

Berdasarkan kepada statistik kerajaan, jumlah kutipan daripada tahun 2013 sehingga Jun 2015 adalah sebanyak RM2.63 juta tapi kos keseluruhan untuk penguatkuasaan pula adalah sebanyak RM2.86 juta dengan pendapatan yang kurang daripada perbelanjaan. Apakah langkah-langkah lain yang akan dilaksanakan untuk memastikan hidupan marin dengan dikekalkan, dijaga dan dipulihara seperti yang dijanjikan oleh EXCO Pelancongan pada tahun 2013?

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal kuatkuasaan pula Bentayan ingin mengetahui sama ada pasukan penguatkuasaan ditempatkan di tanah besar atau di pulau-pulau. Bentayan juga ingin mendapatkan bilangan insiden penangkapan ikan secara haram di sekitar kawasan Taman Marin dan berapakah kes yang telah didakwa dan dihukum di mahkamah? Kelompok yang terjejas secara langsung dalam isu pemuliharaan marin ini adalah penduduk kampung tempatan terutamanya mereka yang tinggal di Pulau Aur. Dalam siasatan yang dijalankan oleh Bentayan dan di maklum bahawa penduduk-penduduk Pulau Aur merancang untuk meninggalkan pulau tersebut. Mereka sudah terlalu tua untuk menangkap ikan dan hanya mampu mencari makan dengan mengubah rumah mereka menjadi inap desa.

Dengan aktiviti penyelaman dan bot pelancong yang semakin berkurangan, penduduk tempatan mengalami kesulitan untuk mendapatkan barang keperluan asas seperti makanan dan ubat-ubatan daripada tanah besar. Adalah amat sukar untuk

mereka meneruskan kehidupan di pulau tersebut. Bentayan memohon penjelasan kerajaan sama ada kerajaan sedar tentang perkara ini dan apakah rancangan kerajaan untuk menolong 293 penduduk kampung di atas Pulau Aur untuk mengatasi masalah ini. Adakah ada inisiatif kerajaan negeri untuk membantu penduduk kampung dengan menyediakan perkhidmatan bot yang kerap, infrastruktur, komunikasi yang lebih baik dan juga kegiatan ekonomi baru untuk menyara hidup? Apa yang Bentayan sebutkan ini adalah satu contoh yang jelas bahawa campur tangan kerajaan datang dengan harga yang mahal dan ironinya ia memberikan impak negatif kepada semua pihak yang ingin dibantu. Kita sememangnya memerlukan satu model ekonomi yang realistik, yang menjaga kesejahteraan dan kepentingan semua pihak yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai projek menaiktaraf...

YB Dato' Timbalan Speaker : Bentayan sila gulung.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Ok, sedikit lagi. Untuk projek menaiktarafan Jalan Maharani, Jalan Sisi dan Jalan Haji Abu. Antara objektif projek-projek tersebut adalah untuk menarik kehadiran orang ramai ke tempat tersebut. Jadi, bagaimanakah pihak kerajaan boleh memastikan parkir yang mencukupi untuk kemudahan orang ramai? Bentayan mencadangkan kawasan parkir Dewan Jubli Intan, Pekan Rabu dan di sebelah Hentian Bas Bentayan dijadikan kawasan parkir terbuka dengan syarat ia menjadikan kawasan parkir percuma atau tawaran kadar tarif yang lebih rendah daripada sedia ada. Mengenai..

YB Dato' Timbalan Speaker : Bentayan sila rehat sekejap. (Persidangan ditangguhkan sebentar bagi menghormati azan). Sila Bentayan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Ok. Bentayan juga ambil.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terus akhirkan perbahasan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Ok 2 minit. Juga ambil kesempatan ini untuk memohon kerajaan menjelaskan apakah polisi untuk mengatasi masalah parkir di kawasan bandar? Mengenai projek pembangunan Jalan Haji Abu, Muar Bentayan mencadangkan agar sepanjang Jalan Haji Abu ditutup pada waktu malam untuk tempoh yang tertentu. Langkah ini akan menggalakkan lebih ramai penjaja berniaga berterusan pada waktu malam dan meja dan kerusi boleh disediakan di tengah jalan supaya memberikan suasana yang selesa dan ruang yang mencukupi kepada pelanggan untuk menikmati makanan.

Dalam projek pembangunan Jalan Haji Abu, Bentayan mencadangkan agar keluli binaan kekuatan tinggi digunakan untuk pembinaan struktur bumbung supaya tiang-tiang yang perlu untuk menyokong bumbung boleh dikurangkan. Seperti yang dimaklumkan rancangan pembinaan lorong basikal merupakan salah satu rancangan di dalam kandungan Draf Rancangan Pembangunan Bandar Muar 2002 akan tetapi rancangan tersebut tidak dilaksanakan sehingga kini. Sebagai sebuah Bandar Diraja, Bentayan mencadangkan bahawa aspek aktiviti rekreasi dan sukan ini wajarlah

diutamakan. Sehubungan itu, Bentayan ingin mengemukakan pertanyaan adakah kerajaan masih mempunyai hasrat untuk meneruskan rancangan ini?

Bentayan juga akhirnya, ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan berhubung dengan *Project Nominated sub-contract for mechanical and electrical works for*, Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Muar Parcel 1, Pakej 1. Tarikh siap kerja yang tertera di papan tanda projek adalah 28 Julai 2015 akan tetapi sehingga hari ini masih tidak siap. Apakah sebab projek tersebut mengalami kelewatan? Adakah ia melibatkan kos tambahan ekoran daripada kelewatan tersebut dan apakah tindakan kerajaan negeri terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek tersebut mengikut jadual?

Terima kasih Dato' Speaker atas ruang yang diberikan kepada Bentayan dalam Perbahasan Bajet 2016 hari ini. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Patut lagi laju tadi ya. (Dewan ketawa). Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12:50 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita sambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ok terima kasih Tan Sri Speaker. Selamat sejahtera dan selamat tengah hari. Terlebih dahulu Pengkalan Rinting ingin mengambil kesempatan ingin mengucapkan terima kasih kepada dewan yang mulia ini untuk memberi peluang mengambil bahagian di dalam Perbahasan Bajet 2016. Pengkalan Rinting juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar kerana telah memberikan ucapan bajet yang inklusif dan merangkumi hampir semua aspek.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut *Inter Covernmental Panel of Climate Exchange* (IPCC) suhu di muka bumi kini telah meningkat sebanyak 2˚ menyebabkan *climate exchange magnes* dengan izin, berlaku di mana fenomena seperti El-nino, La-nina telah pun berlaku. Negeri Johor juga tidak dapat dikecualikan dari kesan peningkatan suhu muka bumi ini. Dan baru-baru ini sahaja, bahagian selatan Negeri Johor juga mengalami El-Nino sendiri di mana satu bahagian mengalami kekurangan air dan sebahagian lagi mengalami kelebihan air iaitu banjir. Situasi yang mencabar di mana ada pakar cuaca telah mengumumkan El-Nino yang paling serius akan berlaku.

Saya mengalu-alukan penubuhan Majlis Teknologi Hijau dan penubuhan Perubahan Iklim Negeri Johor pada September lepas. Walaupun penubuhan, pengumuman majlis ini dinyatakan dua tahun lepas dalam Bajet 2014. Saya berharap dapat membantu wujudkan alam sekitar lestari, mengurangkan pembebasan karbon seterusnya mengurangkan *carbon footprint* dengan izin untuk membantu dalam perubahan iklim ini. Saya juga difahamkan ada kajian untuk tujuan mengurangkan sebanyak 40%

hingga 50% bagi penggunaan *carbon footprint,* di kawasan Iskandar Malaysia menjelang tahun 2025. Akan tetapi, ada lagi usaha yang berkenaan untuk merealisasikan pengurangan 40% hingga 50% tersebut dan saya berpendapat, apa yang boleh kerajaan boleh lakukan sekarang. Sekarang adalah lebihkan publisiti dan informasi yang berkenaan diserah kepada penduduk. Ini merupakan pendidikan mesra alam kepada orang ramai. Ok.

Yang kedua, hari tanpa plastik ataupun larangan pengurangan *poliform* boleh dikuatkuasakan untuk mengurangkan sisa pepejal yang tidak boleh diperbaharui ataupun dalam bahasa Inggeris *non renueval* dengan izin.

Yang ketiga memperbaiki sistem pengangkutan awam yang sedia ada dan menggalakkan sistem pengangkutan awam. Lanjutan dari situ, saya juga mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa banyak lagi aktiviti yang membawa padah kepada alam sekitar dan mengurangkan kapasiti untuk menyerap karbon, tetap dijalankan. Satu, keluar, di mana satu kekurangan keluasan hutan-hutan asli dan kawasan hijau dalam kawasan bandar barang kali di majukan telah dimajukan. Saya ambil contoh, keluasan hutan paya bakau di seluruh negeri telah kurang sebanyak lebih kurang 2,200 hektar berbanding 10 tahun dahulu. Dan ada paya bakau, hutan paya bakau terus hilang di muka bumi ini macam seperti paya bakau di Pendas dan paya bakau di bahan keluli.

Kedua, aktiviti penambakan laut secara besar-besaran masih dijalankan terutamanya di Selat Johor dan hutan-hutan paya bakau di sebelah kawasan penambakan ini sudah layu dan seterusnya mati. Kita boleh lihat di persisiran Sungai Skudai dan Sungai Danga.

Yang ketiga, pencerobohan rizab-rizab sungai ini, di mana dalam laporan Audit yang terbaru di Sungai Linggi, Sungai Johor. Yang keempat, pembakaran secara terbuka masih lagi sering berlaku. Saya berpendapat, jika aktiviti sebegini dibiarkan begitu sahaja, pengurangan *carbon emissions* 40% dan 50% ini, tidak akan tercapai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan banjir kilat yang sering berlaku di Negeri Johor. Dan, kami sering difahamkan oleh pihak-pihak berkuasa bahawa hujan, banjir kilat ini berlaku sebab hujan yang amat lebat tambahan dengan air pasang laut yang sangat tinggi. Saya, tadi saya telah menyatakan bahawa perubahan cuaca secara gila. Memang sudah jadi fakta. Contohnya, kalau kita ambil bacaan daripada Stesen Meteorologi Senai, kalau bandingkan 5 tahun yang lepas, 10 purata taburan hujan telah meningkat sebanyak 10%. Dan air laut pasang surut setiap hari dan dia ada kitaran dia sendiri dan barangkali sebab-sebab yang diberi oleh pihak berkuasa adalah boleh diramal dan boleh mencari jalan penyelesaian. Justeru, apa, barangkali banjir kilat disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri. Antaranya, aktiviti yang dimaksudkan ialah aktiviti pemusnahan kawasan hijau yang merupakan kawasan tadahan air semula jadi, tanpa perancangan aliran air secara jangka masa panjang di mana apabila pembangunan baru berlaku di kawasan tinggi, di kawasan yang lebih rendah yang berkenaan dengan pembangunan tersebut akan mengalami takungan air secara mendadak dan seterusnya banjir kilat berlaku.

Dan ketiga, saliran air berkenaan telah tersumbat dan gagal berfungsi, malahan aktiviti penambakan laut juga akan bertambah teruk lagi banjir kilat. Di sini, saya juga berpendapat punca kilat yang berlaku di sekitar Sungai Segget, baru–baru ini adalah daripada aktiviti yang saya sebutkan tadi. Kita difahamkan projek pengindahan dan pembersihan yang dijangka siap pada Jun 2016 ini, melibatkan penyiapan sistem tambatan banjir. Dan, kini telah menjadi satu bahan lawak di mana orang ramai berkata "ini korek sungai, tapi banjir". Kali pertama yang berlaku banjir selepas projek ini ialah 3 hari bulan Ogos, tetapi 3 bulan, selepas 3 bulan iaitu pada minggu lepas 16 hari bulan November dan semalam 24 hari bulan November, berlaku lagi banjir kilat di kawasan situ.

Untuk pemerhatian kita, kuantiti air hujan yang turun dan tahap air laut pasang tinggi, hampir sama sebelum adanya projek ini, tetapi tiada banjir kilat berlaku. Selepas adanya projek Sungai Segget di jalankan, banjir kilat baru dilaporkan berlaku. Kalau kita katakan banjir kilat tersebut tiada kaitan dengan projek tersebut, memang ada kalanya sukar diterima. Selain itu, ikut pemerhatian kita juga terdapat juga satu projek penambakan di muara Sungai Segget yang bermula agak-agak pada masa yang sama dengan projek pengindahan Sungai Segget itu. Jadi, menjadi persoalan sama ada penambakan tersebut menjejas aliran air semasa keluar dari muara sungai. Saya juga khuatir bahawa sama ada kapasiti sistem penebatan banjir yang dirancangkan, boleh menampung kuantiti air dan mengawal air dari melimpah keluar dari Sungai Segget, memandangkan penambakan berlaku di muara sungai itu. Hasil dari banjir kilat Sungai Segget ini, bukan sahaja menyebabkan kesesakan lalu lintas, kita juga difahamkan sebanyak 30 buah kenderaan rosak dan kerugian telah pun dialami oleh peniaga-peniaga dan penduduk sekitar situ. Dan, adakah IRDA ataupun MBJB menanggung kerugian yang dialami ini?

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini juga, masa yang sama DUN Pengkalan Rinting juga ada masalah banjir kilat di mana dekat Sungai Chat, iaitu Kampung Mohd Amin hampir, air hampir melimpah dan Kampung Pasir dan kampung-kampung yang berdekatan dengan Sungai Skudai ataupun soalan utama masih lagi ada banjir kilat. Saya rasa kita tak mahu Negeri Johor maju tapi banjir. Malahan pada tahun 2004, pihak IRDA sendiri pernah berkata "Sifar banjir" pada tahun 2015. Dan kini tahun 2015, keadaan bukan bertambah baik tetapi sebaliknya.

Justeru, saya juga ingin mempersoalkan sama ada RM10 juta untuk kajian pelan tindakan banjir kilat tersebut mencukupi untuk mengganti dan menyelesaikan masalah banjir kilat di seluruh Negeri Johor, memandangkan banyak aduan yang berkenaan dengan banjir kilat dalam Negeri Johor. Dan bilakah pelan ini akan disiapkan?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pengalaman saya sebagai penunggang motosikal amatlah tidak senang hati. Saya rasa semua penunggang motosikal lain juga mengalami perasaan dan pengalaman yang sama, di mana keselamatan sebagai penunggang amatlah mencabar. Bukan sahaja kena mengelak kenderaan yang lebih besar kerana takut tidak nampak oleh kenderaan tersebut, maka ada kalanya tunggang di tepi jalan juga akan berisiko dengan jalan tidak rata, lubang jalan. Kalau hujan turun situ lebih teruk, di mana barangkali terpaksa berlindung di bawah jambatan, perhentian bas. Itu pun kena peka kerana ada takungan air di tepi jalan akan melimpah jika ada kenderaan melalui takungan air tersebut. Malahan bukan lagi

dijamin keselamatan sebab pernah berlaku kenderaan besar melanggar penunggang yang tunggu di tepi jalan.

Mengikut statistik terkini pada tahun 2014, Negeri Johor terdapat 17 juta pemilik motosikal dan mengikut data daripada Imigresen, motosikal yang keluar masuk Malaysia dan Singapura hampir 1.4 juta. Memandangkan kegunaan jalan raya dan jalan utama bagi Negeri Johor amatlah tinggi dan kita ambillah contoh di mana Johor Bahru ke Skudai sahaja catitan Kementerian Pengangkutan pada tahun 2013, sebanyak purata 18 juta kenderaan menggunakan, *sorry* 1.8 juta kenderaan menggunakan jalan tersebut setiap hari, purata harian. Di samping itu, statistik daripada Jabatan Keselamatan Jalan Raya pula menyatakan, hampir 84,000 dan hampir kenderaan kemalangan jalan raya berlaku, dan 60% kes kemalangan maut melibatkan motosikal.

Sehubungan dengan itu, saya ingin memberi dua cadangan kepada Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan motosikal di mana pembinaan infrastruktur untuk memastikan keselamatan penunggang terjamin. Satu, ialah pembinaan lorong motosikal yang berasingan dan mempunyai pembahagian jalan iaitu *road devider* di jalan-jalan utama yang kepenggunan jalan raya yang tinggi seperti di Jalan Johor Bahru ke Skudai, Lebuhraya Pasir Gudang, Jalan Kluang-Ayer Hitam-Batu Pahat, Link Kedua EDL, Jalan Johor Bahru ke Kota Tinggi. Yang kedua, pembinaan tempat melindung hujan yang lebih banyak dan lebih selamat yang jaraknya selamat daripada jalan raya utama.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pengkalan Rinting, sila gulung.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Ok, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Memandangkan tempat tinggal jenis bertingkat di bawah hak milik strata semakin hari semakin banyak dan bakal lebih banyak lagi dalam Negeri Johor, tambahan masalah-masalah yang dihadapi sekarang juga belum sempat lagi di selesai. Saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini terhadap masalah ini dan masalah yang berkenaan ialah timbul konflik antara penduduk, badan pengurusan dan syarikat pengurusan di mana ada penuduhan satu sama pihak sama lain berkenaan dengan gagal pengurusan ataupun menuduh penyelewengan dana dan sebagainya. Hasil daripada itu, keadaan tempat tinggal sekurang-kurangnya di ruang kongsi ataupun *common space* dengan izin semakin hari semakin teruk. Jadi, di sini saya ingin bertanya berkenaan apa status penguatkuasaan akta baru iaitu Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757 dan Akta Pindaan Hak Milik Strata 2013. Akta A150 yang menggantikan akta sebelum ini. Saya juga berpendapat, walaupun akta baru ini kelebihan, kelihatan lebih potensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk, tapi dari segi bilangan kakitangan bagi pesuruhjaya bangunan iaitu CCOB kemungkinan tidak mencukupi. Saya difahamkan bahawa COB di MBJB perlu menjaga sebanyak lebih kurang 400 hak milik strata *tittle* yang terkini dengan kakitangan terhad dengan MPJBT juga perlu menjaga lebih kurang 300 hak milik strata dengan tidak melebihi 20 kakitangan. Jadi, hal ini saya rasa akan mengganggu dari segi penguatkuasaan.

Selain itu, pendidikan dan penyampaian informasi yang berkenaan dengan hak milik strata juga perlu dilakukan lebih kerap kerana ramai penduduk yang tidak tahu haknya atau tanggungjawab apabila memiliki tempat tinggal sebegini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan tapak penjaja lorong belakang Jalan Meldrum, Johor Bahru. Saya rasa ramai yang mengenali sup tulang atau sup ekor di situ. Tapi, banyak lagi makanan istimewa di situ dan boleh menjadi produk pelancongan. Saya faham, pihak berkuasa telah memasukkan cadangan penaik taraf tapak ini. Tetapi saya, di sini saya ingin meminta pihak berkenaan untuk mempercepatkan tindakan penaik taraf ini, kerana di situ, keadaan di situ tidak selesa di mana longkang yang sumbat, yang busuk, seterusnya menyumbang kepada banjir kilat di situ. Penutup longkang rosak, lantai berlubang-lubang dan lebih serius lagi dikatakan ada projek pengorekan longkang yang terbiar. Terbiar selama berapa bulan dan telah mengganggu penjaja di situ. Sehubungan itu, saya minta pihak berkuasa mengambil perhatian yang sepenuhnya dan sewajarnya untuk tapak penjaja tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam ucapan Bajet, Menteri Besar juga menyebut fasal penempatan setinggan. Saya juga meminta pihak kerajaan mengambil perhatian dalam masalah setinggan dalam kawasan Pengkalan Rinting. Kawasan yang saya maksudkan ialah kawasan Sungai Perling, Kampung Bakar Batu sebahagian daripada Kampung Skudai Kiri, Kampung Pasir, Pengkalan Rinting dan kampung-kampung di tepi Sungai Skudai dan Sungai Perling.

Saya juga difahamkan, sebenarnya ramai penduduk dari kampung-kampung tersebut telah membuat permohonan terhadap hak milik sebelum ini, tetapi ini mungkin menghadapi masalah dihalau oleh pemaju. Jadi, saya minta pihak berkuasa atau kerajaan yang mengambil tindakan yang berkenaan.

Dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan kerana telah bekerjasama untuk menyelesaikan aduan yang dituju kepada mereka daripada pejabat saya sendiri. Dengan ini, sekian sahaja dari Pengkalan Rinting. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim (Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor, salam sehati sejiwa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penawar merakamkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam Perbahasan Penggal Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 bagi Bajet 2016. Awalnya, Penawar menjunjung kasih dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena ulang tahun keputeraan dan didoakan Tuanku dianugerahkan kesihatan yang baik berpanjangan. Begitu juga Tuanku Permaisuri serta kerabat-kerabat yang lain. Daulat Tuanku payung mahkota, tempat rakyat tumpang bernaung, didoakan Tuanku dilimpahi sejahtera izin rakyat terus berlindung.

Penawar juga menjunjung kasih kerana kesudian Tuanku mencemar duli ke DUN Penawar dalam siri Kembara Mahkota yang lalu. Gembira rakyat jelata walau seketika tetapi cukup bermakna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan 4 perkara utama yang dikupas berlandaskan 6 teras utama dengan berlatar belakangkan prestasi dan kedudukan ekonomi Malaysia dan diikuti prestasi dan kedudukan ekonomi Johor tanpa berselindung menjelaskan tekanan luar yang lebih hebat terhadap ekonomi negara. Tetapi menerangkan bahawa Johor masih lagi mencatatkan nilai pelaburan RM30 bilion sehingga September 2015 yang tertinggi meninggalkan beberapa negeri yang lain. Seterusnya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga dengan telus mengupas 6 teras Bajet 2016 berasaskan realiti anggaran kutipan hasil, anggaran perbelanjaan mengurus, anggaran perbelanjaan pembangunan, pecahan perbelanjaan pembangunan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, marilah sama-sama kita terus berusaha dan berdoa agar perancangan ini mengukuhkan ekonomi Johor dan mensejahterakan rakyat keseluruhannya. Bentangan yang begitu teliti, dikupas satu persatu, diperjelas setiap inci dengan penuh keberanian. Syabas Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi membuktikan kelestarian bajet ini mensejahterakan masyarakat usahawan, Penawar mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana penyediaan RM2 juta bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana. Mudah-mudahan dengan ini akan sampai ke akar umbi kepada usahawan yang layak di seluruh Johor, seluruh DUN dan diuar-uarkan pemberian serta kejayaannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada itu, fokus untuk usahawan muda ini juga dibuat mengikut langkah-langkah bagi memperkasakan ekonomi belia di Johor. Program Perintis Muda Johor antara salah satu usaha kerajaan Johor untuk melahirkan lebih banyak usahawan-usahawan di kalangan belia. Pembinaan Pusat Kegiatan Belia ataupun *Southern Hub*, dengan izin akan dibina di setiap Parlimen dengan pengurusan 100% oleh belia dengan ruang-ruang perniagaan untuk belia dan kawasan untuk belia beriadah dan berkumpul. Selain dari itu, penubuhan Unit Usahawan Muda dengan peruntukan sebanyak RM520,000.00 juga boleh membawa kepada aktiviti latihan, perundingan, khidmat nasihat dan peluang perniagaan kepada belia. Dengan Program Jelajah Syoknya Berniaga, bengkel rancangan perniagaan, pertandingan penyediaan rancangan-rancangan perniagaan Johor, Johor *Food Fes*t, dengan izin; seminar usahawan dan bazar usahawan muda. Banyak lagi peningkatan usaha yang dibuat untuk usahawan berbeza dengan bajet 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam meningkatkan pengupayaan wanita, dalam bajet ini, dalam pembangunan usahawan, Penawar mengucapkan terima kasih di atas inisiatif kerajaan negeri walaupun hanya RM250,000.00 diperuntukkan kepada usahawan wanita. Wanita yang mengharapkan bajet RM250,000.00 ini bagi kursus kemahiran yang melibatkan 1,000 wanita berpendapatan rendah sama ada berupa peralatan bagi memulakan perniagaan, apa pun rupa bentuk bantuan dapat diperjelaskan, jumlah yang terlibat dan di analisa kejayaannya untuk sama-sama kita raikan pengupayaan kepada wanita ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, wanita jarang yang gagal dalam bidang usahawan ini. Penawar mencadangkan berilah sedikit lagi tambahan, takkanlah hanya sekadar RM250,000.00 sahaja. Di desa dan di kota, ramai wanita yang berpendapatan rendah. Walaupun ada bantuan-bantuan yang lain tetapi adalah diharapkan bantuan yang khusus diberikan kepada lebih daripada 1,000 orang wanita ini. Boleh juga dicadangkan 2 atau 3 orang kuota daripada 1,000 orang ini diberikan kepada ADUN-ADUN untuk dicari di kawasan mereka kepada wanita yang benar-benar layak dan memerlukan sebahagian daripada RM250,000.00 yang diperuntukkan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya Penawar ingin membangkitkan masalah sekolah agama. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menyediakan perangkaan dan cadangan sebagai jawapan kepada masalah sekolah agama yang gagal disiapkan. Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah seramai 1,890 orang guru agama dari 564 buah sekolah agama, yang 77 buahnya terbengkalai. Maka, pihak kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini begitu prihatin kepada mereka. Kita lihat Guru Besar mereka daripada DG41 dengan gaji minimum RM1,917.00 dan maksimumnya RM8,652.00 diberi kenaikan tahunan sebanyak RM225.00 dan guru biasa sebanyak DG29, gaji RM1,589.00 sehingga maksimumnya RM5,173.00 dengan kadar kenaikan tahunannya sebanyak RM145.00. Penawar mencadangkan agar semua sekolah-sekolah agama ini diberi perhatian yang serius dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran. Kerana semua guru-guru di sekolah agama ini seperti juga guru-guru di sekolah kebangsaan. Mereka menjalankan tugas yang dilakukan seperti biasa dengan merekodkan pengajaran harian, menguruskan penerimaan pembayaran yuran murid, menjadi guru kelas, mengawal murid dan segala-galanya. Jadi, Penawar mencadangkan diperuntukkan kerani untuk 564 buah sekolah agama ini bagi meringankan beban yang ditanggung oleh guru-guru sekolah agama ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penawar juga mengingatkan supaya sukatan pelajaran yang agak ketinggalan dan kurang berkesan ini dipertingkatkan. Dan maklumat mengenai sekolah agama yang kini sukar diperolehi juga diperbaiki. Dan, dicadangkan agar guru-guru yang lelaki, kebanyakan guru-guru sekolah agama yang ada pada hari ini perempuan dan eloklah kita mengambil ruang untuk memberi peluang kepada ustaz-ustaz ataupun bekas-bekas, pelajar-pelajar lelaki ataupun siswa-siswa yang mempunyai kelayakan untuk mereka menjadi guru ataupun menjadi ustaz di sekolah-sekolah agama ini kerana yang ada pada hari ini kebanyakannya adalah wanita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada elaun guru-guru sekolah agama yang telah dinaikkan daripada RM1,312.00 kepada RM1,850.00 maka, diharapkan juga bantuan RM5,000.00 kepada badan kebajikan di 564 buah sekolah agama yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar diteruskan pada tahun ini dapat dibelanjakan ataupun digunakan dengan sebaik-baiknya oleh guru-guru ataupun badan kebajikan sekolah agama ini bagi mereka menjalankan aktiviti.

Selain daripada itu, kerajaan pusat, Perdana Menteri telah mengumumkan untuk ITP bagi semua penjawat awam daripada RM300.00, kepada RM300.00 sebulan daripada RM180.00 sebulan bermula 1 November 2015. Dan, saya yakin dan percaya guru-guru sekolah agama yang bersalin juga telah diberi elaun sebanyak RM824.00 setiap bulan

selama 2 bulan. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengemas kini lagi guru-guru dan juga sekolah agama kita apatah lagi negeri Johor salah satunya, satu-satunya sekolah yang mempunyai sistem pendidikan sekolah agama yang cukup baik dan hari ini kita sama-sama mempertingkatkannya agar kita dapat meningkatkan lagi pengetahuan ataupun kedudukan ataupun sahsiah serta jati diri anak-anak Johor yang hebat bukan sahaja dari segi luarannya bahkan juga dari segi rohaninya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sangkanya panas sampai ke petang rupanya hujan di tengah hari. Dalam limpahan rezeki minyak yang Allah berikan, kita diuji pula dengan kekurangan hujan yang menyebabkan gangguan bekalan air. Awal-awalnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mendengar semua yang dibahaskan tentang jumlah hujan, jumlah taburan hujan yang semakin berkurangan yang dibaca sejak 2011 sehinggalah 2015.Saya juga ingin mendengar daripada EXCO Agama sendiri bagaimana agaknya tentang keadaan hujan ini dan pusingan keseluruhannya dari segi falak. Jadi, mohonlah EXCO Agama memberi penjelasan tentang perkara ini supaya rakyat bukan sahaja mendengar tentang perkara-perkara ataupun hal-hal yang berkaitan dengan gangguan ataupun persekitaran tempat tadahan ataupun tasik air dan empangan air dan sebagainya tetapi rakyat juga mengetahui bahawa dari segi agamanya inilah kedudukannya.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Penawar, sila gulung.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apakah jumlah air Sungai Papan cukup untuk menyelesaikan masalah catuan air yang sedia ada? Bagaimanakah dengan air Sungai Lebam? Apakah kosnya lebih tinggi untuk disalirkan ke Sungai Lebam, ke Empangan Sungai Lebam dan bilakah lencongan air dari RAPID ke Sungai Lebam akan bermula? Dahulu kawasan Pengerang tidak mempunyai rumah yang banyak. Hari ini Taman Bayu Damai sahaja terdiri daripada kampung-kampung yang telah disatukan mempunyai lebih daripada 600 buah rumah serta belum lagi dikira kedai-kedai yang ada di sekitarnya walaupun belum beroperasi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dahulu taman perumahan hanya Bandar Mas dan Bandar Penawar. Tetapi hari ini ada Mutiara Desaru, Kedai Desaru Utama, Vila Desaru dan bermacam lagi taman-taman yang baru wujud di Bandar Penawar. Saya mengutarakan hal ini dalam penggal yang lalu di mana saya memohon supaya SAJ dan TNB bersiap sedia untuk menghadapi pembangunan yang begitu pesat berlangsung di kawasan Penawar. Dan, Penawar juga mengharapkan dengan amanah yang diberikan kepada BAKAJ untuk kajian bekalan air bagi negeri Johor dapat dilaksanakan dengan telus.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan 10 daerah mengundi, dengan kepadatan 20,215 orang pengundi, Penawar merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah melancarkan 2 projek RMMJ di Bandar Penawar yang sudah pastinya sangat ditunggu oleh golongan berpendapatan rendah. Kerana, daripada 11,114 unit rumah yang dalam perancangan KEJORA, terselitlah 232 rumah RMMJ. Dan, daripada 3,279 unit rumah KEJORA yang dalam pelaksanaan ataupun sedang dibina, maka terselitlah 112 unit RMMJ. Tahniah dan terima kasih kepada Am Islamic Berhad kerana ikhlas bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi

membantu mereka yang benar-benar berhasrat memiliki rumah tetapi tidak mempunyai syarat yang cukup yang diperlukan oleh pihak bank. Kalau boleh diberilah sedikit pencerahan tentang syarat-syaratnya setelah mereka mendapat tawaran untuk pembelian rumah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penawar juga mengharapkan dengan kepesatan yang berlangsung di dalam kawasan, wujudlah Kedai Harga Patut Muafakat Johor di Bandar Penawar. Mudah-mudahan dari 50 unit dalam perancangan 2016 adalah satu untuk DUN Penawar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperkara hal lain yang berkaitan dengan kesihatan di Bandar Penawar di DUN Penawar, Penawar mengharapkan pusat dialisis 5 mesin yang telah beralih kepada kontraktor yang kedua tidak menjadi seperti Pusat Kesihatan Bandar Penawar yang memakan masa selama 5 lima tahun untuk disiapkan. Penawar menerima hakikat bahawa tidak ada hospital yang akan dibina di kawasan Penawar tetapi Penawar mengharapkan tambahan sebuah lagi pusat dialisis 15 mesin dibina di dalam kawasan DUN Penawar. Terima kasih EXCO Kesihatan.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Bandar Penawar.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya, sekalung tahniah dan penghargaan juga Penawar ucapkan kepada pihak KEJORA atas bajet pendidikan yang diberikan kepada seluruh sekolah-sekolah dalam wilayah KEJORA khususnya dalam kawasan DUN Penawar dan kita dapat lihat kemajuan ataupun kejayaan daripada program-program yang dijalankan ini di mana Sekolah Kebangsaan Penawar 2 dan Penawar 1 serta Air Tawar 4 berada di dalam sekolah yang terbaik dalam daerah Kota Tinggi. Dan diharapkan peruntukan bajet yang diberikan kepada ADUN-ADUN dalam wilayah KEJORA teruslah kepada JPMM supaya kami Wakil Rakyat yang sentiasa terus bergerak dengan program-program dan memang memerlukan perbelanjaan ini dapat bergerak dengan terus.

Dan akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih, saya mohon maaf dan Penawar mohon menyokong usul yang dibawa oleh Semarang.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pekan Nenas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Selamat sejahtera Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pekan Nenas ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu air merupakan suatu isu hangat dibincangkan di negeri Johor sejak akhir-akhir ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan Program Air Percuma sebanyak 25 meter padu diperluaskan kepada kira-kira 5,000 dan melibatkan perbelanjaan RM3 juta dalam Bajet 2016. Tidak dapat dinafikan bahawa dasar ini membawa manfaat terhadap golongan yang miskin. Malah usaha kerajaan Johor dalam Bajet 2016 masih tidak cukup untuk menyelesai masalah Bangsa Johor memandangkan populasi negeri Johor sebanyak 3,515,300,000

orang dan semuanya terpaksa menanggung bayaran tarif air yang paling mahal di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan Selangor telah melaksanakan bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu pertama sejak tahun 2008. Pada tahun 2016, bekalan 20 meter padu pertama secara percuma diberikan kepada setiap pengguna domestik di Selangor dan melibatkan peruntukan sebanyak RM170 juta. Kerajaan Johor jauh ketinggalan jika di banding dengan negeri Selangor dari segi peruntukan yang terlibat. Johor, RM3 juta manakala Selangor RM170 juta perbezaannya sebanyak 57 kali ganda. Di negeri Selangor, semua rakyat terlibat dalam Program Air Percuma malah di negeri Johor hanya melibatkan 0.14% daripada jumlah populasi memandangkan rakyat Johor sebenar merupakan orang yang paling memerlukan bantuan jenis ini. Saya menyarankan pihak kerajaan Johor mencontohi dasar kerajaan negeri Selangor dan memperluaskan sasarannya kepada semua rakyat negeri Johor supaya dapat meringankan beban semua Bangsa Johor yang telah dihimpit sejak pelaksanaan GST mulai April *fool* tahun ini.

Kalau menghadapi masalah kekurangan peruntukan, kerajaan Johor boleh cuba memohon jasa baik Perdana Menteri untuk mengatasi masalah ini memandangkan beliau telah mendapat derma RM2.6 bilion. Pahlawan Bugis yang terunggul di dunia ini sudah berkali-kali menegaskan derma RM2.6 bilion adalah digunakan untuk kepentingan rakyat dan negara. Kini sudah sampai masa, pahlawan Bugis yang kononnya paling handal di seluruh galaksi ini mendapat kesempatan untuk menunjukkan, menggunakan duit RM2.6 bilion ini untuk menjaga kepentingan rakyat. Jika derma RM2.6 bilion ini benar untuk kepentingan rakyat jangan biarlah kenaikan tarif air melambung tinggi. Janganlah biarlah kenaikan bayaran tol selalu diluluskan. Ini telah menyusahkan rakyat dan membebankan kerajaan khasnya pada masa GST menghantui rakyat di seluruh negara. Kalau tidak digunakan untuk mengatasi masalah rakyat, saya nak tanya di mana RM2.6 bilion pergi?

Yang Berhormat Tan Sri speaker, masalah yang rakyat Johor hadapi bukan sahaja terpaksa menanggung tarif air yang paling tinggi di seluruh negara. Yang lain, yang lagi teruknya adalah kerajaan tidak memandang serius terhadap kesengsaraan rakyat dan membiarkan tarif air menjadi semakin tinggi walaupun harganya sudah paling tinggi. Adakah kerajaan berhasrat mencipta rekod supaya tarif air negeri Johor akan kekal menjadi paling tinggi di seluruh negara? Adakah ini balasan kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat di negeri johor yang selama ini dianggap sebagai penyokong kubu kuat terhadap kerajaan Barisan Nasional?

Yang Berhormat Tan Sri speaker, kenaikan taraf air di Johor mulai Ogos tahun ini adalah amat tidak munasabah memandangkan SAJ telah mengaut keuntungan sebanyak RM71.59 juta pada tahun 2014 dan RM73.731 juta pada tahun 2013. Walaupun EXCO Jabatan Kerja Raya memberi penjelasan bahawa margin keuntungan SAJ keuntungan terikat dengan kawalan pihak SPAN pada kadar tidak melebihi 8% bagi setiap tempoh 3 tahun dan soalan keuntungan syarikat bukan soalan utama yang merupakan faktor penyebab tarif perlu diselaraskan. Malah saya masih berpendapat, bahawa tarif air di Johor tidak harus dinaikkan apabila SAJ memperolehi keuntungan yang besar.

Persoalannya, apakah perjanjian sebenar di antara pihak kerajaan dengan SAJ? Adakah kerajaan terikat oleh syarat-syarat perjanjian dan menyebabkan kerajaan tidak berhak untuk membantah permohonan pihak SAJ menaikkan tarif air selagi margin keuntungannya tidak melebihi 8%? Adakah kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada SAJ jika tidak membenarkan kenaikan tarif air?

Soalan ini timbul sebab kerajaan sebenarnya perlu menimbangkan kesengsaraan hidup rakyat sejak pelaksanaan GST. Adalah tidak munasabah kerajaan membenarkan kenaikan tarif air pada masa yang amat kritikal ini. Lagipun kerajaan Barisan Nasional sudah terkenal dengan skandal menandatangani pelbagai perjanjian yang dianggap mengancam kebajikan rakyat. Sebagai contoh, perjanjian kerajaan Barisan Nasional dengan syarikat lebuh raya yang menyebabkan kerajaan terpaksa membuat pampasan sekiranya kerajaan tidak membenarkan kenaikan tol lebuh raya. Menurut Menteri Kerja Raya, kerajaan terpaksa membayar pampasan sebanyak RM593.3 juta kepada 8 lebuh raya jika tidak membenarkan kenaikan tol pada tahun depan. Apakah jenis perjanjian ini? Rupanya ia bukan perjanjian kerajaan yang memelihara kepentingan rakyat dengan sebarang pihak swasta tetapi lihat macam sesuatu kerajaan yang terpaksa menandatangani perjanjian dengan penjajah akibat mengalami kekalahan dalam peperangan. Adakah ini kerajaan yang boleh rakyat harapkan? Pada pandangan saya, setiap komplot perlu menanggung risiko, mengurangkan kos dan meningkatkan prestasi mereka untuk mendapatkan keuntungan? Bukanlah terlindung di bawah syarat-syarat perjanjian untuk memastikan mereka boleh mendapat keuntungan yang stabil dan lumayan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, negeri Johor amat memerlukan strategi-strategi yang komprehensif untuk menyelesai masalah tarif air yang begitu tinggi secara menyeluruh. Saya berharap, tarif air di negeri Johor akan semakin rendah sehingga setaraf dengan negeri-negeri yang lain. Mencontohi negeri Selangor membekalkan Program Air Percuma kepada semua bangsa Johor yang disebut tadi hanya merupakan suatu strategi yang sementara untuk jangka masa yang panjang.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat?

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Kerajaan...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak dibenarkan membaca.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat tidak dibenarkan membaca. Berucap.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Boleh. Untuk jangka masa panjang.

YB Tan Sri Speaker : Saya minta Yang Berhormat sila gulung.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya baru *start*kan enjin sahaja tau. (Dewan ketawa). Enjin baru *start*, dia belum panas. Bagi sikit masa. Nanti dia panas, dia sudah jalan, jalan cepat punya. (Dewan Ketawa).

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Enjin sudah buruk, punya enjinlah.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk jangka masa panjang. Kerajaan perlu menyediakan..

YB Tan Sri Speaker : Tapi masa kena jaga ya Yang Berhormat. Kita berharap Ahli-Ahli rakan-rakan Yang Berhormat yang lain dapat berucap.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya, saya akan jaga masa. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk jangka masa panjang kerajaan perlu menyediakan lebih banyak peruntukan untuk membina infrastruktur bekalan air di negeri Johor supaya SAJ tidak perlu membayar caj sewa pajakan yang semakin tinggi kepada Perbadanan Aset Air Berhad akibat pertumbuhan infrastruktur bekalan air yang semakin pesat. Sama lagi, kalau kekurangan peruntukan mohonlah jasa baik pahlawan Bugis yang terunggul di seluruh galaksi inilah untuk mengagihkan sebahagian sumbangan bukan semua, sebahagian sudah cukup...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, saya dah pesan kena jaga, Peraturan Berbahas Perkara 45(xiii), jadi kita jangan sentuh peribadi. Saya dah pesan awal-awal.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Tak ada saya memuji dia pahlawan yang paling handal di seluruh galaksi ini.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau Speaker Ahli Dewan kena duduk.

YB Tan Sri Speaker : Ya lah. Tak apa, tak apa Yang Berhormat Rengit. Yang Berhormat Pekan Nenas Perkara 45 (xiii) itu tak boleh menyentuh sahsiah, jaga sahsiah kita, jaga, ya? Jangan langgarlah, jangan langgar.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Tan Sri saya faham. Saya tak ada buat tuduhan apa, saya memuji dia. (Dewan ketawa).

YB Tan Sri Speaker : Ya, tapi kita faham maksud yang tersirat.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya memang puji dia. Pahlawan yang paling handal di seluruh galaksi ini positif.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat di Dewan ini kita tak boleh *lawyer* buruk, saya, kita faham maksud yang tersirat. Ok, teruskan.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya, ya. Tan Sri saya faham sebab itu saya memuji dia saya pakai perkataan yang paling positif. Tadi sampai mana? Bagi pandangan saya, menyediakan kemudahan infrastruktur yang asas merupakan tanggungjawab yang paling *basic* bagi sesuatu kerajaan. Kerajaan Barisan Nasional telah mengakui bahawa Dasar Penswastaan Bekalan Air di Negeri Johor telah mengalami kegagalan dan ini merupakan punca utama Bangsa Johor menderita dan terpaksa menanggung bayaran air yang paling tinggi di seluruh Malaysia.

Air merupakan keperluan asas rakyat. Oleh itu, aset infrastruktur bekalan air sebenarnya perlu merupakan aset kerajaan dan rakyat. Ia tidak harus dijadikan alat bagi sebarang korporat untuk menjana keuntungan. Bagi pendapat saya bahawa untuk mengatasi masalah air di negeri Johor, sasaran terakhir dan cabaran yang terbesar bagi kerajaan negeri Johor adalah macam mana kerajaan dapat membeli balik semua aset di bawah Perbadanan Aset Air Berhad, supaya caj sewa pajakan infrastruktur bekalan air tidak lagi menjadi kos dan salah satu faktor kenaikan bayar air.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan sahaja perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan dengan pihak swasta sering dikritik sebagai perjanjian dengan kroni, berbagai pelaksanaan projek kerajaan juga sering dipertikaikan orang awam akibat ketirisan semasa memberi dan memantau projek pembangunan.

Menurut *Audit Report* Negara Tahun 2014, kita dapati projek pembangunan 96 sekolah agama di negeri Johor yang melibatkan peruntukan RM319 juta terbengkalai dengan 87 daripada 96 buah sekolah agama memulakan pembinaan, akhirnya hanya 18 daripada 87 sekolah agama diserahkan kepada Jabatan Agama. Ketirisan kerajaan memberi kontrak dan kelemahan kerja pemantauan terhadap projek pembangunan merupakan salah satu faktor kegagalan projek tersebut. Saya berasa amat kagum apabila mendapati kontrak sesuatu projek pembinaan sekolah agama yang melibatkan peruntukan sebanyak RM319 juta diserahkan kepada pemaju Mysys Net Development Sdn. Bhd. dan kontraktor Irwan Teguh Sdn. Bhd. yang tidak ada pengalaman dalam projek pembinaan bangunan berskala besar.

Selain itu, rekod profil pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) syarikat Irwan Teguh Sdn. Bhd. hanya bermula pada 7 Mac 2012. RM319 juta merupakan suatu peruntukan yang amat besar malah Mysys Development Sdn. Bhd. dilantik secara rundingan terus melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Untuk melaksanakan projek ini, patutkah cara melantik pemaju secara rundingan terus merupakan mekanisme sesuatu kerajaan yang bertanggungjawab dan profesional? Adakah ini pengalaman kerajaan Barisan Nasional yang sudah mentadbir negara ini sepanjang 58 tahun?

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat, masa cukup.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, boleh izinkan saya nanti rehat sikit, saya balik baru bentang kerana masih panjang, saya buat ringkasan dan rumusan boleh tak? Atau saya cepatkan, saya cepatkan.

YB Tan Sri Speaker : Masa tak ada Yang Berhormat, soal masa.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Separuh saja.

YB Tan Sri Speaker : Tak boleh, cukup, cukup.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ok, saya cepatkan, saya gulung.

YB Tan Sri Speaker : Saya minta Yang Berhormat Pekan Nenas,

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya *direct* pergi ke satu *point* kerana saya ada cadangan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kegiatan perjudian mesin kuda masih aktif di negeri Johor. Kini kegiatan perjudian mesin kuda mulai menggunakan Ipad sebagai alat perjudian. Walaupun Pihak Berkuasa Tempatan dan polis mengambil tindakan untuk menyerbu premis-premis yang menjalankan kegiatan tersebut, malah banyak daripada premis tersebut dibuka semula dengan cepat selepas penyerbuan dijalankan.

Bagi orang awam, mereka beranggapan bahawa aktiviti serbuan ini sebagai suatu sandiwara kerana kelihatannya amat kurang berkesan. Pihak berkuasa perlu memandang serius terhadap keadaan ini kerana kegiatan perjudian mesin kuda juga akan menimbulkan masalah sosial dan merupakan faktor peningkatan kegiatan jenayah. Menurut seksyen 21(A) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, pihak polis dengan pangkat ASP berhak mengarahkan pihak TNB untuk memotong bekalan elektrik di premis yang terlibat dengan aktiviti mesin kuda selama satu bulan. Bekalan elektrik hanya dapat disambung semula selepas mendapat kelulusan daripada pihak polis. Saya bercadang supaya...

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat membuat tuduhan-tuduhan seperti ini.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat membuat tuduhan-tuduhan seperti ini pihak yang berkenaan. Jadi, saya harap Yang Berhormat patuh kepada saya supaya jangan terus membuat berbagai-bagai perkara, tamatkan sajalah ucapan ataupun gulungan Yang Berhormat.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya buat ringkasan lagi.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat,

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya gulung.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat,

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya gulung.
YB Tan Sri Speaker : Jangan ingkar arahan Speaker, *you* dengar sini. Speaker yang mengetuai persidangan ini. Jadi, saya dah suruh Yang Berhormat berhenti daripada berbahas, berhentilah cukup. Yang Berhormat Sedili, saya jemput.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmahtullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor bumi berdaulat. (Berselawat). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya amat marah kepada Pekan Nenas kerana ia kurang ajar dan biadap terhadap Sultan Johor. (Dewan bertepuk). Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor adalah keturunan Bugis...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sedili ...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sedili, jangan membuat berbagai perkara yang boleh mencetuskan, jaga. Saya dah beritahu Perkara 45 ceraian (xiii). Jadi haraplah Yang Berhormat mematuhi peraturan persidangan kita. Jemput, teruskan.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya memanjatkan syukur ke hadratNya dengan rahmat yang Maha Esa maka dengan itu kita dapat bersama di Dewan yang mulia ini untuk membincang dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran negeri Johor dan kesejahteraan negeri Johor.

Pertamanya, saya serta seluruh rakyat Sedili mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh anggota pengurusan dan pasukan bola sepak JDT yang mengembalikan kegemilangan bola sepak negeri Johor dengan membawa piala AFC ke bumi bertuah ini, Johor Darul Ta'zim.

Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan hasrat kegelisahan harapan rakyat Sedili terhadap isu-isu yang harus ditangani dengan tuntas pada sidang Dewan kali ini. Ianya merupakan amanah yang saya wajib tunaikan selaku Wakil Rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada sidang Dewan kali ini saya suka mengulangi kembali 7 fokus pelan Suara Hati Johor yang kita semua seharusnya menyebar luas, memberi faham dan melaksanakan usaha memakmur dan mensejahterakan rakyat ini.

1. Keselamatan kerana rakyat negeri ini mendambakan Johor yang bebas jenayah serta berasa selamat.
2. Pertumbuhan ekonomi yang mampan, eksklusif serta adil.
3. Hak rakyat memiliki rumah.
4. Kos kehidupan rakyat yang munasabah dan sesuai dengan pendapatan sekali gus memaksimum ekonomi di Johor perlu dilaksanakan tanpa rakyat rasa terbeban.
5. Meningkatkan kemudahan awam.
6. Kemudahan kesihatan yang baik, bermutu tinggi, menyeluruh dan mudah didapati.
7. Keperluan material dan asasi rakyat.

Usaha kesejahteraan rakyat adalah usaha yang berterusan dari awal hinggalah sekarang oleh kerajaan yang sentiasa mendengar denyut nadi rakyat iaitu Barisan Nasional yang memerintah Johor. Bersangkutan itu, pada sidang DUN kali ini Sedili fokus kepada 3 pelan utama Suara Hati Johor yang merupakan suara masyarakat Sedili iaitu:

1. Keselamatan
2. Hak rakyat memiliki rumah.
3. Meningkatkan kemudahan awam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, fokus pertama keselamatan yakni ancaman gajah. Keselamatan merupakan asas kepada pembangunan sesuatu kawasan. Ianya bukan sahaja merangkumi perkara-perkara jenayah tetapi ianya menjangkaui lebih dari itu

termasuk ancaman binatang liar. Isu gajah berkeliaran dan merosakkan tanaman pekebun-pekebun kecil di dalam daerah Kota Tinggi terutama di kawasan Mawai di dalam DUN Sedili menggusarkan teman-teman saya di kawasan berkenaan.

Ianya menimbulkan rasa tidak selamat dan ekonomi penduduk terjejas kerana hasil tanaman dimusnahkan oleh warga gajah ini. Ancaman gajah ini amat membimbangkan masyarakat sekitar Sedili. Oleh itu, Sedili menawarkan diri untuk menjadi pelapor mengekal kelestarian hidupan liar dengan menawarkan 4 ekor gajah kepada Pusat Santuari Gajah Johor.

Untuk itu, saya memohon peruntukan yang sewajarnya untuk aktiviti tangkapan dan pemindahan gajah-gajah tersebut oleh pihak berwajib di bawah teras kelima bajet tahun 2016, yakni mengangkat agenda Johor lestari yang menyediakan sejumlah RM15 juta untuk Pusat Santuari Gajah Johor. Mungkin Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan Pusat Santuari Gajah Negeri Johor boleh mempertimbangkan perkara ini. Kita bukan nak semua, cukup untuk 4 ekor gajah. Sedili maklum Kahang berkongsi harapan yang sama.

Seterusnya fokus kedua, hak rakyat memiliki rumah dalam pelan Suara Hati Johor. Perumahan generasi baru FELDA, Sedili ingin tekankan hari ini keperluan perumahan atau kediaman untuk rakyat adalah amat mendesak kini. Ia bukan sahaja isu Johor atau Malaysia, malah kebajetan yang sama menghentam negara-negara ASIAN dan dunia. Generasi muda 40 tahun ke bawah yang semakin bertambah jumlah dan dinamik begitu tertekan mendepani situasi ini. Malaysia masih belum sampai tahap Jepun atau China di mana rumah kapsul perlu diperkenal di negara kita.

Andai kita biasa membuka laman *web* dengan izin, ada berbagai jenis rumah kapsul. Ada yang mewah tetapi yang ingin saya kisahkan ini kebanyakannya pekerja muda, graduan di Jepun dan China terpaksa mendiami rumah kapsul biasa yakni rumah kapsul kos rendah yang sempit dan cukup-cukup untuk seorang sahaja, sebuah katil dan tandas. Ini belum lagi yang terpaksa membina rumah-rumah kotak di gelandangan, walhal bekerja dan memiliki ijazah. Malaysia atau Johor belum bajet hingga ke tahap itu.

Bersyukur kita kerana mempunyai Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang amat prihatin perihal isu ini dengan meletakkan ianya sebagai agenda pertama dalam bajet 2016. Justeru, Sedili memuji usaha murni kerajaan dalam kesiagaan menghadapi cabaran-cabaran perumahan yang seiring pertambahan jumlah generasi bangsa Johor pada masa mendatang. Oleh kerana Johor adalah negeri paling ramai warga FELDA, dari keseluruhan 72 rancangan tanah FELDA di Johor, warga FELDA yang juga rakyat negeri Johor melalui kerajaan pusat bersandar agensi terlibat iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), rancangan perumahan generasi kedua FELDA adalah suatu usaha yang terpuji.

Dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen baru-baru ini, kerajaan persekutuan komited dalam pelaksanaan pembinaan perumahan generasi baru FELDA dan pemilikan rumah oleh generasi baru FELDA dengan mengumumkan 20,000 unit rumah yang dibina dengan kadar sekitar RM60,000.00 hingga RM70,000.00. Saya mohon kepada kerajaan Johor supaya

membantu mempermudahkan urusan kerjasama dengan pihak FELDA terutama status tanah supaya lebih banyak lagi perumahan generasi FELDA boleh dibina di Johor.

Secara pukal bolehlah disimpul kerajaan Johor dengan hubungan baik bersama kerajaan pusat, insya-Allah akan mampu mendepani cabaran isu perumahan generasi baru negeri Johor. Negeri-negeri pembangkang wajar contohi ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, fokus ketiga meningkatkan kemudahan awam. Di sini saya ingin mohon membawa dua isu utama iaitu isu infrastruktur untuk kawasan-kawasan perladangan milik anak syarikat kerajaan negeri dan juga isu perkhidmatan bas dari Sedili ke Kota Tinggi yang perlukan penambahbaikan ianya selari dengan agenda 2 yakni Dasar Johor Prihatin, Bajet 2016 negeri Johor. Dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari, sejumlah RM11 juta diperuntukkan bagi melebarkan jaringan perkhidmatan bas percuma dan juga melibatkan Kota Tinggi. Oleh itu, Sedili berharap agar ianya memberi manfaat kepada rakyat di Sedili yang masih menikmati keuzuran sistem pengangkutan bas henti-henti. Ini kerana ianya penting kepada Kota Tinggi sebagai daerah pelancongan. Baru-baru ini saya menikmati perkhidmatan bas henti-henti dari Bandar Kota Tinggi ke Sedili, amat menyedihkan. Bas yang disediakan amat uzur dan tidak mencapai standard pengangkutan awam bagi daerah pelancongan.

Bajet 2016 negeri Johor ini amat meyakinkan saya bagi menyelesaikan isu-isu tempatan di DUN Sedili. Perkara 28, Program Air Percuma; Perkara 29, Projek-Projek Utama Bekalan Air Johor; Perkara 30, BAKAJ akan menjalankan kajian bekalan air Johor; Perkara 31, pembangunan sumber air di negeri Johor. Saya mewakili masyarakat dan pengundi saya yang bekerja dengan ladang-ladang milik anak syarikat kerajaan negeri, mohon untuk pihak kerajaan negeri membantu dalam menyediakan perkhidmatan bekalan elektrik, air bersih dan juga infrastruktur asas yang lain. Ianya melibatkan ladang-ladang anak syarikat kerajaan negeri iaitu Ladang Kambau, Ladang Pasir Logok, Kumpulan Melayu Tunjuk Laut, Pasir Panjang, Bukit Payung, Bukit Kelompok, PPNJ (Pertubuhan Peladang Negeri Johor) dan Ladang Bekas-Bekas Perajurit. Bilakah keperluan ini akan berlaku?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi mengiktiraf golongan muda dan menzahirkan sokongan kepada aktiviti kesukarelaan pertubuhan belia, Sedili berpendapat kerajaan negeri Johor wajar mencontohi pendekatan kerajaan negeri Terengganu dengan memberikan insentif pengurusan sebanyak RM5,000.00 kepada setiap persatuan akar umbi. Ini bertepatan dengan tema bajet negeri Johor, Inklusif Lestari dan Sejahtera untuk Johor.

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Kita tidak harus membiarkan persatuan-persatuan ini mati kerana bagi saya sebagai ADUN Sedili, persatuan-persatuan ini banyak membantu gerak kerja kesukarelaan dan kemasyarakatan. Pertubuhan belia banyak membantu dari cawangan daerah apatah lagi dari Majlis Belia Negeri. Untuk akhirnya, Sedili memohon menjadikan Sedili sebagai pusat cerapan untuk melihat anak bulan di Tanjung Gemuk, Sedili Kecil. Selain lokasinya yang sesuai, ianya menambah produk pelancongan daerah Kota Tinggi. Untuk itu, mohon Yang Amat Berhormat

Menteri Besar mempertimbangkan harapan rakyat Sedili. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri, pada persidangan yang lepas, sebelum ini telah diluluskan RM2.5 juta. Sehingga hari ini tak buat.

Seterusnya, kemudahan telefon di Sedili Besar, lagikan internat jauh sekali. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri, di kawasan saya Sedili Besar, rakyat Sedili Besar belum pernah lagi dengar bunyi deringan telefon. Tak pernah dengar, pasal perkhidmatan telefon sejak merdeka sampai hari ini tak pernah ada. Saya mohon supaya kerajaan yang terlibat untuk mempertimbangkan.

Sebagai penangguhan hari ini, suka saya merafakkan salam rakyat DUN Sedili ke bawah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahkota Johor di atas sumbangan dan usaha memartabatkan sukan bola sepak di negeri Johor ini. Sukan ini telah sekali lagi menjadi wadah penyatuan bangsa Johor. Saya mewakili rakyat Sedili menzahirkan keyakinan bahawa bajet 2016 ini mampu membawa kemakmuran dan kesejahteraan negeri Johor. Kepada Allah berserah, tawakal kepada Allah, Allah berkati Johor, luaskan kuasamu Johor. Sekian, Sedili menyokong usul yang dibawa oleh Semarang.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sedili, contoh yang baik, menjaga masa ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan jam 3.35 petang.

Persidangan disambung semula 3.55 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula. Sila, Semerah.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim (bacaan doa). Salam sejahtera dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Semerah mulai dengan mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat Semerah berdiri mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2016 dalam Penggal Persidangan Ketiga Bagi Dewan Negeri Yang Ke-13 petang ini. Mewakili warga Semerah, kami merafak sembah menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena ulang tahun hari keputeraan baginda pada 22hb yang lalu. Didoakan semoga baginda Tuanku serta kerabatnya sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik dan terus menaungi negeri dan bangsa Johor serta jajahan takluknya. Ucapan sekalung tahniah dan terima kasih kepada yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Mohamad Khaled bin Nordin atas pembentangan Bajet 2016 yang dinanti-nantikan bukan sahaja oleh bangsa Johor tetapi juga negeri-negeri lain di negeri ini. Jika Bajet 2015 bertemakan Membangun Johor secara Inklusif dengan 102 titik sentuhan, manakala Bajet 2016 Yang Amat Berhormat Menteri Besar pula dengan tema Inklusif Lestari dan Sejahtera untuk Johor,

telah disediakan begitu menyeluruh dengan 6teras utama dan 119 titik sentuhan yang mencakupi seluruh bangsa Johor dalam aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keyakinan pelabur terhadap prestasi ekonomi dan kekuatan ekosistem yang dimiliki negeri Johor boleh dilihat dengan pelbagai petunjuk seperti jumlah pelaburan yang diterima negeri Johor. Ianya mengekalkan prestasi pelaburan selama 2 tahun berturut-turut, pada tahun 2013 dan 2014. Sebagaimana dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahun ini, bagi tempoh Januari hingga September, Johor mencatat jumlah pelaburan tertinggi dalam sektor pembuatan iaitu berjumlah RM30 bilion. Dibandingkan dengan Sarawak, RM11.8 bilion; Melaka, RM6.8 bilion; Selangor, RM5.9 bilion dan Pulau Pinang, RM5.4 bilion.

Dalam usaha ketidaktentuan ekonomi dunia serta berdepan cabaran ekonomi dunia yang perlahan dan pasaran global yang tidak menentu, namun bajet surplus untuk tahun kelima berturut dapat disediakan. Kalau di Dewan Rakyat, pihak pembangkang bekerja keras untuk nak memastikan bajet yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak diluluskan, walaupun tidak berjaya. Di Dewan negeri Johor yang mulia ini, kita lihat barisan pembangkang pun turut memuji Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Antaranya oleh Yang Berhormat Bukit Batu menyatakan bahawa bajet yang dibentangkan adalah lebih baik dari bajet persekutuan yang telah 18 tahun membenarkan bajet defisit. Oleh itu, kita nak melihat pihak di sebelah sana juga, demi bangsa Johor, kita hendaklah menyokong dengan mengangkat tangan sama untuk meluluskan bajet terbaik untuk kesejahteraan semua bangsa Johor di akhir perbahasan itu nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Semerah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pucuk pimpinan negeri diketuai Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas keupayaan beliau mengemudi bahtera negeri tercinta. Ini dengan pendekatan yang cukup berhemah dan berani. Amat cukup menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan dan pembangunan untuk melestari dan mensejahterakan lagi bangsa Johor. Semerah juga percaya dan yakin bahawa negeri Johor bertuah ini akan terus maju meraih tempat tertinggi dari segi pertumbuhan KDNK dan pelaburan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun seterusnya. Kejayaan ini adalah kejayaan barisan kepimpinan yang mempunyai integriti yang tinggi digagahi sama oleh penjawat awam yang berdedikasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Johor yang diketuai oleh Barisan Nasional ini memang cukup berintegriti dan amanah. Jadi, kita tidak perlu masuk Parti Amanah kalau hanya untuk dilihat amanah. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada Para 102, Ucapan bajet Yang Berhormat Menteri Besar menyatakan hanya dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat pekerjaan dapat diwujudkan. Pendapatan isi rumah dapat dipertingkatkan, kualiti kehidupan menjadi semakin baik dan rakyat Johor menjadi lebih sejahtera. Inilah sebenarnya kata kunci utama Bajet 2016, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai teras kedua bagi merancakkan ekonomi Johor terdapat 5 agenda besar untuk dilaksanakan. Dan salah satu agenda besar yang keempat iaitu Rejuvenasi Desa Johor. Agenda besar yang ini mencergaskan

rejuvenasi luar bandar. Ia menjadi fokus kerajaan negeri. Inilah satu program inovatif kerajaan yang dinanti-nantikan oleh penduduk luar bandar. Kalau selama ini program banyak ditumpukan kepada merancakkan ekonomi di bandar seperti di kawasan Iskandar ini. Oleh itu, program ini dapat mengimbangkan banyak perkara antara bandar dan luar bandar terutamanya pembangunan, kegiatan ekonomi, pendidikan dan yang penting pendapatan penduduk luar bandar, untuk menjadi negara maju, berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 yang hanya tinggal beberapa tahun lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam merangka Bajet 2016 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mempunyai pandangan jauh ke hadapan dan amat bertepatan, Rejuvenasi Desa Johor menjadi antara fokus penting kerajaan negeri. Kerajaan sebenarnya akan memastikan mereka yang taat setia, sokongan kepada kerajaan di luar bandar tidak sesekali terpinggir. Di sebalik pembangunan pesat negeri Johor, usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup yang berkualiti diharap terus dilaksanakan kerajaan negeri. Mereka akan terus tinggal kekal di desa dan di luar bandar dalam visi yang berlainan dari apa yang mereka hadapi sekarang ini.

Semerah ingin mengucapkan terima kasih kepada Bait Al-Amanah. YB Parit Yaani, minta maaf. Ini tiada kena mengena dengan Parti Amanah. Iaitu Institut Pemikir milik UMNO iaitu parti utama dalam kerajaan Barisan Nasional yang bekerjasama dengan kerajaan negeri, yang akan menyediakan pelan komprehensif untuk mencergaskan Rejuvenasi Desa Johor secara percuma. Semerah mendoakan agar terlaksana dengan jayanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan luar bandar, Semerah percaya segala usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan dan agensinya untuk membantu dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Berjuta ringgit malah berbilion mungkin telah dibelanjakan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan pendapatan. Contohnya di bidang pertanian, peruntukan yang dibelanjakan oleh Jabatan Pertanian Johor dalam bidang ini dari tahun 2010 hingga 2015 berjumlah RM62.4 juta. Meliputi peruntukan kerajaan negeri dan pusat, di bidang penternakan oleh Jabatan Veterinar Johor pula penternak dominan dan unggas berjumlah RM19.3 juta ringgit juga peruntukan dari kerajaan negeri dan pusat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dalam pembentangan bajet bahawa negara mampu mencapai negara maju berpendapatan tinggi lebih awal dari tahun 2020. Mengikut laporan ekonomi, 2015, 2016 PNK mendominal berkapital dijangka meningkat 5.6% daripada RM36,697 pada tahun 2015 kepada RM38,438 pada tahun 2016. Menurut statistik oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, pendapatan bulanan isi rumah purata luar bandar pada tahun 2009 ialah RM2,982 iaitu meningkat kepada RM3,628 pada tahun 2013. Justeru itu, usaha yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam Program Rejuvenasi Desa Johor akan melonjakkan lagi pendapatan penduduk luar bandar.

YB Dato' Timbalan Speaker : Semerah sila gulung. Jadikan Sedili contoh yang baik.

YB Encik Mohd. Ismail Bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha kerajaan negeri bagi meneruskan Semerah mengucapkan terima kasih pada kerajaan negeri. Usaha untuk meneruskan dan memperluaskan program Johor *Free WiFi* amatlah dipuji yang melibatkan 135 *hotspot* di 16 PBT seluruh negeri Johor. Walau bagaimanapun, Semerah agak terkilan kerana tiada 1 pun *hotspot* yang diwujudkan dalam kawasan DUN Semerah di bawah Majlis Perbandaran Batu Pahat. Oleh itu harapan agar sekurang-sekurangnya setiap kawasan DUN diadakan 1 *hotspot* untuk memberi kemudahan yang sama di semua DUN. Begitu juga dengan kemudahan jalur lebar yang merupakan keperluan penduduk bukan sahaja di bandar dan luar bandar, oleh itu Johor, namun begitu kawasan di pinggir bandar pun belum perkhidmatan liputannya agak tidak memuaskan. Semerah berharap agar liputan jalur lebar ini dapat diperluaskan lagi. Selari dengan kepenggunaan dan keperluan semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penyelenggaraan jalan-jalan kampung amat diperlukan oleh penduduk luar bandar. Semerah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang di atas program pembesaran penyelenggaraan dan menaik taraf jalan-jalan kampung. Di kesempatan ini Semerah ingin mengemukakan permohonan di Dewan ini bagi menaik taraf jalan kampung kepada jalan negeri iaitu jalan kampung Parit Kuda Mukim 1 Lubok Batu Pahat, jalan sepanjang lebih kurang 3km yang menghubungkan laluan jalan persekutuan Batu Pahat ke Muar dengan jalan negeri Batu Putih ke Semerah. Jalan ini akan memberikan kemudahan kepada lebih 5000 orang penduduk. Dewan yang mulia ini juga Semerah pernah mengemukakan projek agro pelancongan berasaskan bakau dan pertanian yang dicadangkan di Paya Bakau Hentian Mahkota Parit Semin Mukim 2, Bagan, Batu Pahat. Inilah satu-satunya rekreasi bagi penduduk Semerah mengisi masa senggang bersama keluarga di kawasan DUN Semerah. Di samping terdapatnya pengkalan nelayan, pusat pendaratan ikan, pasar nelayan serta medan selera ikan bakar dan lain lagi. Oleh itu, mohon kerajaan mempertimbangkan kelulusan agro pelancongan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah juga ingin bertanyakan mengenai ajaran fahaman Syiah dan Wahabi nampaknya macam dah senyap tetapi dia menular di peringkat bawahan. Oleh itu kita mohon penjelasan di dewan yang mulia ini, sejauh mana perkembangan ajaran Syiah dan Wahabi di negeri Johor ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, Semerah mohon menyokong usul yang dibawa oleh Semarang sekian wabbilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahita'alawabarakatuh.

YB Dato' Speaker: Terima kasih Semerah, sila Senai. YB ikut masa yang ditentukan.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih dan salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mewakili rakyat Senai ingin merakamkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang menerima cadangan tanpa kira persefahaman politik terutamanya dalam rancangan sistem pengangkutan awam seluruh negeri. Ini adalah contoh terbaik untuk politik matang. Dewan ini adalah institusi tertinggi suara rakyat dalam negeri Johor. Kita semua Ahli-Ahli Dewan Negeri berkhidmat untuk bangsa Johor berbicara atas kepentingan orang ramai bukan untuk sendiri. Maka Senai harap bicara demokrasi ini konsisten dengan kelakuan di luar Dewan. Janganlah berlaku lagi insiden Taman Megah Ria yang tidak selaras dengan prinsip-prinsip demokrasi. Bangsa Johor sepatutnya jadi negeri moden mempromosi demokrasi di antara 14 negeri. Walau

bagaimanapun, kita belum mengiktiraf kedudukan ketua pembangkang dalam institusi kita buat masa ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, Senai ada 4 isu pokok dasar, dan 1 isu kawasan, harap dapat perhatian kerajaan negeri Johor, sahaja, 5 isu sahaja.

Isu pertama, pengangkutan awam, Senai ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor kerana menubuhkan 1 sistem bas percuma di 4 PBT dalam belanjawan 2016. Dasar ini amat baik dan sepatutnya di bawa luar kawasan zon selatan, Johor walaupun penduduk Senai akan di manfaatkan dalam dasar ini. Senai rasa, bas percuma perlu dilaksanakan di Batu Pahat, Kluang, Muar, Segamat dan bandar peringkat kedua lain di Johor juga. Senai ingin tahu juga jumlah bas di sedia dalam projek bas percuma, dan kos butiran projek ini. Senai harap projek ini akan berterusan hingga seluruh negeri ditawar perkhidmatan. Manakala salah satu prinsip yang paling penting dalam rancangkan rangkaian bas adalah permintaan. Senai harap pihak perancang memutus laluan bas atas prinsip permintaan. Satu contoh yang baik adalah perkhidmatan yang baru dilancarkan oleh LTA Singapura iaitu Bline. Pemikiran perancangan pengangkutan awam berkembang pantas untuk menambah baik sistem pengangkutan awam negeri Johor, Senai mencadang satu jawatankuasa terpilih ditubuh di bawah dewan negeri agar YB-YB mewakili kerajaan dan pembangkang dapat peluang berbicara lebih terperinci untuk isu ini. Ini kerana isu pengangkutan awam terlalu luas dari mula pengurusan dan ekuiti perancangan dan pelaksanaan semua isu ini susah untuk di bincang secara lebih terperinci dalam sidang Dewan yang tidak bersidang melebihi 20 hari 1 tahun.

Selain daripada bas percuma yang akan dilaksanakan di 4 PBT kita tidak mengabaikan pembinaan projek landasan berkembar juga. Mengikut buku projek yang telah di pamerkan di beberapa lokasi, satu stesen baru akan dibina di pekan Senai. Ini adalah keputusan yang paling tepat memandangkan perkembangan Senai sekian pesat. Manakala Senai berpendapat bahawa Johor adalah negeri yang paling berpotensi untuk membangunkan satu sistem pengangkutan awam berasas landasan kereta api kita mempunyai landasan kereta api dari Gemas ke Johor Bahru sepanjang sekurang-sekurangnya 100km buat masa ini. Walau bagaimanapun jumlah penumpang kereta api semakin kurang sejak tahun 2012. Oleh itu, Senai mencadang satu rangkaian landasan kereta api di bina agar semua bandar Johor dihubungi. Ini bukan misi yang tidak boleh dicapai kerana kita sekarang sudah ada landasan kargo menyambung pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Johor kita seharusnya membina beberapa landasan kereta api menyambung bandar terletak timur dan barat.

Bayangkan kita adalah landasan kereta api dan perkhidmatan kereta api di antara Batu Pahat, Kluang dan Mersing. Muar dan Yong Peng rangkaian kereta api yang lebih menyeluruh dan mengurangkan kos pengangkutan untuk ramai isi rumah dan juga kos logistik perniagaan. Dan, ada satu isu yang penting kerana dalam bajet untuk tahun 2015 sebanyak RM 1juta telah diperuntukkan untuk menyediakan satu pelan induk pengangkutan awam Johor. Senai berharap pelan induk pengangkutan Johor ini boleh dikemukakan bukan di bentang mungkin dikemukakan untuk semua Ahli Dewan Negeri kita semak dan baca apa rancangan sebenarnya di sedia oleh kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senai amat mengambil berat dalam isu pengangkutan awam kerana pengangkutan adalah beban berat kepada golongan

berpendapat dari RM2000.00 ke RM5000.00 ringgit sebulan untuk memilih sebuah kenderaan pergi kerja. Golongan ini terpaksa pinjam duit dari bank kadar faedah dan pinjaman dan kos petrol semakin meningkat kuasa beli semakin merosot.

Dan, ini juga berkaitan isu kedua yang Senai ingin membangkitkan isu ekonomi adalah isu kedua yang amat penting memandangkan ekonomi sedunia kita akan mengembali ke tahap sebelum krisis ekonomi 2008, dalam jangka masa pendek. Kerajaan seharusnya memainkan peranan untuk merangsang pelaburan domestik kerajaan bukan syarikat swasta profit tinggi bukan matlamat kita, matlamat satu kerajaan adalah Bangsa Johor berpendapat tinggi semua orang dapat pekerjaan diingini kehidupan aman dan damai. Oleh itu, Senai mencadang bahawa kerajaan mungkin boleh mengecualikan bayaran lesen penjaja untuk tahun 2016. satu tahun sahaja untuk penjaja yang berniaga di beberapa tempat yang ditadbir oleh PBT masing-masing. Mereka terpaksa membayar bukan satu lesen penjaja tetapi tiga atau empat lesen penjaja dengan keadaan ekonomi yang tidak baik sekarang khasnya selepas pelaksanaan GST aktiviti pasaran semakin kurang. Semua isi rumah mengurangkan perbelanjaan mereka malah mereka tidak daftar penjaja yang tidak daftar dengan kastam untuk cas GST maka kos penjaja tidak menurun kerana penjaja tidak boleh pindah kos GST kepada pelanggan mereka sekiranya mereka meningkatkan harga barang, respons akan mengurangkan jumlah membeli belah akhirnya penjaja masih terjejas. Dengan ini, Senai berharap kerajaan negeri pertimbang lagi macam mana kita boleh mengurangkan kebebanan penjaja-penjaja seluruh negeri di landa oleh krisis ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu ketiga saya adalah isu kualiti kehidupan bandar negeri Johor adalah salah satu negeri yang mempunyai setinggi 70% populasi perbandaran dengan peringkat perbandaran yang tinggi ini isu meningkat kualiti kehidupan bandar adalah isu yang amat penting. Senai merakamkan penghargaan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana berhasrat menyelesaikan masalah setinggan. Malah masalah yang dihadapi oleh kita sekarang bukan setinggan kita setinggan yang dulu. Setinggan yang dulu adalah satu kawasan perumahan yang dibina oleh penduduk sendiri maka isu setinggan yang Senai ingin bangkit dalam Dewan ini adalah setinggan dibina oleh kerajaan atau *developer* swasta atau pemaju swasta di *flat* lingkungan. Kawasan Kulai ada satu blok yang mempunyai 18 unit kosong 1 blok sahaja 18 unit yang kosong. Malah semua unit bukan betul-betul kosong kerana unit yang terbengkalai itu sebenarnya di penuh dengan sisa pepejal sekiranya kejadian yang tidak diingini seperti kebakaran berlaku, unit yang penuh dengan sampah ini akan jadi salah satu punca pertama yang membahayakan keselamatan penduduk. Senai mencadang bahawa semua unit terbengkalai ini boleh dibeli oleh kerajaan. Bersihkan lebih dahulu, sewa kepada orang yang memerlukan. Di samping itu, kerajaan tempatan seharusnya mengupah anak tempatan untuk menjagakan kebersihan sekeliling terutamanya di kawasan perumahan di duduki oleh lebih ramai isi rumah pendapatan, berpendapatan rendah. Contohnya, *flat* Lenggongan yang Senai sebut tadi, ada penduduk-penduduk yang belum dapat kerja lagi dan mereka sedang mencari pekerjaan seperti pembersih. Malah kebersihan sekitar rumah pun tiada orang jaga juga. Di Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Prai mengambil alih semua kontrak pembersihan dan upah pegawai kebersihan sendiri. Gaji pembersih sekurang-kurangnya RM1500 sebulan. Anak tempatan yang diupah, bekerja bertungkus lumus kerana itu kawasan mereka sendiri. Maka kerajaan

mewujudkan peluang pekerjaan dan alam sekitar yang lebih bersih. Yang Berhormat Dato' Speaker, kualiti.

YB Dato' Timbalan Speaker : Boleh Senai rehat kejap ye. (Persidangan ditangguhkan sebentar bagi menghormati azan). Sila Senai sambung. Sikit lagi ye.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kualiti kehidupan bandar ini tidak boleh dinilai dengan pendapatan penduduk-penduduk sahaja. Senai sering kali bangkitkan isu kesesakan lalu lintas Tambak Johor. Kali ini tidak akan dikecualikan, kesesakan lalu lintas semakin teruk, memandangkan kedua-dua pihak negara tiada tindakan atau pelan yang boleh menyelesaikan masalah tersebut segera. Senai minta kerajaan negeri berunding dengan kerajaan persekutuan secepat mungkin membina satu laluan pejalan kaki berbumbung. Sekiranya kerajaan negeri dan persekutuan berhasrat dan berbaik lagi, membina *travelator*, dengan izin untuk memendekkan masa jalan kaki. Yang Berhormat Dato' Speaker, isu-isu kesesakan lalu lintas tambak johor ini mengesan buruk ramai keluarga di selatan Johor. Mereka terpaksa keluar kerja pada jam 5.00 pagi. Balik rumah selepas jam 9.00 malam. Duit banyak, dapat banyak tetapi langsung tiada kualiti kehidupan. Buat masa ini, nilai mata wang ringgit kian merosot, jumlah warga Malaysia yang bekerja di Singapura kian ramai. Pada masa yang sama, kerajaan Singapura meningkatkan gaji pembersih di bawah *Progresive Wages Module*, dengan izin ke SD1000, bayangkan berapa ramai warga Malaysia akan ulang alik tiap-tiap hari cuma untuk cari satu pekerjaan yang menawarkan gaji lebih tinggi daripada peluang tempatan. Untuk jangka masa panjang, kita seharusnya membangunkan ekonomi negeri yang lebih baik dan lebih kukuh, menarik balik semua bangsa Johor. Namun untuk jangka masa pendek Senai minta kerajaan negeri dan persekutuan memberi prihatin dalam isu kesesakan lalu lintas terlebih dahulu. Masa di buang dalam kesesakan lalu lintas ini adalah punca utama kemerosotan kualiti kehidupan ramai keluarga di selatan Johor. Sekiranya kita boleh mengurangkan jumlah kenderaan dengan menggalakkan lebih ramai orang mengguna pengangkutan awam berulang-alik di antara Woodlands dan Johor Bahru, kita akan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pegawai Imigresen juga. Pegawai Imigresen kita terpaksa bertugas dalam pondok tingkap terbuka, maka asap pelepasan semua kenderaan mencemarkan kualiti udara dalam bangunan KIK. Orang yang beratur penat, orang yang bertugas sebenarnya menderita juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu keempat saya adalah negeri progresif untuk pekerja asing dan isu petani. Senai berharap negeri kita bukan sahaja satu negeri maju dan makmur, tapi juga satu negeri yang progresif, apa maksudnya progresif. Dari segi dasar, sekiranya kita mengguna isu pekerja asing sebagai contoh. Maksud progresif termasuklah sikap dan dasar kita terhadap pekerja asing. Menurut jawapan diberi kepada saya pada sidang Dewan yang lalu, Johor mempunyai seramai 288,000 pekerja asing. Ini yang ada daftar, yang belum daftar, yang tiada dalam sistem kita, kita tak tau berapa ramai. Sebanyak satu per tiga, iaitu 113,000 orang daripada seluruh tenaga kerja asing ini berasal dari Nepal. Warga Indonesia seramai 95488 orang. Warga 19000 orang. Warga Vietnam 15,000 orang. Soalan penting adalah, kenapa kita memerlukan pekerja asing sebegini ramai? Populasi negeri Johor cuma 3 juta. Namun populasi pekerja asing telah mencapai hampir 10 peratus. Kalau berbanding dengan tenaga kerja negeri Johor. Berapa banyak lagi pekerja asing sebenarnya. Senai tidak setuju dengan dasar pekerja asing yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan. Namun

YB Dato' Timbalan Speaker : Senai, sila gulung. Masa.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai): Ok. Saya akan cepatkan. Namun saya berpendapat bahawa kita masih seharusnya mempertahankan hak asasi mereka. Pekerja asing adalah manusia, bukan mesin kerja. Kerajaan negeri perlu mengenal pasti rumah atau kedai yang diguna sebagai hostel pekerja asing, sekurang-kurangnya memenuhi syarat-syarat keselamatan. Dan juga isu kebersihan, isu kebersihan sering kali jadi satu isu kalau satu kawasan diduduki oleh lebih ramai pekerja asing. Senai percaya bahawa isu kebersihan ini sebenarnya adalah satu isu pendidikan dan penguat kuasa. Sekiranya pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasa dan mendidik pekerja asing dalam bahasa ibunda mereka. Isu kebersihan ini tidak sepatutnya timbul. Contohnya salah satu kilang terletak di kawasan perindustrian Senai menghadapi alam sekitar yang kotor setiap hari Isnin. Itu kerana pekerja asing senantiasa makan dan minum di luar premis mereka apabila pasar malam dijalankan dalam jarak 100 meter daripada kilang itu. Sekiranya PBT berhasrat menyelesaikan isu ini, saya tidak nampak apa halangan untuk PBT menguatkuasa atau mendidik pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu petani. Negeri kita adalah negeri pengeluaran makanan yang amat penting untuk pasaran domestik dan juga negara jiran. Penghasilan yang tinggi ini di wujud oleh petani-petani bekerja bertungkus lumus di atas tanah kita. Namun ramai mereka sebenarnya tidak memilik tanah pertanian sendiri. Mereka sewa dengan orang lain dengan kontrak jangka pendek. Satu tahun atau dua tahun. Ini punca mereka tidak berhasrat untuk melabur dalam dana dan alat-alat petani yang lebih canggih. Tiada orang akan melabur apabila dia pun tidak tentu bahawa dia boleh dapat tanah untuk menanam atau tidak. Masalah ini serius di antara petani sayur-sayuran, khususnya di kawasan Kulai. Senai harap kelulusan permohonan tanah pertanian sebanyak 4,213 dalam bajet 2016 ini adalah permohonan yang benar. Maksudnya pemohon yang di lulus mestilah petani yang betul-betul menghasil daripada tanah bukan menghasil daripada sewa tanah. Dan masalah terakhir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masalah kesesakan lalu lintas adalah satu isu yang amat mengganggukan kehidupan penduduk-penduduk Senai dan Kulai. Masalah ini bukan berlaku di CBD Johor Bahru atau Tambak Johor sahaja. Pekan Senai menghadapi masalah ini tiap-tiap hari pada waktu petang. Contohnya 2 minggu yang lalu. Satu, sebuah lori rosak di depan RHB Senai dan menghalangkan satu lorong. Maka kesesakan lalu lintas ini, terus sampai kampung saya, Kampung Baru Saleng, sepanjang 5 kilometer dalam 4 jam. Sesak 4 jam. Jam 6.00 petang setiap hari, pekerja balik rumah daripada kawasan perindustrian Senai terpaksa membuang masa dalam kesesakan lalu lintas pekan Senai. Masalah sekarang adalah jumlah kenderaan semakin banyak namun tak ada jalan alternatif. Senai berharap jalan alternatif yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke 10 boleh dilaksanakan secepat mungkin. Dan akhirnya Senai ingin mengucapkan terima kasih, khusus kepada semua pegawai-pegawai Pejabat Jurutulis yang bertugas bertungkus lumus dari awal pagi hingga lewat malam untuk sidang Dewan kita dilancar di jalan secara lancar dan saya harap sidang Dewan kita boleh di jalan secara lancar dalam masa yang akan datang juga. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Sila, Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Dah naik pangkat, Yang Amat Berhormat pula.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang): Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan isu-isu berkenaan dengan Bajet 2016 di Dewan yang mulia ini.

Dalam era globalisasi sekarang dengan teknologi maklumat yang canggih, kita mengalami persaingan yang sengit, antarabangsa yang sangat sengit. Peralihan fenomena ini menentukan sama ada rakyat boleh terus kental dalam soal sara hidup, ekonomi, perdagangan, politik, sosial, alam sekitar dan sebagainya dalam segala aspek. Walaupun kita sebagai sebuah negeri di bawah persekutuan Malaysia tetapi kita juga tidak boleh, kita perlu juga mengorak langkah dengan membentuk acuan yang kompetitif supaya Johor mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Dalam konteks ini, implementasi ya, implementasi adalah jauh lebih penting daripada perancangan. Maknanya kita tidak boleh ada rancangan yang fantastik tetapi mempunyai implementasi yang lemah ataupun jauh menyimpang. Kita memang menyambut sebarang cadangan atau rancangan yang membina. Tetapi apa yang lebih penting adalah pelaksanaan secara konsisten yang membawa kesan yang berpanjangan dan akhirnya membawa kita melepasi dari satu peringkat ke satu tahap yang lebih tinggi. Maksudnya kita mesti ada satu *lead* yang menonjol. Jadi di sini saya akan utarakan beberapa isu berkaitan supaya kerajaan akan lebih peka dan proaktif dalam pelaksanaannya. Antaranya adalah perancangan dan implementasi pelancongan, industri tempatan dan penjenamaan, perumahan dan keazaman politik.

Yang pertama adalah berkenaan dengan perancangan dan implementasi, memang dalam Bajet 2016 dan perancangan, memang kita, Johor ada banyak pelan rancangan. Antaranya kita boleh tengok Pelan Transformasi CBD JB, ada juga *Johor Convention And Exhibition Bureau*. Johor antarabangsa KPSJ, Pelan Pertumbuhan Strategik Johor, Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor, Pelan Induk Kemahiran Johor, Pelan Strategik Jangka Panjang Pengangkutan Awam Johor, Kajian Bekalan Air. Ini semua rancangan, ya. Kita bukan menolak 100% mengatakan pelan tersebut tidak baik atau tidak membina. Bahkan memang kadang-kadang dalam kertas cadangan nampak padat dan sepadu. Tetapi ingatan kita adalah, peringatan kita adalah, apakah hasil implementasikan setiap rancangan, ya. Apakah kesan berpanjangan yang kita boleh lihat akhirnya selepas implementasi. Adakah kita seolah-olah dalam satu usaha, kita terpaksa bermula dari keadaan asal selepas setiap rancangan. Maknanya, apakah kejayaan yang boleh dijadikan asas kepada kesinambungan rancangan yang seterusnya. Ya. Ini yang sangat penting, kerana kita tidak mahu tengok contoh-contoh seperti Proton City, MM Multimedia Super Coridor, PKFZ dan sebagainya. Di mana kita ada rancagan yang fantastik tetapi akhirnya implementasinya terjauh menyimpang. Contohnya yang semalam saya juga ada ceritakan berkenaan dengan pelaburan Iskandar, di mana selepas 10 tahun kita masih berada pada tahap pelaburan direalisasikan yang di bawah paras sasaran kita iaitu sekitar RM90 bilion sahaja. Iaitu 24% daripada angka sasaran. Jadi inilah saya rasa kita penekanan, ya, azam politik yang lebih perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan rancangan dan implementasi kita.

Isu yang kedua yang saya ingin utarakan adalah berkenaan dengan isu pelancongan. Isu pelancongan, kerana isu pelancongan merupakan satu isu di mana negara kita Johor boleh mengaut keuntungan yang besar daripada industri ini. Kita, saya di sini nak ambil contoh, beberapa contoh, pada April 2015, rombongan insentif syarikat Tien She dari China pergi ke Perancis. Bilangan pelancong 6,040 orang. Jangkaan perbelanjaan 150 juta.

Tahun yang sama, Syarikat Lee Kam Kee dari China, dia pergi ke Bangkok, membawa 12,700 orang dengan anggaran perbelanjaan RM100 juta. Pada tahun yang sama juga, rombongan Wan Mei dari China, pergi ke Holand, 4,500 orang, anggaran perbelanjaan RM30 juta. Dalam beberapa hari sahaja. Dan satu lagi, rombongan insentif Wan Mei dari China, pergi Pulau Pinang, 4000 orang, anggaran perbelanjaan adalah RM40 juta hingga RM100 juta. Jadi dengan contoh-contoh macam ni, Malaysia perlu peka akan perkembangan dan trend terbaru pelancongan sedunia dan rombongan mega. Kita panggil rombongan mega, ya, mega. Permintaan dan pasaran pelancongan yang terbuka luas perlu di lihat sebagai peluang keemasan, perkembangan pelancongan Malaysia.

Kerajaan Johor mesti berusaha dan mempertingkatkan kuasa rundingan dengan rombongan mega dari luar negara. Kita tidak boleh lagi bersikap reaktif dan hanya menunggu mereka datang sahaja. Selain membuat pameran pelancong, carian potensi rombongan dan rundingan yang terus, yang berkesan perlu dilaksanakan supaya kita boleh membawa rombongan mega tersebut ke Malaysia. Kita tidak boleh leka dengan satu atau dua jenis produk pelancongan sahaja, kerana kita akan ditinggalkan oleh negara lain dengan daya saing yang lebih kuat. Contohnya Legoland sekarang, ia mungkin tidak akan menjadi popular pada masa lima tahun yang akan datang. Mungkin, kita tidak tahu, pelancong tidak akan datang ke Johor kerana Legoland. Mungkin Legoland akan menjadi produk sampingan sahaja. Jadi, kita mesti ada produk utama, untuk sentiasa mempunyai produk utama, baru dan diperkasakan dengan produk sampingan.

Memandangkan tema-tema permainan besar yang bertaraf antarabangsa di bina di serata, di merata dunia. Kita tengok di China, di negeri China sahaja dijangkakan ada 64 buah taman tema megah di bina menjelang tahun 2020. Di mana sekarang sudah lebih daripada 20 dan di satu daerah sahaja, Anhui sudah ada cadangan membina sembilan *Angry Bird Hub Park,* mega menjelang tahun 2018. Jadi persaingan adalah sangat sengit. Kita mesti mengambil langkah yang proaktif. Selain itu contoh kita tengok, apabila membina taman tema kita tengok Singapura, kita tengok, dia membina taman tema *Garden by The Bay, Singapore*, yang berinfrastruktur canggih, mendukung unsur mesra alam dengan teknologi hijau diiringi dengan flora dan fauna yang tidak terhingga nilainya. Ha, inilah yang kita mahu lihat.

Jadi, industri pelancongan merupakan satu industri yang memang boleh membawa pulangan dan pendapatan yang lumayan kepada negara. Di tambah pula dengan trend pertambahan bilangan penduduk dunia, keadaan hidup mungkin semakin baik, globalisasi sistem pengangkutan dan perhubungan sedunia yang berkembang, pelancongan pasti satu bidang yang mempunyai potensi yang sangat luas. Kita akan ... daya saing kalau kita tidak mampu mendapat keuntungan daripada arus ini jika kita tidak cukup ke depan, tidak proaktif, lambat dari segi kepekaan cita rasa pelancong

sedunia, perkembangan lambat dengan infrastruktur sokongan yang lemah, tanpa disedari kita mungkin akan ketinggalan atau sukar untuk mengawal balik.

Kita tidak boleh menafikan bahawa kita sudah ada pelbagai usaha yang sedia ada, ya. Tetapi, saya rasa unsur-unsur baru perlu disuntikkan. Salah satu yang berkaitan adalah industri perfileman. Industri perfileman ini ada kaitan dengan pelancongan. Jadi kita mesti mengintegrasikan perfileman dengan pelancongan. Saya ambil contoh ha, Korea. Pelancongan Korea telah diperkasakan oleh perfileman Korea kerana dalam Iskandar, perfileman merupakan salah satu bahagian yang kita ada promosikan. Jadi kita perlu ambil bahagian ini dengan lebih tegas. Unsur lembut dalam perfileman Korea telah menonjolkan aspek lagu, pakaian, makanan dan sebagainya untuk tatapan dunia. Maka tempat mengambil filem juga akhirnya menjadi destinasi pelancongan. Saya nak ambil contoh, ada satu filem di mana yang bertemakan "Da Chang Jin" telah mempromosikan budaya, tradisi, adat resam Korea, makanan dan minuman Korea, serta pakai pakaian tradisi Korea telah dipersembahkan dengan begitu menarik. Lantaran itu mereka yang tertarik dengan perfileman tersebut akan melancong ke Korea. Jadi mereka tempat-tempat mengambil filem itu juga di buka di Seoul untuk kunjungan orang ramai. Dan satu lagi filem kita panggil "Dong Jie Tian De" telah mengintegrasikan pemandangan semula jadi dengan kisah cinta yang romantik. Jadi mereka yang mengidamkan perasaan tersebut akan memilih untuk melancong ke Korea, tempat-tempat pemandangan indah yang pernah difilemkan dalam filem tersebut juga di promosi dengan kuat dan ini meningkatkan destinasi pelancongan. Saya rasa ini sangat bagus, kita perlu belajar. Kemudian ada lagi satu filem "San Fu Da Wan", Puteri Berhati Baik. Ia memaparkan kekayaan

YB Dato' Timbalan Speaker : Stulang suka tengok filem Korea? (Dewan ketawa)

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Boleh la, boleh la, ada tengok sikit la dengan anak, dengan bini ada tengok sekali sekala. Ini filem dia memperkayakan aset Diraja serta bangunan-bangunan lama bersejarah mereka. Saya rasa ini idea yang begitu baik lagi. Jadi selain contoh ini, banyak taman tema, kedai kopi, *street market*, pasar, tempat membeli belah, pulau, kebun, perkampungan, gunung, bukit, sungai telah menjadi masyhur selepas difilemkan dalam perfileman Korea. Yang ini saya rasa kita boleh belajar. Ini adalah contoh di mana perfileman dan pelancongan berintegrasi dengan baik. Konsep *Universal Studio* juga merupakan satu usaha memajukan pelancongan melalui perfileman di mana ia juga dijadikan iktibar.

Yang kedua, mengenai pelancongan adalah yang saya sentiasa tekankan adalah berkenaan pelancongan Orang Asli di mana kita tidak boleh meninggalkan mereka dalam arus pembangunan. Kita perlu memasukkan mereka dalam arus pembangunan dengan memajukan pelancongan eko-Orang Asli supaya adat resam mereka boleh dikekalkan dan kita boleh juga memajukan pembangunan eko-Orang Asli ini melalui kraf tangan, pameran, pertunjukan kebudayaan, dokumentasi, rumah tradisi dan sebagainya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Stulang sila gulung eh.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Oh cepatnya. Cepatnya. Ok. Berkenaan dengan isu-isu yang berikut, di sini saya ingin menunjukkan bahawa setiap perancangan ini perlu diiringi dengan keazaman politik. Keazaman politik adalah sangat penting. Mengapa? Kita tengok isu air, krisis air. Macam mana negara lain mengatasainya? Contohnya Hong Kong. Sejak tahun 1950an, mereka telah menggunakan air laut untuk *flush toilet,* untuk mengurangkan penggantungan mereka kepada air bersih. Ini mereka lakukan. *Singapore* buat apa? *Singapore*, pada tahun 1998 telah buat *NE Water Singapore*. Jadi, ini merupakan keazaman politik mereka untuk menyelesaikan masalah. Kita macam Johor Bahru sekarang, apa yang berlaku, hujan sekejap sudah banjir. Kalau tiada hujan, catuan air. Saya rasa ini tidak boleh. Memang tidak boleh.

Yang kedua, kita tengok keazaman politik di Argentina. Macam mana mereka mengurangkan pergantungan kepada petrol. Mereka sejak 30 tahun dahulu, mereka memakai gas NGV untuk kenderaan. Sekarang ada 2.5 juta kereta dengan 22,000 stesen pengisian NGV, stesen NGV. Di Singapura pada tahun 1960an, macam mana mereka menyelesaikan masalah rumah mereka melalui rumah pangsa. Sekarang menjadi modul polisi perumahan sedunia. Ini semuanya keazaman politik di mana perancangan dan implementasi adalah sejajar dan seiras.

Dan akhir sekali berkenaan dengan teknologi angkasa di mana US, Amerika, macam mana pada tahun 1950an, mereka berasaskan konsep melihat dunia dari angkasa. Mereka telah menyelami ilmu angkasa, keazaman mereka telah menjadikan sekarang semua orang bergantung kepada teknologi tersebut seperti GPS, *Google Map*, teknologi maklumat dan siaran TV. Jadi, keazaman politik adalah sangat penting.

Akhirnya, saya ingin mengutarakan tentang sedikit tentang fenomena ekonomi sekarang. Iaitu saya bandingkan Malaysia, Singapura dan Filipina dengan ringkas. Saya ambil contoh, di Malaysia, gaji cikgu sebulan yang purata adalah RM3,500. Kita makan satu *Big Mac McDonald* lebih kurang RM9. RM3,500. Kita tengok Filipina, gaji dia seorang cikgu adalah selepas di tukar dari peso adalah RM1,500. Harga *Big Mac McDonald*, RM12. Jadi dia teruk la, dia lebih susah daripada kita. Kita bandingkan dengan Singapura. Gaji cikgu dia lebih kurang 3,500 Singapore Dollar. Dia makan *Big Mac* 6 dollar sahaja. Jadi kita kurang baik daripada Singapura tetapi lebih baik sikit daripada Filipina. Jadi kita takut bilakah kita akan menjadi Filipina sekiranya tidak memperbaiki asas dan hala tuju ekonomi kita. Di tambah lagi dengan kejatuhan nilai wang ringgit, maka adalah tidak keterlaluan jika saya menjangkakan kita akan mungkin menjadi negara Filipina dalam masa 10 tahun kalau kita terus macam ini. Tengok harga beras, sekilo di Filipina, RM4. Malaysia pun lebih kurang sama la, RM4. Singapura 3 dollar. Jadi kita tengok macam mana keadaan hidup kita.

Jadi kesimpulannya, sebagaimana yang kita sedia maklum, dunia sekarang di ancam oleh IS. Kita tidak boleh mengambil sikap sambil lewa dalam isu ini kerana keselamatan dan ketenteraman setiap rakyat di ancam sepanjang masa. Justeru itu, kita perlulah menggembleng tenaga dan melihat ancaman ini sebagai musuh bersama dan sebenar. Janganlah anggap kita sebagai musuh dan ancaman kerana fahaman politik yang berbeza. Kerahan tenaga yang lebih terutamanya bahagian *Special Branch,* polis adalah penting untuk mengumpul makluman ancaman IS. Bukan daripada pihak sebelah kita yang berfahaman politik lain. Jadi, mudah-mudahan kerajaan akan memandang serius betapa pentingnya implementasi yang berkesan

dalam setiap perancangan. Memandangkan fenomena ekonomi sekarang diharapkan juga kerajaan mempunyai keazaman politik yang tinggi dalam menyelesaikan masalah rakyat serta perbaiki isu penting yang diutarakan seperti pelancongan, perumahan dan industri tempatan saya tak sempat nak ceritalah. Beberapa isu inilah, kesimpulannya adalah rancangan mesti diikuti dengan implementasi yang berkesan dan mudah-mudahan cadangan-cadangan kita akan diperhalusi dan dengan keazaman politik kita yang kuat, kita boleh membawa Johor ke satu era yang boleh dibanggakan oleh setiap rakyat Johor dan menjadi contoh oleh kerajaan persekutuan dan juga kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Stulang, kita teruskan perbahasan , sila Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan Doa) Salam hormat, salam sejahtera.

YB Dato' Timbalan Speaker : Lemah je. Jiran tadi bersungguh, bersemangat. (Dewan ketawa)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Salam hormat, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT yang mana dengan limpah dan kurnianya maka kita dapat sekali lagi menjalankan tugas selaku Wakil Rakyat untuk membahas dan juga akhirnya dengan bijaksana seterusnya meluluskan bajet 2016 yang telah di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 19 November 2015 yang lalu.

Sebelum saya meneruskan bahasan saya ini, saya nak kaji dan juga beri sedikit pandangan. Jiran saya tadi, daripada Stulang, DUN Stulang, saya tengok kajian saya terhadap apa yang beliau cakap dan menyampaikan. Saya rasa begitu jelas, cergas dan juga berilmu. Begitu juga dengan Senai. Saya tengok, Senai pun perbahasannya baik, kalau kita, bukan puji tapi apa yang disampaikannya cantik, molek.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Senai aje puji, Johor Jaya tak? (Dewan Ketawa).

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Cantik, molek, berhemah. Haa ni. Saya tengok Senai dan juga Stulang ni kita boleh jadikan dia contoh lah kepada Pekan Nenas. Kalau kita tengok Pekan Nenas, kita tengok pada peraturan-peraturan ni. Bab yang ke 45, kita pergi kepada kurungan (xiii)(d), lajak dalam percakapannya yang mengganggui sahsiah seseorang. Saya tersentuh, jiran saya tadi pun tersentuh. Apa tak nya, kalau saya nak kata tadi, kalau Senainya dan Stulangnya begitu yakin saya berikan dia punya 3 fakta. Kalau Pekan Nenas dia punya percakapan itu, memperli, memperlekeh, mencabar. Kalau kita lihat, tahu tak dia, orang Bugis ni. Dia cabar, mana pahlawan Bugis, mana, cuba tolong selesaikan masalah. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, bangsanya Bugis. Saya minta Senai dan Stulang ajar sikit Pekan Nenas. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku wakil kepada rakyat di kawasan Tanjung Puteri sejujurnya lah ingin Tanjung Puteri katakan Bajet 2016 yang dibentangkan adalah menepati kepada kehendak rakyat negeri Johor, dari yang baru lari hingga kepada warga emas yang dah nak habis lah. Bajet kali ini menterjemahkan aspirasi Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan membawa slogan bajetnya, Inklusif, Lestari dan juga Sejahtera Untuk UMNO, untuk Johor minta maaf. Bagi projek dan program pembangunan fizikal, sosial dan berkepentingan awam, Pejabat Menteri Besar memperuntukkan sejumlah RM155 juta. Program ekonominya, untuk menaikkan taraf dan sebagainya adalah sebanyak RM213 juta. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan pentadbiran agar pentadbiran kerajaan ini lebih efisien lebih baik pencapaiannya, RM95.1 juta diperuntukkan. Begitu juga dengan projek khas pengaliran saliran yang mana kita banyak kompelin, banyak permasalahan kepada saliran di kawasan-kawasan luar bandar ia memperuntukkan sebanyak RM33 juta dan pembangunan agama Islam itu sendiri sebanyak RM45 juta. Maka, di dapati anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016 ini yang diperuntukkan sebanyak RM541.10 juta meningkat sebenarnya, sejumlah lebih kurang 32.3 peratus daripada peruntukan pembangunan tahun 2015 dahulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap impian rakyat begitu menarik dan menyentuh perasaan terutamanya mengenai apa yang saya ungkapan tadi. Mencakupi semua lapisan masyarakat dari yang baru lahir hingga warga emas yang dah nak habis. Sebab itu bajet 2016 ini adalah seperti projek kehidupan manusia. Projek kehidupan kepada seluruh bangsa Johor. Itulah yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Sudah tentu, anak muda yang sedang bercinta akan mendirikan rumah tangga seterusnya mempunyai anak dan akhirnya keperluan tempat tinggal menjadi keutamaan bagi mereka. Oleh itu, Program Rumah Mampu Milik Johor diteruskan dan diperbanyakkan bilangannya dan ditambah dengan program membantu, membaik pulih rumah yang uzur untuk orang-orang miskin. Program menggalakkan orang Melayu tinggal di bandar memerlukan proses pengambilalihan tanah bagi Bumiputera akan dilaksanakan terus. RM150 juta diperuntukkan bagi program besar ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seramai 9,465 orang memohon untuk memiliki rumah kos rendah dan mampu milik pada tahun 2014. Dari jumlah 4,077 orang pemohon ini, untuk mendapatkan kos rumah rendah yang berharga RM42 ribu seunit dan 2,125 pemohon rumah kos rendah berharga RM84,000.00. Maka bilangan pemohon ini meningkat tiap-tiap bulan hinggalah kepada tahun 2015 ini. Mengikut sasaran pertama yang Amat Berhormat Menteri Besar memaklumkan akan membina 46,000 unit rumah menjelang tahun 2018, tetapi memandangkan permintaan dan keperluan rakyat, penambahan sebanyak 14,000 unit lagi dicadangkan. Maka pertambahan kepada 60,000 unit akan dibina menjelang 2019.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk tujuan itu rakyat akan didedahkan dengan tanggungjawab dan peranan syarikat berkaitan kerajaan Johor, GLC bagi program sebegini. Yang mana kita tahu KPRJ akan membina 1,083 unit, YPJH membina 1,179 unit, Johor Land Sdn Bhd, anak kepada Syarikat Johor Corp. akan membina 500 unit, PIJH akan membina 1,035 unit dan KEJORA akan membina 127 unit. Dalam masa yang sama, permasalahan memiliki unit rumah ini pastinya dihadapi oleh bakal pembeli. Bagi tujuan itu, pada rakyat marhaen yang susah mendapat pinjaman perumahan

dari bank, sudah tentu juga memerlukan pembiayaan perumahan RMMJ ini. Maka kerajaan Johor akan menyediakan skim pembiayaan rumah secara usaha sama dengan AmBank Islamic Berhad atau sistem sewa beli dengan kerajaan. Dana berjumlah RM300 juta disediakan bagi tujuan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan sahaja Yang Amat Berhormat Menteri Besar prihatin mengenai tempat tinggal anak yang belum lahir tadi, begitu juga kepada rakyat yang warga emas yang saya katakan. Malaysia dijangka menjadi Negara tua dalam tempoh 25 tahun akan datang. Apabila penduduk berusia 60 tahun ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Statistik jabatan perangkaan menunjukkan jumlah warga emas meningkat 2 kali ganda antara 2010 hingga 2035. Bilangan warga emas di Malaysia ketika ini adalah 1.8 juta orang atau 7% daripada jumlah penduduk, tetapi ia dijangka meningkat kepada 3.4 juta orang atau 10% menjelang tahun 2020. Dan terus meningkat 5.1 juta orang atau 15% pada 2035 kelak. Pertambahan tersebut berlaku kesan kesedaran rakyat berkaitan aspek penjagaan kesihatan sehingga berjaya meningkatkan jangka hayat daripada umur 55 tahun selepas kita merdeka dahulu kepada 75 tahun pada masa ini. Tahniah lah kepada Jabatan Kesihatan kita.

Maka pusat aktiviti warga emas disasarkan kepada warga emas yang sihat dan dapat menguruskan diri bagi memastikan warga emas dapat berdikari dan menjadi lebih produktif ditambah lagi 2 buah pusat aktiviti warga emas. Di Pontian dan juga di Kota Tinggi dengan kos RM300,000.00 menjadikannya 8 buah kesemuanya. Program-program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan dan juga latihan serta kursus yang bersesuaian disediakan di pusat aktiviti ini bagi memastikan warga emas tidak ketinggalan semasa arus pembangunan yang rancak sedang membangun di negeri Johor. Tanjung Puteri mencadangkan tanah lapang yang diserahkan oleh pemaju perumahan dalam kawasan PBT di bandar selain dari menjadi taman rekreasi sahaja, ia juga boleh dicadangkan untuk dibina pusat aktiviti warga emas ini dan diserahkan kepada jawatankuasa penduduk setempat agar dapat dimanfaatkan dan juga diuruskan seterusnya.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tanjung Puteri, panjang lagi?

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Adalah dalam 3, 4 muka lagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker : Ok, kalau macam itu kita beri peluang Tanjung Puteri untuk berbahas dalam tempoh 2 hari. Dengan itu saya tangguhkan dewan ini hingga 9:30 pagi, 26 November 2015.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KELIMA	KHAMIS, 26 NOVEMBER 2015	BIL. 10 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI,PSI
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita sambung semula.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Adakah pemaju-pemaju projek PR1MA dikecualikan dari membina rumah mampu milik Johor? Sekiranya ya, mengapa?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ADUN Kukup adalah adakah pemaju-pemaju projek PR1MA dikecualikan dari membina rumah mampu milik Johor? Sekiranya ya, mengapa? Kalau saya jawab pendek, tidak... nanti pendek sangat nanti kata jahil. Jadi saya jawab panjang sikit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemaju projek rumah PR1MA tidak terkecuali dan masih tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi di bawahnya untuk membina rumah mampu milik negeri Johor.

Suka untuk saya menjelaskan juga bahawa komitmen untuk pembinaan rumah mampu milik juga bergantung kepada status kawasan *zoning*, di mana permohonan sebuah pembangunan sekiranya projek tersebut termasuk dalam kawasan *zoning* komersil dan industri, pemaju tersebut tidak perlu untuk bina rumah mampu milik. Namun sekiranya projek tersebut termasuk dalam kawasan *zoning* perumahan, maka pemaju tersebut perlulah membina rumah mampu milik Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, kita dapat maklum bahawa walaupun syarat itu tidak terkecuali

dikenakan kepada PR1MA, tapi sehingga sekarang nampaknya perkara itu tidak dilaksanakan untuk projek-projek yang telah dibangunkan. Jadi, mungkin ada kaitan, dengan syarat PR1MA pulak kepada kontraktor mereka ataupun pemaju mereka. Jadi, apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh PR1MA kepada pemaju-pemaju yang menjalankan projek pembangunan PR1MA sendiri? Adakah PR1MA itu mengambil pakai syarat-syarat yang kita kenakan kepada dia dipanjangkan kepada pemaju-pemaju dia?

Yang keduanya, lanjutan daripada itu, apakah juga syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap pemajuan perumahan, pemaju-pemaju perumahan yang terlibat dalam pemajuan projek-projek perumahan di negeri Johor pasal kita nak tengok adakah ada ruang untuk mereka lari daripada melaksanakan tugas untuk membina rumah-rumah mampu milik di Johor dan sebagainya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sedikit maklumat yang saya nak masukkan selain menjawab soalan daripada ADUN Kukup, Perumahan Rakyat PR1MA 1Malaysia ataupun PR1MA Berhad ini ditubuhkan selaras dengan Akta PR1MA 2012. Di mana PR1MA bertanggungjawab untuk merancang, membangun, membina dan menyelenggara perumahan gaya hidup berpatutan untuk rakyat yang berpendapatan sederhana di kawasan-kawasan bandar terutamanya. Pendapatan sederhana di definisikan sebagai pendapatan isi rumah suami dan isteri antara RM2,500.00 hingga RM7,500.00.

Dan, bagi menjawab soalan ADUN Kukup, sebenarnya setiap pemaju yang melaksanakan projek PR1MA di mana-mana negeri, mereka mestilah mengikut kesemua syarat yang telah ditetapkan oleh dasar kerajaan negeri terbabit. Dan di negeri Johor, pemaju-pemaju yang melaksanakan projek PR1MA perlulah membina rumah mampu milik Johor sepertimana yang telah terdapat dalam Dasar Perumahan Negeri Johor. Manakala pemaju-pemaju yang terlibat dalam pembinaan perumahan di negeri Johor, mereka perlulah mematuhi perumahan, Dasar Perumahan Rakyat Johor yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 1 Tahun 2014, di mana syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti dasar 3 hingga 5 ekar kena bina 20% daripada keseluruhan bilangan untuk rumah mampu milik. Dan, untuk lebih daripada 5 ekar, 40% keseluruhan bilangan unit yang perlu dibangunkan untuk rumah mampu milik negeri Johor.

Dan, dia ada komposisi-komposisi, Dasar Perumahan Rakyat Johor, saya dah banyak kali dah sebut dalam ucapan Dewan. Jadi, tak perlulah saya sebut komposisi tersebut yang perlu diikuti. Cuma apa yang kita sedia maklum, kebanyakan projek-projek daripada pihak PR1MA ini setakat ini memang ada permohonan dan ada yang sedang dilaksanakan. Permohonan di projek PR1MA ada lebih kurang dalam 7 yang telah diluluskan sebanyak 3. Dan, kita melihat berdasarkan kepada kelulusan-kelulusan yang sepatutnya boleh kita benarkan. Sebab itulah projek PR1MA ini dia bukan tak berjalan, tapi proses kita untuk kita menapis. Kebanyakannya pihak PR1MA, dia akan menerima permohonan tapak-tapak yang perlu dibuat rumah PR1MA. Tetapi mestilah mengikut kepada syarat-syarat kerajaan negeri itu, Kerajaan Negeri Johor. Dan, di negeri Johor, ada 3 projeklah untuk tambahan saya masukkan.

Untuk pengetahuan sidang Dewan, Projek Langkasuka Fasa 1 di mana pemajunya ialah Cahaya Bumi Mas Berhad (Layangkasa) unit sebanyak 475, ini di bawa Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Di mana unit rumah mampu milik pun kita dah tetapkan kat situ, dia kena bina sebanyak 1,255 unit dalam pakej A dan B. Dan, mereka cuma membina untuk rumah PR1MA 475, tapi masih terikat. Dan, Fasa Bandar Layangkasa Fasa Kedua, kontraktornya sama juga, Cahaya Bumit Mas di mana rumah yang akan dibina adalah sebanyak 9,995. Jadi total antara Fasa 1 dan 2 tadi adalah 2,470. Dan dekat sini pun ada, ada termaktub unit rumah mampu milik Johor di mana rumah kedai yang patut dibina, rumah kedai kos rendah berjumlah 1,414. Ini pun dijangka siap pada tahun 2019. Dan di Tebrau, Mukim Plentong. Hah ni saya nak cerita, di Tebrau Mukim Plentong ini dia adalah tanah komersil. Tanah komersil Tentu Canggih Holding di bawah PIJ, jumlahnya adalah 1,284 tetapi tak perlu membina rumah mampu milik kerana tanahnya ialah *zoning* komersil. Jadi, dijangka siap pada 2018 di mana tu... Tebrau, di Mukim Tebrau, Plentong. Jadi, itulah maknanya kaedah dan pelaksanaan kita dalam kita memantau walaupun projek di bawah persekutuan, tetapi mestilah mengikut syarat dan kehendak daripada kerajaan negeri itu sendiri seperti dasar yang telah kita tetapkan.

YB Tan Sri Speaker : Tak ada, saya jemput Yang Berhormat Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Nyatakan secara terperinci rancangan pembangunan Landasan Kereta api Berkembar Elektrik di Negeri Johor. Nyatakan jangkaan masa persiapannya dan bilakah ia akan mula beroperasi.

YB Tan Sri Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Apakah jangkaan kos dan tarikh untuk pembinaan projek-projek *High Speed Rail* dan *Double track Rail*?

YB Tan Sri Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Bukit Permai.

YB Tuan Hj. Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Bilakah projek landasan kereta api berkembar yang di gembar-gembur sebelum PRU ke-13 akan dimulakan pembinaannya di kawasan Kulai - Senai?

YB Tan Sri Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Sekiranya Kerajaan betul-betul memutuskan untuk melaksanakan projek *High Speed Rail,* apakah langkah kerajaan Johor untuk memastikan kesan terusan *(tunnel effect)* tidak berlaku pada bandar-bandar di Johor yang mempunyai stesen hentian HSR?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru merupakan satu projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan juga merupakan pelengkap kepada keseluruhan Projek Landasan Berkembar Elektrik KTMB di laluan pantai barat Malaysia daripada Padang Besar ke Johor Bahru.

Landasan berkembar ini bermula di Gemas dan akan melalui 4 daerah di dalam negeri Johor iaitu daerah Segamat, daerah Kluang, daerah Kulai dan daerah Johor Bahru sebelum berakhir di Bandaraya Johor Bahru di Stesen Johor Bahru Sentral. Projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan landasan berkembar elektrik baru untuk menggantikan landasan tunggal yang sedia ada menghubungi Gemas ke Johor Bahru dengan pengenalan sistem elektrifikasi, sistem persemboyanan, dwi arah secara automatik dan sistem komunikasi serta kawalan terus dari pusat kawalan dan pengurusan tren di KL Sentral dan juga di Gemas.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru ini akan dapat menaik taraf infrastruktur pengangkutan yang berasaskan rel untuk mencapai permintaan pengangkutan penumpang dan barang. Projek tersebut juga akan dapat mengurangkan kesesakan jalan raya dengan memperkenalkan sistem perkhidmatan kereta api yang moden dan efisien. Dalam masa yang sama akan menyingkatkan tempoh perjalanan serta dapat meningkatkan kapasiti landasan yang turut menambahkan perkhidmatan kereta api. Jaringan landasan berkembar di Semenanjung akan lengkap dengan pelaksanaan sektor Gemas dan Johor Bahru. Dan, perkhidmatan penumpang dan kargo akan lebih mudah dan boleh dihubungkan ke negara jiran seperti Singapura dan Thailand.

Landasan berkembar tersebut akan bermula dari Gemas dan berakhir di stesen Johor Bahru sepanjang 197 km. Had laju reka bentuk bagi landasan berkembar ini adalah pada kelajuan 160 km/j dan had laju operasi adalah pada kelajuan 140 km/j. Pembinaan landasan berkembar turut melibatkan sistem elektrifikasi 25kv, sistem persemboyanan dan komunikasi serta kawalan terus dari pusat kawalan dan pengurusan di KL Sentral dan juga di Gemas.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di bawah skop projek ini juga terdapat 11 stesen yang akan dibina di mana dipecahkan kepada 3 kategori stesen iaitu stesen utama, stesen *secondary* dan stesen operasi atau stesen barang. Stesen utama adalah di Segamat, Kluang dan Kempas Baru. Sementara stesen *secondary* adalah di Labis, Bekok, Paloh, Renggam, Layang-Layang dan Kulai. Stesen operasi atau stesen barang pula akan dibangunkan di Genuang, Segamat dan juga di Mengkibol.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru ini akan menelan belanja sebanyak RM7.1295 bilion. Dalam Bajet Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016, diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi

memulakan projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru, yang akan dijangka bermula pada tahun 2016, dengan tempoh pelaksanaan selama 4 tahun. Sementara projek Rel Berkelajuan Tinggi *(High Speed Rail)* Kuala Lumpur – Singapura adalah merupakan salah satu program Transformasi Ekonomi oleh Kerajaan. Projek Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Singapura melibatkan jajaran atau jarak sejauh 350 kilometer dengan reka bentuk kelajuan maksima *train,* 350 kilometer sejam atau purata kelajuan 250 kilometer sejam.

Manakala rel yang diperlukan adalah landasan berkembar baru dengan sistem *standard gates*. Lokasi bagi stesen rel berkelajuan tinggi yang dipilih bagi Negeri Johor adalah di Pagoh, Muar, di Pura Kenchana, Batu Pahat dan di Gerbang Nusajaya, Johor Bahru. Pertimbangan yang diambil dalam proses penetapan jajaran rel berkelajuan tinggi adalah seperti keperluan dari segi teknikal termasuk reka bentuk, jejari lingkungan, ketinggian dan kecerunan dan juga mengenal pasti jenis dan struktur tanah yang sesuai serta mengelak sebanyak boleh kawasan sedia ada yang berdensiti tinggi, kawasan yang sensitif seperti rizab hutan, rizab Melayu dan rizab Orang Asli dan kawasan-kawasan cadangan pembangunan baru.

Dalam masa yang sama Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenal pasti awal kawasan-kawasan yang tidak dapat dielakkan bagi membantu kajian iaitu S*ocial Impact Assessment (SIA)*, yang kelak akan dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi reka bentuk pembinaan stesen rel berkelajuan tinggi masih belum dimuktamadkan. Dan, Kerajaan Negeri akan mengambil kira agar kesan terusan iaitu *tunnel effect* tidak berlaku pada bandar-bandar di Johor yang mempunyai stesen hentian rel berkelajuan tinggi tersebut. Anggaran kos masih belum dapat ditentukan sehinggalah keseluruhan penjajaran dimuktamadkan. Sementara rundingan antara Malaysia dan Singapura masih lagi berterusan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam Sidang Kabinet pada mesyuarat 13 Mac yang lalu telah meluluskan penubuhan My HSR Corporation Sdn. Bhd. sebagai sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan diperbadankan yang dipertanggungjawabkan untuk memuktamadkan spesifikasi teknikal termasuk penyediaan dan penyerahan semua syarat berperaturan iaitu Skim Kereta Api, Penilaian Terperinci Kesan Alam Sekitar, Penilaian *Impact Social* termasuk pengambilan balik tanah mengikut tempoh masa yang telah dikenal pasti. My HSR Corporation Sdn. Bhd. juga akan memuktamadkan struktur komersial pemilikan dan pembiayaan projek. Dalam masa yang sama, My HSR Corporation Sdn. Bhd. akan membantu SPAD dalam perbincangan 2 hala dengan Singapura termasuk mencadangkan pelan pembangunan bagi kawasan sekitar hab rel berkelajuan tinggi. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Berkenaan dengan *high speed rail.* Berkenaan dengan kesan terowong iaitu *tunnel effect,* salah satu kajian yang telah dijalankan di seluruh dunia dan juga di Jepun terutamanya, di mana *tunnel effect* ini berlaku selepas *pembinaan high speed rail* Tokyo – Osaka. Di mana bandar tengahnya Nagoya mengalami penurunan peluang pekerjaan sebanyak 30%

selepas pelaksanaannya dan juga penurunan, penurunan sewaan bilik hotel di sekitar stesen hentian. Dan ini, dan *high speed rail* dijalankan ada juga di Batu Pahat dan Muar, kita risau kalau sekiranya perancangan tidak dilakukan dengan baik di Batu Pahat dan Muar, maka kesan terowong akan berlaku, di mana orang-orang Batu Pahat, Muar akan pergi ke KL dan Singapura ini juga merugikan negara kita.

Jadi, oleh kerana *high speed rail* ini, dia tidak akan memberi kesan kalau kita untuk merancakkan ekonomi, dia adalah berlandaskan keperluan. Maksudnya, bila ada keperluan kita letak *high speed rail* punya terminal kat sana baru berguna. Kalau itu tempat belum berkembang kita letak *high speed rail* ke stesen terminal sana, tidak akan mendatangkan impak yang berkesan. Ini kajian seluruh dunia macam ini. Jadi, tadi EXCO pun ada mengatakan bahawa sebenarnya cadangan *high speed rail* ini belum lagi diputuskan. Kalau dengan ini, adakah kerajaan bersedia menerima cadangan penubuhan Ahli Panel Tinjauan Kesesuaian, *Feasibility Study* yang terdiri daripada Ahli Dewan ini baik daripada pihak kerajaan dan juga daripada pembangkang untuk mengkaji betul-betul kesesuaian pembinaan *high speed rail* dan segala perancangan pelaksanaan kerana ini agak penting, kerana dulu kita pernah dengar, *high speed rail* ini menelan belanja sekitar RM40 bilion. Kita dengar pun satu angka yang begitu menakjubkan. Jadi, saya rasa ini kita perlu betul-betul fikirkan dan putuskan.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Dan tubuhkan Ahli Panel Tinjauan Kesesuaian *(Feasibility Study)*.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat dari Stulang di atas soalan tambahan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Dewan bahawa pihak kerajaan seperti mana yang saya katakan lebih awal, walaupun projek ini masih lagi di peringkat kajian terperinci, cadangan daripada Yang Berhormat tentunya berguna kepada pendekatan seterusnya.

Selain daripada Yang Berhormat mengambil maklum bahawa kerajaan akan meletakkan kepentingan rakyat juga sebagai salah satu daripada aspek penting dalam pembangunan rel berkelajuan tinggi ini iaitu kawasan sedia ada yang berdensiti tinggi, kawasan yang sensitif seperti yang saya katakan tadi, rizab-rizab yang berkaitan termasuk di kawasan-kawasan pembangunan baru, sebanyak yang boleh akan dielakkan.

Selain daripada itu, sama ada rel berkelajuan tinggi ataupun Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru ini, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah pun mengenakan syarat pembangunan supaya Kementerian Pengangkutan Malaysia mengadakan pameran bagi tujuan hebahan awam. Bagi projek Landasan Berkembar ini pameran awam akan, sedang dijalankan yang bermula sejak 27 Oktober tahun ini

dan akan dilanjutkan ataupun akan berjalan sehingga 26 Januari 2016, pada setiap hari bekerja untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai.

Dan, bagi landasan berkembar ini, orang ramai boleh datang ke lokasi-lokasi pameran yang diadakan, yang antara lainnya ialah di Kementerian Pengangkutan di Putrajaya itu sendiri, selain daripada Ibu Pejabat KTMB Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat, Stesen KTMB Gemas, Stesen KTMB di JB Sentral, Pejabat UPEN Johor di Nusajaya ini sendiri, Majlis Perbandaran Kluang, di Majlis Bandaraya Johor Bahru, di Majlis Daerah Segamat dan juga di Majlis Perbandaran Kulai. Selain daripada itu, orang-orang awam juga digalakkan untuk melayari laman-laman web Kementerian bagi mendapatkan maklumat lanjut. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Permai. Jemput, Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Kelewatan pembinaan landasan berkembar pada jajaran Gemas ke Johor Bahru ini sebenarnya mengundang pelbagai isu. Pada tahun 2012, apabila projek ini diumumkan untuk dilaksanakan maka pihak kerajaan telah mengosongkan rumah-rumah setinggan dan penempatan yang berada di kawasan Sengkang, Kulai dan Senai. Pampasan pun kerajaan dah bayar tetapi apabila projek ini terlalu lewat untuk dilaksanakan, berlaku pencerobohan semula oleh setinggan-setinggan, jadi sarang penagih dadah di kawasan yang ditinggalkan dan juga menjadi tempat pembuangan sampah dan pembiakan nyamuk Aedes di rizab-rizab KTM yang terbiar begitu sahaja.

Jadi, ini telah mengundang masalah kepada masyarakat sekeliling landasan dan juga kepada pihak PBT dan pejabat daerah serta pejabat tanah untuk membersihkan dan mengosongkan semula rizab-rizab kereta api ini. Kita tak nak kerajaan bayar pampasan 2 kali.

Jadi, soalan saya oleh kerana peruntukan RM100 juta ini akan dijalankan dalam masa 4 tahun, jadi apakah langkah-langkah terdekat yang akan dibuat oleh pihak KTM ataupun pihak syarikat yang dapat konsesi pembinaan ini bagi membendung perkara-perkara yang saya sebutkan tadi? Sekian.

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Saya percaya bahawa kerajaan akan, Bukit Permai, minta maaf. Saya percaya kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa apabila kita memulakan projek Landasan Berkembar Elektrik ini pada tahun hadapan, faktor-faktor yang telah dibangkitkan ini boleh diambil kira oleh jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat juga walaupun pengambilan balik tanah dan juga pampasan kepada mereka yang menumpang sementara di atas rizab-rizab KTMB ini telah pun diselesaikan, hanya terdapat sedikit sahaja lagi tetapi tidak di Kulai, Kulai, orang Kulai semua baik-baik belaka. Dah

berpindah, dah diberi pampasan cuma di Kluang kita ada sedikit sahaja lagi mereka-mereka yang berada menumpang sementara di rizab KTMB ini, yang masih lagi belum mengosongkan tapak-tapak ataupun rumah-rumah mereka. Tapi, saya percaya apabila kita dapat memulakan projek ini pada tahun hadapan, perkara-perkara tersebut akan dapat diambil kira.

YB Tan Sri Speaker : Skudai, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, saya rasa Yang Berhormat Pengerusi belum jawab soalan asal saya iaitu, apakah jangkaan kos dan tarikh untuk pembinaan projek-projek *high speed rail* dan *double track rail* ni? Dan, soalan tambahan saya adalah sama ada sebab *high speed rail* tu sampai Jurong East, Singapura, *so* boleh di cagar kerajaan Singapura dan juga *double track rail* itu, dengan izinnya sampai ke JB Central. Dan, salah satu projek yang saya rasa kena bersangkut paut dengan dua-dua projek ini adalah RTS seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi, satu tapak telah ditetapkan berdekatan dengan Bukit Chagar untuk tujuan terminal di Johor Bahru untuk RTS. Dan, saya rasa sebab ini melibatkan isu itu sendiri tanah di sebelah Malaysia dan sebelah Singapura dan juga kedaulatan negara kita. Tapi adakah pada pandangan Yang Berhormat Pengerusi mungkin kita boleh cadangkan dengan kerajaan persekutuan bahawa seperti *high speed rail* kita diuruskan oleh Malaysia, syarikat kita sampai ke Singapura dan juga saya harap kalau RTS pun kita kena mengkaji bahawa kemungkinan menggunakan sistem MRT di Singapura atau LRT sampai di kawasan Iskandar Malaysia, sampai Ulu Tiram, Kulai dan sebagainya dan juga Nusajaya untuk kebaikan sebenarnya pembangunan Iskandar Malaysia. Saya rasa ini pada pandangan Yang Berhormat Pengerusi, kita perlukan, kita membincangkan berunding dengan kerajaan persekutuan dan juga kerajaan Singapura sebagai satu pakej untuk ketiga-tiga projek ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi kos landasan berkembar elektrik Gemas-Johor Bahru, sekali lagi saya sebut, tadi saya dah sebut Yang Berhormat, iaitu sebanyak RM7,129.5 bilion. Dan, pada *rolling plan* yang pertama, tahun depan 2016, sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi memulakan pembinaan landasan berkembar elektrik Gemas –Johor Bahru. Dan, status terkini adalah dalam peringkat perolehan,di mana, projek ini akan dimulakan pada tahun depan dan tempoh perlaksanaan adalah selama 4 tahun. Sementara kos bagi rel berkelajuan tinggi masih belum ditentukan secara keseluruhan oleh kerana kita masih lagi belum memuktamadkan beberapa perkara termasuk jajaran Yang Berhormat sebutkan tadi untuk kepentingan kedua-dua negara, maka kos bagi pembangunan projek rel berkelajuan tinggi ni masih lagi di peringkat perbincangan termasuklah penentuan kaedah perlaksanaan di mana pihak IRDA, pihak UPEN mewakili kerajaan negeri adalah merupakan anggota dalam perundingan di antara Malaysia dan Singapura yang pada waktu ini sedang masih ataupun sedang berjalan lagi. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Apakah usaha kerajaan dalam memelihara kawasan bersejarah di Daerah Segamat yang boleh menjadi tarikan pelancong?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya dimaklumkan bahawa pihak Yayasan Warisan Negeri Johor kini dalam usaha mengenal pasti dan merekodkan data berkaitan kawasan-kawasan bersejarah yang terdapat di seluruh negeri Johor. Kawasan-kawasan bersejarah ini kemudiannya akan diwartakan di bawah Enakmen Yayasan Warisan Negeri Johor 1988 bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan. Saya difahamkan bahawa usaha ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Bagi daerah Segamat, antara kawasan-kawasan bersejarah yang telah dikenalpastikan adalah :

1. Sekolah Tinggi Segamat
2. Jambatan putus di Pekan Buloh Kasap
3. Dataran Segamat
4. Istana Hinggap Segamat
5. Makam Bendahara Tempok di Kampung Lubuk Batu
6. Stesen kereta api Segamat

Sehubungan dengan itu, saya menyambut baik usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak Yayasan Warisan negeri Johor kerana ia secara tidak langsung juga membantu usaha untuk memelihara dan membangunkan produk pelancongan berasaskan sejarah dan warisan negeri Johor. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa negeri Johor sememangnya mempunyai banyak kawasan-kawasan bersejarah yang mempunyai nilai serta keunikannya yang tersendiri yang berpotensi untuk dijadikan sebagai daya tarikan pelancong ke negeri Johor. Saya percaya selain daripada menarik kehadiran pelancong, aktiviti pelancongan ini juga dapat membantu meningkatkan kesedaran kepada pelancong atau orang ramai untuk bersama-sama memelihara dan memulihara kawasan-kawasan bersejarah ini. Di samping itu, produk-produk ini turut menggalakkan pelancongan pendidikan di mana pelajar-pelajar dapat melawat produk-produk ini untuk memahami sejarah dan asal usul setempat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Majlis Daerah Segamat juga telah menyenaraikan Makam Bendahara Tempok di Kampung Lubuk Batu untuk kerja-kerja membersih dan mengindahkan serta memasang papan tanda tunjuk arah untuk kemudahan pelawat. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Soalan tambahan saya, seperti semua sedia maklum bahawa produk sejarah dan warisan dalam daerah Segamat sahaja tidak cukup untuk kita membentuk pakej pelancongan yang menarik. Adakah sebarang usaha untuk menggabungkan produk warisan ini dengan kekuatan Segamat

sebagai gedung penghasilan buah-buahan negeri dalam pakej pelancongan Segamat?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Segamat sememangnya popular sebagai gedung makanan khususnya penghasilan buah-buahan di negeri Johor. Daerah Segamat mempunyai tarikan utama yang kuat dan terkenal sebagai destinasi dusun buah-buahan tempatan. Terutamanya buah durian dan limau bali merah jambu yang sangat sinonim dengan Daerah Segamat.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri menerusi Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023 telah menggariskan daerah Segamat sebagai kluster pembangunan pelancongan yang berorientasikan produk buah-buahan yang dinamakan *Orchard Route*, dengan izin. Kerajaan negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan Tourism Malaysia Johor telah bekerjasama merangka pakej pelancongan dan mempromosikan kluster ini semasa misi galakan pelancongan di luar dan dalam negara. Kini, dengan adanya produk-produk bersejarah dan warisan, kerajaan negeri akan menggalakkan pihak agen pelancongan untuk memasukkan elemen-elemen ini sebagai pelengkap kepada pakej pelancongan sedia ada. Rakan saya iaitu Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri Johor juga dapat menggembleng tenaga bekerjasama dengan saya melalui pertunjukan, persembahan kebudayaan di tempat-tempat bersejarah yang dicadangkan untuk diwartakan bagi tujuan memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan sejarah di daerah Segamat.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Soalan tambahan saya, terima kasih. Kita hanya nak tahu, apakah garis panduan kerajaan negeri jika hendak mengisytiharkan sesuatu kawasan itu adalah bersejarah dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan pihak berkuasa sekiranya kawasan bersejarah itu dimusnahkan atau dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bekok. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan ini adalah lari sikit dari soalan asal, tapi banyak. Tapi ini, saya minta Yang Berhormat Bekok kalau boleh faham selanjutnya macam mana garis bangunan-bangunan bersejarah, hubungi pejabat Yayasan Warisan Johor.

YB Tan Sri Speaker : Ok. Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

Adakah Jabatan Agama Johor bercadang untuk mengadakan kursus-kursus pemantapan kaedah solat mengikut mazhab Shafie sepenuhnya pada semua Imam-imam masjid dan surau seluruh negeri Johor?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. (Bacaan doa). Terima kasih Tan Sri Speaker dan juga ADUN Tanjung Surat yang telah bertanya kepada saya adakah Jabatan Agama Johor bercadang untuk mengadakan kursus-kursus pemantapan kaedah solat mengikut mazhab Shafie sepenuhnya pada semua Imam-imam masjid dan surau seluruh negeri Johor? Jawapan saya, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Johor telah menerangkan tentang pengertian akidah sunnah waljamaah iaitu akidah ini iaitu menurut Al-Asyra'irad dan Al-Maturidiah manakala dalam ibadahnya pula menurut mazhab Imam As-Syafie dan juga tasawuf menurut Imam Al-Ghazali. Maka dengan sebab itu dalam ibadah solat ini Jabatan Agama Islam negeri Johor telah pun melaksanakan kursus pemantapan solat mengikut mazhab As-Syafie bagi iman-imam masjid dan surau di negeri Johor di mana modul tersebut telah pun dilakukan penambahbaikan mulai tahun 2011. Dan, kini modul tersebut telah digunakan dalam kursus asas kepada seluruh imam-imam masjid, surau dan juga surau Jumaat. Dan kini sedang dilaksanakan bagi imam surau kariah. Untuk makluman Ahli Dewan, jabatan telah mengadakan kursus-kursus tersebut kepada imam masjid kariah di seluruh negeri Johor bagi tahun 2012 sebagaimana berikut :

1. Di Masjid Bandar Kluang, 201 orang;
2. Masjid Bandar Segamat, 198 orang;
3. Masjid Bandar Pontian, 273 orang;
4. Masjid Taman Perling, Johor Baru, 330 orang;
5. Masjid Bandar Penawar, Kota Tinggi, 234 orang;
6. Masjid Bentara Luar, Batu Pahat, 282 orang;
7. Masjid Sultan Ibrahim, Muar,255 orang dan
8. Pusat Pengajian Al-Quran PPQ, Tangkak, seramai 189 orang.

Seterusnya manakala bagi tahun 2015 iaitu pada tahun ini, kursus tersebut telah pun dilaksanakan kepada imam surau kariah di seluruh negeri Johor sebagaimana berikut:

1. Pejabat Kadi Daerah Mersing, 94 orang;
2. Masjid Bandar Segamat, 178 orang;
3. Masjid Bandar Tangkak, 296 orang;
4. Pejabat Kadi Kulai, 120 orang;
5. Masjid Bandar Pontian, 380 orang;
6. Masjid Dato' Bentara Luar, Batu Pahat; 1,032 orang;
7. Masjid Bandar Kota Tinggi, 186 orang;
8. Masjid Sultan Abu Bakar, 810 orang;
9. Masjid Sultan Ibrahim, Muar, 544 orang dan
10. Masjid Bandar Kluang seramai 300 orang.

Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Tanjung Surat.

YB Dato' Ir Syed Sis Bin Syed A. Rahman (Tg. Surat) : Tan Sri Speaker, memang saya difahamkan ada beberapa kursus diadakan iaitu imam-imam, untuk imam-imam daripada semasa ke semasa. Tetapi ada imam-imam yang tidak berminat untuk hadir. Solat ini ibadat terpenting umat Islam dan mestilah didirikan sebaik yang mungkin. Soalan saya, tidakkah Jabatan Agama Johor bercadang mewajibkan imam-imam hadir kursus-kursus ini? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih di atas soalan tambahan. Terima kasih juga kepada Tan Sri Speaker. Sebenarnya mengikuti kursus kepada imam-imam khususnya imam-imam yang memang mendapat elaun daripada pihak Kerajaan sama ada kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri, mengikuti kursus-kursus bukan hanya sekadar kursus yang berkaitan dengan solat ini, malah kursus-kursus yang lain juga adalah diwajibkan. Dan, pihak Pejabat Kadi khususnya di Bahagian Pengurusan Masjid, Unit Pengurusan Masjid sentiasa memantau ataupun mengambil maklum tentang kedudukan imam-imam. Mungkin ada di kalangan mereka yang tidak menyertai kursus ini akan dipanggil dalam kursus yang lain. Sebab kita melihat kepentingannya sebagaimana Yang Berhormat Tanjung Surat sebutkan bahawa sebab hari ini kita melihat banyak ya, sebab kita Negeri Johor dengan perkembangan, dengan pembangunan kepesatan ekonomi, ramai yang datang daripada luar yang mencari rezeki di sini, yang membawa fahaman-fahaman yang bertentangan, bukan yang bertentangan, yang agak berbeza yang dah menjadi amalan di negeri Johor iaitu seperti solat yang berpandukan fahaman Mazhab As- Syafie.

Ini yang sangat penting yang kita lihat pada hari ini, kita tidak mahu dan di situ juga kita memberikan penerangan tentang kaedah solat, bagaimana solat Nabi mengikut fahaman Mazhab As-Syafie. Ini sebab kita tahu bahawa sekolah agama negeri Johor ini sejak dari dulu lagi, kita pun belajar kaedah itu. Tetapi kalau ada orang daripada negara luar yang mungkin berfahaman yang lain daripada itu seperti fahaman Hambali... Imam Hambali, Ahmad Ibni Hambal ataupun Imam Malik ataupun yang lain daripada itu Imam Abu Hanifa, Mazhab Hanafi dan sebagainya, mereka boleh melakukan solat mereka itu tetapi apa yang dah menjadi kebiasaan kita di negeri Johor, iaitu kita berpegang kepada Mazhab As-Syafie dari segi ibadahnya.

Maka dengan sebab itu, ingin saya tegaskan di sini bahawa pada hari ini telah pun timbul sedikit keraguan bagi umat Islam pada hari ini dan saya juga merasa ini adalah satu perkara yang membimbangkan sebab kita lihat perkara ini berlaku di masjid. Dan kita tahu benteng ataupun masjid itu adalah merupakan benteng pertahanan, bukan setakat dari segi pelaksanaan ibadah, akan tetapi memantapkan akidah dan juga ukhuwah Islamiah. Sekiranya ada perbezaan-perbezaan di antara ini, kita bimbang oleh kerana kefahaman kita yang kurang terutamanya imam-imam yang boleh menjelaskan kepada ahli jemaah bahawa kaedah yang digunakan pada hari ini adalah kaedah yang mengikut Mazhab As-Syafie dan begitu juga kita ambil daripada Rasulullah SAW dan sekiranya ada fahaman-fahaman lain yang dibawa dan mereka tidak boleh membuat perbezaan di antara mazhab-mazhab ini tadi, ini yang boleh menimbulkan kesalahfahaman di dalam masyarakat. Sebab kita sebagaimana yang

ada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, walaupun kita dari sudut ibadah berpegang kepada Mazhab As-Syafie, namun kita juga tetap meraikan 3 lagi fahaman mazhab yang lain. Ini perlu kita lihat. Yang tidak termasuk daripada situ, itu kita tidak raikan dan kita tidak alu-alukan di dalam negeri Johor. Ini yang ingin saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : OK. Yang Berhormat Maharani jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 8.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengadakan kajian semula bantuan kewangan kepada rakyat setiap tahun. Nyatakan jumlah penerima yang ditamatkan bantuan setakat ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga Yang Berhormat Maharani.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membuat kajian semula bantuan kepada penerima bantuan bagi mengenal pasti keadaan sosioekonomi semasa penerima sama ada masih layak dilanjutkan ataupun ditamatkan.

Sehingga Oktober 2015, seramai 4,536 kes telah ditamatkan berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

1. Meninggal Dunia
2. Berpindah ke luar daerah
3. Telah mampu untuk berdikari
4. Anak-anak telah tamat persekolahan atau telah melebihi usia 18 tahun
5. Pendapatan isi rumah semasa telah melebihi had kelayakan
6. Tidak bekerja lagi bagi kes-kes penerima Elaun Pekerja Cacat ataupun EPC
7. Kes yang dijaga telah meninggal dunia iaitu merujuk kepada skim Bantuan Penjagaan OKU ataupun Pesakit Kronik Terlantar; dan
8. Ditukarkan ke Skim yang lain. Sebagai contoh dari skim Bantuan Tidak Bekerja kepada Elaun Pekerja Cacat dan sebagainya.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula bantuan dibuat setahun sekali menggunakan borang JKM20 dan perlu dikemukakan borang tersebut di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan dengan mengemukakan dokumen sokongan serta mendapat pengesahan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Pengerusi JKKK ataupun pemimpin tempatan.

YB Tan Sri Speaker : Maharani. Maharani jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Masalah yang dihadapi oleh penerima bantuan ini ialah apabila mengadu mereka tidak menerima notis permohonan semula oleh kerana mereka ialah oleh kerana berpendapatan rendah, kedudukan jauh dan kadang-kadang alamat, mungkin

alamat rumah pun tidak... tak tepat, maka mereka tak dapat notis itu dan apabila sampai masanya untuk mereka mengambil bantuan itu, dia pergi ke bank dia cucuk duit tak keluar. Jadi apakah cara untuk memastikan bahawa mereka yang diberhentikan bantuan ini adalah sebenarnya mereka yang betul-betul katalah boleh diberhentikan ataupun ada kaedah lain untuk memastikan bahawa tidak ada terlepas pandang dalam isu ini. Dan kalau katalah mereka mohon semula, berapa lama agaknya dapat diluluskan? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Sebenarnya penerima-penerima yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dalam tempoh 2 bulan sebelum tamat tarikh mereka menerima bantuan tersebut, jadi dalam masa 2 bulan itu, dia dah kena buat permohonan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan sebenarnya, sekiranya mereka ini tidak datang. Kita cuba di peringkat Jabatan mencari mereka, melainkan mereka ini telah pun bertukar alamat dan sebagainya. Dan, kadang-kadang memang ada beberapa kes kita terlepas pandang, tetapi kita juga meminta bantuan daripada kepimpinan di peringkat kawasan tersebut khususnya Ketua-Ketua Kampung dan sebagainya untuk melaporkan ataupun membawa ataupun membawa borang tersebut kepada penerima.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya telah lengkap borang permohonan tersebut dan telah pun didapati penerima berhak untuk disambung semula, ianya akan dapat menyambung semula permohonan tersebut dalam tempoh sebulan ataupun 2 bulan daripada tarikh mereka menghantar maklumat tersebut. Itu prosedur biasa. Tapi mungkin ada di antaranya kita... penerima-penerima tersebut tertinggal adalah mungkin kita terlepas pandang ataupun tidak kita menerima maklumat dan sebagainya. Dan kalau rekod itu kita tengok ada, yang kita apa tu... dapati tertinggal dan sebagainya, ada di antaranya Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tersebut akan merujuk ataupun pergi ke rumah penerima-penerima tersebut. Dan saya mengharapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekiranya terdapat kes-kes tersebut dengan kerjasama dan jasa baik kita juga, kita boleh melaporkan kepada Pejabat-Pejabat Kebajikan Masyarakat di kawasan kita masing-masing.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Jementah, jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Seperti sedia maklum, bantuan kebajikan pada peringkat ini ada dibahagikan kepada 2 iaitu RM150.00 dan RM300.00. Saya nak tahu sebab RM300.00 ialah bagi mereka yang ada kerja tetapi masih oleh kerana pendapatan tidak tinggi dan Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan bantuan kepada mereka. Dan juga daripada RM150.00, mereka ini dikategorikan sebagai penerima yang tidak bekerja. Dan, saya mendapat maklum balas daripada pemohon atau penerima, mereka menyatakan sebahagian, ada sebilangan daripada mereka ialah menghidap penyakit-penyakit yang apa ni... yang berat seperti kanser dan mereka tidak mampu bekerja tetapi hanya diberi bantuan RM150.00 dan kita nampak RM150.00 sekarang ini satu bulan, mana cukup untuk memberi bantuan kepada mereka untuk meringankan kos sara hidup mereka?

Sedangkan mereka mengidapkan penyakit yang teruk barah, kanser. Tak boleh bekerja. Maka, saya meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kalau boleh mengkaji semula khususnya untuk mereka yang ada mengidap penyakit yang tenat seperti kanser, tak mampu bekerja... harus memberikan bantuan yang lebih kepada mereka. Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh buat kajian segera. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ok terima kasih, Yang Berhormat Jementah. Sebenarnya ada beberapa kategori bantuan yang menerima bantuan sebanyak RM300.00 ataupun RM350.00. RM300.00 adalah bantuan kepada... yang dinamakan bantuan orang tua. Manakala RM350.00 adalah bantuan kepada elaun pekerja cacat. Dulu RM300.00 tetapi kita naikkan kepada RM350.00. Elaun pekerja cacat ini adalah merupakan pekerja orang OKU, yang bekerja mempunyai majikan. Itu kita tambah lagi elaun mereka, kalau dia dapat daripada majikan dia tidak melebih RM1,200.00, kita tambah lagi RM350.00. Itu maksud elaun pekerja cacat . Tetapi sekiranya pekerja cacat tidak bekerja... di rumah, kita memberikan mereka bantuan sebanyak RM150.00.

Manakala yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jementah tadi, penerima-penerima yang menerima RM150.00, pesakit kanser. Sebenarnya kita ada satu lagi skim bantuan yang dinamakan BPT, Bantuan Pesakit Terlantar yang kita beri RM300.00 bukan RM150.00 Yang Berhormat. Dan, kita berikan mereka-mereka yang terlantar untuk bantuan seperti mereka membeli pampers, susu dan sebagainya. Itu yang kita berikan kepada mereka. Dan kita juga mempunyai, yang mungkin kalau dari segi kita orang-orang Melayu beragama Islam, kita boleh juga mendapat bantuan daripada pihak Majlis Agama Islam dari Baitulmal dan sebagainya.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Kukup jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

Sejauh manakah kejayaan agensi pertanian dalam mengawal penyakit-penyakit hasil pertanian seperti serangan penyakit koko dan pisang nipah? Sila huraikan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Kukup menanyakan sejauh manakah kejayaan agensi pertanian dalam mengawal penyakit-penyakit hasil pertanian seperti serangan penyakit koko dan pisang nipah? Sila huraikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, konsep asas kawalan serangan penyakit dan perosak tanaman adalah berkenaan dengan pengawalan dan pencegahan pada peringkat awal lagi iaitu sebelum serangga dan perosak menyerang tanaman. Walaupun pada hakikatnya adalah sukar untuk memastikan tanaman bebas dari serangga dan perosak yang menyebabkan penyakit, namun pelbagai kaedah dan

prosedur boleh digunakan terhadap kawalan serangga dan perosak untuk mengoptimumkan hasil tanaman.

Menyentuh kepada kejayaan dalam mengawal penyakit-penyakit hasil tanaman, sehingga kini pihak Jabatan Pertanian sentiasa berusaha mengurangkan kejadian serangan penyakit dan perosak tanaman. Bagi memastikan kejayaan dalam mengawal serangan serangga perosak dan penyakit, beberapa langkah telah diambil oleh pihak Jabatan Pertanian melalui pelaksanaan aktiviti seperti berikut:

1. Pengawasan dan perosak penyakit tanaman iaitu betik, pisang, nenas, nangka, kelapa, mata naga dan mangga yang dilaksanakan setiap tahun;
2. Program kesedaran kepentingan pencegahan perosak;
3. Latihan teori dan *handson*, dengan izin, kawalan perosak dan penyakit;
4. Pengedaran *pamflet* dan poster kepada agensi penguasa dan juga orang awam;
5. Penguatkuasaan Akta Kuarantin Tanaman 1976 pada perosak yang telah diwartakan.

Hasil daripada usaha yang dilakukan ini dapat dilihat berdasarkan Bancian Pengawasan Perosak Tanaman yang dijalankan oleh Bahagian Biosekuriti Tanaman Negeri Johor setiap tahun. Bancian ini dilaksanakan di kawasan-kawasan utama tanaman di seluruh daerah di Negeri Johor tetapi ia tidak merangkumi keseluruhan kawasan tanaman.

Pada tahun 2012, serangan Layu Bakteria pada tanaman pisang merupakan yang tertinggi iaitu sebanyak 38.5 hektar dengan keluasan bancian tanaman seluas 561.86 hektar. Hasil daripada program bersepadu yang dilaksanakan dapat dilihat penurunan yang ketara pada tahun 2013 iaitu 2.37 hektar dengan peratus penurunan sebanyak 93.84%. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, terdapat sedikit peningkatan serangan Layu Bakteria iaitu daripada 2.37 hektar kepada 9.24 hektar. Manakala tiada serangan dikesan pada tahun 2015.

Bagi serangan *Fusarium* pada tanaman pisang pula, penurunan telah berlaku pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu 7.14 hektar kepada 1.97 hektar. Walau bagaimanapun, peningkatan berlaku pada tahun 2014 sebanyak 10.01 hektar dan penurunan yang agak ketara pada tahun ini iaitu hanya 0.87 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada kawalan kimia yang berkesan untuk mengawal penyakit Layu Bakteria pada tanaman pisang yang berpunca daripada bakteria *Ralstonia solanacearum* ini. Apa yang lebih diutamakan oleh pihak Jabatan Pertanian adalah melalui Amalan Pertanian Baik sebagai pendekatan yang lebih berkesan. Oleh itu, penekanan kepada kesedaran mengenai penyakit ini dan langkah-langkah kawalan dan pencegahan kepada pengusaha diberi melalui program latihan di peringkat daerah dan hebahan melalui pamflet dan poster kepada semua peringkat termasuk orang awam.

Kejayaan dalam mengawal penyakit dan perosak tidak terletak kepada usaha daripada pihak agensi pertanian semata-mata tetapi ia lebih kepada usaha sama dan sokongan dari pelbagai pihak terutamanya pengusaha tanaman dengan

mematuhi langkah-langkah pencegahan dan kawalan perosak daripada ia terus merebak. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita sempurnakan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan-soalan lisan yang belum dijawab akan dijawab secara bertulis untuk persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2016) TAHUN 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan 2016 tahun 2015 disambung semula. Sebelum disambung saya mohon, benar-benar mohon supaya dapat menjaga masa yang ditentukan kerana ini ialah hari penghabisan kita memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengemukakan perbahasan bagi Bajet 2016. Jadi saya berharap, semua yang telah pun dicatitkan nama ni dapat berucap pada hari ini. Jadi yang sedang berucap akan berucap, tolong-tolonglah jaga masa untuk memberi peluang rakan-rakan yang lain. Saya persilakan Yang Berhormat Tanjung Puteri menyambung, 10 minit sahaja lagi.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru(Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaratuh. Terima kasih Tan Sri Speaker, salam hormat, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Semalam saya dah membincangkan tentang pusat ekuiti warga emas dan seterusnya Tanjung Puteri sedia maklum bahawa salah satu lagi badan kerajaan yang main peranan mengenai penjagaan warga emas ini, maka Tanjung Puteri ingin menanyakan peranan Yayasan Pembangunan Keluarga (YPKDT) adalah mengukuhkan institusi keluarga. Sejauh manakah program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan? Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bajet mengutamakan pihak NGO bergerak aktif dan progresif sangat dialu-alukan. Maka RM3.0 juta diperuntukkan penghargaan peranan besar mereka. Tanjung Puteri berharap perlaksanaan mestilah menyeluruh dari program yang melibatkan belia hingga ke program-program warga emas. Program-program sahaja janganlah hanya asal dibuat sahaja, tetapi ianya mestilah berimpak dan juga positif kepada sasarannya bagi membangunkan jati diri warga Johor.

Tanjung Puteri mencadangkan program akar umbi memerangi gejala dadah musuh negara ini diperhebatkan kerana tidak guna ada pembangunan sekiranya masyarakat hancur keperibadiannya. Maka jangan diketepikan peranan PEMADAM di setiap daerah dalam negeri Johor. Ancaman dadah sebagaimana bacaan statistik mengikut etnik bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

1. Melayu sebanyak 78.22%, Cina hanya 8.74%, India 11.74%, peribumi Sabah, Sarawak dan lain-lain 1.3%.

2. Mengikut umur ketika dikesan dari 13 hingga 18 tahun. 3.20% dari 19 hingga 39 tahun, 66.72%, dari 40 hingga 50 tahun mereka ini seramai 30.08%.

3. Kes dadah di negeri Johor pada tahun 2010 hingga 2014. Tahun 2010 - 2,091 orang, tahun 2011 – 1,918 orang, tahun 2012 – 1,729 orang, tahun 2013 – 1,870

orang dan tahun 2014 seramai 1,992 orang. Kes baru bagi tahun 2014seramai 1,397 orang. Kes berulang semula 595 orang. Jumlah kesemua adalah 1,992 orang.

4. Jumlah penagih berdaftar di Johor bagi tahun 1988 hingga 2014. Seramai 40,160 orang daripada jumlah penduduk 3.515 juta orang. Maka setiap 1,000 penduduk, 11 orang adalah penagih dadah di negeri Johor.

Tanjung Puteri mencadangkan agar masalah memerangi dadah mendapat peruntukan yang besar dalam Bajet 2016 ini dan mekanisme pengagihan peruntukan kepada NGO hendaklah terus daripada Pejabat Menteri Besar kepada NGO-NGO yang aktif, bukan melalui pihak ketiga.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Puteri seterusnya ingin membincangkan perkara yang ke-90 dalam pembentangan bajet iaitu Pusat Dokumentasi Johor. Pusat Dokumentasi adalah pusat untuk menerima dan mengumpul semua penerbitan, koleksi tempatan, dokumen, kontrak perjanjian, jurnal, majalah, buletin dan lain-lain yang diterbitkan oleh jabatan-jabatan di negeri Johor. Pusat ini juga mengumpul koleksi negeri Johor yang kita panggil koleksi tempatan seperti sejarah lisan, manuskrip dan juga buku-buku daripada penulis-penulis Johor. Pusat dokumentasi ini mestilah diurus dengan rasmi dan berterusan, maka sememangnyalah perlu bajet dan perancangan yang teliti. Infrastruktur mestilah dimulakan dengan menubuhkan satu jawatan kuasa menyelaras atau konsultan bagi menyelaras dasar-dasar yang diluluskan bagi tanggung jawab merealisasinya, merangka aktiviti dan juga fungsi pusat dokumentasi tersebut. Dalam Akta Penyerahan Bahan 1986 Akta 331 Persekutuan, perpustakaan negeri juga sebagai pusat serahan. Maka pusat serahan ini mesti ada ruang untuk de*pository,* dengan izin, bahan dan koleksi. Bahan-bahan yang ada perlu disusun dan diproses, dijaga secara profesional oleh pakar atau sekurang-kurangnya mereka yang ada kelulusan *basic record management* yang diiktiraf seperti dari *School In Faculty Librar And Information Science.*

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Diharapkan peruntukan sebanyak RM200,000.00 yang dibajetkan digunakan sebagai batu asas permulaan bagi membuat kajian dan perancangan agar Johor mempunyai sebuah pusat dokumentasi yang terancang serta profesional.

Kepentingan pengurusan rekod adalah :

1. Menyimpan rekod-rekod penting sebagai bukti utama sesuatu peristiwa;

2. Sebagai pusat rujukan dan penyelidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang sahih;

3. Memudahkan maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati pada waktu yang tepat dan maklumat yang betul;

4. Memelihara dan memulihkan rekod-rekod lama dan penting kerajaan mengikut spesifikasi tertentu bahan-bahan rekod;

5. Mengambil pengajaran di atas kejadian kehilangan Pulau Batu Putih disebabkan kelemahan pengurusan rekod negeri dan negara.

Jenis-jenis dokumen yang perlu disimpan:

1. Dokumen bertulis penting dan rasmi negeri sama ada bercetak atau tidak. Sumber jabatan kerajaan seperti draf-draf, rekod sulit kerajaan, rekod rasmi kerajaan, peristiwa-peristiwa bersejarah negeri. Contoh, Hari Pertabalan Sultan Johor, Kembara Mahkota Johor dan kemenangan pasukan bola sepak JDT, Ha, ni contoh.

Untuk makluman Dewan yang mulia, negeri Sarawak menggunakan *State Library Ordinance 1999* dan negeri Sabah menggunakan Enakmen Penyerahan Negeri Sabah 2007. Dan sudah memulakan pusat pengumpulan dokumen ini.

Yang Berhormat Tan Sri, selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang skim elaun insentif khas. Rakyat mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana begitu prihatin mengenai kekangan kenaikan pangkat kepada penjawat awam di negeri Johor dan dalam Bajet 2016 ini, maka yang ada pada mereka yang berkelayakan ini akan sia-sia sekiranya perkara ini tidak diutamakan selari dengan rakan pekerja yang lain. Implikasi kepada pengurusan juga akan terjejas kerana perasaan persekitaran bekerja tidak inklusif bagi mereka.

Skim Elaun Insentif Khas yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedikit sebanyak dapat melegakan dan motivasi untuk mereka terhadap tugasan mereka selama ini. Hendaknya sekiranya boleh, selain pegawai kumpulan pengurusan dan juga profesional JCS yang berjawatan tetap dan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan serta di badan-badan berkanun negeri, perjawatan seperti mereka yang saya nak katakan ini, yang kerja tidak menentu waktu iaitu pagi, petang, siang, malam, hujan, ribut, guruh, petir, banjir, kebakaran, mereka terus bekerja. Siapa mereka ni? Mereka adalah penghulu-penghulu di daerah-daerah seluruh negeri Johor seramai 114 perjawatan mereka. Maka Tanjung Puteri merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi pihak mereka supaya elaun insentif ini juga dipanjangkan kepada tok-tok Penghulu kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia, jawatan Penghulu di daerah-daerah pada hari ini hanya diisi seramai 86 orang sahaja daripada 114 perjawatan. Mungkin kerana tugasan yang berat sebagaimana saya katakan tadi masih ada 8 kekosongan menunggu untuk diisi. Kalau ada orang yang berminat, boleh dihantar nama. Jadi Tan Sri Speaker, saya berterima kasih kerana dapat berucap 2 hari, hari ni, maka Tanjung Puteri mengakhiri perbahasan ini dengan menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Gambir.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniandy(Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada Gambir untuk turut serta dalam perbahasan rundingan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2016 Tahun 2015. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mewakili rakyat DUN Gambir dan masyarakat India Johor mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Tuanku Sultan Johor sempena dengan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November yang lalu. Semoga Duli Tuanku dilimpahi dengan restu oleh Tuhan Yang Maha Kuasa untuk terus memerintah negeri Johor yang bertuah ini dengan adil, saksama dalam satu konsep yang cukup signifikan untuk negeri Johor sejak beratus tahun yang lalu iaitu Muafakat itu Berkat. Kami menjunjung kasih Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti mana Ahli Yang Berhormat Tenggaroh nyatakan semalam, saya bagi pihak masyarakat India Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri yang melaksanakan Program Inklusif Masyarakat India yang dilaksanakan pada tahun 2015 ini diteruskan dengan digandakan dengan 50% lagi untuk tahun hadapan juga. Usaha ini amat mendapat perhatian dan pujian, juga penghargaan bukan sahaja keseluruhan masyarakat India Johor malah masyarakat India di negeri-negeri lain. Sebab, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, negeri-negeri lain pun belum pernah ada peruntukan yang sedemikian. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walau bagaimanapun, saya ingin tahu apakah asas peruntukan RM6 juta ini kepada masyarakat India. Di mana, peruntukan ini merangkumi pendidikan, keusahawanan, kebajikan serta juga pada tahun ini diberikan peruntukan untuk penyelenggaraan sekolah-sekolah Tamil di negeri Johor ini diluluskan. Adakah sebarang kajian atau analisa atau perangkaan dirujuk? Seharusnya semua ini perlu dilakukan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi tujuan penyelesaian permasalahan masyarakat India. Jadi, dia perlu ada kumpulan sasaran, tempoh dia, jangka masa pendek ke, jangka masa sederhana ke, jangka masa panjang ke.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara ini saya sebutkan di sini kerana untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut maklumat daripada data asas negeri Johor yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, masyarakat etnik India adalah etnik ketiga tertinggi di negeri Johor dengan bilangan penduduknya 223,300 orang iaitu 6.5% daripada 3.51 juta penduduk negeri Johor. Dari segi pendapatan isi rumah per kapita Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk B40, dengan izin *Bottom* 40, pendapatan isi rumah per kapita untuk penduduk negeri Johor adalah RM2,803.00 pada tahun 2014. Berbanding dengan T20 ataupun *Top* 20, dengan izin, pendapatannya adalah RM13,180.00. Jadi, perbezaan isi rumah B40 amat berbeza dengan T20 tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Tan Sri Speaker, masyarakat India tergolong sebahagian besar dalam kategori B40 ini dan perlu pembelaan yang lebih

terancang dan tersusun seperti yang saya sebutkan tadi di mana kita perlu ada tempoh masa dalam jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *intention*, dengan izin, membantu masyarakat India oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri sudah jelas. Seperti kata pepatah, "sudah terang lagi bersuluh". Cuma, saya nak tekankan dari segi implementasi *intention-intention* berkenaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehubungan dengan itu, sebagai usaha mentransformasi niat baik kerajaan negeri yang bersedia untuk membantu masyarakat India, RM4 juta untuk tahun 2015, RM6 juta untuk tahun 2016, maka saya ingin mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas ataupun Sekretariat seperti mana yang diwujudkan oleh kerajaan pusat pada tahun 2009 lagi iaitu SITF, *Secretariat Indian Task Force,* dengan izin, bertujuan untuk membantu dan membela isu-isu berkaitan dengan masyarakat India di mana di peringkat pusat, Yang Berhormat Datuk Speaker, jawatankuasa sekretariat ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Di negeri Johor, ia mungkinlah boleh dikenali sebagai JITF, *Johor Indian Task Force*. JITF ini bolehlah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dan dianggotai oleh Wakil-Wakil Rakyat serta agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Perbadanan Usahawan Johor Berhad dan juga Yayasan Pelajaran Johor. Mesyuaratnya mungkin bolehlah diadakan setahun dua kali. Dengan demikian, pemantauan dalam pengagihan peruntukan dapat diberi perhatian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti mana yang disebutkan oleh ADUN Tanjung Puteri tadi, banyak jawatankuasa-jawatankuasa dicadangkan. Dan, jawatankuasa program ini pula dikatakan Program Inklusif. Jadi, dengan adanya jawatankuasa ini, maka pemantauan yang lebih khusus dapat diberikan dalam pengagihan peruntukan RM6 juta ini. Sebagai contoh, saya boleh cadangkan, untuk aktiviti RM1.5 juta bagi aktiviti kebajikan, mungkin JKM boleh menjadi penasihat kepada pemberian, pengagihan peruntukan berkenaan. Untuk program keusahawanan sebanyak RM2 juta, mungkin Perbadanan Usahawan Johor Berhad boleh membantu masyarakat India. Dan, untuk tujuan pendidikan, Yayasan Pelajaran Johor boleh menjadi penasihat dalam perkara ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jadi walaupun peruntukan RM 6 juta ini Program Inklusif, mungkin kerajaan tidak merasakan satu unit atau jawatankuasa. Tapi saya rasa peruntukan ini, dari segi peringkat negeri, peruntukan yang amat besar, jadi pemantauan yang bertumpu sekurang-kurangnya dapat membantu seperti mana saya sasarkan mungkin dalam 4,000 keluarga India dapat bermanfaat daripada peruntukan RM6 juta ini.

Contoh Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mungkin dari segi aktiviti kebajikan, RM1,000.00 diberi kepada 1,500 keluarga. Mungkin program keusahawanan, RM2,000.00 untuk satu usahawan, 1,000 usahawan boleh diberi tumpuan. Untuk pendidikan, mungkin RM1,000.00, 1,500 pelajar-pelajar boleh diberi bantuan ini. Maka lebih kurang 4,000 keluarga India boleh manfaat dalam tahun 2016 dan mungkin 4,000

ini untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kali 10 lebih kurang 40,000 masyarakat India boleh manfaat.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masyarakat India ni biasanya dia sangat terhutang budi. Bila dia terima bantuan, dia akan kembalikan dalam bentuk undi kepada Barisan Nasional. (Dewan bertepuk). Ini kepastian yang saya boleh beri kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pengagihan RM4 juta pada tahun 2015 tidak dapat dipastikan pengagihannya seperti mana yang ditetapkan memandangkan tiada satu jawatankuasa atau agensi-agensi yang dilibatkan dalam urusan pengagihan. Wakil-Wakil Rakyat yang mewakili masyarakat India juga tidak terlibat dalam urusan pengagihan peruntukan berkenaan dan kami berhak untuk mengetahuinya kerana ia diluluskan di Dewan yang mulia ini. Jadi, sangat signifikan dan tepat pada masanya kewujudan Johor *Indian Task Force* ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan untuk tujuan itu sahaja. Malahan jawatankuasa ini juga berupaya juga untuk melihat isu-isu yang selalu, yang selalu berbangkit, yang belum selesai. Kalau Yang Berhormat Tan Sri Speaker mendengar kadang-kadang yang dengar ini pun meluat, sebab perkara yang sama selalu kena bangkit dalam Dewan. Contohnya, peluang kontrak masyarakat India. Peluang-peluang masyarakat India dalam sektor awam. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, orang India ini dia lebih suka kerja dengan kerajaan. Tak macam kadang-kadang masyarakat Cina tak berapa minat. Tapi, dia hendak sangat kerja tapi tak dapat peluang. Kemudian isu berkaitan dengan tapak khairat kematian. Saya bangkitkan dalam persidangan Dewan yang lepas juga. Kemudian isu tapak-tapak kuil. Kemudian isu projek berkembar Gemas - Johor Bahru ni, Yang Berhormat Tan Sri Speaker tadi Pengerusi Kerja Raya jawab, tak sempat saya nak tanya soalan tambahan, melibatkan tapak sekolah, tempat ibadat pun sampai sekarang masih belum selesai. Jadi, saya rasa, kemudian isu perumahan.

Isu perumahan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa yang saya dapati daripada nota yang saya terima ataupun maklumat daripada Jawatankuasa Perumahan ialah RMMJ (Rumah Mampu Milik Johor) daripada 41,555 permohonan pada penghujung 2014, 2,451 permohonan daripada masyarakat India, saya tidak tahu berapa ramai, lebih kurang 6%. Jadi, golongan ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rumah mampu milik Johor ini memang masyarakat India ni tak mampu nak beli rumah RM300,000.00 – RM500,000.00. Jadi, kalau saya nak minta 2,451 ni diberi, saya ingat dasar perumahan tak benarkan. Jadi, perkara-perkara ini saya rasa perlu dan boleh dirujuk oleh Jawatankuasa yang saya cadangkan itu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya perkara ketiga ialah berkaitan dengan agro pelancongan. Kelulusan peruntukan khas agro pelancongan sebanyak RM1 juta oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2016 menunjukkan betapa pihak kerajaan memberi tumpuan kepada sektor pelancongan khususnya di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, saya ingin dapatkan maklum balas daripada EXCO Pelancongan berkaitan kawasan agro pelancongan di kawasan Sawah Ring, Bukit Gambir diberi perhatian. Lokasi ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sangat berpotensi kerana di kelilingi dengan kawasan padi seluas 700 ekar. Mungkin orang terperanjat,

Bukit Gambir ada kawasan padi. 700 ekar, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang berlatar belakangkan Gunung Ledang. Jadi, kalau kita diri dekat sawah tu, belakang dia memang cantik pemandangan Gunung Ledang itu. Ha, jadi saya ingat Serom beri tepukan, terima kasih Serom. Gambir mohon usaha membina infra dapat dilaksanakan sebagai memenuhi aspirasi masyarakat Kampung Sawah Ring ini yang telah bersedia untuk menyambut usaha agro pelancongan ini yang dapat meningkatkan pendapatan pesawah-pesawah padi ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hanya bergantung kepada padi semata-mata.

Jadi, ini juga selaras dengan penumpuan kekuatan daerah-daerah, di mana daerah Ledang diletakkan sebagai daerah pelancongan dan pembuatan ringan seperti yang diumumkan dalam bajet kali ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara keempat ialah berkaitan dengan pelancongan juga, pegawai-pegawai khas pelancongan India dan Cina. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelbagai usaha dibuat sejak 2 tahun ini bagi menarik pelancong-pelancong dari negara India dan China ke negeri Johor. Gambir ingin cadangkan supaya pegawai-pegawai khas pelancongan India dan Cina diwujudkan. Kerana Yang Berhormat Tan Sri Speaker, promosi-promosi dibuat secara meluas di negara-negara China, di negara-negara India, saya juga merupakan di antara Jawatankuasa Pelancongan Negeri pergi ke negara India. Tapi, bila mereka nak merujuk nak datang ke sini, tak ada pula orang yang nak uruskan, menyambut cadangan-cadangan pelancongan daripada pihak mereka. Jadi, langkah-langkah susulan tidak dapat dilakukan. Maka, kewujudan jawatan ini dapat menyemarakkan dan menambah usaha promosi *tourism* Johor ini. Di harap Jawatankuasa Pelancongan, Pengerusi Pelancongan dapat timbangkan perjawatan-perjawatan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara seterusnya ialah Pusat Pameran Antarabangsa Perabot Ledang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya bagi pihak-pihak penduduk daerah Ledang merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah merealisasikan perkara ini yang dibangkitkan oleh Gambir dalam sidang Dewan yang lepas apabila pembinaan Pusat Pameran Perabot Antarabangsa Ledang secara penswastaan dengan peruntukan RM14.6 juta sebagai dana mudah cara telah diluluskan. Walau bagaimanapun Gambir cuma ingin supaya kerjasama yang terbaik dan perbincangan dengan pemain-pemain industri perabot khususnya dilakukan terlebih dahulu.

Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu adakah perbincangan telah dibuat dengan Persatuan Perabot Muar serta negeri Johor berkaitan perkara ini? Apakah bentuk komitmen dan kerjasama daripada pihak-pihak mereka yang telah dicapai? Ini perlu Tan Sri Speaker kerana...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk dulu, sambung selepas kita berehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Gambir menyambung sedikit eh dan saya harap dia menggulung. Sekarang, jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi berkaitan dengan Pusat Pameran Antarabangsa Perabot Ledang tu, saya minta supaya perbincangan dibuat dengan pihak-pihak berkenaan. Ini perlu kerana, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tidak mahu projek ini nanti terbantut dan menjadi Gagah Putih pula.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehubungan dengan perkara yang sama, Gambir terpanggil untuk meminta Jabatan Perhutanan Negeri Johor untuk melihat kepada jumlah pengeluaran barangan kayu utama, yang mana saya perhatikan ia telah menurun daripada 424,200 meter padu pada tahun 2012, kepada 344,052 meter padu pada tahun 2014, sumber Data Asas Johor 2014, oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Jadi, pertimbangan sewajarnya perlu diberikan oleh pihak kerajaan khususnya Jabatan Perhutanan dalam pengeluaran barangan kayu, yang mana ini akan menjadi bahan mentah kepada hab perabot Taman Perindustrian Pembuatan Perabot dan seterusnya untuk Pusat Pameran Antarabangsa Perabot Ledang nanti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum mengakhiri ucapan, Gambir ingin memohon beberapa penjelasan kepada beberapa perkara seperti berikut:-

1. Bilakah pembinaan Sekolah Agama Islam Integrasi Johor (SAAJ) akan dimulakan? Mereka yang mewakafkan tanah seluas 7 ekar untuk tujuan berkenaan telah mula bertanyakan tentang kedudukan usaha pembinaan. Mohon YB Pengerusi Agama memberi penjelasan.

2. Masalah monyet yang mengganggu ketenteraman awam khususnya di kawasan-kawasan kampung sekitar Bukit Gambir masih belum selesai. Malahan bertambah pula. Gambir ingin dapatkan jawapan Jabatan PERHILITAN berkaitan isu monyet di Bukit Gambir.

3. Pihak Kerajaan Negeri telah belanjakan perbelanjaan yang agak tinggi untuk mendapatkan hak milik bagi tanah seluas 7 ekar di Kampung Parit Jarum Tengah, Bukit Gambir pada tahun 2005, tapi hingga kini tiada pembangunan. Tanah yang berkenaan bertujuan untuk pembinaan Kompleks Sukan Bukit Gambir. Mohon penjelasan daripada YB Pengerusi Belia dan Sukan akan perkara ini sama ada, ada atau tidak cadangan pembinaan berkenaan? Kalau ada, bila?

4. Dua isu yang membelenggu saya di jalan JKR Negeri di Kampung Sawah Ring, iaitu pertama, pelebaran jambatan sempit Sawah Ring dan yang kedua, perluasan persimpangan masuk ke Sekolah Kebangsaan Sawah Ring, yang mana membahayakan pengguna-pengguna jalan. Banyak kemalangan telah berlaku di kedua-dua lokasi ini, mohon ihsan YB Pengerusi Kerja Raya.

5. Berkaitan pembinaan Sentral Bukit Gambir secara penswastaan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju secara dasar berkaitan projek ini pada tahun 2011. Oleh kerana dah 4 tahun, saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri, Unit Penswastaan berkaitan kedudukan projek pembinaan Sentral Bukit Gambir secara penswastaan.

6. Akhirnya, naik taraf jalan dari Persimpangan Sekolah Agama Kampung Parit Kassan ke Jalan Sungai Mati Bukit Gambir.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jalan yang dikenali sebagai Jalan Parit Kassan Lapis ini masih sebagai jalan kampung dengan kelebarannya hanya 3 meter tapi kenderaan yang menggunakannya pula pelbagai roda. Gunakannya kerana ia menyambungkan Plaza Tol Bukit Gambir dengan kawasan Sagil dan juga jalan ini juga memudahkan mereka yang melalui Plaza Tol ke Segamat. Jadi, diharap jalan ini dapat disenaraikan dalam projek jalan-jalan negeri sama ada 2017 ataupun dalam *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-11, mohon perhatian JKR.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, itu sahajalah perkara-perkara yang hendak saya bangkitkan pada kali ini. Dengan ini, Gambir turut menyokong usul yang dibawa oleh ADUN Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Tan Sri Speaker : Waalaikumsalam.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tan Sri Speaker, yang telah mengizinkan saya untuk berbahas dalam perbahasan Bajet pada tahun ini. Jadi, tidak terlambat Tan Sri Speaker, kalau saya ingin mengucapkan setinggi junjung kasih kepada Yang Maha Mulia Baginda Tuanku di atas Hari Keputeraan Baginda mudah-mudahan diberkati Allah di atas segala urusan. Tak lupa juga kita berdoa supaya Allah memberikan rahmat dan kepeliharaan kepada anakanda Baginda Tuanku, Tunku Abdul Jalil supaya diberi ketabahan dalam ujian yang ditimpa pada hari ini. Tidak terlewat juga, saya nak mengucapkan tahniah kepada pasukan JDT dan segala, daripada penaungnya, presidennya, kepada pasukannya, kepada penyokongnya, kepada yang pergi ke Tajikistannya. Tahniahlah, dapat pergi. Saya tengok dalam *facebook* tu, kapal terbang tu kosong Tan Sri Speaker, ada EXCO yang ambil gambar *selfie* dalam kapal terbang, nampak *seat* tu kosong, tahniahlah. Saya ni bersorak kat rumah aje, saya rasa yang saya sorak kat rumah ni lebih kuat dari yang pergi sana. Tapi, kalau percuma dan dipelawa, insya-Allah saya rasa, kita pun nak juga pergi.

YB Tan Sri Speaker : Tapi, percuma.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Percuma, alah percuma kosong, pelawalah. (Ketawa).

Tan Sri Speaker, suatu Bajet yang pada saya merupakan satu kesinambungan daripada bajet tahun lepas. Bajet yang inklusif yang nak melayakkan pengurusan kerajaan dan pembangunan negeri ini dan dengan bermatlamat untuk mengurangkan jarak pendapatan di antara rakyat kaya dan miskin. Maka, bajet kali ini ialah kesinambungan. Mungkin ye, segala perancangan untuk mencapai tujuan yang tadi tu tidak kesampaian, maka ini adalah suatu bajet dan insya-Allah kita doakan dapat mencapai matlamat yang diharap-harapkan. Jadi, saya minta suatu perancangan yang baik, kalau tak diikuti dengan pemantauan, penyelenggaraan, pelaksanaan yang baik, maka saya bimbang ia juga tidak akan dapat mencapai matlamat yang kita harapkan.

Jadi, satu cabaran bagi kerajaan, bagi kakitangan-kakitangan kerajaan, badan-badan pelaksana supaya kita sama-sama mengambil serius tentang bajet ini supaya tercapai segala matlamat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Jadi, syabas.

Pada kali ini, rata-rata, saya rasa isu-isu besar yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat sekalian ialah pertama rumah, perumahan, keduanya, masalah air hingga tenggelam segala isu-isu lain, yang tak kurang pentingnya seperti pertanian. Nasib-nasib petani pada hari ini, pekebun getah, sawit, yang kurang diberi perhatian, yang mereka pada saat ini sedang mengeluh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan harga komoditi yang rendah, harga barang yang, kos kehidupan yang terlalu tinggi. Maka, mereka ini adalah mangsa keadaan pada hari ini, yang saya rasa, kita kurang beri perhatian dalam bajet pada kali ini dan kurang diperbahaskan. Jadi, saya minta, emmm, Jabatan Pertanian, tolong tak lupa. Saya yakin, tahun hadapan dengan merosotnya nilai ringgit, harga-harga baja, kimia dan sebagainya akan melambung. Saya yakin, seperti juga harga-harga ubat yang akan melambung akan datang. Jadi, ini akan menambahkan beban lagi kepada petani-petani di bahagian ini. Tak terfikir ke kita, sebuah negeri pertanian, yang utamanya getah, sawit, sawit, kalau saya bertanya kepada petani-petani kebun sawit ini, dia kata, kalau 5 ekar ni, jangan ceritalah YB. Bawah 5 ekar ni, harga baja, apa lagi harga racun, upah-upah pekerja, 1 ekar mereka akan dapat dalam, saya tak faham sangatlah, yang dah ada lebih faham, dia kata cukup-cukup makan. Tak terfikirkah kita untuk cuba berusaha supaya, oleh kerana kita tidak dapat mengatasi harga sawit ini kita cuba mengurangkan kos baja, cukuplah. Kenapa kita tidak jadi negeri pengeluar baja ataupun negara pengeluar baja sawit kerana kitalah pengeluar sawit terbesar ataupun kedua terbesar tetapi kita tidak dapat mengeluarkan baja untuk pekebun-pekebun sawit ini. Kalau ini kita boleh atasi saya rasa insya-Allah beban kurang sikit.

Saya tertarik kawan saya, satu kawan, dia, kepala dia geliga Tan Sri Speaker, dia boleh beli satu gunung di Indonesia, gunung berapi, orang biasa aje, dia nampak, dia beli satu gunung di Indonesia dan dia angkut, angkut lahar-lahar ini.

YB Tan Sri Speaker : Gunung berapi?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya**.**

YB Tan Sri Speaker : Gunung berapi dibelinya?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dia angkut lahar-lahar yang dah beku ni. Tanah gunung, di lereng gunung-gunung berapi ni, dia bawa balik, bawa tongkang dan dia *packing* balik dan menjual baja-baja gunung berapi ni dengan harga yang murah. Saya cadangkan pihak Jabatan Pertanian cuba fikir benda ini. Kita banyak GLC, insya-Allah boleh selesai masalah baja yang terlalu mahal harganya.

Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ni berani, daripada 46,000 rumah murah, dia tambah lagi kepada 60,000 rumah murah. Walhal, masa kita cuma ada 2 tahun setengah. Ini saya *salute* ni, satu cabaran yang hebat. Kalau betul-betul boleh dilaksanakan, 60,000 buah rumah murah dalam masa 3 tahun, 4 tahun ini suatu pencapaian yang luar biasa. Saya harap benda ini benar-benar terlaksana agar masalah perumahan rakyat di negeri ini akan dapat kita selesaikan. Kita boleh sediakan macam-macam rumah, pembiayaan daripada Bank CIMB Islamic, tetapi pada saya, Tan Sri Speaker, bagi pembeli rumah, umur yang paling baik, yang paling optimum untuk membeli rumah adalah sekitar 25 tahun. Kerana bayaran ansuran perumahan mereka ini rendah. Kalau boleh, saya minta Kerajaan Negeri fikir, supaya kita beri keutamaan, galakan kepada anak muda ini, dah bekerja, dah berumah tangga, beli rumah, cepat, kerana tidak, mereka tidak akan menanggung ansuran yang terlalu tinggi. Ini pengalaman saya, saya paksa anak saya beli rumah, belum kahwin, beli rumah dulu, kerana mereka bila ada tanggungjawab beli rumah, mereka lupa segala, nak joli atau sebagainya. Tumpu rumah. Sekarang ini anak muda kita ini menumpu kereta dulu, jadi kita galakan 25 tahun sudah dapat kerja, sudah berumah tangga beri galakan mereka, beri insentif beli rumah.

Tetapi masalahnya Tan Sri Speaker, walau pun harga rumah berpatutan, kalau harga rumah berpatutan, tetapi bagi yang bukan bekerja kerajaan masalah utamanya adalah *down payment* atau pun duit lawyer, yuran lawyer dan yuran setem yang terlalu tinggi. Kalau harga rumah RM300,000.00 10% *down payment* dengan izin, RM30,000.00. Yuran *lawyer* dan yuran setem, duti dan sebagainya hampir mencecah RM10,000.00.

Ini menyebabkan anak-anak muda sekarang ini tidak mampu nak menyediakan *down payment* dan yuran-yuran peguam dan sebagainya, menjadikan mereka tidak mampu memikirkan tentang kepentingan beli rumah pada umur muda. Jadi adakah kerajaan bersedia untuk menyelesaikan masalah ini, *down payment* ini? Kita boleh selesaikan pinjaman, bank biasanya 90%. Jadi tolong fikir adakah mekanisme satu tabung, badan yang boleh menyelesaikan masalah *down payment* untuk anak-anak muda membeli rumah dan yuran-yuran guaman.

Yang jadi masalahnya Tan Sri Speaker bukan semua. Ada setengah-setengah pemaju yang menjalankan suatu dasar yang *double standard*. Bila lot-lot bumi walau pun 15% diturunkan tapi mereka ini dikenakan yuran guaman bagi rumah yang bukan *non bumi, buk*an bumiputera. Mereka ini selalunya dihapuskan, tak ada yuran guaman. Kalau EXCO Perumahan maklum saya rasa ada berlaku, ada berlaku.Ini suatu fakta bukan semua, jadi saya rasa adakah kerajaan boleh menangani masalah ini. Atau pun ini lepaslah, ini biarlah, *free market* terpulanglah kepada pemaju apa dia buat,

buatlah. Serah pemaju, harga rumah berapa nak tentukan dia punya profit marginnya, tentukanlah.

Adakah ini dasar kita sebagai kerajaan oleh kerana *free market* dengan izin, ha lantak, biarlah. Saya difahamkan, Parit Yaani ada mengatakan bahawa profit margin sesuatu perumahan satu rumah ini, tiap-tiap satu rumah ini, kalau di Amerika dikata dapat belas-belas persen, dikata di Malaysia 18% persen dia kata. Saya kata ini suatu fakta yang mungkin, tahun berapa fakta tu saya tak fahamlah. Saya berkawan dengan kontraktor-kontraktor, pemaju-pemaju dan sebagainya dan mereka kini dengan ikhlas menyatakan kepada saya bahawa, YB kalau 100% profit margin kami tak nak buat.

Habis saya tanya berapa margin? 200%, 300% harga rumah-rumah yang dijual pada hari ini 300% profit marginnya yang dijual kepada rakyat. Kalau kita kata dalam jawapan-jawapan EXCO harga rumah naik kerana harga tanah naik, harga ini naik sebenarnya kerana ketamakan pemaju-pemaju pada hari ini. Tan Sri Speaker bayangkan, kalau rumah teres kedai, rumah hujung, hujung ini memanglah harganya kita faham, tinggi. Tapi rumah *intermediate* . Yang tengah-tengah ini yang berkongsi dinding, kadang berkongsi dia punya *piling* dan sebagainya tak munasabah, rumah kedai berharga RM1 juta. Yang hujung mungkin, habis yang tengah-tengah tu hanya dinding. Dinding dah percuma, lantai sahaja tambah dengan suatu lantai atas tak kan RM1 juga. Jadi, inilah dia masalah yang paling besar dalam kita menghadapi, harga rumah pada hari ialah ketamakan pemaju-pemaju yang sesuka hati menaikkan profit margin hingga 300%. Adakah kita sebagai satu kerajaan tidak dapat menyelesaikan masalah ini ataupun menentukan bahawa sekian-sekian margin yang sesuai untuk rumah-rumah di jual pada rakyat.

Dan saya minta GLC pihak-pihak GLC yang *involve* dengan izin, dalam projek-projek perumahan ini tolong jangan terikut-ikut sangat dengan pemaju-pemaju swasta ini hinggalah kita sama-sama nak mengaut profit margin sehingga 100, 200%. Sepatutnya kita adalah badan yang mengawal harga. Saya yakin kalau GLC kerajaan buat rumah kedai, buat rumah-rumah rakyat, turunkan harga, saya yakin pihak pemaju swasta ini akan mengikut trend yang dibuat oleh GLC. Saya yakin kalau kita GLC sama juga mengaut untung macam swasta, maka apa-apa dasar perumahan yang kita buat saya rasa dia tidak akan dapat menyelesaikan masalah perumahan pada hari ini.

Tan Sri Speaker, hari ini, bukan pada hari ini , dah 8 tahun saya bersidang, berbahas pada 8 penggal. Tiap-tiap penggal inilah isunya air. Segala penyelesaian yang dibentangkan adalah penyelesaian jangka pendek. Walhal penyebabnya adalah penyebab yang akan tak akan habis-habis sampai bila-bila, sebab air tak ada, hujan tak turun, air tercemar, penduduk bertambah dan sebagainya, benda ini kita tak boleh selesaikan.

Tapi penyelesaian yang kita ambil ialah penyelesaian jangka pendek. Insya-Allah cuba fikir satu penyelesaian kaedah jangka panjang, fikir 20 tahun akan datang. Buat satu projek empangan besar ke, kalau jangka pendek tak selesai kerana penduduk akan bertambah. Pengerang akan naik, Kota Iskandar mulai sekarang ini akan berkembang hebat lagi, maka tak akan selesai masalah air ini. Kalau dulu kita tak kisah sangat, air merah, air kuning ni dah biasa pada kita dulu, dah biasa. Tapi kita tak kompelin kerana apa, air murah. Air tak ada 1 hari 2 hari tak apa, air murah, tak marah

kita pada kerajaan. Sekarang ini marah kerana air mahal, kita bayar air mahal dan menyelesaikan masalah ini turunkan harga air, jadi kuranglah kemarahan rakyat kepada kerajaan.

Tan Sri Speaker, saya ringkaskan, ada banyak masa

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung, sila gulung.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Gulung Yang Berhormat. Terima kasih kepada Jabatan Agama dan Majlis Agama Islam tentang urusan zakat yang alhamdulillah dapat mengurus dengan baik. Zakat bukan suatu, saya rasa penyelesaian satu tempat, yang mana orang miskin khususnya orang-orang Melayu Islam, inilah tempatnya, pada mereka inilah tempat. Satu saya nak ingatkan bahawa kita cuba tukar konsep pemberian zakat atau Baitulmal ini. Kadang-kadang orang yang pergi nak mengadu kepada Baitulmal. Jadi, apa yang dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab bertugas.

Mereka cari jalan, bukannya nak memberi tapi cari jalan ada syarat-syarat yang mereka ini tak layak. Tanya macam-macam supaya orang ini tak layak. Bukan tanya tu dalam rasa tanggungjawab, eh aku nak beri juga orang ni, tidak, tanya soalan anak berapa yang dah kerja, rumah ada astro supaya orang ini tak layak. Jadi kita kena ubah bertanya agar kita nak beri sungguh-sungguh kerana mereka datang ke Baitulmal ini nak sungguh-sungguh, kerani satu-satunya lari.

Badan yang saya rasa tempat orang Melayu atau khususnya dan umumnya orang susah dapat mengadu dan menerima bantuan segera. Saya tak hendak, saya selalu bila kita hantar rakyat ke Baitulmal saya tanya *feedback* balik, dapat? Ha, tak dapat. Dia tanya macam-macam, cara tanya itu untuk tak dapat. Maka saya kata, pergi gerejalah, pergi gereja.Ini betul, saya bukan main-main, pergi ke gereja senang dapat. Tak tanya banyak sekadar *sign* saja, tak tanya agama apa, tanya awak kena minum air ini, sebenarnya tidak. Dan patutnya saya suruh ke masjid, pergi sendiri pergi ke surau, duit masjid banyak. Kalau masjid Sungai Abong saya rasa duitnya RM500,00.00 ada simpanan. Dulu saya cadangkan kepada Jabatan Agama Islam tolong beri arahan kepada masjid-masjid, tabung masjid yang gelembung itu, apa salahnya kita peruntukkan sedikit untuk beri kebajikan kepada mereka yang tak layak untuk mendapat bantuan daripada Baitulmal. Gunakan tabung-tabung masjid, kerana malu Yang Berhormat.

Ada banyak masa lagi. Tak ada. Kalau tak ada khusus untuk Baitulmal dan zakat ialah bercerita bagaimana pengurusan zakat yang hebat ya, yang terbukti hebat dalam sejarah Khalifah Umar Aziz memerintah 2 tahun 3 bulan. Tahun pertama, mari kosongkan tabung zakat, tahun kedua hampir kosongkan tabung zakat, kosong betul. Lepas 2 tahun 3 bulan dia tengok tabung tetap penuh, panggil menteri dia kenapa tabung Baitulmal tak luak, satu sen dirham pun tak luak. Dia kata, tolong cari orang miskin lagi, kerana apa saya takut, takut Allah murka kepada saya.

Jadi menteri kata, wahai khalifah dah cari seluruh negara tak ada, tak ada orang miskin, tak ada orang layak menerima zakat. Dia paksa pergi cari, maka menteri kata yang setahu saya khalifah, ada 2 orang miskin dalam negara kita. Suka khalifah, masih

ada lagi yang nak menerima zakat walau pun 2 orang. Siapa? Maka menteri pun jawab, minta maaf adalah khalifah dan isteri khalifah. Ini satu sistem zakat yang terbukti menyelesaikan masalah yang mana mereka ini sama, kalau tak tolong zakat, kosongkan tabung, insya-Allah tahun ini kosong, tahun depan RM1 pun tak akan kita keluarkan.

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau kita percaya, kita yakin sistem yang Allah dah tentukan dapat menyelesaikan masalah umat Islam dan orang-orang susah dalam negara ataupun negeri ini. Tan Sri Speaker, renung-renungkanlah ya ini satu cabaran bagi kita. Ini isu tempatan.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tahun lepas, sikit aje. Kalau YB yang lain mintak masjid, mintak apa ni hospital, klinik, Sungai Abong mintak unit, unit ini kecil. Tahun lepas Serom dah mintak urologi dia kata neurologi. Dan ini saya tegaskan lagi Urologi, Unit Urologi penyakit batu karang, prostat kalau orang macam kita ni dah, ni calon prostat, lagi-lagi yang berumur macam Tan Sri Speaker tu,

YB Tan Sri Speaker : Sihat.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya.

YB Tan Sri Speaker : Sihat.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya?

YB Tan Sri Speaker : Sihat.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Insya-Allah, tidak. Yang ada sekarang ini hanya di Johor Bahru sahaja. Walhal penyakit batu karang dan prostat ini satu penyakit saya rasa kalau di Muar ini, wah, memang banyaklah, banyak sungguh. Dan mereka ini bila dirujuk ke hospital Johor Bahru, mereka terpaksa pergi dengan tiub ni, tiub, beg air kencing, naik bas, naik teksi bawa beg, bawa tiub. Orang tua, bukan orang senang-senang, orang susah-susah, kalau kita yang ada kereta tak apa. Naik bas dengan beg air kencing, tiub air kencing kerana nak pergi mendapat rujukan di hospital Johor Bahru. Maka tolonglah, tolonglah saya minta jasa baik pihak kerajaan supaya tolong berilah satu Unit Urologi di Hospital Daerah Muar yang mana saya rasa kalau ada ni selesai masalah separuh pesakit-pesakit di daerah Negeri Johor ini separuh selesai. Kita ada KPJ, alhamdulillah, KPJ.

YB Tan Sri Speaker : YB...

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya.

YB Tan Sri Speaker : Dah lebih sangat dah.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Dah habis?

YB Tan Sri Speaker : Masa dah lebih.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : KPJ di Muar ada.

YB Tan Sri Speaker : Dah 25 minit Yang Berhormat cakap ni.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ya ke? Tan Sri Speaker tak berhentikan saya. Jadi oleh kerana itu, terima kasih saya sokong usul yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Abong. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Salam sejahtera Tan Sri Speaker, salam sejahtera kepada semua Ahli-Ahli yang Berhormat dan semua penjawat-penjawat awam, selamat pagi. Jementah ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Speaker kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar pada minggu yang lepas.

Tan Sri Speaker, tahun ini kita telah menyaksikan bahawa status ekonomi rakyat jelata amat terjejas. Jika berbanding dengan 2 - 3 tahun yang lalu. Saya beri beberapa contoh. Pada awal tahun ini, sebahagian besar PBT-PBT dalam Negeri Johor telah menaikkan cukai hartanah. Selepas ini, bulan April kerajaan pusat melaksanakan GST. Kemudian, pada bulan Ogos, pihak SAJ menaikkan tarif air sebanyak 17% purata dia. Kemudian, bulan yang lepas, kadar tol sebanyak 17% hingga 80% dinaikkan. Apa yang teruk lagi menjadi masalah lebih mencabar bagi rakyat jelata adalah barang-barang komoditi telah turun berbanding dengan dua tiga tahun yang lepas juga. Kita tengok harga getah. Harga getah sekarang lebih kurang RM2.00 sekilo. Kalau berbanding dengan 2 - 3 tahun yang lalu lebih kurang RM4.00, RM5.00 sekilo. Harga kelapa sawit jatuh juga. Dua bulan yang lepas kita tengok harga kelapa sawit lebih kurang RM350.00 hingga RM380.00 satu tan. 2 – 3 tahun yang lalu pada tempoh masa yang sama, harga kelapa sawit lebih kurang RM450.00 hingga RM500.00 satu tan, turunlah harga komoditi. Dan ini mempunyai impak yang agak besar kepada penduduk-penduduk khususnya mereka yang tinggal di kawasan perkampungan. Tetapi, Tan Sri Speaker, apa yang paling membimbangkan rakyat adalah keturunan atau kejatuhan harga nilai ringgit sejak bulan Ogos yang lalu. Menurut laporan ekonomi negara 2015 - 2016, nilai ringgit berbanding US Dollar jatuh 26.4% berbanding dengan nilai wang Singapura, jatuh 16.3%.

Tan Sri Speaker, kita mesti ingat, negara kita masih satu negara yang pengimport. Kita masih banyak mengimport barang-barang makanan, bahan-bahan mentah, daripada luar negara. Dan kita tahu, di perdagangan antarabangsa US Dollar yang digunakan dan sudah tentu kita nampak akan kenaikan harga barang. Saya tak mahu berbincang punca-punca kenapa kejatuhan nilai wang ringgit. Sebab, dia ada punca luar dan punca dalam. Tapi kenyataannya ialah, hakikatnya ialah, kejatuhan nilai ringgit yang teruk. Kalau kita tengok semua ini, dua faktor yang paling utama

yang memberikan beban kepada rakyat khususnya kos sara hidup yang semakin meningkat.

Yang pertama ialah GST. Saya pernah sentuh perkara ini pada Sidang yang lepas bahawa negara kita masih belum mencapai tahap untuk melaksanakan GST sebab pendapatan isi rumah masih tak mampu untuk menanggung GST 6% ini. Kita jangan tengok itu GST hanya 6% sahaja, sebenarnya dia lebih daripada 6% kalau kita faham sistem dia, macam mana sistem GST dijalankan. Dia lebih daripada 6%. Dan, keturunan atau kejatuhan nilai wang ringgit memberi kesan yang amat buruk kepada daya beli kita.

Tan Sri Speaker, kadar inflasi dijangka lebih kurang 7% pada masa sekarang ini. Tan Sri Speaker, Jementah faham bahawa apa yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri agak terhad sebab hasil yang dikutip kalau berbanding dengan kerajaan persekutuan sikit sahaja. Banyak kurang. Tetapi, Jementah masih percaya kerajaan negeri boleh memainkan peranan untuk meringankan sedikit sebanyak kos sara hidup rakyat. Seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2016, kira-kira 5,000 penduduk diberikan air percuma, membelanjakan RM3 juta dan juga kerajaan negeri membekalkan perkhidmatan bas percuma tetapi hanya di kawasan selatan sahaja, di JB sahaja. Justeru itu, Tan Sri Speaker, Jementah ingin mencadangkan beberapa cadangan agar dapat dipertimbangkan.

Yang pertama, kerajaan negeri memberi rebat, saya cadangkan 5% ke atas hasil cukai tanah. Dan juga, memberikan rebat sebanyak 10% kepada penyewa rumah kerajaan, mereka yang tinggal di rumah-rumah kerajaan, pangsapuri, memberi 10% rebat kepada mereka. Saya telah membuat perkiraan berdasarkan kepada bajet yang dibentangkan. Cukai tanah lebih kurang RM341 juta dan sewa yang diterima sebagai hasil oleh kerajaan negeri lebih kurang RM9.3 juta, ini anggaranlah. Dan kalau kita memberikan rebat yang saya nyatakan tadi itu, lebih kurang RM18 juta. Bermaksud, 1.26% daripada anggaran hasil 2016. Memandangkan Tan Sri Speaker, rizab Negeri Johor sehingga September 2015 kita masih ada RM3.38 bilion. Saya berasa dia tidak akan menjadi satu tanggungan yang berat kepada kedudukan kewangan Negeri Johor. Maka ini saya memintalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempertimbangkan cadangan ini.

Yang kedua, pihak SAJ harus menurunkan tarif air ke paras sebelum ia dinaikkan pada bulan Ogos.

Yang ketiga, tanggungjawab PBT kalau boleh cuba fikirkan boleh tak turunkan cukai hartanah pada tahun depan.

Yang keempat, dalam pembentangan Bajet 2016 kerajaan pusat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa subsidi bil elektrik di bawah RM20.00 akan dilupuskan pada tahun depan. Saya meminta kerajaan negeri kalau boleh berbincang dengan kerajaan pusat supaya bil elektrik ini, RM20.00 ini kalau boleh jangan dilupuskan pada tahun depan. Untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

Yang kelima, kalau boleh perkhidmatan bas percuma dipanjangkan ke bahagian-bahagian zon tengah Johor dan zon utara Johor, bukan sahaja di zon selatan. Kita tengok selalu apa pembangunan perancangan banyak tertumpu ke kawasan zon selatan Johor, JB, Kulai, tetapi, nampak kekurangannya di bahagian tengah Negeri Johor dan bahagian utara. Ini saya cadangkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenai isu air, banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menyentuh isu ini. Apa yang saya nak cakap hari ini ialah isu bekalan air ini kita mesti meninjau daripada perspektif ERS. Apa maksud itu ERS, *Educations* dengan izinnya, *Rules*, undang-undang, S, *System*. Kita harus meninjau daripada aspek-aspek ini supaya menyelesaikan masalah bekalan air. Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi JKR, masalah bekalan air di negeri Johor adalah disebabkan beberapa isu:

1. Penerobosan air masin.
2. Kekurangan air mentah yang berkualiti disebabkan penggunaan yang tinggi oleh aktiviti-aktiviti pertanian di kawasan-kawasan tadahan air.
3. Pembangunan yang pesat seperti di JB.
4. Penggunaan air yang agak tinggi. Orang Johor ini, kita Bangsa Johor ini, kita menggunakan air yang banyak ni. 155 liter sehari berbanding dengan Singapura hanya 130, Hong Kong 150.

Ini masalah-masalah kita dan satu lagi perubahan iklim, kekurangan air hujan, semua ini kita harus tengok daripada perspektif, *Educations, Rules and System. Educations,* pendidikan. Kerajaan negeri harus atau BAKAJ harus memikirkan cara macam mana mendidik pengguna-pengguna untuk menggunakan air dengan lebih baik, untuk menjimatkan air. *Rules,* undang-undang. Pada tahun yang lepas kita telah meluluskan bekalan air 2014 Pindaan. Kita ada, saya katakan pada perbahasan semasa Rang Undang-Undang tersebut. Undang-Undang ini sangat menyeluruh tetapi adakah kerajaan negeri ada keazaman politik untuk melaksanakan undang-undang yang termaktub dalam enakmen ini? Saya beri contoh...

YB Tan Sri Speaker : Sila gulung Yang Berhormat ya.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, boleh bagi sedikit masa lagi? Sebab ini saya berpendapat agak penting. Enakmen Air Pindaan 2014 Seksyen 14A(2) menyatakan pihak kerajaan negeri boleh *define the boundary of cashmen area*, boleh menggariskan kawasan tadahan air. Dalam (3) boleh mewartakan kawasan-kawasan tadahan air daripada masalah pencemaran. Kita ada undang-undang dan saya percaya kalau kerajaan negeri ada keazaman politik atau *political will* untuk melaksanakan undang-undang ini, masalah di kawasan-kawasan tadahan air seperti aktiviti-aktiviti pertanian di jalankan tidak perlu. Kita tidak perlu aktiviti-aktiviti pertanian dijalankan kawasan-kawasan tadahan air. Sebab air ini satu sumber yang sangat penting, kita minum setiap hari. Saya meminta kerajaan negeri cuba memikirkan perkara ini.

Yang ketiga, *sistem*. Memandangkan Tan Sri Speaker, memandangkan pembangunan pesat, perubahan iklim kita mesti ada pemikiran baru macam mana nak menangani masalah kekurangan air. Sistem yang sedia ada sekarang mungkin perlu diubah atau

perlu dipertingkatkan, dimapankan supaya sistem bekalan air kita lebih terancang dan tidak berlaku seperti 4 bulan catuan air berjadual di JB. Ini pandangan saya, *Educations, Rules and System*. Untuk menangani masalah bekalan air.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker beri sedikit lagi sebab ini saya tukang *wrap* yang terakhir ni. Saya nak *wrap* supaya kereta yang dipandu sebelah sana lebih selamat lagilah. Jangan nanti itu *nut* pun longgar, skru tak *tighten* dengan baik, tak bagus juga. Beri sedikit masa boleh Tan Sri Speaker?

Berkenaan isu rumah, banyak YB pun telah menyatakan isu rumah ni dan saya menyambut baik usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan usaha dalam menyediakan rumah-rumah mampu milik.

Tan Sri Speaker, rumah adalah keperluan asas. Pemuda-pemuda sekarang memang susah nak dapat satu rumah. Sebab harga terlalu tinggi. Saya menyambut baik usaha kerajaan mengadakan skim pembiayaan yang kerjasama dengan pihak bank supaya boleh menolong, memberi bantuan kepada golongan-golongan belia untuk mendapatkan satu rumah. Tetapi, dalam projek-projek pembangunan rumah yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya nampak banyak tertumpu di Johor Selatan. Saya telah meneliti bacaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Johor Tengah macam tak ada. Batu Pahat, Kluang tak ada, Segamat, 20 unit sahaja. Muar, 400 unit sahaja. Tetapi Johor, JB, 3,554 unit. Kota Tinggi, Pengerang 1,778 unit saya kiralah dia ada bentang dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya kira. JB 3,554 unit, Kota Tinggi, Pengerang 1,778 unit tapi kurang di Johor Tengah dan Johor Utara. Saya beri satu contoh, kawasan Segamat, daerah Segamat mengikut jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Pengerusi Perumahan sehingga bulan Mei 2015, di kawasan Segamat sahaja, daerah Segamat ada permohonan sebanyak 3,035 permohonan. Yang dilaksanakan hanya 1,663 unit, masih kurang lagi 1,372 unit. Tetapi bajet yang dibentangkan tidak nampak ada banyak di kawasan utara dan kawasan tengah Johor. Oleh itu saya memohon Yang Berhormat Pengerusi Perumahan cuba tengok, menelitikan perkara ini, kalau boleh.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Yang Berhormat.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, yang terakhir ini, terakhir. Isu doktor-doktor pakar. Kita sudah boleh memandang bahawa dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, ramai orang akan pergi ke hospital kerajaan. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk membangunkan hospital-hospital kerajaan seperti di Segamat dan lain-lain tempat. Tetapi, masalah hospital kerajaan adalah kekurangan doktor pakar seperti yang tadi dinyatakan oleh YB Sungai Abong, ini yang pertama. Yang kedua, doktor-doktor yang berkhidmat di kerajaan, di hospital kerajaan, mereka kerja, tugas mereka, waktu kerja mereka terlalu panjang. Saya menerima maklum balas daripada doktor, terlalu panjang, kadang kala sampai 15 jam, 18 jam, terlalu panjang dan mereka tidak ada masa untuk berehat.

Kita ada baca berita, doktor berkhidmat di hospital kerajaan, bila tugas sudah siap nak balik rumah, kemalangan jalan raya, meninggal dunia. Dan kita kekurangan satu doktor lagi. T

an Sri Speaker, nak baca menjadi doktor ini bukan senang. Mengambil berapa tahun tau mesti ada orang yang pandailah barulah baca doktor ni. Boleh jadi Wakil Rakyat pun. Dan kita harus sayang kepada doktor sebab bila kita sakit, mereka yang merawat kita. Tapi kita memberi tugas yang lebih berat kepada mereka. Akhirnya, mereka tak mampu lagilah untuk berkhidmat. Ini saya meminta Jabatan Kesihatan untuk meneliti perkara ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, yang terakhir isu tempatan. Yang terakhir, terakhir ini. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang terakhir ini isu tempatan. Saya nak *highlight*kan ini sebab saya menyokonglah..

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat patut bawak masalah tempatan, masalah pasal doktor ini masalah *federal.* Cakap dekat negeri pun tak ada faedah. Tapi Yang Berhormat..

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ok tak apa, saya gulung..

YB Tan Sri Speaker : Tapi Yang Berhormat utamakan itu, jadi masa Yang Berhormat habis sebab bila benda yang tak perlu Yang Berhormat bawak. Ha, inilah. Jadi sila duduklah Yang Berhormat. Dah lebih..

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini isu tempatan, satu sahaja, itu berkenaan lampu isyarat, lampu isyarat.

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok. Cukuplah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Lampu isyarat..

YB Tan Sri Speaker : Cukuplah Yang Berhormat, dah lebih sangatlah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker kerana diberi peluang untuk berbahas. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok, terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Tiram. Dijemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirahmannirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan menyokong bajet kerajaan negeri Johor pada kali ini. Dan

alhamdulillah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya dah mengikuti 4 hari, 3 hari setengah perbahasan ini dalam Dewan yang mulia ni nampaknya belum ada Ahli Dewan yang menangis. Ini macam kata sahabat saya daripada Semaranglah.

Di Johor ni belum sampai ke tahap Ahli Dewan Negeri menangis dalam Dewan. Tapi ianya berlaku di Pulau Pinang kerana di Pulau Pinang ada Ahli Dewan yang menangis, pulak tu yang menangis tu, bukannya daripada parti yang membangkang tapi daripada parti yang memerintah. Ahli daripada Penanti menangis kerana kecewa dengan apa tu, kerajaan negeri yang tidak mendengar keluhan beliau, yang tidak menunaikan janji-janji kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah rakyat di kawasan beliau. Jadi alhamdulillah, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbeza di negeri Johor ya. Walau pun Dewan ini kadang-kadang hangat juga sedikit, tetapi ceria dan tidak ada yang menangis teresak-esak (Dewan bertepuk). Jadi saya harap penggal depan jangan pulak yang sebelah sana pura-pura nangis, dia ketawa nampak tu. (Dewan ketawa). Jadi kepada ADUN Penanti dekat Pulau Pinang tu kita tak ada perkataan lainlah boleh ucapkan pada mereka, cuma kasihanlah., kasihan pada mereka ya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin melahirkan rasa simpati dengan Ahli Yang Berhormat daripada Skudai, kebetulan dia tak ada pula hari ini. Jadi saya kasihan juga dengan beliau ini. Skudai ini dia mempertikaikan pengiraan bajet yang pada beliau bukan bajet *surplus* tapi bajet defisit. Saya sebenarnya tak bercadang untuk memberi penjelasan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Itu mungkin kerajaan boleh beri penjelasan.

Tapi apa yang nak saya katakan dekat sini kalau dah 2 penggal masih tak faham lagi macam mana kiraan bajet, macam mana bajet di bentang, saya harap pada Skudai ini baiklah pergi jumpa dengan Pegawai Kewangan Negerilah, pun beliau pun ada dekat sini, jadi kalau kita bawa perkara yang kita tak faham dalam Dewan saya rasa ianya merupakan satu yang agak malang jugalah Tan Sri Speaker. Janganlah bangkitkan perkara yang boleh cerminkan kejahilan kita sebagai Ahli Dewan Negeri. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semalam bila Pekan Nenas bangun berucap saya akuilah sedikit sebanyak panas juga telinga ini. Bukan panas apa, kerana sedikit sebanyak saya ni ada darah Bugis, Tan Sri Speaker. Jadi itu tak apalah. Dia sebut soal Panglima Bugis banyak kali, kalau sekali, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tak pernah kacau dia...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Oh bukan, bukan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya kena buat pembetulan, bukan panglima. Kalau baca dengan,

YB Tan Sri Speaker : Duduk Yang Berhormat. Peraturan kita...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Baca dengan Verbatim. Saya sebut pahlawan...

YB Tan Sri Speaker : Duduk, duduk. Yang Berhormat...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya sebut pahlawan, jangan cuba nak salah-salahkan...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Saya rasa ini adalah satu niat yang sangat teruk kerana dia cuba rosakkan...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, duduk, duduk.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Duduk Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tak, kena ambil tindakan, Pekan Nenas...

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya berharap Tan Sri boleh tolong saya...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Mana boleh macam ini. Bagi Speaker beri keterangan, tak kan tunjuk sikap yang macam ni. Saya ingat Tan Sri Speaker kena ambil tindakan tegas, jangan jadikan Dewan ni macam pasar, Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Yalah, tak apa, duduk Yang Berhormat. Ikut peraturan kita, seorang sahaja bercakap yang lain Ahli tidak boleh menyampuk. Duduk Yang Berhormat.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Tan Sri Speaker, memang semalam dia sebut, ya lah saya sebut panglima...pahlawan, pahlawan Bugis, memang betul dia sebut pahlawan Bugis. Sekali sebut tu saya tak terasa sangat Tan Sri Speaker, tapi oleh sebab saya ini ada sedikit darah Bugis, minta maaf cakaplah kan. Di Johor ni memang banyak orang Bugis, jadi kalau dah banyak kali sebut seolah-olah menyindir suku kaum Bugis ni. Jadi, Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, duduk.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Saya pun tak tahulah sama ada di kawasan Yang Berhormat ini ada ramai ke tidak pengundinya Bugis. Jadi kalau kata Yang Berhormat rasa tak perlunya undi orang Bugis eloklah kita semua beritahu dengan orang kawasan dia dengan orang Bugis kawasan dia janganlah undi Yang Berhormat Pekan Nenas akan datang. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga kasihan dengan Pekan Nenas ni. Dia selalu bandingkan Johor dengan Selangor dalam banyak perkara. Jadi Tan Sri Speaker kebetulanlah semalam, yalah saya pun terbaca satu majalah Selangor Kini. Jadi, dalam majalah tersebut dia kata Johor ni, Menteri Besar Johor, kerajaan Johor ini seolah-olah ikut apa itu bajet kerajaan negeri Selangor yang dibentangkan lebih awal.

Saya rasa macam kelakarlah kenyataan ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam tempoh tak berapa lama dibentangkan dia kata kita tiru bajet dia.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tak tahu kat mana dia kata tiru, mungkin dia rasa cemburu dengan bajet negeri Johor ni, yang mencakupi segala aspek kehidupan masyarakat. Dan kalau kita tengok apa yang ada dalam bajet kerajaan negeri Selangor, perkara-perkara pokok, perkara-perkara penting, sebagai contoh hari ini Ahli-Ahli Dewan berdebat, bercakap soal perumahan kerana ianya merupakan perkara pokok dalam kehidupan masyarakat.

Di Johor dalam bajet kerajaan negeri Johor kita mensasarkan 60,000 rumah murah dan rumah mampu milik dalam tempoh beberapa tahun ini. Tapi dalam bajet kerajaan negeri Selangor, dia hanya mensasarkan 20,568. Jadi dekat mana kata kita tiru dia. (Dewan bertepuk).Dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita juga kena ambil kira penduduk di negeri Johor ini 3.51 juta, tetapi penduduk negeri Selangor 5.9 juta. Sedangkan kita nak menyediakan 60,000 lebih lagi rumah murah, di Selangor hanya mensasarkan 20,568. Itu satu, yang keduanya soal skim khas pembiayaan rumah. Ni saya seolah-olah jawab bagi pihak EXCO pula tapi bukan jawab.

Ini saya nak beri penjelasan supaya ada perbandingan, ada perbandingan contohnya skim pembiayaan rumah yang kerajaan negeri bincang dengan pihak AmBank jumlahnya RM300 juta, tapi di Selangor dalam bajetnya pada kali ini hanya RM20 juta, Tan Sri Speaker. Jadi begitu jauh berbeza, jadi adakah Johor meniru Selangor dalam soal ini. (Dewan bertepuk). Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, elok jugalah Pekan Nenas ni pergi Selangor jadi penasihat kerajaan negeri Selangor. Kerana apa, semenjak kerajaan Selangor berubah dalam tempoh beberapa tahun, saya nak maklumkan hanya untuk pengetahuan kita bersama, anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor rugi ratusan juta ringgit, kerana mungkin kelemahan pengurusan atau pun dasar di mana 20 daripada 28 syarikat rugi.

Saya ambil contoh Kumpulan Darul Ehsan Berhad, tahun 2014 sahaja rugi RM144.1 juta. Dan juga Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) rugi RM235 juta. Saya nak tanya tuan-tuan dan puan-puan adakah anak syarikat negeri Johor rugi,

YB Tan Sri Speaker : Di sini tak ada tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat. Di sini tak ada tuan-tuan dan puan-puan yang ada Ahli-Ahli Yang Berhormat aje. (Dewan ketawa).

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Saya nak tanya Yang Berhormat Tan Sri Speaker dengan Ahli-Ahli Dewan semua, dalam sejarah negeri Johor pernah tak kita mengalami kerugian sedemikian rupa? Hanya berlaku di negeri Selangor di bawah Pakatan Harapan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kerajaan Johor kerana menambah subsidi bekalan air percuma kepada rakyat termiskin dan tidak memberi air percuma kepada orang kaya termasuk wakil-wakil rakyat daripada sebalah sana mahu pun kita semua, Tan Sri Speaker.

Kalau sayalah jadi wakil rakyat di Selangor, saya rasa malu untuk mengambil hak rakyat yang memerlukan dengan menerima air percuma. (Dewan bertepuk). Dan, untuk makluman Yang Berhormat Pekan Nenas juga, setahu sayalah Menteri Besar Selangor sendiri pun dah buat kenyataan akan datang untuk mengkaji balik apa tu, dasar beri air percuma kepada semua orang di negeri Selangor kerana ternyata dasar tersebut sebenarnya tidak adil kepada rakyat, Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, dalam Dewan yang lepas saya banyak mendengar rakan-rakan di sebelah sana bercakap bahawa mereka mewakili Pakatan Rakyat, walau pun Pakatan Rakyat tu sebenarnya tak berdaftar sampai dia berkubur. Tapi hari ini Pakatan Rakyat dah tak ada dah. Saya dengar ketua pembangkang sahaja yang bercakap, yalah saya pun tak pasti ketua pembangkang mungkinlah Penggaram sahaja yang bercakap, dia mewakili Pakatan Harapan. Yang lain dah tak bercakap lagi dah. Saya pun tak pasti kenapa mereka tak bercakap macam dulu, kami wakil Pakatan Rakyat. Mungkinlah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mereka pun ragu-ragu setakat mana usia Pakatan Harapan pada hari ini. Jadi Tan Sri Speaker, janganlah dalam Dewan yang akan datang ini atau pun penggal yang akan datang ini nama Pakatan Harapan pun tak ada, mungkinlah pada ketika itu tinggallah harapan kenangan sahaja., Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, kat sana ada 3 orang rakan kita. Saya pun tak tahulah dia masih selesa duduk kat situ ke tidak. Kalau tak selesa saya ingat eloklah beritahu dengan Tan Sri Speaker tak duduk di situ duduk kat sana pun boleh juga Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk). Tan Sri Speaker, saya juga tertarik dengan perbahasan daripada Parit Yaani, Alamak, kebetulan Tan Sri Speaker, orang yang saya nak cakap semua tak ada, mungkin dia dah tahu saya nak cakap apa tak.

Jadi, yang awal-awal lagi dah berburuk sangka. Mungkin kerana parti dia dijenamakan Amanah. Namun begitu walaupun partinya bernama Amanah, janganlah cepat berburuk sangka, sehingga seolah-olah hanya orang yang sertai Parti Amanah sahaja yang amanah, yang dulu rakan separti dengan mereka mungkin juga dianggap tidak amanah sehingga meninggalkan rakan-rakan lamanya. Belum tentu yang ada dalam parti yang dinamakan Amanah ini benar-benar amanah, apatah lagi sebagaimana manusia biasa tentulah ada cacat celanya. Nak menegur dan memberi peringatan itu baik Tan Sri Speaker, tapi cara menegur dengan merujuk secara spesifik individu tertentu termasuk Speaker adalah suatu yang kurang manis pada saya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru nak masuk inti pati. Dalam pembentangan bajet tempoh hari, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada memaklumkan bahawa kerajaan mensasarkan pembinaan rumah mampu milik dan rumah murah di tingkat kepada 60,000 menjelang tahun 2019. Dan yang lebih menarik ialah soal menyediakan rumah murah dan mampu milik ini tidak hanya bergantung kepada dasar perumahan yang mewajibkan pembinaan komponen rumah murah oleh pihak swasta tetapi kerajaan juga melalui anak syarikat dan agensi juga memainkan peranan bagi melaksanakan projek perumahan mampu milik.

Daripada pembentangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita tengok beberapa agensi memainkan peranan untuk membina, sama membina, tapi apa yang kita bimbangkan tentang sasaran 60,000 ini ialah komitmen daripada pihak

pemaju swasta yang mungkin mereka menjanjikan 60,000 ataupun jumlah 50,000, 40,000 lebih telah ditolak yang dilaksanakan oleh agensi, tapi dari soal pelaksanaan dan saya harap kepada pihak kerajaan untuk memantau pemaju-pemaju swasta ini supaya mereka memenuhi komitmen mereka untuk membina rumah mampu milik ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, Tan Sri Speaker, dengan terbinanya rumah murah dan rumah mampu milik ini sudah tentulah di bandar Johor Bahru terutamanya atau pun di kawasan Iskandar akan bertambah rumah-rumah pangsa, kerana kita kena terima hakikat bahawa di kawasan Iskandar untuk membina rumah mampu milik atau pun rumah murah dalam bentuk *landed,*dengan izin, Yang Berhormat Tan Sri Speaker tentulah tidak ada tanah atau pun tidak *practical* lagi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan izin.

Jadi rumah-rumah pangsa ini Tan Sri Speaker, bila lama dia akan menjadi usang. Ini akan menimbulkan sedikit masalah di kawasan Iskandar Malaysia ini. Oleh kerana kebanyakannya pengurusan rumah-rumah pangsa murah ini gagal untuk menyelenggara rumah pangsa tersebut dalam keadaan yang baik Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Dan, mungkin antara sebabnya ialah kelemahan pengurusan sendiri.

Yang keduanya, mungkin antara sebabnya ialah kegagalan penduduk untuk menyumbang bulanan, rumah pangsa murah ini sebenarnya tidaklah mahal sangat. Antara RM30.00 hingga RM50.00 sebulan. Tapi, rumah pangsa didiami oleh golongan orang yang berpendapatan rendah ataupun sederhana rendah. Jadi, ada yang mungkin memang tidak mampu. Walaupun, mungkin ada segelintirnya mampu tetapi tak nak menyumbang, tapi ada setengahnya memang tak mampu untuk sumbangan bulanan sebanyak RM30.00 hingga RM50.00 ini. Dan akhirnya, pengurusan rumah pangsa ini tidak dapat melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan apatah lagi untuk mengecat balik rumah pangsa. Dan, saya dapat makluman bahawa satu ketika dahulu pihak IRDA pernah menggunakan tabung projek sosial untuk mengecat rumah pangsa di kawasan Iskandar. Seperti di Flat Larkin, Flat Cempaka, Melor, Taman Cendana di Pasir Gudang, Taman Melati di Skudai dan projek ini dilaksanakan di antara tahun 2010 hingga 2012 dan pada ketika ini projek tersebut terhenti disebabkan mungkin kekurangan peruntukan daripada tabung sosial IRDA itu sendiri. Jadi, saya rasa dah perlu, dah sampai masanya kita perlu ubah pendekatan kita terhadap rumah-rumah pangsa murah dalam kawasan Iskandar ataupun di mana-mana dalam Negeri Johor ini.

Kerana apa Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ambil contoh, kalau mereka yang tinggal di taman-taman perumahan sama ada rumah murah ke, rumah sederhana murah ataupun rumah mahal, biasanya mereka menerima peruntukan yang besar melalui MARIS untuk menurap semula jalan-jalan dalam kawasan-kawasan perumahan. Tapi rumah pangsa ini, dia tak ada kawasan yang besar untuk diturap. Jadi, sebenarnya dari satu sudut kalau kita melihat bahawa orang yang tinggal di rumah pangsa ini, tidak menerima kemudahan seperti mana yang diterima oleh mereka yang duduk di rumah teres yang kerajaan terpaksa belanja yang cukup besar untuk menurap semula jalan-jalan di kawasan perumahan di taman-taman perumahan. Jadi, dah sampai masa Yang Berhormat Tan Sri Speaker,kita bantu rumah-rumah pangsa ini, rumah-rumah murah ini. Kerana kita pun tak mahu dalam Iskandar Malaysia ini apabila berlaku pembangunan, apabila pembangunan semakin pesat, banyak bangunan-bangunan tinggi yang naik, maka rumah pangsa ini jadi

kawasan yang dengan izin, *slump area* lah. Jadi kita tak mahu itu berlaku. Kita hendak supaya rumah pangsa ini tak lah wujud, apa dinamakan antara dua darjat. Di antara rumah pangsa kos rendah dengan rumah-rumah mahal. Jadi, saya rasa elok kerajaan gunakan pendekatan baru menyediakan peruntukan, sama ada kerajaan negeri ataupun kerajaan pusat menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membantu pengurusan rumah pangsa ini, mengecat balik rumah-rumah pangsa.
Sekarang ini ada juga peruntukan, saya tahu, ada peruntukan tapi peruntukannya agak terhad sedikit sangat. Setiap tahun hanya beberapa jawatankuasa penduduk sahaja yang dapat peruntukan daripada pusat. Itu pun mereka dikehendaki menyediakan 10% daripada kos untuk mengecat rumah ini. Sedangkan 10% itu sendiri sebenarnya tak mampu disediakan oleh pengurusan rumah pangsa. Jadi dah sampai masa Yang Berhormat Tan Sri Speaker untuk kerajaan negeri berbincang dengan kerajaan pusat ataupun memikirkan cara mana untuk kita menyediakan satu peruntukan khas, kerana, bukan semua rumah pangsa ini setiap tahun harus dicat. Mungkin lima tahun sekali ataupun empat tahun sekali bolehlah kita cat balik rumah-rumah pangsa ini.

YB Tan Sri Speaker : Ok, sila gulung Yang Berhormat.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan negeri yang memperkenalkan Skim Bantuan Zakat Majlis Agama Islam tentang perumahan untuk golongan asnaf fakir miskin, dan ini dengan 250 unit baik pulih 100 unit, saya rasa golongan ini sudah tentulah mendapat manfaat rumah yang lebih selesa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada dua perkara sedikit sahaja yang saya nak bangkitkan. Yang pertamanya, ialah ini mengenai dengan yang terlibat dengan kawasan setempat Yang Berhormat Tan Sri Speaker, iaitu dengan projek perumahan yang pemajunya namanya YMN di mana, projek tersebut terhenti. Projek rumah mampu milik. Saya dah buat lawatan, terima kasih kepada EXCO perumahan yang bersama dalam lawatan tersebut tapi dalam lawatan tersebut pemaju berjanji untuk memulakan projek tersebut semula untuk meneruskan projek pada bulan Ogos sepatutnya fasa yang pertama dah siap dalam bulan Oktober ataupun November, tapi hingga hari ini tak lagi bermula projek tersebut dan saya minta kerajaan memanggil semula pemaju tersebut supaya dapat berbincang bagi menyelesaikan masalah ini kerana pembeli sudah mula resah membayar *interest* di bank. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan yang keduanya, mengenai dengan projek untuk di bawah Yayasan untuk rakyat termiskin untuk disewa di Taman Setia Indah, juga saya nak tahu status dia, kerana dulu dah ada peruntukan RM2.73 juta untuk baik pulih projek yang ditinggalkan, tapi sampai sekarang belum lagi bermula dah terlalu lama perkara tersebut berlarutan dan minta kepada pihak EXCO yang terlibat untuk memantau dan juga mungkin memberi penjelasanlah tentang kedudukan status projek tersebut. Jadi, saya menghormati masa Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya turut menyokong Semarang bagi Bajet Kerajaan Negeri Johor pada kali ini. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Ahli-ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita mengikut Persidangan kita ini ialah rombongan daripada JPMM

Kawasan Endau seramai 20 orang. Diucapkan selamat datang. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi dan salam muafakat Johor. Alhamdulillah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bersyukur Serom kerana dengan izin dan inayatnya dapat jua Serom mewakili rakyat Serom ini untuk menyertai usul perbahasan rundingan Bajet 2016 Negeri Johor pada tengah hari ini. Terima kasih juga tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana menjemput Serom untuk turut serta dalam menyokong usul rundingan perbahasan bajet ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Semarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom mewakili warga Serom merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang kita sayangi, yang telah memimpin dan mengetuai kepimpinan kerajaan negeri di bawah kerajaan Barisan Nasional dengan cemerlangnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom percaya bahawa kejayaan dan kecemerlangan dan kesinambungan ini untuk rakyat Johor adalah didukung, disokong dan dimuafakati, terdiri daripada barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat EXCO, penjawat-penjawat awam dan juga badan-badan berkanun dan juga daripada agensi-agensi kerajaan dan keseluruhannya yang telah menggembleng tenaga dan fikiran untuk mencapai matlamat sesuai dengan Bajet 2016 yang dibentangkan dua, tiga hari yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semoga Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sentiasa dirahmati, diberkati dan sentiasa sihat walafiat dan diberi kekuatan dan memiliki semangat juang untuk meneruskan titik sentuhan Bajet 2016 yang berinklusif, lestari dan sejahtera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom begitu teruja setelah mengamati dengan enam strategi yang bermula dengan iltizam mengutamakan kesejahteraan rakyat dan mengangkat agenda Johor Lestari, meneruskan agenda pendidikan berkualiti dan pembangunan swadaya insan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi Johor seterusnya merancakkan keusahawanan Johor berasaskan inovasi dan pengetahuan, akhirnya menangani pendekatan kos sara hidup.

Yang Berhormat Tan Sri, sebenarnya Serom dan Tiram sama, pun darah Bugis tapi dah kesuntukan masa ini, Serom taklah nak mengambil kesempatan untuk melihat perkara yang lain, Serom ingin menjurus terus kepada perkara-perkara di kawasan di mana berkaitan dengan pembangunan projek Sungai Kesang, iaitu berkaitan dengan perparitan dan saliran, alhamdulillah sejak tahun 2007 dan 2006 yang lalu, sekarang ini keadaan banjir agak terkawal. Tetapi, satu perkara yang ingin Serom menarik perhatian Dewan, kesan dari akibat pembangunan dalam fasa pertama ini yang mana nelayan-nelayan di Serom terutama di Kesang Laut menghadapi masalah punca pendapatan yang menurun akibat daripada pembangunan projek itu kerana perkara ini dibawa dalam Dewan supaya perhatian mungkin dapat dipertimbangkan untuk adanya sagu hati ataupun insentif ataupun sumbangan daripada pihak kerajaan negeri bagi menampung kekurangan ini. Ini kerana dalam keadaan

sekarang ini, oleh kerana perubahan ekologi umpamanya di mana ikan-ikan telah berkurangan seperti ikan-ikan di tepi pantai, ikan sembilang, ikan belanak dan sebagainya. Jadi, ada di antara mereka ini nelayan-nelayan yang berada di pesisir pantai. Jadi, diharap dalam Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan negeri dapat mempertimbangkan juga dari segi faedah-faedah ataupun ganjaran-ganjaran yang patut mereka perolehi.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam pembangunan industri perabot di hab perabot di Muar dan juga pusat pameran antarabangsa di Ledang. Sebenarnya terletak di Tangkak, jadi Serom ini hab universiti di Pagoh, hab perabot di Muar, hab industri pameran perabot di Tangkak. Namun begitu, Serom percaya bahawa dengan impak dan kesannya itu, insya-Allah Serom akan dapat menikmatinya dan Serom juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Gambir bahawa segala program dan segala perancangan yang ada kedua-dua tempat ini supaya dapat dibincangkan, diberi keutamaan kepada rakyat Serom agar mereka juga dapat menikmati kesan daripada pembangunan ini.

Seterusnya, dari segi pentadbiran Ledang alhamdulillah perancangan pembangunan pejabat pentadbiran Ledang ini sedang dirancangkan dan akan dibina namun begitu, Serom ingin menarik perhatian Dewan bahawa dengan adanya pembangunan ini sudah pastilah akan berlaku permintaan perumahan umpamanya, dan juga untuk kebaikan infrastruktur. Jadi, Serom ingin menarik perhatian Dewan bahawa kita pernah mohon satu jalan laluan di antara Bandar Tangkak terus melalui Pangkalan Besar dan terus ke Sungai Rambai, dan jalan ini akan memudahkan dan akan meningkatkan lagi infrastruktur bukan sahaja untuk pentadbiran Ledang tetapi juga untuk pertanian petani-petani di Serom.

Seperkara lagi, Serom ingin mengajak perhatian keadaan di sawah padi, sawah padi tumbuh subur, padi wangi dan petani-petani juga dapat menanam padi tetapi sekarang ini harus diambil perhatian bahawa apa yang Serom perhatikan mereka menghadapi masalah dari segi pembayaran setelah padi dituai, setelah padi dikilangkan, setelah padi dijual, mereka menghadapi masalah pembayaran yang agak tertunggak. Jadi, Serom mengharapkan perkara ini dapat diselesaikan di peringkat yang berkaitan supaya petani-petani ini tidak menghadapi masalah.

Yang Berhormat Tan Sri, Serom ingin merakamkan mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih ke atas penjawat awam terutamanya Pejabat Daerah Ledang dan juga Majlis Daerah Tangkak yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik, pembangunan terus berjalan lancar. Cuma, Serom ingin menarik perhatian bahawa kepada Majlis Daerah Tangkak, sepanjang perjalanan daripada Pekan Sungai Mati ke Bandar Muar, terdapat peniaga-peniaga gerai, gerai-gerai buah-buahan, gerai-gerai kupang, gerai-gerai yang menghasilkan hasil mahsul rakyat tempatan. Alhamdulillah, Majlis Daerah Tangkak telah pun melaksanakan gerai berseragam yang mana ini dapat membantu peniaga-peniaga ini. Umpamanya di Serom sahaja mengikut maklumat yang saya ada sebanyak 206 lot kedai dan 27 yang masih kosong dan saya harap gerai yang kosong dapat ditawarkan segera. Dan saya mencadangkan agar keadaan-keadaan gerai yang tetap, yang kekal ni ataupun gerai-gerai untuk mereka berniaga ini dapat diseragamkan dan saya difahamkan ada rungutan daripada peniaga-peniaga bahawa mereka menghadapi masalah dari segi banyak

birokrasinya daripada Majlis dalam hal untuk penempatan tempat. Jadi, saya harap agar kita dapat terus memberikan ruang dan peluang agar rakyat Serom yang berlandaskan pelancongan dan juga industri kecil sederhana akan terus dapat menikmati kesejahteraan mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam hal Bajet 2016 ini, Serom melihat dari segi belia sosial di mana sesungguhnya tepat sekali kepercayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa belia adalah aset masa hadapan kita. Dan untuk melihat masa depan sesebuah negara itu, lihatlah kepada belianya. Dan, saya percaya perancangan Bajet 2016 ini adalah perancangan jangka panjang yang melihat kepada pemuda. Jadi, saya meragui apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Abong tadi bahawa kebanyakan perancangan bajet yang dibuat adalah bajet jangka pendek. Sebenarnya, apabila kita menyentuh bajet berkaitan dengan anak muda, belia, ia adalah satu perancangan masa hadapan yang jauh kerana mereka inilah anak bangsa kita yang akan mengambil tempat pada masa akan datang.

Alhamdulillah, dari segi program-programnya kalau boleh saya sebutkan umpamanya program-program Rakan Muda, Ramadhan, Tadarus dan Khatam al Quran Peringkat Negeri Johor, dan Program Belia Cinta Allah dan Rasul Peringkat Negeri Johor dan Program Ihya Ramadhan Rakan Muda Peringkat Daerah Muar dan juga *Muar Package Challenge Muar-Langkawi-Muar*. Ini adalah yang saya rekodkan, saya perhatikan bahawa program-program dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor. Jadi, dari segi ini, kita lihat bahawa banyak skim-skim yang telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Umpamanya, dari segi soal pendidikan. Usaha yang dilakukan dalam Bajet 2016, apabila saya amati bahawa menyumbangkan RM10,000.00 seorang kepada 30 mahasiswa yang mengikuti program ijazah sarjana melalui Tabung Pendidikan Permodalan Darul Ta'zim dan peruntukan ini dilihat sebanyak RM300,000.00. Maka saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini, mohon sumbangan ini dipanjangkan bukan sahaja di peringkat ijazah sarjana tetapi diteruskan kepada peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah umpamanya.

Seterusnya, dari segi agenda agama. Belia telah mendapat banyak peluang awal daripada permulaan penubuhan lebih banyak sekolah agama yang disediakan untuk anak-anak pelajar dan pemuda-pemuda ini untuk masa akan datang supaya mereka mempunyai bekalan agama dan jati diri yang tinggi sesuai menjadi anak Johor, Bangsa Johor. Dan, saya mengesyorkan agar usaha-usaha yang dijalankan seperti majlis-majlis ilmu, majlis-majlis malam cinta rasul dan majlis-majlis kesyukuran yang berkaitan dengan keimanan dan ketakwaan dan juga majlis-majlis yang boleh membina motivasi anak muda ini dapat diteruskan.

Usaha-usaha yang telah dilakukan seperti Program Inkubator Usahawan umpamanya terhadap belia, di mana usaha kerajaan negeri untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam pelatih-pelatih belia dan menceburi bidang keusahawanan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, diharapkan program ini tidak hanya menerapkan nilai-nilai keusahawanan itu, tetapi ia juga haruslah melalui, mereka juga harus memimpin dan juga melihat kejayaan anak-anak muda ini dalam bidang keusahawanan. Jadi untuk dalam pembangunan ini dari segi peruntukannya dapat

dilihat bahawa sebanyak RM650,000.00, di mana untuk kita bantu belia Johor yang melibatkan 600 orang penerima tahun 2014 dan diharapkan tahun ini tambahan penerima ini akan ditambahkan lagi. Dalam usaha untuk dilakukan untuk bantuan Program Usaha Belia Islam umpamanya, Skim Usaha Belia, Penaja Kecil *Youth Collective* dan tajaan belia di bawah PIJ, dengan sasaran 1,812 dan juga sebanyak RM225 juta. Ini adalah usaha-usaha yang sentiasa berterusan untuk melakukan kebaikan untuk belia.

Oleh kerana kesuntukan masa, saya ingin menarik perhatian Dewan ini seterusnya kepada perkara yang berada sekarang yang dialami di Serom iaitu masalah mat rempit. Isu rempit telah lama menjadi masalah yang kritikal di Malaysia. Tetapi saya lihat banyak di Serom kerana di Serom tu ada Jalan AMJ sampai ke Melaka, sampai ke Parit Jawa jalannya lurus. Tapi isu ini masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Kesian pihak Polis Diraja Malaysia yang bertungkus lumus. Saya lihat tiap-tiap malam Sabtu, malam minggu, mereka bertungkus-lumus menghadapi anak-anak muda dalam isu rempit ini.

YB Speaker : Sila gulung Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Apabila diamati bahawa minat menaiki motosikal sejak di bangku sekolah lagi.

YB Speaker : Sila gulung Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mencadangkan. Akhirnya, cadangan menyelesaikan masalah mat rempat ini adalah ibu bapa, guru-guru, masyarakat dan juga pihak yang bertanggungjawab untuk melihat perkara ini supaya masalah ini dapat diselesaikan. Dengan itu, dalam kesuntukan masa ini, saya dengan rasa rendah diri menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Semarang. Sekian terima kasih. Wabillalahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Serom. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga pukul 2:30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Paloh.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera, selamat petang dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Paloh ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk Paloh turut serta dalam perbahasan bagi sesi

belanjawan negeri Johor bagi tahun 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor pada 19 November 2015.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Paloh juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor di atas ucapan bajet 2016 yang bertemakan, 'Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor'. Bajet ini juga menekankan 6 teras utama.

1. Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat.
2. Merancakkan Pertumbuhan Ekonomi Johor.
3. Menangani peningkatan kos sara hidup
4. Merancakkan keusahawanan Johor berasaskan inovasi dan pengetahuan
5. Mengangkat agenda Johor Lestari
6. Meneruskan agenda pendidikan berkualiti dan pembangunan suara insan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, teras pertama Bajet 2016 Negeri Johor, Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat di mana isu perumahan terus menjadi agenda utama. Untuk memastikan semua penduduk Johor mempunyai tempat berlindung yang baik, selesa, berbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan. Selain daripada terus membina rumah mampu milik dengan lebih banyak, usaha membantu membaik pulih rumah yang uzur juga dilakukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Menteri Besar Johor juga mengumumkan bahawa sebanyak 60,000 unit rumah akan dibina menjelang tahun 2019. Untuk melaksanakan komitmen dan sasaran tersebut, sebahagiannya akan dilakukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan izin, seperti Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), Yayasan Perumahan Johor (YPJ Holdings), Johor Corporation (JCorp), Perbadanan Islam Johor (PIJ) dan KEJORA.

Selain itu, rumah juga dibina di tiga taman perbadanan Islam baru iaitu 300 unit rumah di Pasir Gudang, 400 unit rumah di Muar, 330 unit di Stulang Baru. Bagi membantu penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah idaman mereka pula, Yayasan Perumahan Johor Holdings (YPJH) akan membina sebanyak 1,194 unit perumahan penjawat awam 1Malaysia (PPA1M) di Bandar Akademi YPJ Kota Tinggi dan Pengerang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, 300 lagi unit projek perumahan rakyat (PPR) baru juga akan dibina di kawasan Bandar Tenggara, perumahan asnaf akan diteruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui Skim Bantuan Zakat. Bagi membolehkan lebih ramai berupaya memiliki rumah sendiri, pada tahun 2016 kerajaan negeri Johor akan memperkenalkan satu skim pembiayaan rumah mampu milik Johor yang akan diusahakan secara bersama dengan AmBank Islamic Berhad.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada memberi keutamaan kepada isu perumahan, Dasar Johor Prihatin adalah agenda yang kedua besar di bawah teras pertama. Melalui Johor Prihatin, hasrat kerajaan ialah memberikan perlindungan yang sebenar-benarnya kepada seluruh penduduk Johor. Perlindungan yang menyerlahkan sifat ihsan dan nilai insan, Johor Prihatin akan menyantuni mereka yang tidak bernasib baik, mereka yang kekurangan, terpinggir dan tersasar. Maka, sebagai permulaan

peluang pekerjaan akan dibuka kepada golongan berkelainan upaya (OKU) di setiap PBT. Melalui inisiatif ini, setiap PBT diwajibkan menerima penempatan minimum dua orang pekerja OKU mengikut kelayakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu sekretariat sukan OKU khusus bagi memberi fokus kepada latihan dan pembangunan atlet di kalangan OKU akan ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Satu *Program Home Health Service* dengan peruntukan sebanyak RM162 juta juga akan dilaksanakan dan ini akan memanfaatkan 448 penerima termasuklah sekumpulan warga emas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Barisan Nasional memang sangat prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik terutamanya golongan OKU, di mana pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) telah dibina di setiap kawasan DUN untuk memberi latihan kepada OKU dan mereka juga diberi elaun bulanan sebanyak RM150.00. Bagi OKU yang tidak bekerja, elaun sebanyak RM150.00 sebulan diberi manakala bagi OKU yang bekerja elaun sebanyak RM350.00 sebulan akan diberi. Di samping itu, mereka juga diberi keistimewaan yang lain seperti permohonan pasport percuma, pembelian tiket kereta api dengan diskaun dan lain-lain lagi. Kebajikan warga emas turut diambil berat, di mana 2 buah lagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) masing-masing di wujudkan di Pontian dan Kota Tinggi. Sebuah pusat kebajikan warga emas juga dibina di Taman Perling untuk menjaga orang-orang tua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar Johor prihatin juga tidak ketinggalan agenda wanita bagi mengiktiraf peranan golongan wanita, kursus kemahiran melibatkan 1,000 orang wanita golongan berpendapatan rendah akan disediakan. Bantuan peralatan akan diberi kepada 50 wanita bagi mereka memulakan perniagaan. Dengan usaha-usaha ini, adalah di harapkan golongan wanita ini bukan sahaja dapat menambahkan pendapatan untuk membantu isi rumah mereka, tetapi juga dapat berdikari dan satu hari nanti mungkin menjadi usahawan yang berjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi masyarakat India, Program Inklusif Masyarakat India digandakan pada tahun hadapan dengan peningkatan 50% atau RM2 juta berbanding tahun lalu iaitu RM6 juta. Peruntukan khas ini adalah untuk membiayai ikhtiar-ikhtiar berikut : RM1.5 juta bagi aktiviti kebajikan, RM2 juta bagi program keusahawanan, RM1 juta bagi tujuan baik pulih Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan RM1.5 juta bagi tujuan pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha melebarkan jaringan perkhidmatan bas percuma Johor Dihatiku dengan kerjasama 4 PBT iaitu Majlis Bandaran Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dengan peruntukan RM11 juta sangat-sangat dialukan. Usaha yang baik ini sudah tentu dapat memberi manfaat kepada banyak lapisan masyarakat terutama golongan yang berpendapatan rendah.

Satu lagi usaha menambah dan memperluaskan inisiatif pengangkutan awam di bawah jenama Trans Johor melalui tambahan 10 laluan baru bagi menghubungkan pelbagai desa dan bandar dari 7 daerah iaitu Mersing, Segamat, Kota Tinggi, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kluang juga disambut baik. Perkhidmatan bas ini akan diuruskan oleh anak syarikat JCorp iaitu Syarikat Pengangkutan Maju Berhad.

Perkhidmatan ini akan menguntungkan banyak lapisan masyarakat terutamanya kepada golongan yang tidak mempunyai apa-apa bentuk kenderaan dan yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kampung baru Cina merupakan satu komponen penting dari segi taburan penduduk dan sumbangan ekonomi kepada pembangunan negara. Di negeri Johor terdapat sebanyak 128 buah kampung baru Cina di mana lebih 90% daripada penduduk adalah kaum Cina. Kebanyakan kampung-kampung baru ini telah lama wujud. Ada yang sudah berpuluh-puluh tahun. Walaupun pada peringkat awal kampung-kampung ini adalah serba kekurangan, tetapi kini kebanyakan kampung-kampung baru ini telah berkembang pesat dengan pembangunan. Ada di antaranya seperti Labis, Yong Peng, Tangkak, Kulai, Senai, Bukit Gambir dan Rengit sudah berkembang menjadi bandar-bandar yang begitu dinamik. Penuh dengan berbagai aktiviti perniagaan dan masih berpotensi untuk terus menikmati pembangunan yang lebih drastik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun di sebaliknya banyak lagi infrastruktur kampung-kampung baru Cina yang lain perlu dipertingkatkan. Jalan-jalan perlu dilebarkan, longkang-longkang perlu di naik taraf, penduduk-penduduk di situ juga berharap untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di taman-taman perumahan yang lain. Mereka mengharapkan jalan-jalan yang lebih terang pada waktu malam dan taman rekreasi atau taman permainan kanak-kanak untuk mereka beriadah dapat di tubuhkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung baru Cina ialah hak milik tanah kediaman. Ada sebahagian penduduk masih tidak dapat hak milik tanah kediaman walaupun mereka sudah tinggal di situ selama 3 generasi. Iaitu sejak zaman datuk mereka sudah tinggal di situ. Yang Berhormat Dato' Speaker, atas Johor Prihatin dan demi kesejahteraan Bangsa Johor, Paloh berharap Kerajaan Negeri Johor dapat mengurniakan hak milik tanah kediaman ini kepada mereka yang sudah tinggal di situ berpuluh-puluh tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di mana dalam Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan peruntukan RM2 juta untuk membaik pulih prasarana Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

YB Dato' Timbalan Speaker : Paloh sila gulung.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Ya. Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun pada pandangan orang ramai kebanyakan kaum Cina adalah peniaga tetapi pada hakikatnya ini tidak benar sebab ada juga ramai kaum Cina yang bekerja sebagai pekebun, peladang, pekerja kilang, pemandu lori dan sebagainya. Ada juga yang berpendapatan rendah dan sederhana, ada juga ibu-ibu tunggal dan warga-warga emas yang perlukan bantuan. Maka, Paloh juga berharap satu Program Inklusif masyarakat Cina dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk tujuan kebajikan, pendidikan dan keusahawanan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin membawa beberapa isu di DUN Paloh. Yang pertama keadaan Jalan Niyor - Kluang yang sempit dan membahayakan. Jalan ini merupakan satu jalan utama bagi penduduk-penduduk Paloh, *central* Paloh, Chamek, Niyor dan Kluang. Jalan ini bukan sahaja sempit tetapi berombak-ombak dan telah mengancam keselamatan pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam dan musim hujan. Banyak kemalangan jalan raya telah berlaku di sepanjang jalan ini. Maka, Paloh berharap Jabatan Kerja Raya (JKR) dapat melebarkan dan menaikkan taraf jalan ini demi keselamatan orang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu kedua ialah tentang permohonan tanah kerajaan di Mukim Niyor daerah Kluang di atas PTD4536 seluas 531 meter persegi untuk tapak tokong dan PTD 6400 seluas 209 meter per segi untuk tapak panggung oleh Persatuan Hok Meng Kiong Kampung Chamek dan di lot 6873 untuk tapak tokong oleh Pengurusan Rumah Berhala, Ong Kong Beow T*ample* Kampung Gajah. Kedua-dua tokong ini telah berada di tanah tersebut melebihi 30 tahun dan permohonan ini juga telah dikemukakan ke Pejabat Tanah, tetapi hingga hari ni permohonan masih belum diluluskan. Saya juga pernah membawa isu ini ke dalam Dewan yang mulia ini, maka saya berharap permohonan mereka ini dapat diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang ketiga ialah tentang pembinaan sebatang jalan menghubungkan Pekan Paloh dengan Pekan Bekok. Jalan ini bukan sahaja dapat mendekatkan jarak antara kedua-dua pekan ini, tetapi juga dapat menggiatkan aktiviti ekonomi terutamanya dalam sektor pelancongan. Bekok mempunyai sebuah air terjun yang cantik dan menarik. Pada hujung minggu atau cuti sekolah, ramai orang Paloh dan Kluang dan juga tempat lain akan pergi mandi manda dan berkelah di air terjun. Perkampungan Orang Asli di Bekok juga adalah satu tarikan pelancongan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Paloh sila ringkaskan. Bagi *chance* bagi ADUN yang lain.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Ya. Sudah mahu habis, sikit lagi. Bekok mempunyai potensi untuk menjadi satu destinasi pelancongan. Jika...

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Bekok tidak majukan perkara ini? YB pula?

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Ya?

YB Dato' Timbalan Speaker : Bekok diam sahaja.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Jika satu jalan baru Paloh ke Bekok dapat dibina, sudah tentu ini akan merancakkan kegiatan ekonomi kedua-dua pekan ini. Maka Paloh dan Bekok akan sama-sama menikmati keuntungan. *This is win-win situation* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh dan Bekok pernah membawa isu ini ke dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lepas. Kali ini sekali lagi kami membawa isu ini dengan harapan projek ini dapat dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya menyokong usul yang di bawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih, Paloh. Kita teruskan, sila Bukit Naning.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahirahmannirahim. Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia Rasul dan para sahabat-sahabat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Syukur alhamdulillah kita berada di Dewan yang mulia ini dalam perbahasan atas rundingan bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2016) tahun 2015. Insya-Allah, kita niatkan ibadah dan kita, marilah kita bermaafan sesama kita dan juga kita mohon keampunan ke hadrat Allah SWT.

YB Dato' Timbalan Speaker : Macam nak wasiat sahaja.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Insya-Allah perbahasan kita ini atas rundingan ini akan sentiasa mendapat petunjuk dan keredhaan Allah SWT, insya-Allah. Semoga negeri Johor, masyarakatnya akan bertambah baik, bersatu padu, madani, berbudaya tinggi, membangun dan berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana mengizinkan Bukit Naning terlibat di dalam perbahasan ini. Bukit Naning juga merafak sembah dan menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibin Almarhum Sultan Iskandar di atas keputeraan baginda pada 22 November yang lalu. Mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Sultan dianugerahkan dengan nikmat sihat iman dan Islam untuk menaungi bangsa Johor dan menjunjung kasih kerana dua lokasi di DUN Bukit Naning di jadikan destinasi Kembara Mahkota Johor yang lalu.

Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor kerana mencipta sejarah membawa pasukan JDT menjuarai piala AFC. Setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan cadangan belanjawan Bajet Johor 2016 dengan penokokan 47.76% berbanding tahun sebelumnya yang inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor. Tahniah. Terima kasih kepada kerajaan Johor khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga dan EXCO Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana DUN Bukit Naning telah terpilih sebagai Johan inovasi dan Kreativiti peringkat kebangsaan. Yang kedua kampung saya. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kampung Parit Tengah menjadi johan peringkat negeri Johor dan mewakili negeri Johor dalam pertandingan Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia dan mewakili peringkat kebangsaan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Naning menyambut baik bajet negeri pada tahun ini dan ingin menyentuh beberapa perkara.

Perkara 35, 36, 37 rumah mampu milik Johor dan subsidi pembinaan dan pembaikan. Bukit Naning mohon pengambilalihan tanah juga diperluaskan kepada projek perumahan PPRT dan mesra rakyat di setiap DUN kerana kebanyakan mereka layak untuk menikmati skim perumahan ini, malangnya mereka tidak mempunyai tapak tanah untuk dijadikan tapak rumah PPRT dan juga mesra rakyat.

Skim subsidi pembinaan dan pembaikan rumah, Bukit Naning mohon diperluaskan kepada skim subsidi pendahuluan pembelian rumah. Begitu juga, dengan kuota perumahan dan rumah kedai untuk bumiputera yang tidak dapat dijual, yang ditawarkan oleh pemaju-pemaju, Bukit Naning cadangkan anak-anak syarikat kerajaan negeri membeli aset-aset ini terlebih dahulu.

Berkaitan dengan perkara 57, 58 pekerjaan dan sukan OKU. Kenapa ianya di hadkan kepada PBT sahaja? Bukit Naning cadangkan peluang-peluang pekerjaan kepada OKU mestilah diperluaskan terutama di dalam syarikat-syarikat milik kerajaan negeri dan juga kepada pelabur-pelabur baru yang ingin membuat pelaburan di negeri Johor, disyaratkan untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU.

Mengenai sukan, Bukit Naning mohon supaya...

YB Dato' Timbalan Speaker : PPNJ dah menawarkan kepada OKU?

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Ya Yang Berhormat Dato'?

YB Dato' Timbalan Speaker : PPNJ ada menawarkan apa-apa kepada OKU?

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Kalau Yang Berhormat Dato'

YB Dato' Timbalan Speaker : Jadikan contoh...

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Kalau kita inginkan PPNJ 100% menawarkan peluang pekerjaan kepada OKU. (Dewan bertepuk).

Mengenai sukan, Bukit Naning mohon supaya sebuah mini stadium khusus untuk golongan OKU dibina di negeri-negeri ini. Supaya kita dapat melahirkan atlet-atlet OKU di peringkat negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Menyentuh perkara 101, merancakkan pertumbuhan ekonomi Johor. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan stabil adalah pra syarat utama. Bukit Naning mencadangkan supaya proses kelulusan ubah syarat tanah, pertanian, industri, pembuatan, perdagangan, perumahan, pemprosesan, pelancongan mahupun hab pendidikan dan sebagainya, mestilah di proses dan disokong oleh semua agensi yang berkaitan dan diluluskan oleh kerajaan negeri di dalam tempoh masa yang ditetapkan ataupun masa yang singkat, mungkin tiga bulan ataupun enam bulan. Jangan sampai satu tahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun ataupun lima tahun dan Bukit Naning minta supaya kurangkan birokrasi ataupun sifarkan birokrasi. Dengan cara ini, kerajaan akan lebih cepat mendapat hasil melalui kutipan bayaran premium dan akhirnya dan pertumbuhan ekonomi dapat dirancakkan.

Berkaitan hab perabot di Bakri Batu 8, yang difahamkan akan dimajukan oleh Johor Corp. Bukit Naning mohon supaya harga tanah industri ini, mestilah sama dan sesuai dengan harga pasaran. Jangan melebihi harga pasaran. Kilang haram yang diarah pindah ke kawasan ini, mestilah di beri subsidi pembelian tanah dan Bukit Naning mencadangkan rumah pekerja perlu di bina di kawasan ini serta sebuah masjid atau surau dibina di sini serta tempat-tempat riadah juga perlu di bina.

Berkaitan dengan rejuvinasi desa Johor dalam perkara 120 (A)(B)(C), penduduk luar bandar terus tinggal menetap dan memajukan kawasan luar bandar, tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana ingat orang kampung, sayang orang kampung. Terima kasih saya mewakili orang kampung kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bukit Naning ingin mencadangkan supaya pelan strategik aktiviti ekonomi desa juga perlu dirancakkan. Program satu kampung, satu industri, satu kampung, satu produk perlu di perkasakan semula supaya industri agro pelancongan dapat diperluaskan.

Bukit Naning juga mencadangkan kepada kerajaan negeri, supaya membenarkan tanah-tanah pertanian di desa, boleh diubah syarat kepada penggunaan kediaman, industri kampung, agro pelancongan dan sebagainya dan infrastruktur serta prasarana desa perlu dibangunkan supaya golongan muda dapat tinggal di desa yang lestari dan sejahtera dan seterusnya dapat memajukan desa dan akhirnya pertumbuhan ekonomi akan bertambah rancak di desa ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merancakkan keusahawanan Johor berasaskan inovasi dan pengetahuan, Bukit Naning mencadangkan supaya tapak perniagaan yang ditawarkan oleh EDC SSI mestilah strategik. Jangan hanya umpama melepaskan batuk di tangga. Pasar Usahawan Asnaf, Asnaf Mart, AmCorp, agro bazar, agro mart, pasar tani dan lain-lainnya mestilah diperbanyakkan bilangannya dan dibangunkan terutamanya di bandar-bandar atau di pusat-pusat komersial yang mempunyai peluang pasaran yang besar. Bukan setakat itu, pasar raya usahawan juga perlu di bina dan pasaran keluar negara perlu diterokai. Kita perbanyakkan pasar bagi membolehkan kelangsungan produk-produk usahawan dapat dipasarkan dan akhirnya ramai bilangan usahawan dapat dilahirkan dan peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan akhirnya pengguna akan memperolehi harga berpatutan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara 239, transformasi pendidikan. Tadika Agama Johor kalau kita lihat hari ini, elaun guru Tadika Agama Johor yang sedia ada, terlalu kecil, RM800.00 sebulan. Elaun guru sambilan menerima elaun RM30 sehari, sedangkan mereka memikul beban sebagai guru sama dengan guru-guru yang lain-lain. Di samping itu, tukar ganti guru juga akan menyebabkan mengganggu proses pembelajaran anak-anak di situ. Jadi di sini Bukit Naning mohon kerajaan negeri meneliti permasalahan ini demi memartabatkan pendidikan Islam untuk anak-anak kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peladang, penternak dan nelayan adalah wira yang memastikan keselamatan bekalan negara. Tanpa mereka, mungkin kita makan tanpa lauk ikan. Sama macam Dato' Speaker tak makan udang, tak makan nasi, tak makan sayur, tak makan daging dan sebagainya. Tidak ada nikmatnya. Tanpa mereka rakyat akan lapar, bila lapar ianya akan mengganggu ketidakstabilan politik, rakyat dan negeri dan akhirnya akan menjadi huru-hara. Apakah langkah-langkah jangka panjang kerajaan negeri untuk memastikan nasib masa hadapan peladang, penternak dan nelayan? Supaya sektor ini dapat diwariskan kepada anak-anak muda, generasi baru, bagi memastikan keselamatan bekalan makanan negeri sentiasa mencukupi dan tidak bergantung sepenuhnya dengan mengimport.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnyalah, sebelum dijemput untuk duduk, akhirnya..

YB Dato' Timbalan Speaker : Bagus, Naning ya.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : DUN Naning ingin mengusulkan isu-isu tempatan. Mohon pembinaan surau Parit Karim..

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak boleh dipuji pula. (Dewan ketawa).

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Pembinaan surau Parit Karim di Mukim Ayer Hitam dapat disegerakan. Semua dah selesai dah, masalah dah selesai dah, jangan ditangguh-tangguh bulan 6, bulan 11, tahun depan, nanti bajet tak dapat.

Begitu juga dengan pembinaan tangki air, kita minta SAJ, masalah saya dah selesaikan dah. Bajet tu kali pertama dah habis, minta lagi dapat, kali ni dah selesai, mohon disegerakan pembinaannya pada tahun ini.

Selain daripada itu juga, saya mohon campur tangan kerajaan negeri, supaya jalan Kampung Kelantan ke Tanah Merah dapat diselesaikan tinggal 300 meter lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana 300 meter ini, melalui rizab hutan simpan Ayer Hitam. Jadi mohon Jabatan Hutan, membenarkan laluan sepanjang 300 meter ini melalui kawasan rizab hutan.

Seterusnya, saya minta jalan daripada Simpang Parit Karim hingga jalan ke Parit Yusof, mohon di turap semula, sejauh 16 kilometer dan pembinaan pasar kering Bakri Batu 6 perlu disegerakan dan mohon akhirnya, mohon mini stadium untuk Bukit Naning Batu 15 untuk kepentingan DUN Bukit Naning..

YB Dato' Timbalan Speaker : Banyak sangat ke orang Bukit Naning main bola?

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Akhir sekali Dato', Bukit Naning menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Bukit Naning. Kita teruskan. Jemput, Parit Raja.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan keberkatanNya kepada saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, yang mengizinkan saya bersama-sama membahaskan ucapan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohammad Khaled Nordin, Menteri Besar Johor pada 19 hari bulan yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini saya, bersama seluruh pengundi, yang rakyat DUN Parit Raja, merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada seorang pemimpin yang hebat, berani, berjiwa besar, prihatin masalah rakyat jelatanya dan ingin memastikan kesejahteraan rakyat Johor pada tahap yang lebih baik. Yang Berhormat Menteri Besar, biar pihak sana cuba memutar belitkan fakta,

cuba menimbulkan keraguan rakyat, mencari kesalahan yang penting niat baik kerajaan, yang penting apa yang kerajaan buat adalah untuk kebaikan rakyat. Saya yakin, niat yang baik, pasti ada kejayaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, peringkat awal saya ingin menyentuh tentang rumah mampu milik Johor. Untuk menyuarakan hasrat rakyat, tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar bukan sahaja telah mendengar suara hati rakyat, Yang Amat Berhormat Menteri besar telah bertindak menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi skim pembiayaan RMMJ untuk rakyat Johor. Terima kasih saya merakamkan kepada bank, Ambank Islamic Berhad, yang bersama-sama yang bekerja dengan kerajaan Johor.

Rakyat mengucapkan terima kasih dan merasa lega serta gembira yang amat sangat di atas pengumuman yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dalam bajet 2016 yang lalu. Hanya yang Parit Raja serta rakyat berharap, agar pemohon-pemohon yang telah mendapat sijil kelayakan tersebut perlu diberi perhatian terlebih dahulu. Kita tidak mahu ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab cuba menghasut mereka-rekakan cerita yang menyusahkan rakyat. Dulu difitnah, rumah mampu milik hanya untuk tengok atau tidak dapat di milik oleh rakyat. Hati kalau tak bersih, hati kalau sakit, macam-macam perkara yang tak baik difikirkan akhirnya menjadi fitnah. Kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini, kerajaan yang betul-betul bertanggungjawab, membela rakyat, janji ditepati. Tak ada rumah, dibuat, wang pendahuluan diberi, disediakan untuk pinjaman bank di uruskan, rakyat yang tak mampu, dibantu, rakyat yang susah, di tolong, rakyat yang pandai, digalakkan, rakyat yang berjasa, dihargai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Barisan Nasional tak merobohkan rumah rakyat, kerajaan Barisan Nasional, tak robohkan gerai-gerai rakyat. Kerajaan Barisan Nasional, tak rampas tanah rakyat. Kerajaan yang ada hari ini, sentiasa menolong nasib rakyat. Saya bersetuju sehati sejiwa dengan YB Semarang dan Tiram, saya kesian seorang Wakil Rakyat, perempuan pulak tu menangis di Dewan Rakyat, menangis sampai kawan sebelah terpaksa tepuk-tepuk dia. Memohon kepada kerajaannya supaya diberi perhatian permohonannya, kemudahan asas pengundi, rakyat setempatnya tidak dipedulikan. Rakyat terbiar, rakyat menderita, janji tetap janji, janji tinggal janji. Kesian Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang kedua. Dalam membentangkan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut, 'biar mati anak, jangan mati adat'. Dalam bunyinya dan tegas didengar. Mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin berhasrat dalam kita mengejar pembangunan, ekonomi yang kukuh dan kemajuan global dunia yang sedia ada, aspek kesenian budaya tamadun Johor tetap tidak dilupakan dan dipelihara. Bantuan dana dan sokongan teknikal diberi galakan supaya terpelihara seni budaya yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesenian budaya itu luas bidangnya dan banyak cabangnya. Mengikut Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, terbitan 1970, budaya boleh didefinisikan sebagai:

1. Tamadun, peradaban, kemajuan
2. Sudah maju dan beradab
3. Hidup ataupun cara hidup sesuatu masyarakat

Hidup kita penuh dengan adab seni budayanya. Tiap perlakuan individu ada budayanya. Kalau menari penuh dengan seninya. Bukan menari sahaja ada seninya, makan, cara menghidang makan dan masak pun ada seninya. Bercakap juga ada seninya kalau bertutur kata juga ada adab seninya. Mendengar pun sebenarnya ada seninya. Kalau berjalan penuh sopan dan santunnya. Kalau berbahas Pekan Nenas ada tatasusilanya. (Dewan bertepuk). Tiap kaum ada adabnya. Tiap masyarakat ada budayanya. Tiap budaya ada tamadunnya. Tiap negeri pasti ada adat, budaya dan tamadunnya sendiri. Negeri Johor kaya dengan seni budaya. Tamadun negeri Johor telah lama wujud.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memelihara kesenian budaya tamadun Johor ini, kita perlu bekerjasama di antara semua lapisan masyarakat, tak kira umur, perlu bekerjasama. Jika perlu, dipupuk dari awal persekolahan. Waktu taska, tadika juga taman asuhan terus ke sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan seterusnya kehidupan seharian kita. Seni budaya juga perlu dipupuk, dipupuk terutamanya dari mata pelajaran di sekolah-sekolah, terutamanya sekolah-sekolah di negeri Johor. Baik sekolah biasa, ataupun sekolah Arab. Tapi bukan untuk lulus peperiksaan, hanya untuk menerangkan dan menanamkan cinta seni budaya bangsa kita. Saya berharap EXCO Pendidikan bersama EXCO seni dan budaya serta EXCO Agama agar dapat sama-sama berbincang tentang masalah ini supaya perkara ini menjadi kenyataan ataupun merealisasikan hasrat, harapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi mengekalkan budaya bangsa negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Parit Raja sila gulung, sila gulung.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Saya ni kalau tersentak macam tu, hilang semua. Jadi..

YB Timbalan Speaker : Jangan nangis pula.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai contoh, negeri Jepun, maju, pesat membangun, mempunyai pakar-pakar berbagai bidang tetapi seni budaya tetap kekal dan berjaya. Dari seni negara jadi maju, dari seni negara boleh terkenal, dari seni boleh menjadi medan perpaduan dan penyatuan. Semalam Yang Berhormat Stulang ada menceritakan sedikit sebanyak tentang budaya dan keindahan negeri Korea yang menyebabkan negara itu terkenal dan ramai pelancong. Saya setuju, yang baik setujulah. Yang Berhormat Dato' Speaker, cuba kita perhatikan di Dewan yang kita bersidang hari ini, ciri-ciri sejarah budaya ada terukir di bangunan ini. Dan seni ukiran ini menceritakan tamadun negeri Johor. Bangsa bangunan ini penuh dengan cerita-cerita yang membayangkan, yang melahirkan betapa sejarah, budaya negeri Johor terlalu gemilang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ingin menjadikan Johor khasnya kawasan Kota Iskandar salah satu kawasan pusat yang maju tetapi kekal seni budaya. Peribahasa ada

menyatakan, 'yang kurik itu kendi, yang merah itu saga, yang molek itu budi, yang indah itu bahasa'. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Dato' Speaker, semoga budaya bangsa negeri Johor akan terpelihara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ketiga. Saya ingin menyatakan atau melahirkan harapan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak. Di negeri Johor, Sekolah Tun Fatimah dan Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi adalah antara sekolah-sekolah yang tersenarai sekolah berkeputusan SPM terbaik di Malaysia bagi tahun 2014 dan 2015. Pelajar-pelajar yang masuk sekolah ini...

YB Timbalan Speaker : 2015 baru *exam*.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : 2014 dan 2015. Saya salah ye? Minta maaf ye. Saya betulkanlah. 2014 dan 2015. (Dewan ketawa). Pelajar-pelajar yang masuk sekolah ini dan sekolah berasrama penuh ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang terpilih di peringkat awal dan mendapat keputusan UPSR yang memperolehi 5A, baru dapat masuk sekolah ini. Tapi hari ini, ada pelajar-pelajar yang dapat 5A tak dapat masuk sekolah-sekolah ni. Alasannya penuh, tak dapat menampung sekolah tu. Saya bimbang pelajar-pelajar tersebut yang sepatutnya masuk sekolah biasa, tapi diletakkan, dia masuk sekolah penuh tu, diletakkan, yang bakinyalah, baki-baki pelajar yang mendapat 5A ni sepatutnya masuk sekolah asrama penuh yang terbaik, tetapi diletakkan di satu kelas di sekolah biasa untuk dia belajar. Saya bimbang dengan keadaan ini mematikan semangat daya saing pelajar-pelajar tersebut yang sepatutnya dikumpulkan dengan pelajar-pelajar yang bijak supaya mereka menjadi pelajar yang lebih pintar dan lebih bijak, yang dapat berkumpul dengan pelajar-pelajar yang menjadi persaingan mereka. Harapan ibu bapa agar sekolah-sekolah ni diperbanyakkan. Kalaulah tak boleh diperbanyakkan, ditambahluaskan sekolah-sekolah yang sedia ada supaya dapat mengisi kekurangan yang sepatutnya pelajar-pelajar itu dapat masuk ke sekolah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila rakyat Johor ataupun bangsa Johor berilmu, maka negeri Johor pun akan terus menjadi maju secara automatik. Segala perancangan dari pihak kerajaan juga akan mudah dilaksanakan dengan sempurna dan lancar tanpa ada sekat-sekat atau sangkak-sangkak. Kerana dengan ilmu datangnya rasa tanggungjawab. Rakyat bertanggungjawab, negeri akan maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang keempat. Minta maaf. Ini saya terpaksa sampaikan salam daripada kepimpinan di kawasan saya. Saya bila bermesyuarat dengan ketua-ketua kampung di DUN saya, Yang Berhormat, boleh tak sampaikan apa hasrat, maknanya rakyat yang Ketua-Ketua Kampung ni dapat maklumat. Kata dia, boleh tak cakap dengan EXCO ataupun di Dewan Negeri, ini pesakit-pesakit yang mendapat, patut mendapat rawat hemodialisis, dia memerlukan rawatan satu minggu tiga kali. Untuk mendapat hemodialisis dia, dia kata, Yang Berhormat, dia kena tanam, buat tapak. Tapak? Saya ingat tapak macam kubur, minta maaf. Tapak apa? Rupanya tapak fistula. Apa saya pun tak faham. Pegawai kesihatan tahulah. Fistula, tapak ni rupanya untuk memudahkan pesakit tu untuk dapatkan rawatan hemodialisis. Satu tapak, satu tapak yang pertama, paling rendah RM1,200.00 atau RM1,500.00. Kalau rosak kata dia, kalau rosak, kadang-kadang urat itu jadi kecik, dia mengecut, asyik dicucuk-dicucuk, dia pun itulah. Jadi, untuk tapak kedua tu berganda

RM4,000.00. Mula-mula tapak pertama RM1,200.00, RM1,500.00, tapak kedua RM2,000.00, tapak ketiga RM8,000.00. Kata dia, memang Jabatan Agama, Baitulmal banyak bantu, banyak bukan ini aje. Macam-macam Baitulmal bantu, yang susah, yang miskin, yang rumah, macam-macam. Cuma sekarang ini, kalau boleh, awak carilah mana-mana duit hutang, lepas tu saya bayar. Ha, gitukan. Kalau boleh, pesakit dapat sokongan dari Ketua Kampung atau kita Wakil Rakyat, mengesahkan itu betul-betul sakit, kemudian disahkan oleh, makna perubatan, doktor ataupun pusat perubatan tu, yang betul memang. Jadi, pejabat atau pegawai perubatan tu terus tuntut ke Jabatan Agama, tak payah nak dulu-dulukan. Dahlah orang tu sakit, fikirlah ubat satu kali kena RM200.00, RM300. Itu yang paling rendah, fikir lagi nak buat tapak beribu-ribu baik-baik sakit 30% jadi 70% takut, takut. Kita hendak tolong orang, biar tolong betul-betul. Kerana bila kita tolong orang, lagi-lagi pesakit kita akan dapat pahala. Jadi, mintalah Jabatan Agama, Baitullah eh Baitulmal, Baitullah pula eh salah, Baitulmal membantu pesakit-pesakit ini supaya kita dapat membantu pesakit itu dengan betul. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau nak..

YB Dato' Timbalan Speaker : Ok, Parit Raja sila tamatkan perbahasan. Bagi *chance*.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Saya ingat gulung, tamatkan pula, oklah. Saya ingat pasal banjir saya tak bercakap pasal saya pun kawasan saya ada banjir, tapi saya mintalah JPS supaya dengan jabatan-jabatan yang lain sediakan peruntukan yang sebaik-baiknyalah supaya, memang betul parit tersumbat, tetapi kalau parit itu dikorek,

YB Dato' Timbalan Speaker : Nama pun parit kan? Walaupun raja dia parit juga.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yalah jadi saya mintalah, walaupun Parit Raja tapi banyak juga tersumbat-sumbat jadi, saya niat yang baik cakap yang baik, tujuan yang baik supaya rakyat tidak susah. Jadi, akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong usul yang di bawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Parit Raja, kita teruskan perbahasan. Sila Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahas mengenai Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada minggu lepas. Di sini Senggarang juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berjaya menyediakan satu bajet yang amat prihatin terhadap setiap golongan khasnya mereka yang memerlukan perhatian dan pembelaan. Manakala, setiap pelosok dan kawasan dalam negeri Johor tidak terkecuali di berikan perhatian. Justeru itu, bajet ini sememangnya inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu Senggarang berani menegaskan empati yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar

terhadap bangsa Johor adalah begitu terserlah sekali kerana belia dapat merasai keluh kesah dan denyutan nadi warga Johor secara keseluruhannya. Sebelum Bajet 2016 ini dibicarakan secara mendalam, Senggarang ingin membangkitkan 2 perkara. Satu ketika dahulu Yang Berhormat Dato' Speaker, tiga parti pembangkang telah digabungkan secara longgar melalui Pakatan Rakyat. Malah aspirasi rakyat keseluruhannya dijadikan asas gabungan tersebut. Setiap parti politik boleh mengekalkan matlamat dan ideologi masing-masing. Kini ia berpecah kepada gabungan baru dibentuk tanpa PAS hanya tinggal DAP dan PKR. Selain tempat PAS digantikan dengan parti serpihannya Parti Amanah Nasional. Dengan nama gabungan barunya pula Pakatan Harapan. Sehingga kini ramai yang tertanya-tanya, Pakatan Harapan untuk siapa sebenarnya? Pakatan Harapan untuk rakyat ataupun Pakatan Harapan untuk DAP? Mungkin ada kebenarannya, ia lebih mirip kepada Pakatan Harapan DAP, masakan DAP beriya-ya mahukan sebuah parti baru menggantikan tempat PAS. Senggarang melihat PAS lebih berprinsip seperti yang sering dinyatakan oleh Maharani dan Puteri Wangsa yang mana PAS tetap istiqamah dalam perjuangannya dengan terus meletak hudud sebagai satu keutamaan. Manakala Parit Yaani melalui Parti Amanah Nasional yang sebaliknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem pertahanan dan keselamatan negara perlu sentiasa dalam keadaan yang bersedia. Kita amat maklum bahawa dengan peranan keselamatan negara begitu terdedah dengan kemasukan penjenayah mahupun pencerobohan tentera asing. Kita amat maklum di Sabah, pengganas Sulu berjaya menyerang Lahad Datu, dan di Johor sendiri pendatang asing mudah mendarat selain menyeludup bahan terlarang termasuk rokok, dadah dan aktiviti perdagangan manusia. Akhir-akhir ini pula tentera laut negara China sudah berani masuk ke dalam kawasan eksklusif negara kita di Laut China Selatan berdekatan *James Shore* atau *James Reef* dalam perairan negeri Sarawak. Sudah tentu kita tidak mahu perkara sebegini berlaku lagi malah *extremist* dan *terrorist* yang bertopengkan agama perlu dibendung jua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa perkara yang telah dibentangkan dalam Bajet 2016 ini juga telah menarik perhatian Senggarang. Di antaranya pelan komprehensif untuk mencergaskan rejuvenasi desa Johor adalah begitu tepat sekali. Seperti kata-kata Inggeris dengan izin, "*better late than never"* atau biar terlewat dari tiada langsung. Yang moleknya kerajaan negeri dan Bait Al Amanah, Institut Pemikir milik UMNO Johor akan menyediakan pelan tersebut. Sudah tentu UMNO yang begitu sinonim dengan masyarakat dan suasana desa dapat memberikan input seperti yang dikehendaki dalam mengimbang pembangunan luar bandar supaya tidak jauh ketinggalan dari yang telah dilaksanakan di kawasan bandar. Inilah yang dinantikan oleh warga desa supaya kehidupan mereka lebih bermaruah, lagi bermakna dan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Amat jelas sekali kerajaan di lihat lebih *responsive* dalam menangani masalah yang bersangkut paut dengan isu-isu di luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, program-program melalui Dasar Johor Prihatin sama ada untuk warga emas, OKU, ibu tunggal, belia, peruntukan kepada masyarakat bukan Melayu termasuk baik pulih Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sepatutnya mendapatkan sokongan dan disalurkan melalui ADUN-ADUN kerajaan yang sedia ada. Ini adalah supaya Wakil Rakyat dan masyarakat tidak

rasa tersisih antara satu sama lain selain *political mileage* dengan izin, yang dapat di kecapi oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2014 seramai 27 juta pelancong datang ke Malaysia, meningkat daripada 25 juta pelancong yang datang pada 2013. Bagi tahun 2015, kerajaan Malaysia telah mensasarkan sebanyak 29 juta pelancong yang mana pada setengah tahun pertama ini seramai 12.6 juta pelancong telah direkodkan. Pada tahun 2016, kerajaan Malaysia mensasarkan 37 juta pelancong yang dijangka menyumbang sebanyak RM103 bilion kepada ekonomi negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor hanya berada di tempat ke-8 paling ramai dikunjungi pelancong ke Malaysia walaupun merupakan pintu masuk utama di selatan tanah air. Kerajaan negeri telah mensasarkan bahawa Johor boleh menarik seramai 5 juta pelancong khasnya daripada negara China, India, Singapura dan negara-negara timur tengah. Pelan pembangunan strategik Johor walaupun hanya beberapa daerah sahaja ditekankan tentang pelancongan iaitu Mersing, Kluang, Pontian, Kota Tinggi dan Ledang tetapi sebenarnya semua daerah termasuk Segamat, Muar, Batu Pahat, Kulai dan Johor Bahru mempunyai produk dan *niche* nya sendiri dalam sektor pelancongan. Dan telah dimasukkan sebenarnya di bawah Pelan Strategik Pelancongan Negeri Johor. Yang penting bidang pelancongan harus terus digilap dan setiap daerah perlu menghidupkan atau membentuk jawatankuasa pelancongan supaya ianya lebih fokus dan tersusun. Pegawai khas pelancongan perlu dilantik dan semua pemain dalam industri pelancongan dilibatkan sama termasuk hotel, restoran, agensi pelancongan, ahli budaya dan lain-lain. Sudah tentu wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen dan ADUN perlu dibabitkan jua dalam memajukan pelancongan setempat. Selain itu, premis-premis pelancongan perlulah dalam keadaan yang bersih dan memuaskan. Pemantauan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan perlu dilakukan secara konsisten. Malah promosi perlu seiring dengan peredaran zaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang percaya kerajaan Johor telah membuat tindakan yang bijak dengan mengadakan Santuari Gajah dan Dugong. Sudah pastinya menjadi satu destinasi pelancongan kelak. Buat EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar jika ingin mengadakan satu santuari monyet elok dapat khidmat dan nasihat dari pakar kita ADUN Sungai Balang yang berjaya menangkap beberapa ekor monyet di kawasan beliau.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : Monyet jantan ke monyet betina?

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Semua sekali. Jantanlah yang paling banyak sekali kot, yang besar-besar tu. Yang Berhormat Dato' Speaker, apapun Senggarang mengucapkan terima kasih kepada EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar kerana mendapatkan peruntukan bagi baik pulih sebuah kuarters kerajaan yang akan ditempatkan cawangan PERHILITAN Batu Pahat yang baru ditubuhkan di daerah Batu Pahat setelah di pohon oleh Senggarang (Dewan bertepuk). Saya sahajalah tepuk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang sedia maklum bahawa Duli Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor ingin stadium Larkin menjadi *venue* yang dibanggakan.

Jikalau kita ke Eropah khasnya, pasukan-pasukan bola sepak seperti Manchester United, Real Madrid dan Barcelona, stadium-stadium mereka adalah tarikan pelancong bukan hanya semasa perlawanan. Oleh itu, JDT sebagai pasukan gergasi besar Asia dan ada pengikutnya di Johor dan seluruh Malaysia, selain mendapat pengikut baru seluruh Asia, daya tarikan stadium JDT sebagai bahan pelancongan baru Johor amat tepat sekali jika dilaksanakan. Selain menjual barang-barang yang melambangkan JDT, ia boleh menempatkan sebuah muzium bola sepak Johor yang dapat memuatkan maklumat tentang bola sepak Johor sejak dahulu lagi termasuk *Hall Of Fame* dengan izin, serta zaman kegemilangan lampaunya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memang sudah ada Taman Botani di Sri Medan, Batu Pahat dan di Johor Bahru. Namun demikian Taman Istana Besar Johor perlu digilap semula kegemilangannya. Taman yang luas ini perlu dipertingkatkan dengan tanaman pokok yang pelbagai sama ada endemik kepada negara dan ditambah dengan pokok-pokok tropika mahupun luar negara selain daripada pokok renek dan bunga. Senggarang cadangkan ianya di naik taraf seindah *Kew Gardens* di England yang sudah pasti melonjakkannya sebagai lokasi pelancongan yang harus dikunjungi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang juga mencadangkan beberapa aktiviti sukan dijadikan tarikan pelancong. Pertandingan-pertandingan ini sudah sedia ada dianjurkan dalam daerah Batu Pahat tetapi ia perlu diperluaskan seperti Festival Layang-Layang di Pasir Gudang. Ini termasuk :

1. Pertandingan kapal terbang kawalan jauh di padang.
2. Pertandingan motobot kawalan jauh di tasik.
3. Pertandingan kicauan burung Merbok dan Terkukur.
4. Pertandingan lumba Cah Keting
5. Pertandingan Joran ikan laut mahupun di darat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak saya *skip* ni. Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan cuaca dunia hari ini pun tidak menentu seperti di Johor sendiri. Ribut bukan satu fenomena yang asing, kini di sebelah Pantai Barat Johor mudah terdedah dengan ribut monsun yang melanda sama ada dengan negara, sama dengan negara-negara lain. Ombak semakin tinggi serta mengganas dan akibatnya banyak benteng yang pecah dan rosak. Manakala pantai terhakis seperti di Parit Botak, Koris, Sungai Lurus, Sungai Ayam dan Punggor dalam daerah Batu Pahat. Senggarang menyarankan agar Jabatan Pengairan dan Saliran memperbaiki benteng-benteng tersebut supaya menghindar banjir berlaku di kawasan-kawasan ladang berhampiran. Amatlah wajar pihak kerajaan memandang serius tentang isu-isu ini. Senggarang mendesak agar kerajaan persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli menangani permasalahan ini. Malah bagi setiap satu kilometer pembinaan benteng, kosnya adalah sebanyak RM5 juta. Namun demikian, terima kasih kepada pihak kerajaan kerana benteng di Tanjung Labuh telah siap dibina yang sebelum ini dihimpit hakisan laut. Terima kasih sekali lagi kepada EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar yang membantunya. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang juga sarankan agar pihak JPS supaya menyelenggara pembersihan dan mendalamkan sungai dan parit secara berskala yang munasabah tetapi konsisten. Ada kawasan-kawasan umpamanya di Sungai

Ayam masih tidak dibuat apatah lagi kawasan-kawasan ini mudah dilanda banjir kilat mahupun air pasang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar kerana menempatkan sebuah Klinik Kesihatan 1Malaysia di dalam kawasan Senggarang iaitu di Bukit Flora Banang Jaya, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Macam EXCO lain tak kerja kat Senggarang. (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang mohon, yang ni saya mohon pula lah. Senggarang mohon agar sebuah lampu trafik dapat dipasang di persimpangan Jalan Parit Jabar dan Parit Permatang yang kerap berlaku kemalangan. Senggarang sudah pun bertemu Menteri Kerja Raya, ya dah jumpa menteri dan dinyatakan, beliau sendiri menyatakan bahawa kosnya lebih kurang RM500,000.00 sahaja. Oleh itu, saya mohon jasa baik EXCO Kerja Raya yang sangat *handsome*, dapat membantu Senggarang. (Dewan ketawa).Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Dapat lah lepas ni.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Senggarang juga ingin mendapatkan, bantuan EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan yang juga sangat *handsome* (Dewan ketawa), negeri Johor supaya menyalurkan peruntukan khas bagi memulihkan Wisma Sejarah Batu Pahat supaya ianya sesuai sebab fungsi nya sebagai tempat simpanan maklumat dan bahan sejarah Batu Pahat.

YB Dato' Timbalan Speaker : Senggarang sila gulung.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Memang nak gulung. Senggarang amat berterima kasih..

YB Dato' Timbalan Speaker : Nak mengampu EXCO mana lagi? (Dewan ketawa).

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Ni tak ada mengampu-ampu. Nak ampu MB pula ni. Senggarang amat berterima kasih kepada keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, menyahut saranan Senggarang pada Mesyuarat Pertama Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 supaya projek-projek yang mana telah dijanjikan tetapi tidak tertunai perlu disenaraikan untuk tindakan. Mungkin ianya secara kebetulan saja. Walau bagaimanapun, Senggarang sarankan agar semua projek yang dijanjikan sama ada oleh negeri mahupun pusat supaya diberikan perhatian yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata, Senggarang menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Senggarang. Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita tangguhkan sehingga jam 4.00 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:40 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4:00 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan di sambung semula. Jemput, Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker yang kacak dan *elegant*. Salam sejahtera dan...

YB Dato' Timbalan Speaker : 15 minit tentu walaupun mengampu ya. (Dewan ketawa).

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : dan salam Pemanis serta Yang Berhormat Ahli Dewan yang mulia dan semua yang turut hadir bersama. Sebagai Ahli legislatif saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan terhutang budi, kepada pihak media yang sekian lama begitu komited, begitu sabar, bersama kami di Dewan yang mulia ini, mengikuti perkembangan, membuat laporan. Bukan mudah untuk mengikuti dan menghadam setiap satu ucapan perbahasan yang diberikan oleh wakil rakyat. Kemudian mencari isi-isi penting dan gagasan idea bagi ditulis agar dapat dikongsi kepada semua oleh pembaca mereka. Penghargaan juga saya nak rakamkan khususnya untuk media Cina yang mempunyai semangat *journalisme* dan profesionalisme yang cukup tinggi, termasuk seperti Sin Chew, China Press, Nan Yang, Oriental dan Kuang Ming. Sekadar menyebut beberapa nama yang amat bermurah hati dalam menyediakan liputan yang menyeluruh dan komprehensif dari segi ruang pemberitaan untuk dibaca oleh semua. Saya difahamkan bahawa dalam masa yang amat terhad, dalam keadaan yang amat tegang, seharian bertugas di Dewan, mereka perlu mencatat dan yang paling mencabarkan Yang Berhormat Dato' Speaker, menterjemah dengan tepat, mengedit dan kemudiannya mengatur ruang untuk penerbitan. Semua perkara ini perlu dilakukan untuk edisi malam dan juga siang untuk keesokan hari. Saya juga difahamkan bahawa keutamaan diperuntukkan oleh akhbar Cina adalah untuk sesi soal jawab, di mana ia merangkumi jawapan dan liputan yang cukup informatif dan meluas dari pihak kerajaan terhadap pelbagai isu yang dibangkitkan oleh wakil rakyat melalui EXCO-EXCO yang kita hormati. Mereka juga proaktif untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat lanjut atau tambahan berhubung isu-isu yang dibangkitkan. Saya rasa akhbar-akhbar lain, terutamanya dari aliran bahasa kebangsaan, yang diangkat sebagai media pengantara perpaduan, mohon jasa baik supaya mereka dapat memberikan sekurang-kurangnya dua ruangan halaman besar untuk liputan sidang Dewan. Ini kerana persidangan Dewan mempunyai isi dan perkara-perkara penting dalam perjalanan hidup rakyat negeri Johor selain banyak menyentuh soal pembangunan negeri. Akhbar-akhbar lain juga tidak seharusnya terperangkap dengan isu dan hal ehwal setempat, provokasi atau isu kebangsaan semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini merupakan hari ke-15, dalam kalender masyarakat Cina, kalender *Lunar* dan setiap hari pertama dan hari ke-15 merupakan antaranya hari keagamaan yang istimewa khususnya dalam fahaman Buddha,

Taoisme dan tokong tradisional. Justeru saya menyeru agar semua ambil maklum tentang hari keistimewaan ini, para majikan juga perlu faham dan memberikan kemudahan atau ruang kepada pekerja untuk menunaikan ritual keagamaan pada hari tersebut, khasnya sebelah pagi. Generasi muda keturunan Cina juga perlu untuk diberikan kefahaman makna dan nilai tentang hari istimewa ini. Kita faham kesibukan urusan dunia terutama yang berkiblat ke arah ekonomi dan komersial telah lama menghimpit masyarakat kita untuk tidak lagi menitikberatkan keistimewaan hari-hari tertentu dalam sudut kerohanian. Lebih-lebih lagi dalam dunia korporat dan perindustri kecil dan sederhana, kita jarang mengambil cuti rehat atau berekreasi dengan konsisten. Lebih jarang lagi untuk kita mempertimbangkan nilai-nilai kerohanian ia lebih menjadi lebih kritikal apabila keadaan ekonomi menjadi tegang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, komuniti masyarakat Cina tidak sama dengan komuniti masyarakat Melayu dan India. Sistem keagamaan masa kini agak longgar dan lemah. Tidak ada sekolah agama khusus, tidak ada akses mudah untuk guru agama di setiap daerah dan untuk orang awam yang boleh menjadi rujukan. Inilah kos dan harga yang perlu dibayar oleh komuniti berasaskan komersial iaitu kelemahan dalam sistem keagamaan. Ambil contoh masyarakat Cina yang hidup di kawasan bandar yang membangun pesat. Mereka perlu menyediakan sekitar antara 10 sampai 20 ribu, minimum je bagi persediaan untuk urusan kematian dan pengebumian. Ini belum lagi termasuk urusan-urusan lain. Jadi justeru, saya memohon agar kerajaan negeri Johor untuk mulai bersedia bagi satunya mengkaji keperluan tanah perkuburan untuk mereka dari golongan miskin dan berpendapatan sederhana dan kedua membantu masyarakat Cina dalam memperkukuhkan institusi agama supaya kita sama-sama dapat menghayati prinsip pertama Rukun Negara. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor yang telah memperuntukkan sejumlah dana bagi tujuan pendidikan sekolah Cina. Saya amat berharap agar ia dapat dipanjangkan kepada bidang urusan keagamaan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan ekonomi yang tegang dan terhimpit menyebabkan tokong dan NGO Cina yang menguruskan hal ehwal kemasyarakatan dan keagamaan perlu untuk diberi bantuan. Sokongan dan dana pengurusan sebagai permulaan kita boleh laksanakan terhadap tokong atau NGO yang mempamerkan kualiti pengurusan dan *accountability* yang baik dan telus. Masyarakat Cina dikatakan sebagai masyarakat yang berteraskan perniagaan, berdikari dan tidak mudah mengalah. Faktor ini menjadi pendorong untuk mereka mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan. Sikap pragmatik itu juga sebenarnya wujud dan diterjemahkan dalam oleh masyarakat Cina dalam bidang pendidikan. Ada pihak di sini yang membangkitkan soal pengiktirafan, khususnya mengenai UEC iaitu peperiksaan bersepadu untuk sekolah-sekolah Cina. Pada hemat saya, isu bahasa selain daripada nilai tradisi dan budayanya, merupakan sesuatu yang fleksibel dan berasaskan keperluan kita. Dalam pada itu, terdapat juga kontradiksi yang jelas dalam perjuangan pendidikan masyarakat Cina dalam isu sekolah Cina. Ada pihak yang mahu aliran Cina, atau bahasa Cina diperhebatkan. Namun yang agak mengelirukan menjadi satu kontradiksi apabila pemimpin-pemimpin kita kalau kita meneliti, kebanyakan tokoh atau pemimpin utama parti politik yang ahli nya majoriti Cina sejak merdeka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebanyakan hampir keseluruhannya tidak ada pendidikan asas dalam sekolah rendah Cina. Contohnya dari segi parti MCA, Tan Siew

Sin, Tan Cheng Lock, Ling Liong Sik, Chua Soi Lek dan dulunya Chua Jui Meng. Mereka ini bukan berpendidikan sekolah rendah dalam bahasa Cina pada asasnya. Dari DAP yang terkenal kita sedia maklum, tokoh dia Lim Kit Siang dan juga Lim Guan Eng bukan pendidikan asas dalam bahasa Cina. Dari parti Gerakan, Lim Keng Yaik dan Presiden sekarang, Mah Siew Keong juga ketua wanita dan ketua pemuda, bukan daripada jurusan bahasa Cina semasa sekolah rendah. Jadi ini memberi satu gambaran yang begitu *contradictory,* dengan izin. Kadang kala mengelirukan. Secara kasarnya dalam satu pengamatan kita terdapat kira-kira 10,000 orang murid. Saya difahamkan yang kini sedang belajar di sekolah-sekolah Singapura. Mulai diakui juga bahawa persaingan sekolah Cina di Malaysia, diakui oleh setengah pihak penggerak pendidikan Cina datangnya dari sekolah antarabangsa atau aliran Inggeris. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat cina adalah pragmatik dan mereka memilih sekolah selain daripada nilai agama, budaya dan tradisi tapi pada keseluruhannya berasaskan kepada kualiti untuk anak-anak masing-masing. Keadaan ini diburukkan lagi dengan pelbagai isu yang menimpa sistem pendidikan kebangsaan kita pada hari ini. *Flip flop* dengan izin atau ketidaktentuan arah dalam keputusan dan dasarnya contohnya isu pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris dalam sains dan maths, PT3, PBS, sistem *online* pengurusan pendidikan yang sering bermasalah dan juga kemerosotan standard bahasa Inggeris. Jadi pada keseluruhannya, saya ingin menegaskan masyarakat Cina tidak menolak atau anti mereka yang pemimpinnya bukan daripada asasnya pendidikan bahasa Cina. Kita perlu mengambil kira semua permintaan secara rasional berasaskan keperluan dan prinsip sejagat untuk menjaga kualiti pendidikan, kita juga perlu iktiraf keperluannya bahasa Cina dari segi sejarah dari segi perancangan pendidikan nasional, dari segi kegunaannya keperluan untuk industri, sederhana dan kecil dan juga keperluannya untuk lanjutkan pendidikan. Tetapi pada masa yang sama, kita perlu akur kepada perancangan sistem pendidikan sedia ada dan akta yang berkenaan.

Saya, Parti Gerakan dan komponen Barisan Nasional telah lama berusaha dalam hal ini, bagi saya lebih suka parti politik untuk bantu dalam menangani isu pendidikan tetapi janganlah ia dijadikan sebagai satu modal politik ataupun bola sepak politik semata-mata. Baru-baru ini Dong Zong telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan ia adalah satu titik mula yang baik setelah lebih setahun Dong Zhong bergelumang dengan pergolakan dalaman. Tiba masanya bagi saya untuk Dong Zong mendapatkan konsensus dalaman. Contohnya, selesaikan perpecahan pendapat dalam hal penerimaan kredit Bahasa Malaysia SPM sebagai syarat pengiktirafan Sijil UEC. Kita perlu menganggap isu UEC sebagai sepenuhnya satu isu pendidikan bukannya politik. Jangan kita pula ada pihak yang datang menyibuk untuk mendapatkan kredit. Lebih baik isu yang hangat dan kontroversi ini dan juga isu-isu yang boleh mendatangkan implikasi sensitif diselesaikan di belakang tabir dan supaya anak-anak kita lebih fokus kepada pendidikan. Saya juga ingin mengemukakan beberapa contoh, walaupun Parti Gerakan ditunjangi sejak dulu oleh ramai dari latar belakang pendidikan bukan daripada bahasa Cina, kita tidak pernah menolak malah menerima sepenuh hati mereka yang lahir dari sistem pendidikan Cina dan juga aktivis atau penggerak pendidikan, pergerakan pendidikan Cina antara yang terkenal ialah bekas Presiden parti yang pernah menjadi menteri dan ketua menteri iaitu Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon termasuk juga dalam senarai adalah Kerk Choo Ting yang pernah jadi Timbalan Presiden dan Timbalan Menteri. Kita cuba sedaya upaya untuk mencari penyelesaian berkesan dengan pihak yang berkepentingan dan secara dalaman.

Ini jauh berbeza dengan pengalaman yang saya faham dengan kepimpinan di dalam parti DAP di mana ada satu kali mereka yang datang berkumpul, datang dalam satu kumpulan, dari latar belakang pendidikan Cina dan aktivis pergerakan pendidikan Cina akhirnya dipancung habis-habisan 100%. Saya percaya, saya lebih suka untuk melihat pada masa ini pihak pembangkang meyakinkan rakan mereka untuk membuat satu persetujuan, pengiktirafan dalam hal ehwal pendidikan ini agar rakyat dapat membuat perbandingan yang munasabah. Malangnya untuk tujuan kredit politik yang cepat, saya merasa hampa kerana ada pihak daripada Pulau Pinang yang begitu cepat untuk mengatakan bahawa negeri mereka yang pertama sekali sebelum Sarawak untuk membuat pengiktirafan tersebut. Dan ini agak, agak mengelirukan kerana sebelum ini Timbalan Ketua Negeri Pulau Pinang telah mengatakan bahawa Pulau Pinang tidak akan membuat pengiktirafan sedemikian.
Yang Berhormat Dato' Speaker, suka saya sentuh dua...

YB Dato' Timbalan Speaker : Pemanis sila gulung.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya, terima kasih. Suka saya sentuh dua perkara berkenaan dengan pengurusan banjir.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pemanis dah buat kajian dulu.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya. Sejak.

YB Dato' Timbalan Speaker : Dah buat *research***.**

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Asalnya ada sepuluh perkara yang saya suka kongsi. Tapi saya, saya ambil dua perkara untuk sidang ini. Perkara pertama ialah tentang pengalihan kuasa pengurusan banjir, dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Jabatan Pertahanan Awam atau bakal dikenali sebagai Agensi Pertahanan Awam. Yang Berhormat Speaker, sejak 1997, Majlis Keselamatan Negara mendapat punca kuasa untuk bertindak sebagai agensi utama atau *lead agency* dengan izin bagi mengurus sebarang bencana yang menimpa negara kita. Ia terkandung dalam arahan MKN nombor 20, dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara rentetan tragedi keruntuhan pangsapuri Highland Towers di Hulu Kelang, Selangor pada 11 Disember 1993. Arahan ini telah disemak semula pada 30 Mac 2012 bagi menerangkan peranan pihak-pihak yang berkaitan supaya ianya lebih menyeluruh dan bersepadu. Arahan ini menjadi punca kuasa paling muktabar untuk MKN bertindak dalam situasi bencana. Justeru apabila Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa JPAM akan menjadi agensi utama pengurusan bencana negara kita perlu untuk memikirkan bagaimana kaedah yang paling sesuai agar agensi ini dapat bertindak dengan cekap dan efisien dalam menguruskan bencana. Satu punca kuasa yang jelas harus dibentuk oleh atau dinyatakan supaya semua arahan yang dikeluarkan oleh JPAM dapat diterima oleh segenap lapisan birokrat, pemimpin dan rakyat. Satu struktur pengurusan bencana yang diketuai oleh JPAM juga perlu untuk dijelaskan. Setiap agensi atau pegawai lain dalam struktur pengurusan ini juga harus diperincikan bidang kuasa dan tanggungjawab mereka secara bersepadu. Semua ini perlu untuk diperincikan dalam masa yang terdekat dengan andaian

bahawa kita bakal berdepan dengan bencana banjir juga dalam masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Dato Speaker, berkenaan banjir kilat. Baru-baru ini Johor Bahru dilanda dengan banjir kilat. Dia datang secara tiba-tiba, saya mencadangkan untuk kita mengadakan satu pusat penyelarasan *coordinate, coordination center* yang membolehkan orang ramai meminta bantuan dan mendapatkan maklumat ketika banjir kilat terjadi. Katakanlah saya datang dari Segamat pada hari yang malang itu, kereta dan semua harta benda saya di dalamnya menjadi mangsa banjir kilat di Johor Bahru dan saya terperangkap, saya tidak dapat keluar daripada Johor Bahru, jadi dalam keadaan ini bagaimana saya hendak meneruskan perjalanan atau urusan. Jadi di manakah hendak saya mengadu atau mencari bantuan. Saya rasa sudah masanya adakan satu pusat penyelarasan sebegitu untuk menolong mereka yang ditimpa kemalangan banjir ini. Jadi Yang berhormat Dato' Speaker, ada beberapa perkara daripada kawasan yang saya bawa dan saya akan gulung.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB rehat sekejap ye. Sila teruskan. Pemanis sila gulung terus ya.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi perkara dibawa yang saya suka bawa daripada kawasan saya ialah satu, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi, Segamat diberi RM9 juta untuk pembangunan pertanian, tetapi saya berharap sebahagian daripada peruntukan itu dapat dialihkan ke TKPM di mana kita perlu satu kawasan memperkukuhkan keadaan pertanian di sana dan saya khuatir lepas ini, lepas Jementah dapat RM9 juta kawasannya akan mungkin akan terabai.

Kedua, masa lah untuk membuat satu pengajian untuk keseluruhan kalau kita anggap Segamat sebagai satu hab pertanian apakah kelebihan dia. Apakah tanahnya, tanaman sesuai dan di mana letak. Saya harap satu peta pertanian dapat disediakan. Ketiga, selekoh Rasau, sepanjang Jalan Buloh Kasap merupakan kawasan kemalangan dan saya harap kerja pembaikan dan peruntukan dapat diturunkan secepat mungkin. Keempat, anak buah kita masih tertanya-tanya tentang projek perumahan generasi kedua daripada FELDA Pemanis.

Kelima, mohon pertimbangkan permohonan lepas tentang bentukan satu kompleks bersepadu pejabat-pejabat kerajaan. Dan akhir sekali, saya rasa juga masanya untuk kerajaan negeri mengambil berat tentang kedudukan Durian Segamat, kerana biasanya durian Segamat dia macam orang Segamat, berbudi bahasa, *slow steady*, tapi biasanya sebelum durian Segamat keluar, belum tengok durian punya, dah tengok durian Segamat di Kuala Lumpur, di Singapura di Johor Bahru. Dan, ada yang cerita kepada saya mereka sebenarnya durian daripada Tangkak. Saya tak tau sama ada keadaan Muar lebih agresif atau lebih nakal. Keluar cepat. Jadi, saya rasa satu dokumentasi tentang klonnya, bukan klonnya, satu dokumentasi untuk durian asli atau *indigenous* perlu dibuat. Kita perlu mengejar masa dan kerja R&D yang berkenaan dan juga urusan pembiakbakaan harus kita ambil, ambil berat.

Jadi sebelum saya akhiri, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga kongsi satu berita yang saya dapat. Ini jawapan daripada Menteri Dalam Negeri di Parlimen. Dia cakap,

dalam tahun 2013 kerajaan telah menangkap 497 keldai cinta iaitu *scam, love scam* ataupun *internet casanova*. Dalam tahun 2014, yang ditangkap ada 610 orang, dan dari tahun ini Januari sampai bulan September, ada 301 orang. Keldai atau penipu cinta *internet* ditangkap. Dan saya rasa adanya daripada datang ke sini dengan, dengan apa, dengan taraf pelajar. Dan kerugian dia dalam 3 tahun ini dicatitkan RM130 juta, jadi untuk kita sama-sama fikirkan bagaimana orang Malaysia boleh jatuh terperangkap dalam hal ini. Di manakah kelemahan kita sebagai satu bangsa Malaysia. Jadi dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya turut menyokong usul Semarang.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih, Pemanis. Kita teruskan, sila Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Assalammualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato Speaker, terima kasih kerana memberikan ruang kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan bajet negeri Johor tahun 2016. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya yang ucapkan tahniah kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bersempena Hari Keputeraan Baginda yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Persidangan kali ini agak panas sikit dengan perkataan-perkataan liar. Yang dilontarkan oleh sebahagian pembangkang DAP. Jahil, dibuat kenyataan dalam dewan dan juga di luar dewan. Wang gelap di luar dewan. Itu bicara yang dibuat oleh pembangkang DAP dan juga oleh sebahagiannya oleh Parti Amanah lah. Tapi saya nak ucapkan tahniah kepada PAS yang menegur kerajaan dengan penuh hikmah dan hemah. Jadi ini buktilah, sekarang ini PAS jauh berubah daripada dulu. Sejak tak ikut telunjuk DAP ni lah. Walau bagaimanapun, sebelah petang tadi kita dihiburkan dengan kisah seorang Ahli Dewan wanita yang cekap menangkap monyet jantan. Jadi kepada ADUN yang berkenaan, saya nak ucapkan tahniahlah, boleh dijadikan pakar runding menangkap monyet di negeri Johor pada masa yang akan datang. Kepada DAP, saya nak melontarkan pepatah Melayulah. Sepanjang bicara mereka di dalam Dewan ini, sejak aktifnya 2008, kita faham, kita sedar, dan kita tahu sepertimana kata pepatah Melayu, *sekilas ikan di air, sudah ku tahu jantan ataupun betina. Terlajak perahu, boleh di tarik balik, terlajak kata, padah jawabnya.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejambak bunga, sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah merangka pelan kewangan negeri Johor yang terus meyakinkan dan saya yakin, akhirnya akan membawa kepada kesejahteraan kepada rakyat Johor, dan membantu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tertarik dengan empat strategi yang digariskan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dalam bajet yang telah di rangka. Satu, mengurangkan segala perbelanjaan yang tidak perlu. Ini langkah-langkah penjimatan yang ingin ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Kedua, meminimumkan pinjaman. Ketiga, meningkatkan pelaburan berkualiti dan akhir sekali, paling penting agar rakyat dapat ialah memodenkan sistem penyampaian kerajaan.

Ini bukti ketelusan kerajaan BN negeri Johor Yang Berhormat Dato' Speaker. Di mana Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri terlalu amat berjaga-jaga dalam menguruskan negeri Johor. Sudah lima tahun kita membuktikan perbelanjaan dalam bajet kita ialah bajet surplus. Tapi pembangkang cakap, dia pusing ayat dalam Dewan yang mulia ini, ada perbelanjaan defisit. Lagi kat luar Dewan, macam-macam cerita yang kita telah dengar melalui alam maya ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya masih ingat dalam Dewan ini, dalam, ada Ahli dalam Dewan ini yang pernah menyebut bahawa kerajaan negeri akan bankrap, kerajaan negeri Johor bankrap. Tuduhan liar. Tapi hari ini saya nak beritahu seperti yang di sebut, diperakui oleh Jementah, Jementah sendiri mengakui bahawa kita ada rizab RM3.8 bilion. Ini bukti kecekapan kita dalam mengurus kewangan negeri Johor. (Dewan bertepuk). Jadi saya minta, saya tak faham, kenapa selalu fakta ini dikelirukan.

Dan saya nak bentangkan tadi pasal tentang soal penyata kewangan. Ada perkara undang-undang tubuh 38, 39, 38(4), saya serahkan kepada kerajaan. Kerajaan yang akan membentangkan. Kalau dia faham sebab dah berlangsung 2008, Yang Berhormat Skudai dah duduk dalam Dewan ini sejak 2008. Dia patutnya tahu, tetapi menjadi tendensi beliau ialah nak mengelirukan dalam Dewan dan juga luar Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, topik yang hangat dibincangkan dalam Dewan ini ialah UEC. Tadi rakan saya dah sebut dengan jelas, Pemanis dah sebut, saya tak tahu apa lagi toleransi yang nak di buat oleh kerajaan BN yang diterajui oleh orang Melayu Yang Berhormat Dato' Speaker. Sepatutnya pembangkang DAP kena lihat sejarah, sejarah pembentukan negara bangsa ini, sosial kontraknya. Saya nak sebut tentang UEC ini. Tadi panjang rakan saya daripada Pemanis dan jelaskan. Saya nak buktikan betapa toleransinya kerajaan BN yang menerajui oleh orang Melayu.

YB Dato' Timbalan Speaker : Rengit. Rengit, jangan, taruk kat bawah tu, nota tu.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh nota ni eh? Saya tak baca, saya cuma angkat sahaja. Angkat pun tak boleh eh? Ini peraturan baru ke Yang Berhormat Dato' Speaker?

YB Dato' Timbalan Speaker : Taruk kat nota tu.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh, taruk kat bawah. Hakikatnya, kita dah lama toleransi. Toleransi pertama yang kita buat ialah mengiktiraf hak orang lain, kaum lain nak mengamalkan budaya dan anutan mereka. Itu dah cukup pengiktirafan yang paling besar, yang di buat oleh orang Melayu, kerajaan BN kepada negara ini. (Dewan bertepuk). Tapi hari ini dia bangkit lagi soal UEC. Negara lain ini tak ada Yang Berhormat Dato' Speaker, tak ada. Semua yang berlaku dalam Asia ini melalui proses asimilasi. Thailand, Indonesia, Filipina, cuma Malaysia ini beruntung. Patut pembangkang DAP ucap terima kasih kepada kerajaan BN yang diterajui oleh orang Melayu. (Dewan bertepuk).

Saya nak sebut satu lagi toleransi besar, pengorbanan. Toleransi besar yang di buat oleh kerajaan BN Melayu ini, yang diterajui, yang tiada tolok bandingnya. dalam Akta Pelajaran 1961, memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menghapuskan

sekolah, vernakular. Ada kuasa menteri, tetapi ha ini dengar, pembangkang DAP eh, dengar baik-baik. Sebagai menghormati hak bangsa lain, peruntukan ini dimansuhkan dalam Akta Pelajaran 1996. Menteri Pelajaran tak ada kuasa lagi untuk menghapuskan sekolah vernakular ini. Apakah ini tak bukti kepada kerajaan adilnya kepada semua kaum di negara kita.

Satu lagi saya nak bagi fakta, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dulunya dikategorikan sebagai sekolah bantuan modal. Tapi hari ini, hampir di tanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Ini termasuk hampir 400 buah sekolah SJKC yang di bina sepenuhnya oleh kerajaan. Apakah ini masih tak ada lagi toleransi Yang Berhormat?. Saya tak faham mengapa begitu kuat sekali dibangkitkan sekolah UEC ini.

Saya nak bagi rasionalnya, kenapa kita tak iktiraf UEC ini. Sistem pembelajaran dan subjek di ajar dalam bahasa Mandarin dan akan meminggirkan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar di sekolah menengah persendirian cina. Kedua, bagaimana kita nak menilai tahap kecintaan negara, jika pelajar ini tidak bercampur gaul bersama kaum. Ketiga, dibangkitkan oleh Pekan Nenas, kenapa pelajar daripada luar negara lain boleh tanpa sijil yang di iktiraf oleh negara, kelonggaran hanya khas kepada pelajar luar negara boleh ditimbangkan menggunakan sijil pendidikan mengikut standard negara mereka ketika memohon memasuki IPTA. Permohonan pelajar luar negara perlu mempunyai kelayakan SPM. Itu yang telah ditetapkan.

Kalau kita iktiraf mereka Yang Berhormat Dato' Speaker, ia akan memberikan banyak perkara, yang akan memberikan kesan besar kepada usaha kita nak menyatupadukan masyarakat di negara ini. Jadi, saya nak beritahulah kepada pembangkang DAP ini, pembangkang DAP harus lihatlah sejarah dan kerajaan BN yang diterajui oleh orang Melayu ini sebenarnya telah terlalu banyak bertolak ansur di negara kita. (Dewan bertepuk).

Bandingkan dengan Singapuralah, contoh yang selalu pembangkang DAP sebut, di Singapura itu, paling dekat, sebelah je tambak, ada sekolah cina saya nak beritahu. Ada? Saya nak tanya dalam Dewan ini, ada? Tak ada. Tapi di Malaysia ini banyak sekali. Tapi kenapa tuduh EXCO kita dalam Dewan ini jahil? Saya nak tanya dalam Dewan ini, siapa sebenarnya yang jahil? (Dewan bertepuk). Jahil, dangkal dari segi sejarahnya. Inilah yang menyebabkan akhirnya saya nak cakap, pembangkang DAP ini menyebabkan perpaduan dalam negara kita makin hari, makin habis Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana kita selalu sangat bertoleransi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, orang akhir ni saya tak tahu ada peluang masa ke?. Biasanya macam tak dapat peluang yang baik. Tiap-tiap tahun saya biasa bahagian akhir je. Saya amat setuju dengan cadangan Sungai Abong ini. Kisah rumah, ini tajuk *favourite* sejak daripada dulu ini. Kisah rumah Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah rumah. Rumah, harga ini harga yang tadi Sungai Abong sebut, ketamakan pemaju. Tak semua pemajulah, sebahagian besarnya. Bayangkan ada harga rumah yang sampai RM1 juta. Saya tengok yang dekat dengan Nusajaya ni, Dewan kita ni yang sebelah sana, harga dia RM1 juta. Itu nak jual kepada siapa sebenarnya?. Orang tempatan tak boleh beli Yang Berhormat. Harga rumah RM800,000.00, harga rumah RM700,000.00, ini tak adil kepada rakyat terbanyak. Kalau nak jual kepada orang luar,

matlamat kita nak membantu mensejahterakan rakyat tak tercapai Yang Berhormat. Jadi saya nak jelaskan di sebut oleh dalam jawapan bahawa kita nak bina 60,000 unit rumah, tapi saya nak minta EXCO jelaskanlah. Sebenarnya sehingga 2015 ini, bulan November ke, berapa jumlah rumah yang dah disiapkan dan dah di serah kunci kepada orang, penduduk. Kita nak tahu itu. Kita tak nak cerita 60,000, 60,000, 40,000, kita nak tahu berapa yang dah siap?. Kalau boleh, dalam jawapan EXCO tahun 2015, berapa yang dah siap. Lepas tu, nyatakan mengikut daerah. 2016 berapa dijangka? 2017 berapa? 2018 berapa? Dan seterusnya 60,000 yang di jangka siap pada 2016 berapa Yang Berhormat?

Sebab saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCOnya. Kalau dulu kita tengok pemaju tak nak buat langsung rumah mampu milik ini, rumah murah, rumah kos sederhana, sehingga tahun 2014, ada 100,000 unit rumah kos rendah dan sederhana yang tak di buat. Tapi hasil inisiatif dan gerak kerja yang di buat kerajaan, yang di pimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita dah dapat bergerak sehinggakan ada persetujuan daripada pihak pemaju 60,000. Saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri dan juga EXCO Perumahan yang terlibat. Ini bukan nak puji, saya bukan nak puji, saya tak puji awak Yang Berhormat. Saya tak puji, ini yang betul kita cakap. Dan saya tak tahu langkah *affirmative* ini, maksudnya kalau kita serahkan kepada pihak pemaju swasta, saya rasa kelompok ramai nak memiliki rumah yang mereka mampu milik tak begitu bergerak. Laju Yang Berhormat. Sebab itu saya cadangkan kalau boleh kerajaan negeri walaupun dalam bajet yang lepas dinyatakan ada peruntukkan sebanyak RM150 juta, untuk ambil pengambilan balik tanah untuk membina rumah, tapi saya rasa tidak mencukupi.

Kerajaan negeri ada RM3.8 bilion rizab. Kalau katalah kita ambil RM1 bilion untuk ambil PBT, sekurang-kurangnya kalau kita ambil duit tersebut, ambil buat PBT, 10,000 ekar tanah. Kalau mengira 1 ekar, RM100,000.00 tengok kawasan dan lokasi Yang Berhormat, dan 120,000 unit rumah yang boleh di bina oleh kerajaan melalui syarikat GLC. Saya minta kerajaan fikirkan cadangan ini, selain daripada 60,000 yang dia ada, sekarang ini, kita jangka permintaan semakin meningkat. Saya setuju dengan setengah pandangan daripada rakan, jangan tertumpu kepada kawasan Johor Selatan. Bagaimana di kawasan Johor Tengah dan Johor Utara. Jadi saya nak cadangkan Yang Berhormat, supaya memikirkan cadangan ini dan akhirnya akan boleh dapat membantu rakyat memiliki rumah yang selesa, kerana di situlah mereka lebih kurang 10 hingga 12 jam bersama keluarga.

Yang ketiga, yang nak saya sebutkan Yang Berhormat, ialah soal pertanian. Saya nampak dalam bajet ni, tak nampak sangat seperti yang disebut oleh Sungai Abong. Saya setuju dengan Sungai Abong, bahawa soal pertanian ini kurang diberi perhatian. EXCO Pertanian tak ada. Harga kelapa sawit sekarang mencecah harga yang cukup rendah. Dan, langkah-langkah segera perlu kita ambil bagi membantu petani di luar bandar untuk menghadapi keadaan ini. Sebab tu, yang lepas dalam sidang Dewan yang lepas, saya mencadangkan supaya difikirkan tanaman lain. Antara contoh yang saya nak bagi, ialah tanaman kelapa matak. Saya nak bawa lagi dalam sidang dewan ni. Dulu saya cerita pasal ayam hitam 3 ekor kalau nak dapat ilmu ni. Tapi, hari ni saya bagi ilmu ni teruslah kepada Ahli Dewan. Satu ekar Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh mengeluarkan pendapatan sebulan RM3,000.00. Satu ekar,

RM3,000.00. Kelapa sawit, satu ekar RM300.00. RM3,000.00 dengan RM300.00 mana yang banyak? Dan, rakan saya di kawasan Rengit dah buat pun benda ni. Dah berjaya. Lima ekar, dia boleh dapat pendapatan sebulan, hampir RM15,000.00. Ini kelapa anugerah ni.

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak payah jadi ADUN.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ya..

YB Dato' Timbalan Speaker : Tak payah jadi ADUN.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ha, betul. Ini tengah fikir ni. Kalau siap tanam, tak payahlah jadi ADUN (Dewan ketawa). RM15,000.00. Tapi, isu yang dihadapi ialah Yang Berhormat Dato' Speaker, benih. Pusat benih di Pagoh tak dapat membekalkan seluruh negara. Malah, di Negeri Johor pun tak cukup. Itu sebab saya mintak EXCO, fikirkan benda ni, dan kalau boleh buat pusat nurserinya di negeri Johor. Kalau ini dapat diselesaikan, ramai petani-petani akan menambahkan pendapatan mereka, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang keempat, Yang Berhormat Dato' Speaker ialah Rejuvenasi Desa. Ha, ini saya nak ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang mengambil inisiatif terbaru dalam nak mewujudkan desa di luar bandar ini, Yang Berhormat. Nak membugarkan balik desa. Saya dah cadangkan dulu, malah saya sebut, saya pernah melawat. Saya ada 23 kampung, ada 6,000 rumah. Saya dah pergi tiap-tiap rumah di dalam kampung. Saya pergi, dan kebanyakan tinggal warga-warga emas, ibu tunggal, keluarga yang agak berada dalam keadaan daif. Jadi kalau tak dibugarkan balik desa ini, akhirnya dari segi geopolitiknya Yang Berhormat, masa depan desa ini akan malap. Jadi, saya sambut baik rancangan Rejuvenasi Desa, dan contoh pun ada kat Rengit, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita menang di peringkat negeri, di peringkat negeri kita dah menang, peringkat kebangsaan, Kampung Terbaik.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukit Naning aje yang menang?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dia menang peringkat negeri je. Baru menang peringkat negeri, nak wakil peringkat kebangsaan. Kita dah menang peringkat kebangsaan. (Dewan bertepuk). Kampung Parit Tengah, bukan Parit Tengah, Bukit Naning, Rengit. Kampung Sungai Jambi, 2 kampung dah. Dan, hari ni, 2 kampung ini dilawati seluruh negara. Dan, saya melihat bila perubahan berlaku dalam kampung ini, anak-anak desa yang dulu duduk di bandar, kembali balik. Suasana desa menjadi lebih meriah. Ada peluang-peluang pekerjaan di dalam IKS. Kalau ini dapat, dapat dibuat, saya yakin Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ini akan dapat membantu kepada pembangunan desa, pembangunan semula desa. Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak sebutkan sikit. Saya nak buktikan kepada Pembangkang DAP ni eh. Selalu disebut, seolah-olah kalau dalam bicara mereka, saya nak sebutkan, agak negeri Johor, negara ini berada dalam keadaan tak selesa, tak aman. Dulu, orang tuduh Johor ni berlaku banyak jenayah. Itu dibuat oleh pemimpin, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Saya nak beritahu, kalau mengikut global *fits indeks*, *world ranking* dalam dunia, kita berada dalam tangga yang 28, tahun 2015. Tahun ini, kita berada di tangga yang ke-28. Di peringkat Asia, kita berada di tangga yang ke-5. Apakah ini bukti kecekapan kerajaan BN menguruskan negeri ini dengan baik? Walaupun penduduknya berbilang kaum, ditambah lagi hasutan-hasutan pembangkang DAP ini yang sepanjang masa, kita masih lagi boleh mengurus negeri ini dengan aman, lagi tenteram Yang Berhormat Dato' Speaker. 2014 ranking kita no. 6, di peringkat dunia 33. Maknanya, ada peningkatan. 2013, di peringkat dunia 29, di peringkat Asia 16. Itu bukti. Kita tak bercakap kosong. Mereka ni baru memerintah 2 penggal je, nampak dah bergaduh sesama sendiri. Betul tak? Bergaduh sesama sendiri. Tengok aje kat depan tu. Yang kat depan kita ni. Ada masa lagi. Saya dah cakap dulu dengan PAS, saya dah cakap. Saya cakap dengan PAS dulu, baik-baik dengan dia orang ni. Dia orang ni macam nak melepaskan pucuk dia orang ni. Dia dah lepas seberang, tongkat dilepaskan. Ha, ini yang berlaku pada PAS.

YB Dato' Timbalan Speaker : Pucuk aje yang dia lepas, dia punya pangkal jadi apa?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Maksudnya, dia nak lepaskan diri dia sendiri aje. Lepas tu, habis. Yang hari ini dia gunakan apa Yang Berhormat Dato' Speaker, dia gunakan Parti AMANAH. Tapi, hari ni dia tak datang. Itulah bukti. Dekat Selangor, nama kerajaan Pakatan Harapan, tapi masih lagi dengan PAS. Itu baru sikit aje, dah kacau bilau. Baru diberi kesempatan oleh rakyat untuk memerintah, 2 penggal, kita berapa penggal? Kerajaan BN? Kita tak mendabik dada pun. Tak dabik dada pun. Kita tahu kalau ada kelemahan, kita akan baiki, ada kekurangan kita akan betulkan, tapi kita tak pernah berprasangka jahat. Mereka, baru 2 penggal, apa jadi pada PAS? Disingkirkan begitu saja. Hari ini digunakan Parti AMANAH. Dan, DAP sekarang tengah buat gerakan. Rekrut budak-budak Melayu yang masih belum sadar. Kita dah tahu, sebab tu saya beri pepatah Melayu tadi, "sekilas ikan di air, sudah ku tahu jantan atau pun betina". Siapa sebenarnya DAP dalam negara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak bawa isu *local* sikit aje. 2 aje, eh 1 aje. Dekat Rengit ni Yang Berhormat Dato' Speaker, ada kedai barang terpakai, *second hand*, diuruskan oleh orang asli, Rengit. Menjana pendapatan yang cukup besar. Dan, malah saya nak beritahu ramai pelancong datang tapi, yang menyedihkan ialah kita dapat 40 unit kedai, tapi saya dah mohon banyak kali kepada Kemajuan Bandar dan Wilayah, sampai sekarang tak ada jawapan eh. Jadi saya bawa kepada Dewan ini, minta pertimbangan kerajaan negeri, difikirkan agar ditambah. Jangan bina pakai batulah, pakai konkrit. Pakai yang pasang siap pun mudah, zink, cukup. Sebab dia jual barang-barang terpakai. Dalam 100 unit. Kos dia tak banyak Yang Berhormat Dato' Speaker, lebih kurang RM3 juta lebih sahaja. Untuk membolehkan keadaan kompleks niaga bahan terpakai ini lebih tersusun, lebih menarik pengunjung datang di kawasan tersebut, Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, waktu 4.58.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila gulung, Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Saya akan berhenti. Jadi, saya dengan ini, menyokong usul yang dibawa oleh Semarang. Sekian saya sudahi dengan terima kasih.

Ok, terima kasih Rengit. Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya berakhirlah Persidangan kita pada hari ini, dan kita sambung, kita tangguhkan ke jam 9.30 pagi, 29 November 2015.

Persidangan ditangguhkan jam 5.00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEENAM	AHAD, 29 NOVEMBER 2015	BIL. 10 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI,PSI
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi, salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari ini sampailah giliran Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan akan menjawab atau pun menggulung segala perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat selama empat hari yang lalu. Jadi, sama-sama kita akan mendengar penggulungan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

YB Encik Mohd Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Bencana jerebu teruk melanda seluruh negeri Johor sekarang. Apakah pelan-pelan kecemasan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri apabila indeks pencemaran udara (IPU) menunjukkan kualiti udara yang tidak sihat?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

Baru-baru ini Negara kita telah diancam oleh masalah jerebu disebabkan oleh pembakaran hutan di Indonesia dan telah menyebabkan banyak sekolah terpaksa ditutup. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini pada masa akan datang?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Untuk memantau masalah jerebu dengan lebih berkesan, jelaskan usaha Kerajaan dalam memasukkan unsur PM2.5 dalam bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) Malaysia yang merangkumi tarikh pelaksanaan serta perubahan kepada klasifikasi bacaan indeks.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar : Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker**,** Malaysia telah dilanda episod jerebu merentas sempadan bermula dari 22 Ogos hingga 26 Oktober 2015. Meskipun tahap jerebu pada tahun ini tidak menyebabkan darurat, disiarkan seperti mana pada tahun 1997 di Sarawak, 2013 di Muar dan Ledang, dan 2015 di Pelabuhan Klang dan Selangor. Episod jerebu merentas sempadan pada tahun ini dianggap antara yang terburuk kerana melibatkan seluruh negeri-negeri di Malaysia dan berlanjutan melebihi tempoh 2 bulan. Ini sedikit sebanyak telah merubah cara hidup dan aktiviti seharian kita. Semasa tempoh jerebu berlaku, satu kawasan iaitu di Shah Alam, Selangor telah mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tertinggi pada 4 Oktober 2015 dengan bacaan sebanyak 308, yang diklasifikasikan sebagai bahaya, berbahaya.

Punca kejadian jerebu adalah disebabkan pengaruh angin dari arah Barat Daya yang membawa pencemaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Selain keadaan cuaca panas dan kering di rantau ini, keadaan jerebu telah diburukkan lagi dengan beberapa kejadian Ribut Tropika di rantau ini pada bulan September dan Oktober 2015. Kejadian Ribut Tropika iaitu *dajuan, mujigae, koppu dan champi* menyebabkan kecelaruan dalam corak tiupan angin dan angin dari arah Barat Daya berterusan membawa asap jerebu ke Malaysia dalam tempoh yang tersebut.

Semasa kejadian jerebu melanda, tanggungjawab dan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah berjaya memantau kualiti udara secara konsisten melalui pendekatan secara automatik dengan menggunakan 4 buah stesen pengawasan kualiti udara yang terletak di Muar, Larkin Lama, Pasir Gudang dan Kota Tinggi yang mengeluarkan bacaan Indeks Pencemar Udara atau lebih dikenali sebagai IPU. Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah memasang 4 buah stesen manual sementara di daerah Batu Pahat, Kluang, Segamat dan Ledang yang digunakan sebagai rujukan tambahan selain stesen sedia ada. Pengawalan di negeri Johor, satu lagi projek yang berlipat tinggi, yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar sejak Rancangan Malaysia Ke-10 ialah pengurusan tanah gambut di seluruh negara bagi memastikan pembakaran terbuka tidak berlaku dan lebih terkawal.

Seperti mana yang kita maklum, salah satu punca jerebu ialah kebakaran tanah gambut. Selain daripada apa yang berlaku di Indonesia, antara faktor yang menyebabkan bencana ini termasuklah keadaan tanah gambut yang kering dan mudah terbakar, kekurangan sumber air bagi membolehkan pihak bomba memadamkan kebakaran dengan segera, serta kurangnya kesedaran sama ada di pihak pemaju tanah gambut atau dan orang awam. Untuk menangani masalah tersebut, Jabatan Alam Sekitar telah menggunakan tiga pendekatan iaitu pembinaan sekatan saliran (c*heck dam*) , telaga air tanah (*tube well*) dan pemantauan melalui rondaan serta menggunakan menara tinjau kebakaran. Dengan mempraktikkan konsep satu NRE, Jabatan Alam Sekitar telah mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak NRE, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah jerebu ini pada masa akan datang

adalah memantau rapi status dan tren kualiti udara setiap jam melalui stesen-stesen pengawasan automatik kualiti udara yang sedia ada di empat stesen yang saya sebutkan tadi dan saya nak maklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar dalam proses untuk menambahkan lagi empat stesen baru pada tahun hadapan iaitu di Kluang, Batu Pahat, Segamat dan Pengerang.

Menjalankan operasi pencegahan pembakaran terbuka melibatkan rondaan darat atau udara dengan memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang sering terbakar dan sering menerima aduan seperti kawasan pembinaan, kawasan tanah gambut dan kawasan tanah pelupusan sampah. Menjalankan penguatkuasaan ke atas punca tetap dan tidak tetap terutamanya ke atas industri yang mempunyai kemudahan alat pembakar bahan api seperti *boiler* dan alat kawalan pencemar udara serta cerobong yang dikesan melanggar tahap pematuhan syarat pelepasan termasuk aktiviti kerja permukaan tanah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan berusaha untuk menyelesaikan masalah dengan menyatakan pendirian dan gesaan terhadap isu jerebu merentas sempadan termasuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap pesalah yang menyebabkan jerebu serantau akan dibawa pada mana-mana mesyuarat seperti mesyuarat jawatankuasa pemandu peringkat menteri iaitu *Subregional Ministrial Stering Committee On Transboundary Pollution* dengan izin dan kumpulan kerja teknikal, *Technical Working Group*, Mesyuarat ASEAN *Senior Official On Environment* dan Mesyuarat Conference Of Parties to the ASEAN *Aggrement On Transbonding Pollution*.

Perbezaan bacaan IPU Malaysia, di Singapura dan Malaysia disebabkan oleh sistem pengiraan indeks yang berbeza. Negara Singapura telah melaksanakan kiraan PSI, *Pollutant Standard Indeks* atau IPU berdasarkan habuk halus bersaiz kurang daripada 2.5mikrometer semenjak 1 April 2014, sedangkan IPU di Malaysia masih berdasarkan habuk halus bersaiz kurang drpd 10mikrometer PM 10. Justeru itu, kiraan PSI di Singapura berdasarkan parameter 2.5 akan memberikan bacaan yang lebih tinggi berbanding kiraan IPU berdasarkan PM 10 di Malaysia. Walau bagaimanapun, pengiraan indeks mengikut parameter PM10 masih diterima mengikut standard protokol antarabangsa seperti *United State Environment Protection Agency* yang telah kita jadikan sebagai satu penanda aras, *bench marking*. Selain Malaysia, negara-negara lain di rantau ASEAN yang menggunakan PM10 dalam penentuan air kualiti indeks atau pun *Pollutant Standard Indeks* adalah Thailand, Indonesia dan Brunei, manakala hanya Singapura menggunakan kiraan bagi kedua-dua PM2.5 dan PM10.

JAS telah membangunkan standard kualiti udara ambien yang baru dengan memasukkan pencemar PM2.5 sebagai salah satu pencemar utama yang akan dikira dalam penentuan indeks pencemar udara IPU. Pengukuran pencemar PM 2.5 dalam rangkaian pengawasan stesen kualiti udara kebangsaan, dijangka akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada tahun 2017.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tenang.

YB Encik Mohd Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru-baru negara telah mengalami jerebu yang agak teruk dan negeri Johor juga khususnya turut dilanda jerebu yang boleh disifatkan sebagai menjejaskan

banyak persekolahan dan juga premis-premis perniagaan. Jadi di sini bacaan IPU setiap masa daripada tahap sederhana hinggalah ke peringkat merbahaya telah pun meningkat daripada semasa ke semasa. Jadi soalan tambahan saya, terdapat sedikit perbezaan bacaan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar sebentar tadi iaitu di Singapura khususnya. Jadi adakah IPU di negara kita ini mengikut standard protokol antarabangsa kerana timbul perbezaan atau kekeliruan di sini. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah sebutkan bahawa parameter PM10 mengikut Standard Protokol Antarabangsa iaitu *United States Environmental Protection Agency.* Dan ianya digunakan oleh negara-negara serantau kecuali Singapura yang mula menggunakan PM2.5 pada 1 April 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya walau pun perbezaan itu berlaku tetapi ada masa-masa tertentu, bacaan di Johor lebih tinggi berbanding dengan Singapura kerana pada ketika tertentu partikel yang ada di udara mungkin agak sedikit kasar yang tak dapat dicerap dengan menggunakan PM2.5, tetapi itu tidak menjadi masalah sama ada angkanya 0, angkanya 100 ataupun angkanya 300 tetapi yang penting apakah yang kita lakukan sebagai rakyat apabila kita mengetahui keadaan bacaan-bacaan tertentu sampai ke kategori-kategori tertentu. Kita hanya membicarakan tentang angka, kita marah kenapa angka berbeza, kenapa Singapura tinggi, kenapa Malaysia tinggi, tetapi kita tidak ambil iktibar daripada angka tersebut. Kita kadang-kadang Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita kadang-kadang rasa bingung, bingung sikit-sikit sebab kita mempersoalkan tentang angka, stesen IPU ini yang dibina untuk kita berwaspada siap siaga dari segi kesihatan. Apabila sampai 0 hingga 100, dengan keadaan yang baik dan juga sederhana, apabila 0.1 hingga 200 tidak sihat, apa tindakan yang perlu kita lakukan? Tetapi rakyat Malaysia tidak berfikir demikian. Saya yakin selepas ini pun akan bercakap tentang angka, bukan bercakap tentang kesan yang boleh kita ambil iktibar daripada angka tersebut.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan dengan masalah jerebu dan stesen IPU 2.5 ini. Yang pertama sekali ingin saya tunjukkan bahawa, dalam menangani masalah jerebu ini, dalam laporan UPEN Johor ini berkenaan dengan pencemaran air, bunyi dan udara , saya nak tunjukkan pencemaran di Malaysia, di mana kita sebagai rakyat Malaysia....

YB Tan Sri Speaker : Ini soal jerebu tau Yang Berhormat. Soal jerebu.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Ya soalan jerebu. Ini udara ini maksudnya ada kaitan dengan pembakaran-pembakaran haramlah. Ini ada menampakkan angka yang semakin meningkat. Nampaknya di sini kita juga harus ambil perhatian bahawa sejak tahun 2012 sampai 2014 angka telah meningkat daripada 343 kepada 521. Jadi saya rasa sesuatu perlu dilakukan juga untuk pembakaran haram di Johor ini supaya kita juga sambil marah kepada Indonesia, saya rasa kita perlu juga memberi

penguatkuasaan yang lebih terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab di Johor ini. Kemudian yang kedua adalah saya mengucapkan tahniahlah ke atas usaha untuk membinakan stesen baru di Kluang, Batu Pahat, Segamat dan akan memasukkan IPU 2.5 yang selaras yang lebih halus. Jadi, soalan saya adalah berapakah kos penubuhan IPU yang baru ini bila kita memasukkan PM2.5 ini dan adakah stesen-stesen yang baru itu Kluang, Batu Pahat, Segamat semua ini akan masukkan PM2.5 supaya rakyat tidak lagi keliru dengan dua, tiga bacaan dan akhirnya nanti menyebabkan banyak kekeliruanlah dan kemarahan. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada banyak soalan. Sebenarnya bacaan yang ada ini kita tidak mengelirukan rakyat. Yang keliru Wakil-Wakil Rakyat lah. Kita tak keliru. Sejak dulu kita gunakan PM10, dan kita menerimanya. Hanya kerana Singapura bermula pada 1 April, kita bergaduh kenapa tak gunakan PM2.5, kenapa gunakan PM10? Saya sebutkan bahawa PM10 dan PM2.5, walau pun keadaannya berbeza tetapi tindakan yang kita gunakan adalah sama. Saya ambil contoh. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan apabila nak umumkan tentang cuti sekolah. Saya pun berbincang dengan Yang Berhormat Pengerusi Pendidikan dan kita meletakkan bahawa 150 bacaan IPU itu adalah merupakan satu tanda aras bagi sekolah ditutup. Tetapi di Singapura 200. Ianya sama. Seperti saya katakan tadi bahawa ada keadaan-keadaan tertentu PM 10 bacaannya lebih baik daripada PM 2.5 kerana partikel ampaian yang ada di udara sedikit kasar yang tak dapat dicerap oleh 2.5. Seperti saya katakan tadi bahawa kita jangan keliru dan juga terkeliru dan juga mengelirukan masyarakat. Kalau Wakil-Wakil Rakyat keliru, apatah lagi masyarakat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti saya katakan tadi bahawa penggunaan PM 2.5 bermula pada tahun 2017. Empat stesen yang akan dibina pada tahun hadapan masih lagi menggunakan PM 10. Setiap satu stesen tersebut, kosnya adalah RM1.2 hingga RM1.3 juta. Terima kasih.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu soalan sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, adakah Jabatan Kesihatan membekalkan topeng kepada sekolah-sekolah yang telah terpaksa ditutup kerana masalah jerebu? Jika ya, berapakah bilangan topeng yang telah diberi mengikut daerah. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ini satu kenyataan lagi. Rakyat Johor ni semua nak percuma. Topeng nak percuma, semua nak percuma. Kita beritahu takkanlah kita tidak boleh berusaha untuk membeli topeng-topeng tersebut dengan kadar harga RM0.30, RM0.50, itu pun hendak kerajaan bagi. Kalau kerajaan tak bagi, jiun macam tu. Dan apabila kita bagi penutup topeng tersebut yang biasa, dia kata, saya nak yang N95. Dia nak, kita bagi yang biasa, dia nak yang N95. Habis kita kata, awak gaduh-gaduh tentang topeng ni, awak pakai tak? Tak. Tak guna Datuk Speaker. Itu yang kata kita terkeliru. Sedangkan apakah tindakan, Jabatan Kesihatan dah sebutkan bahawa kita perlu untuk memberikan perhatian terhadap keadaan-keadaan tertentu dengan kurangkan

aktiviti. Orang main golf banyak lagi. Kita kata kurangkan aktiviti tapi kat padang golf orang main golf lagi. Kita kata kanak-kanak jangan, kurangkan aktiviti di luar, masih lagi ramai dan sebagainya. Dan sebenarnya, ambillah inisiatif sendiri. Saya rasa Buloh Kasap, beberapa tempat di tempat saya, kita beli 3,000 kita bagi kat sekolah, apa salahnya sebagai jariah. Takkan nak tunggu kepada Jabatan Kesihatan. Jabatan Kesihatan memang bagi terutamanya kepada pesakit-pesakit kronik yang datang, yang datang ke hospital ataupun klinik. Kalau YB-YB rasa kronik, datanglah ke hospital dan juga klinik untuk dapatkan bekalan percuma (Dewan ketawa).

YB Speaker : Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan Semarang nombor 4.

Berapakah bilangan rumah para asnaf yang telah dibaiki melalui Skim Bantuan Zakat Rumah dalam negeri Johor dan berapakah kadar maksimum kos yang diberikan untuk setiap rumah?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Semarang di atas soalan yang diberikan iaitu berkaitan dengan bantuan rumah yang disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Untuk makluman Dewan, pada tahun 2015, pada tahun ini Majlis Agama Islam Negeri Johor daripada peruntukan wang zakat, telah pun diperuntukkan sebanyak RM11 juta bagi membina 250 rumah baru dan RM1.5 juta bagi membaik pulih rumah. Sehingga Oktober 2015, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah pun meluluskan pembinaan 188 buah rumah baru dan 105 baik pulih melibatkan perbelanjaan keseluruhan RM9,284,500.00. Di mana kos pembinaan rumah, setiap rumah adalah sebagaimana berikut; RM40,000.00 untuk tiga bilik di mana keluasannya 20 kaki x 30 kaki persegi, RM38,000.00, dua bilik 20 x 28 kaki persegi, dan RM28,000.00 satu bilik 20 x 25 kaki persegi. Manakala bagi baik pulih rumah kos adalah tidak melebihi sebanyak RM20,000.00.

Manakala, selain daripada itu juga, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah pun mewujudkan satu inisiatif baru dalam menangani masalah penempatan rakyat miskin dalam bandar melalui pembelian rumah kerajaan untuk menempatkan golongan fakir dan miskin yang memerlukan rumah. Di mana inisiatif ini memberi ruang kepada fakir dan miskin mendiami rumah transit ini secara sementara dan percuma sehingga mereka mampu berdikari dan terkeluar dari garis kemiskinan. Ianya melibatkan sasaran 1,000 buah rumah transit di seluruh negeri Johor dan di peringkat awalan, pembelian 150 unit rumah pangsa di Taman Cendana, Pasir Gudang daripada kerajaan negeri Johor melalui konsep sewa beli. Dan untuk makluman Dewan juga, selain daripada itu juga ada beberapa lagi projek-projek pembelian rumah oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor iaitu di EDL, perumahan EDL, di Seri Alam dan juga Kangkar Tebrau.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan sekalian, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah mengubah konsep ataupun kos, menambahkan lagi kos pembinaan setiap bantuan rumah daripada RM40,000.00 kebenaran itu bagi tiga bilik telah pun dinaikkan kepada mencecah RM50,000.00 berdasarkan keperluan.

Selain dari itu juga, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor akan terus memperbaiki dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah rumah fakir miskin di kawasan luar bandar. Maka dengan sebab itu, yang sekarang ini sedang dilaksanakan dan insya-Allah iaitu pada bulan dua, iaitu Februari 2016, iaitu Fasa 1 di Tenglu sebanyak lebih kurang 32 unit akan disiapkan dan boleh ditempatkan fakir-fakir miskin ataupun mereka yang memerlukan rumah dan begitu juga di Bukit Kepong lebih kurang 35 unit, dan begitu juga di Simpang Renggam dan begitu juga di Batu Pahat dan Kota Tinggi. Di mana lokasi-lokasi tersebut telah pun dikenal pasti dan kita hanya dapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk melaksanakan program bantuan rumah di kawasan luar bandar. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Terima kasih di atas penjelasan. Sekadar untuk mendapatkan keterangan lebih lanjut. Peruntukan untuk membaiki rumah para asnaf ini disediakan sama ada kuotanya ataupun berdasarkan permintaan sepanjang tahun, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Semarang. Seperti yang saya pernah menyatakan dalam soalan-soalan yang perbahasan sebelum ini, bahawa pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor tidak meletakkan kuota untuk bantuan rumah. Sebab berdasarkan keperluan, orang yang susah ni pun tidak ada kuotanya sebenarnya. Dia pun tak nak masuk dalam kuota orang miskin. Jadi, kita sebenarnya, peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor apabila kita dapat bantuan, dapat sumbangan zakat, bayaran zakat daripada masyarakat Islam pada hari ini, maka asnaf tu yang utamanya iaitu fakir miskin tu kita lihat apa keperluan mereka. Sebagai contoh, kita faham bahawa kekangan ataupun keperluan dari segi kewangan itu mungkin makin tahun makin meningkat, sebab tu kita tak letakkan kuota. Tapi kaedah yang kita gunakan, mekanismenya seperti kita membantu mereka tadi ni mewujudkan rumah transit dengan kaedah kita sewa beli, jadi kalau kita berikan mereka bantuan rumah dan kita berikan terus kepada mereka, jadi kalau kita lihat dengan kos yang begitu banyak, tetapi apabila kita menggunakan kaedah sewa beli ataupun mewujudkan rumah transit kalau di luar bandar, maka kita akan dapat mengurangkan kos dan ramai lagi yang kita boleh bantu. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Yong Peng jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Apakah langkah yang telah atau bakal diambil oleh kerajaan untuk promosi bidang agrikultur dan berapa ramai yang telah berjaya menuntut faedah tersebut dan mohon senaraikan mengikut umur dan bangsa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan dari Yong Peng, apakah langkah yang telah dan bakal diambil oleh kerajaan untuk promosi bidang agrikultur dan berapa ramai yang telah berjaya menuntut faedah tersebut dan mohon disenaraikan mengikut umur dan bangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini Jabatan Pertanian terus melaksanakan program-program bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat di negeri Johor melalui aktiviti pengembangan dengan pemindahan teknologi terutamanya yang melibatkan pekebun-pekebun kecil dan menyalurkan bantuan, promosi, insentif untuk menggalakkan mereka mengamalkan teknologi terkini bagi meningkatkan pengeluaran dan seterusnya pendapatan mereka.

Pada tahun 2015, kerajaan telah memperkenalkan ataupun mempromosikan projek bantuan bagi peningkatan pengeluaran sayur-sayuran. Di bawah program ini, promosi dan bantuan yang diberikan meliputi input tanaman dan infrastruktur projek seperti pembersihan kawasan, pembajaan, jalan ladang, sistem pengairan, pam air, perkhidmatan telaga tiub, pagar, peralatan pertanian, benih, baja dan juga racun. Kadar peruntukan yang disediakan ialah maksimum RM6,000.00 sehektar. Sasaran pendapatan purata peserta projek adalah di antara RM1,000.00 sehingga RM3,500.00 sebulan. Sehingga kini, peruntukan yang telah diluluskan ialah sebanyak RM1,00,902.00. Seramai 255 peserta menerima faedah melibatkan keluasan sebanyak 865 hektar.

Agihan faedah yakni bantuan adalah berbeza-beza mengikut tanaman, keluasan projek, bilangan pekerja dan kemahiran pengurusan terhadap tanaman yang mereka usahakan. Mengikut maklumat penerima bantuan yang terdiri daripada bangsa Cina seramai193 orang, bangsa Melayu seramai 59 orang dan lain-lain bangsa seramai 3 orang. Peserta yang berumur di bawah 40 tahun adalah terdiri daripada 11 orang iaitu bangsa Melayu seramai 8 orang dan bangsa Cina seramai tiga orang. Peserta yang berumur melebihi 65 orang, dua orang yang menerimanya, satu bangsa Melayu dan satu bangsa Cina. Lain-lain peserta berusia antara 41 hingga 64 tahun iaitu 50 orang bangsa Melayu, bangsa Cina, 189 orang dan lain-lain tiga orang. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih jawapan yang diberi oleh YB EXCO. Soalan tambahan saya, semasa Yong Peng melawat ke Taiwan, mengikut pemerhatian kita, mengikut pemerhatian, hasil tanaman pengusaha di sana memang cantik dan mereka sebenarnya memang dapat bantuan dari kerajaan untuk memperolehi benih yang berkualiti baik untuk menambah hasil tanaman mereka. Sebenarnya, benih yang berkualiti adalah salah satu punca yang menentukan kualiti dan kuantiti hasil tanaman pengusaha. Bagaimana kerajaan dapat memastikan hasil kaji selidik makmal di universiti tempatan khasnya aliran agrikultur dapat diperolehi oleh para pengusaha? Pengusaha juga menghadapi

masalah kekurangan tanah pertanian. Bagaimana kerajaan pastikan pengusaha yang sedia ada di Projek Pertanian Moden Air Hitam dengan kadar sewaan yang rendah iaitu RM80.00 satu ekar satu tahun, cukai tanah RM28.00 hingga RM70.00 seekar dalam setahun, betul-betul menggunakan tanah tersebut dan bukan disewa ke pihak kedua dan ketiga? Dapati di Kampung Tenang, Labis ada 7 kandang *fidlot*, u*nder National Fidlot.* Sekarang kandang ini telah ditutup lama. Di Labis dan Yong Peng ada ramai pembela lembu, apa rancangan dari kerajaan menyewa atau menjualkan kandang-kandang tersebut kepada mereka yang berminat? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Dua, tiga soalan tu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banyak sangat soalan dia tu dan walau bagaimanapun saya akan cuba menjawab. Yang pertamanya tentang benih, bahawa Jabatan Pertanian kita sentiasa memberikan benih yang bersesuaian kepada para petani yang mana jika para petani ingin memohon benih-benih yang bersesuaian yang mereka ingin tanamkan. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, selain daripada kita bagi rumput-rumput kita juga memberi benih-benih yang bersesuaian jika kita melihat sesuatu benih itu sesuai untuk kita berikan kepada pihak petani. Antara contohnya cili, sayur-sayuran termasuk juga kalau bidang ternakan juga ada juga memberi baka-baka yang baik kepada petani atau juga penternak. Mengenai pertanian moden kita juga sentiasa membantu pihak memberi khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha komersial yang mengusahakan di sana. Dan juga, kita sentiasa melihat supaya tidak ada salah laku yang dilakukan oleh pihak petani di sana contohnya menyewakan kepada pihak lain. Pihak jabatan atau pengurusan di Pertanian Moden sentiasa memantau pengusaha-pengusaha di sana yang mana ada sebahagiannya, sebahagian kecilnya tidak dapat memenuhi keperluan kita sentiasa membimbing untuk memastikan Projek Pertanian Moden yang di Ayer Hitam itu dapat berjalan sepertimana yang dikehendaki.

Bagi penternakan di Yong Peng, insya-Allah saya akan minta Jabatan Veterinar untuk melihat perkembangan di sana untuk kita terus bantu kalau sepertimana yang kita sedia maklum, TKPM di Segamat telah kita perbaiki, kita kenal pasti untuk kita baik pulih dan juga kita dapatkan peruntukan daripada *Federal* untuk memastikan program ternakan di TKPM khususnya di kawasan Segamat dapat kita pertingkatkan. Kita mengakui beberapa baka yang bersesuaian perlu kita bantu ataupun kita berikan kepada penternak-penternak khususnya dalam negeri Johor kerana ada sebahagian baka yang tidak bersesuaian dapat kita perkenalkan baka-baka ternakan yang tertentu untuk memastikan pengeluaran ternakan akan terus dapat dipertingkatkan. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Speaker. Soalan saya adakah kerajaan negeri mempunyai program baru untuk membantu petani-petani orang muda supaya mereka boleh menjadi usahawan kerana dalam dunia kompetitif ini mereka perlu disemai dari permulaan sehingga permasalahan.

YB Tan Sri Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam soalan penggulungan saya sebenarnya saya dah akan nyatakanlah tentang program untuk menggalakkan orang muda dalam keadaan hari ini, kita sedia maklum tanah yang terhad penglibatan orang muda agak kurang. Kerajaan negeri melalui tahun lepas sebenarnya kita telah mengusahakan satu program fertigasi tidak memerlukan satu keluasan yang besar hanya suku ekar ataupun setengah ekar sahaja boleh mendapatkan pendapatan hingga RM6,000.00 sebulan. Begitu juga kita menggalakkan penggunaan Bio Em untuk memulih tanah-tanah yang kita lihat bila menggunakan baja kimia yang menyebabkan tanah ini rosak dan kita baik pulih tanah-tanah berkenaan. Jadi untuk orang muda kita ada program-program tertentu untuk galakan mereka ada contoh-contohnya yang akan saya terangkan dalam penggulungan nanti. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta penjelasan berapakah jumlah rumah mampu milik Johor yang telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pembeli / penerima sehingga bulan September 2015 mengikut daerah. Nyatakan bilangan unit RMMJ yang dalam pembinaan mengikut daerah yang telah dipersetujui antara kerajaan negeri dan pemaju.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Rengit memberi soalan meminta penjelasan berapakah jumlah rumah-rumah milik yang telah siap di bina dan diserahkan kunci kepada pembeli atau penerima sehingga bulan September 2015 mengikut daerah. Nyatakan bilangan unit RMJ yang dalam pembinaan mengikut daerah yang telah dipersetujui antara kerajaan negeri dan pihak pemaju.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat melalui pemantauan yang dijalankan oleh *task force* perumahan negeri Johor sehingga November 2015 sejumlah 4,449 unit Rumah Mampu Milik yang telah siap dibina di seluruh negeri Johor dan berikut adalah butirannya. Di mana daerah Johor Bahru, 2,566; Kulai, 6 unit; Muar, 63 unit; Batu Pahat, 417 unit; Kluang, 677 unit; Segamat, 253 unit; Ledang, 53 unit; Kota Tinggi, 157 unit; Mersing, belum siap lagi; Pontian, 227. Jumlah antara 2014 hingga ke 2015 adalah 4,449 unit. Berdasarkan jumlah ini adalah 1,537 unit telah siap sepenuhnya dan telah ditawarkan kepada pemohon yang layak. Manakala, 297 unit dalam proses selesai CC dan sebanyak 2,615 unit lagi dalam status lebih 80% siap dan dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung Disember 2015.

Untuk tambahan makluman untuk makluman Tan Sri Speaker, daripada tahun 2013 sehingga 2015 terdapat 69 projek Rumah Mampu Milik telah di daftarkan untuk jualan dan sedia ditawarkan kepada awam. Daripada 69 projek ini, sejumlah 10,828 unit Rumah Mampu Milik telah pun dikeluarkan surat tawaran kepada pemohon yang

layak dalam tempoh 2 tahun. Yang tadi adalah jumlah yang siap, tetapi sebenarnya kita dah tawarkan berdasarkan 2 tahun ini sebanyak 10,828 unit Rumah Mampu Milik. Dan, saya ingin tambah sikit lagi maklumat berkenaan dengan insentif pemberian *voucher* yang di umumkan oleh Yang Berhormat pada 2015 seramai 242 penerima kunci rumah telah membuat tuntutan *voucher* RM1,000.00 dan ini adalah perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada untuk mengurangkan kos permulaan untuk masuk. Jadi, kita hendak maklumkanlah jangan ada di pihak pembangkang kata kita tiru negeri Selangor, Selangor baru buat tahun ini kita dah buat tahun lepas (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Rengit.

YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Terutamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk EXCO yang menjelaskan bilangan rumah yang telah siap di bina sehingga September 4,499. Sasaran kita ialah dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat 60,000. Melihat kepada angka ini, saya ada kerisauan sikitlah. Bukan sikitlah banyak Tan Sri Speaker. Tambah kalau tengok peringkat daerah ini pun terlalu sikit. Apa sasaran kita di peringkat daerah? Di peringkat daerah itu berapa banyak yang kita janjikan untuk kita buat mengikut daerah-daerahlah? Sebab sehingga tahun 2014 data yang ada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau ikut dasar perumahan kerajaan negeri ini ialah dia kena bina rumah kos sederhana rendah, rumah rendah 30% lebih kurang macam itulah. Kalau salah tolong betulkan Yang Berhormat EXCO. Tapi 2014 berdasarkan jawapan dalam Dewan yang mulia ini, 100,010 unit rumah yang patutnya pemaju buat tetapi pemaju tidak buat. Kalau kita campurkan ini ada banyak rumah yang mampu milik yang kita boleh buat di negeri Johor. Jadi kepada pemaju yang gagal ini Yang Berhormat, apa tindakan yang kita buat, langkah-langkah kita buat? Dan, kepada pemaju yang berjanji 60,000 ini hendak buat sehingga 2019 kalau dia setakat janji sahaja tapi dia tidak buat, apa tindakan yang boleh kita ambil? Jadi saya hendak tanya tadi soalan, dekat peringkat daerah itu berapa sasaran dia? Pemaju yang dah ada dalam dasar 100,010 itu yang tidak buat itu mungkin bertindih dengan 60 ini apa tindakan yang patut dibuat dalam melaksanakan skim perumahan mampu milik bagi membolehkan rakyat hidup lebih sejahteralah ya? Itu sahaja, itu soalan tambahan saya.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada ADUN Rengit. Ada tiga soalan yang saya kena jawab. Seperti apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat dalam sidang Dewan baru-baru ini, sejumlah 60,000 Rumah Mampu Milik akan terbina sehingga 2019 dan pada 2018 kita akan siap sebanyak 46,000 yang kita, dan untuk makluman Tan Sri Speaker, kita mengikut daerah-daerah kalau berdasarkan *task force* daerah saya makluman berdasarkan 2019 kebetulan selepas ini ada ucapan penggulungan, Johor Bahru sendiri siap pembinaan yang kita berdasarkan daripada pemantauan kita mengikut *task force* peringkat negeri, sebanyak 27,853 unit. 27,853 unit kalau ikut sasaran awal 20,000 yang kita akan buat di kawasan Iskandar, tetapi kalau ikut sekarang ini dah mencecah 27,853. Kulaijaya butirannya satu-satu ada tetapi saya tidak perlu sebut dia pasal, dia akan siap berperingkat-peringkat. Contoh macam

Kulaijaya, 2014 tidak ada yang siap, tetapi 2015 dia siap 6, 2016 dia siap 215 unit, 2017 dia akan siap 508 unit, 2018 dia akan siap lagi 2,664 unit, 2019 dia akan siap 1,481 jumlah akan siap 4,874 dia ikut *progress* ya. Kita tidak boleh celik mata terus siap tidak boleh, dia ikut *progress.* Jadi, Muar jumlah 2,712 nanti *detail* saya akan bagi pada Yang Berhormat ya. Saya pergi yang jumlah sahajalah. Batu Pahat 6,858, Kluang 7,088, Segamat 3,421, Ledang 2,626, Kota Tinggi 2,473, Mersing 720, Pontian 1,582 jadi jumlahnya lebih kurang 60,000 lebih. Jadi, tapi yang kita *commit* kepada 60,000 ya. Jadi, kalau lebih itu maknanya satu peringkat perkara yang boleh mendatangkan manfaat.

Dan dari segi pemantauan kita, kita tahu semenjak *task force* perumahan ini dibentuk sejumlah 100,080 unit rumah murah dan sederhana murah tidak dilaksanakan oleh pihak-pihak pemaju dan langkah-langkah yang kita lakukan adalah kita membekukan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh mereka-mereka yang gagal melaksanakan. Sebab itulah, kita panggil satu persatu pemaju-pemaju terbabit untuk kita membantu menyelesaikan bagaimana, kenapa mereka tidak melaksanakan? Akhirnya mereka mengubah kepada dasar Rumah Mampu Milik di negeri Johor yang mempunyai tiga jenis pembangunan di dalam Rumah Mampu Milik Johor berharga RM42,000.00; RM80,000.00; RM150,000.00 dan rumah kedai mampu milik. Jadi, daripada situlah pengurangan itu dia ikut peratusan dan berkurangan berdasarkan jumlah. Dan akhirnya kita mendapat jumlah sebanyak 60,000. Tetapi jumlah ini akan terus meningkat berdasarkan permintaan dan dari segi pemantauan kita ke atas projek. Dan kita tahu adalah satu menyahut cabaran bagi kita untuk menyelesaikan projek-projek ini supaya terlaksana. Sebab itulah, kita buat perjanjian MOU dengan pihak pemaju dengan kita berdasarkan komitmen supaya melaksanakan dan mereka tidak terlepas daripada pemantauan kita berdasarkan pihak-pihak pemaju ini kita telah kenal pasti untuk melaksanakan berdasarkan perjanjian dan kita tahu mereka tahu Johor, negeri Johor ini adalah lubuk pembangunan sektor harta tanah. Jadi, kalau mereka gagal maka dengan sendirinya berdasarkan *task force* perumahan peringkat negeri itu, setiap PBT kita dah beritahu senarai-senarai pemaju termasuk pengarah-pengarah sekali. Itu kaedah yang kita laksanakan selain daripada laporan kita kepada kementerian untuk *blacklist* pihak pemaju dan pelaksanaan berdasarkan pihak pembeli boleh menyaman kepada pihak pemaju kalau gagal melaksanakan berdasarkan SMP dan berdasarkan syarat terbaru yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian, projek-projek yang gagal atau pun lewat 6 bulan boleh diambil alih oleh pihak kementerian. Ini dasar baru yang telah diterapkan oleh pihak kementerian untuk dilaksanakan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, dijemput. Dijemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Parit Yaani) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan nombor 7.

Berapakah inkubator @ ruang pejabat telah dibina oleh Perbadanan Islam Johor untuk menggalakkan golongan belia menyertai bidang keusahawanan dan bagaimana untuk memohonnya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Perbadanan Islam Johor telah mulakan

program menyediakan inkubator usahawan pada tahun 2013, yang mana ketika itu PIJ telah menyediakan 19 unit inkubator atau ruang pejabat di Tingkat 2, Bangunan Perbadanan Islam Johor, Jalan Kebun Teh, Johor Bahru. Ruang pejabat tersebut keluasannya 14 kaki x 12 kaki dengan sewa sebanyak RM 300.00 sebulan. Dan pada masa ini kesemua inkubator atau pun ruang pejabat PIJ ini telah pun disewakan sepenuhnya kepada usahawan muda yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan seperti pejabat guaman, insurans dan juga lain-lain. Rentetan daripada sambutan yang menggalakkan pada tahun ini kerajaan telah minta untuk PIJ membina lebih banyak lagi inkubator-inkubator ini bagi membantu usahawan-usahawan muda memulakan perniagaan yang dipanggil sebagai Inkubator Usahawan Belia Islam Johor. Kita jangkakan inkubator ini akan siap sebahagiannya pada awal tahun 2016. Cara mohon inkubator ataupun ruang pejabat ini ialah dengan mendapatkan borang yang telah disediakan di Pejabat PIJ Holdings.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih atas jawapan EXCO. Persoalan saya, kalau kita lihat bahawa ruang pejabat atau pun inkubator ni di Johor Bahru pun memang mahal kita sedia maklum. Cuma kalau tertumpu di Johor Bahru, bagaimana pula dengan bandar-bandar lain seperti Batu Pahat, Muar dan tempat-tempat lain. Sebab kita tahu bahawa usaha di kalangan belia khususnya untuk menceburi bidang keusahawanan ini terutama dalam suasana ekonomi yang gawat, pekerjaan yang sukar, tetapi minat mereka, mereka cuba pindah ataupun alihkan kepada perniagaan ataupun usaha-usaha sedemikian rupa. Jadi persoalannya bagaimana dengan usaha kerajaan untuk adakan di bandar-bandar lain selain daripada Johor Bahru dan berapakah tempat ataupun bandar yang terlibat dan berapa ramai usahawan muda yang cuba dilibatkan?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Seri Speaker, pada masa ini ada 4 bandar yang akan diwujudkan Inkubator Usahawan Belia Islam ini antaranya ialah di Bandar Baru Uda, Johor Bharu, di Masai, Pasir Gudang dan selain daripada daerah Johor Bharu tadi yang dinyatakan oleh Parit Yaani ada dua lagi daerah atau pun dua parlimen iaitu di Pengerang dan juga di daerah Muar dan dalam masa yang sama pihak PIJ pun memang sedang mengenal pasti tempat-tempat ataupun bangunan-bangunan kedai yang akan di sama ada diambil secara dibeli ataupun dibina melalui projek-projek yang diadakan. Selain daripada itu, agensi-agensi lain juga seperti mana PUJB, Perbadanan Usahawan Johor Berhad juga mempunyai rancangan mengadakan inkubator-inkubator seperti yang dinyatakan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini soalan Buloh Kasap.

YB Tan Sri Speaker : Ada kesilapan ini. Yang Berhormat Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 8.

Nyatakan langkah spesifik yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menarik lebih ramai pelancong ke Johor khususnya pasaran China serta sejauh manakah pencapaian dalam kehadiran pelancongan asing bagi 2015?

YB Tan Sri Speaker : Dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini pelbagai langkah terutamanya bagi mempromosi dan menarik kunjungan pasaran negara China ke negeri Johor telah dibuat oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor menerusi program promosi dan publisiti yang telah dilaksanakan di dalam usaha meningkat dan merancakkan lagi kemasukan para pelancong dari China ke negeri Johor.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:-

1. Rancangan TV Million Dollar Baby yang telah membuat penggambaran di produk-produk pelancongan di negeri Johor telah ditayangkan di Saluran 304 Astro Malaysia dan juga di Saluran TV Zhu Ji Ang negara China di bandar Guangzhou yang mempunyai populasi seramai 8.52 juta orang.
2. Misi galakan pelancongan ke China ke bandar-bandar utama seperti Beijing, XingChuan, Xian, Wuhan, Chengdu, Guangzhou dan lain-lain bandar.
3. Program promosi pelancongan *Guangzhou Travel dan Track Fair*, dengan izin.
4. Program pengenalan produk atau *Fam Trip* dengan izin, kepada media dan agensi pelancongan dari Chengdu dan Guangzhou.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2016 jabatan pelancongan telah merancang beberapa program promosi pelancongan utama di Bandar-bandar utama di negara China bagi terus menarik dan meningkatkan kedatangan pelancong dari negara China ini di dalam usaha mempromosikan destinasi produk pelancongan yang sedia ada mahupun produk-produk yang baru di negeri Johor dan di antaranya ialah:-

1. *China Outbound Travel dan Trade Mark*, dengan izin di Beijing.
2. *Guangzhou Travel And Trade EXPO* di Guongzhou.
3. ITE EXPO di Hong Kong.
4. *Beijing International Tourism EXPO,* dengan izin di Beijing.

Selain daripada Program Mempromosi pelancongan di negeri Johor di bandar-bandar utama di negara China, misi khusus memperkenal dan mempromosi pelancongan negeri Johor telah digerakkan dan akan diteruskan di bandar-bandar peringkat kedua atau '*second tier'* dengan izin, yang mempunyai populasi antara 8 hingga 20 juta orang yang mana faktor ekonomi penduduk di bandar-bandar tersebut yang berkemampuan kerana kos sara hidup yang tidak terlalu tinggi jika dibandingkan dengan bandar-bandar utama negara China.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini juga kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor sentiasa menambah baik aktiviti menggalakkan kedatangan pelancong dari negara China ke negeri Johor melalui program pengenalan produk atau *fam trip* dengan izin, kepada pengamal media, agensi pelancongan utama dari negara China dari semasa ke semasa. Dengan memperkenalkan produk-produk pelancongan yang ikonik dan juga yang baru agar tempat-tempat tarikan pelancongan yang diberikan pendedahan dapat diterjemahkan kepada pakej-pakej pelancongan khusus kepada rakyat negara China di mana meningkatkan kedatangan pelancongan negara China ke negeri Johor.

Pertunjukan dan persembahan kebudayaan tradisi negeri Johor dan makanan tradisional negeri Johor juga turut diperkenal dan dipromosikan semasa program perkenalan produk pelancongan negeri Johor ini dibuat agar pengamal media, agensi pelancongan mengetahui tentang keunikan dan keistimewaan sejarah warisan dan kebudayaan negeri Johor. Aktiviti persembahan kebudayaan dan promosi makanan ini juga akan diintegrasikan sebagai penglibatan kerajaan negeri di dalam pameran pelancongan di negara China. Bagi bulan Januari hingga Oktober tahun 2015, kemasukan pelancong dari China berdasarkan rekod daripada Jabatan Imigresen Malaysia, telah mencatatkan kedatangan seramai 677,549 orang berbanding kemasukan pelancong dalam tempoh yang sama pada tahun 2014 iaitu seramai 527,685 orang yang mana peningkatan sebanyak 28.4% telah berjaya direkodkan. Hasil daripada usaha berterusan kerajaan negeri mempromosi dan memasarkan negeri Johor sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik untuk dikunjungi serta selari dengan objektif bagi menjadikan negeri Johor sebagai sebuah destinasi pelancongan yang bernilai tinggi.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput, Yang Berhormat Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Soalan tambahan saya. Selain daripada promosi pelancongan, apakah cara atau pun strategi lain yang pihak kerajaan negeri ambil untuk meningkatkan kedatangan pelancong dari China ke Johor pada tahun 2016?

YB Tan Sri Speaker : Dijemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Buluh Kasap. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, memandangkan program *Explore Johor*, dengan izin, telah mendapat sambutan yang baik oleh pelancong dari China dengan peningkatan kemasukan pelancong sebanyak 28.4% pada tahun ini. Kerajaan Negeri Johor akan meluluskan penganjurannya ke China pada masa akan datang. Rombongan misi galakan pelancongan negeri Johor juga disertai oleh agensi-agensi pelancongan negeri Johor yang di mana kita sebelum itu tak pernah buat. Kita bermula pada tahun ini dan pihak Kerajaan Negeri Johor mengaturkan sesi perjumpaan antara agensi-agensi pelancongan di Johor dengan agensi-agensi pelancongan di negara China untuk *business to business matching* dengan izin, yang membawa impak kepada kemasukan pelancong China ke negeri Johor.

Selain itu, Pengenalan Visa Elektronik atau e-Visa kepada pelancong dari China mulai Januari 2016 telah diumumkan bagi menggalakkan kedatangan lebih banyak pelancong dari negara China ke Malaysia. Johor yang merupakan pintu masuk Selatan Malaysia dipercayai juga akan mendapat manfaat ekoran pengumuman ini. Malaysia juga memutuskan pemberian visa percuma kepada pelancong China ke negara ini dengan syarat melancong secara berkumpulan dengan minimum dua orang dalam satu masa. Kerajaan Johor menyambut baik keputusan kerajaan pusat ini yang dipercayai dapat merancakkan lagi kemasukan pelancong dari China ke Johor. Terima kasih.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga penjelasan daripada EXCO Pelancongan. Jadi, sekarang ini zaman internet ataupun zaman teknologi maya, jadi soalan saya adalah gini, bagaimanakah publisiti melalui internet kalau kita nak lebih ramai pelancong masuk ke dalam, saya rasa salah satu publisiti ialah publisiti melalui internet dan macam mana ataupun bagaimanakah Jabatan atau Bahagian Pelancongan merealisasikan dari segi sini. Saya rasa apa inisiatif sebegini amatlah sesuai pada zaman sekarang. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat dari internet.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih cadangan Pengkalan Rinting. Memanglah zaman teknologi yang canggih, publisiti melalui internet memang kita telah, menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor kita telah menyiapkan laman web yang tercanggih dan sebagai teknologi publisiti melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan akan dilancarkan pada Mac tahun 2016. Kita susun semula. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada hari ini. Mana-mana soalan yang telah disenaraikan tetapi belum dijawab, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2016) TAHUN 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan 2016 Tahun 2015 disambung sekarang dengan penggulungan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi. Saya persilakan. Jemput, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjadi pemimpin ia amanah, taat memegang janji dan sumpah, terhadap rakyat ia peramah, terhadap sahabat ia pemurah. Dalam bekerja ia semenggah, dalam bercakap berhalus lidah, dijadikan pemimpin membawa berakah, bersama tegak tuah dan maruah. Dijadikan tua besar faedah umat, sentosa rezeki bertambah, dijadikan induk ia ternama, negeri terjaga

umat terpelihara. Dialah pemimpin Muslim sejati, imannya tinggi mulia pekerti, ilmunya banyak dan rendah hati, kepada rakyat ia bersebati, menjalankan tugas sepenuh hati, bertanggungjawab hidup dan mati, dijadikan pemimpin bertuah negeri.

Jika hendak mengenal orang berbangsa, lihat kepada budi dan bahasa. Jika hendak mengenal orang yang berbahagia, sangat memeliharakan yang sia-sia, jika hendak mengenal orang mulia, lihat kepada kelakuan dia, jika hendak mengenal orang yang berilmu, bertanya dan belajar tiadalah jemu, jika hendak mengenal orang yang berakal, di dalam dunia mengambil bekal, jika hendak mengenal orang yang baik perangai, lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tiada jalan singkat untuk melahirkan kejayaan, bagi masyarakat yang mencipta kesejahteraan. Hanya pemimpin yang berwibawa sahaja yang mampu membawa kemajuan melalui perancangan untuk diterjemahkan ke dalam bentuk pelaksanaan untuk terus menjadikan negeri Johor Darul Ta'zim ini negeri yang maju dan mendapat keredhaan Allah SWT. Inilah kepimpinan yang berwibawa yang perlu dicontohi dan dipertahankan. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang rela dan ikhlas membangunkan negeri melalui permuafakatan bertunjangkan kekuatan agama dan akhlak bersesuaian dengan konsep kepimpinan yang berwibawa.

Di dalam Islam, kepimpinan disebut Al-Qiyadhah. Qiyadhah berwibawa bercirikan kepada kesanggupan untuk mengabdikan diri melaksanakan amanah bagi kesejahteraan rakyat dan sentiasa kukuh ketaqwaan kepada Allah SWT. Dalam konteks ini qiadah dilihat sebagai satu taklif iaitu beban tanggungjawab bukan satu tashrif iaitu singgahsana kemegahan. Ini kerana kepimpinan merupakan satu pelayaran yang menjadikan kebenaran sebagai sauhnya, dan keadilan sebagai muara pelabuhan. Kepimpinan yang berwarnakan kebenaran dan keadilan akan terus mendapat mandat daripada sesiapa pun. Firman Allah SWT dalam surah Anbiya ayat ke-73, mafhumnya, "kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami dan telah kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan hanya kepada kamilah mereka selalu menyembah".

Sesungguhnya pembentangan bajet ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 19 November 2015 yang bertemakan, 'Insklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor', mencerminkan hasrat dan cita-cita kerajaan ngeri di bawah pimpinan beliau untuk meneruskan kecemerlangan Johor bagi meningkatkan kejayaan dan kemakmuran negeri. Pembentangan bajet ini tentunya mampu mendorong untuk kita bermuhasabah diri, menilai kekuatan dan kelemahan serta melakar strategi masa depan di samping merapatkan ukhwah, menjalin persahabatan, mengukuh silaturahim antara kaum untuk menjadikan Johor Darul Ta'zim sebuah negeri yang penuh kesejahteraan dan mendapat keampunan Allah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya terkenangkan ketika saya berada di tingkatan 6 dulu. Guru saya, guru ekonomi saya mengajar tentang dasar fiskal dan juga dasar kewangan. Dasar fiskal adalah merupakan dasar yang ditentukan oleh kerajaan dan dasar kewangan adalah merupakan dasar yang ditentukan oleh bank pusat.

YB Tan Sri Speaker : Darjah 6 itu ye? Sekolah rendah..

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Tingkatan 6.

YB Tan Sri Speaker : Tingkatan 6, ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Dan dari segi dasar fiskal itu terdiri daripada tiga perkara, dasar penguncupan, dasar fiskal mengembang dan juga dasar fiskal seimbang. Saya teringatkan perkara ini apabila sahabat saya yang berada di sana yang sentiasa mengatakan bahawa apakah peranan kerajaan apabila melihat bahawa kita mempunyai kewangan yang kukuh? Sentiasa sahaja mengatakan sepatutnya kita berbelanja defisit untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Ada negeri di sebelah sana yang dia menang, dulu masa surplus, dia berbangga dan apabila sekarang dia defisit, dia cemburu dengan kerajaan negeri Johor kerana kita surplus lebih daripada lima tahun. Kalau mereka ini memuji berkaitan tentang defisit, kenapa mereka menempelak defisit kerajaan pusat, belanjawan pusat yang defisit lebih daripada lima ataupun 6 tahun. Sepatutnya kalau dia mencadangkan agar kerajaan negeri Johor berbelanja lebih menggunakan duit yang ada, defisit dan sebagainya, sepatutnya dia yang menyokong belanjawan defisit kerajaan pusat, tetapi ini tidak berlaku.

Cikgu saya sebut, dia kata ketika keadaan ekonomi yang menguncup berlaku inflasi, maka di situ peranan kerajaan cukup penting. Dan ini sebenarnya telah pun dilakukan oleh bekas Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Mahathir ketika masalah kegawatan ekonomi tahun 1997, 1998. Apabila antara yang dilakukan adalah menambah perbelanjaan, pada ketika itu barulah kita terfikir ataupun baru terfikir kaedah pre antif dengan memberikan belanjawan untuk pembangunan khusus kepada kontraktor-kontraktor kecil sebanyak RM3 bilion ketika itu. Dalam usaha untuk merancakkan pembangunan, kerana dengan adanya pre antif tersebut, maka kontraktor boleh cari makan, kilang simen boleh beroperasi dan edaran duit itu boleh meluas dan juga dinikmati oleh masyarakat yang banyak.

Dan apabila dasar fizikal, keadaan ekonomi berkembang di mana pemain utamanya adalah pihak swasta, maka ketika itu, kerajaan boleh menarik sedikit dari segi perbelanjaan untuk menyimpan. Ini cikgu ekonomi saya cakapkan. Mungkin betul, tetapi saya rasa itu betul, tapi tak tahulah yang berada di sana, kerana kerajaan berfungsi untuk mengimbang, kerajaan berfungsi untuk menjadikan negara lebih sejahtera, kerajaan bukan berfungsi sebagai syarikat perniagaan, di mana yang boleh kita lakukan boleh membantu, di mana untuk kita boleh mengurangkan keadaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada beberapa rakan kita yang menyebutkan tentang ADUN Penanti yang menangis. Saya ingin sebutkan bahawa ADUN Penanti itu adalah merupakan bekas pensyarah saya. Pensyarah pengurusan di universiti dulu, senior saya ada kat sini, Pengarah UPEN ada, DO Muar ada, kalau junior saya mungkin YDP Kluang ada, YDP Pontian, sama ada mereka kenal ataupun tidak, tetapi itulah pensyarah kami. Apabila disebutkan, apabila dia menangis, saya teringatkan bicara saya di Dewan ini pada tahun 2008, yang ketika itu Maharani, minta maaflah sebut, Maharani memuji sangat kepimpinan Pulau Pinang kerana pemimpinnya, kononnya, ingin menjadikan Khalifah Umar Abdul Aziz itu sebagai ikon, sebagai idola dalam

perjuangan. Rupanya tak sampai. 10 tahun, (Dewan bertepuk) ADUN menangis, ADUN PKR menangis. Itulah sebabnya tuan-tuan orang Melayu ni mudah terpengaruh. Dulu di Singapura ada seorang pemimpin pakai songkok, orang Melayu sokong. Saya ni, saya ni songkok saya ni dah berkepok, tak sokong juga Tan Sri Speaker. Inilah sikap orang Melayu, ada orang bercakap sedikit al Quran dah mengatakan inilah kejayaan kita kerana kita berjaya memberi tarbiah kepada mereka. Dan akhirnya, kena batang hidung kita sendiri (Dewan bertepuk).

Saya sebutkan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ketika itu, 2008, Khalifah Umar Abdul Aziz yang merupakan di antara cucu Umar Al Khattab. Dia buat 3 perkara, orang baik selalunya hidup tidak lama, dia hidup antara tahun 99 hijrah hingga 101 hijrah lebih, tiga tahun lebih. Tetapi apa yang dia lakukan, saya sebutkan pada 2008 yang pertama dia menyatukan orang Arab dengan orang Ajab. Orang Ajab ini adalah orang Islam yang bukan Arab yang ketika itu berlaku diskriminasi, dia satukan. Tetapi pada tahun 208 saya sebutkan ketika itu, sekarang dah berpecah. PAS mengkafir UMNO, adakah itu contoh kepada Umar Abdul Aziz. Yang kedua, di zaman Umar Abdul Aziz dia meletakkan Bahasa Arab ketika sebagai bahasa rasmi pemerintahannya. Tetapi di Pulau Pinang, bahasa-bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan kita diubah dengan Bahasa Mandarin dan sebagainya. Adakah ini contoh, mencontohi kepimpinan Khalifah Umar Abdul Aziz? Dan, saya sebutkan juga bahawa antara yang dibuat ketika zaman Khalifah Umar Abdul Aziz lah tanda-tanda bacaan atas, bawah itu diperkenalkan. Apa yang hendak saya sebutkan ialah pemimpin Barisan Nasional ini dah nampak tentang helah yang ingin dilakukan oleh pihak sana yang tidak diketahui oleh mereka yang kononnya memperjuangkan Islam.

Kita dah bagi tahu jangan masuk lubang. Dia masuk juga. Katanya macam enak, kita bagi tahu. Dan akhirnya, sudah terbukti bahawa dalam kepimpinan mereka, merekalah yang merintih untuk diberikan perhatian oleh kerajaan mereka sendiri. Bukan orang Barisan Nasional yang menjadi pembangkang. Sepatutnya yang merintih Barisan Nasional, tetapi yang merintih adalah di kalangan kepimpinan itu sendiri. Maka kita minta, agar di negeri Johor ini kita melihat tentang sesuatu perkara yang sebenarnya ingin di bawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Sungai Abong dia ada sebut Khalifah, Khalifah cari orang miskin tak jumpa sebab dia kata yalah tidak ada orang miskin, zakat banyak. Tetapi kalau ikut baca dari segi sejarah Islam, kejadian yang hebat itu berlaku dua kali sahaja dalam sejarah Islam. Yang pertama, ketika zaman Umar Al Khattab yang kedua, di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz dan jangka masanya tidak terlalu panjang tetapi ramai lagi khalifah-khalifah yang lain yang sebenarnya tidak pun diungkapkan. Mereka lebih kurang kita juga, yang lain. Hanya di zaman itu sahaja, kerana apa? Saya yakin bahawa ketika itu bukan orang semua sudah kaya, tetapi ketika itu keimanan dan juga ketakwaan kepada Allah SWT cukup tinggi. Malu untuk menerima derma, malu untuk terima sedekah, malu untuk terima zakat. Sekarang ini, seperti saya sebutkan tadi topeng pun nak percuma. Orang yang bawa kereta Mercedes pun hendak BRIM, macam mana kita hendak olah keadaan begitu sama ada kita ataupun di sana untuk kononnya mewujudkan suasana seperti di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz.

Ini peranan kita, dan kita yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan inklusifnya, dengan lestarinya, dengan sejahteranya, kita menuju

ke arah itu. Jikalau yang lain yang berada di hadapan saya ini inginkan keadaan seperti Umar Abdul Aziz, marilah bersama dengan kami kerana kami dalam usaha melalui landasan ke arah itu, walaupun mungkin tidak tercapai tetapi sekurang-kurangnya kami berniat untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat yang ada di negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri, cukuplah yang itu. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Alam Sekitar Negeri Johor, sudah semestinya jutaan penghargaan dan terima kasih ingin saya hadiahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang meletakkan teras ke-5 dalam Bajet Negeri Johor iaitu mengangkat agenda Johor Lestari ke arah lebih dinamik spesifik. Dan, agenda ini agak selari, agak sinonim dengan portfolio di bawah Kesihatan dan juga Alam Sekitar. Pengumuman Bajet Johor 2016 di dalam teras ini membuktikan bahawa negeri Johor sama sekali tidak pernah mengabaikan soal pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti. Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat pula, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor di bawah teras yang ke-5, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebutkan tentang usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memelihara dan juga memulihara biodiversiti.

Yang pertama berkaitan tentang santuari gajah. Saya ucapkan tahniah, terima kasih kepada Menteri Besar bagi peruntukan untuk kajian dan akhirnya diluluskan RM15 juta. Yang kedua, berkaitan tentang santuari Dugong. Ini di buat di sini. Yang ketiga insya-Allah telah pun di buat melalui J-Biotech iaitu pemeliharaan kuda laut dan juga kerang gergasi. Empat-empat ini Johor menerajui, kita berada di hadapan. Bukan kita tiru Selangor punya bajet (Dewan bertepuk). Saya cabarlah yang sebelah ini, *check* bajet negeri Selangor ada tidak sebut tentang santuari? Santuari Gajah, *confirm* tidak ada. Santuari Gajah, cuba *check*. Santuari Dugong, *confirm* tidak ada. Kuda laut, kerang besar, yang ada sungai besar di sana. Saya cabar. Jadi apabila kita mendahului melalui biodiversiti, kata kita tiru orang lain. Orang kampung dulu cakap *poddah*. Vid, Kahang ya? Kadang-kadang kita kononnya hendak mengangkat diri kita sedangkan kita tidak melakukan apa yang kita kata.

Dasar Kelestarian Johor akan dilancarkan enam bulan daripada sekarang dan akan mengikut aspirasi rakyat yang begitu mendambakan warisan bumi terus dijaga, dipelihara di dalam pembangunan Johor yang kian pesat. Selain daripada itu, Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang telah dilancarkan tahun ini akan meneruskan agenda perancangannya yang mencakupi empat jawatankuasa. Iaitu Jawatankuasa Adaptasi, Industri, Kejiranan Hijau dan Industri dan Pembangunan Kejiranan Hijau dan Industri dan saya menjadi salah seorang pengerusi bagi Jawatankuasa Adaptasi yang akan terus memanifestasikan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar Johor dan Bangsa Johor secara berterusan memastikan komitmen pemeliharaan flora dan fauna untuk dijadikan warisan yang tidak ternilai bagi generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masyarakat rendah karbon ataupun dikenali sebagai l*ow-carbon society* dengan izin, LCS adalah ikrar Malaysia pada sidang Kemuncak Perubahan Iklim 2009 di Copenhagen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005. Dengan hasrat ini ia disambut oleh Iskandar Malaysia yang di pengerusikan sendiri bersama yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk

mengurangkan intensiti pelepasan karbon hingga 50% menjelang 2025 berbanding sekarang. Melalui pengumuman baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meminta lima PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai dan Majlis Daerah Pontian untuk melaksanakan Pelan Tindakan Rendah Karbon 2025 ataupun *Low Carbon Action Plan 2025* yang antara lainnya menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di dalam bandar.

1. *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit System*, BRT menjelang 2018 bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di kawasan Iskandar Malaysia. Sistem yang ada khusus, mengkhususkan satu lorong khas untuk kegunaan bas bertujuan melancarkan pergerakan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan itu akan berhenti di beberapa perhentian yang dikhaskan dan bas perantara akan disediakan bagi memudahkan pengguna.

2. Bas Iskandar Malaysia menerusi inisiatif ini, 34 buah bas telah disediakan bagi operasi di 17 laluan sosial sekaligus menyediakan perkhidmatan kepada rakyat di kawasan-kawasan membangun di Iskandar Malaysia serta mewujudkan capaian kepada faedah sosial dan ekonomi bagi masyarakat sekeliling. Bas ekspres transit juga telah diperkenalkan untuk laluan jarak jauh.

3. *Iskandar Malaysia Eco-Life Challenge School Competation* tahun 2015 merupakan tahun ketiga aktiviti dijalankan. Pada tahun ini program ini telah melibatkan 226 sekolah rendah di Iskandar Malaysia dan melibatkan 40,000 pelajar untuk menyertai *Iskandar Malaysia Eco-Life Challenge* ini pelajar-pelajar akan mempelajari inisiatif rendah karbon yang boleh digunakan dalam kehidupan harian. Pelajar perlu merekodkan penggunaan bil elektrik, air dan kegunaan kenderaan di rumah. Sekolah-sekolah yang terlibat perlu mengurangkan penggunaan bil elektrik, air serta melakukan 3R di sekolah.

4. Projek perintis *Comprehensive Assessment System for Built Environmental Efficiency* (CASBEE). CASBEE Iskandar dijangka akan diguna oleh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan sebagai sebahagian daripada inisiatif karbon rendah untuk merealisasikan komitmen IM agar 70% daripada bangunan di kawasan Iskandar Malaysia ini adalah terdiri daripada bangunan hijau, *green building* pada 2025. Sistem penilaian CASBEE dipilih kerana kaedah yang saintifik dan penggunaan secara menyeluruh oleh kerajaan Jepun dalam memastikan pembangunan yang lestari.

5. *Green Air Courts Initiative Awards (GAIA 2016)*. Program ini adalah unik dan bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada pemaju-pemaju dan sektor swasta di Iskandar Malaysia yang telah menyumbang ke arah pembinaan bangunan-bangunan baru yang mampan dan juga organisasi yang telah beroperasi secara hijau.

Program GAIA adalah selaras dengan usaha IRDA, UPEN, kerajaan negeri untuk mempromosikan pembangunan berorientasikan hijau atau *Green Oriented Development* di Iskandar Malaysia. *Green Oriented Development* atau GOD bertujuan

untuk menggalakkan pembangunan hijau dan meningkatkan infrastruktur dan kemudahan untuk kualiti hidup yang lebih baik rakyat di Iskandar Malaysia. Hasil daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini, saya telah mengadakan perbincangan dengan sektor Alam Sekitar, UPEN untuk berbincang meneliti, merangka *'term of reference'* dengan kerjasama Iskandar Malaysia untuk di bawa kepada kerajaan negeri bagi membolehkan lima PBT tersebut akan melaksanakan usaha-usaha *'low carbon society'.* Selain daripada itu, kampung contoh untuk *'low carbon society'* ini, iaitu FELDA Taib Andak Kulai. Kampung ADUN Bukit Permai, tahniahlah, Bukit Permai. Akan diperincikan secara lengkap, untuk dibantu daripada segi kepakaran, dan kewangan untuk menjadikan masyarakat, di FELDA Taib Andak, Kulai sebagai perintis *'low carbon society'* di Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan ADUN dalam perbahasan dalam beberapa hari yang lepas. Yang Berhormat ADUN Mengkibol, saya ingin memaklumkan bahawa isu pengorekan pasir yang berleluasa di Sungai Johor, ianya di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor kerana aktiviti-aktiviti tersebut di bawah keluasan 50 hektar dan ianya tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling, EIA. Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor ada menerima permohonan ulasan dari Pentadbir Tanah dan PTG Negeri Johor untuk ulasan teknikal dari pengorekan pasir di bawah keluasan 50 hektar. Ulasan teknikal, JAS adalah tidak menyokong sekiranya pengorekan pasir dijalankan di Sungai Johor yang mempunyai takat pengambilan air bagi loji rawatan air dan bagi pengorekan pasir di bawah takat pengambilan air. Pihak JAS mengenakan syarat-syarat yang ketat, untuk pihak Pentadbir Tanah dan PTG mengambil tindakan yang sewajarnya kerana ianya di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, sila duduk dan akan disambung selepas rehat. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Persidangan Dewan dimulakan, sambung semula, jemput Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya meneruskan perbahasan. Yang Berhormat ADUN Pasir Raja, ada membangkitkan beberapa perkara, saya ingin memaklumkan bahawa bagi memastikan pencemaran di Sungai Johor adalah terkawal seperti mana sungai-sungai lain. Jabatan telah ambil inisiatif dengan mengadakan tindakan-tindakan berikut:-

1. Program *'Pollution Source Servey'* ia ini mengenal pasti ke semua punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

2. Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas punca-punca yang melepaskan *'efluen'* ia ini air buangan ke atas Sungai Johor.
3. Menjalankan pengawasan kualiti Sungai Johor, di mana terdapat 34 stesen pengawasan di sepanjang Sungai Johor.

Bagi ADUN Machap, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor pernah menerima aduan pencemaran kualiti air Sungai Ulu Benut sehingga menyebabkan loji rawatan air mentah minuman, Simpang Renggam milik SAJ terpaksa ditutup disebabkan paras ammonia tinggi. Hasil siasatan JAS salah satu punca utama adalah akibat pelepasan air larut resap, *'leach'* yang tidak dirawat dari tapak pelupusan sampah ladang CEP yang sepatutnya ditutup oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Tetapi pihak JPSPN masih menggunakan tapak ini, dengan sistem rawatan *'leach'* yang masih tidak di naik taraf. JAS telah memanggil pihak JPSPN pada Mesyuarat Penyelarasan pada 25 Ogos 2015 yang turut dihadiri oleh PBT, SAJ, BAKAJ dan SW Corp. Pada mesyuarat tersebut, wakil pihak JPSPN gagal menerangkan pelan tindakan yang berkesan bagi mengatasi masalah pelepasan *'leach'* tidak terolah ini. Juga satu mesyuarat susulan, kedua telah dirancang namun terpaksa dibatalkan kerana wakil ibu pejabat JPSPN gagal hadir.

Yang Berhormat ADUN Semarang dan ADUN Gambir, membangkitkan isu berkaitan tentang monyet ataupun kera. Sehingga Oktober 2015, pihak Jabatan PERHILITAN Negeri Johor telah menerima sebanyak 590 aduan melibatkan gangguan kera di seluruh negeri Johor dan sebanyak 9,720 ekor kera telah ditangkap pindah dan ditangkap lupus. Bagi kawasan Semarang, PERHILITAN telah menerima sebanyak 14 aduan gangguan kera sehingga Oktober 2015 dengan sejumlah 538 telah berjaya ditangkap pindah terutamanya di kawasan Kampung Parit Semarang, Kampung Parit Haji Sirat, Kampung Parit Lapis, Kampung Parit Abdul Hamid, Kampung Parit Kuari, Kampung Bukit Kangkar, Kampung Sawah Sagil, Kampung Seri Paya dan Kampung Parit Beringin. Manakala di DUN Gambir, PERHILITAN telah menerima sebanyak 12 aduan melibatkan konflik kera, antaranya Kampung Simpang 5 Darat, Parit Jarom Laut, Parit Jarom Darat, Parit Haji Idris, dan Bukit Gambir. Jumlah kera yang ditangkap lupus di kawasan tersebut pula sebanyak 458 ekor pada tahun 2015 melalui aduan susulan perangkap dan operasi bersepadu. PERHILITAN memandang serius, setiap aduan yang telah diterima melibatkan semua aduan gangguan hidupan liar terutamanya kera. Tindakan bersesuaian akan diambil antaranya melalui penggunaan kaedah pemasangan perangkap kera, operasi membasmi musuh tanaman dan juga khidmat nasihat kepada penduduk kampung. Dan untuk makluman sebanyak dua operasi telah dijalankan di kawasan DUN Gambir, di mana pihak Jabatan telah merancang untuk melaksanakan satu lagi operasi bersepadu di kawasan Gambir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya yang berkaitan tentang PERHILITAN ini, kita sebenarnya telah pun menubuhkan satu Jabatan di Batu Pahat. Sekarang dalam proses untuk ubah suai hasil daripada permintaan ADUN Sengarang dan insya-Allah apabila siap semua dari segi baik pulihnya pejabat ini akan beroperasi. (Dewan bertepuk).

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan, untuk mengucapkan tahniah kepada ADUN Sungai Balang, kerana mengambil inisiatif bagi memastikan bahawa kera-kera di Sungai Balang dapat bermesra dengan Sungai Balang dengan

mengadakan dan juga memperuntukkan, peruntukan dia dengan membina perangkap kera. Dan ini adalah merupakan satu tindakan yang proaktif.

Satu lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sungai Abong, ada beritahu saya, dia kata di kebun dia, maknanya Pengerusi Pertanian boleh ambil agaknya. Di kebun dia untuk mengelakkan pencerobohan kera-kera masuk ke kawasan kebun, Yang Berhormat Sungai Abong, dia memasang jaring ikat yang agak lebar, kerana dikatakan kera tersebut takut kerana akan terperangkap dengan jaring tersebut dan ini juga adalah merupakan satu yang baik dan mungkin Yang Berhormat Pengerusi boleh melawat agaknya lah kebun Sungai Abong. Saya difahamkan kebunnya banyak juga, luas.

YB Dato' Timbalan Speaker : Bukan untuk tangkap ikan ke?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bukan, tangkap kera sekarang. Pemasangan perangkap kera 8x8x9 merupakan kaedah yang diguna pakai oleh Jabatan PERHILITAN bagi menangani masalah gangguan kera. Sehingga kini, kaedah pemasangan perangkap kera ini, merupakan kaedah paling sesuai bagi menangani konflik kera. Antara inisiatif yang telah diambil adalah, dengan memperkenalkan pad projek iaitu program perangkap kera komuniti dengan menjayakan seruan kerajaan dalam rakyat perkhidmatan awam. Untuk makluman, program perangkap kera komuniti ini, mengambil pendekatan secara strategi laut biru *'blue ocean strategy'* dan *'smart partner ship'* di mana pihak Jabatan menyusulkan kerjasama kepada ADUN atau Majlis Daerah, JKKK Kampung, syarikat swasta dalam menyalurkan sumbangan perangkap komuniti bagi ditempatkan di kawasan masing-masing. Program ini dapat membantu pihak Jabatan bagi menangani konflik hidupan liar kera ini di mana dapat menampung jumlah perangkap pihak Jabatan sedia ada yang agak terhad untuk ditempatkan di semua daerah negeri Johor yang menghadapi gangguan kera. Pihak Jabatan akan terus berusaha, bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat terutamanya dalam menyelesaikan aduan konflik kera melalui keberkesanan tindakan yang diambil. Kerjasama semua pihak yang terlibat, amat diharapkan bagi membantu pihak Jabatan untuk menyelesaikan aduan yang dibangkitkan demi kebaikan semua pihak.

Yang Berhormat ADUN Sedili, yang begitu baik hati nak menderma 4 ekor gajah kepada PERHILITAN. Terima kasih, tak kan kawan baik nak bagi pada kita, dia ADUN Sedili dengan gajah ini tidak boleh di pisah. Mengikut rekod aduan, sebanyak 9 aduan telah diterima pada tahun 2014, manakala bagi tahun 2015 berakhir Oktober, sebanyak 6 aduan yang diterima daripada penduduk Kampung Mawai dan kawasan sekitar. Jabatan juga telah menjalankan sebanyak 28 tindakan susulan di kawasan Kota Tinggi dan antara tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan adalah seperti berikut:

1. Menjalankan pemantauan secara berkala di kawasan aduan dan kawasan yang dikenal pasti yang mempunyai masalah gangguan gajah.
2. Menjalankan kerja-kerja tembak halau bagi gajah yang terkeluar dari habitat semula jadi dan berhampiran hutan simpan.
3. Memberikan khidmat nasihat yang bersesuaian kepada penduduk setempat bagi mengelakkan gangguan gajah liar.

4. Menjalankan operasi tangkap pindah, bagi gajah yang terkeluar jauh dari habitat semula jadi dan kawasan keliaran.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak Jabatan bagi memastikan tindakan ke atas aduan yang disalurkan oleh orang awam dapat ditangani dengan lebih cepat dan efisien. PERHILITAN telah menjalankan operasi, trans lokasi gajah liar, yang memperuntukkan anggaran perbelanjaan kos sehingga RM50,000.00 bagi setiap operasi. Pada tahun 2014, sebanyak 4 ekor gajah liar, telah berjaya ditangkap pindah di kawasan Kota Tinggi dan pada tahun 2015, seekor gajah liar berjaya dipindahkan. Selain usaha tersebut pembinaan sistem pagar elektrik sepanjang 18 kilometer dari Sungai Dohol ke Sungai Lipur Panti turut dilaksanakan bagi mengehadkan keliaran gajah di kawasan Hutan Simpan Panti, Hutan Simpan Ulu Sedili dan meminimumkan penceroboh gajah liar di kawasan kampung dan ladang sekitar. Melalui projek program kesedaran, pihak Jabatan telah melaksanakan program My Gajah yang diadakan di Dewan Kampung Tersusun Mawai pada 27 April 2015. Sesi ini memberi penerangan tentang kesedaran dan pengetahuan tentang fungsi dan peranan pihak Jabatan dalam isu berkaitan dengan gajah, pagar elektrik dan sebagainya. Usaha-usaha telah dijalankan secara berterusan, oleh pihak Jabatan PERHILITAN dalam memastikan setiap aduan dapat diambil tindakan sewajarnya bagi memastikan kebaikan semua pihak dalam menangani konflik gajah liar-manusia dalam masa terdekat. Bagi jangka masa panjang diharapkan penubuhan Santuari Gajah dapat dilesasikan seterusnya dapat mengurangkan aduan dan memberikan manfaat rakyat Johor keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh yang demikian pembinaan pusat Santuari Gajah yang akan dimulakan pada tahun hadapan di Panti Kota Tinggi, adalah antara usaha yang akan dimulakan bagi menangani konflik hidupan liar terutamanya gajah. Selain daripada itu, keputusan negeri Johor untuk memastikan usaha menangani konflik ini berterusan maka Tabung Amanah Hidupan Liar Terperangkap Negeri Johor yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet telah diputuskan akan membantu meningkatkan lagi usaha PERHILITAN. Saya selain daripada Pusat Santuari Gajah saya juga amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mengumumkan Pelan Pengurusan Biodiversiti Marin seperti yang saya sebutkan tadi iaitu Tapak Santuari Dugong yang akan dilaksanakan di Taman Laut Sultan Iskandar Mersing. Melalui usaha ini, selain usaha pemeliharaan, ia juga akan menjadi satu lagi tarikan pelancongan di negeri Johor. Melalui Perbadanan Taman Negara Johor, kita akan mengambil, bekerjasama dengan IRDA, Universiti Malaya dan Jabatan Perikanan Malaysia untuk memastikan usaha pemulihan dugong ini dapat kerjasama daripada semua pihak terutamanya komuniti yang berhampiran.

Selain daripada itu, negeri Johor melalui J-Biotech akan meneruskan usaha pemulihan kuda laut, kerang gergasi dan rumpai laut yang saya kira merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mengambil inisiatif untuk warisan generasi yang akan datang. Dan suka ingin saya maklumkan bahawa, mesyuarat mengenai pelaksanaan Pusat Santuari Gajah Johor ini akan bermesyuarat pada 2 Disember 2015 yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri dan juga PERHILITAN Pusat akan membentangkan secara lengkap dan terperinci mengenai Pusat Santuari Gajah. Saya jemputlah Yang Berhormat DUN Sedili jika ada masa untuk bersama dalam mesyuarat ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Negeri Johor juga telah, juga mulai tahun hadapan, telah bersetuju untuk meningkatkan lagi wang sumbangan perparitan di bawah Pekeliling PTG 1974, yang tidak pernah dikaji sehingga tahun ini. Jika dahulu, bagi memaju dan membangunkan sebuah kawasan, pemaju diminta untuk membayar sejumlah RM3,000.00 seekar di semua PBT di Negeri Johor. Melalui kajian teknikal yang telah dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, kadar ini tidak lagi sesuai buat masa ini. Oleh yang demikian, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat dalam bajet, mulai tahun hadapan bagi pemaju yang telah diluluskan Kebenaran Merancang (KM). Di mesyuarat Wang Sport Center (OSC) di PBT, akan diminta untuk membayar RM10,000.00 seekar, bagi Majlis Bandaraya dan Perbandaran, manakala di Majlis Daerah pula dikenakan RM5,000.00 seekar. Kenaikan sebanyak 150% sehingga 250% ini, diharapkan akan menambahkan hasil kerajaan negeri dan bagi membolehkan kerja-kerja pengairan dan perparitan dapat dipertingkatkan lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi Yong Peng, JPS akan bekerjasama dengan PBT bagi mengenal pasti perparitan di bawah seliaan jabatan masing-masing, bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut jadual. Penyelenggaraan perparitan ini akan dimasukkan di dalam program kerja tahunan JPS, agar masalah banjir kilat dapat diatasi atau dikurangkan. Sungai Bekok dan Sungai Temehel, telah dimasukkan di dalam program kerja penyelenggaraan tahunan mengikut peruntukan, yang diluluskan setiap tahun. Pihak JPS telah memohon peruntukan bagi kerja rancangan tebatan banjir untuk Sungai Bekok, melalui Rancangan Malaysia ke-11 dan melalui Rancangan 5 Tahun, projek-projek Pengairan dan Saliran Negeri Johor berjumlah RM700,000.00 bagi tahun 2016. Kerja-kerja penyelenggaraan sedia ada, akan tetap dilaksanakan peringkat demi peringkat mengikut peruntukan tahunan semasa, yang mana akan dilaksanakan, bermula pada tahun 2016. Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan runtuhan tebing Parit Canga Seri Lalang pada tahun 2016, manakala Taman Jelita, Yong Peng yang setiap kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yong Peng, adalah di bawah seliaan Majlis Daerah Yong Peng.

Enakmen Air 1921, yang dibangkitkan oleh ADUN Mengkibol adalah di bidang kuasa BAKAJ. Pihak JPS akan melaporkan pencerobohan yang berlaku pada pihak BAKAJ, untuk tindakan penguatkuasaan selanjutnya.

Projek pembersihan dan pengindahan Sungai Muar yang dibangkitkan oleh ADUN Bentayan, yang sedang dilaksanakan di Tanjung Emas pada masa ini adalah terdiri daripada 2 fasa, di mana butiran adalah seperti berikut:-

1. Fasa pertama, projek pembersihan dan pengindahan Sungai Muar, Bandar DiRaja, Johor fasa 1, pakej 1. Projek ini melibatkan pengukuhan dan pembaikan tebing yang runtuh sepanjang 140 meter dari Jeti Tanjung Emas ke Jalan Sultanah. Pembinaan pintu air automatik yang sistem sekadar bagi pengawalan pasang surut air Sungai Muar. Projek ini dengan kos sebanyak RM3.7 juta. Jika projek ini yang dimaksudkan oleh ADUN Bentayan, saya nak maklumkan projek ini hanya mengalami kelewatan selama seminggu sahaja, yang disebabkan oleh *nominated sub contract for mechanical and electrical works*, dengan izin yang dilantik bagi membekalkan komponen pintu air, yang sedikit lambat menyiapkan kerja-kerja pemasangan pintu air, kerana masalah bekalan pintu air tersebut.

2. Bagi fasa yang kedua, iaitu projek pembersihan dan pengindahan Sungai Muar Bandar DiRaja Johor pakej 2. Projek ini melibatkan pengukuhan tebing 500 meter dari Jeti Tanjung Emas ke pagar Masjid Jamek Sultan Ibrahim. Pembinaan *waterfront*, pengindahan sungai dan kompleks jeti. Pembinaan parit dan perangkap sampah di dalam parit, pentas, kabin kios, *interlocking* jalan dan kawasan meletak kenderaan, pagar, lampu dan taman permainan. Projek ini sedang dilaksanakan, serta berjalan mengikut jadual dan dijangka dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan dengan kos RM12.4 juta.

Bagi ADUN Pengkalan Rinting, sistem perparitan di tapak penjaja lorong belakang Jalan Meldrum, adalah di bawah seliaan Majlis Bandaraya Johor Bahru. JPS bertanggungjawab untuk memberikan ulasan teknikal kepada kajian hidraulik dan EIA kepada permohonan penambakan laut tersebut.

Bagi ADUN Tangkak, bagi projek RTB Sungai Muar, Fasa ke-2. Projek tersebut yang berkaitan tentang menaik taraf Sungai Pogoh dan kerja berkaitan, telah siap pada 1 April 2015, yang telah pun disiapkan status pelaksanaan projek RTB Sungai Muar, fasa 1. Projek menaik taraf Sungai Condan, Segamat siap pada 30 Jun 2016. Projek naik taraf Sungai Segamat, siap pada 20 Februari 2015. Dan projek menaik taraf jambatan Sungai Genuang, di jangkakan siap 31 Mac 2016.

Bagi projek pembinaan lencongan banjir Sungai Segamat – Sungai Genuang, tarikh mula pada 19 Mac 2014 dan dijangkakan siap pada 18 November 2015. Projek pintasan Olak, Belemang, adalah untuk mengatasi masalah banjir di lembangan Sungai Muar. Reka bentuk projek rancangan tebatan banjir ini, tidak termasuk kepada penerobosan air masin. Walau bagaimanapun, pihak BAKAJ bercadang untuk membina sebuah pintu air bergolongan rendah di Sungai Muar untuk menghalang penerobosan air masin dari Selat Melaka. Pihak BAKAJ akan menjalankan satu kajian lebih terperinci, mengenal pasti kesesuaian dan kos pembinaannya.

Bagi ADUN Machap, bagi mengatasi masalah di kawasan Simpang Renggam, pihak JPS telah mengemukakan permohonan Rancangan Malaysia ke-11, iaitu bagi Rancangan Tebatan Banjir Simpang Renggam. Skop kerja projek RTB Simpang Rengam merangkumi, pelebaran Sungai Benut, Sungai Machap, Sungai Berumbung dan Parit Haji Hashim.

Pembinaan kolam tebatan banjir Sungai Berumbung, pembinaan *Gross Pollution Trap* dan pengindahan sungai. Pembinaan perumahan Taman Sierra Perdana, telah dijalankan oleh pihak SPNB. Dan pada peringkat awal pembinaan ini dibuat tanpa merujuk kepada pihak JPS. Pihak pemaju juga tidak mengambil kira aras banjir semasa meletakkan *platform*, aras jalan kawasan perumahan ini. Ini menyebabkan aras jalan yang dibina, berada di bawah aras banjir semasa, sehingga memudahkan berlaku kejadian banjir dan banjir kilat terutamanya ketika air Sungai Benut mencapai aras amaran dan air pasang.

Pembinaan rumah generasi kedua FELDA Ayer Hitam, dibuat secara individu dan tidak dirujuk kepada pihak JPS. Perancangan yang kurang sempurna untuk keperluan infrastruktur terancang dalam kawasan ini, khususnya saliran bersepadu telah menyebabkan kejadian banjir kilat mudah berlaku.

Yang Berhormat ADUN Senggarang. Sebelum saya menjawab soalan Senggarang, saya nak ucap terima kasih kepada Senggarang yang menghargai apa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Sedangkan pihak sana langsung tidak mengucapkan terima kasih, walaupun sedia maklum banyak yang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Johor lakukan di kawasan mereka, demi kesejahteraan dan manfaat masyarakat di kawasan mereka. JPS sentiasa prihatin ke atas masalah hakisan di persisiran pantai. Masalah hakisan di sepanjang pantai dalam daerah Batu Pahat, yang meliputi sepanjang 42,000 meter dari Semerah hingga ke Rengit, sememangnya sentiasa dalam pemantauan dan perancangan pihak JPS. Walau bagaimanapun, kebanyakan hakisan ini tidak mengalami masalah hakisan pantai yang serius. Memandangkan peruntukan Rancangan Malaysia ke-11 yang terhad, pihak JPS hanya memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang kritikal. JPS juga peka dengan masalah kecetekan muara dan juga parit-parit berhampiran muara. Pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja penggalian berkala mengikut keperluan semasa. Selain itu, jabatan juga telah menyenaraikan kerja-kerja penggalian dan pengorekan muara, serta parit-parit di sepanjang pantai secara berjadualan, di dalam Program Rancangan Johor 5 tahun. Pihak JPS akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan ini dilaksanakan secara konsisten mengikut jadual yang dirancang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang paling utama dalam soal untuk memastikan banjir berulang tidak lagi berlaku pada masa yang akan datang dalam bajet baru lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa kerajaan negeri akan membuat kajian pelan tindakan banjir Negeri Johor, yang akan mengenal pasti kawasan banjir berulang di Negeri Johor, dan penyelesaiannya untuk jangka pendek dan jangka panjang. Melalui kajian ini, saya amat berharap agar segala kepakaran, pengetahuan, perincian teknikal dan perubahan iklim mengenai banjir dapat diteliti dan menghasilkan maklumat yang jelas, dan nyata untuk kegunaan pada masa-masa yang akan datang. Sukacita, ingin saya maklumkan satu mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri, akan dibuat pada 8 Disember 2015 untuk pelan tindakan banjir Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kesihatan adalah suatu yang mesti kita jaga dan ianya tidak boleh kita kompromi sama sekali. Sudah tentu di kalangan kita sering kali membangkitkan soal kesihatan, kerana kita yakin dan percaya melalui penjagaan kesihatan yang baik dan terurus, maka sebuah negara itu akan dapat membangun dengan lebih pesat dan maju. Tidak terkecuali dengan Negeri Johor. Walaupun secara keseluruhannya, peruntukan kesihatan yang diperolehi adalah daripada persekutuan, namun, kesempatan ini saya ingin mendedikasikan jutaan terima kasih kepada seluruh warga Jabatan Kesihatan Negeri Johor, yang tanpa mengira waktu dan masa telah mencurahkan tenaga dan khidmat mereka tanpa mengenal penat dan lelah. Ancaman denggi, kepialu, kencing tikus, doktor viral, etika pakaian, kesesakan hospital sehingga kepada isu jerebu, semuanya, berkaitan tentang dengan kesihatan, dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Setiap kritikan dan pandangan sentiasa diambil serius dan diberikan perhatian untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada. Di marah, diherdik, adalah perkara biasa. Dipuji, amat jauh sekali. Namun, warga Jabatan Kesihatan Negeri Johor sama ada di Hospital, Klinik Kesihatan Daerah, Klinik Desa, Klinik 1Malaysia dan Kesihatan Awam Negeri dan daerah, tetap penuh dedikasi menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Negeri Johor berikut adalah perjawatan Pegawai Perubatan. Bagi hospital, kita mempunyai 2,422 pegawai perubatan. Bagi jawatan kesihatan, kita mempunyai 473 dan pergigian 314. Yang menjadikan jumlah keseluruhan jumlah doktor kerajaan Negeri Johor berjumlah 3,209 orang. Bilangan doktor atau pakar setiap hospital swasta bagi Negeri Johor, bagi pegawai perubatan mempunyai 74, pakar 185. Dan bilangan doktor pakar di setiap hospital swasta bagi Negeri Johor berjumlah 259 orang. Bilangan doktor Klinik Perubatan Swasta (GP) dan Klinik Pergigian Swasta Negeri Johor. Bagi Negeri Johor, GP berjumlah 895 dan pegawai perubatan pergigian swasta, 194, dengan jumlah keseluruhan 1,089. Jumlah perjawatan untuk warga kesihatan Negeri Johor, seramai 22,409 orang kakitangan termasuk jururawat 8,108 orang, kumpulan profesional 1,063 orang dan kumpulan lain-lain 9,159 orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melihat kepada statistik ini, jelas membuktikan bahawa nisbah warga Jabatan Kesihatan Negeri Johor berbanding rakyat Johor, adalah 1 kepada 160. Manakala nisbah doktor berbanding rakyat pula adalah 1 kepada 1,121. Orang yang memberi gambaran jelas, bahawa mereka memang terbeban dan tertekan di dalam menjalankan amanah. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Dewan yang mulia ini dan mengajak seluruh sahabat-sahabat ADUN untuk sama-sama mendidik bangsa Johor, agar lebih bersabar dan mengikut peraturan yang ditetapkan di semua fasiliti di semua perubatan Negeri Johor, untuk kita sama-sama manfaatkan penjagaan kesihatan di Negeri Johor.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor yang ditanya oleh ADUN Puteri Wangsa, sedar akan keperluan penambahan fasiliti kesihatan di Negeri Johor, terutamanya di Daerah Johor Bahru yang kepadatan penduduknya tinggi berbanding daerah-daerah lain. Bagi menambahkan fasiliti Klinik Kesihatan, pelan induk pembangunan klinik kesihatan telah disediakan. Bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan sedia ada dan unjuran 15 tahun akan datang. Khusus bagi kawasan Puteri Wangsa, permohonan pembinaan Klinik Kesihatan Puteri Wangsa diletakkan pada keutamaan yang tinggi, memandangkan bilangan penduduk di kawasan tersebut yang tinggi dan tidak dapat ditampung oleh klinik-klinik kesihatan berhampiran di Ulu Tiram dan Klinik Kesihatan Sultan Ismail. Untuk pengetahuan, Klinik Kesihatan Ulu Tiram sedang dalam proses pembinaan. Perkara yang perlu diatasi terlebih dahulu, adalah cadangan pembinaan KK Puteri Wangsa adalah KKM perlu memiliki tapak yang cukup sekurang-kurangnya 3 ekar bagi pembinaan klinik kesihatan jenis 3. Nisbah bilangan doktor kerajaan dan swasta berbanding dengan penduduk Negeri Johor masa ini, adalah 1 kepada 800. Sasaran yang ingin dicapai pada tahun 2020 adalah 1 kepada 400. Walaupun nisbah masih tinggi namun, mengikut rekod perkhidmatan dan penilaian kesihatan yang diberikan adalah sangat baik.

Bagi menilai kepuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan perubatan ataupun kesihatan yang diberikan melalui premis-premis Kementerian Kesihatan Malaysia, jabatan menjalankan kajian kepuasan pelanggan. Kajian tahun 2014 menunjukkan lebih 90% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Yang Berhormat ADUN Nusajaya dan Bukit Permai membangkitkan tentang beberapa perkara. Jabatan Kesihatan Negeri, Johor sedar akan keperluan penambahan fasiliti kesihatan di negeri Johor. Terutamanya di daerah Johor Bahru dan Kulai, yang kepadatan penduduknya yang tinggi berbanding daerah-daerah lain. Bagi

penambahan fasiliti klinik kesihatan, Pelan Induk Pembangunan Klinik Kesihatan telah disediakan bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan sedia ada dan unjuran 15 tahun akan datang. Khusus bagi kawasan Kulai, beberapa lokasi yang padat penduduk dirancang untuk pembinaan klinik kesihatan. Isu besar yang dihadapi bagi daerah Kulai adalah kesediaan tapak yang mencukupi sekurang-kurangnya 3 ekar. Bagi pembinaan klinik kesihatan jenis tiga. Dalam RMK11, jabatan berusaha untuk mendapatkan tapak-tapak klinik di kawasan yang diperlukan agar pembinaan klinik kesihatan dapat dibina dalam RMK seterusnya.

Sebagai langkah sementara jangka pendek, liputan perkhidmatan kesihatan kepada kawasan yang padat ini akan disediakan Klinik 1Malaysia pada tahun 2016. Dalam tahun 2015 ini, jabatan mengesan peningkatan bilangan kedatangan pesakit ke klinik sebanyak 30%. Pengisian Jawatan Perubatan Negeri Johor telah diberikan keutamaan kerana beban kerja yang tinggi. Kedudukan pada awal bulan November 2015, 95% jawatan pegawai perubatan di klinik-klinik kesihatan di daerah Johor Bahru telah diisi. Pada bulan November 2015, secara purata pegawai perubatan di klinik-klinik di Johor Bahru melibatkan sekitar 90 orang pesakit sehari. Nisbah bilangan doktor dengan bilangan kedatangan pesakit dipantau setiap bulan bagi membantu jabatan membuat penempatan pegawai-pegawai perubatan yang bertukar masuk. Jabatan juga memohon jawatan tambahan walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam membuat polisi pembekuan tambahan jawatan. Hospital Kulai mula beroperasi pada tahun 1995. Hospital ini merupakan hospital tanpa pakar dengan 93 bilangan katil. Kadar bilangan katil *bed occupancy rate* bagi Hospital Temenggung Sri Maharaja Tun Ibrahim Kulai. Bagi Rancangan Malaysia Ke-8, BOR nya 56.93. Bagi RMK9, ianya meningkat pada 72.45 dan bagi Rancangan Malaysia Ke-10, dia meningkat lagi kepada 85%. Ini menunjukkan purata BOR meningkat secara berperingkat dari Rancang Malaysia Ke-8. Bagi meningkatkan kapasiti penggunaan katil dan meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan negeri Johor. Pembedahan secara *net working* telah dimulakan pada tahun 1996. Pembedahan secara *net working* merupakan pembedahan yang dilakukan di Hospital Kulai di mana perkhidmatan kepakaran adalah dari Hospital Sultanah Aminah. Terkini, pesakit bukan sahaja datang dari daerah Kulai, malah pesakit dari daerah Johor Bahru, Pontian, Kota Tinggi menerima kemudahan perkhidmatan *net working* tersebut.

Bilangan kemasukan pesakit ke wad tahun 2011, 15, 320; 2012, 15,006; 2013, 14,781 dan 2014, 14,054. Kemasukan dilihat berlaku penurunan sebanyak 8% dan tempoh tinggal di hospital pada tahun 2011, 2.16 hari kepada 2014, 1.75 hari. Populasi penduduk derah Kulai, tahun 2000, 156,000 dan 2020, 245,000. Ini menunjukkan populasi penduduk daerah Kulai iaitu peningkatan sebanyak 53.85% pada tahun 2010, jika dibandingkan dengan tahun 2000. Untuk pengetahuan ADUN Sungai Permai, Sungai Permai pulak, Bukit Permai, ingat Hospital Permai je. Untuk pengetahuan Bukit Permai sebenarnya kerajaan tidak zalim. Saya nak sebutkan kerajaan tidak zalim. Orang Kulai saja yang menzalimi diri mereka sendiri. (Dewan bertepuk). Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan negeri telah pun meletakkan Hospital Kulai di tempat yang ketiga. Tempat pertama adalah Hospital Pasir Gudang, tempat kedua adalah Hospital Sultan Aminah Dua dan Hospital Kulai di tempat yang ketiga. Kerajaan pusat mempertimbangkan hanya Pasir Gudang sahaja. Untuk Hospital Segamat kita dah dapat dulu sebelum pembentangan Rancangan Malaysia yang Ke-11. Jadi ADUN Permai salah faktalah agaknya kat situ. Sebab dia kita dah letak kat situ di tempat

yang ketiga maknanya kerajaan negeri berusaha untuk memastikan bahawa kita akan dapat perkhidmatan yang terbaik.

ADUN Skudai, yang berkaitan tentang pembinaan hospital kerajaan dan hospital swasta jelas berbeza memandangkan fungsi dan tahap perkhidmatan yang disediakan oleh hospital kerajaan adalah menjurus kepada keperluan rakyat secara keseluruhan. Kos pembinaan sebuah hospital tidak boleh bersandarkan kepada bilangan katil sahaja dan perlu melihat kepada perincian komponen yang lain seperti berikut:

1. Skop bidang perubatan yang disediakan oleh hospital;
2. Teknologi dan kecanggihan peralatan perubatan,
3. Kuantiti peralatan dan kemudahan yang disediakan dan
4. Keperluan penyediaan *intensif care* dan lain-lain.

Cadangan pembinaan Hospital Pasir Gudang melibatkan 400 katil dan Skudai mempertikaikan kenapa di Parit Raja KPJ hanya memperuntukkan RM60 juta untuk lebih kurang 90 katil. Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya jelaskan bahawa Skudai pernah berkhidmatan membuat "housement" dan juga berkhidmat dengan hospital kerajaan sebelum mempraktikkan secara persendirian. Sudah tentu dapat membezakan di antara hospital kerajaan dan juga hospital swasta. Hospital swasta seperti KPJ ini lebih mengutamakan kepada keuntungan tetapi bagi Hospital Pasir Gudang, kita melihat tentang banyak perkara. Antaranya adalah berkaitan tentang, selain daripada katil tetapi kita akan membina 8 *number of theatres* pusat pembedahan iaitu *main theatre complex*, 7; O&G 1; jumlah keseluruhan 8. Dan juga membina kuarters bagi kelas D 30, kelas F 60, Kelas G 100 dan *nurse hostel* 50 dan ini sebenarnya tidak dibina oleh KPJ. Dan inilah yang harus kita fikirkan bukan sekadar cuma menuduh, mempertikai dan sebagainya. Kerana kita perlu membezakan antara hospital swasta dan juga hospital kerajaan yang ini lebih kepada untuk mencari perkhidmatan, untuk mencari keuntungan tetapi hospital kerajaan lebih memberikan perkhidmatan kepada rakyat untuk kesejahteraan rakyat. (Dewan bertepuk).

ADUN Tenang, Pejabat Kesihatan Segamat telah membuat permohonan syor roboh. Untuk makluman permohonan syor roboh bangunan kuarters Klinik Kesihatan Labis telah dihantar ke Ibu Pejabat JKR Negeri Johor untuk dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Aset Perolehan Kementerian Kewangan Malaysia untuk kelulusan syor roboh. Keputusan daripada Pejabat Kesihatan Segamat, jika terdapat keperluan bagi melepaskan semula tanah kerajaan kepada JKPTG sekiranya tapak ini tidak digunakan lagi. Justeru itu, mana-mana jabatan atau agensi yang mempunyai keperluan untuk mendapatkan tapak tersebut bagi tujuan kepentingan awam perlu memajukan permohonan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Di daerah Ledang terdapat 6 buah klinik kesihatan. Semua klinik kesihatan tersebut dilengkapi dengan alat *ultra sound* yang digunakan dalam pemeriksaan ibu-ibu hamil. Alat *ultra sound* di Klinik Kesihatan Gersik memang telah uzur dan sedang dalam proses penggantian. Walau bagaimana pun, sebelum sempat bekalan alat baru tiba, alat tersebut telah rosak. Namun pada 24 November 2015, alat *ultra sound* baru telah sampai dan telah boleh digunakan. Jadi, ADUN Tangkak boleh checklah perut dia. Mana ADUN Tangkak? Tak ada?

YB Dato' Timbalan Speaker : Dia tak ada siapa nak menggunakan "ultra sound?. Dewan ketawa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar (Kemelah) : Isteri dia. Dalam tahun, ADUN Penawar membangkitkan tentang beberapa hemodialisis. Dalam tahun 2015 ini, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah diberi peruntukan untuk membangunkan pusat hemodialisis di dalam komuniti. Pusat hemodialisis komuniti pertama negeri Johor telah diwujudkan di Klinik Kesihatan Simpang Renggam dan memulakan operasi pada hujung 2012. Pemilihan kerusi ini adalah bergantung kepada bilangan pesakit yang memerlukan perkhidmatan hemodialisis kesediaan bangunan ataupun kawasan untuk dibangunkan perkhidmatan ini serta kemampuan sumber manusia yang terlatih dalam bidang tersebut. Bagi pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Bandar Mas, pada peringkat awal ianya dilengkapkan dengan 5 mesin hemodialisis yang akan beroperasi dalam 2 kitaran sehari ataupun 2 *shif*. Oleh itu, 5 buah mesin ini dapat menampung maksima 20 orang pesakit. Walau bagaimanapun, bangunan hemodialisis di Klinik Kesihatan Bandar Mas tersebut dibina untuk menampung 13 mesin hemodialisis. Penambahan mesin hemodialisis akan dilakukan secara berperingkat dan bergantung kepada bilangan keperluan. Justeru, penambahan pusat hemodialisis baru perlu dikaji dengan lebih mendalam dan adalah lebih baik kita berusaha untuk mencegah dari menderitai penyakit kegagalan buah pinggang.

Yang Berhormat Sungai Abong membangkitkan tentang pakar urologi. Pakar urologi adalah bidang kepakaran yang mempunyai bilangan pakar yang sedikit dalam perkhidmatan kerajaan. Dalam perkhidmatan kerajaan negeri Johor hanya terdapat seorang sahaja pakar urologi dan satu orang dalam bentuk praktikal yang ditempatkan di Hospital Pakar Sultanah Aminah, manakala diperundingkan swasta, pakar urologi adalah seramai 6 orang. Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit urologi di Muar, mereka akan dirawat oleh pakar bedah umum. Sekiranya keadaan memerlukan pandangan perhatian pakar urologi barulah rundingan akan dibuat. Apabila pesakit memerlukan rawatan dari pakar urologi barulah pesakit dinasihatkan untuk dirujuk di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya amat tertarik dengan cadangan beberapa rakan-rakan ADUN terutamanya ADUN Buloh Kasap yang mencadangkan kepada kerajaan negeri mewujudkan satu tabung kebajikan kesihatan atau dikenali sebagai tabung Kebajikan JDT. Di peringkat saya, kita amat sedar bahawa keperluan membeli implan atau peralatan perubatan di kalangan rakyat amat memeritkan. Kebiasaannya rakyat akan mencari Wakil Rakyat untuk membantu mereka membeli peralatan perubatan tersebut kerana harga di pasaran adalah amat tinggi. Oleh yang demikian, saya akan meminta pihak UPEN di bawah sektor kesihatan bersama-sama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Johor berbincang, meneliti, memperincikan dan menyiapkan satu kertas kerja untuk dipertimbangkan oleh kerajaan. Kita yakin dengan cadangan tersebut amat bersesuaian dengan kehendak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajetnya untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Terima kasih kepada ADUN-ADUN yang telah pun mencadangkannya terutamanya kepada ADUN Buloh Kasap.

Akhirnya, teras pertama, Mengutamakan Kesihatan Rakyat, agenda dua Dasar Johor Prihatin institusi awam. Saya nak maklumkan sebanyak dua hospital baru yang akan dibangunkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Hospital Pasir Gudang dan Hospital Pakar KPJ Sri Gading, manakala Hospital Segamat akan dimulakan kerja-kerja menaik taraf fasa 1. Sementara itu, sebuah klinik pergigian akan dibangunkan di Kluang bertaraf hospital dan 3 buah lagi Klinik 1Malaysia akan dibuka pada tahun 2016, menjadikan jumlah keseluruhan Klinik 1Malaysia di Johor pada tahun hadapan sebanyak 28 buah keseluruhan. Saya juga ingin menambah kegembiraan kepada seluruh negeri Johor bahawa kerajaan juga telah bersetuju pada tahun 2016, sebanyak 2 buah klinik baru akan dibina di negeri Johor. Yang pertama, Klinik Kesihatan Tampoi kelas tiga dengan kos RM30 juta dan juga memindahkan dan juga naik taraf Klinik Kesihatan Kampung Kenangan Muar yang selalu dibangkitkan oleh bekas ketua UMNO bahagian Bakri yang juga ADUN Bukit Naning dan juga sahabat saya Sungai Abong dan saya nak umumkan bahawa Klinik Kesihatan Kampung Kenangan Muar sebanyak RM30 juta.

Selain daripada itu, dari masa ke semasa saya akan terus bersama-sama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Johor turun padang untuk memastikan semua fasiliti kesihatan negeri Johor bukan saja memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat negeri Johor malah mempunyai keupayaan infrastruktur dan kemudahan yang moden dan maju seiring dengan pembangunan pesat negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semoga apa jua yang kita lakukan, apa jua yang kita rancang malah apa jua yang kita fikirkan akan menjadi yang baik. Bukan sahaja kepada diri kita, malah kepada rakyat negeri Johor yang begitu mendambakannya. Sudah semestinya saya amat yakin dan percaya bahawa di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, setiap rancangan yang hendak dijayakan mempunyai keterperinciannya setiap fakta dan teknikalnya. Maka sudah tentu ianya akan dirasai secara bersama setiap rakyat tidak kira umur, jantina, kaum dan agama dan semestinya tanpa mengira pangkat dan darjat. Sesungguhnya Bajet Johor 2016, yang menjadi permulaan kepada Rancangan Johor 5 tahun. 2016 dan 2020 ini, akan menjadi wadah setiap kepada intisari perjuangan UMNO dan Barisan Nasional Negeri Johor. Menuju ke destinasi kemodenan urus tadbir dan kemajuan yang inklusif. Sikap keterbukaan dan berhemah yang diamalkan pasti akan menjadikan Johor sebagai sebuah destinasi kehidupan pilihan rakyat Malaysia pada masa akan datang. Semoga Allah jua yang memberkati kita semua dan kita mesti sentiasa berdoa agar Allah SWT memelihara Johor dan bangsa Johor. Sekian saya menyokong, Wabillahi Taala Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Persidangan diteruskan jemput Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirahmanirrahim, (Bacaan Doa). Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang serta kesempatan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam seisi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet Negeri Johor bagi 2016 dengan lancar.

Bajet yang inklusif, lestari dan sejahtera untuk rakyat Johor mencakupi pelan terancang mengangkat kesejahteraan rakyat, memberi pengiktirafan pengorbanan dan sokongan rakyat. Perancangan jangka masa panjang, pengalihan kepada ekonomi sejahtera dan menyerlahkan lagi budaya muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas soalan-soalan yang diajukan kepada portfolio saya yang berkaitan Belia, Sukan, Kebudayaan mahupun dalam soal memelihara warisan. Walaupun soalan kali ini, nampak agak sedikit tapi saya masih menghargai kerana masih ada yang bertanya saya beberapa soalan untuk saya jawab.

Untuk makluman seluruh Ahli Dewan yang mulia, 5 soalan lisan dan 2 soalan bertulis telah saya jawab semuanya dalam seisi perbahasan sebelum ini. Yang sempat dijawab oleh saya dalam Dewan yang mulia ini saya telah jawab secara lisan, manakala yang tidak berkesempatan untuk tidak menghampakan harapan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah sertakan jawapan secara bertulis kepada semua. Saya amat sedar dan faham, bahawasanya segala persoalan yang diajukan sebenarnya melambangkan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk melihat masa depan negeri Johor yang lebih sejahtera, lestari, cemerlang dan yang paling penting muafakat menjadi tunjang kepada pembentukan bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya tertarik dengan perbahasan oleh ADUN Sungai Balang yang memberi tumpuan khusus terhadap pembangunan belia, kalau mengikut daripada apa yang dibahaskan seperti ingin memaklumkan sesuatu dengan EXCO Belia tapi apa yang akhirnya saya lihat rupanya dia ingin membantu EXCO Belia dalam soal-soal pembangunan belia. Terima kasih kerana memberi buah fikiran yang bernas membentangkan data-data yang cukup komprehensif serta membangkitkan kesedaran betapa peri pentingnya membangunkan belia sebagai pewaris generasi yang akan datang. Yang Berhormat Sungai Balang mencadangkan belia diberikan keutamaan dan tumpuan khusus dalam beberapa perkara melalui 4 teras iaitu Belia Bersaudara, Pembangunan Ekonomi Belia, Menjaga Kebajikan Belia dan Meningkatkan Kepimpinan Belia. Saranan Yang Berhormat sememangnya sungguh tepat dan ia telah sedia menjadi fokus utama kerajaan negeri Johor pada hari ini.

Ramai di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat turut menzahirkan ucapan tahniah atas kejayaan pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim, tidak kira daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada kerajaan mahupun daripada pihak pembangkang. Terima kasih kerana mengucapkan tahniah, dan saya sendiri sebagai EXCO Belia dan Sukan ingin menzahirkan kebanggaan atas kerjasama pada semua pihak tanpa mengira parti, tanpa mengira bangsa dan juga agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan JDT merangkup piala AFC tempoh hari, sebenarnya adalah satu sejarah yang amat besar bukan sahaja kepada negeri Johor tetapi kepada negara kerana untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa piala AFC sebelum ini hanya dikuasai oleh negara-negara Asia Barat. Walaupun kita berasa sedih pada malam tadi kita tewas kepada pasukan FELDA United dalam persaingan Piala Malaysia. Walaupun kita telah berusaha tapi alhamdulillah sokongan kita kepada pasukan JDT tidak berbelah bagi. (Dewan bertepuk). Insya-Allah yang pasti JDT bersama rakyat Johor akan bangkit dan memastikan musim hadapan kita kekal sebagai kuasa utama bola sepak tanah air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sememangnya menjadi juara Piala AFC menjadi kebanggaan kita semua. Pasukan bola sepak JDT yang asalnya daripada sebuah kelab yang terumbang-ambing, tidak diberi perhatian, tidak diletakkan harapan tinggi namun tidak sampai dalam masa tiga tahun telah menempa pelbagai kejayaan seperti Liga Super untuk 2 tahun berturut-turut. Juara Piala Sumbangsih dan terkini Juara Piala AFC, JDT telah menjadi pasukan bola sepak yang bukan sahaja menjadi kelas yang tersendiri dalam Liga Tempatan malahan kini disegani di kancah bola sepak Benua Asia. Saya ingin berkongsi pengalaman dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua rakyat Johor, kejayaan pasukan JDT di Dushanbe, Tajikistan bukanlah satu yang mudah untuk kita capai. Pemain-pemain JDT bukan hanya bertarung menentang 11 orang pemain pasukan Istiklol di atas padang sebaliknya pemain kita belum mengatasi perbezaan bermain di padang rumput sintetik, kepenatan berjalan jauh, kesejukan yang melampau serta menyerap tekanan sorakan puluhan ribu penyokong fanatik pasukan rumah. Namun tiada yang mustahil, sebab itu apa yang dinikmati oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dan juga pasukan JDT pada hari ini harus menjadi contoh kepada persatuan-persatuan yang lain.

Sudah pasti dan tiada siapa boleh menafikan kejayaan gemilang ini merupakan sentuhan hebat dari Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibrahim Tunku Mahkota Johor dengan sokongan jitu kerajaan negeri Johor, Insya-Allah kejayaan ini akan kita terus kecapi pada masa-masa akan datang. Bukan mudah untuk mencipta kejayaan dan yang paling sukar adalah mengekalkan kejayaan. Apa lagi dalam meneruskan momentum kejayaan tersebut. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah mengumumkan Bajet sebanyak RM2.5 juta bagi membantu melaksanakan program pembangunan bola sepak belia di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah pastinya ini akan menjadi pemangkin kepada kejayaan berterusan dan yang lebih penting lebih ramai pemain tempatan Johor akan diserapkan dalam pasukan bola sepak JDT seperti yang diajukan soalan daripada ADUN Senggarang dan juga dalam soalan tambahan YB Rengit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara yang menarik perhatian peminat sukan khususnya bola sepak negeri Johor adalah pengumuman untuk membina sebuah stadium bola sepak di Nusajaya yang berkapasiti antara 40 hingga 45 ribu penonton yang mempunyai ruang-ruang perniagaan serta kemudahan-kemudahan sukan. Walaupun masih di peringkat penyediaan tanah untuk dipajakkan, ia sudah memberi makna bahawa kerajaan telah mengorak langkah awal dalam membina sebuah lagi stadium untuk dijadikan stadium negeri bagi menggantikan Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Larkin yang kini di bawah seliaan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor yang hanya memfokuskan kepada sukan bola sepak. Kita dapat saksikan hari ini Stadium Larkin sudah berubah wajah daripada sebuah stadium menjadi sebuah stadium yang begitu prestij dengan kemudahan yang lengkap, hiasan yang cantik menarik serta menjadi gelanggang utama bagi pasukan bola sepak yang terkemuka tanah air iaitu pasukan bola sepak JDT. Saya juga bersedia untuk mengajukan cadangan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Johor, agar stadium ini bukan sahaja menjadi tempat berlangsungnya perlawanan bola sepak malah ianya akan dijadikan salah satu pusat tarikan pelancongan yang menarik untuk dilawati. Apa lagi apabila pusat latihan bola sepak di Padang Sri Gelam yang sedang dalam pembinaan bila siap kelak sudah pasti ianya akan menjadi nilai tambah untuk tujuan tersebut.

Dalam hal ini, ia bukan sahaja dapat memberi pulangan melalui sektor pelancongan malahan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan lagi promosi pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim yang memberi impak yang besar kepada perkembangan sukan di negeri Johor khasnya bola sepak. Kita boleh lihat bagaimana pasukan gergasi dunia seperti Machester United dengan stadium O*ld trafford*, Chelsea *Stamford* B*ridge, Arsenal Emirates stadium,* yang telah menjadikan stadium mereka sebagai tempat pusat lawatan kepada pelancong-pelancong kepada luar.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat ADUN Semarang tentang perancangan dan usaha kerajaan negeri dalam penganjuran SUKMA pada tahun 2020, dan persiapan awal penyediaan terutamanya infrastruktur sukan. Kerajaan hari ini melalui Majlis Sukan Negeri Johor sedang giat menjalankan Program Pembangunan Atlet seawal usia 10 tahun sebagai usaha menjadi antara pencabar terkuat pada SUKMA pada tahun 2020. Mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat telah maklum bahawa Johor telah dipilih sebagai tuan rumah SUKMA bagi tahun 2020. Program mencungkil bakat dilaksanakan di setiap daerah, atlet yang dikenal pasti, yang berpotensi akan terus dipantau dan diberi latihan khusus. Pelajar-pelajar ini dicadangkan untuk bersekolah di sekolah-sekolah yang melaksanakan program sukan prestasi tinggi agar perkembangan mereka dapat dipantau dari segi latihan, makanan dan juga penyertaan penganjuran sukan.

Dari segi infrastruktur dan *facilities* sukan untuk penganjuran SUKMA tahun 2020 pula, kita menyedari bahawa untuk membangunkan semua *venue* baru akan melibatkan kos kewangan yang besar. Oleh itu satu penyelidikan sedang dijalankan untuk mengenal pasti *facilities* sukan di seluruh negeri Johor sama ada ianya perlu di naik taraf atau infrastruktur sukan baru yang perlu dibina. Kajian ini akan disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor. Kajian ini akan dijadikan sebagai rujukan utama dalam perancangan pembangunan infrastruktur dan *facilities* sukan untuk SUKMA tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor juga akan menjadi pendahulu dalam mengangkat dan mengiktiraf golongan Orang Kelainan Upaya dalam bidang sukan. Saya amat mengkagumi misi Yang Amat Berhormat Menteri Besar bukan hanya kepada mereka yang normal tetapi mereka yang istimewa juga turut diberi perhatian dengan menubuhkan sebuah sekretariat sukan OKU di bawah seliaan Majlis Sukan Negeri Johor kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Johor yang mana sebanyak RM200,000.00 telah diperuntukkan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Sekretariat ini akan berperanan melaksanakan Program Pembangunan Sukan OKU di peringkat akar umbi selain memastikan pengurusan dan kebajikan atlet terjamin sama ada dalam latihan mahupun semasa menyertai kejohanan.

Selaras dengan usaha ini, kerajaan negeri melalui sekretariat yang ditubuhkan juga akan mengkaji semula insentif kemenangan yang diberikan sebelum ini kepada atlet-atlet OKU agar ianya setimpal dengan sumbangan dan juga pencapaian mereka. Inisiatif seperti ini diharap akan dapat meneruskan kecemerlangan atlet OKU terutama dalam penyediaan menghadapi sukan Paralimpiad pada tahun hadapan dan memperbaiki pencapaian tahun lalu di tempat ketiga keseluruhan dengan pencapaian 29 pingat emas. Benarlah kata Saidina Omar, jika ingin melihat keadaan negara yang akan datang kita perlu lihat belia pada hari ini. Oleh itu, agenda

pembangunan belia akan terus diperkasakan melalui Program *Johor Future* dengan peruntukan sebanyak RM488,000.00 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari.

Program ini bertujuan menyediakan generasi belia yang kompeten serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ianya akan melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah yang akan meninggalkan alam persekolahan melalui aktiviti sukarelawan, kemasyarakatan, taklimat, pameran dan aktiviti percambahan ilmu yang akan dilaksanakan di peringkat akar umbi dengan penglibatan pemimpin-pemimpin tempatan. Bagi memastikan jati diri peserta, mereka turut diberi pendedahan berkenaan asas-asas pembinaan negeri Johor, dasar-dasar serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan khasnya oleh kerajaan negeri Johor terhadap rakyat negeri Johor. Sudah pasti, dengan sentuhan awal ini dapat menarik minat serta perhatian pelajar untuk lebih memahami seterusnya menanamkan sifat cintakan negara khasnya negeri Johor, agar mereka tidak mudah terpedaya dengan dakyah songsang terutamanya di laman media sosial yang mampu merosakkan minda dan pemikiran belia Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, fokus aktiviti sukarelawan akan terus dijadikan agenda utama dalam membina belia yang prihatin terhadap masyarakat di samping dapat mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi, yang telah memberi peruntukan sebanyak RM2 juta bagi aktiviti kesukarelawanan bagi tahun 2016. Dengan peruntukan yang besar ini aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja hanya tertumpu kepada mereka, memberi sumbangan kepada orang susah sahaja atau bencana semata-mata,sebaliknya akan diperluaskan dalam bidang pendidikan, seni budaya, sukan, sosial dan juga infrastruktur. Terima kasih kepada sukarelawan Darul Takzim, walau pun dalam usia setahun jagung, sukarelawan Darul Takzim telah membantu beberapa program anjuran kerajaan negeri seperti menjadi urusetia pada Sukan Muafakat Johor dan juga Festival Seni Anak Johor yang sedang berlangsung di Dataran Bandaraya ketika ini.

Untuk tahun 2016, peruntukan RM2 juta ini boleh dipohon oleh persatuan-persatuan melalui Pusat Pembangunan Belia Johor. Antara aktiviti yang digalakkan seperti motivasi pelajar-pelajar sekolah, memperbaiki infrastruktur yang rosak, membantu membaiki rumah dan juga peralatan golongan asnaf. Contohnya, seperti menukar mentol lampu, menyumbang persembahan seni budaya dan membantu kerja-kerja penganjuran program-program kerajaan seperti urusan pengagihan makanan, pemasangan peralatan, pembersihan, keselamatan, hiasan dan sebagainya.

Saya amat berbesar hati bila mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi telah meluluskan Program Bantuan Belia Islam untuk tahun yang ketiga. Saya telah memperolehi maklum balas yang amat positif terhadap perlaksanaan bantuan yang diberikan sebelum ini. Oleh itu, dengan penambahan sebanyak RM500,000.00 dengan jumlah keseluruhan RM2.25 juta, saya percaya bantuan ini mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan usahawan belia Johor seterusnya menggerakkan ekonomi negeri Johor secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyarankan kepada usahawan belia Johor agar mereka sentiasa bersyukur dan mengambil peluang ini sebaiknya untuk

tujuan memajukan perniagaan mereka. Kerana saya percaya, skim seumpama ini hanya ada dan mampu dinikmati di negeri Johor Darul Ta'zim sahaja. Walau pun kerajaan punya skim bantuan khusus kepada belia Islam, namun belia bagi kaum-kaum lain turut tidak dilupakan. Bagi menggalakkan aktiviti belia berpersatuan dengan tanpa mengira kaum, skim bantuan belia diteruskan dengan 3 fokus utama iaitu:

1) Bagi Program Pembangunan Belia, ia boleh dipohon melalui Pusat Pembangunan Belia Johor.
2) Program Aktiviti Sukan melalui Majlis Sukan Negeri
3) Program kebudayaan Belia dipohon melalui Majlis Kebudayaan Negeri Johor.

Dengan pelbagai insentif yang disediakan ini, terhadap belia Johor, ia membuktikan kerajaan Johor amat komited dalam membangunkan modal insan untuk menyediakan generasi yang mampan iaitu generasi yang bermaklumat, mempunyai daya pemikiran yang kreatif, inovatif, mampu berkomunikasi, bersosial, mempunyai daya kepimpinan dan bertanggungjawab terhadap masyarakat sekeliling demi masa depan negeri Johor yang lebih baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembinaan tamadun berlaku dalam tempoh yang cukup panjang. Kerajaan negeri Johor yang ada pada hari ini merupakan pusaka turun temurun empayar kerajaan Kesultanan Negeri Johor yang dibina semenjak tahun 1528. Setelah kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka, Johor sememangnya sudah terkenal sebagai pusat dokumentasi semenjak kurun ke-17 iaitu semasa pemerintahan Temenggung Ibrahim dengan hasil-hasil karya agung tulisan rakyat Johor seperti Al-salatin, Tuhfat Al-Nafiz, Gurindam 12 dan yang paling utama, Salatus Salatin yang menceritakan sejarah Kesultanan Melayu Melaka dan pembinaan empayar Kesultanan Melayu Johor. Dari penulisan inilah, sejarah dikaji dan ditulis mula untuk rujukan generasi demi generasi. Dokumentasi lama seperti dokumen perjanjian, surat, laporan, titah dan sebagainya amat penting dalam menjaga kepentingan negeri Johor di masa-masa yang akan datang. Menyedari hakikat peri pentingnya pengumpulan semula dokumentasi lama ini dan perlunya penulisan sejarah berkenaan negeri Johor dilakukan secara berterusan, Pusat Dokumentasi Johor akan ditubuhkan di Kompleks Yayasan Warisan Johor dengan suntikan awal sebanyak RM200,000.00 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang mana, pusat ini akan berfungsi sebagai arkib dan menjadi pusat rujukan utama berkenaan pelbagai sejarah dan warisan negeri Johor. Dalam usaha ini, operasi Arkib Negara Cawangan Negeri Johor yang sebelum ini meliputi beberapa negeri di kawasan selatan seperti Negeri Sembilan, Melaka dan juga negeri Johor. Tetapi mulai tahun 2015, operasi Arkib Negara Negeri Johor hanya tertumpu pada negeri Johor sahaja iaitu kita harapkan dengan perkembangan ini Arkib Negara Negeri Johor dapat membantu secara khusus dalam merealisasikan penubuhan Pusat Dokumentasi Johor ini di bawah seliaan Yayasan Warisan Johor dengan dibantu oleh Persatuan Penulis Johor serta Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Johor.

Berkenaan minat terhadap sejarah yang kian berkurangan di kalangan generasi muda seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Seri ADUN Parit Raja, sebenarnya kaedah pembelajaran juga memainkan peranan yang penting. Kerana, masyarakat hari ini lebih suka mengetahui dan mengambil berat perkara yang akan berlaku daripada perkara yang sudah berlaku dan menjadi sejarah. Kerana mereka tak

menganggap sejarah ini sebagai satu pedoman pada mereka, kerana sejarah ini tidak boleh menipu kecuali pakar sejarah yang menipu. Jadi, saya harap dengan adanya pendekatan baru, bagaimana kita perlu melihat kaedah pembelajaran itu perlu dikaji semula, dengan cara yang lebih kreatif, program-program luar bilik darjah perlu dipertingkatkan seperti kuiz sejarah, drama, pementasan teater, debat dan jelajah sejarah contohnya jelajah sejarah Bangsa Johor bagi menarik minat pelajar seterusnya memperkasakan penghayatan sejarah khususnya sejarah Johor bagi melahirkan Bangsa Johor yang cintakan tanah air. Di sinilah kita akan lihat peranan Pusat Dokumentasi Johor yang akan menyediakan bahan-bahan untuk pembelajaran sejarah, selain menjadi pusat rujukan bagi para pelajar, mahasiswa, guru-guru dan juga penyelidik dari dalam dan juga luar negara. Dalam pada itu, pusat dokumentasi ini juga akan memainkan peranan utama dalam memperjuangkan bahasa Melayu. Semua buku-buku yang diterbitkan akan menggunakan Bahasa Melayu Riau seperti yang terkandung dalam Resolusi Persidangan Melayu Johor awal bulan November yang lalu. Ini bertepatan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Jorak dalam sesi perbahasan sebelum ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab persoalan mengenai baik pulih Wisma Sejarah Batu Pahat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang, Yayasan Warisan Johor akan diberi tugas dan saya yakin dengan peranan Yayasan Warisan Johor untuk melihat peranan Wisma Sejarah Batu pahat. Dan, kita akan cuba membuat kajian dan bagaimana kita boleh menaik taraf dan juga membugarkan kembali bangunan tersebut. Bangunan ini insya-Allah, akan di baik pulih setelah mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri. Kos baik pulih bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat tersebut akan disekalikan dengan bangunan Persatuan Sejarah Batu Pahat seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat ADUN Senggarang. Insya-Allah, jika ia telah di baik pulih dan di naik taraf ianya akan memberi keselesaan kepada ahli-ahlinya. (Dewan bertepuk).

Bagi menjawab soalan daripada YB ADUN Bekok berkenaan pewartaan bangunan lama, sebenarnya soalan tambahan ini daripada ADUN Bekok untuk Yang Berhormat Datuk Tee tempoh hari, tetapi saya terpanggil untuk menjawab bahawa Yayasan Warisan Johor akan terus menjalankan agenda bagi mewartakan bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dalam usaha memelihara warisan negeri Johor. Pewartaan bagi bangunan berusia lebih 50 tahun boleh dilakukan dengan menghantar permohonan kepada Jabatan Warisan Negara di mana kajian-kajian kesesuaian pewartaan akan dilaksanakan seterusnya melalui proses kelulusan. Walau bagaimanapun pewartaan ini mestilah mendapat persetujuan daripada pemilik premis bangunan berkenaan. Jika ada ADUN Bekok pun ada bangunan, lebih 50 tahun pun boleh memohon, jika Yang Berhormat setujulah. Mesti mendapat persetujuan dari Pihak Berkuasa dan juga mesti dapat persetujuan dari Pihak Berkuasa Negeri iaitu kerajaan negeri Johor pada hari ini.

Proses kelulusan bagi mewartakan bangunan di bawah Akta Warisan 2005 memakan masa yang agak lama. Kita pun faham. Oleh yang demikian, bagi premis bangunan kepunyaan negeri dan yang mempunyai kepentingan peringkat negeri, pewartaan boleh dibuat di bawah Enakmen Yayasan Warisan Johor Tahun 1988. Langkah ini akan mempercepatkan lagi proses pewartaan bagi melindungi dan memelihara bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menyemarakkan aktiviti seni budaya di negeri Johor, Festival Seni Muafakat Johor akan dilaksanakan dan dijadikan sebagai acara tahunan dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan sasaran 5,000 penyertaan dari pelbagai kaum. Acara utama termasuklah pertandingan kompang, zapin, tarian tradisi Cina, tarian tradisi India, gendang Cina 24, gendang tradisi India, pertandingan muzik keroncong serta ghazal. Selain itu ia turut menampilkan aktiviti lain seperti aktiviti seni lukis dan reka, seni kreatif, seni lakon, kraf tangan dan permainan tradisional. Sudah pasti festival ini akan diadakan sebagai satu jenama besar bagi produk pelancongan negeri Johor dan insya-Allah saya akan bekerjasama dengan Yang Berhormat Datuk Tee, sebagai EXCO yang bertanggungjawab bagi kita meletakkan festival ini sebagai salah satu acara dalam kalendar negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, program ini yang saya sebutkan tadi akan diselaraskan oleh Majlis kebudayaan Negeri Johor dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor, Pusat Pembangunan Belia Johor, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor serta sudah pasti turut melibatkan persatuan-persatuan seni budaya di seluruh negeri Johor. Manakala bagi program karya, program yang melibatkan belia-belia kreatif yang minat dalam bidang teater, yang dimulakan pada tahun 2015 akan dijenamakan semula dan akan diteruskan bagi memberi ruang kepada belia Johor menonjolkan bakat dalam pementasan teater yang akan dilaksanakan setiap bulan. Aktivis-aktivis seni boleh mengemukakan cadangan persembahan yang melibatkan persembahan pentas kepada sekretariat karya melalui Majlis Kebudayaan Negeri Johor untuk dinilai. Kerajaan negeri akan memberi bantuan dalam bentuk dana dan sokongan teknikal bagi perlaksanaan pementasan teater yang dicadangkan jika ianya baik dan boleh dipentaskan di Kompleks Yayasan Warisan Johor.

Untuk tahun 2016, peruntukan disediakan sebanyak RM30,000.00 bagi setiap pementasan. Kita cadangkan pada tahun 2016, 6 pementasan teater dengan peruntukan sebanyak RM180,000.00 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Diharap peluang ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh aktivis seni Johor untuk mereka berkarya secara tidak langsung dapat membangunkan industri kreatif di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan persoalan-persoalan mengenai beberapa perkara di bawah portfolio saya. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mengumumkan inisiatif-inisiatif untuk dilaksanakan pada tahun hadapan. Sudah tentu, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, yang memberi ruang kepada saya untuk menggulung perbahasan pada sidang kali ini. Sungguhnya tugasan membangunkan belia bukanlah hanya terletak di bahu saya seorang. Sebaliknya tugasan ini merupakan tugasan kita semua. Kerana pembentukan modal insan ini akan menyumbang kepada pembinaan tamadun hebat di masa hadapan. Yang pasti, program-program sukan dan rekreasi akan terus digerakkan dalam membina rakyat yang sihat untuk memacu negeri Johor ke arah yang lebih membangun dan lebih maju. Namun, tidak sesekali kita lupa kepada bumi yang dipijak. Dengan menjunjung adat dan seni budaya

warisan bangsa yang dipusakai sejak zaman berzaman. Ianya akan diperkasa dan terus dimartabatkan. Segala yang kita ada hari ini adalah hasil daripada pejuang yang terdahulu. Dan, segala yang kita lakukan hari ini adalah pinjaman untuk generasi yang akan datang. Semoga anak cucu cicit kita nanti akan menerima, menyambut dan meneruskan kecemerlangan tamadun kerajaan negeri Johor yang gemilang. Kepada Allah, berserah. Biar tertatih, biar bertongkat, onak dan duri ditempuh sama. Johor lestari, rakyat muafakat. Mencipta tamadun untuk hari muka. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong. (Dewan bertepuk).

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih. Kita teruskan perbahasan. Sila Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Bismillahi rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Bajet 2016 Negeri Johor. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, di atas pengumuman beberapa insentif kepada pembangunan pertanian dan industri asas tani negeri Johor. Alhamdulillah bajet kali ini masih memberikan tumpuan kepada sektor pertanian dan beberapa program baru yang akan kita perkenalkan.

Bagi tahun 2016 ini, sektor pertanian sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada jabatan-jabatan dan agensi yang berkaitan. Kerajaan negeri amat komited dalam menggalakkan rakyat negeri Johor untuk terlibat secara langsung dalam bidang pertanian merangkumi sektor tanaman, penternakan juga perikanan. Sehubungan dengan itu, melalui program-program yang telah disusun, diharap matlamat tersebut akan tercapai dan secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan industri ini.

Sebanyak RM13 juta disalurkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Johor. Selain daripada program teras Jabatan, tumpuan juga akan diberi kepada program-program yang menjurus kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti usahawan tani. Program Galakkan Usahawan (PGU) merupakan program yang cukup popular di negeri ini yang mana negeri-negeri lain tidak memperkenalkan program ini tetapi di Johor sahaja memperkenalkan program memberi bantuan, geran sama ada projek industri kecil, pembangunan projek pertanian, projek tanaman fertigasi.

Seterusnya melalui Program Pertanian Rakyat, juga akan dilaksanakan dengan memberi bantuan bahan input pertanian kepada rakyat untuk menjalankan aktiviti pertanian bagi mengurangkan kos sara hidup. Program ini akan dilaksanakan dengan manfaatkan tanah-tanah kosong di sekeliling rumah ataupun tanah-tanah terbiar milik individu. Selain itu, ia juga dapat menambahkan pendapatan isi rumah dan komuniti dengan pengeluaran bahan makanan serta dapat menawarkan harga yang lebih murah daripada harga pasaran.

Selain daripada itu, kita juga memperkenalkan program baru iaitu Agro Pelancongan. Walaupun Agro-Pelancongan ni seolah yang dilaksanakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, sebenarnya Agro-Pelancongan di bawah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani. Di mana kita telah menaik taraf. Untuk tahun ini, kita telah mendapat peruntukan menaik taraf Taman Pertanian Johor di Kong Kong, Masai. Alhamdulillah, pada tahun ini kita telah dapat peruntukan daripada mantan Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin ketika itu, menaik taraf Taman Pertanian Kong Kong, sebanyak RM1 juta. Dan juga kita telah mendapat peruntukan RM2 juta untuk mengujudkan Ekopelancongan Pulau Durian Condong, Ledang. Ini akan dikelolakan oleh Majlis Daerah Tangkak, dan juga kita telah mendapat peruntukan sebanyak RM5 juta untuk Pusat IKS dan Pelancongan di Bandar Maharani, Muar, di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Muar. Nikmat ini kadang-kadang kita tidak sedari, hanya apabila ia telah hilang barulah manusia benar-benar terasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Agro Johor merupakan karnival yang mendapat sambutan yang begitu hebat dalam masyarakat di Johor dan juga pelancong luar. Jadi, kita juga telah menjalankan aktiviti ini untuk tujuan mempelbagaikan saluran pemasaran produk usahawan tani. Pada tahun 2016, kita akan memperkenalkan satu program baru yang dikenali sebagai Program Karnival Muafakat Tani. Kalau program Agro Johor adalah peringkat negeri Johor, program Mini Agro Johor peringkat daerah-daerah di dalam negeri Johor, manakala Program Karnival Muafakat Tani akan kita jalankan di peringkat DUN-DUN dalam negeri Johor. (Dewan bertepuk). Tapi pada tahun depan, kita hanya menjalankan 10 DUN yang terpilih dahulu. Insya-Allah, kita akan menyebar luaskan lagi program ini ke tahun-tahun akan datang. Seterusnya konsep *Agro Home*, dengan izin, merupakan satu konsep yang menekankan aspek pengeluaran bahan makanan berkualiti, pada kos penanaman yang minimum dan mengurangkan penglibatan orang tengah bagi tujuan pemasaran.

Oleh itu kerajaan negeri mengambil pendekatan untuk mewujudkan Skim Bantuan Gerai Muafakat Rakyat, untuk membantu pengusaha sektor pertanian yang ingin memasarkan hasil mereka secara terus kepada pembeli di samping mendapat memendekkan tempuh jualan selepas tuaian bagi menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi dan stabil kepada petani. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Pusat dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Seterusnya sebanyak RM6 juta, akan diperuntukkan kerajaan negeri kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, selain daripada Program Pemantapan Kawalan Penyakit Dan Kesihatan, kita juga memperkenalkan satu program baru yang telah kita mulakan pada tahun ini iaitu Program Penternakan Rakyat. Program ini menumpukan usaha meningkatkan pendapatan penternak tradisional dan semi komersial iaitu lembu pedaging dan kambing dan juga biri-biri pedaging. Setiap peserta akan diberikan ternakan percuma 2 ataupun 3 ekor lembu betina atau 2 hingga 5 ekor kambing jantan dan seekor pejantan ternakan untuk lembu dan juga ataupun kambing. Jadi kini akan ada aku janji, dan juga kita kehendaki lembu ini tidak boleh disembelih, atau ternakan ini tidak boleh disembelih dalam tempoh masa 2 tahun. Tapi kalau penternak tradisional menjual ternakan yang sedia ada dalam tempoh ini, dengan harga yang kurang daripada 20%, mereka layak untuk mendapatkan skim ini sekali lagi, kerana kita

nak mengurangkan kos ataupun kita nak mengurangkan harga ternakan ini di pasaran. Pertama kita nak memperbanyakkan dan yang kedua kita nak pastikan harga ternakan ini dapat dijual dengan harga yang lebih murah lagi daripada harga pasaran.

Sebanyak RM1 juta disalurkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Johor, program baru juga penternakan rakyat, perikanan rakyat meliputi skim bantuan baik pulih kolam, sangkar, bantuan benih ikan sangkar, ikan sungai dan juga skim perikanan bandar, sistem hidroponik bagi tujuan untuk meningkatkan pengeluaran pengusaha perikanan dan juga mengurangkan kos sara hidup rakyat juga diperkenalkan. Bagi meringankan beban nelayan Johor Selatan, sekali lagi kerajaan negeri kalaulah yang lepas bagi sagu hati sebanyak RM1,000.00 dan tahun ini dinaikkan kepada RM2,000.00 dan insya-Allah seramai 1,600 orang nelayan Johor Selatan akan terlibat dan dapat manfaat melalui program ini.

Kita juga akan, melalui agensi-agensi Kementerian Pertanian Asas Tani yang lain seperti MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor, LKIM, Lembaga Perindustrian Nanas akan menawarkan pelbagai program untuk membantu petani-petani dalam negeri Johor, begitu juga FAMA, akan terus mengujudkan Pasar Tani, Agro Bazar dalam negeri Johor. Kerajaan negeri juga mengalu-alukan peranan pihak swasta di dalam memainkan peranan secara langsung atau tidak langsung untuk menggerakkan program pertanian.

YB Dato' Timbalan Speaker : YB, sila berehat sekejap ya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani : Belum azan lagi kan...

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila-sila jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani : Ok. Kerajaan negeri juga mengalu-alukan pihak swasta dalam memainkan peranan secara langsung atau tidak langsung untuk menggerakkan program pertanian khususnya pihak IRDA dalam melaksanakan Program Pertanian Kota yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Begitu juga, pihak RTC bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk memastikan peningkatan pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Sehubungan desa dan bandar telah diperluaskan menerusi pelaksanaan inisiatif jaringan strategi iaitu pertanian komuniti, pusat pengumpulan pengedaran, perkhidmatan e-dagang, penyediaan produk KR1M, KR1Malaysia, *on* pertanian khas dan juga aktiviti-aktiviti kesukarelawan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya seterusnya akan menjawab soalan-soalan yang dibahaskan dalam Dewan ini. Yang Berhormat dari Semarang ada menyuarakan tentang kebimbangan beliau dalam perkara berkaitan dengan sekuriti makanan. Bagi menampung keperluan dalam negeri dan juga untuk menjamin keselamatan bekalan makanan yang mencukupi dan berterusan, serta membendung kenaikan harga, kerajaan negeri sedang dan telah merangka program tindakan yang positif ke arah untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan melalui program-program tanaman selingan, kebun integrasi, pembukaan kawasan baru, penambah baikkan kawasan sedia ada. Pelbagai program telah disusun untuk kita pastikan bekalan

makanan ini terus dapat kita pertingkatkan dalam negeri Johor. Kita sedia maklum bahawa pengeluaran makanan dalam negeri Johor, kita telah menyumbang peningkatan, ini boleh kita rujuk daripada Buku Perangkaan Agro Makanan 2014. Di mana di Johor, telah mengeluarkan 526,664 metrik tan buah-buahan iaitu 33% daripada keseluruhan Malaysia, kita juga telah mengeluarkan sayuran sebanyak 326,804 metrik tan iaitu 23% daripada Malaysia, dan juga tanaman kontan, kita telah menyumbang sebanyak 57,364 metrik tan dan juga sebanyak 147,109 metrik tan bagi pengeluaran nanas iaitu 57% dalam Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan ternakan kita, daging ayam sebanyak 166,122 metrik tan pengeluaran kita dan juga daging lembu dan juga kerbau, kita juga telah mengeluarkan sebanyak 23,925 metrik tan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita memang banyak mengimport daging iaitu sebanyak 5.8 bilion ternakan, kita juga sedia maklum bahawa daging-daging yang diimport ini sebenarnya dibuat penambah nilai. Antaranya dijadikan serunding, ada yang buat sate dan pelbagai lagi. Ha itu sebab mengapa kita terpaksa mengimport daging untuk meningkatkan lagi pengeluaran dan tapi akhirnya kita menambah nilai kan lagi produk yang kita import, ada setengah-setengah bahan itu kita dapat mengeksport keluar negara. Begitu juga kita di maklum, Yang Berhormat Semarang juga ada maklum tentang makanan ternakan. Kita sedia maklum makanan ternakan, kita terpaksa mengimport jagung daripada luar negara. Walau bagaimana pun pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar terus meningkatkan pengeluaran makanan dengan membangunkan kawasan rizab padang ragut dalam negeri Johor dan juga kita telah membangunkan sebanyak 80% padang ragut yang menghasilkan 100,000 tan metrik *napius* segar sebagai makanan ternakan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk Yang Berhormat daripada Buloh Kasap bolehlah merujuk kepada Pelan Strategik PKS Negeri Johor untuk mengetahui secara *detail* tentang hab pertanian Segamat. Ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melancarkan Pelan Strategik PKS Negeri Johor. Walau bagaimanapun, Pelan *blue print* ataupun Pelan Pembangunan Pertanian untuk Daerah Segamat, kita telah meminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Malaysia untuk membantu memberikan peruntukan. Yang ini, kita telah membawa kepada Kementerian untuk mendapatkan peruntukan sekurang-kurangnya RM5 juta untuk membangunkan program-program hab pertanian di Segamat. Walau bagaimanapun, waktu saya bercuti, EXCO yang memangku daripada Segamat, EXCO Alam Sekitar telah menaikkan peruntukan daripada patutnya RM5 juta kepada RM9 juta. Nasib baik dia mangku 2 bulan, kalau 6 bulan saya tak tahulah berapa banyak dia bawak ke Segamat. (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, TKPM kita akan terus kita majukan. Itu sebab peruntukan dari negeri kita telah memberi peruntukan, selain daripada kita minta daripada *federal* di peringkat negeri juga kita telah memberi peruntukan untuk menaik taraf TKPM yang berada di dalam negeri kita. Dan juga kita nak pastikan juga TKPM-TKPM yang bermasalah dapat kita perelokkan untuk memastikan pengeluaran-pengeluaran makanan dalam negeri Johor dapat dipertingkatkan. Sepertimana yang maklum, kita ada lebih kurang 669 hektar luas TKPM dalam negeri Johor.

Saya juga ingin menyentuh tentang pertanyaan daripada Bekok iaitu pengeluaran hasil fertigasi. Ini adalah satu tanaman yang popular walau bagaimanapun, teknologi fertigasi ini kita di peringkat Jabatan Pertanian kita kena kenal pasti yang betul-betul sesuai. Kita tak mahu nanti memperkenalkan satu produk ataupun teknologi yang akhirnya merugikan pihak petani. Fertigasi yang boleh saya ceritakan, satu pokok boleh menghasilkan pengeluaran 2 kilo sepanjang 5 bulan, yang boleh menghasilkan satu pokok lebih kurang 2 kilo, dengan lebih kurang RM50.00. Kalau ikut sekarang ini yang saya lihat, bila kita keluarkan 1,000 pokok untuk suku ekar sahaja tanah, satu pokok boleh menghasilkan 2.5 kilo, 1 kilo bernilai RM10.00, menghasilkan RM25.00. Bayangkanlah RM25.00 kali 1,000 pokok yang tuan-tuan hasilkan hanya memberikan pulangan sebanyak RM25,000.00 sepanjang tempoh 5 bulan.

Jadi kalau kita kira, kita boleh mendatangkan hasil sehingga sebulan lebih kurang RM5,000.00 hanya dengan, kos hanya RM6,000.00 sahaja boleh menghasilkan pendapatan RM25,000.0 dalam masa 5 bulan. Itu kalau kita lihat, hanya suku ekar sahaja dalam 1,000 pokok. Sebab kita sekarang ini dalam negeri Johor kita melalui Program PGU, Program Galakan Usahawan, kita memberi bantuan untuk menggalakkan Program PGU ini, Program Fertigasi ini kepada belia-belia dengan kita beri bantuan. Kita ada pakej, pakej kita antara RM2,000.00 hingga RM30,000.00. Pakej-pakej bantuan untuk meringankan ataupun menggalakkan lagi pengeluaran. Yang menariknya saya lihat Program Fertigasi ini terdiri daripada orang muda. Contohnya, di kawasan, di FELDA Semenchu, saya hadir satu kawasan itu yang diketuai oleh orang muda yang kita jadikan dia sebagai mentor yang bawahnya telah menghasilkan 40 orang mentee-mentee yang memberikan pendapatan. Mentor ini dia cari pasaran, dia juga buat dan akhirnya untuk mentee-mentee ini hanya jual kepada satu pihak sahaja. Lebih kurang saya ingat satu bulan produk dia yang perlu dihasilkan sebanyak 100 tan metrik untuk dihantar ke luar daripada Johor.

Itu sebab tanaman fertigasi ini akan kita perluaskan lagi kursus-kursus. Ilmu itu penting, saya rasa untuk mencapai sasaran ini, ilmu untuk mengajar pihak yang ingin mengusahakan ini, kita tak mahu nanti hasil yang dilaksanakan ini akan merugikan mereka kalau mereka tersilap mempelajari bidang fertigasi ini.

Itu sebab insya-Allah kita akan perluaskan lagi. Cumanya pada tahun ini kita telah, sepatutnya peruntukan kita bagi hanya RM500,000.00 melalui PGU, kerana permintaan yang terlalu tinggi kita telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.18 juta kepada 80 pengusaha fertigasi dalam negeri Johor. Yang ini hampir keseluruhan orang muda yang mengusahakan. Jadi peringkat sekarang ini yang popular memanglah cili. Sebenarnya sayur-sayur lain juga boleh digunakan fertigasi antaranya sayur terung, timun, bendi, buah-buahan seperti rock melon dan juga tomato ceri.

Yang berhormat Sungai Abong ada juga membangkitkan isu harga baja yang melambung dan keadaan tersebut menyusahkan petani. Menyedari harga baja yang makin melambung ini, kesan daripada kejatuhan nilai dan juga penurunan harga minyak akhir-akhir ini, kita di Johor untuk setakat ini tak ada akta yang mengawal tentang kenaikan harga baja. Walau bagaimanapun, kita negeri Johor, kita menggalakkan pengeluaran baja termasuklah EM, Micro berfaedah yang mana kita menggalakkan petani-petani melalui peruntukan yang kita ada, kita telah menggalakkan pengeluaran EM di setiap mukim untuk pengusaha-pengusaha untuk

menjual baja ini. Begitu juga negeri Johor, kita ada lebih kurang 10 syarikat pengeluar baja organik negeri Johor dan juga kita ada juga berbagai baja di negeri Johor. Untuk berbagai baja pula, negeri Johor kita ada 3 syarikat yang mengeluarkan baja ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Gambir ada membangkitkan tentang menjadikan Sawah Ring sebagai Agro Pelancongan. Buat masa ini, *key point,* kalau boleh dapat habiskan sebelum waktu rehat, perkara yang dibangkitkan oleh daripada Yang Berhormat daripada Gambir tentang Agro Pelancongan di Sawah Ring, buat masa ini kita akan beri tumpuan dulu sawah di Kesang yang telah kita masukkan dalam Program Agro Pelancongan. Insya-Allah kita akan bantu juga Sawah Ring kerana Sawah Ring ini sebelah kawasan saya di Bukit Serampang, saya faham kawasan itu adalah kawasan yang cukup cantik untuk dibuat tarikan kerana berlatar belakangkan Gunung Ledang. Yang ini boleh akan kita pertimbangkan.

Yang akhir sekali tentang, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rengit. Saya amat menarik tentang penanaman pokok kelapa matag. Ini memang cukup popular. Malangnya benih yang dapat kita hasilkan di kawasan pembenihan di Jorak tidak dapat menampung.

Keduanya, pembenihan itu adalah untuk di seluruh Malaysia bukan untuk kawasan kita negeri Johor. Itu yang menyebabkan pembenihan ataupun bekalan benih ini tidak dapat kita percepatkan di negeri Johor. Walau bagaimanapun, kita telah ambil satu tindakan, kita telah kenal pasti kelapa yang juga lebih kurang macam kelapa matag, iaitu kelapa yang kita dapat daripada Sabah iaitu kelapa tacunan. Yang ini kita telah ada, kita tengah semai di Pusat Pertanian Johor Kongkong. Malangnya kena tunggu lamalah, lebih kurang lagi 5 tahun ataupun tahun 2020 kita akan dapat keluarkan benih ini lebih kurang 9,000 ke 10,000 biji yang akan dapat kita semai dan kita akan edarkan secara percuma kepada pekebun-pekebun kecil dalam negeri Johor. Kelapa matag ini kita tak jual ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bagi percuma kepada yang berminat, yang ingin mengusahakan. Bila tak cukup, kita telah ambil tindakan untuk membuat *nursery* kita sendirilah.

Dan juga dalam masa yang sama, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat daripada Rengit di kawasan Batu Pahat sebenarnya mempunyai pengeluaran kelapa matag yang luas. Mungkin kita akan runding mencari pihak pengusaha kelapa matag di sana yang mana kita cuba untuk mengeluarkan biji benih dalam masa yang terdekat. Sekurang-kurangnya kita boleh menampung masalah isu penurunan harga komuniti seperti kelapa sawit dan juga getah. Ini adalah satu lagi cara untuk mengeluarkan ataupun untuk kita buat tanaman, kalau cerita daripada DUN Rengit, kelapa sawit, kelapa matag untuk satu ekar, kopi dan juga menternak madu lebah kelulut boleh menghasilkan RM6,000.00 sebulan kalau kita buat kebun fertigasi. Itu sebab ini adalah satu perkara yang menarik untuk kita berkongsi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon maaf ada beberapa mungkin soalan-soalan yang tidak dapat saya jawab saya akan jawab secara bertulis kepada Ahli-Ahli Berhormat yang bertanyakan tetapi insya-Allah untuk sektor pertanian negeri Johor ini kita akan terus pertingkatkan sehingga ke akar umbi kerana kita tahu rakyat negeri Johor begitu berminat untuk menggerakkan sektor pertanian dan juga kita akan

pelbagaikan lagi program-program baru untuk membantu masyarakat kita di akar umbi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik. Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini sepanjang segmen perbahasan. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dalam penjelasan saya. Sekian akhir kata, dan saya ucapkan terima kasih. Saya sudahi assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan saya menyokong.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan kita ditangguhkan hingga jam 2:30 petang.

Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan disambung semula. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa dengan sedih dan dukacitanya dimaklumkan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Haji Abdul Malik Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Raja Muda Kedah telah mangkat pada pagi ini di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah. Maka Dewan Negeri Johor yang bersidang pada hari ini merafakkan sembah takzim Kerabat Diraja Kedah dan marilah kita sama-sama mendoakan roh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan bagi orang-orang Islam, membacakan Al-Fatihah, yang bukan Islam berdiri bertafakur. Al-Fatihah. (Dewan diam membaca Al-Fatihah dan bertafakur).

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, penggulungan Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor. Dipersilakan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. (Membaca doa dan berselawat). Yang berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke atas kesempatan dan peluang serta ruang yang diberikan pada saya untuk menggulung perbahasan pada hari ini.

Alhamdulillah, saya kira bahawa sesi kali ini amat bermanfaat dan bermakna dengan penglibatan setiap Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Sidang Dewan yang mulia, pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas sokongan dan bantuan khususnya bagi sektor perumahan dalam Ucapan Bajet Negeri Johor 2016 yang lalu.

Kita semua dapat lihat bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu prihatin dan menjadikan keperluan sektor perumahan dalam Bajet Negeri baru-baru ini. Peruntukan-peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan sektor perumahan di

negeri ini jelas menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu serius dalam mempastikan rakyat negeri ini memiliki rumah idaman mereka di negeri ini dengan harga yang mampu dimiliki.

Selain itu, di dalam pembentangan Bajet Negeri Johor 2016, Yang Amat Berhormat juga menekankan pembangunan yang bercirikan pro rakyat di mana kerajaan melalui syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan GLC seperti Perbadanan Islam, (PIJ), Johor Land dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, (KPRJ), akan lebih banyak membina rumah-rumah mampu milik di kawasan bandar dan strategik bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana tinggal di kawasan bandar negeri Johor. Jelaslah, bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu serius dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan dan sosio-ekonomi bagi golongan berpendapatan rendah di negeri ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor dengan pembangunan-pembangunan dan kemudahan rakyat dan orang awam. Misalnya, pembinaan Dewan Muafakat Negeri Johor yang akan dibina seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini yang dapat memberi peluang kepada rakyat menggunakan Dewan ini dengan kadar sewaan yang minimum.

Langkah ini secara tidak langsung dapat membantu masyarakat mengurangkan kos perbelanjaan mereka bagi menganjurkan program-program mahupun majlis perkahwinan dengan menggunakan Dewan Muafakat Johor. Saya mewakili barisan sektor perumahan dan Kerajaan Tempatan amat berterima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada sektor ini dalam Ucapan Bajet Negeri Johor 2016.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan dan permasalahan sepanjang sesi ini. Saya terima kasih dengan terbuka segala pandangan, cadangan dan reaksi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tentulah, pendekatan saya memastikan kesemua perkara yang telah dibangkitkan telah diteliti oleh semua ketua jabatan di bawah portfolio saya untuk diambil tindakan sewajarnya bagi menjamin kesihatan rakyat yang akan selamanya menjadi keutamaan bersama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk Bahagian Perumahan, saya ingin menjawab ataupun menggulung soalan-soalan daripada Wakil-Wakil Rakyat, ingin saya mulakan sesi penggulungan ini dengan berkenaan dengan isu berkaitan dengan Perumahan.

Yang Berhormat Parit Yaani ada membangkitkan isu mengenai jumlah rumah mampu milik Johor yang disasarkan oleh kerajaan negeri sebanyak 60,000 unit. Menjelang tahun 2016 masih tidak mencukupi. Alasannya adalah kerana setakat ini bulan Ogos 2015, sejumlah 85,000 orang telah mendaftar untuk memiliki rumah mampu milik Johor. Untuk makluman Parit Yaani, kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menghentikan pembinaan RMMJ setakat 60,000 unit seperti yang dijanjikan itu sahaja. Malah, pembinaan RMMJ akan diteruskan sehingga semua orang yang mendaftar untuk memilik unit RMMJ telah tercapai. Hasrat mereka untuk memiliki sebuah kediaman rumah ini terbukti sejak tahun 2013. Sasaran telah meningkat daripada 28,000 hingga terkini sebanyak 46,000 menjelang tahun 2018 dan diumumkan sekali lagi pada sidang

Dewan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat sebanyak 60,000 untuk 2016. Maknanya peningkatannya akan terus kita lakukan, tahun 2020, tahun 2021 dan seterusnya. Insya-Allah, selagi Barisan Nasional memerintah negeri ini kita akan buat yang terbaik berdasarkan inspirasi-inspirasi rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini jumlah RMMJ yang sepatutnya dibina oleh pemaju yang telah diluluskan kebenaran merancang adalah sebanyak 120,000 unit. Kerajaan negeri akan memastikan supaya komitmen ini akan terus dilaksanakan oleh pihak pemaju. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kerajaan negeri akan terus memantau pembinaan dan pelaksanaan rumah mampu milik melalui medium penyelarasan *task force* perumahan negeri. Tambahan dari itu, koordinasi agensi-agensi berkaitan perumahan dan juga pihak pemaju perumahan untuk melaksanakan pembinaan rumah mampu milik ini akan turut dipertingkatkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri akan terus komited untuk memastikan sasaran perlaksanaan rumah mampu milik negeri Johor ini mampu mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sehingga 2015 seperti mana yang telah saya nyatakan dalam soalan jawapan pagi tadi, sebanyak 4,449 unit rumah mampu milik telah dibina. Bagi sasaran rumah mampu milik Johor di tahun 2016 sehingga 2019 adalah dijangka penambahan sebanyak 55,738 unit rumah mampu milik lagi yang mana seperti yang saya maklumkan dalam perbahasan pagi tadi. Dan, saya tak perlu lagi ceritakan tentang pendahuluan tadi.

Untuk pembinaan rumah mampu milik yang dibangkitkan oleh ADUN Jementah, YB Jementah ada membangkitkan isu pembinaan rumah mampu milik Johor yang banyak tertumpu di daerah sebelah selatan Johor sahaja, tetapi kurang di kawasan tengah dan utara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita perlu faham pembinaan sesuatu kawasan itu bergantung kepada konsep *demand and supply*, dengan izin. Ini adalah perkara asas yang kita perlu faham dalam apa juga keputusan pembangunan yang ingin kita laksanakan. Pembinaan rumah mampu milik Johor adalah bergantung kepada kemajuan pembangunan perumahan di dalam sesuatu kawasan. Untuk makluman Dewan, 72% tumpuan permintaan adalah di kawasan selatan, 20% lagi di kawasan tengah, 6% di kawasan utara. Oleh itu, sewajarnya pembinaan rumah mampu milik lebih banyak tertumpu di kawasan selatan. Kerajaan negeri juga tidak akan memilih kasih dalam penawaran perumahan kepada sesebuah tempat atau kawasan tertentu. Sebaliknya, penyediaan rumah mampu milik ini akan dipastikan dapat memenuhi sekurang-kurangnya permintaan yang telah kita rekodkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengenai cadangan Yang Berhormat Parit Yaani supaya dinaikkan Moratorium daripada 5 tahun kepada 10 tahun. Kita telah pun laksanakan mula tahun 2014 yang lalu. Jadi, perkara ini sebenarnya telah kita lakukan. Tak payah ikut contoh-contoh negeri Selangor, Pulau Pinang. Kita pun dah buat, 10 tahun, Yang Berhormat Tan Sri.

Yang Berhormat Tan Sri, Parit Yaani juga mencadangkan supaya kuota pembinaan RMMJ dinaikkan kepada 40% kepada 50% bagi setiap pembangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar perumahan rakyat Johor dalam kawasan pembangunan Wilayah Iskandar telah dilaksanakan pada tahun 2012. Manakala di

luar kawasan Wilayah Iskandar, baru sahaja kita laksanakan pada tahun 2014. Oleh itu, kita perlu lihat kemajuan dasar tersebut untuk satu tempoh tertentu sebelum ianya boleh dikaji semula. Lagipun dasar perumahan rakyat Johor yang mensyaratkan 40% komponen RMMJ dalam setiap permohonan adalah antara yang tertinggi di Malaysia. Sebagai contoh, komponen pembangunan rumah mampu milik yang dapat saya berikan seperti di Selangor iaitu sebanyak 35% sahaja eh, kita 40, 35% sahaja di Selangor. Manakala di Pulau Pinang lebih rendah, hanya 30%. Tetapi, hanya di negeri Johor, di negeri Johor kita sedia maklum kuota pembangunan adalah 40% lebih tinggi berbanding kedua-dua negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi kita membandingkan dari segi kuota pembangunan. Sekarang kita bandingkan dari segi harga keluasan rumah mampu milik Johor berbanding dengan rumah mampu milik negeri Pulau Pinang dan Selangor. Jika kita lihat harga rumah mampu milik di negeri Pulau Pinang iaitu bermula daripada RM42,000.00 sehingga RM400,000.00 dengan keluasan 650 kaki persegi hingga 900 kaki persegi. Manakala di negeri Selangor pula, harga rumah mampu milik dijual pada harga RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 dengan keluasan 700 kaki persegi sehingga 1,000 kaki persegi. Ini sangat jauh berbeza di negeri Johor, di mana kerajaan sentiasa mendengar denyut nadi rakyat. Rumah mampu milik Johor dijual bermula pada harga terendah RM42,000.00 dengan saiz 720 kaki persegi. Untuk harga RM80,000.00 dengan saiz 850 kaki persegi dan harga maksimum rumah mampu milik di Johor sebanyak RM150,000.00 dengan saiz 1,050 kaki persegi. Ini membuktikan jika dibandingkan dengan negeri Selangor dan Pulau Pinang, negeri Johor dapat menjual rumah mampu milik dengan harga yang lebih rendah dengan keluasan yang selesa dan ideal.

Kita juga tidak hanya menyediakan rumah mampu milik, malah kerajaan negeri juga menyediakan Kedai Kos Sederhana Rendah (KKSR) kepada golongan usahawan baru yang ingin memiliki kedai sendiri dengan harga RM200,000.00 bersaiz 1,200 kaki persegi. Ini jelas menunjukkan kerajaan negeri Johor sentiasa prihatin dan menitik beratkan kebajikan rakyat.

YB Tan Sri Speaker, mengenai isu kuota kaum India untuk pemilikan RMMJ yang dibangkitkan oleh YB DUN Gambir, saya ingin nyatakan bahawa pembahagian kuota RMMJ yang telah ditetapkan oleh kerajaan adalah 65% untuk kaum Melayu, 25% untuk kaum Cina, 10% untuk kaum India. Kuota ini telah dibuat secara keseluruhan tetapi ianya ada berdasarkan kepada kadar komposisi kaum di negeri Johor berdasarkan bancian terkini yang telah dibuat.

YB Sungai Abong ada mencadangkan supaya umur optimum ditawarkan rumah mampu milik negeri Johor adalah 25 tahun. Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan ini, berdasarkan *online* kita, had minimum kelayakan umur untuk memiliki rumah RMMJ ditetapkan oleh kerajaan adalah 18 tahun. Bermakna mereka boleh, keluar aja umur 18 tahun, dia boleh daftar terus. Maknanya proses tu akan melalui peraturan-peraturan atau dari segi pekerjaan, sudah berkahwin, semua dalam borang tu. Kalau maknanya, kalau tu, minta Wakil Rakyat cubalah baca dalam *online* tu, apa maklumat-maklumat yang perlu untuk diisi oleh pemohon.

YB Sungai Abong juga membangkitkan isu kos permulaan yang agak besar diperlukan untuk memiliki sebuah rumah seperti bayaran deposit rumah, yuran guaman, duti

setem dan sebagainya. Kita tidak boleh nafikan. Tetapi kerajaan negeri telah menyediakan baucer RM1,000.00 bagi setiap orang yang mendapat kunci rumah RMMJ dalam tahun 2015. Ini adalah untuk membantu mengurangkan beban mereka untuk memiliki rumah pertama.

Di samping itu, kerajaan persekutuan juga ada menyediakan dana berjumlah RM200,000.00 bagi membantu pembeli rumah pertama, memiliki rumah pertama idaman mereka. Ini disediakan untuk membantu pembeli rumah pertama mendapatkan pembiayaan deposit rumah yang dijangkakan bermula pada tahun hadapan.

Mengenai isu *double standard* yang dilakukan oleh pemaju di mana pembeli bumiputera mendapat 15% diskaun tetapi perlu membayar lain-lain kos seperti yuran guaman, duti setem, yuran perjanjian dan sebagainya. Walhal pembeli bukan bumiputera mendapat semua pengecualian dan mungkin diskaunnya melebihi 15%. Isu ini dikendalikan oleh kerajaan negeri, secara *case by case basis* dengan izin, Yang Berhormat Tan Sri. Jika aduan mengenai perkara ini dilakukan oleh pemaju, ianya akan dirujuk kepada pihak Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan untuk diambil tindakan kepada pemaju terbabit. Jadi, jika ada kes-kes begini maklumkan kepada kita secara bertulis untuk kita hantar kepada pihak kementerian supaya kita dapat memanggil pihak pemaju dan pihak kementerian akan *blacklist* kalau benda tu memang berlaku perkara sebegini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya YB Bukit Permai ada mencadangkan supaya disediakan juga kedai kos rendah bagi setiap kawasan perumahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dasar perumahan rakyat Johor telah menetapkan kadar sebanyak 5% daripada keseluruhan jumlah unit RMMJ disediakan dalam bentuk kedai kos sederhana rendah dengan harga di antara RM150,000.00 hingga RM200,000.00 dengan kawasan binaan tidak kurang 1,200 kaki persegi. Komponen ini adalah komponen wajib dibina dan tidak diberi pengecualian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Permai ada mencadangkan supaya pelepasan kuota bumi dikaji semula untuk menjaga kepentingan bumiputera khususnya pelepasan lot kedai di dalam kawasan bandar. Untuk makluman Dewan yang mulia, pelepasan lot bumiputera untuk kedai yang diluluskan setelah kerajaan maklum bahawa tiada pembeli bumiputera bagi lot-lot kedai tersebut. Selain itu, levi yang dibayar oleh pemaju di atas pelepasan lot bumi akan digunakan untuk membeli kedai-kedai yang berpotensi di dalam kawasan bandar untuk diusahakan kepada usahawan. Maknanya kalau lot tu bersepah, kita akan kumpul, dana tu kita akan kumpul dan kita akan beli. Makna sekarang ni bersepah, kita nak susun macam gitu. Namun sekiranya usahawan tersebut berkemampuan, mereka boleh terus membeli terus kedai tersebut dari pihak kerajaan. Sebagai contohnya, kerajaan negeri telah membeli 11 unit kedai di Mutiara Rini dengan kos berjumlah RM10 juta, menggunakan duit tabung perumahan. Kedai ini apabila siap kelak akan disewa kepada usahawan melalui agensi Perbadanan Usahawan Negeri Johor Berhad. Kawasan tu kawasan strategik eh. Jadi, jika di samping itu, bayaran levi ini juga dikenakan juga bagi membantu agensi-agensi kerajaan negeri seperti Johor Corporation dan PIJ Holding untuk memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik Johor dalam bentuk geran dan pinjaman, contohnya di Larkin. Projek tanah tersebut, sepatutnya dibuat dengan

pencampuran antara 40%, 60% boleh dibuat dalam bentuk komersial. Tetapi, kerajaan negeri mengguna dana ini untuk bagi subsidi, akhirnya kawasan di tapak Larkin, PIJ tu dibina 100% rumah mampu milik negeri Johor. Ha, tu kaedah yang kita laksanakan. Di samping itu, ia juga digunakan untuk membeli tanah-tanah berpotensi dalam bandar bagi dibangunkan rumah mampu milik Johor.

Untuk makluman Bukit Permai, kerajaan negeri melalui SUK Perumahan juga menerima pembayaran levi pelepasan bumiputera secara pulangan unit ataupun *inkind*, dengan izin, sebagai contoh projek di Taman Setia Tropika. Pemaju SP Setia telah menyerahkan 15 lot kedai mewah dengan harga RM2.5 juta seunit dengan jumlah keseluruhan RM33,585,000.00 bagi memberi peluang kepada usahawan bumiputera yang berminat untuk menyewa atau membeli unit yang tersebut dengan harga yang berpatutan melalui Agensi Perbadanan Usahawan Johor Berhad. Kawasan ini adalah kawasan yang strategik. Inisiatif ini juga adalah bagi membantu usahawan bumiputera negeri ini bersaing di kawasan komersial yang strategik seperti di Taman Setia Tropika. Selain itu SUK Perumahan juga telah memperolehi 54 unit iaitu kedai berharga RM250,000.00 seunit di Taman Seri Mengkuang yang berharga RM6,750,000.00 juga untuk membantu usahawan bumiputera di negeri ini untuk memulakan perniagaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,sebelum ini kita langsung tiada dana yang atau pun tabung yang boleh digunakan tapi dengan kaedah kerja sama kita dengan pihak pemaju, maka kita dapat selaraskan dan boleh menyusun balik kawasan-kawasan yang berpotensi untuk usahawan-usahawan bumiputera menyewa dengan kadar yang murah tetapi jika mampu akhirnya bangunan itu boleh dimiliki oleh mereka-mereka yang menyewa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan dengan isu skim pembiayaan Rumah Mampu Milik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak seperti mana yang disebut dalam ucapan bajet 2016 oleh Yang Berhormat Menteri Besar Johor, dana yang berjumlah RM300 juta disediakan untuk Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik. Kita sedar bahawa pemasalah ini merunsingkan setengah pembeli rumah mampu milik. Oleh sebab itu, keprihatinan pihak kerajaan dalam memperkenalkan kemudahan pembiayaan ini adalah khusus untuk mereka yang gagal mendapatkan pinjaman bank atau kata lain permohonannya ditolak oleh bank, maknanya prosesnya dia kena mohon kaedah biasa, ditolak barulah kita gunakan skim di bawah pembiayaan secara bersama yang telah kita akan tandatangani dengan pihak Ambank pada awal bulan satu. Permohonan pembiayaan rumah di bawah kategori di bawah, cuma permohonan yang boleh kita benarkan adalah permohonan rumah di bawah kategori rumah berharga RM42,000.00 dan RM80,000.00 sahaja diberi keutamaan untuk mendapat pembiayaan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk kepada Yang Berhormat Tangkak yang mempersoalkan skim inisiatif yang disediakan kerajaan negeri, saya ingin memberi kesedaran kepada Yang Berhormat Tangkak skim pembiayaan yang dicadangkan ini adalah inisiatif kerajaan negeri bersama dengan Ambank Islamic yang bertujuan untuk golongan sasar yang gagal untuk mendapatkan pembiayaan bank untuk membeli rumah milik Johor. Bagi mereka yang tidak upaya untuk membayar ansuran bulanan kerajaan juga mempunyai alternatif menyediakan rumah secara sewa beli oleh Skim Rumah Rakyat PPR. Bagi golongan beragama Islam mereka yang tidak

berkemampuan boleh menyewa rumah Skim Rumah Transit Majlis Agama Islam atau pun dengan ringkasnya MAIJ. Manakala golongan yang bukan beragama Islam, mereka yang tidak berkemampuan akan dibantu oleh yayasan Pihak Berkuasa Tempatan untuk ditempatkan di rumah-rumah transit dan terpilih. Kemudahan-kemudahan yang disebut ini sedikit sebanyak membantu pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza latar belakang untuk tinggal di rumah kediaman dengan selesa. Justeru itu, Yang Berhormat Tangkak perlu sedar kerajaan negeri sentiasa mendengar permasalahan dan sentiasa mencari inisiatif dalam memudahkan rakyat Johor memiliki rumah sendiri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang berhormat Sungai Balang ada mencadangkan disediakan rumah transit bagi mereka yang baru berumah tangga untuk membolehkan golongan ini berdikari dan tidak lagi menumpang di rumah ibu bapa atau mertua. Untuk makluman Dewan yang mulai, kerajaan negeri ada menyediakan projek rumah rakyat (PPR) dengan rumah pangsa dan sewa kerajaan negeri. Bilangan unit yang sedia ada di seluruh Johor adalah sebanyak 7,880 unit PPR. Dan, sebanyak 3,507 unit rumah pangsa dan disewa milik kerajaan negeri. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut; Johor Bahru, PPR 7,882; rumah pangsa yang disewa milik kerajaan negeri 3,339, Batu Pahat, rumah pangsa yang disewa kerajaan milik negeri adalah 192; Segamat, milik kerajaan negeri yang disewa 150; Kluang, milik kerajaan negeri yang disewa 126. Jumlah keseluruhan PPR 7,882 rumah milik kerajaan negeri yang disewa 3,507, jumlah keseluruhan 11,389.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar sewa rumah tersebut adalah sangat murah dan sepatutnya mampu dibayar oleh golongan muda yang baru memulakan kehidupan berkeluarga iaitu di antara RM75.00 hingga RM124.00 sebulan. Untuk tahun 2016 sebanyak 3,717 unit rumah PPR akan dibina dan jumlah ini dijangka meningkat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker**,** seterusnya saya ingin memberi penjelasan mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Abong, mengenai dakwaan bahawa setengah pemaju menawarkan harga rumah terlebih tinggi sehingga mengaut keuntungan 300%. Perkara ini sebenarnya menjadi cabaran bukan sahaja di negeri Johor tetapi bagi rumah dan hartanah di negeri lain juga tinggi. Untuk pengetahuan sidang dewan, komponen utama dalam pembinaan rumah yang agak tinggi menyumbang kepada harga rumah tersebut. Dan untuk makluman Tan Sri Speaker harga rumah juga dikawal oleh Kementerian Perumahan Kajian Tempatan kerana lesen pemaju dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan. Dipihak kerajaan negeri pula kita bagi mengelakkan spekulasi harga rumah kerajaan negeri akan memperkenalkan Zon Antarabangsa Perumahan. Dengan adannya zon berkenaan diharap ia dapat menstabilkan harga rumah dan harta tanah di luar zon berkaitan. Bagi mengelakkan *sub sale* dengan izin kuota bumiputera dihadkan pemilikan yang telah ditetapkan adalah selama 5 tahun selepas itu pindah milik barulah diluluskan. Ini dapat mengurangkan lagi kegiatan spekulasi harta tanah secara tidak langsung dapat mengawal kenaikan harga harta tanah dengan mendadak. Kerajaan negeri juga komited dalam memastikan pengawalan harga harta tanah negeri ini dapat dikawal bagi mempercepatkan pertumbuhan pembangunan di negeri ini. Dan, untuk makluman tambahan Yang Berhormat Sungai Abong, saya mengambil contoh Johor Land. Semalam saya tengok bola sepak tu saya bincang juga dengan CEO Johor Corp

Dato' Kamaruzaman. Saya tanya dia betul ke RM300,000.00 yang dikatakan sampai 300%. Ha, dia kata contoh Johor Land, JLC hanya memberi keuntungan 30% sahaja bagi penjualan unit-unit kedai komersial yang dibangunkan di sekitar Johor. Harga tanah yang mahal bergantung kepada lokasi yang strategik juga menjadi faktor kepada harga penjualan unit-unit komersial ini. Perkara ini juga disokong oleh Persatuan Pemaju dan Hartanah Cawangan Negeri Johor yang menyatakan bahawa harga jualan unit komersial terutamanya gerai. Pemaju-pemaju hanya memperoleh keuntungan 30% minimum sehingga 45% maksimum keuntungan sahaja dan ia bergantung kepada lokasi dan permintaan. Saya bukan nak... saya nak jelaskanlah supaya jangan nampak polimik sangat. Saya rasa sahabat saya Sungai Abong pun, dia pun biasa benda ni. Dia pun orang Mersing cuma bertanding jer dekat kawasan Sungai Abong, ni sedara saya, jadi dia faham. Cuma dia nak ceritakan saya ceritalah. Jadi sekarang ni isunya dia cerita RM300,000.00, kita tahulah harga kalau nak kira tanah yang nak dibeli 20 atau 30 tahun lepas memanglah murah tapi kita kena tahu dari segi kos yang ditanggung oleh pihak-pihak pemaju yang membeli tanah. Tapi akhirnya kita cuba menyelesaikan isu-isu begini. Sebab itulah, dasar-dasar yang kita buat supaya dapat mengawal harga-harga sebegini yang kita tahu tujuannya janganlah sampai melumpuhkan sektor pelaburan hasil harta tanah tapi dapat membantu juga masyarakat yang memerlukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam sesi pengulasan Yang Berhormat Parit Yaani ada mencadangkan supaya cukai keuntungan harta tanah dinaikkan daripada 30% kepada 50% untuk pindah milik 2 tahun pertama bagi mengelakkan kegiatan spekulasi untuk makluman sidang dewan cukai keuntungan harta tanah ini baru sahaja dinaikkan dalam tahun 2014. Maka, adalah tidak wajar kerajaan menerima cadangan Yang Berhormat Parit Yaani bagi menaikkan kadar ini dengan bahasa yang mudah kita perlu melihat impak kesan kenaikan pada tahun 2014 dan mengkaji sama ada ia memadai untuk membendung kegiatan spekulasi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang, Perumahan Rakyat Labis merupakan projek yang telah siap dibina pada tahun 1992. Untuk makluman jumlah unit keseluruhan projek ini adalah 367 unit. Projek ini dilaksanakan bagi membantu khususnya bagi penduduk kawasan Labis bagi memberi peluang kepada mereka memiliki kediaman sendiri. Isu pertindihan hak milik merupakan isu utama yang menjadi permasalahan bagi pembeli-pembeli di sana. Ianya berpunca disebabkan oleh pemberian kelulusan untuk diletakkan nama pembeli terus di dalam hak milik berkenaan. Sedangkan jika mengikut proses yang biasa gadaian pada pihak bank perlu dilakukan terlebih dahulu. Isu ini menjadi lebih rumit apabila tawaran kepada pembeli baru telah dikeluarkan oleh kerana pembeli pertama gagal untuk mendapatkan pembiayaan. Masalah timbul apabila pembatalan tawaran tidak dilakukan kepada pembeli pertama sekali gus menjadikan pertindihan hak milik ini berlaku. Bagi menyelesaikan masalah ini pihak SUK Perumahan telah mengambil inisiatif untuk mencari dan berjumpa dengan pembeli pertama untuk membuat pindah milik kepada pembeli kedua. Selain itu pihak SUK Perumahan juga telah bersama Pejabat Tanah Labis bagi mengenal pasti tunggakan cukai tanah di kawasan perumahan rakyat ini. Daripada jumlah keseluruhan 367 unit rumah ini sebanyak 184 kes yang berjaya diselesaikan manakala sebanyak 183 yang masih lagi yang masih di dalam tindakan Pejabat SUK Perumahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Tiram membangkitkan mengenai isu Taman Setia Indah. Untuk maklumat Yang Berhormat beberapa siri penyelarasan bersama pemaju dan lawatan tapak telah dijalankan tahun 2015. Terima kasihlah kepada ADUN Tiramlah kerana bersama dengan saya. Pihak pemaju telah memberi komitmen untuk menyiapkan pembangunan di tapak Setia Indah bagi fasa 1 dan 2 menjelang suku tahun pertama menjelang tahun 2016. Bagi permohonan fasa 1 yang melibatkan 212 unit rumah mampu milik yang telah menunjukkan kemajuan di tapak. Kemajuan fizikal dan penyediaan struktur telah pun siap. Menurut pemaju terdapat sedikit kelewatan melibatkan infrastruktur bekalan air yang masih belum mendapat kelulusan daripada SAJ Holdings Sdn. Bhd. Mesyuarat bersama dengan pihak SAJ Holdings telah diadakan dan pihak pemaju dijangka akan memenuhi syarat teknikal SAJ Holdings. Menjelang hujung Disember ini setelah itu pemaju juga akan memohon CCC sokongan teknikal daripada SAJ dan pemaju akan menyiapkan fasa 1 dan penyerahan kunci pemilik adalah pada Januari 2016. Manakala bagi fasa 2 melibatkan 136 unit rumah mampu milik telah menunjukkan kemajuan sebanyak 80% siap dan dijangka akan menyiapkan kerja-kerja ditapak perumahannya pada awal tahun hadapan dan penyerahan kunci dilakukan pada suku tahun pertama 2016.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk pada isu PPRT Setia Indah jumlah RM2.74 juta telah diterima daripada Unit Peruntukkan Khas Jabatan Perdana Menteri bagi membaik pulih PPRT tersebut pada 12 Mac 2012. Saya ucap terima kasihlah kepada ADUN Tiram kerana mengusahakan peruntukkan ini. Projek PPRT Setia Indah ini terdiri daripada 5 blok yang mempunyai 316 unit dan dibangunkan oleh syarikat kontraktor iaitu Tecnochase Sdn. Bhd. Di Pejabat SUK Perumahan telah menyediakan pemulihan untuk projek ini mendapatkan CFO seterusnya dapat didiami oleh penghuni yang layak. SUK Perumahan telah melantik juru ukur bahan pada 11 November 2014 untuk menilai kerosakan seterusnya menilai kos sebenar untuk membaik pulih PPRT Setia Indah. Anggaran kos yang dikeluarkan oleh Juruukur Bahan adalah RM3.4 juta termasuk yuran juru perunding. Permohonan peruntukkan tambahan telah dimajukan kepada Pegawai Kewangan Negeri dan telah mendapat kelulusan tambahan sebanyak RM626,050.00 bertarikh 22 September 2014 bagi menampung kekurangan kos tersebut. Memandangkan projek ini perlu dilaksanakan dengan segera pihak SUK Perumahan telah memohon kepada pihak Pegawai Kewangan Negeri bertarikh 23 Disember 2014 untuk kerja-kerja dilakukan secara berfokus dengan mendahulukan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan kerja-kerja bagi mendapatkan CFO. Sehingga 2015, SUK Perumahan telah bersama juru perunding yang telah dilantik dalam proses menyediakan anggaran kos pembinaan secara sebut harga dan memberi keutamaan kepada kerja-kerja pembaikan yang melibatkan permohonan CFO. SUK Perumahan dalam proses melantik 3 lagi juru perunding iaitu Sivil And Structure, Mechanical And Electrical Consultant (M&E) dengan izin, dan ketepatan butiran kerja dilaksanakan untuk mendapatkan CFO nanti. Ini jelas kerajaan negeri sentiasa memantau kemajuan kerja di tapak PPRT Taman Setia Indah agar ia dapat berjalan dengan lancar dan segera disiapkan.

16nisha2
HAIRONISHA BT HJ ZAINAL ABIDIN
DEWAN 29 NOVEMBER 2015 (NO. 2)

Konsultan Mechanical dan Electrical Consultant MNE, dengan izin, untuk memastikan ketepatan butiran kerja yang dilaksanakan untuk mendapat CFO nanti. Ini jelas, kerajaan negeri sentiasa memantau kemajuan kerja di tapak PPRT di Taman Setia Indah agar ianya dapat berjalan dengan lancar dan segera disiapkan.

Yang berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin menjelaskan isu berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.

Pertama, Yang Berhormat Puteri Wangsa telah membangkitkan berkenaan dengan masalah banjir kawasan DUN Puteri Wangsa. Ianya berlaku disebabkan beberapa punca. Saya juga tidak menafikan bahawa projek pembangunan pembinaan baru merupakan salah satu penyumbang tersebut. Terdapat juga beberapa kawasan sedia ada yang rendah dan terpengaruh dengan air pasang. Air pasang surut Sungai Tebrau seperti Taman Istimewa dan Kampung Kangkar Tebrau. Dalam melaksanakan setiap pembangunan baru, perkara wajib yang perlu diketahui oleh pihak yang berkaitan harus mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan sebelum meluluskan atau dibenarkan memulakan kerja.

Garis panduan ini termasuk Pematuhan Kelulusan Pelan Kerja Tanah untuk memulakan kerja iaitu untuk memulakan kerja dan saliran semasa pembinaan dan Kelulusan Pelan saliran yakni keperluan saliran mengikut Manual Saliran Mesra Alam, atau ringkasnya MSMA, yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).Justeru itu, bagi menangani isu banjir kilat ini maka MBJB telah mengambil beberapa langkah yang pro-aktif antaranya :

1. Memantau dan mengeluarkan tindakan notis amaran kepada pemaju yang gagal mematuhi Pelan Kerja Tanah. Ini seperti contohnya di Taman Dato' Onn. Melantik konsultan untuk membuat kajian dan langkah menangani masalah banjir di Lembah Sungai Pandan. Ini di kawasan Taman Istimewa, kawasan Taman Setia Indah dan JP Perdana.
2. Membaiki dan menyelenggarakan sistem saliran projek bermasalah seperti di Taman JP Perdana.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kedua saya ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kempas mengenai mewujudkan zon khas bagi peniaga-peniaga tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri juga sentiasa memberi dan memberi peluang kepada rakyat di dalam menceburi bidang perniagaan. Sejajar dengan Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang lalu, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM36 juta dalam menaik taraf gerai dan pasar awam. Cadangan Yang Berhormat Kempas untuk mewujudkan zon atau medan niaga khas Bumiputera adalah amat baik dan dialu-alukan. Justeru itu, pihak MBJB akan mempertimbangkan cadangan ini dan akan mengkaji untuk pembangunan pada masa hadapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Yong Peng mengenai kenaikan kadar cukai di Majlis Daerah Yong Peng. Pihak Majlis Daerah Yong Peng telah memanggil 96% pemilik pegangan untuk mengemukakan bantahan ke atas penilaian semula harta di dalam kawasan PBT. Sehingga November 2015, Majlis Daerah Yong Peng telah menjalankan 20 sesi

pendengaran bantahan kenaikan kadar cukai harta Majlis Daerah Yong Peng bagi mendapatkan pandangan daripada pembayar cukai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kali terakhir Majlis Daerah Yong Peng melakukan semakan semula kadar cukai harta adalah tahun 1998, 17 tahun lepas, untuk melaksanakan. Jadi, kita mengambil kira berdasarkan dah lama sangat dah 17 tahun tidak dilakukan kenaikan cukai dan ini bukanlah satu jangka masa yang singkat bagi Majlis Daerah Yong Peng untuk melakukan semakan kadar cukai harta yang baru.

Majlis Daerah Yong Peng juga merasakan bahawa sudah tiba masanya kadar cukai ini di naik taraf. Dengan tidak secara langsung ini dapat meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Daerah Yong Peng.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam sesi pendengaran bantahan penilaian semula harta yang telah dijalankan, pihak Majlis Daerah Yong Peng telah mengambil pendekatan dengan memberi penerangan dan penjelasan kepada pemilik pegangan yang terlibat dan memberi maklum keputusan yang telah diambil seperti berikut :

1. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam membantu pemilik berpendapatan rendah telah menurunkan kadar ratus cukai harta, cukai taksiran daripada 23% kepada 0.2% bagi rumah murah. Dan rumah kos sederhana rendah sehingga RM50,000.00. Dengan kata lain, jumlah RM18,000.00, 70 unit pegangan hartanah di Majlis Daerah Yong Peng sejumlah 3,099 adalah pemilik harta yang berpendapatan rendah dan miliki rumah kategori yang dinyatakan telah mendapat penurunan tersebut.

2. Bagi hartanah atau pemilik yang tiada surat hak milik atau geran, kadar peratus pintu atau cukai harta yang ditetapkan bagi kategori perniagaan adalah 0.5% manakala bagi kategori kediaman pula adalah 0.4%.Pihak Majlis Daerah Yong Peng telah mengambil keputusan untuk menurunkan kadar peratus cukai 0.5% kepada 0.35 bagi kategori perniagaan. Manakala bagi kategori kediaman kadar cukai diturunkan daripada 0.4% kepada 0.23% sepertimana yang dipersetujui oleh kerajaan Johor dengan syarat pemilik harta adalah mengemukakan bukti surat milik geran tanah tersebut.

Pihak Majlis Daerah Yong Peng juga telah mengambil keputusan menjalankan semakan semula nilaian harta tanah bagi pemilik yang tidak mempunyai hak milik atau geran. Cukai pintu atau cukai harta yang dikenakan adalah berasaskan kepada penilaian ke atas harta tanah yang dijalankan mengikut aras nilaian 2013, di mana ianya mengambil kira perbandingan kawasan sekitar dalam penentuan nilai tambah satu pegangan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keperluan rakyat untuk peniaga menjana pendapatan tidak mengira keadaan, perlu kita sokong. Sokongan itu perlu kita terjemah dalam bentuk penyediaan prasarana yang baik. Dalam hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yong Peng, saya ingin menyatakan bahawa pembangunan Bazar Niaga Bandar Ayer Hitam sedang dijalankan dan komponennya adalah seperti berikut :

1. Kedai makanan dan minuman, 10 unit
2. Gerai Serbaneka, 80 unit
3. Tandas awam 2 unit. Jumlah 92 unit.

Pada masa ini, pihak arkitek yang dilantik oleh pemaju masih belum memajukan Borang F kepada Majlis Daerah Yong Peng untuk proses Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan, (*Certificate of Completion and Compliance,* ataupun CCC dengan izin. Pihak arkitek memaklumkan sedang berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan pengairan dan Saliran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya ingin menyentuh berkenaan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Jaya mengenai penyeragaman pengurusan PBT hasil persempadanan semula kawasan. Urus tadbir Pihak Berkuasa Tempatan amat penting dalam merencana sebuah perancangan yang lebih efisien. Persempadanan semula kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam Wilayah Iskandar Malaysia melibatkan penyelarasan dan penyeragaman kepada beberapa perkara termasuklah penyelenggaraan sistem kumbahan dan juga penyelenggaraan bil cukai sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Jaya.

Selepas persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan, di antara Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, tanggungjawab penyelenggaraan sistem kumbahan akan diteruskan tanpa ada perubahan di mana kawasan MPJBT yang akan dimasukkan ke kawasan baru MBJB akan tetap di selenggara oleh Indah Water Konsortium. Ini termasuklah projek pembangunan baru di kawasan MPJBT yang dimasukkan dalam kawasan MBJB yang telah disiapkan oleh pemaju akan diserah kepada IWK untuk kerja operasi dan penyelenggaraan. Itu perkara yang pertama.

Yang kedua, berhubung dengan penyelarasan bil cukai harta antara PBT asal dan PBT baru selepas penyerahan kawasan bermula 1 Januari 2016 ini. Untuk makluman, permulaan Pihak Berkuasa Tempatan asal akan bertukar maklumat berkenaan dengan kawasan yang akan diserahkan serta maklumat cukai harta semasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang baru. Dari segi tunggakan cukai harta pula,PBT asal, Pihak Berkuasa Tempatan asal masih lagi boleh menuntut tunggakan cukai harta tersebut. Pihak kerajaan negeri akan memantau segala proses penyelarasan ini dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat akan sentiasa bekerjasama dalam memastikan kelancaran proses persempadanan baru dapat kita tetapkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan isu pengeluaran lesen perniagaan yang diutarakan oleh ADUN Maharani kepada warga asing mengikut prosedur, Majlis Perbandaran Muar akan mengeluarkan lesen premis perniagaan setelah syarat-syarat perlesenan dipatuhi sebagaimana di bawah :

1. Mempunyai Memorandum Association, MAA.
2. Mempunyai maklumat Pengarah Pengurus dan Setiausaha Syarikat Form 49, saya pun naik pekat dah, dah dekat sejam. (Dewan ketawa). Mempunyai maklumat peruntukan saham...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, duduk sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama dengan kita dalam Dewan ini ialah rombongan Ketua-Ketua Kampung daripada Pontian seramai 30 orang (Dewan bertepuk). Di bawah Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad. Selamat datang. Yang Berhormat sila sambung.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Tan Sri Speaker, dapat saya duduk sekejap. Lenguh.

3. Mempunyai maklumat peruntukan saham syarikat Borang 24.
4. Mengikut Pendaftaran Perniagaan Borang D dan Borang Maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat.
5. Surat Perjanjian Penyewaan.
6. Skim Kem Bangunan.
7. Salinan Geran Tanah.
8. Salinan Resit Cukai Tanah.
9. Salinan Resit Cukai Harta.

Berhubung dengan kes warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan Bandar Muar, MPM telah meluluskan lesen premis perniagaan kepada mereka kerana telah mematuhi semua syarat yang ditetapkan sebagaimana di atas.

Untuk makluman, lesen premis perniagaan yang dikeluarkan hanya akan diluluskan permohonannya apabila mempunyai pendaftaran syarikat yang bertaraf sendirian berhad iaitu mempunyai rakan kongsi perniagaan dari warganegara Malaysia. Pada masa ini, sebanyak 14 buah premis perniagaan yang telah memiliki lesen perniagaan yang sah daripada MPM yang menjalankan perniagaan di sekitar Bandar Muar yang terdiri daripada 8 warga Nepal, 4 Warga Bangladesh, dan satu masing-masing terdiri daripada warga Myammar dan Thailand yang menjalankan berbagai jenis perniagaan seperti kedai makanan, restoran, kedai runcit, serbaneka dan komunikasi serta keperluan harian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya beralih kepada isu yang dibawa oleh ADUN Skudai mengenai cadangan menukar Jalan Nakhoda 12, Taman Ungku Tun Aminah kepada satu hala. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, pihak MPJBT akan menjalankan kajian kesesuaian di tapak dan akan mendapat ulasan daripada agensi-agensi yang berkaitan sebelum dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalu Lintas MPJBT untuk dibincangkan secara terperinci mengenai cadangan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Tangkak dalam perbahasannya pada 26 November yang lalu ada menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan adalah sangat tidak adil terutamanya kepada peniaga-peniaga yang didapati tidak mengikuti syarat pemasangan papan iklan premis-premis di dalam daerah Tangkak. Sebenarnya, bukan sahaja Majlis Daerah Tangkak yang mengambil tindakan seperti ini malah semua Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negeri Johor telah pun mengambil tindakan sama dengan mengeluarkan notis 3 bulan kepada semua peniaga. Tempoh berkenaan adalah amat wajar untuk diambil tindakan oleh peniaga-peniaga. Langkah ini adalah untuk memastikan papan-papan iklan ini tidak menghalang prosedur pihak keselamatan sekiranya berlaku kebakaran di premis tersebut. Untuk

makluman Yang Berhormat Tangkak, di dalam Undang-Undang Kecil dan Pekeliling berkenaan pemasangan papan iklan yang sedia ada, jelas menyatakan bahawa papan iklan premis perniagaan tidak boleh menutup ruang udara tingkap atau fasad bangunan serta mengikut saiz yang telah ditetapkan dalam garis panduan. Pemasangan papan iklan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

Tindakan ini adalah selaras dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sewaktu pembukaan Persidangan Dewan Undang Negeri Johor 2015 berkaitan penyeragaman papan iklan premis perniagaan di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Johor untuk tidak menjadikan kawasan perniagaan mempunyai persekitaran yang lebih tersusun dan cantik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan dengan cadangan kawasan parkir terbuka di Dewan Jubli Intan, Pekan Baru dan Hentian Bas Bentayan, Pihak Majlis Perbandaran Muar dalam kenyataan awal telah memperuntukkan petak parkir baru apabila Persisiran Maharani dan Uptown siap kelak. Sebagaimana berikut :

1. Tempat letak hadapan 50 petak, Pejabat Trafik Muar.
2. Hentian Maharani 20 petak, hadapan bangunan Mara Muar 20 petak.
3. Hadapan Terminal Feri Jabatan Laut,10 petak.
4. Bangunan Pekan Rabu,50 petak. Jumlah 140 petak.

Bagi kawasan tempat letak kereta di Dewan Jubli Intan Muar, boleh menempatkan sebanyak 200 buah kenderaan dan dibenarkan orang awam meletak kenderaan secara percuma dari jam 8.00 sehingga 6.00 petang. Sementara di Hentian Bentayan terdapat 30 petak yang disediakan secara pra bayar, kadar RM0.60 sen sejam merupakan kadar yang telah diwartakan dan dianggap wajar.

Bagi pelaksanaan pengecualian bayaran bagi kawasan yang dicadangkan adalah tidak praktikal kerana akan mewujudkan ketidakadilan kepada pengguna kerana akan menyalah guna kemudahan parkir tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cadangan ADUN Bentayan bagi penutupan Jalan Haji Abu Bakar menggalakkan lebih ramai peniaga berterusan hingga waktu malam, sebenarnya tidak praktikal untuk dilaksanakan. Cadangan ini akan dipertimbangkan apabila terdapat pembangunan baru di kawasan tersebut. Pada waktu ini, MPM tidak membenarkan penjaja berniaga di atas petak letak kereta kecuali kawasan yang sedia ada seperti 40 petak di Jalan Haji Abu yang dibenarkan berniaga dari jam 1.00 tengah hari sehingga 12.00 malam.

Saya juga ingin menjelaskan pihak Majlis Perbandaran Muar, hanya setuju pada dasarnya untuk membangunkan kawasan tersebut. Antara cadangan perniagaan di Jalan Haji Abu masih dalam perbincangan ialah mengadakan zon tertentu mengikut masa dan jenis perniagaan, seperti contoh, sarapan pagi di Zon 1, perniagaan makan tengahari di Zon 2 dan perniagaan makan malam di Zon 3. Selain itu, MPM juga bercadang bagi kegunaan gerai-gerai yang seragam kepada semua penjaja di kawasan tersebut. Terdapat juga cadangan untuk mengadakan pintu gerbang masuk ke Jalan Haji Abu dengan beridentitikan kawasan Muar.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah awal sementara proses reka bentuk permohonan di Jalan Haji Abu, dibincangkan. MPM telah memasukkan di dalam perancangan untuk menurap semula Jalan Haji Abu, termasuk membina laluan pejalan kaki serta baik pulih sistem paritan bagi tahun 2016 dengan menggunakan peruntukan MARRIS dengan anggaran sebanyak 1 juta.

Bagi menjawab isu perancangan bagi laluan basikal, MPM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bentayan, pihak MPM akan menggunakan mengguna pakai rancangan kawasan bandar khas, kawasan bandar khas Bandar Maharani, Bandari DiRaja yang merangkumi pelan pembangunan dalam bandar yang lebih lengkap ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni. Untuk makluman, pelan ini telah dibentangkan pada 8 Mac 2015, yang telah dihadiri sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pemimpin-pemimpin tempatan daerah Muar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya Yang Berhormat Pengkalan Rinting telah mengutarakan isu mengenai masalah banjir akibat hujan lebat, air pasang di kawasan Pengkalan Rinting. Banjir kilat yang berlaku khususnya di Sungai Chat iaitu Sungai Mohd Amin merupakan kawasan yang rendah, di mana aras kawasan kampung lebih rendah daripada kawasan tebing sungai dan air parit di kawasan kampung perlu dipam keluar ke sungai ketika hujan dan air sungai tinggi. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, Majlis Bandaraya Johor Bahru mempunyai 3 stesen rumah pam iaitu pertamanya rumah pam Jalan Sungai Chat, 3 unit, yang kedua rumah pam Jalan Tonsoun, 2 unit, yang ketiga rumah pam Jalan Mohd Amin, 2 unit. Kesemua rumah pam ini dikendalikan 24 jam oleh anggota MBJB bagi mengelakkan banjir.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah berkuat kuasa pada 1 Jun 2015, peraturan pengurusan strata iaitu penyelenggaraan dan pengurusan 2015 telah ditetapkan pada 2 Jun untuk semua kawasan pembangunan berstrata. Untuk makluman, sehingga Oktober 2015 terdapat 475 kawasan kemajuan berstrata yang mempunyai badan pengurusan termasuk yang diuruskan oleh pemaju perumahan dan jumlah keseluruhan pemegang strata adalah 87,453 unit. Bagi tindakan penguatkuasaan atau pengurusan strata 2013, sebagai contohnya pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru mempunyai keanggotaan seramai 7 orang terdiri daripada 1 orang pegawai peringkat pengurusan profesional dan 6 orang pegawai peringkat sokongan I dan II.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, panjang lagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya ingat lagi 5 minit.

YB Tan Sri Speaker : Teruskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya ringkaskan Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Ya. Teruskan. Saya tanya je, panjang lagi ke?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya tengok jam ikut Tan Sri. Saya kena habiskan Tan Sri. Saya ingat lagi 10 muka. Ok Tan Sri?

YB Tan Sri Speaker : Saya tak tanya muka Yang Berhormat, panjang lagi ke tidak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Pengkalan Rinting, mengenai kerja menaik taraf Medan Selera di Jalan Meldrum, pihak Majlis sedia maklum isu tersebut dan melalui proses transformasi Johor Bahru.

Isu bau busuk dan longkang tersumbat dan longkang di belakang Jalan Meldrum adalah disebabkan perangkap minyak, premis sedia ada tidak berfungsi. Selain itu, terdapat juga setengah pemilik premis dan penjaja di kawasan tersebut tidak memasang perangkap minyak. Keadaan bertambah buruk apabila kapisiti longkang sedia ada tidak mencukupi bagi menampung keadaan semasa. Justeru bagi mengatasi isu ini, penyelesaian jangka panjang sedang dilaksanakan di kawasan tersebut. Untuk makluman, lorong belakang Jalan Meldrum terlibat dalam pakej 2, pembinaan sistem tempatan banjir bagi projek naik taraf dan kemudahan Sungai Segget yang melibatkan komponen menaik taraf sistem pembetungan dan juga sistem saliran sedia ada dengan kos RM120 juta. Projek ini telah bermula pada 9 Januari 2014 dan dijangka siap pada bulan Jun 2016, sekali gus menyelesaikan isu bau busuk, longkang rosak dan tersumbat serta masalah banjir yang melanda di pusat bandar Johor Bahru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ADUN Semerah dalam perbahasannya menyentuh mengenai isu ketiadaan lokasi *hot spot WIFI* percuma di kawasan DUN Semerah. Untuk makluman Dewan, bermula 1 Januari 2016, perkhidmatan *free WIFI* akan dilancarkan di beberapa lokasi seluruh negeri Johor. 16 PBT negeri Johor telah menyenaraikan *hot spot*, yang akan dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar ini. Kerajaan negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM44 juta bagi pemasangan kemudahan jalur lebar ini. Saya ingin menjelaskan penentuan lokasi kemudahan *free WIFI* ini adalah sejajar dengan kehendak kerajaan iaitu di kawasan tumpuan awam seperti taman rekreasi, kawasan riadah, termasuk di kaunter bayaran pejabat Majlis Perbandaran Batu Pahat. Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat telah memilih 11 lokasi utama tempat tumpuan awam untuk dibekalkan dengan kemudahan ini. Mungkin pada masa hadapan, kita merancang supaya diperluaskan lagi mengikut keperluan dan kajian yang lebih mendalam untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi mengatasi masalah kesan lalu lintas seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senai, pihak Majlis Perbandaran Kulai melalui Jawatankuasa Lalu Lintas telah memutuskan untuk melaksanakan kerja-kerja pemindahan pondok bas Pekan Senai ke arah Johor Bahru ke lokasi yang baru iaitu berhampiran Jalan Belimbing di hadapan RHB Bank, Senai. Untuk makluman Yang Berhormat Senai, pihak Majlis Perbandaran Kulai telah melantik kontraktor bagi pelaksanaan bermula 29 Oktober 2015 dan tarikh siap pada 3 Disember 2015 dengan kos pembinaan sebanyak RM115,000.00 bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tiram ada membangkitkan mengenai isu penyelenggaraan rumah pangsa negeri Johor. Di peringkat kerajaan

persekutuan, melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada menyediakan peruntukan baik pulih rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah yang dikendalikan di kenali sebagai Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP 1 Malaysia) di mana kos pembaikan adalah seperti berikut :

a. Rumah pangsa kos rendah RM42,000.00 ke bawah, peruntukan baik pulih yang disediakan 90% daripada KPKT. 10% daripada badan pengurusan tetapi kerajaan negeri memutuskan Pihak Berkuasa Tempatan seperti, MBJB, MPJBT dan kerajaan negeri membayar 10%.
b. Rumah pangsa kos rendah RM80,000.00 ke bawah, peruntukan baik pulih disediakan sebanyak 70% daripada KPKT. 30% daripada badan pengurusan tetapi di tanggung sepenuh oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti, MPJBT MBJB dan kerajaan melalui kos 30%.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serom mengenai kekosongan gerai di pasar awam Serom di pasar awam Bukit Kangkar. Pihak Majlis Daerah Tangkak telah pun mengiklan kekosongan lot kedai tersebut. Namun tiada permohonan baru, pihak Majlis Tangkak juga mengadakan temu duga bagi pengisian gerai-gerai di stesen di bas Tangkak dan di Kebun Baru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning, mengutarakan isu, berkaitan pengubahsuaian pasar ada, pasar sedia ada di Bukit Bakri kini sedang dilaksanakan. lanya bermula pada September 2015 dan dijangka siap pada 2015. Bagi status terkini, pengubahsuaian tersebut telah pun mencapai 90% pengubahsuaian dan termasuklah permohonan pasar kering dan pasar basah. Bagi pasar awam Bukit Bakri, sebanyak 52 bangku telah disediakan dan bangku di isi oleh bumiputera dan 23 bangku di sisi oleh bukan bumiputera, menjadikan sebanyak 29 bangku yang telah di isi. Untuk pengetahuan Dewan juga, pihak Majlis Perbandaran MPM mengambil maklum cadangan ADUN Bukit Naning untuk membina pasar kering. Perkara ini sedang dikaji oleh pihak MPM tentang keperluan dan kepentingan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Machap, Jabatan Pengurusan Sisi Pepejal (JPSPN) dalam proses melantik kontraktor penyiap bagi projek menaik taraf tapak pelupusan ladang CP1 yang dijangka bermula pada Disember 2015 dan dijangka siap pada penghujung 2016. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, loji rawatan leach yang telah disiapkan dan pelantikan kontraktor bagi mengoperasi loji ini dijangka pada Januari 2016.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon ambil perhatian semua Ahli Dewan, nampaknya Yang Berhormat Bekok mengakui dan memuji jasa Jabatan Bomba dan Penyelamat kita, lagi-lagi di kawasan Bekok dalam ucapan perbahasannya. Untuk makluman pasukan Bomba, Sukarela Bekok dan Cha'ah, sentiasa mendapat perhatian Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan memberi kemudahan antaranya jentera proton Arena, *personal protection equipment*, skim insuran berkelompok bagi setiap ahli yang berdaftar, bantuan latihan dan geran tahunan sebanyak RM3,000.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan saya. Saya ingin mohon maaf sekiranya ada di antara isu-isu yang dibangkitkan oleh

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada persidangan kali ini tidak dapat saya memberi maklum balas. Maka isu-isu berkenaan akan dijawab secara bertulis.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan perbahasan ini, saya ingin berkongsi dengan sidang Dewan mengenai kepentingan kita bersama dan bersikap primitif dalam menyelesaikan segala isu dan cabaran membangunkan negeri ini. Alangkah baik kalau kita memahami firman Allah SWT dalam surah An-Nisa yang bermaksud, "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taati lah Rasulnya dan Ullul Amri dalam kalangan kamu, kemudian jika kamu berlainan pendapat mengenai sesuatu maka kembali lah ia kepada Allah yakni Al-Quran dan Rasul iaitu sunnah. Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian, demikian lah itu lebih utama dan lebih baik akibatnya". Dalam surah An-Nisa, ayat 59. Kita selesaikan lah secara bersama, secara primitif, kita ada ketua, kita ada pengikut, kita ada cendiakawan, kita sentiasa berpandang luar biasa. Demikianlah cara kita sebagai Bangsa Johor yang berjaya. Insya-Allah inilah bukti muafakat kita.

Akhir kata daripada saya, seorang pemimpin bukan lah hanya gah pada jawatannya, juga bukanlah gah pada namanya. Namun, seorang pemimpin itu akan di lihat berdedikasi dan bertanggungjawab apabila sentiasa bersama dan mendengar denyut nadi rakyat. Bersama lah kita menjayakan pembangunan Johor yang inklusif, lestari dan sejahtera. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahtullallahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan 20 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 3:30 petang.

Dewan disambung semula pada jam 3:50 petang.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamulaikum warahmatulallah hiwabarakatuh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan di sambung semula. Sila Pengerusi Jawatankuasa Agama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Assalamulaikum warahmatulallahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. (Bacaan selawat).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di ucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Takzim sempena ulang tahun hari keputeraan bagi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2015 bersamaan 10 Safar 1437H yang lalu. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dianugerahkan kesihatan yang baik dan sejahtera dan berpanjangan dan sekalung tahniah juga dan syabas diucapkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Johor di atas kepimpinan Duli Yang Amat Mulia Tunku sehingga berjaya melakar sejarah baru, apabila pasukan Johor Darul Takzim jadi pasukan pertama tanah air yang menjuarai Piala AFC di Tajikistan

baru-baru ini. Alhamdulillah, syukur saya kehadrat Allah SWT, tuhan sekalian alam kerana memberi nikmat kesihatan, iman dan Islam, untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi Mesyuarat Ketiga Bajet 2016, Penggal Persidangan KetigaDewan Negeri Johor Yang Ke-13 ini.

Ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Mohamed Khaled bin Nordin, selaku Menteri Besar Johor di atas penyampaian ucapan Bajet Negeri Johor tahun 2016 yang bertemakan Inklusif, Lestari dan Sejahtera. Tatkala kita meniti kerancakan dan ketangkasan ekonomi Negeri Johor tahun demi tahun yang semakin meyakinkan pertumbuhannya. Walau bagaimanapun sukacitanya saya ingin mengingatkan supaya janganlah kita alpa dalam kesenangan sebaliknya kita harus sentiasa berwaspada terhadap putaran ekonomi yang datang silih berganti dan kita selalu bersedia dan perlu bersedia atas kebarangkalian yang mendatang walaupun dalam keadaan ekonomi yang teguh. Janganlah kita merasa terlalu selesa sedangkan kerajaan negeri juga harus memikirkan mengenai perancangan bagi menghadapi cabaran global yang akan datang.

Allah SWT memberikan satu pengajaran yang mungkin sebagai rakyat Johor, Bangsa Johor yang boleh kita ambil sebagaimana yang diperingatkan oleh Allah S.W.T di dalam Surah Yusuf, ayat 47 hingga ayat 49 yang bermaksud "hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai, biarkanlah ia di tangkai-tangkainya kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk kamu makan. Kemudian apabila datang selepas tempoh itu tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya, kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih. Kemudian, akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)."

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengimbas kembali sejarah penubuhan Sekolah Agama Negeri Johor yang dulu dikenali sebagai Sekolah Kitab. Kemudian bertukar nama sebagai Sekolah Al-Quran, 1937. Dan selepas itu, dinamakan dengan Sekolah Agama Petang dan selepas itu ditambah lagi dengan nama Sekolah Agama Pagi. Dan selepas itu, Sekolah Agama Petang dan Sekolah Agama Pagi itu dikenali sebagai Sekolah Agama Kerajaan Johor yang diwujudkan di atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sir Sultan Ibrahim Abu Bakar bagi berpendidikan agama kepada anak-anak Islam Negeri Johor.

Oleh yang demikian, kerajaan Negeri Johor sehingga hari ini komited dalam memperkasa dan memartabatkan Pendidikan Islam di Negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah pun dirancang dan diperhalusi dari semua aspek bagi mencapai tujuan ini termasuklah dari segi pentadbiran, pengurusan dan pembinaan sekolah agama. Menyentuh isu pembinaan Sekolah Agama Negeri Johor yang semakin hari semakin acap kali dibahaskan, saya mengerti kebimbangan ibu bapa dan juga guru-guru di atas situasi yang mana mengalami permasalahan keluasan bilik darjah, kekurangan penempatan pelajar dan keselesaan pembelajaran yang dihadapi seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Penggaram, Yang Berhormat Puteri Wangsa, Yang Berhormat Parit Yaani, dah tak ada. Yang Berhormat Bukit Permai, Pun tak ada juga.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pada dasarnya kerajaan negeri bersetuju membina sebanyak 96 buah sekolah agama di bawah MBSB. Telah dirancang pembinaannya. Walau bagaimanapun, pembinaan tersebut tidak dapat disiapkan sebagaimana dijadualkan dan diharapkan oleh kerajaan. Ini disebabkan kerana pihak pemaju menghadapi masalah pembiayaan daripada pihak bank dan kegagalan pihak sub kontraktor menyiapkan projek tersebut mengikut jadual seperti yang telah dijanjikan. Namun begitu pembinaan sekolah agama dapat disiapkan oleh pihak pemaju yang asal sebanyak 18 buah sekolah yang telah pun diguna pakai sehingga ke hari ini.

Oleh kerana masalah yang dihadapi, pihak pemaju baki 77 buah sekolah lagi yang gagal disiapkan mengikut jadual seperti mana dalam syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan, maka demi menyelesaikan permasalahan ini, kerajaan bersetuju menyerahkan baki projek pembinaan tersebut kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) untuk mengambil alih projek tersebut bermula pada awal tahun 2015. Dan mengikut perancangan, sebanyak 23 buah sekolah agama yang tergendala dapat diteruskan dan dijangka siap sepenuhnya pada awal dan pertengahan 2016. Walau bagaimanapun, dijangka sebanyak 5 buah sekolah iaitu Sekolah Agama Kerajaan Johor Taman Scientex Pasir Gudang, Sekolah Agama Lima Kedai Gelang Patah, Sekolah Agama Taman Mutiara Rini, Johor Bahru dan Sekolah Agama Bukit Paloh, Kluang dan Sekolah Agama Sri Yong Peng, Batu Pahat boleh digunakan sepenuhnya pada awal penggal persekolahan tahun 2016. Sementara baki sebanyak 9 buah sekolah yang dijangka akan diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Johor khususnya Bahagian Pendidikan secara berperingkat sehingga Mac 2016 manakala 18 buah sekolah agama berikutnya adalah dalam proses lantikan kontraktor oleh pihak KPRJ.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri tidak akan bertolak ansur pada kali ini dengan pemaju yang gagal menyiapkan kerja-kerja yang diamanahkan kepada mereka kerana ia menyulitkan pelbagai pihak. Pihak KPRJ juga tidak dibenarkan melantik semula mana-mana kontraktor yang terdahulu bagi mengelakkan kesulitan berlaku lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Permai, mengenai isu Sekolah Agama Bandar Putra Kulai, pada asalnya sekolah ini tidak termasuk dalam mana-mana fasa pembinaan sama ada fasa 1 hingga fasa 4 atau fasa 5. Ini kerana pihak kerajaan menjangka bahawa jumlah kelas yang sedia ada telah pun mencukupi bagi menampung keperluan pelajar bagi penduduk kawasan tersebut. Akan tetapi, kepesatan pembangunan di luar jangka telah mengakibatkan kelas yang dibina sebelum ini tidak dapat menempatkan jumlah pelajar yang semakin meningkat. Tidak dinafikan, pada asalnya Majlis Agama Islam Negeri Johor bersetuju memberikan peruntukan bagi kos pembinaan bangunan tambahan di sekolah tersebut melalui Tabung Penyelenggaraan Sekolah Agama. Namun, desakan mengenai pembinaan sekolah agama yang lama tergendala Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mendahulukan peruntukan yang sepatutnya diberi kepada Sekolah Agama Bandar Putra, Kulai kepada pemaju terdahulu yang mengalami masalah pembiayaan. Ini adalah demi menjaga keutamaan semua pihak. Oleh yang demikian, kerajaan amat prihatin terhadap apa yang berlaku di Sekolah Agama Bandar Putra Kulai ini dan akan

cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan pembinaan sekolah tersebut dengan menyenaraikan sekolah tersebut di dalam fasa ke 5 yang termasuk dalam keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, persekitaran global yang semakin moden, menuntut kita bertindak balas dengan lebih efisien, tidak lesu dan kaku. Justeru, pendidikan perlu kepada pendekatan semasa, progresif sezaman dan maju, era mendengar dan menerima sahaja telah berlalu. Kini ianya lebih bersifat moden, kreatif dan interaktif. Dengan itu, pendidikan agama perlu bergerak seiring dengan zaman yang melingkarinya. Menyedari hakikat ini, kerajaan negeri bersetuju untuk melakukan pengislahan, dengan memperkenalkan pendidikan secara digital, pengajaran berasaskan teknologi maklumat.

Untuk maklumat Yang Berhormat Maharani, Projek Rintis Pendidikan berteraskan teknologi digital ini atau yang dikenali dengan JPID bukan sekadar angan-angan sahaja, malah ianya akan mula dilaksanakan di dua buah sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor dan Maahad Johor Bahru manakala dua lagi sekolah agama kerajaan Johor yang terpilih. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor dengan kerjasama ICT Negeri Johor sedang giat menyiapkan kandungan mata pelajaran digital, bagi mata pelajaran terpilih seperti Tauhid, Ibadah, Bahasa Arab, Al Quran dan Hafazan. Bagi melaksanakannya, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Johor juga telah mendapat bantuan pakar melalui Syarikat Apple dan Syarikat ICT luar negara untuk menghasilkan produk yang berkualiti. Selain daripada itu, latihan kepada guru mengenai cara-cara pengajaran secara digital telah disusun melalui kursus pertama yang dijadualkan bermula pada 21 Disember 2015 secara berperingkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di dalam persidangan yang lalu Yang Berhormat Tanjung Puteri ada membangkitkan adakah pihak Jabatan Agama Islam Johor khususnya Bahagian Pendidikan mahu mengkaji semula silibus pelajaran di sekolah agama.

YB Dato' Speaker : YB, sila rehat sekejap.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Belum azan lagi.

YB Dato' Speaker : Belum eh. Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker. Maka pada tahun ini, kajian kepada silibus pendidikan sekolah agama bagi darjah 4, 5, 6 dan Darjah Khas telah pun dibuat. Di mana usaha yang kita usahakan pada hari ini iaitu untuk mengembalikan penggunaan kitab-kitab lama atau pun kitab-kitab teras Melayu yang selalu, yang pernah digunakan satu ketika dulu. Yang pertama, Kitab Muta'albadrain, di mana kita akan gunakan. Begitu juga tentang Risalatul Tauhid bagi Pengajian Akidah dan juga yang ketiga, Pengajian Tasawuf dan juga Mustika Fara'id.

Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerajaan negeri amatlah komited dalam merealisasi pelan transformasi pendidikan agama bermula dari pembinaan sekolah, kebajikan pelajar dan guru serta pentadbirannya. Di mana penelitian dari setiap perkara diambil

kira. Untuk Makluman Yang Berhormat Penawar, cadangan agar sekolah agama diberi perhatian serius dalam perihal pentadbiran merupakan matlamat yang utama bagi meningkatkan mutu pembelajaran yang dipertanggungjawabkan kepada guru-guru agama. Pada hakikatnya, sekolah-sekolah agama di Negeri Johor ini terbahagi kepada kategori iaitu kategori A (1100 pelajar), Gred B (900 pelajar), Gred C (500 pelajar). Setakat ini hanya sekolah yang bergred A sahaja mendapat kelulusan khidmat kerani sekolah kerana jumlah pelajarnya yang ramai. Akan tetapi Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengemukakan cadangan bagi menambah perkhidmatan perkeranian di sekolah bergred B dan C bagi memudahkan urusan pentadbiran di semua Sekolah Agama Negeri Johor. Cadangan Yang Berhormat agar memperbanyakkan lagi guru sekolah, guru lelaki di sekolah-sekolah Agama Negeri Johor akan pihak kami mempertimbangkan dan mengkaji semula pengambilan guru mengikut keseimbangan antara pemohon di kalangan lelaki dan wanita.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa kerajaan negeri juga telah memutuskan bahawa sekolah-sekolah agama di Negeri Johor gred A dan B mulai tahun ini telah pun diberikan kelulusan untuk memberikan ataupun mengadakan pembersihan di sekolah-sekolah agama gred A dan juga B di seluruh negeri Johor yang mana melibatkan sebanyak 100 buah sekolah dengan melibatkan kos hampir RM 4 juta setahun. Ini sebagai meringankan lagi beban guru-guru dan juga pelajar-pelajar dari segi pembersihan di sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Penawar juga, penubuhan Badan Kebajikan Sekolah adalah di bawah peraturan Badan Kebajikan Sekolah Agama 1981 yang mengambil kuasa daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. Di mana penubuhannya amat perlu bagi melibatkan setiap ibu bapa atau penjaga turut bertanggungjawab bagi membangunkan sekolah agama secara bersama dan bermuafakat. Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor mempunyai Badan Kebajikan Sekolah Agama yang berfungsi sama seperti Persatuan Ibu bapa dan Guru sebagaimana di sekolah kebangsaan. Antara lain badan Kebajikan Sekolah Agama membantu menggerakkan aktiviti sekolah seperti mengadakan sambutan-sambutan Majlis Kebesaran Islam. Selain itu, aktiviti berbentuk akademik turut diatur Badan Kebajikan Sekolah seperti kem motivasi pelajar dan seminar menghadapi peperiksaan. Badan Kebajikan Sekolah Agama juga turut membantu pihak sekolah dari sudut penyediaan kemudahan dan prasarana sekolah. Membantu menyelesaikan keperluan pengurusan dan menjaga kebajikan guru, secara tidak langsung ianya dapat mengeratkan lagi persefahaman di antara guru-guru di sekolah dan ibu bapa pelajar bagi penyelesaian masalah dan penambahbaikan sekolah dan pelajar.

Demi menjaga kebajikan guru-guru sekolah tadika agama johor untuk maklumat Yang Berhormat Bukit Naning kerajaan sedang menyemak semula skim perkhidmatan guru tadika agama Johor. Sebelum ini kerajaan telah meluluskan sebanyak 316 perjawatan skim perkhidmatan DB 17 secara kontrak dan telah melantik guru tadika agama Johor dalam skim perkhidmatan tersebut di serata negeri Johor bagi sekolah agama yang memiliki tadika agama Johor. Namun,skim perkhidmatan DB 17 kontrak tersebut akan dijumudkan di atas sebab-sebab yang tertentu sebagai gantinya kerajaan sedang menimbang untuk mewujudkan skim perjawatan S17 kontrak bagi guru tadika agama Johor yang berkelayakan. Ini bagi memudahkan pembayaran gaji guru tadika agama

Johor seperti contoh membolehkan guru-guru menerima imbuhan tahunan atau kenaikan tangga gaji yang diberikan kerajaan kepada mereka.

Dan salah satu jalan penyelesaian kepada guru-guru tadika agama Johor dan juga guru KAFA negeri Johor bahawa pihak MARSAH dengan kerjasama AEU telah mewujudkan pengajian Diploma Pendidikan Islam secara sambilan untuk mengambil pelajar-pelajar daripada kalangan guru-guru ini tadi untuk mengambil program Diploma Pendidikan Islam di mana setelah guru-guru tadika agama Johor dan guru-guru Kafa ini memiliki Diploma Pengajian Islam ini mereka layak untuk memohon dan memasuki perkhidmatan guru agama negeri Johor gred DGA 29.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebelum saya menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan sukalah saya untuk berkongsi sedikit maklumat untuk panduan semua seperti yang sedia maklum zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang ke 5 di mana zakat itu definisikan sebagai tumbuh dan bertambah ia juga bererti berkat, bersih, dan berkembang maju. Sejarah telah membuktikan bahawa khalifah Saidina Abu Bakar As Siddiq amat menitik beratkan soal pembayaran zakat kerana sesungguhnya mereka yang kaya dan berada harus menyedari bahawa di dalam harta mereka wujud hak orang lain, hak orang fakir dan miskin. Di antara hikmahnya adalah mengagihkan kekayaan dari golongan yang berada kepada golongan yang kurang berkemampuan iaitu sistem sosioekonomi Islam selaras dengan Rukun Islam ini sebagai kerajaan yang menjadikan agama Islam sebagai agama kerajaan adalah menjadi tanggungjawab pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi melaksanakan ibadah ini dengan sebaik-baiknya. Pelbagai usaha dan perancangan dilaksanakan bagi menjamin kebajikan golongan asnaf sentiasa terbela ia dapat dilihat melihat melalui kesungguhan Majlis Agama Islam Negeri Johor menyusun pelbagai strategi dan skim bantuan bagi memudahkan saluran bantuan diagihkan dengan lebih adil dan saksama. Di antaranya ialah dengan mewujudkan satu kumpulan yang dinamakan Skuad Jejak Asnaf di mana mereka akan menjelajah dari kampung ke kampung bagi menjejaki golongan yang kurang berkemampuan agar dapat dibantu dengan segera, malah kaunter bergerak juga diwujudkan dari perkenalkan bagi memudahkan golongan asnaf menerima bantuan melalui skim bantuan yang bersesuaian. Terima kasih

YB Dato' Timbalan Speaker : Belum azan lagi. Sambung semula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kaunter bergerak juga diwujudkan dan diperkenalkan bagi memudahkan golongan asnaf menerima bantuan skim bantuan yang bersesuaian. Kesungguhan Majlis Agama Islam Negeri Johor membantu golongan yang memerlukan dengan mengadakan satu karnival khas Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi mendedahkan aktiviti, peranan dan tanggungjawab dalam mengurus dan melaksanakan urusan zakat, baitulmal dan wakaf bagi memartabatkan Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai sebuah agensi yang berpengaruh. Karnival ini juga bertujuan mendekatkan Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan masyarakat sebagai satu inisiatif bagi mewujudkan perspektif yang lebih positif mengenai fungsi Majlis Agama Islam Negeri Johor itu sendiri, sesuai dengan peredaran zaman Majlis Agama Islam Negeri Johor juga komited memperbaiki segala bentuk sistem komunikasi yang lebih mesra bersama rakyat melalui laman-laman sosial yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan dengan bangunan yang telah diwakafkan oleh Persatuan Cina Muslim yang dikatakan telah uzur dan usang itu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maharani untuk maklumat bahawa Bahagian Pengurusan Harta Majlis Agama Islam Negeri Johor akan segera mengenal pasti kerosakan yang perlu di baik pulih dan seterusnya membuat anggaran kos bagi kerja-kerja membaik pulih tersebut. Penyelenggaraan harta-harta wakaf di seluruh daerah sememangnya sedang dan dalam tindakan Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk memastikan ini sentiasa terpelihara walaupun sumber kewangan wakaf adalah terhad.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, tahniah kepada Yang Berhormat Parit Raja kerana keprihatinan beliau. Untuk maklumat Yang Berhormat, bantuan hemodialisis kepada pesakit-pesakit yang layak adalah meliputi seluruh kawasan dalam negeri Johor. Mereka yang tidak menerima pembiayaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam JPA, Perkeso, atau Jabatan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor adalah keutamaan untuk mendapat bantuan zakat. Bagi pesakit-pesakit buah pinggang di kawasan Parit Raja yang berkelayakan juga tidak terkecuali daripada menerima bantuan kos rawatan hemodialisis daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Sehingga kini terdapat 2 pusat hemodialisis di kawasan Parit Raja yang menjadi panel Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam memberi rawatan kepada pesakit-pesakit tajaan Majlis Agama Islam Negeri Johor iaitu Pusat Hemodialisis Sinar dan Pusat Hemodialisis Darul Takzim.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih saya kepada Yang Berhormat Bukit Naning di atas cadangan yang diberikan. Untuk maklumat Yang Berhormat, pewujudan bazar asnaf merupakan satu inisiatif Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk membantu usahawan-usahawan asnaf yang telah menerima bantuan peralatan dan juga latihan di bawah skim bantuan berdikari untuk memasarkan produk-produk mereka secara terus kepada pelanggan. Bagi merealisasikan usaha ini Majlis Agama Islam Negeri Johor juga berkolaborasi dengan pihak FAMA untuk program ini. Bagi tahun 2015 Majlis Agama Islam Negeri Johor telah mewujudkan 3 bazar asnaf di 3 buah daerah iaitu Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat. Manakala daerah-daerah lain akan mempunyai bazar asnafnya sendiri menjelang tahun 2016. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor akan mengenal pasti lokasi-lokasi yang strategik bagi menarik pengunjung datang berbelanja. Selain itu, bagi penglibatan asnaf dalam perniagaan francais akan dilaksanakan di tempat-tempat komersial seperti pusat membeli belah dan medan-medan perniagaan, melalui usaha ini adalah diharapkan akan dapat membantu asnaf memasarkan produk mereka sehingga dikenali ramai dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, masjid merupakan tempat ibadah kaum Muslimin yang mempunyai peranan tertentu untuk kemajuan peradaban umat Islam. Sejarah telah membuktikan multi fungsi masjid berabad lamanya bermula dari zaman Rasulullah SAW masjid juga merupakan rumah ibadah bagi umat Islam dalam mengerjakan solat dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam yang merupakan sebuah institusi ibadah yang sepatutnya berkembang sejajar dengan arus perkembangan zaman dan memainkan peranan di dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah pusat ataupun institusi.

Pembinaan masjid merupakan salah satu *method* penting bagi mencapai matlamat perkembangan umat Islam pada hari ini. Seperti soalan permohonan yang diajukan oleh Yang Berhormat Sungai Balang Yang Berhormat Puteri Wangsa, Parit Yaani untuk maklumat Yang Berhormat sekalian sehingga 26 November 2015. Pihak Jabatan masih belum menerima permohonan daripada AJK Masjid Parit Mislam dan Parit Ibrahim Muar dan Surau Taman Kempas Indah juga Surau Taman Setia Tropika serta Masjid Taman Puter Indah bagi tujuan yang dinyatakan . Walau bagaimanapun pihak jabatan telah memaklumkan kepada pejabat kadi-kadi daerah yang berkenaan untuk memaklumkan kepada ahli jawatankuasa masjid yang dinyatakan bagi menyegerakan penghantaran permohonan serta dokumen yang diperlukan ke pejabat kadi daerah yang berkenaan. Setelah dokumen yang diperlukan telah lengkap permohonan tersebut akan dipanjangkan ke Pengurusan Masjid dan Surau Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Seterusnya permohonan tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor untuk tujuan kelulusan.

Yang Berhormat Tanjung Puteri, berkenaan permohonan surau yang perlu di naik taraf, pihak jabatan juga telah memaklumkan kepada pejabat kadi Daerah Johor Bahru untuk memaklumkan pada Ahli Jawatankuasa surau berkenaan bagi menyegerakan penghantaran permohonan menaik taraf surau kepada surau Jumaat serta dokumen yang diperlukan ke pejabat Kadi Daerah Johor Bahru. Di antara dokumen yang diperlukan yang pertama permohonan hendaklah melalui pejabat kadi daerah. Kedua, kemudahan yang sempurna dan bentuk fizikal yang selesa. Yang ketiga, permohonan hendaklah menyertakan kertas kerja kelengkapan dengan butiran berikut tujuan latar belakang masjid dan surau status tanah perlulah diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi berstatus tanah yang berstatus rizab kerajaan perlulah mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa seterusnya menerima nama jawatankuasa pengurusan masjid dan surau seterusnya senarai nama pegawai surau sama ada di tauliah atau tidak seterusnya kemudahan dan kelengkapan seperti Mimbar, Tongkat Khatib, bilik air, alat pembesar suara tempat wuduk parking kereta dan seumpamanya seterusnya senarai kampung, taman, sekolah dan kawasan perindustrian yang berdekatan jarak jauh masjid-masjid yang berhampiran dengan surau yang nak di naik taraf, bancian penduduk Islam dewasa laporan dan aktiviti masjid dan surau kemudian kertas kerja hendaklah dilampirkan perkara-perkara berikut juga seperti kebenaran menduduki masjid dan surau yang baru perakuan pengesahan wakaf dari Majlis Agama Islam Negeri Johor dan pejabat Kadi Daerah atau salinan geran tanah berstatus wakaf dari pejabat tanah daerah atau juga minit mesyuarat yang berhubung dengan keputusan permohonan senarai nama jawatankuasa pengurusan masjid dan surau, senarai nama pengurus masjid dan surau, gambar tapak bangunan sedia ada, pandangan dan sokongan pengerusi masjid yang berhampiran adalah diperlukan dan juga pandangan dan sokongan wakil rakyat, pegawai daerah ataupun penghulu ataupun ketua kampung dan juga maklumat lain yang berkaitan, laporan dan surat sokongan daripada pejabat kadi daerah juga adalah diperlukan setelah dokumen yang diperlukan itu telah lengkap permohonan tersebut akan di panjang kepada pengurusan masjid dan surau Jabatan Agama Islam dan seterusnya akan dibawa kepada jawatankuasa fatwa negeri Johor untuk tujuan kelulusan untuk maklumat YB Bukit Naning jabatan ada menerima permohonan membina semula bangunan surau Parit Menu Mukim Air Hitam Naning pada 12 November 2015 permohonan tersebut telah dimajukan kepada Jabatan Mufti

Johor pada 23 November 2015 untuk mendapatkan fatwa meroboh dan membina semula fatwa ini perlu dilaksanakan sebelum memulakan kerja-kerja meroboh dan membina semula di jalankan pihak jabatan akan memaklumkan dengan segera kepada ahli jawatankuasa surau yang berkenaan setelah menerima keputusan fatwa daripada jabatan mufti negeri johor

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Maharani ada membangkitkan soalan berkenaan kebajikan golongan mualaf di negeri Johor selain daripada bimbingan dan ukhwah di Taman Mutiara Rini untuk maklumat Yang Berhormat dalam menjaga kebajikan mualaf di negeri ini Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui unit ukhwah melalui peruntukan asnaf dan penyediaan bagi pelbagai kemudahan di antaranya ialah kemudahan pendidikan. Setiap daerah diadakan pusat aktiviti dan pengajian yang dikenali dengan nama Darul Ukhwah yang mana modul dan tenaga pengajar turut disediakan. Yang kedua tambang, (elaun kehadiran) bagi menggalakkan saudara kita (mualaf) mempelajari agama Islam yang baru bagi mereka tambang atau elaun kehadiran telah disediakan setiap kali mereka hadir ke Darul Ukhwah. Yang ketiga, bantuan sara hidup. Saudara baru yang layak, saudara kita yang layak untuk memohon bantuan sara hidup bagi meringankan bebanan mereka. Yang keempat bantuan perubatan, bagi mualaf yang memerlukan boleh membuat permohonan bagi meringankan kos perubatan yang ditanggung. Yang kelima bantuan berdikari bagi meningkatkan taraf hidup mualaf, bantuan berdikari turut disediakan dengan syarat dan kelayakan yang tertentu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebelum saya melanjutkan ucapan penggulungan saya ini. Sedikit lagi ucapan penggulungan saya ini, izinkan saya menerangkan serba sedikit mengenai akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Malaysia merupakan sebuah negara yang berpegang teguh pada aliran dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di Dalam akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini mengikut mazhab imam Abu Hassan Ashaari, dan Imam Abu Mansor Al-Maturidi, di dalam fiqahnya pula mengikut Mazhab As-Syafie, Muhammad bin Idris As-Syafi'i dengan tambahan-tambahan yang diperlukan berdasarkan keputusan-keputusan fatwa, sama ada di peringkat negeri atau di peringkat kebangsaan mengikut kaedah-kaedah yang wajar dalam Ahli Sunnah. Dalam huraian berkenaan, dengan akhlak dan kerohanian pula akan mengikut Imam Muhammad bin Al-Ghazali dan Imam Abu Hassan As-Syadzili. Ini pada kebiasaannya. Sistem pengetahuan dan panduan ilmu dalam Ahli Sunnah ini diikuti dengan baiknya dan hendaklah dipelihara.

Yang Berhormat Dato' Timbalan speaker, saya ingin menegaskan tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah ini kerana dewasa ini kita sering dikhabarkan mengenai penyelewengan akidah yang semakin meruncing. Sehinggakan jika dilihat di negara luar khususnya di Timur Tengah, ianya menjadi satu fenomena yang tiada kesudahan sehingga ianya memadamkan segala perikemanusiaan dan menunjukkan kedangkalan akal fikiran. Oleh kerana itu, Malaysia amnya dan negeri Johor khususnya sangat mengambil serius di atas perkara ini. Seperti ajaran Syiah umumnya ia merujuk kepada sesiapa yang mengutamakan Saidina Ali bin Abi Talib, di atas tiga orang khalifah yang sebelumnya iaitu Saidina Abu Bakar ibni Siddiq, Saidana Umar ibni Al-khatab dan dan Saidina Uthman ibni Affan. Mereka juga mengatakan bahawa Ahlul Baits lebih layak untuk memegang jawatan khalifah dan kekhalifahan selain mereka adalah terbatal. Ketaksuban ini, ketaksuban inilah yang menyebabkan golongan ini sanggup

melakukan apa sahaja asalkan matlamat mereka tercapai. Sehingga tersasar daripada ajaran yang sebenarnya. Bagi membendung fahaman ini dari terus menular dan menjadi duri dalam daging, kerajaan negeri Johor tidak akan pernah sunyi dari terus menyelongkar mencari pengikut ajaran ini supaya ianya tidak menjadi semakin parah dan tidak dapat dibendung lagi.

Seperti soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa dan Yang Berhormat Semerah, untuk makluman Yang Berhormat antara tindakan-tindakan yang diambil untuk menangani isu ajaran Syiah dan juga yang berfahaman Wahabi dalam memperkasakan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah pun mengadakan yang pertama mesyuarat tindakan berkenaan isu-isu akidah yang melibatkan Polis DiRaja Malaysia, Imigresen, Kebajikan Masyarakat, Jabatan Mufti dan juga Majlis Keselamatan Negeri. Yang kedua risikan dan pemantauan ke tempat-tempat yang disyaki menjadi markas mereka dari masa ke semasa, dan seterusnya membuat tangkapan. Yang kedua membuat Seminar Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah peringkat negeri dengan mengundang pakar akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dari Indonesia iaitu Fadilatul Sheikh Kiyai Haji Idul. Yang keempat, bekerjasama dengan Jabatan Mufti Negeri Johor melahirkan kader-kader Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui kursus perkaderan dan kursus pemantapan perkaderan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dan seterusnya yang kelima, membuat Forum Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah peringkat daerah di seluruh negeri Johor bersama pejabat-pejabat kadi daerah. Seterusnya mengedarkan pamplet berkaitan penyelewengan syiah dan juga fahaman wahabi. Seterusnya menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Akidah Dan Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM sebagai satu jawatankuasa menyelaraskan tindakan di peringkat kebangsaan. Seterusnya membuat rampasan buku-buku yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bersama Kementerian Dalam Negeri berdasarkan buku yang telah disahkan bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Jabatan Mufti atau JAKIM. Seterusnya mengadakan taklimat di program, taklimat di program yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Seterusnya mengadakan pameran Ahli Sunnah Wal Jamaah di bawah bahagian penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Dan yang terakhir menerbitkan buku-buku yang berkaitan soal jawab akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan buku Aqidatul awam.

Yang Berhormat Timbalan Tan Sri Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan saya, bagi sidang Dewan kali saya mengambil kesempatan ini bagi mengingatkan, mengingatkan diri saya dan hadirin sekalian bahawa negeri Johor memiliki berbagai suku kaum, bangsa dan juga hubungan etnik yang unik. Sebagai masyarakat Jamak budaya, bukan majmuk lagi, Jamak budaya. Pelbagai bahasa, bermacam budaya juga agama, saya menyeru supaya sebagai masyarakat yang lebih bertamadun supaya memiliki sikap Tasamuh (toleransi) dan faham memahami. Amatlah tidak wajar untuk kita mengaitkan sesuatu bangsa atau suku kaum dengan sikap seseorang individu kerana bangsa itu adalah satu kebanggaan dan keturunan yang harus dipelihara kesuciannya. Oleh yang demikian, jika ingin mengatakan, jika ingin mengatakan mengenai seseorang individu, eloklah ditujukan terus kepada individu dan bukan mengaitkan dengan perkauman, bangsa dan budaya. Jika kepincangan peribadi seseorang yang tidak kita persetujui, janganlah kita persalahkan kaumnya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya telah berusaha untuk memberi jawapan yang terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitnya oleh Ahli Dewan dan cuba menerima teguran dan mempertimbangkan segala cadangan yang diberikan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih dan jika ada perkara yang terlepas pandang akan saya berikan perhatian dan akan mengambil tindakan susulan di atas perkara yang tersebut. Terima kasih di atas perhatian, jutaan ampun dan maaf di atas segala kesalahan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, asalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih, persidangan di sambung. Sila Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan bajet negeri Johor bagi tahun 2016. Saya ingin merakam ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim pada hari Ahad, 22 November 2015. Semoga dilanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan semoga negeri Johor Darul Ta'zim akan terus makmur aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Sukacita juga saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT dan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang membawa transformasi besar, pencetus kejayaan pasukan JDT sehingga menjuarai Piala AFC 2015 baru-baru ini. Sekali gus, ini menjadikan JDT sebagai pasukan bola sepak pertama dari Asia Tenggara dan Asia Timur merangkul kejuaraan AFC 2015. Semoga JDT terus mengukir kejayaan di persada tempatan dan antarabangsa pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan Bajet 2016 yang bertemakan Inklusif, Lestari dan Sejahtera untuk Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sidang yang mulia ini, saya cuba menghuraikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan portfolio Sumber Manusia dan Perpaduan. Di sidang yang mulia ini, Yang Berhormat ADUN Kempas telah pun membangkitkan isu berkaitan dengan penggajian pekerja asing. Ia juga mencadangkan agar negara sumber mengeluarkan *Letter Of Good Conduct* dengan izin untuk mempastikan bahawa pekerja asing ini bebas dari melakukan jenayah di negara asal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan kelancaran proses penggajian pekerja asing di negara ini. Beberapa *Memorandum Of Understanding* dengan izin MOU, telah ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan negara-negara sumber seperti Indonesia, India, Bangladesh, Filipina, dan lain-lain negara. Tujuan MOU ini

ditandatangani adalah bagi menjaga kepentingan dan kebajikan majikan serta pekerja asing tersebut. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan klausa keperluan *Letter Of Good Conduct* dalam MOU tersebut yang menyatakan agar negara-negara sumber memastikan bahawa pekerja asing yang dihantar ke negara ini bebas daripada melakukan jenayah. Walau bagaimanapun kerajaan akan meneliti cadangan ini secara lebih terperinci memandangkan perbincangan lanjut dengan negara-negara sumber perlu diadakan.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, bertanggungjawab ke atas hal penggajian dan perburuhan, di mana pekerja asing yang digajikan secara sah layak menikmati perlindungan dan faedah-faedah yang ditetapkan oleh undang-undang perburuhan. Ketika ini, penggajian pekerja asing di Malaysia, hanyalah bersifat sementara untuk menampung kekosongan jawatan. Walau bagaimanapun, ia hanya diberikan untuk beberapa sektor sahaja, seperti berikut sektor perkilangan, sektor pertanian, sektor perladangan, sektor pembinaan dan sektor perkhidmatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan pekerja asing oleh majikan sebenarnya akan dibuat, di pusat kelulusan setempat Putrajaya. Wakil-wakil daripada kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa (MITI), Kementerian Pertanian dan Industri Tani, Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan bertugas di PPS ini untuk memproses permohonan pengambilan pekerja asing. Ini jelas menunjukkan bahawa jabatan-jabatan ini berfungsi dalam jawatankuasa ini untuk mengkaji pengambilan pekerja asing. Dan negara-negara sumber bagi penggajian pekerja asing yang dibenarkan kepada Malaysia pada ketika ini ialah Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, India, Indonesia dan Bangladesh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Kawasan Kempas juga ada menyentuh tentang isu pekerja asing membawa penyakit dan terlibat dalam jenayah. Berikut adalah penjelasan bagi kedua-dua isu tersebut. Dasar semasa menetapkan setiap pekerja asing, supaya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat sebelum dikeluarkan dengan pas lawatan kerja sementara (PLKS). Terdapat 2 peringkat saringan kesihatan dilakukan sebelum pekerja asing dikeluarkan pas lawatan kerja sementara iaitu sebelum masuk saringan dilaksanakan di klinik-klinik, hospital di negara asal yang diakreditasikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bakal pekerja yang melepasi saringan akan dikeluarkan visa untuk masuk ke Malaysia. Dan yang kedua saringan dalam tempoh 30 hari apabila tiba di Malaysia di klinik-klinik panel Fomema, hanya pekerja yang disahkan sihat dalam saringan kedua akan dikeluarkan pas lawatan kerja sementara. Pekerja yang tidak sihat akan dihantar pulang dengan segera oleh majikan ke negara asal.

Pemeriksaan kesihatan terhadap pekerja asing ini akan dilakukan bagi lanjutan pas lawatan bagi tahun kedua dan ketiga. Risiko penyakit berjangkit adalah sangat tinggi di kalangan pekerja asing yang masuk secara tidak sah adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk melaporkan kehadiran pendatang asing tanpa izin, PATI, ini kepada agensi penguatkuasa bagi memastikan risiko penyakit berjangkit ini dapat dikurangkan. Berkaitan dengan isu pekerja asing terlibat dengan jenayah,

kemasukan setiap warga negara asing termasuk pekerja asing ke Malaysia, adalah tertakluk kepada Seksyen 8, Akta Imigresen 1959, 63, iaitu mereka tidak tergolong dalam kumpulan imigran larangan. Contoh imigran larangan adalah seperti berikut, mana-mana orang yang tidak dapat menunjukkan bahawa ia mempunyai punca pendapatan untuk menyara dirinya dan tanggungannya, mana-mana orang yang mengalami sakit otak atau penyakit berjangkit, atau menular, yang menjadikan kehadirannya di Malaysia, berbahaya kepada masyarakat. Yang ketiga, kutu rayau, atau peminta sedekah tetap dan mana-mana orang yang telah di hukum penjara bagi sebarang tempoh. Majikan yang telah diluluskan kuota pengambilan pekerja asing perlu memohon visa dengan rujukan bagi setiap pekerja asing yang hendak di bawa masuk. Hanya pekerja asing yang bebas daripada syak senarai syak jabatan dan pemeriksaan kesihatan di negara asal akan dikeluarkan visa oleh perwakilan Malaysia dan dibenarkan masuk ke Malaysia. Pekerja asing yang didapati melakukan kesalahan jenayah, akan dibatalkan pas lawatan kerja mereka dan mereka akan di usir pulang ke negara asal setelah tamat menjalani hukuman yang ditetapkan oleh mahkamah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Maharani menyentuh tentang negara kita sebenarnya sudah tidak perlu lagi membawa masuk 1.5 juta pendatang daripada Bangladesh seperti yang di rancang dan mengatakan bahawa cukuplah apa yang ada untuk kita manfaatnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar pengambilan pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan, iaitu Kementerian Dalam Negeri secara umum. Setiap kemasukan pekerja asing akan di nilai secara objektif, bergantung kepada keperluan dan kelayakan bakal majikan. Negara Bangladesh sebelum ini merupakan salah satu negara sumber bagi pengambilan pekerja asing. Walau bagaimanapun. pengambilannya dibekukan kerana pelbagai isu pengambilan tidak teratur, termasuk isu kebajikan dan pemerdagangan orang. Cadangan menjadikan Bangladesh sebagai salah satu negara sumber adalah merupakan sumber alternatif kepada majikan di Malaysia yang ada pada masa ini kerana menghadapi masalah kesukaran mendapat tenaga kerja yang mencukupi daripada negara-negara sumber sedia ada. Selain itu, pihak majikan juga berminat untuk mengambil warganegara Bangladesh kerana keinginan mereka untuk bekerja lebihan masa. Dalam usaha mengatasi isu-isu berbangkit sebelum ini, seperti pemerdagangan orang, *force labour* dan sebagainya dengan izin, kerajaan akan memperincikan tatacara pengambilan pekerja asing Bangladesh. Di bawah kerjasama *G to G*, *Government To Government* termasuk inisiatif permohonan dan saringan pekerja asing secara *online*, menghapuskan peranan orang tengah dan mempastikan kebajikan pekerja dan kepentingan majikan terjamin. Bilangan sebenar pekerja asing Bangladesh adalah tertakluk kepada keperluan majikan dan dasar serta syarat-syarat pengajian pekerja asing yang sedang berkuat kuasa.

Dato' Speaker, Yang Berhormat Senai ada menyentuh dasar kita terhadap pekerja asing. Dasar pengambilan pekerja asing di Malaysia menetapkan supaya pengambilan pekerja asing di buka untuk sektor pekerjaan yang tergolong dalam kategori 3D; *dirty, difficult and dangerous*, dengan izin. Selain itu, pengambilan pekerja asing dibenarkan bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan dalam sektor-sektor perkilangan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan. Kelulusan pengambilan pekerja asing tidak di buat sewenang-wenangnya. Sebaliknya ia mesti

mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi kawal selia bagi setiap sektor pekerjaan yang diluluskan pengambilan pekerja asing.

Dato' Speaker, Yang Berhormat Tanjung Surat menyatakan mengenai peluang anak-anak muda Johor, mengikut kursus-kursus kemahiran yang sesuai dengan keperluan industri minyak dan gas. Dato' Speaker, Petronas memerlukan hampir 5,000 kakitangan tetap apabila loji penapis minyak siap. Diharapkan dengan kelengkapan anak-anak Johor, dengan kemahiran yang bersesuaian, ramai anak Johor dapat mengisi jawatan-jawatan berkenaan dan mendapat gaji yang baik. Dan ketika ini, bagi menyediakan latihan-latihan kemahiran yang intensif dan berkualiti, dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran, untuk membangunkan industri petroleum dan gas di Johor, PIJPDC telah pun menyediakan satu rangka kerja pembangunan modal insan bagi industri giliran petroleum dan gas di negeri Johor. Rangka kerja ini dibahagikan kepada dua fasa di mana fasa pertama member penumpuan kepada program-program latihan kemahiran, teknikal dan vokasional yang bakal menyediakan golongan belia khususnya dari negeri Johor dan Malaysia amnya, dengan kemahiran untuk menjadi tenaga kerja di Kompleks Bersepadu Petroleum Dan Gas, Pengerang PIJPDC.

Di antara program fasa pertama yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2012, ialah transformasi Institut Kemahiran Belia Negara, Bandar Penawar, menjadi pusat latihan petroleum dan gas untuk kursus-kursus jangka pendek, berdasarkan konsep *finishing school*. Dato' Speaker, pihak Petronas dan SIRIM telah banyak membantu membangunkan program-program latihan yang bersesuaian di peringkat awal. Antara modul dan program yang dibangunkan dan yang telah dilaksanakan di Bandar Penawar ialah Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar; kedua, latihan dan pensijilan Program Kimpalan 6G, 6G *American Welding Society*; ketiga, latihan dan pensijilan Program Kimpalan 1G-4G; keempat, latihan dan pensijilan Asas Teknik Kimpalan, dan yang kelima, *Non-distractive Testing NDT*. PIJPDC juga telah membantu IKBN Bandar Penawar untuk mendapatkan dana untuk pembiayaan yuran kursus dari Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, PTPK. PTPK telah meluluskan dana pembiayaan sebanyak RM10 juta untuk para pelatih untuk mengikuti kursus-kursus berkaitan petroleum dan gas di IKBN Bandar Penawar. Pihak PIJPDC juga telah Berjaya membawa pihak industri untuk bekerjasama dengan IKBN Bandar Penawar bagi memberi pendedahan industri kepada para pelatih di sini. Satu MOU, *Memorandum Understanding* telah ditandatangani pada bulan Oktober 2015 di antara *Malaysian Marine And Heavy Engineering*, MMHE Pasir Gudang dan IKBN Bandar Penawar untuk melaksanakan jalinan industri ini.

Dato' Speaker setakat ini, sejumlah 1,686 orang telah mengikuti kursus di IKBN Bandar Penawar dan telah berjaya mendapat pekerjaan sesuai dengan kelulusan masing-masing. Dato' Speaker, PIJPDC juga telah berjaya mendapatkan dana pembiayaan latihan untuk pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar dari pihak KEJORA sebanyak RM300,000. Setakat ini, seramai 50 orang telah di latih terdiri daripada belia-belia di sekitar Pengerang, Bandar Penawar, Kota Tinggi dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan berkenaan dengan Jabatan Perpaduan di mana dalam sidang pada kali ini kita dapati ramai wakil-wakil rakyat, khususnya daripada kawasan

pembangkang yang menyentuh mengenai bangsa Johor dalam ucapan mereka. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal perpaduan juga, negeri Johor merupakan sebuah negeri yang unik di mana kita adalah sebuah bangsa yang cukup sinonim dengan istilah bangsa Johor. Keunikan negeri kita yang disayangi ini haruslah menjadi kebanggaan kepada kita. Dalam sidang kali ini seperti yang saya katakan tadi, ramai yang menggunakan istilah bangsa Johor. Di sini saya ingin menyeru pihak yang berada di sebelah sana agar tidak menggunakan istilah bangsa Johor ini sebagai satu agenda politik. Istilah bangsa Johor bukanlah satu rujukan yang direka, namun ia termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor, iaitu Perlembagaan Negeri Johor sebagai memberi makna yang mendalam dalam diri setiap rakyat di negeri ini.

Dato' Speaker, sejarah negeri Johor telah membuktikan bahawa bangsa Johor telah wujud sejak sekian lama di bawah naungan Kesultanan Johor yang sangat prihatin dan mementingkan perpaduan kaum di negeri ini. Bangsa Johor kini menjadi pegangan untuk menzahirkan semangat kecintaan yang menebal kepada negeri ini serta telah dibuktikan dengan permuafakatan yang wujud dalam apa jua bidang, tidak kira kaum. Malah kerajaan negeri di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah memperkenalkan konsep muafakat Johor sebagai alat untuk terus mengekalkan perpaduan, persefahaman dan keharmonian di negeri ini. Dato' Speaker, Bangsa Johor adalah istilah untuk menzahirkan keharmonian, perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negeri ini. Jadi, ia tidak seharusnya dipolitikkan atau digunakan bagi agenda politik untuk mengelirukan rakyat. Jangan sesekali mempergunakan bangsa Johor untuk kepentingan peribadi tanpa da tujuan untuk kemakmuran negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika benarlah Wakil-Wakil Rakyat sebelah sana, jika anda Bangsa Johor yang sebenar, jangan menanam sentimen kebencian di kalangan rakyat, untuk membenci sesuatu yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri yang pastinya adalah untuk kebaikan mereka khasnya dan negeri ini amnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, memandangkan masa pun dah singkat, akhir sekali Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya. Saya telah cuba untuk memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan di ambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Jadi dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih, salam perpaduan dan salam muafakat Johor.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan. Jemput Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya. Orang kampung nak dengar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu marilah kita mengungkapkan setinggi-tinggi rasa syukur atas keizinanNya jua maka Persidangan Dewan negeri pada kali ini dapat kita mulakan dengan pembentangan bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dengan jelas membawa tema Inklusif, Lestari Dan Sejahtera Untuk Johor. Di sepanjang perbahasan pelbagai isu dan cabaran dapat sama-sama kita ketengahkan dan kita utarakan demi menjaga

kepentingan rakyat di negeri Johor. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas segala teguran dan cadangan yang berkaitan dengan portfolio saya, walaupun banyak yang membangkitkan hal-hal berkaitan air, tetapi ia tidak bermakna hal-hal yang lain tidak penting untuk kita bahaskan. Maka izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk membuat penjelasan serta menjawab persoalan yang telah berbangkit dari perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berjalan selama empat hari dalam Dewan yang mulia ini, bermula dengan menjelaskan isu-isu berkaitan air. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pertama, Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh berkaitan punca krisis dari aspek pengurusan, aktiviti dan kawalan sumber air di sekitar kawasan tadahan. Turut berbangkit adalah peranan BAKAJ, Badan Kawal Selia Air Johor dalam melaksanakan Enakmen Air 1921 Pindaan 2014 yang berkuatkuasa bermula 15 Oktober 2014. Kedua Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang langkah penyelesaian oleh Syarikat Air Johor Holding berkaitan bekalan air berjadual di kawasan Pasir Gudang dan Pengerang.

Pengurusan SAJ Holdings serta jaminan bekalan air terawat turut dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker,

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat Pengerusi Kerja Raya jemput duduk. Bagi membolehkan Yang Berhormat menjawab selama dua hari, dan membolehkan orang-orang Benut bersama-sama esok hari, saya dengan ini menangguhkan Persidangan dewan hingga ke jam 9:30 pagi 30 November 2015.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA (BAJET 2016)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETUJUH	ISNIN, 30 NOVEMBER 2015	BIL. 10 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SMIJ.,SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.,PSI,PSI
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.,PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.,PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM, DSM., PSI.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DMIJ., DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT. sampai kita ke hari penghujung atau penghabisan dalam kita menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli-Ahli Yang Berhormat menyempurnakan Persidangan Ketiga Dewan Negeri Yang Ketiga Belas yang kita mulakan daripada 19 hari bulan yang lepas sehinggalah ke hari ini. Saya berharap Persidangan ini telah berjaya kita jalani beberapa hari yang lalu, dapat kita selesaikan pada hari ini dengan keadaan yang lebih sempurna, lebih baik untuk kepentingan negeri dan rakyat Negeri Johor.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahirrahmannirrahim. Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Nyatakan sama ada kurikulum dan sijil Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Johor diterima sebagai satu sijil yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan juga dalam memohon pekerjaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker. Dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Raja bertanya soalan yang menyatakan sama ada kurikulum, ada kurikulum dan sijil Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Johor diterima sebagai satu sijil yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan juga dalam memohon pekerjaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sijil Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Johor hanya diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Johor sahaja. Contohnya, dalam pelantikan Penghulu, Ketua Kampung, Guru-Guru Agama dan juga selain daripada Guru-Guru Takmir yang mengajar di masjid-masjid di Negeri Johor ataupun di mana-mana pusat, tempat-tempat pengajian di Negeri Johor. Di mana pemegang Sijil Darjah Khas Agama akan diberikan kredit, akan diberikan keutamaan sekiranya mereka ini mempunyai Sijil Darjah Khas Sekolah Agama Kerajaan Johor. Ia boleh diperkasakan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dengan meletakkannya sebagai salah satu syarat khas dalam pelantikan jawatan-jawatan yang tertentu di dalam Negeri Johor. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tan Sri Speaker, saya dapat maklum bahawa pada tahun 2018 merupakan satu mercu tanda kepada Negeri Johor iaitu ia akan menjadikan pendidikan Islam Negeri Johor ialah 100 tahun. Maknanya 2 tahun lagi, 2015... 3 tahun lagi, 2018. Pendidikan Islam Negeri Johor berusia 100 tahun. Justeru itu, saya melihat dengan satu pandangan ke hadapan iaitu proaktif...

YB Tan Sri Speaker : 3 tahun lagi eh, 100 tahun?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : 100 tahun, 2018 Tan Sri. Satu mercu tanda yang sangat hebat. Dan dengan itu, kehendak masyarakat ataupun pengamal-pengamal pendidikan, dia mahu melihat sesuatu dilakukan. Justeru itu, perkara pertama yang saya nak minta pihak EXCO memberi makluman ialah adakah satu langkah-langkah bijaksana dibuat untuk menarik seramai mungkin pelajar yang menamatkan Sekolah Agama Darjah 6 masuk ke Darjah Khas? Memandangkan ketika ini peratusan pelajar yang tamat Darjah 6 masuk ke Darjah Khas tak ramai. Mungkin kerana mereka tak yakin dengan sijil ataupun tak berapa mahu mengambil sijil. Yang kedua, tanda aras sijil sekolah agama Negeri Johor, Darjah Khas Tan Sri, perlu di tanda araskan peringkat dunia kerana 100 tahun. Kerana kegiatan hari ini semua pihak pemberi pendidikan, dia nak melahirkan sijil eksekutif di peringkat mereka sehingga mereka boleh terima. Itu soalan saya.

YB Tan Sri Speaker : Ok lah. Saya ingat Yang Berhormat nak tanya adakah sambutan 100 tahun akan dibuat?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Belum sampai masa lagi.

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok...

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : 2018 nanti...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pengerusi sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Pasir Raja, terima kasih di atas cadangan dan juga mungkin pandangan yang mungkin saya boleh utarakan di sini.

Berkaitan dengan Sijil Darjah Khas Sekolah Agama kalau kita melihat dari segi sejarah sekolah agama Negeri Johor ini, 1937 adalah satu tempoh yang sangat panjang yang disebutkan tadi mungkin pada 2018 ini dah mencapai usia 100 tahun. Satu tempoh yang sangat panjang dan selalu juga orang bertanya kepada saya ke mana hala tuju sebenarnya Sekolah Agama Darjah Khas? Boleh saya katakan rata-rata hari ini kalau pegawai kerajaan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan saya rasa mungkin juga di kalangan Wakil-Wakil Rakyat yang beragama Islam, saya rasa majoriti daripada kita ini semuanya ada Sijil Darjah Khas. Walaupun pada ketika itu kita melihat bahawa Sijil Darjah Khas ini kalau dari segi ruang ataupun peluang mereka untuk menyambung pelajaran di peringkat universiti dan sebagainya itu memang tidak ada. Tetapi dari segi kedudukannya di dalam Negeri Johor ini terlalu unik. Sebab apa jua yang akan ditanya dari segi kelayakan agama, mereka akan tanya Darjah Khas ada atau tidak? Dan dulu-dulu, kalau kita lihat sebelum ini, boleh

dikatakan mereka-mereka yang ada Darjah Khas ini memang orang yang dari segi latar belakang agamanya memang mantap.

Sebab itu saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Raja tadi bahawa pihak Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Johor, kita juga telah merangka dalam Pelan Tindakan Pendidikan Agama Negeri Johor ini untuk 5 tahun supaya salah satu di antara yang pertamanya kita usahakan iaitu kita memperkasakan syllabus Sekolah Agama Kerajaan Johor ini bermula daripada Darjah Satu, Tahap 1 - 1, 2 dan 3, Tahap 2 - 4, 5 dan 6 dan seterusnya Darjah Khas. Maka itu sebab kajian sedang dibuat untuk kita nak laksanakan supaya bagaimana kedudukan Darjah Khas ini dapat dimantapkan di masa akan datang iaitu kita kembali kepada menggunakan kitab-kitab turath saya pun dalam sesi penggulungan semalam pun saya dah jawab. Bahawa kitab-kitab turath seperti *Matla' al-Badrain Majma' al-Bahrain* ni tadi kita perkenalkan semula dalam bentuk yang baru tapi isi kandungannya tadi dimudahkan. Bagaimana dulu kita tahu, bila kita tanya orang Islam dalam Negeri Johor yang pernah sekolah agama yang gunakan *Matla' al-Badrain* ini. Ada beberapa perkataan yang dia akan ingat sampai sekarang, perkataan yang mungkin mencuit hati mereka. Tapi sebenarnya perkara itu, itulah uniknya kitab *Matla' al-Badrain*. Jadi sekarang kita telah temukan ada beberapa buah kitab yang telah pun diterjemahkan, bukan diterjemahkan, makna dipermudahkan oleh pihak penerbit itu tadi yang menterjemahkan ataupun memperbaiki bahasanya itu tadi untuk kita gunakan. Jadi kita perkasakan dahulu... *syllabus* itu semula, kemudian kita wujudkan satu program iaitu Darjah Khas Lanjutan, ini yang kita nak, hari ini kita nak jadikan dia satu Darjah Khas yang boleh menjadi platform untuk anak-anak kita yang telah pun habis di peringkat Darjah Khas ini boleh melanjutkan pelajaran sebagai contoh yang kita telah pun bincangkan di Bahagian Pendidikan.

Contohnya sebab dulu sekolah agama ini, sekolah darjah 3 sekolah kebangsaan darjah 1 sekolah agama. Sekarang tidak, darjah 1 sekolah kebangsaan darjah 1 sekolah agama. Sebab itu kadang-kadang kalau kita lihat dulu tuan-tuan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian, dulu-dulu kadang-kadang sampai yang ambil Darjah Khas tu dah ada janggut, dah berjanggut dah, semua dah dewasa, besar-besar dah badan dia. Hari ini kita tengok Tingkatan 2 dah ambil Darjah Khas, kecik-kecik lagi, hari Sabtu belajar. Sebab dulu masuknya sekolah darjah... sekolah agama itu darjah 3 darjah 1 sekolah agama, sekolah darjah 3 sekolah kebangsaan darjah 1 sekolah agama. Sekarang ini darjah 1 sekolah kebangsaan darjah 1 sekolah agama. Jadi kalau kita lihat pun *syllabus* itu pun yang di peringkat tahap 1, 2 dan 3, tahap 1 tadi, darjah 1, darjah 2, darjah 3, kita perbaiki. Lepas itu kita perkenalkan, sebab kalau kita nak perkenalkan mereka daripada awal daripada darjah 1 dengan kitab *Matla' al-Badrain* ini agak berat. Maka itu sebab Bahagian Pendidikan, supaya kita lihat, kenal pasti 4, 5 dan 6 dan Darjah Khas mereka akan balik gunakan kitab *Matla' al-Badrain* khususnya dalam pengajian Ibadah, begitu juga Muamalah, Munakahat, Jenayatnya nanti. Dan bidang akidahnya pula, kita akan perkenalkan, kita akan belitkan semula, perkenalkan semula kitab Risalatul Tauhid, yang satu ketika dulu kita dah pernah gunakan... eh ketika kita Darjah 4, 5 dan 6. Dan begitu juga kita akan gunakan kitab Tasawuf...ya. Dan seterusnya juga kitab Mustika Faraid.

Jadi di sini sebenarnya Ahli Yang Berhormat, Tan Sri Speaker, ingin saya jelaskan bahawa kita juga merangka sebab hari ini kita telah melihat jumlah ada lebih kurang

28 buah sekolah agama yang mana sekolah agama ini dulu merupakan Sekolah Rendah Agama Rakyat, boleh dikatakan sekolah rendah agama Kerajaan Negeri atau disebut sebagai SRAB, Sekolah Rendah Agama Bersepadu yang telah pun diambil alih oleh pihak Kementerian Pendidikan. Begitu juga ada 20 juga Sekolah Menengah Agama Rakyat yang disebut SMAR yang telah pun diambil dan dijadikan sebagai SABK, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Jadi hari ini, sebagai contoh hari selepas saja keluar keputusan UPSR, di Sekolah Menengah Agama Rakyat dan hari ini pun dah tarikh tutup dah untuk mereka masuk, lepasan untuk masuk tingkatan 1. Boleh dikatakan yang memohon ini beribu orang mintak masuk ke-20 sekolah agama bantuan kerajaan dan ada 1 sekolah menengah agama kerajaan negeri. Ini terlalu ramai. Jadi kita melihat pada hari ini, saya nak kaitkan perkara ini dengan tentang persijilan Darjah Khas ini. Iaitu apabila kita hari ini melihat peluang mereka nak masuk mesti ada sekurang-kurangnya 3A 2B. Jadi, ada di kalangan pelajar-pelajar itu tadi, pelajar-pelajar di sekolah rendah, yang mungkin tak dapat, yang dia dapat 5B, telefon saya. Dia kata Yang Berhormat, boleh masuk tak sekolah menengah agama? Saya kata ada dapat berapa? Dapat 5B, ingatkan 5A, 5B pun mintak, dia kata ada tak ruang? Tapi anak saya ini mengaji bagus, bahasa arab dia bagus, sebab agama dia bagus. Tapi akademiknya dia ada masalah. Jadi ini yang kita fikirkan sekarang ini. Tengok sekolah agama dia Darjah 6 pun keputusannya naik Darjah Khas, bagus.

YB Tan Sri Speaker : Cuba ringkaskan sikit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Minta maaf Yang Berhormat. Terpaksa ceritakan jelas perkara ini pasal sebab semalam tak dapat. Minta maaf Tan Sri Speaker. Dah nak habis sikit.

Selepas itu apabila setelah kita wujudkan tadi ini, sekolah tadi ni yang Darjah Khas tadi ini, mereka tak dapat masuk sebab mereka tak ada ini. Tapi peluang agama tu bagus. Kelulusan agama bagus, darjah sekolah agama tu bagus. Jadi, inilah yang cuba kita usahakan pada hari ini apabila dia masuk ke Darjah Khas masa Tingkatan 1, kita minta mereka masuk sekolah menengah biasa dan ambil Darjah Khas. Setelah mereka, Darjah Khas mereka yang kita wujudkan yang kita nak perbaiki, supaya kita angkat martabat Darjah Khas itu, apabila mereka di Tingkatan 2, ambil Darjah Khas dan Darjah Khas itu tadi yang kita usahakan pada hari ini yang kita nak perbaiki, mereka dapat bawah daripada agregat 21 ke bawah, ini yang kita akan pilih masukkan ke tempat-tempat yang kita fikirkan pada hari ini, ada yang kita cadangkan...

YB Tan Sri Speaker : Ok Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kita nak wujudkan balik Sekolah Menengah Agama Maahad Johor.

Ini ada saranan daripada masyarakat Islam, mana perginya Maahad Johor bertanya kepada saya. Mana perginya Maahad Johor yang satu ketika dulu menjadi kegemilangan bagi negeri Johor? Jadi itu sebabnya tuan-tuan dan puan-puan, inilah peluang apabila kita angkat Darjah Khas ini tadi ini, selain daripada yang saya

nyatakan dalam jawapan tadi bahawa semua pegawai-pegawai kerajaan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor yang menjawat perjawatan-perjawatan yang tertentu dalam kerajaan negeri, bidang agamanya mereka ada Darjah Khas, itu satu. Yang kedua, daripada Darjah Khas ini tadi mereka mampu masuk ke tempat-tempat pengajian-pengajian agama, mereka boleh ambil peluang daripada kelayakan Darjah Khas yang cemerlang itu tadi. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Bolehkah mereka yang tidak bersekolah agama daripada Darjah 1 sampai Darjah 6, mengikuti Darjah Khas yang diadakan pada setiap hari Sabtu?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Penawar di atas soalan ini tadi. Sebenarnya, ini pun isu yang dah lama juga. Dan, terima kasihlah kerana ditanyakan, sebab ramai ada di kalangan yang bukan daripada negeri Johor. Sebab syarat kita, sekolah menengah agama di negeri Johor ni, nak masuk, kita tengok Darjah 6 dia, nak masuk Tingkatan 1 tu, kita tengok Darjah 6, keputusan Darjah 6. Ada yang tak ada, sebab mereka datang dari negeri lain, kita terima juga, tapi mungkin kita ada saringan kita sendiri. Yang ini pula, yang ditanyakan tadi, bagaimana pula tadi, yang mungkin sebagai contohlah, mereka daripada negeri lain, datang negeri Johor pindah, tengok sekolah agama ada Darjah Khas, takkanlah dia sekolah kebangsaan, sekolah menengah dah tingkatan 1, nak masuk sekolah agama, darjah 1. Jadi, mungkin di negeri lain pun ada sekolah agama tapi dari segi sistem itu mungkin tak sama dengan negeri kita, boleh tak sekiranya mereka nak ambil Darjah Khas? Kalau mereka umurnya 13 tahun, nak amik Darjah Khas, itu tak ada masalah. Boleh rujuk kepada Pejabat Pendidikan Agama Daerah, bincang, mungkin akan diadakan Imtihan qabul kemasukan ataupun diletakkan tahapnya di mana, mereka ni boleh memohon untuk memasuki sekolah, untuk memasuki peperiksaan Darjah Khas. Itu atas perbincangan kita, sebab kita tahu negeri-negeri lain pun juga ada sekolah-sekolah agama tetapi yang tersusun seperti kita di negeri Johor ni, saya tak dapat pastikan ada beberapa buah negeri. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Ok, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Sejauh manakah penubuhan *'BIZ Point of Johor'* ataupun pusat keusahawanan dapat melatih serta melahirkan golongan usahawan yang berjaya di Johor?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *BIZ Point of Johor* telah dimulakan pada 1 Oktober 2015, yang mana matlamatnya adalah untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan khususnya di kalangan golongan muda yang baru. *BIZ Point* ini adalah merupakan pejabat maya

ataupun *visual office,* dengan izin untuk usahawan *online* khususnya. Strategi untuk meningkatkan keyakinan pelanggan dalam kewujudan *BIZ Point of Johor* diharap dapat membantu usahawan baru di negeri Johor ni untuk mencapai keuntungan jualan yang maksimum dengan kos perbelanjaan syarikat yang minimum. *So*, *BIZ Point of Johor* ni, menawarkan 3 pakej pejabat maya ni, untuk usahawan baru, usahawan yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan. Ketiga-tiga pakej ni, pertama pakej asas ataupun *basic* dengan sewa RM365.00 setahun makna satu hari dia sewa RM1.00 sahaja. Kedua, pakej premium, RM550.00 setahun dan ketiga pakej infiniti, RM700.00 setahun. Jadi, dengan adanya ofis maya ini memberi peluang kepada anak-anak muda ini untuk dapat sekurang-kurangnya pejabat bagi urusan syarikat yang didaftarkan. Sehingga hari ini seramai 105 orang usahawan muda telah melanggan untuk pakej yang ditawarkan di *BIZ Point of Johor* ini. Yang mana 32 usahawan mendaftar untuk pakej *basic*, 8 orang premium dan selainnya ialah pakej infiniti.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tahniah dan syabas kita ucapkan kepada kerajaan negeri Johor kerana telah mengambil langkah pro aktif dalam membantu mewujudkan pusat pengurusan keusahawanan bagi melahirkan mereka yang berpotensi untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Jadi, soalan tambahan saya di sini, apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan ini dan jenis-jenis jualan atau perniagaan yang ditawarkan? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dari segi jenis jualan ni, semua jenis jualan yang halal boleh menggunakan ofis maya ini dan dari segi bantuan yang diberikan kepada usahawan-usahawan muda ini tidak ada dalam bentuk kewangan ataupun modal tetapi dalam bentuk kemudahan. Saya katakan tadi, contohnya untuk pakej *basic* yang sewanya RM1.00 satu hari ni, dia boleh gunakan alamat di *BIZ Point* itu, untuk pendaftaran perniagaannya. Jadi, untuk pakej premium, usahawan-usahawan ini boleh menggunakan alamat, boleh menggunakan talian telefon, ruang kerja dan juga kemudahan wifi. Dan, untuk pakej infiniti ni, dia boleh guna semua saja selain dari yang saya sebutkan tadi mereka boleh gunakan kemudahan-kemudahan seperti bilik mesyuarat perkhidmatan penyambut tetamu, bilik latihan dan juga mereka-mereka ini juga ditawarkan diskaun dalam program-program seminar ataupun latihan yang diuruskan ataupun ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Usahawan ini. Jadi, sambutan ni sangat menggalakkan, dia bukan hanya disertai oleh orang Melayu tetapi usahawan bukan Melayu pun sudah ada yang terlibat ataupun dapat khidmat daripada *BIZ Point of Johor* ni.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Berapakah bilangan rumah orang tua, rumah anak yatim dan rumah penjagaan pesakit tenat atau Hospice yang berdaftar di dua-dua sektor awam dan swasta di persekitaran Iskandar Malaysia?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Skudai.

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, jumlah bilangan rumah orang tua dan rumah anak yatim swasta yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Oktober 2015, adalah sebanyak 46 buah. Yang mana 11 buah adalah rumah orang tua dan 35 buah adalah rumah anak yatim di persekitaran Iskandar Malaysia. Namun pendaftaran bagi rumah penjagaan pesakit tenat ataupun *Hospice* adalah di bawah pendaftaran Jabatan Kesihatan Malaysia dan tidak didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain daripada itu, terdapat 2 buah pusat aktiviti warga emas di dalam kawasan Iskandar Malaysia iaitu di Larkin dan Pasir Gudang bagi memberi kemudahan kepada komuniti setempat menjalankan aktiviti-aktiviti bagi golongan warga emas. Kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mengeluarkan peruntukan kepada NGO secara tahunan bagi mengendalikan Pusat Warga Emas di negeri Johor mengikut jumlah penghuni yang berada di pusat-pusat tersebut. Jabatan turut juga memberikan geran tahunan kepada Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia bagi 8 buah Rumah Sejahtera dalam kawasan Iskandar Malaysia. Dan, penghuni-penghuni di Rumah Sejahtera ini diberikan bantuan kewangan sebanyak RM100.00 sebulan. Manakala, Pertubuhan Rumah Kebajikan Anak Yatim Islam Johor Bahru iaitu Rumah Barkat adalah antara rumah anak yatim di bawah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima bantuan kewangan kerajaan negeri Johor sebanyak RM15,000.00.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tujuan untuk saya membawa soalan ini adalah saya memandangkan, mendapati bahawa permintaan untuk kemudahan kebajikan termasuk rumah orang tua, *Hospice* dan juga rumah anak yatim semakin meningkat di mana-mana tempat. Adakah kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada rancangan untuk bekerjasama dengan jabatan lain termasuk Jabatan Kesihatan dan juga PBT-PBT, untuk menentukan permintaan kemudahan kebajikan ini dan juga apa rancangan untuk memenuhi permintaan kemudahan kebajikan?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Sebenarnya, di pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita sentiasa memberikan kerjasama di antara jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan khasnya yang mengendalikan *Hospice* iaitu Jabatan Kesihatan Malaysia. Dan, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Skudai, kesemua 46 ya, yang saya nyatakan tadi, 46 buah institusi ataupun rumah orang tua dan rumah anak yatim

swasta yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, pemantauan akan sentiasa dibuat oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat. Di sini, saya nak timbulkan satu isu bahawa sebenarnya rumah kebajikan ini, rumah anak yatim, rumah orang tua dan pusat hemodialisis, *Hospice* dan sebagainya. Mereka telah menolong kerajaan menanggung tanggungjawab sosial yang sangat berat kerana mereka menolong menjaga orang-orang yang memerlukan bantuan ini. Jadi, apa yang kita lihat sekarang, pusat-pusat kebajikan yang ditubuhkan oleh sama ada swasta dan sebagainya, mereka perlu membayar lesen operasi yang sama dengan hospital, sama dengan pusat asuhan persendirian, yang mencari keuntungan. Jadi, berkenaan dengan tadi, tentang kerjasama di antara setiap jabatan adakah lesen, wang-wang lesen operasi mereka boleh dimansuhkan kerana pusat-pusat kebajikan ini mereka mencari wang ataupun mencari wang derma dari orang awam. Jadi, saya rasa untuk memberikan satu pengiktirafan kepada tugasan dan pengorbanan mereka bolehkah kerajaan memberi pelepasan dari segi lesen operasi kepada pusat-pusat kebajikan orang-orang tua, hemodialisis dan sebagainya supaya tidak setaraf dengan operasi swasta. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat, sebenarnya soalan Yang Berhormat kemukakan tadi, ianya adalah menyentuh kepada dasar di peringkat *federal* ya. Walau bagaimanapun, mungkin kita boleh bawa permasalahan tersebut. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, sebenarnya bagi Rumah Sejahtera yang saya nyatakan tadi, yang juga telah diwujudkan oleh pihak NGOs, setiap warga di rumah tersebut juga, di pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita memberikan wang saku berjumlah RM100.00 sebulan kepada semua warga emas yang berada di Rumah-Rumah Sejahtera tersebut. Itu bantuan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu pihak NGOs ataupun swasta di dalam mengendalikan sesebuah institusi itu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Untuk memajukan lagi industri pelancongan Johor selaras dengan trend Rombongan Mega sedunia, apakah usaha Jabatan Pelancongan Johor dalam menarik dan mengurus Rombongan Pelancong Asing Mega di mana setiap rombongan mempunyai bilangan 5000 orang pelancong ke atas ke Johor?
YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri setuju dan mengakui bahawa trend

Rombongan Mega Sedunia ni akan membawa manfaat kepada impak ekonomi yang besar kepada industri pelancongan negeri Johor. Justeru itu, kerajaan negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor sentiasa mengalu-alukan dan menggalakkan mana-mana pihak pengusaha pelancongan khususnya agensi pelancongan yang menjalankan urusniaga *inbound*, dengan izin untuk membawa masuk Rombongan Mega Sedunia ke negeri Johor. Kini Johor sedang berusaha untuk menjadikan sebagai destinasi yang dapat menarik kemasukan Rombongan Mega Sedunia kerana kita mempunyai semakin banyak produk pelancongan berkualiti dan bertaraf antarabangsa yang matang untuk dilawati. Kapasiti bilik perhotelan dan Pusat MICE yang mencukupi serta perkhidmatan pengangkutan dan jaringan perhubungan yang cekap.

Kerajaan negeri akan membantu bagi mempromosikan sektor pelancongan Johor. Bagi mengurus Rombongan Mega Sedunia ke negeri Johor, kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor akan berperanan sebagai penyelaras dan pengurus untuk menguruskan rombongan ini secara profesional dengan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai pihak pengusaha pelancongan misalnya sektor perhotelan. Johor kini mempunyai 74 buah hotel yang berbintang 3 dan ke atas, dengan jumlah bilik sebanyak 12,890 buah. Merupakan suatu kapasiti yang berpotensi untuk dibangunkan, untuk menampung kedatangan pelancongan kita.

YB Tan Sri Speaker : Jemput, Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih atas jawapan Datuk Tee. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rombongan mega ini merupakan satu *trend* antarabangsa yang begitu boleh membawa impak ekonomi yang besar. Contohnya, Syarikat Lee Kum Kee dari China, dia boleh pergi Bangkok dengan 12,700 orang dengan anggaran perbelanjaan RM100 juta.

YB Tan Sri Speaker : Satu kali jalan 12,000?

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yalah.

YB Tan Sri Speaker : Oh...

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Dia peringkatlah, tapi mesti satu rombongan 12,000. Dan, rombongan *Xian Shi* dari China pada tahun ini pergi France, Lafayette dan Louvre dengan mencatatkan bilangan orang 6,400 dengan anggaran perbelanjaan RM150 juta. Saya rasa ini sangat besar dan tadi Datuk Tee pun ada berkataan berkenaan dengan membuka ruang kepada agensi-agensi pelancongan. Tetapi saya rasa, usaha rundingan, rundingan adalah sangat penting dilaku, apakah usaha kerajaan dalam usaha ini di mana pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk mempromosi, merunding dan menawarkan pakej yang tertentu untuk menarik pelancongan dari negara, dari Johor. Kerana, bergantung kepada sektor swasta sahaja tidak cukup. Kerana rombongan mega ini saya rasa kerajaan perlu memainkan peranan. Dia harus pergi merunding dan mencari rombongan potensi mega, tengok mereka berpotensi, runding dengan mereka, tawarkan dengan mereka dan sebagainya baru mereka boleh datang 5,000 orang. Jadi, setakat inilah negara manakah yang telah dirunding dan bilakah mereka akan datang, jangan 5 tahun lagi pun tak de datang. Jadi, saya

di sini mencabar Datuk Tee untuk bawalah rombongan 5,000 orang, rombongan ke Johor...

YB Tan Sri Speaker : Jangan, jangan sebut namalah YB, jangan sebut nama.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Hahaha, supaya nampak ada ummph sikitlah.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Bawalah, 2-3 rombongan nampak umph sikit dan jangan lupa juga bila sambut mereka di airport, ha jemput sajalah..

YB Tan Sri Speaker : Ok Stulang, faham, faham. Yang Berhormat Pengerusi faham.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang. Kalau sengaja cabar cabar tak dapat kesan pun tak guna, Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk). Inilah bukan cara kerja Barisan Nasional. Kita hanya membuat sesuatu menunaikan berkesan, itulah mustahak. Manfaat kepada rakyat negeri Johor, Bangsa Johor dan inilah budaya kita. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam usaha menggalakkan kumpulan pelancongan mengadakan kunjungan ke negeri Johor melebihi jumlah yang menggalakkan atau dalam skala yang besar atau berteraskan pasaran disebutkan MICE iaitu *Meeting Insentive Convention and Exhibition*, dengan izin. Kerjasama antara Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Malaysia Convention Exhibition Beaureu, Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan Malaysia secara berterusan dijalankan, yang mana inisiatif seperti pemberian insentif khususnya dari segi meraikan kumpulan ini dalam bentuk majlis sambutan kedatangan, *work harm deceive* dengan izin, persembahan kebudayaan bagi memperkenalkan adat dan tradisi gemilang negeri Johor dan juga insentif bahan-bahan promosi serta lain-lain pertimbangan khas yang akan diberikan dari semasa ke semasa oleh pihak kerajaan negeri. Seperti mana yang ada dalam Bajet 2016, kerajaan negeri sedang dalam proses untuk menubuhkan satu entiti di mana *Johor Convention and Exhibition Beaureu* (JCEB) sebagai pemudah cara untuk menarik, mempromosikan dan menyelaraskan sebarang aktiviti MICE di Johor. Usaha menarik aktiviti dan acara MICE seperti pameran dan persidangan bertaraf antarabangsa adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Johor destinasi pelancongan bernilai tinggi menjelang 2023, seperti mana yang termaktub dalam Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023.

YB Tan Sri Speaker : Ok, Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cadangan rakan saya dari Stulang untuk adakan rombongan mega ini adalah satu cadangan yang baik. Dan, tapi bagi saya untuk kita di Johor ini, untuk kita sedia menyambut untuk menjayakan rombongan mega ni kita perlukan banyak tarikan pelancongan. Sudah berapa tahun saya, kita dalam Dewan ni kita asyik dengar EXCO kata Legoland, Angry Bird, Hello Kitty sahaja. Mungkin kita

kena lebarkan eh, kita punya tarikan pelancongan, kita kena fikir tempat-tempat yang lain, *out of the box*, dengan izin. Saya kasi satu contoh, di kawasan saya di Kulai, di Batu 26, Pekan Kelapa Sawit, kita sana ada satu tarikan yang unik. Bukan kelapa sawit eh. Kita ada satu tarikan unik, kita ada artis-artis tempatan yang buat lukisan dinding atau dengan izin, *wall* mural. Ia sangat cantik dan ia artistik dan juga patriotik. Ada satu gambar, satu lelaki budak sampai ada bendera Malaysia di belakang, Tan Sri Speaker. Eh, so, saya harap kerajaan boleh promosikan kawasan ini dan juga kawasan-kawasan seperti inilah. Bukan sahaja tiap-tiap kali panggil orang pergi Legoland sahaja. Itu tak sihatlah eh. Tempat-tempat lain yang kita boleh *explore*...

YB Tan Sri Speaker : Ok, ok faham.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Dan juga makanan Tan Sri, saya nak sebut sini. Makanan juga penting. Harap kita juga promosikan makanan yang kita ada di Johor macam Laksa Johor eh, ada juga di Kelapa Sawit ada kita panggil *Lei Cha*, satu makanan tradisi Cina. Semua ni kita boleh promosikanlah. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Itu makanan apa tu, Kelapa Sawit ada?

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Oh, maaf. Lei Cha tu dia vegetarian, dia sayur saja.

YB Tan Sri Speaker : Oh, ok.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Batu. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun soalan ini berlari sangat jauh dari soalan asas, tapi penggulungan saya nanti, saya akan buat penerangan yang lebih lanjut. Tapi untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana, kalau mereka tak ada buku Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 hingga 2023, saya akan serah satu salinan bagi mereka baca lebih faham apa Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor dan bukan sahaja setakat Legoland, Hello Kitty sahaja. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senai, jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Sila nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas waktu puncak di Tambak Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Senai bertanyakan mengenai usaha kerajaan untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas waktu puncak di Tambak Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Senai, berdasarkan struktur Tambak Johor sedia ada, adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang perancangan pelebaran akan dibuat disebabkan oleh kekangan fizikal. Walau bagaimanapun, sebagai langkah mengatasi kesesakan lalu lintas, pihak EDL dan PLUS menyediakan tenaga kerja yang mencukupi bagi membantu kelancaran trafik yang melalui Bangunan Sultan Iskandar pada waktu puncak dan di luar waktu puncak. Peralatan tambah nilai mudah alih, palang automatik dan kaunter tambah nilai juga sentiasa dipastikan berfungsi sepenuhnya. Dengan penetapan masa tindakan pembaikan atau *respond time*, dengan izin, bagi kerosakan yang berlaku yang membabitkan peralatan itu dapat diatasi tidak melebihi dalam tempoh masa 24 jam. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga sentiasa mempromosikan penggunaan lebuh raya Link Kedua sebagai alternatif kepada Tambak Johor. Malah, dijangkakan pada suku pertama tahun hadapan, keputusan boleh dicapai bagi mengalih laluan kenderaan berat untuk menggunakan laluan Link Kedua sebagai langkah mengatasi kesesakan di Tambak Johor. Dan, akhirnya ialah menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam, dipercayai mampu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Maka, cadangan pembinaan RTS, *rail transit system*, dengan izin adalah langkah untuk bertujuan mengurangkan kesesakan tersebut. Terima kasih Tan Sri.

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih. Senai, Yang Berhormat Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ok. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO, yang beri jawapan yang amat ringkas sebenarnya, untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas. Senai sebenarnya ada beberapa pandangan terhadap isu ini. Yang terutamanya tentang pelan untuk alih semula lori, pindah semua lori ke Link Kedua. Senai berpandangan bahawa pelan ini atau cadangan ini mungkin tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh semua pengguna jalan raya. Cuma, kalau pihak kita boleh berunding dengan pihak Singapura terlebih dahulu untuk menambah kaunter-kaunter lori di Link Kedua dan juga Tuas, kalau tidak, kita akan menambah kesesakan lagi satu masalah kesesakan lalu lintas. Itu bukan di Tambak Johor tapi juga di Link Kedua. Kerana buat masa ini Link Kedua juga menghadapi masalah kesesakan lalu lintas tiap-tiap hari bagi sejak jam 6:00 pagi sampai 8:00 pagi. Dan, kesesakan itu sepanjang 10km. Dan, terutamanya untuk Senai dan saya harap dan saya fikir untuk seluruh zon selatan, kesesakan Tambak Johor ini amat serius kerana untuk jangka masa pendek, kalau boleh, kalau bolehlah, berunding dengan kerajaan persekutuan. Sekurang-kurangnya membina satu laluan pejalan kaki yang amat *simple*, dengan izin, yang amat *simple* je, tak payah berbumbung pun tak apa. Tapi, sekurang-kurangnya menjaminkan keselamatan pejalan kaki sahaja. Kerana, pada waktu puncak, ramai warga Malaysia yang ulang alik tiap-tiap hari, mereka mengambil keputusan tidak naik bas kerana bas tersangkut di *pointed line* di Tambak Johor. Tidak dapat lalu. Itu ramai warga Malaysia berjalan kaki dari Woodlands sampai CIQ.

Dan, sudah ada beberapa kes, ada yang tidak lapor ke Polis ataupun mereka langsung tak nak lain orang tahu, dirompak atau dilanggar oleh motosikal yang berlaku di Tambak Johor.

YB Tan Sri Speaker : Ok.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Oleh itu, saya harap dan saya juga nak tanya juga apa cadangan sekurang-kurangnya atau dalam jangka masa pendek, akan kerajaan negeri berunding dengan kerajaan persekutuan untuk meringankan kebimbangan yang dihadapi dan masalah yang dihadapi oleh warga Malaysia yang ulang alik tiap-tiap hari?

YB Tan Sri Speaker : Ok, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Senai. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebab itu saya katakan bahawa kajian dibuat. Ini semua adalah kerana mengambil kira perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Senai sebentar tadi. Jadi, dalam kajian tersebut, kerajaan merujuk kepada perjanjian *Asean Framework Agreement On The Facilitation Of Good Transit*, dengan izin sebagai rujukan untuk memastikan bahawa pengalihan kenderaan berat daripada Tambak Johor ke Link Kedua boleh dilaksanakan dan tentunya apabila kita mengatakan tentang soal kajian, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Senai sebentar tadi akan diambil kira. Sama ada dari segi jumlah kaunter, sama ada dari segi bilangan kenderaan sehingga berkilo meter panjangnya kesesakan yang berlaku, tentunya di dalam kajian tersebut diambil kira perkara-perkara tersebut. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga melalui *Joint Ministral Committee* iaitu perbincangan bersama kedua-dua pemimpin negara di peringkat Menteri berjalan. Malah perbincangan tersebut turut membincangkan tentang soal kesesuaian perancangan pembangunan RTS, yang mana kalau Yang Berhormat satu ketika, Perdana Menteri kita mencadangkan bukan dibina hanya rel transit atau jambatan untuk kegunaan kereta api, tetapi juga jambatan persahabatan dicadangkan sebagai langkah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan termasuk pejalan kaki. Walau bagaimanapun, sepertimana yang kita sedia maklum bahawa perkara-perkara yang menyentuh tentang soal Tambak Johor, perlulah merupakan pendekatan yang memerlukan persefahaman dan persetujuan di antara kedua-dua negara. Ianya tidak boleh unilateral. Ianya harus merupakan usaha secara bilateral yang berkehendakkan persetujuan antara kedua-dua negara. Jadi kita harus beri peluang kepada usaha untuk membangunkan RTS ini dan juga usaha-usaha untuk mengalih kenderaan berat ini ke laluan kedua sebagai langkah untuk, saya percaya mampu menjadikan ianya sebagai langkah untuk mengatasi masalah kesesakan di Tambak Johor. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ribuan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya berpandangan bahawa untuk menyelesaikan kesesakan di Tambak Johor, kita perlukan satu pelan komprehensif, 2 perkara. Satu, saya pernah cadangkan satu tapak meletakkan kenderaan berat diwujudkan sama ada di Kempas atau di satu tapak yang berdekatan dengan Link Kedua. Sebab ini kenderaan-kenderaan besar

perlukan satu tempat untuk transit, ada pengangkutan daripada Negeri Thailand ke, dari mana-mana tempat seluruh Negeri Johor dan Malaysia, khasnya mengeksportkan sayur-sayuran dan buah-buahan dan sebagainya, perlukan satu tapak untuk transit dieksport ke Singapura. Mereka perlukan 1 tapak peletakan transit untuk kenderaan berat, lori-lori dan sebagainya. Dan seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi bahawa RTS itu mungkin boleh, salah satu penyelesaian boleh selesaikan kesesakan di Tambak Johor, tapi ikut setahu saya apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Pengerusi bahawa Terminal untuk RTS akan berakhir di Bukit Chagar. Dan Kerajaan Singapura sudah menyatakan bahawa sebab RTS ini tak akan beruntung.

Pada pandangan Yang Berhormat Pengerusi sebab untuk kebaikan dan pembangunan Iskandar Malaysia dan Negeri Johor, *hi-speed rail* itu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Stulang kalau tak silapnya itu hari, bahawa ini akan mengalihkan pergerakan trafik daripada pusat-pusat pembangunan di Negeri Johor, dari Batu Pahat, Muar ke Kuala Lumpur atau ke Singapura dan Iskandar Malaysia walaupun ada satu tempat terminal, tapi ini tidak akan menjadi satu tumpuan untuk trafik itu. Trafik akan berakhir di Singapura. Adakan, berbanding dengan RTS, di mana kita ada satu rangkaian pengangkutan yang efisien akan menghubungi seluruh pulau Singapura dengan semua kawasan tumpuan pembangunan di Iskandar Malaysia. Kalau dari segi pembangunan Negeri Johor dan Iskandar Malaysia, adakah pada pandangan, pendirian Kerajaan Johor, kita perlukan satu pendirian daripada Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor itu bahawa RTS itu akan lebih beruntung dan bermanfaat kepada pembangunan Iskandar Malaysia berbanding dengan *hi-speed rail* yang akan menguntungkan satu syarikat swasta sahaja. Sekian, terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Skudai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya percaya kajian yang saya sebutkan tadi yang di laluan kedua, saya percaya akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat bagi tujuan menyediakan satu kawasan bagi meletakkan kenderaan-kenderaan berat sebagai kemudahan yang disediakan. Kajian ini Yang Berhormat, akan siap sepenuhnya pada awal Januari 2016 dan kita jangkakan bahawa sebaik sahaja kajian tersebut siap, maka ianya akan dapat dimaklumkan kepada pengetahuan umum, khususnya kepada mereka yang terlibat dalam industri pengangkutan berat.

Bagi cadangan di Tambak Johor, sepertimana dalam perbincangan bersama di peringkat kedua-dua negara, juga telah bersetuju pada peringkat ini, dah setuju supaya *join engineering study* atau kajian kejuruteraan yang dilaksanakan untuk mengkaji kebolehupayaan projek, yang mengkaji pilihan laluan dan jajaran yang terlibat, kos efektif dan pilihan stesen di kedua-dua belah negara, merupakan intipati dalam kajian kejuruteraan tersebut. Jadi, ini bererti bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi termaktub di dalam Kajian Kejuruteraan tersebut. Jadi ini bererti bahawa sama ada kewujudan RTS dalam segi penentuan lokasi stesen ataupun kerjasama dalam membangunkan RTS termasuklah rel berkelajuan tinggi menguntungkan sesuatu pihak, saya percaya perkara ini terlalu awal untuk kita membuat satu rumusan. Tetapi kita perlu beri peluang untuk kajian-

kajian termasuklah kajian kejuruteraan ini dilengkapkan terlebih dahulu. Dan saya percaya bahawa dalam masa setahun ini, akan dapat ditamatkan oleh kedua-dua negara untuk memilih pilihan masing-masing sama ada Bukit Chagar yang diputuskan oleh Johor, sama ada stesen hentian Politeknik Republik iaitu di Woodlands adalah pilihan untuk Negara Singapura. Perkara ini semua adalah merupakan perincian yang akan dimuktamadkan dalam masa yang terdekat. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Johor Jaya jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.
Nyatakan status perkembangan dan rancangan persempadanan semula kawasan PBT.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor Jaya soalannya adalah nyatakan status perkembangan dan rancangan persempadanan semula kawasan PBT.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cadangan persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertujuan untuk menyelesaikan pelbagai masalah khususnya isu pertindihan yang melibatkan kawasan pentadbiran, operasi dan kawalan PBT.

Cadangan ini telah meletakkan keseluruhan kawasan mukim dan daerah di bawah kawalan PBT bagi membolehkan segala aktiviti pembangunan dikawal dengan lebih sempurna, di samping memberikan tambahan pendapatan kepada Majlis yang terlibat, melalui hasil cukai taksiran, pelesenan, *fee* dan lain-lain serta membolehkan pihak PBT yang terlibat meningkatkan lagi taraf perkhidmatan, penyediaan kemudahan awam untuk faedah orang ramai. Cadangan persempadanan semula Pihak Berkuasa Tempatan bagi 16 PBT Negeri Johor telah pun diselesaikan sepanjang tempoh 2007 hingga 2014.

Status terkini adalah mendapatkan kelulusan sempadan kawasan bagi kesemua PBT yang terlibat melalui pelan warta yang akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Ukur Dan Pemetaan ataupun JUPEM, dalam masa yang terdekat sebelum cadangan ini dipanjangkan kepada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Walau bagaimanapun kita menggunakan *Clause* Seksyen 7 bagi kuasa mentadbir dari Kerajaan, kerajaan negeri kepada pihak berkuasa tempatan.

PBT yang terlibat juga sedang di peringkat akhir persiapan mengemaskini segala maklumat dan fail bagi kawasan-kawasan yang terlibat dengan penyerahan, akan bertukar kepada kawasan pentadbiran PBT yang baru. *Soft launching,* dengan izin *soft launching* ataupun pelancaran persempadanan semula akan dilakukan pada 13 Disember 2015 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, terdapat beberapa rancangan yang telah dijanji oleh pihak PBT sekarang iaitu MPJBT, salah satu contoh adalah pemasangan lampu isyarat di kawasan Seri Alam. Tetapi itu adalah rancangan pada tahun 2015. Tetapi setakat ini, lampu isyarat ini pun belum dipasangkan. Soalan saya, adakah pihak PBT akan siap sebelum penyerahan kawasan atau akan diserahkan pada tahun hadapan?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semalam saya pun ada jawab dalam soalan penggulungan isu-isu kumbahan, isu-isu apa ni SWM. Walaupun dalam isu lampu isyarat ini, untuk soalan tadi, ianya adalah tertakluk kepada bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan yang baru, bermakna kalau perkara-perkara yang dijanjikan dalam Pihak Berkuasa Johor Bahru Tengah, jika kawasan itu diserah kepada Pihak Berkuasa yang lain, ianya akan disambung terus. Selain daripada kuasa yang diberikan oleh, dalam berdasarkan Seksyen 7, Kuasa Mentadbir Kerajaan Negeri dan kita seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita akan menguatkuasakan peraturan persempadan semula ini berdasarkan tambahan kawasan dan peningkatan hasil cukai dan kutipan bermula pada 1 hari bulan 1 tahun hadapan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Selain daripada Johor Jaya, Tanjung Puteri juga dalam bandar, yang mungkin apa, rancangan persempadanan ini akan berlaku. Jadi apabila rancangan ini dilakukan nanti, sudah tentu perubahan keluasan kawasan akan berlaku kepada persempadanan Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, soalan saya mohon Yang Berhormat EXCO jelaskan perubahan ini apabila dilaksanakan kelak. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih kepada ADUN Tanjung Puteri. Kita sedia maklum tentang beberapa perubahan yang akan dilakukan. Dan persempadanan semula kawasan PBT Negeri Johor ini akan melibatkan pertambahan kawasan di sebahagian PBT yang terlibat dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan hasil cukai ataupun penurunan hasil cukai.

Untuk makluman Sidang Dewan, Tan Sri Speaker, dari segi keluasan Johor Bahru sendiri, Daerah Johor Bahru yang mempunyai 3 PBT, Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Sebelum sekarang ini, maknanya sebelum dikuatkuasakan, jumlah keluasan adalah sebanyak contoh Majlis Bandaraya Johor Bahru, jumlah keluasan seluas 21,551 hektar dan selepas persempadanan semula itu, keluasan meningkat kepada 38,310 hektar. Untuk Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, sebelum eh, sebelum adalah 56,071.7 hektar, selepas adalah 38,113.9 hektar, ini penyusutan dari segi keluasan. Untuk Majlis Perbandaran Pasir Gudang, 29,459.9 hektar, meningkat kepada 31.732.24 hektar. Manakala Daerah Kulai, yang melibatkan MPKU, kerana ada 4 yang belum selesai

persempadanan. Yang lain dah selesai semua, ini adalah peringkat terakhir kita, yang kita akan selesaikan akhir tahun ini. MPKU, 74.697, 74,697 hektar selepas daripada ini menyusut kepada 73,623.65 hektar, itu dari segi keluasan. Dari segi kutipan hasil, ini anggaran ye, anggaran maknanya kita dah tengok lebih kurang berdasarkan cukai-cukai yang mungkin boleh terlibat. Majlis Perbandaran Johor Bahru, sebelum kutipan, sebelum, sekarang ni, RM200, dari segi kutipan hasil RM256,141,330 selepas persempadanan hasil meningkat kepada RM295,641,330. Untuk Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, sebelum, sekarang ni RM246,947,300 tetapi selepas persempadanan RM193,970,560 maknanya RM193,970,560 makna berlaku penyusutan. Untuk Pasir Gudang, sebelum RM102,420,600 tetapi selepas persempadanan ianya meningkat kepada RM116,209,105. Manakala MPKU Kulai, sebelum RM78,877,77, RM78,877,777 selepas ianya akan meningkat RM83 juta. Jadi, itu dari segi makluman, yang saya nak maklumkan dari segi keluasan dan hasil eh.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita sempurnakan pada pagi ini, mana-mana soalan lisan yang tidak sempat dijawab akan dijawab secara bertulis dalam persidangan ini.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2016 Tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor untuk menyambung jawapan ataupun penggulungan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyambung perbahasan saya yang dimulakan hari semalam, saya memohon supaya diizinkan untuk saya mengambil kesempatan ini bagi membuat penjelasan serta menjawab persoalan yang telah berbangkit dari perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berjalan selama 4 hari dalam Dewan yang mulia ini, bermula dengan menjelaskan isu-isu berkaitan air.

Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh berkaitan dari aspek pengurusan, aktiviti dan kawalan sumber air di sekitar kawasan tadahan. Turut berbangkit adalah peranan BAKAJ dalam melaksanakan Enakmen Air 1921 Pindaan 2014, yang berkuat kuasa bermula 15 Oktober 2014. Yang kedua, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang langkah penyelesaian oleh SAJ berkaitan bekalan air berjadual di kawasan Pasir Gudang dan Pengerang, pengurusan SAJ serta jaminan bekalan air terawat turut dibahaskan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi aspek pengurusan aktiviti dan kawalan di kawasan tadahan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengumumkan

peruntukan sebanyak RM430 juta bagi perlaksanaan projek utama bekalan air yang antaranya pembinaan Loji Rawatan Air di Buluh Kasap, Loji Rawatan Air di Pagoh dan Loji Rawatan Air di Kahang. Selain daripada penggantian paip-paip lama di sekitar negeri Johor.

Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKAJ) juga akan menjalankan kajian bekalan air dengan memberi fokus kepada pengawalan bekalan dan pelaksanaan zon penampan di kawasan-kawasan tadahan air. Malah, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 telah diperuntukkan sebanyak RM57 juta untuk Kajian Kemungkinan Bagi Pembangunan Sumber Air ke Iskandar Malaysia dan Lembangan Sungai Muar. Begitu juga dengan peruntukan bagi Kajian Kemungkinan dan Impak Alam Sekitar bagi pembinaan Empangan Mersing dan pembangunan infrastruktur-infrastruktur seperti pembinaan baraj dan menaik taraf empangan-empangan yang ada. Pendekatan ini adalah langkah awal kepada rancangan jangka panjang bagi kelestarian sumber bekalan air.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada wakil-wakil rakyat yang telah membangkitkan perkara yang melibatkan isu-isu berkaitan kelangsungan bekalan air mentah seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Semarang, Penggaram, Parit Yaani, Yong Peng, Mengkibol, Sedili, Tanjung Surat, Penawar, Johor Jaya, Jementah, Bukit Batu, Stulang dan Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri juga sepertimana yang saya telah jelaskan pada peringkat awal melalui Bajet 2016 negeri Johor telah mengambil pendekatan yang begitu serius dan komited dalam perancangan yang melibatkan isu bekalan air mentah. Sekiranya terdapat tindakan pencerobohan dan pencemaran dalam kawasan tadahan sama ada di empangan atau di muka sauk, jabatan-jabatan kerajaan seperti pejabat tanah, JPS termasuklah BAKAJ akan melaksanakan penguatkuasaan. Pada tahun ini, penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah rizab kerajaan telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Daerah Mersing bagi kawasan di Sungai Jemari. Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi bagi kawasan di Sungai Lebam sekadar memberi beberapa contoh.

Untuk makluman sidang Dewan, Forum Air Johor 2015, telah diadakan baru-baru ini yang melibatkan golongan profesional dan akademik, pentadbir dan pembuat dasar dan juga pemimpin-pemimpin dalam industri air yang bertujuan untuk membincangkan kelestarian sumber air di negeri Johor. Sewajarnya Forum Air tersebut dijadikan sebagai *platform* bagi menghimpunkan pandangan dan berkongsi kepakaran sambil membantu kerajaan dalam pengurusan air. Moga, Forum Air Johor ini dapat diadakan pada tiap-tiap tahun. Secara tidak langsung, ini akan menaikkan imej kerajaan bukan saja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa apabila kita membicarakan hal-hal seperti air bumi, penuaian air hujan termasuk pendekatan *reduce*, *reuse* dan *recycle,* dengan izin sebagai sumber baru air.

Antara resolusi yang telah dipersetujui dalam Forum Air tersebut ialah untuk mengesyorkan kepada kerajaan bagi memperkasakan BAKAJ supaya dapat menjalankan tanggungjawab melalui Enakmen Air 1921 Pindaan 2014 dan menjadi sebuah agensi yang berkesan dalam pengurusan sumber air. Berdasarkan Enakmen tersebut fungsi BAKAJ adalah sangat luas seperti perlesenan, pungutan caj dan

penguatkuasaan. Semua aktiviti yang menggunakan sumber air semula jadi perlu dilesenkan dan dikenakan caj. Penguatkuasaan juga perlu dilaksanakan dengan segera kerana kebanyakan aktiviti pembangunan akan menyumbang kepada pencemaran sumber air. Selain daripada itu, penguatkuasaan bukan sahaja berkaitan dengan abstraksi air tetapi juga merangkumi pembinaan jeti, penambakan pasir dan juga pelepasan bahan tercemar ke dalam sungai. Justeru itu, BAKAJ perlu diperkukuhkan selari dengan arah tuju kerajaan negeri bagi menjadikan Johor sebuah negeri yang dapat menguruskan sumber airnya dengan sempurna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dari aspek pengawalan dan penguatkuasaan sebahagian besar kawasan tadahan empangan telah pun diwartakan dan selebihnya akan diwartakan pada tahun hadapan. BAKAJ sedang menjalankan kerja-kerja pemasangan pagar di sebahagian kawasan Empangan Layang, selebihnya akan dilaksanakan tahun hadapan kemudian akan digazetkan sebagai kawasan larangan termasuklah kawasan-kawasan tadahan yang lain juga akan di pagar dan digazetkan sebagai kawasan larangan.

Berkaitan dengan aktiviti perlombongan pasir di Sungai Johor, BAKAJ telah memaklumkan kepada Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi supaya tidak memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tahun 2016 dan tahun seterusnya kepada pengusaha pasir tersebut. Merujuk kepada aduan pencerobohan kawasan takungan air di Empangan Bekok dan Manong, pihak BAKAJ, Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat dan JPS akan melaksanakan siasatan dan penguatkuasaan dalam masa yang terdekat ini.

Berbalik kepada isu bekalan air berjadual yang melibatkan Empangan Sungai Layang dan Empangan Lebam yang telah menjejaskan bekalan air bersih kepada pengguna di kawasan Pasir Gudang, sebahagian Johor Bahru dan Kota Tinggi. Saya ingin memperjelaskan bahawa objektif bekalan air berjadual yang dilaksanakan oleh pihak SAJ adalah untuk mengurangkan pengambilan air mentah di empangan terbabit sambil memanjangkan hayat penyimpanan air mentah tersebut supaya dapat bertahan lebih lama.

Untuk makluman Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan, di Sungai Layang bacaan paras air hari ini, setelah kita melalui atau mendapat berita banjir berlaku di beberapa tempat, kita menerima hujan yang begitu banyak di beberapa tempat tetapi paras air di Empangan Sungai Layang sebagai contoh hari ini bacaannya adalah 19.93 meter sedangkan paras kritikal ialah 23.5 meter. Semalam, 19.89, hujanlah, Yang Berhormat, lebat mana sekalipun, banjirlah berlaku tapi inilah bacaan di Empangan Sungai Layang. Di Sungai Lebam, paras air hari ini ialah pada paras 8.13 meter sedangkan paras kritikal adalah 12.27 meter. Semalam, di Empangan Sungai Lebam, 7.95 meter naik tak sampai 1 meter. Hujan yang begitu lebat di kawasan Kota Tinggi, di kawasan Mersing.

YB Tan Sri Speaker : Hujan lebat tu, tak masuk takungan kita ye?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Itulah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kadang-kadang saya buat penjelasan soal dijawab dengan begitu panjang lebar tapi bila sebut pasal air ni terpaksa saya teringat

pepatah macam jawapan ni, macam mencurah air ke daun keladi, tak jadi-jadi, Yang Berhormat sebelah sana ni, dia tak faham-faham, sampai nak buat usul pun sama. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ada lagu kita dulu-dulu ni, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dia tanya bangau oh bangau kan, kenapa engkau kurus, tak payahlah saya panjangkan. Dia panjang lagu tu.

YB Tan Sri Speaker : Nak panjangkan pun tak apa, saya pun suka lagu tu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terus kepada yang hujungnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, katak oh katak kenapa engkau panggil hujan, macam mana aku tak panggil, ular nak makan aku. Takkan saya nak jadi katak Yang Berhormat, nak panggil hujan. Yang Berhormat sebelah sana pun macam nak jadi ular, macam nak dimakan saya ni. Sebab lagu tu kata, Yang Berhormat, "ular oh ular, kenapa nak makan katak? Macam mana aku tak makan, memang makanan aku." (Dewan ketawa). Jadi, saya ni nak dijadikan makanan mereka Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat, dengar betul-betul penjelasan yang dibuat oleh kerajaan. Langkah-langkah yang diambil. Jadi, saya dah baca, dah rujuk macam-macam fakta untuk menyatakan betapa kerajaan bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan frekuensi sebagaimana jadual yang diedarkan kepada setiap penduduk, ni berbalik kepada bekalan air berjadual di Pasir Gudang dan juga di Kota Tinggi. Merujuk kepada frekuensi sebagaimana jadual yang diedarkan kepada setiap penduduk terbabit, sehari ada air dan dua hari tiada air, penduduk berpeluang merancang penggunaan airnya dengan menyimpan air secukupnya untuk kegunaan ketika ketiadaan air. Keadaan ini telah berterusan selama 3 bulan. Kita memahami kepayahan yang dihadapi oleh penduduk dan kita berharap paras air di kedua-dua empangan, di Sungai Layang dan juga di Empangan Lebam akan meningkat.

Namun, cabaran alam serta keberkesanan hidrologi menjadikan kedua-dua empangan ini menerima hujan yang amat sedikit berbanding jumlah hujan yang diterima pada tahun-tahun sebelumnya. Bagi melaksanakan bekalan air berjadual, operasi ini berjalan dengan kekuatan seramai 201 orang anggota SAJ dari seluruh negeri yang mengoperasikan 585 injap sehari, 25 lori tangki, 175 tangki statik dengan perhatian terhadap 83 buah sekolah, 6 pusat dialisis dan 4 buah hospital. Dengan kesungguhan dan komitmen mereka, saya percaya kita menghargai khidmat mereka ini. Malah, dengan olahan sistem pengagihan bekalan air oleh SAJ dari sistem air terawat Sungai Johor, Yang Berhormat Johor Jaya juga mendapat nikmatnya apabila beberapa kawasan seperti Taman Johor Jaya, Mount Austin, Industri Tebrau sudah pun ditamatkan bekalan air berjadualnya sejak awal bulan lagi.

Kerajaan negeri berpendapat hikmah krisis air ini dapat dilihat dari aspek bahawa penduduk mampu mengurus bekalan airnya dengan berhemah. Kita masih menggunakan pada purata 220 liter sehari seorang dan angka ini menunjukkan pembaziran menjadi amalan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sahabat Yang Berhormat iaitu mantan Menteri Kerja Raya, Datuk Samy Vellu pernah waktu ketika krisis air, satu ketika...

YB Tan Sri Speaker : Sahabat baik tu, sahabat baik.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Sahabat Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Datuk Seri Sammy Vellu ada dalam waktu krisis air dia pernah sebut "semua worang diminta jangan membuang ayir". Faham tak? Ha, "semua worang diminta jangan membuang air". Jadi, bukan jangan pergi tandas Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

YB Tan Sri Speaker : Dengan izin, dengan izin.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Jangan buang air. Ini membazir kita ni. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejak paras kritikal dicatatkan oleh kedua-dua empangan ini, inisiatif berterusan dilakukan yang sudah pun saya terangkan di awal-awal sidang Dewan ini, di mana projek-projek jangka sederhana dan jangka panjang telah dan sedang dilakukan. Dalam dugaan ini kita juga belajar tentang keperluan-keperluan pengurusan air yang lebih mampan. Forum Air Johor juga membuka mata banyak pihak tentang betapa pentingnya integrasi dalam memperkatakan soal pengurusan kawasan tadahan ini sambil kita melihat pengalaman-pengalaman antarabangsa.

Dalam menghadapi krisis ini saya juga melihat usaha-usaha spiritual yang dilakukan oleh penduduk setempat. Beberapa solat istisqa diadakan di empangan dalam usaha untuk memohon kepada pencipta alam. Mudah-mudahan kita semua diberkati Allah SWT hendakNya. Mudah-mudahan dengan turunnya hujan yang agak lebat kebelakangan ini dan inisiatif-inisiatif yang dilakukan, kita akan dapat keluar dari kemelut ini tidak lama lagi. Sekarang ini pun bagi penduduk yang mendapat bekalan air dari Empangan Sungai Layang, keadaan telah semakin baik. Walaupun kita dapat melihat banyak kawasan yang sudah mula, malah kita sudah dapat melihat banyak kawasan yang sudah mula mendapat bekalan air bagi tempoh yang agak lama.

Bagi kawasan di Kota Tinggi dengan terlaksananya projek PAMER yang sedang dalam pembinaan, projek tersebut mampu membekalkan air secukupnya untuk jangka masa panjang bagi menangani masalah bekalan air terutamanya pengguna yang menerima bekalan air dari Empangan Sungai Lebam termasuk penduduk di Taman Bayu Damai. Dan, projek ini juga mampu menambah bekalan air mentah di Empangan Sungai Lebam sebanyak 30 juta liter sehari dan 230 juta liter sehari untuk projek RAPID dan sekitarnya. Cukup untuk unjuran pembangunan di sekitar Pengerang.

Sekali lagi saya menegaskan bahawa untuk jangka panjang bagi mengatasi kemerosotan air di Empangan Layang, kerajaan negeri telah membuat permohonan kepada kerajaan persekutuan bagi melaksanakan projek penyaluran air mentah Iskandar. Projek tersebut dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Sementara itu kerajaan negeri membelanjakan sebanyak RM4.5 juta untuk penyaluran air mentah dari Sungai Tiram ke Empangan Sungai Layang dan dari Sungai Papan ke Empangan Sungai Lebam yang dijangkakan dapat disiapkan pada penghujung tahun ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai sebuah syarikat yang menguruskan bekalan air di negeri ini, SAJ Holdings mempunyai pelbagai piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan. Mahu pun dalam akreditasi ISO yang disandangnya sejak dahulu, malah SAJ Holdings juga dipantau operasinya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang bertindak sebagai *regulator* yang tentunya juga mengenakan KPI-KPI untuk penambahbaikan perkhidmatan SAJ Holdings. Antara perkara yang menjadi perhatian adalah kadar air tidak berhasil (NRW) di mana pencapaian mencerminkan *efficiency* Syarikat Air Johor. Bermula dengan kadar NRW pada tahap 45% pada tahun 2000, SAJ kini berjaya menurunkan kadar NRWnya kepada paras 25.5% melalui pelbagai program, pelaburan modal dan pengoperasiannya. Pencapaian ini adalah signifikan bagi sebuah negeri yang mempunyai paip air sepanjang 22,000 kilometer.

Dalam soal kualiti air terawat, piawaian yang dikenakan terhadap SAJ sememangnya tinggi. Piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah lebih rigid daripada piawaian yang ditetapkan oleh WHO. Maka, tidak kurang 850 lokasi persampelan diwujudkan di serata negeri bagi memastikan bekalan air terawat adalah selamat untuk digunakan. SAJ Holdings sendiri mempunyai sebuah makmal yang diakreditasikan ISO 17025 untuk pengawalan kualiti air yang lebih menyeluruh. Oleh itu, sebarang pelanggaran piawaian SAJ Holdings akan memberhentikan bekalan airnya daripada menyalurkan air yang tidak selamat. Maka, sekiranya pengguna mengalami masalah kualiti air, lebih cepat laporan dibuat, maka lebih cepat masalah itu dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita mempunyai liputan bekalan air terawat di Johor yang sudah mencapai 99.7%. Bermakna, hampir semua rakyat Johor menikmati bekalan air bersih terawat. Kita juga mempunyai margin simpanan bekalan air terawat yag masih selamat dan mencukupi. Laporan *Malaysia Water Industry Guide 2015* melaporkan simpanan bekalan air terawat di Johor adalah sebanyak 21.1% berbanding Selangor hanya 0.3, 0.3% sahaja. Jadi, ini bererti bahawa cuaca yang tidak mengizinkan penerimaan hujan yang tidak melebihi 60% tentunya merupakan faktor dan asas yang kukuh untuk menjadikan kita melaksanakan penjadualan air di kawasan-kawasan tertentu. Sungguhpun demikian, kepesatan pembangunan di negeri ini berkehendakkan beberapa peningkatan keupayaan pengeluaran loji-loji rawatan air perlulah dilaksanakan. Projek loji rawatan air di Buloh Kasap, Kahang dan juga di Pagoh dan menaik taraf loji di Sungai Lebam dan menaik taraf loji di Skudai adalah projek-projek yang bakal dilaksanakan dalam tahun 2016.

Soal tarif yang dibangkitkan sudah pun saya terangkan dengan panjang lebar pada sidang Dewan lalu. Tapi, masih ada lagi yang menyindir bahawa Johor mempunyai tarif air yang tinggi. Struktur tarif yang dipersetujui sekarang ini sudah melalui proses yang *rigid* sebagaimana Akta Perkhidmatan Industri Air tahun 2006. Akta 655 yang dikuatkuasakan. Ini termasuk persetujuan Forum Air hinggalah ke peringkat kabinet. Pertimbangan juga dibuat dengan mengambil kira struktur kos yang terlibat seperti tenaga, bahan kimia, kos buruh, penyelenggaraan dan indeks harga pengguna. Pihak SPAN sebagai *regulator* sentiasa memastikan pencapaian KPI yang ditetapkan. Margin keuntungan SAJ Holdings juga ditetapkan pada 9% bagi 3 tahun pertama migrasi pembekalan air negara, di mana sekiranya SAJ Holdings mencatatkan margin keuntungan melebihi 9% maka lebihan itu akan diambil oleh PAAB. Selanjutnya setelah meneliti justifikasi struktur kos, kini SAJ memperolehi margin keuntungan pada kadar 8%

untuk tempoh operasi keduanya. Ini bermakna, kerajaan sentiasa memastikan prestasi SAJ Holdings dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dengan kemampuan yang berbaloi. Jadi, ini adalah merupakan satu pendekatan yang menafikan bahawa syarikat operasi air, operator air kita mengambil keuntungan yang berlebihan seperti mana yang disangkakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Program Pemberian Rebet Air yang diperkenalkan sejak 2 tahun yang lalu mensasarkan golongan yang kurang berkemampuan, yang tersenarai dalam e-Kasih. Berbanding di Selangor, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Pekan Nenas, skim rebet air Johor memfokuskan golongan yang benar-benar memerlukan berbanding memberikan kepada semua orang termasuk majoritinya berkemampuan. Peruntukan RM3 juta seperti yang dinyatakan dalam Bajet memberi peluang seluas-luasnya kepada golongan miskin dan miskin tegar di negeri ini untuk dapat, untuk menikmati rebet air tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang, program penggantian paip air SAJ sehingga kini sudah pun dilaksanakan di kawasan Sungai Balang pada tahun 2013. Pada tahun itu, sepanjang 2 kilometer paip sudah pun ditukar di Kampung Nawi. Namun, pihak SAJ Holdings akan meneruskan program tersebut mengikut keutamaan operasinya apabila paip-paip berkenaan dikenal pasti. Mudah-mudahan maklumat itu melegakan Yang Berhormat Sungai Balang.

Selain itu juga, kerajaan persekutuan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melalui Program Bekalan Air Awam di estet di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada menyediakan peruntukan bagi pemasangan paip dari paip awam SAJ ke ladang-ladang. Peruntukan tersebut disalurkan melalui Kementerian Sumber Manusia. Sewajarnya pengurus-pengurus ladang seperti Ladang Kambau, Ladang Pasir Logok, Kumpulan Melayu Tunjuk Laut, Pasir Panjang, Bukit Payung, Bukit Kelompok, Pertubuhan Peladang Negeri Johor dan Ladang Bekas-Bekas Perajurit berurusan dengan Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan ladang-ladang yang mempunyai sistem rawatan air persendirian, pihak ladang perlu berurusan sementara ladang-ladang yang mempunyai sistem rawatan air persendirian, pihak ladang perlu berurusan dengan BAKAJ bagi mendapatkan lesen dan bayaran caj air mentah serta mendapatkan lesen dari SPAN dan juga berurusan dengan Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi memastikan bekalan air bersih yang dibekalkan kepada penduduk ladang mematuhi garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Adalah diharapkan penjelasan dan huraian berkaitan air ini dapat meningkatkan keyakinan serta pengetahuan Ahli Yang Berhormat malah memahami bahawa jabatan dan agensi yang bertanggungjawab sentiasa komited dan beramanah dalam memikul tugas masing-masing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, teras utama dari 6 teras bajet 2016 adalah mengutamakan kesejahteraan rakyat...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk dulu Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mengalu-alukan rombongan dari Johor *Talent* seramai 20 orang bersama-sama dengan kita pada pagi ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:50 pagi.

YB Dato' Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Dato' Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan kita sambung semula. Jemput Pengerusi Kerja Raya. Semalam, saya mempengerusikan persidangan, lepas tu Tan Sri, lepas tu sambung saya semula, tak habis-habis lagi, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Walau pun tak habis Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ada berita baik Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan baru sahaja maklumkan kepada saya bahawa pemindahan air daripada Sungai Papan ke Sungai Lebam telah pun dimulakan sejak pukul 6.00 petang semalam. Ha, ini satu perkembangan yang membuktikan usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi masalah bekalan air Sungai Lebam. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menyambung penggulungan di bawah portfolio Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, teras pertama dari 6 teras bajet 2016 adalah mengutamakan kesejahteraan rakyat dan dengan itu kerajaan negeri terus komited dalam merealisasikan komitmen dan pelaksanaan yang lebih menyeluruh berkaitan dengan infrastruktur awam di negeri Johor. Fokus dan strategi bagi memenuhi hasrat menjadikan Johor terhubung dengan jaringan maklumat yang pantas, maka program *free wifi* dengan cakupan 135 hot spot menggunakan peruntukan sebanyak RM4.4 juta. Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif menjalankan kajian suara hati Johor untuk mendapatkan maklum balas rakyat bagi membolehkan kerajaan negeri untuk memartabatkan kehendak rakyat serta menggubal dasar berlandaskan kehendak, jangkaan dan keperluan rakyat.
Kemudahan wifi, jalur lebar dan jaringan telekomunikasi merupakan kelompok isu utama yang dibangkitkan oleh responden melalui soalan terbuka yang merangkumi sebanyak 20.36%. Objektif Johor *free wifi* menyediakan perkhidmatan wifi secara percuma di kawasan tumpuan awam, projek perumahan rakyat dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan maklum balas rakyat.

Pelaksanaan perkhidmatan Johor *free wifi* akan disediakan di 135 lokasi *hot spot* kepada rakyat di negeri Johor. Lokasi yang terlebih adalah berdasarkan kepada maklum balas rakyat yang dibahagikan kepada 3 kategori. Kategori pertama meliputi kawasan tumpuan orang awam di mana sebanyak 100 lokasi telah dikenal pasti dan berada di bawah kawal selia kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kategori kedua pula, meliputi semua kawasan projek perumahan rakyat yang terdapat di sekitar Johor Bahru, Segamat, Kluang dan Batu Pahat. Kategori kedua ini adalah bagi 25 cadangan lokasi yang akan dikawal selia oleh pejabat SUK Bahagian Perumahan. Sementara kategori ketiga akan menempatkan Johor *free wifi* di setiap kaunter di bangunan ibu pejabat Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi kemudahan orang awam yang datang berurusan hanya 10 lokasi sahaja yang terlibat di dalam kategori

ini yang masing-masing dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, 3 lokasi pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Labis, Majlis Daerah Mersing dan Majlis Daerah Simpang Renggam telah dimasukkan dalam kategori pertama, oleh kerana PBT berkenaan mempunyai pungutan hasil yang kurang daripada RM10 juta setahun.

Bagi kategori pertama, kerajaan negeri akan menanggung kos perkakasan dan kos penyelenggaraan bagi 100 lokasi untuk 3 tahun pertama. Manakala semua PBT akan menanggung kos talian. 25 lokasi dalam kategori kedua akan ditanggung oleh kerajaan negeri. 10 lokasi di kategori ketiga akan ditanggung oleh PBT masing-masing. Syarikat pelaksana *Red Tone* akan membekalkan sebanyak 70 *indoor* AP secara percuma. Red Tone mencadangkan 3 bentuk kaedah pulangan kepada kerajaan negeri iaitu pengiklanan, jualan kad prabayar wifi serta sewaan perkongsian AP dengan nisbah pembahagian keuntungan 50 – 50. Kesemua 135 lokasi *hot spot* akan dilengkapi dengan talian internet yang berkapasiti minimum 4 mega bit sesaat. Luas kawasan capaian bagi sesuatu *hot spot* adalah 100 meter radius yang mencakupi 360 darjah.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, walaupun penggunaan internet melalui *wifi* merupakan sesuatu yang sangat diminati dan kerap diminta namun begitu kekangan penyediaan *wifi* kepada pengguna awam adalah pada kualiti rangkaian jalur lebar yang terdapat di sesuatu kawasan itu. Oleh yang demikian, pihak SKMM kini memberi fokus kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif menaik taraf rangkaian jalur lebar negara untuk kebaikan jangka masa sederhana dan panjang.

Selain daripada itu pihak SKMM sedang memperluaskan lagi jalur lebar mudah alih dengan menaik taraf pemancar selular. Tahun lalu 92 lokasi telah di naik taraf ke tahap 3G di seluruh Johor, khususnya di kawasan luar bandar dan untuk tahun ini 24 lokasi lagi telah dikenal pasti untuk di naik taraf. Pihak SKMM juga telah melaksanakan pelbagai projek termasuk Projek Internet 1 Malaysia bagi memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan. Setakat ini 62 buah sudah pun beroperasi di seluruh negeri Johor. Usaha-usaha ini dibuat secara berperingkat dan berterusan. Adalah menjadi matlamat SKMM agar semua pengguna di negara ini mempunyai peluang dan pilihan menikmati perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, SKMM memandang serius penyebaran berita-berita palsu di media sosial dan mengingatkan para pengguna untuk tidak menyebarkan sebarang berita yang belum ditentukan kesahihannya. Pemantauan pihak SKMM mendapati terdapatnya peningkatan, penyebaran dan perkongsian kandungan bersifat provokatif dan menghina yang mensasarkan agama dan umat Islam khususnya kandungan yang dihasilkan oleh individu di luar negara seperti Alvin Tan dan Emy Natalinda Umurjah.

Orang ramai diingatkan bahawa perbuatan memuat naik, memanjangkan, menyebarkan atau berkongsi kandungan-kandungan sedemikian melalui mana-mana laman rangkaian sosial seperti *facebook*, *whatsapp*, *twiteer*, *instgram* dan sebagainya boleh menggugat keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini serta memberi lebih ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab

untuk menyebarkan dakyah negatif mereka di dalam menimbulkan kebencian dan kemarahan ramai.

Bagi kesalahan-kesalahan penggunaan internet seperti menyebar kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah seksyen 211dan 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jika disabitkan kesalahan pihak tersebut boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00 atau di penjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu undang-undang Malaysia yang lain seperti Kanun Keseksaan atau Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957 juga diguna pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan berkenaan kandungan dalam talian termasuk yang berunsur hasutan kepada kerajaan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara.

Ingin dijelaskan juga, bahawa tindakan penguatkuasaan tidaklah terhad hanya kepada pendakwaan di mahkamah malah SKMM juga boleh mengambil tindakan berbentuk pentadbiran terhadap pembekal perkhidmatan yang tertakluk di bawah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 seperti penyekatan laman web yang menyalahi atau cuba menyalahi undang-undang negara, serta membuat laporan penyalahgunaan serta notis pengalihan kepada pengendali perkhidmatan seperti *facebook*, *you tube, twitter, instagram, tombler* dan lain-lain.

SKMM juga sedang giat menjalankan program advokasi di antaranya program kesedaran yang dinamakan klik dengan bijak sejak tahun 2009. Klik dengan bijak adalah sebuah program yang membudayakan penggunaan internet secara positif yang berteraskan daripada 3 aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab yang menitikberatkan kawal selia kendiri atau *self regulation* dengan izin dalam membendung masalah penggunaan internet.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan jelas ada menyatakan bahawa Johor yang membangun mestilah Johor yang terhubung dengan baik melalui prasarana jalan rayanya. Kita akui terdapatnya laluan jalan raya yang sesak pada waktu ini seperti Jalan Skudai, Jalan Tun Razak, Jalan Tebrau untuk mengambil beberapa contoh dan beberapa persimpangan yang perlu diatasi situasi kesesakan jalan tersebut yang kerap berlaku.

Pekan Yong Peng menjadi salah satu destinasi persinggahan utama bas ekspres ke destinasi utara dan bas henti-henti ke destinasi Segamat dan seterusnya Pantai Timur. Kedudukan terminal bas sedia ada yang agak jauh ke dalam, menjadikan dianya kurang popular kepada penumpang, pengusaha dan pemandu bas ekspres dalam negeri dan antara negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan tempat persinggahan di Taman Lucky Garden memberikan kelebihan kepada pengusaha untuk menarik pengusaha dan pemandu bas-bas ekspres untuk berhenti berbanding berhenti di terminal Yong Peng. Pemantauan SPAD dan juga Perbadanan PAJ mendapati bahawa R & R ini juga dijadikan tempat mengambil dan menurunkan penumpang dari Yong Peng secara tidak sah.

Selain itu, pengangkutan PAJ, Perbadanan PAJ juga telah merancang satu laluan bas bandar di Yong Peng yang menghubungkan kawasan berpenduduk ke kawasan-kawasan tumpuan bermula dan berakhir di terminal Yong Peng. Oleh yang demikian, penambahbaikan terminal sedia ada di Yong Peng amatlah diperlukan. Perincian tindakan sektor pengangkutan daerah akan diperincikan dalam pelan induk pengangkutan awam yang dijangka siap pertengahan tahun hadapan.

Sementara pengangkutan awam di pekan Bekok juga telah berlarutan sejak sekian lama. Penduduk menjadikan perkhidmatan kereta api sebagai mode pengangkutan awam utama dan yang mana kadar penggunaan yang sangat rendah menjadikan pekan ini tidak berdaya maju dari pandangan pengusaha bas di daerah Segamat. Semakan dan perancangan lanjut terhadap penyediaan perkhidmatan bas sedang diperincikan oleh Perbadanan PAJ. Penetapan lanjut akan diadakan bersama pentadbiran Majlis Daerah Labis. Satu pelan komprehensif akan dilaksanakan selari dengan pembinaan Projek Landasan Berkembar Gemas – Johor Bahru, yang dijangkakan bermula pada tahun 2016 ini. Selain itu laluan perkhidmatan yang bertindak sebagai bas perantara diperlukan untuk menambah baik penyambungan bas dari pekan Bekok dan pekan sekitarnya seperti laluan bas dari Bekok ke Kluang dan juga Labis.

Berkaitan sistem pengangkutan aliran ringan di dalam Iskandar Malaysia, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kukup, kerajaan negeri melalui Perbadanan PAJ sedang mempertimbangkan beberapa cadangan pembinaan infrastruktur pengangkutan perkhidmatan awam yang berasaskan rel terutamanya di kawasan Iskandar Malaysia. Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah inisiatif swasta, yang mula menyedari kepentingan satu sistem yang lebih baik di dalam Iskandar Malaysia. Selain itu, pembangunan infrastruktur sahaja tidak akan mendatangkan keuntungan. Pembangunan guna tanah yang berdensiti tinggi akan dibangunkan terutamanya di lokasi stesen yang dicadangkan. Antara cadangan utama yang sedang dipertimbangkan adalah pembinaan infrastruktur JB Metro Maglev berkelajuan rendah di beberapa koridor seperti koridor Tebrau dan Skudai. Selain daripada, *'spur line'* dengan izin ke Permas Jaya dan Nusajaya, di mana akan menyambungkan kepada landasan rel berkelajuan tinggi. Projek ini mirip kepada infrastruktur dan *'tren maglev Limino'* di Nagoya Jepun yang beroperasi sebagai *'feeder'* kepada sistem LRT dan kereta api lajunya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak IRDA sedang berusaha untuk membangunkan Sistem Bas Rapid Transit di koridor Skudai, Tebrau dan Nusajaya. Penyelarasan juga sedang dibuat untuk menentukan kesesuaian koridor bagi BRT dan sistem rel. BRT juga akan menjadi *'feeder'* kepada sistem rel ini di masa hadapan. Peranan dan perancangan IRDA dalam membangunkan Iskandar Malaysia, satu sistem penyambungan yang baik antara CIQ haruslah diperhalusi. Antaranya, cadangan untuk memperkasakan kecekapan perkhidmatan bas di beberapa lokasi tumpuan ke CIQ dan juga pembinaan kemudahan *'park and ride'* di kawasan-kawasan berdekatan penempatan utama di dalam Iskandar Malaysia seperti di kawasan Skudai, Johor Jaya, Permas Jaya dan lain-lain.

Isu lorong atau jalan penjalan kaki di Tambak Johor telah lama berbangkit. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan CIQ dan jambatan sedia ada, sama sekali

tidak mengambil kira kemudahan pejalan kaki dalam reka bentuk asalnya. Rombakan yang besar, pada ruang sedia ada sepanjang jambatan dan tambak perlu dilakukan untuk membina kemudahan penjalan kaki berbumbung yang selamat. Ini akan menjadikan inisiatif tersebut lebih sukar daripada yang dijangkakan. Ruang sedia ada hanyalah kurang daripada satu meter sahaja. Jadi, lorong kenderaan seolah-olah perlu dikecilkan untuk memberi ruang kepada kemudahan pejalan kaki berbumbung dan dengan hadangan yang memerlukan sekurang-kurangnya 2.5 meter bagi arus pergi dan balik, tapi kawasan yang ada hanya 1 meter.

Untuk makluman, kerjasama Persekutuan dan kerajaan Singapura telah bersetuju untuk membangunkan sistem RTS yang menghubungkan kedua-dua CIQ Bangunan Sultan Ismail dan Woodland. Beberapa ketetapan sedang dibincangkan oleh kedua-dua negara buat masa sekarang. Perkhidmatan berkapasiti tinggi ini, akan mampu untuk menyelesaikan masalah pengangkutan rentas sempadan yang mana buat masa ini hanya diusahakan oleh perkhidmatan bas dan teksi rentas sempadan dalam kapasiti yang rendah, disebabkan oleh kesesakan pada waktu-waktu puncak. Persetujuan negara jiran perlulah diperolehi dalam sebarang urusan di Tambak Johor. Perbincangan antara pemimpin dua negara turut diadakan dua kali setahun yang membincangkan soal kemudahan-kemudahan infra termasuk laluan RTS dan juga rel berkelajuan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Johor ada isu berkaitan FELDA seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Machap dan Yang Berhormat ADUN Pemanis. Pembinaan rumah generasi kedua di FELDA Air Hitam adalah diluluskan sebanyak 205 unit oleh kerajaan negeri pada tahun 2007. Pemberian 205 lot berkenaan tidak secara berkelompok, di mana strukturnya adalah mengikut kawasan kosong yang ada pada masa tersebut. Pembinaan rumah adalah sepenuhnya ditanggung oleh penerima lot tanpa ada peruntukan yang disalurkan oleh FELDA. Begitu juga dengan pembinaan infrastruktur bekalan air, elektrik, jalan utama dan perparitan juga telah disediakan oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan.

Semasa Pembentangan Bajet 2013 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, FELDA akan membina 20,000 unit rumah di dalam rancangan dalam tempoh lima tahun. Fasa pertama projek Pembinaan Perumahan Generasi Baru FELDA dimulakan sebanyak 8,570 unit rumah telah ditenderkan melibatkan 33 rancangan di seluruh negara. Sebanyak 7 buah rancangan FELDA dalam negeri Johor telah dipilih untuk pembinaan Rumah Generasi Kedua fasa pertama yang berjumlah 2,179 unit. Rancangan FELDA yang terlibat adalah FELDA Papan Timur-539 unit, FELDA Sungai Sibol-360 unit, FELDA Bukit Aping Timur-200 unit, FELDA Maokil-540 unit dan FELDA Pemanis-1,140 unit. Pembinaan Perumahan Generasi Baru FELDA sedang giat dibangunkan. Sehingga kini kemajuan-kemajuan kerja pembinaan adalah seperti berikut di Papan Timur hampir 50%, di FELDA Sungai Sibol-95%, di FELDA Inas Utara-65%, di FELDA Pasak-40% sementara di FELDA Aping dan Maokil 1 dan 2 pada kadar 12% dan FELDA Pemanis 30%. Pembinaan rumah fasa pertama ini dijangkakan siap sepenuhnya pada awal tahun 2016. Bagi projek yang telah siap melebihi 95 % borang permohonan telah mula diedarkan kepada Generasi Kedua Peneroka FELDA untuk memohon bagi yang layak mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh FELDA. Kaedah pemilikan rumah generasi baru ini adalah melalui jualan dan sewa beli. Untuk rumah berkeluasan 1,000 kaki persegi, harga jualan adalah RM90,000.00 seunit. Bagi

kaedah sewa beli, kadar sewaan adalah RM200.00 untuk lot tengah, RM400.00 bagi lot tepi dan RM500.00 sebulan bagi lot hujung. Tempoh sewaan adalah selama 5 tahun.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Yong Peng ada membangkitkan hal-hal berkenaan meter-meter TNB yang dipasang, yang menyukat penggunaan elektrik perlu melalui proses ujian teknikal dan piawaian yang ketat sebelum dipasang di premis-premis pengguna. Ini termasuklah ujian daripada pihak SIRIM yang akan mengeluarkan pengesahan piawaian kepada meter-meter sebelum dipasang di premis pengguna. Pihak TNB sentiasa memastikan pemasangan meter TNB adalah teratur dengan melakukan pemeriksaan berjadual dan tidak berjadual. Pemeriksaan tersebut dilakukan oleh pihak TNB dengan garis panduan prosedur tuntutan kerugian hasil yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga berkuat kuasa pada 1 Jun 2014. Apabila pemeriksaan pemasangan meter dijalankan ke atas suatu premis, keputusan yang akan diperoleh termasuklah menentukan meter dalam keadaan baik maka tiada tindakan lanjut diambil oleh TNB. Terdapat kejanggalan pada meter tanpa sebarang tanda pengusikan oleh pihak ketiga, dalam keadaan ini peruntukan undang-undang yang berkaitan yang hanya membenarkan tuntutan pelarasan ke belakang tidak melebihi 3 bulan. Di bawah peraturan tersebut telah dijelaskan, 6 keadaan sahaja yang membolehkan tuntutan 3 bulan dilakukan seperti ke tidak tepatan meter atau pemasangan meter berkaitan dengannya, gagal berfungsi kesalahan membaca meter, kesalahan pemakaian peradaban tetap meter, penyambungan bersilang pemasangan kepada akaun berlainan termasuk pemasangan yang salah. Pengguna disarankan agar dapat berjumpa dengan pihak TNB untuk mendapatkan keterangan lanjut seperti hasil pemeriksaan ujian meter dan gambar eviden sebagai GLC yang prihatin TNB bersedia untuk berunding dengan pengguna yang terlibat bagi menyelesaikan kes secara damai dan pengguna hendaklah mengemukakan bukti-bukti yang sahih bagi menyokong asas rayuan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selanjutnya izinkan saya menjelaskan isu berkaitan infrastruktur jalan. Sebagai memenuhi keperluan pembangunan infrastruktur awam negeri Johor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar turut memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk membina 150 kilometer rangkaian jalan kampung yang baru dan menaik taraf jalan kampung yang sempit sepanjang 70 kilometer. Selain peruntukan RM600 juta bagi menyelenggara rangkaian jalan-jalan di seluruh negeri Johor.

ADUN Semerah mencadangkan supaya jalan kampung Parit Kuda Mukim 1 Lubuk Batu Pahat sepanjang 3 kilometer dinaik taraf dari jalan kampung kepada jalan negeri akan diberi perhatian. Pihak JKR akan membuat siasatan dan kajian lanjut berhubung dengan cadangan tersebut bagi memastikan cadangan tersebut berimpak tinggi.

ADUN Parit Yaani mencadangkan beberapa pemasangan lampu jalan di sepanjang Jalan Sri Bengkal ke Parit Yaani diberi perhatian oleh pihak kerajaan di mana pada masa-masa ini, lampu-lampu jalan telah dipasang di bahagian sekolah dan simpang-simpang jalan sahaja. Oleh kerana rizab jalan tersebut sempit dan terlalu banyak tiang-tiang seperti tiang elektrik, tiang telekom, maka pihak JKR akan memasang papan tanda amaran dan isyarat lalu lintas akan ditambah baik di sepanjang jalan tersebut untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya terutamanya pada

waktu malam. Berhubung dengan cadangan menaik taraf Jalan Bindu, ia telah disenaraikan dan akan dilaksanakan pada tahun 2016.

Yang Berhormat ADUN Yong Peng membangkitkan beberapa perkara mengenai keadaan jalan persekutuan laluan 1 dari Johor Bahru - Ayer Hitam - Yong Peng - Labis ianya akan dibaiki secara berperingkat untuk memastikan ia berada dalam keadaan baik dan selamat untuk dilalui oleh semua kenderaan.

Yang Berhormat ADUN Pengkalan Rinting, membangkitkan perkara mengenai jalan yang tidak rata dan berlubang agar diberi perhatian sama ada di jalan negeri mahupun di jalan persekutuan untuk memastikan pengguna, keselamatan pengguna jalan raya.

Sementara cadangan Yang Berhormat Pengkalan Rinting dibina lorong motosikal berasingan di jalan Johor Bahru - Skudai - Lebuhraya Pasir Gudang, Jalan Kulai, Jalan Kluang - Ayer Hitam - Batu Pahat, Link Kedua EDL dan Jalan Johor Bahru ke Kota Tinggi tidak dapat dilaksanakan kerana sepanjang jalan tersebut telah dibangunkan kawasan perumahan, perdagangan dan perindustrian dan rizab jalan sedia ada juga terhad. Perbelanjaan yang terlalu besar terpaksa dikeluarkan oleh kerajaan untuk pengambilan balik tanah di sepanjang laluan tersebut.

Pihak kerajaan akan meningkatkan sistem pengangkutan awam agar lebih baik dan dapat digunakan oleh penduduk supaya lebih ramai penduduk menggunakan pengangkutan awam seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Yang Berhormat ADUN Johor Jaya, membangkitkan mengenai denda yang dikenakan kepada kontraktor hanya akan bermula pada 22 Disember 2015 hingga projek disiapkan iaitu projek Lebuhraya Pasir Gudang, Johor Bahru. Projek ini dijangkakan dapat disiapkan pada bulan Mac 2016 dengan dikenakan denda. Skop projek menaik taraf jalan Pasir Gudang ini meliputi pemasangan lampu jalan, pengadang jalan, papan tanda amaran, papan tanda isyarat lalu lintas bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya senantiasa diperhatikan. Oleh kerana prestasi kontraktor ini kurang memuaskan, maka pihak kerajaan akan memastikan kontraktor ini dan Ahli Lembaga Pengarah tidak ditawarkan lagi projek-projek kerajaan yang lain.

Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa, membangkitkan projek untuk menggantikan jambatan sempit merintangi Sungai Tebrau di Jalan Maju Jaya tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, projek ini telah dimasukkan dalam senarai Rancangan Malaysia yang Ke-11. Pada peringkat awal cadangannya hanya melibatkan kerja-kerja menggantikan jambatan sempit merintangi Sungai Tebrau. Memandangkan Jalan Maju Jaya, Selong kini telah mengalami kesesakan yang teruk akibat pembangunan industri yang pesat di kawasan ini, maka pihak kerajaan negeri bercadang untuk menaik taraf jalan ini kepada jalan 4 lorong dan 2 hala. Akibat penambahan skop kerja yang banyak dan kos yang tinggi maka kajian yang lebih teliti perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum projek itu dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat ADUN Tiram membangkitkan perkara berhubung dengan saranan supaya menurap jalan-jalan di kawasan rumah pangsa kos rendah. Sebenarnya, boleh

dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS sekiranya jalan-jalan di kawasan tersebut tidak berpagar dan boleh dilalui oleh semua kenderaan dalam tempoh 24 jam sehari tanpa halangan. Jalan-jalan tersebut tentunya perlu didaftarkan dalam sistem MARRIS.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Pasir Raja membangkitkan supaya JKR mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas jalan Persekutuan 93, Pekan Sungai Sayong berhadapan Sekolah Rendah Sungai Sayong dan Tabika KEMAS supaya lebih selamat kepada pengguna jalan raya terutamanya murid-murid sekolah dan murid-murid tabika. Penambahbaikan yang akan dilaksanakan melibatkan pemasangan papan tanda isyarat lalu lintas yang mencukupi, garisan jalan yang sempurna, *speed breaker* dengan izin agar pemandu mengurangkan kadar kelajuan apabila melalui jalan tersebut.

Yang Berhormat Tanjung Surat meminta supaya jalan Persekutuan dari Kota Tinggi ke Bandar Penawar di naik taraf kepada jalan raya 4 lorong 2 hala. Sebenarnya telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun ia masih belum diluluskan. Pada masa ini kerja-kerja menaik taraf jalan ditempatkan di kawasan-kawasan Pengerang yang menjadi kawasan perindustrian minyak dan gas yang terbesar di Malaysia. Di mana pada masa ini kerajaan telah memperuntukkan sejumlah hampir RM1 bilion untuk menaik taraf dan membina jalan baru di kawasan perindustrian tersebut. Permohonan semula akan dibuat dalam *second rolling plan* 2017.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat ADUN Bekok mencadangkan supaya Jalan Segamat ke Yong Peng di naik taraf dari 2 lorong kepada 4 lorong telah dipohon kepada Kementerian Kerja Raya di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi tidak diluluskan lagi maka projek ini akan dipohon semula di bawah *second rolling plan* pada tahun 2017. Begitu juga dengan cadangan membina jalan baru dari Paloh ke Bekok sepanjang 16 kilometer telah dipohon kepada Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah tetapi ia juga masih belum diluluskan. Cadangan meluruskan selekoh S di jalan Persekutuan 1 dari Johor Bahru ke Air Manis Batu 23.4 akan dimohon semula dalam *second rolling plan* pada tahun 2017 kerana belum lagi mendapat kelulusan pada *rolling plan* yang pertama.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Serom mencadangkan supaya dibina satu jalan di antara Bandar Tangkak melalui Pengkalan Besar dan terus ke Sungai Rambai akan dikaji sebelum cadangan tersebut di masukkan dalam Rancangan 5 Tahun Johor.

ADUN Bukit Gambir turut memaklumkan supaya pihak JKR menyenaraikan projek-projek tersebut dalam Rancangan 5 Tahun Johor bukan hanya di Jalan Sawah Ring malah semua jambatan sempit di sepanjang jalan tersebut. Berhubung dengan cadangan pelebaran jalan di persimpangan masuk Sekolah Kebangsaan Sawah Ring dan melebar jalan di Parit Kasan dari persimpangan Sekolah Agama Parit Kasan ke jalan Sungai Mati, Bukit Serampang akan diberi perhatian oleh pihak JKR dan akan membuat siasatan lanjut berhubung dengan cadangan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ADUN Paloh meminta supaya jalan dari Nyior ke Kluang dilebarkan kerana sempit dan gelombang akan diberi perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Bagi jalan-jalan di Kampung Baru Cina akan diberi perhatian juga oleh kerajaan supaya berkeadaan baik. Kerajaan negeri telah memperluaskan peranan Infra Desa Johor apabila diberi tanggungjawab membangunkan data rangkaian jalan-jalan seluruh Negeri Johor malah kerajaan negeri akan meningkatkan pegangan ekuitinya dalam IDJ daripada 30% kepada 40%. Pembinaan jalan-jalan kampung telah dimulakan sejak tahun 1996 bermula dengan pembinaan sepanjang 2,500 kilometer yang disiapkan pada tahun 2000.

Kerajaan mula memperuntukkan bajet khusus bagi menyelenggara jalan-jalan kampung yang telah dibina. Berasaskan rekod sehingga tahun 2015 rangkaian jalan-jalan kampung adalah sepanjang 6,700 kilometer dengan peruntukan penyelenggaraan antara RM30 juta hingga RM50 juta setahun. Dengan jumlah 6,700 kilometer jalan kampung ini, Negeri Johor adalah antara negeri yang mempunyai rangkaian jalan kampung yang terbesar di Malaysia. Sehubungan dengan itu, satu sistem rekod data yang mampan dan sistematik adalah kritikal bagi memantapkan pengurusan data dan maklumat jalan kampung kerajaan negeri dari semasa ke semasa sentiasa membuat penambahbaikan dari segi pengumpulan rekod dan data.

Sehingga tahun 2015, 4,000 kilometer jalan kampung telah direkodkan dan dipetakan secara sistematik. Proses merekodkan ini akan diperluaskan pada baki 2,700 kilometer jalan yang masih belum direkodkan ke dalam sistem. Pada peringkat awal pembinaan jalan kampung hanya melibatkan pelebaran antara 3 meter hingga 3 perpuluhan meter sahaja.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan pertambahan jumlah penduduk, terdapat keperluan untuk melebarkan jalan sedia ada kepada maksima 4.27 meter lebar jalan yang dikategorikan di bawah jalan kampung. Berdasarkan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan antara Februari 2012 hingga Januari 2015, sebanyak atau sepanjang 1,109 kilometer jalan telah siap dengan 508 kilometer jalan telah dilebarkan. Bagi Februari 2015 hingga Disember 2015 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk membina 70 kilometer jalan baru dan melebarkan 288 kilometer jalan kampung yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang diberikan ini hanyalah mampu menyelesaikan 50% daripada permohonan dan aduan yang telah dikemukakan sehingga tahun 2014. Bagi tahun 2016, kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta bagi tujuan membina 150 kilometer jalan kampung dan menaik taraf jalan kampung sepanjang 70 kilometer.

Bagi tujuan keutamaan pelaksanaan kerajaan untuk melibatkan Wakil-Wakil Rakyat secara aktif dalam memberi maklum balas dan kerjasama rapat dengan agensi pelaksana dan Pejabat Daerah akan diambil. Dari aspek penyelenggaraan kerajaan telah menambah peruntukan daripada RM30 juta setahun kepada RM50 juta bagi menyelenggara 4,000 kilo meter jalan kampung oleh Infra Desa Johor, tambahan peruntukan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap *service able* jalan kampung selaras dengan kenaikan peruntukan tersebut.

Kerajaan menyasarkan agensi pelaksana akan menambah baik kaedah pelaksanaan dan pemantauan dengan bergerak dari kaedah penyelenggaraan konvensional kepada kaedah kontrak berasaskan prestasi, *performance base contract* dengan izin. Selain daripada itu pembangunan kontraktor tempatan menjadi agenda utama yang akan diberikan penekanan.

ADUN Maharani membangkitkan Infra Desa yang menjalankan projek-projek menaik taraf jalan-jalan kampung di Johor dan juga kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Di bawah projek menaik taraf PJK 3, program membaik pulih jalan-jalan kampung Pejabat Daerah di seluruh Negeri Johor di mana ia telah selesai dilaksanakan pada bulan Januari 2015. Bagi program melebar dan menaik taraf jalan-jalan kampung sedia ada termasuk jalan baru di seluruh Negeri Johor iaitu PJK 4, sedang dijalankan sehingga kini menggunakan peruntukan RM50 juta selama 6 bulan.

Saya tak berhasrat untuk membaca senarai-senarai jalan tersebut tapi sekiranya Yang Berhormat memerlukan bolehlah berhubung dengan pejabat saya. Di bawah kerja-kerja penyelenggaraan pula, pihak Infra Desa Johor dipertanggungjawab untuk menyelenggara 4,000 jalan kampung yang seperti mana yang saya katakan dengan peruntukan RM50 juta setahun dengan menggunakan peruntukan MARRIS. Ini merupakan 7% daripada jumlah peruntukan MARRIS yang disediakan oleh kerajaan negeri. Peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri Johor juga memperuntukkan untuk jalan-jalan lain seperti jalan perbandaran, jalan negeri dan juga jalan kampung.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kriteria untuk pemilihan bagi jalan-jalan yang di selenggara oleh syarikat konsesi adalah perlu berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Kerajaan hasil daripada kajian daripada jabatan pelaksana seperti JKR. Kriteria pemilihan adalah bergantung pada dasar yang ditetapkan oleh kerajaan negeri atau persekutuan. Jalan raya terbahagi kepada beberapa jenis jalan persekutuan, jalan negeri, jalan bandaran dan juga jalan kampung yang mana masing-masing dipantau oleh badan-badan kerajaan yang berlainan. Pihak Infra Desa Johor terlibat hanya bagi penyelenggaraan jalan-jalan kampung di bawah pemantauan Pejabat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, apabila Yang Berhormat Tanjung Surat memaklumkan agar perjanjian konsesi tambahan yang dimeterai antara kerajaan dan Senai-Desaru Expressway Berhad pada tahun 2014 perlulah melaksanakan pelebaran dari *single lane carriage way* di antara persimpangan bertingkat Cahaya Bahru ke persimpangan Penawar sepanjang 27 kilometer kepada *two lane carriage way* adalah dijadualkan pada tahun 2020, apabila *label of services* dengan izin melangkaui *label of servicing* yang mana lebih awal.

Cadangan pelebaran tersebut adalah berpandukan kepada jumlah unjuran trafik yang dijangkakan mengguna laluan tersebut di mana data trafik berkenaan telah disemak dan disahkan oleh agensi-agensi berkaitan. Buat masa ini tiada sebarang perubahan kepada perancangan seperti mana dijadualkan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan dari semasa ke semasa akan mengadakan perbincangan pihak konsesi untuk menilai keperluan.

Pihak kerajaan negeri akan mengesyorkan kepada LLM supaya jajaran persimpangan Cahaya Bahru ke persimpangan Penawar di naik taraf kepada 4 lorong. Kapasiti trafik untuk laluan untuk lebuh raya SDE adalah sebanyak 44,000 kenderaan untuk 2 lorong 2 hala. Jumlah trafik sedia ada pada masa kini ialah 11,800 kenderaan berdasarkan rekod di plaza tol Penawar. Untuk membolehkan kerja-kerja menaik taraf laluan selorong kepada 2 lorong unjuran trafik yang diperlukan perlulah melepasi *label of servicing* iaitu sebanyak 35,000 kenderaan.

Oleh yang demikian, terdapat perbezaan sebanyak 23,000 trafik, manakala lebuh raya PLUS kapasiti trafik adalah sebanyak 88,000 kenderaan untuk 4 lorong 2 hala. Trafik sedia ada yang tertinggi di rekodkan di plaza tol Skudai adalah sebanyak 52,000 kenderaan, jadi kita sekali tak dapat melebarkan lebuh raya yang sampai ke tol Skudai.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, ...

YB Dato' Timbalan Speaker : Panjang lagi Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : ... sebagai penutup, sejajar dengan hasrat kerajaan negeri sama ada melalui pelan Suara Hati Johor dan Pembentangan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Menteri Besar secara *inclusive* lestari dan sejahtera untuk Johor merupakan usaha yang secara konsisten dan komited ke arah Johor yang lebih inovatif dan terancang.

Kerajaan negeri juga telah menambah baik pengurusan sumber air dengan mengambil pendekatan secara kolektif bersama agensi-agensi yang berkaitan. Malah kerajaan negeri akan memperkukuhkan entiti BAKAJ termasuklah peranan Johor Special Water Sendirian Berhad, syarikat milik penuh kerajaan negeri juga akan dikembangkan dengan meningkatkan keupayaan sebagai pengurus bekalan air mentah.

Melalui Bajet 2016, kerajaan negeri terus komited dalam pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan dengan menyediakan peruntukan yang lebih besar. Selain daripada itu juga, kaedah menyelenggara jalan juga telah ditambah baik daripada kaedah menyelenggara secara berjadual kepada faedah *performance base* dengan izin.

Dengan mengambil kira keperluan yang disuarakan oleh semua pihak, maka program-program sama ada melalui kajian Suara Hati sama ada program-program yang sedang dijalankan, malah di dalam Bajet 2016 ini memperlihatkan ia akan terus diperluaskan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, begitulah jawapan yang dapat disampaikan atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Moga jawapan yang diberikan dapat meningkatkan keyakinan kita terhadap kerajaan yang secara berterusan akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Sekian, terima kasih Assalamualaikum warahmatullahi taala warabakatuh.

YB Dato' Timbalan Speaker : Terima kasih, kita teruskan sila Yang Berhormat Pengerusi Pelancongan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat sejahtera, salam 1Malaysia dan salam Muafakat Johor. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesempatan dan peluang kepada saya untuk bersama-sama turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan bagi seisi perbelanjawan negeri Johor bagi tahun 2016. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari jadi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. (Dewan bertepuk). Semoga beliau sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan segala urusan harian dipermudahkan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah berjaya membentangkan Bajet 2016 yang bertemakan "Lestari, Inklusif dan Sejahtera Untuk Johor" dalam Dewan yang mulia ini.

Bajet tahun 2016 merupakan salah satu Bajet yang meluluskan hala tuju negeri Johor untuk membangunkan negeri Johor berada daripada negeri yang berpendapatan sederhana kepada sebuah ekonomi kesejahteraan. Pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar selama 2 tahun ini telah membuktikan kewibawaan beliau dalam mewujudkan sebuah kerajaan negeri yang berorientasikan tindakan atau *action orientate* dengan izin dan berasaskan pencapaian.

Pentadbiran negeri Johor adalah berbeza dengan pentadbiran negeri, kerajaan negeri yang menerajui oleh pihak sebelah sana. Di mana pembangunan pro rakyat berasaskan konsep muafakat dijadikan pegangan tetapi bukan pentadbiran atas agenda politik semata-mata. Di Johor usaha kita tidak ada retorik tidak omongan politik dan tiada pembangunan cakap kosong. Pada pembentangan Bajet 2015 tahun lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun meletakkan sasaran Johor perlu menjadi sebuah ekonomi utama di Malaysia. Iaitu dengan dinamakan sebagai *Ekonomic Powerhouse* dengan izin, dengan kadar pertumbuhan Johor sebanyak 6.5% yang mendahului kadar pertumbuhan peringkat nasional. Dan, journal nilai pelaburan yang menjuarai semua negeri di Malaysia. Saya amat yakin dan percaya kerajaan negeri kini sedang ada di landasan yang tepat. Seterusnya, saya juga ingin mengambil peluang pada kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan portfolio Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor**.** Sememangnya banyak perkara yang telah dikemukakan semasa seisi perbahasan kali ini dan saya dengan sedaya upaya akan memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pertanyaan atau teguran serta berusaha melaksanakan cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang perbahasan beberapa hari ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai sektor pelancongan di negeri Johor dalam Dewan yang mulia ini. Setentunya sektor pelancongan telah merupakan satu bidang ekonomi penting dan berpotensi untuk dibangunkan di negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah kedatangan pelancong ke negeri Johor telah meningkat secara ketara sejak tahun 2013 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Statistik Tourism Malaysia telah mencatatkan sejumlah pelancong 3.7 juta pada tahun 2010, 3.8 juta pada tahun 2013 dan 3.9 juta pada tahun 2012, tetapi 5.77 juta pelancong dicatatkan pada tahun 2013. Seterusnya 6.42 juta pada tahun 2014. Peningkatan sebanyak 40% dari tahun 2012 sehingga tahun 2014. Lonjakan ini adalah berdasarkan komitmen dan hasil kerjasama semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan mahu pun badan bukan kerajaan NGO dan pihak pengusaha industri. Di samping itu apa yang tidak boleh dinafikan bahawa produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa semakin banyak dibangunkan di Johor beberapa tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dinafikan bahawa kepakaran perubatan di Malaysia adalah antara terbaik di dunia. Dan, kebanyakan hospital atau pusat perubatan persendirian di negara ini mempunyai taraf dan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Manakala caj perubatan seperti kos penginapan hospital, ubat-ubatan serta perkhidmatan sokongan dan lanjutan yang diberikan di negeri ini amat kompetitif berbanding dengan negara maju. Justeru itu, ramai pelancong atau pelawat memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan mereka untuk mendapatkan lawatan atau mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Untuk maklumat Yang Berhormat Nusajaya, kerajaan negeri sememangnya ingin menjadikan pelancongan kesihatan sebagai salah satu daya tarikan pelancongan di negeri Johor kerana ketika ini terdapat banyak hospital atau pusat perubatan persendirian yang mampu menawarkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dengan kadar bayaran yang berpatutan. Usaha-usaha untuk mempromosikan pelancongan perubatan telah pun dilaksanakan seperti penerbitan risalah pelancongan dan penganjuran pameran pelancongan. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pada 15 dan 16 Oktober 2015 yang lalu, kerajaan negeri telah mengadakan pameran pelancongan di Batam, Indonesia. Manakala pada 18 hingga 20 Disember 2015 kerajaan negeri akan mengadakan pameran pelancongan di Jogjakarta, Indonesia. Di mana kedua-dua pameran ini akan turut serta oleh beberapa hospital di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa seisi perbahasan kali ini juga saya dapati ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat begitu berminat untuk membangunkan pelancongan di kawasan masing-masing. Yang Berhormat Yong Peng, Semerah, Gambir serta Bukit Naning ada memberikan cadangan supaya masing-masing dijadi sebagai Pusat Agro Pelancongan kerana faktor kemudahsampaian dan adanya daya tarikan

pelancongan, pertanian serta pelancongan alam semulajadi seperti Sungai Bekok, Pengkalan Nelayan dan Hutan Bakau Pesisiran Pantai serta kelebihan Sawah Ring sebagai antara jelapang padi yang terbesar di negeri Johor. Dan juga, satu produk satu kampung amatlah baik dan berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan. Kelebihan daya tarikan seperti ini amatlah baik dijadikan sebagai pakej pelancongan yang berasaskan pendidikan dan keluarga. Kemurahan *homestay* di 19 kampung di negeri Johor juga boleh dijadikan tarikan dengan keramahmesraan dan budaya kampung yang menjadi kekuatan dan keunikan di setiap kawasan *homestay* ini.

Penglibatan setiap lapisan masyarakat tidak mengira usia dan bangsa amatlah baik dan ditambah lagi dengan beberapa produk kraftangan serta produk pertanian yang boleh dijadikan ole-ole bagi setiap pengunjung atau pelawat ke kawasan ini. Penglibatan belia sebagai usahawan kraftangan dan produk agro pelancongan amatlah digalakkan dan bantuan dari segi pemasaran dan promosi akan diberikan mendahului beberapa program oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan agensi lain yang berkaitan.

Manakala Yang Berhormat Rengit mencadangkan gerai-gerai barangan yang terpakai dijadikan sebagai tarikan pelancongan. Saya menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan akan memberi tumpuan yang lebih khusus kepada pembangunan *rural tourism* dengan izin. Seperti mana termaktub dalam pelan induk pelancongan negeri Johor 2014 hingga 2023 yang selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang inginkan kepada Rejuvenasi Desa Yang Berhormat Dato' Speaker.

Aktiviti pemasaran dan promosi yang berterusan dan lebih fokus kepada 11 TDC iaitu *Tourism Development Cluster* dengan izin, yang memberi penekanan kepada kekuatan dan keunikan setiap lokasi serta produk pelancongan yang khusus kepada kawasan setempat. Setiap TDC ini melibatkan semua elemen penting dalam pelancongan serta kelebihan lokasi dan nilai kesumbernya kepenggunaannya seperti kemudahan asas tenaga kerja yang bermutu. *Accessibility* dan perkhidmatan sokongan yang menyumbang kepada penyeliaan pakej pelancongan yang berdaya saing dan matang. Penjelasan sebentar tadi merujuk kepada pandangan Yang Berhormat Johor Jaya iaitu usaha promosi pelancongan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bukan hanya tertumpu kepada taman-taman tema sahaja. Tetapi sebaliknya adalah menyeluruh yang merangkumi pelancongan, eko pelancongan, warisan dan budaya pelancongan pertanian, pelancongan *homestay,* pelancongan sukan, membeli-belah dan sebagainya. Ini kerana kepelbagaian penawaran produk pelancongan akan memberi banyak pilihan kepada para pelancong untuk datang ke negeri ini.

Selain itu, pelancong yang datang juga mempunyai citarasa yang berbeza dan dengan adanya kepelbagaian produk pelancongan akan dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri Johor. Sebenarnya Yang Berhormat Johor Jaya haruslah lebih memahami mengenai strategi promosi. Kerajaan negeri bukan ingin mempromosikan taman tema sahaja tetapi taman tema khususnya Legoland yang merupakan produk *flagship* atau ikonik negeri Johor haruslah diberi keutamaan dalam usaha promosi. Dengan itu produk-produk sokongan yang lain turut akan memperolehi manfaatnya daripada pelancong selepas ini. Kunjungan ke produk utama akan membawa limpahan kepada bukan sahaja produk sampingannya malah industri hiliran yang berkaitan. Sebagai EXCO Pelancongan saya sentiasa juga mempromosikan kepelbagaian produk selain JPO, Legoland dan Hello Kitty Park seperti kepulauan, taman negara, agro pelancongan, acara tahunan, produk makanan dan sebagainya. Saya turut sering mempromosikan keunikan daerah Pontian dengan tag line Kenali Pontian, Sukai Pontian, Cintai Pontian. Dan Ingat Pontian,lingat Nanas, Ingat Nanas Ingat Pontian.

Sebaliknya Yang Berhormat Johor Jaya sebagai anak Pontian perlulah bersama-sama mempromosikan Pontian dengan saya. Itulah tanggungjawab sebagai sebahagian dari Pontian. Betul cakap saya? Yang Berhormat Dato',

YB Dato' Timbalan Speaker : Saya pun Pontian juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Oh ya, ya, terima kasih. Dato' Speaker pun orang Pontian. Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri sememangnya di dalam usaha untuk membangunkan segmen pasaran mesyuarat insentif persidangan dan pameran atau ringkasnya *MIES* dengan izin sebagai salah satu pemangkin kepada penyemarakan industri pelancongan negeri Johor, kerana dilihat berupaya menarik pelancong untuk datang bermalam dan berbelanja di negeri ini.

Salah satu usaha kerajaan negeri adalah dengan menubuhkan sebuah entiti iaitu Johor Convention And Exhibition Bereau atau ringkasnya JCEB yang akan bertindak sebagai pemudahcara bagi pembangunan pemasaran dan proses pemindahan bagi segmen pasaran ini. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Raja satu kajian penanda aras atau *benchmarking* dengan izin, akan dilaksanakan bagi membantu di dalam usaha menubuh JCEB dengan izin, sebagai sebuah entiti yang kukuh dan berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri sentiasa mempertingkatkan usaha untuk memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan pelancongan negeri Johor ke peringkat tempatan dan antarabangsa. Salah satu usaha tersebut adalah dengan menjalinkan hubungan kerjasama dengan syarikat produksi dalam dan luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat Stulang, kerajaan negeri pernah bekerjasama dengan Syarikat STRIX TV dari Sweden bagi program E*xpedition Robinson* dengan izin dan syarikat Adventure One Production dari Perancis bagi program Koh Lanta dengan izin. Pada tahun ini pula kerajaan negeri telah bekerjasama Guangdong TV Production dari China bagi program Million Dollar Baby 2 dengan izin. Selain itu, kerajaan negeri turut bekerjasama dengan stesen tv tempatan seperti TV3

melalui Program 5 rencah 5 rasa dan Dapur Panas. Manakala melalui RTM melalui program 3J iaitu Jom Jalan-Jalan. Mengenai soalan program rombongan pelancong mega sedunia tersebut, tadi saya berkesempatan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Stulang. Maka saya tidak lagi menyentuh di sini.

Selain dari itu kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor juga di dalam perancangan untuk membuat penjenamaan semula sektor pelancongan negeri Johor. Penjenamaan semula ini merangkumi logo *tag line* dengan izin dan penerbitan risalah pelancongan yang baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Senggarang, kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Johor juga sedang menyiapkan portal pelancongan yang baru yang lebih berinformasi dan interaktif. Di samping itu juga kerajaan negeri akan mempergiatkan usaha promosi melalui media sosial kerana promosi atas talian atau *on line* dengan izin merupakan media terpenting masa kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menjawab soalan dari Yang Berhormat Tangkak, Yang Berhormat Bentayan, Yang Berhormat Paloh dan Yang Berhormat Kukup mengenai pembangunan dan penyediaan beberapa infrastruktur asas yang berkaitan kepada kebolehsampaian pelancong dan pelawat ke suatu destinasi pelancongan menjadi wadah utama kerajaan negeri. Beberapa permohonan peruntukan kewangan dari segi pembangunan kemudahan asas ini telah dimajukan kepada kerajaan persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-11. Oleh kerana peruntukan kewangan yang terhad, hanya kemudahan yang sangat berkepentingan akan dibangunkan terlebih dahulu. Manakala kemudahan asas yang lain akan dibangunkan secara berfasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh telah menyentuh mengenai tenaga kerja dalam bidang pelancongan, pembangunan modal insan yang berterusan dalam bidang pelancongan dan hospitaliti amatlah penting. Sehubungan itu kerjasama dengan pihak hospitaliti seperti IPPJ dan KPYPJ serta beberapa pihak swasta yang mempunyai kekuatan dalam sektor perkhidmatan akan diwujudkan dan di eratkan lagi.

Beberapa modul akan digubal dan beberapa kumpulan sasaran yang menjadi *front leader* dengan izin, kepada industri akan dilatih secara berkala dan berterusan. Bagi mencapai modal insan yang berdaya maju di dalam industri pelancongan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia MOTAC telah memperkenalkan program lawatan latihan terapi spa dengan tujuan untuk membangunkan kepakaran tempatan dan mengawal selia industri spa dengan lebih berkesan. Ia juga disasarkan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia terhadap pekerja terapi spa asing serta memberi kerjaya baru dalam industri pelancongan.

Selain itu kementerian juga melaksanakan Kursus W*e Are The Host* dengan izin yang merupakan salah satu kursus di bawah *Malaysia Welcome The World* dengan izin, kursus *We Are The Host* menyediakan diri *final,* akhir lebih berpengetahuan untuk berkhidmat di dalam industri pelancongan dari semasa ke semasa. Program ini memberi pemahaman mengenai kepentingan dan meningkatkan

khidmat pelanggan yang unggul serta menerapkan semangat a *proud spirit* dengan izin, supaya berbangga berkhidmat di dalam industri pelancongan Malaysia.

Setakat bulan September 2015 MOTAC Johor telah melatih seramai 1,660 orang yang terdiri daripada peserta pelbagai kursus seperti W*e Are The Host* dengan izin, kursus bahasa Inggeris dan Jepun, kursus pembangunan homestay, kursus eco *host*, serta kursus Think Tourism Act Tourism dengan izin. Saya di sini ingin mengambil kesempatan berterima kasih kepada Yang Berhormat Tenggaroh atas pandangannya bahawa Jawatankuasa Pelancongan perlulah lebih peruntukan untuk menjalankan usaha promosi dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Parit Raja telah menyentuh tentang promosi pelancongan menerusi kebudayaan. Sememangnya kerajaan negeri memahami bahawa pelancong kini lebih cenderung menimba pengalaman dengan memahami kebudayaan dan warisan suatu tempat. Maka kerajaan negeri menerusi Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor sentiasa bekerjasama secara erat dalam usaha mempromosikan sektor pelancongan negeri Johor. Sebagai contoh Yayasan Warisan Johor telah menyertai delegasi misi pelancongan untuk membuat persembahan kebudayaan Johor di Milan, Itali dan Guanzhou, China serta beberapa destinasi lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Senggarang telah menyentuh beberapa perkara yang sangat menarik mengenai pelancongan dan ini menunjukkan bahawa industri ini adalah sangat luas dan berpotensi serta boleh membantu setiap lapisan masyarakat meningkatkan pendapatan dan boleh menjadi satu profesion yang menjana keuntungan lumayan. Usaha untuk merancakkan industri ini akan bermula dari setiap daerah dengan menggiatkan semula jawatankuasa pelancongan daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan dianggotai oleh semua agensi dan pihak swasta NGO yang berkaitan, dengan pelancongan di peringkat daerah. Jawatankuasa ini akan bersidang setiap bulan jika perlu dan akan melaporkan kepada jawatankuasa pelancongan negeri Johor yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Pelaksanaan *signature event* dengan izin di beberapa daerah pada tahun hadapan juga akan diterajui oleh jawatankuasa ini supaya penglibatan yang menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat di peringkat daerah dan ini akan memberi peluang kepada mengalami dan mengambil kesempatan menambah pendapatan dan pengalaman yang manis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Gambir yang membangkitkan perkara berkenaan dengan pengambilan pegawai pelancongan dari kalangan kaum Cina dan India, memandangkan negara China dan India dijadikan sasaran pasaran pelancongan utama negeri Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa iklan mengenai perkara tersebut telah dilaksanakan pada bulan Oktober melalui beberapa media cetak berbahasa Cina dan India. Lanjutan daripada itu seramai lebih kurang 260 pemohon telah mengemukakan permohonan ke Jabatan Pelancongan Negeri Johor.

Pada ketika ini pihak Jabatan Pelancongan Negeri Johor sedang membuat saringan pertama sebelum memanggil calon yang layak bagi menghadiri temuduga saringan pertama bertujuan untuk menyemak sama ada permohonan memenuhi syarat dan

terma perjawatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Diharapkan dengan pengambilan pegawai berbahasa Cina dan India ini Jabatan Pelancongan Negeri Johor dapat melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran dengan lebih berkesan dan mencapai matlamatnya, secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelancong dari negara China dan India.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Skudai adalah menyarankan supaya kita mengambil langkah-langkah yang efektif untuk meyakinkan para pelabur bahawa kita adalah lebih kompetitif berbanding dengan negara-negara lain di serantau Asia Tenggara termasuk Myanmar yang disebut sebagai negara baru yang menjadi persaingan kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan negeri Johor menerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri Johor JIC akan terus memastikan agensi-agensi pelaburan negeri Johor mempunyai perancangan strategik dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program yang efektif dalam menarik pelabur asing dan juga pelabur domestik.

Bagi meyakinkan para pelabur *Johor State Investment Centre* (JSIC) atau Pusat Pelaburan Negeri Johor bersama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan lebih giat mengadakan promosi dan memberikan penerangan mengenai peluang-peluang pelaburan dan insentif-insentif cukai serta pelbagai kelebihan negeri Johor sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini. JSIC dan agensi-agensi pelaburan negeri Johor yang lain akan mengukuhkan lagi keyakinan pelabur dengan mewujudkan ekosistem pelaburan yang lebih kondusif dan langkah-langkah proaktif bagi menyokong pembangunan industri telah diambil di mana kerajaan telah menggalakkan semua PDT dalam negeri Johor supaya meningkatkan lagi keberkesanan khidmat sokongan kepada bakal pelabur dengan mewujudkan unit pembangunan industri.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Industri pula diadakan sekurang-kurang 4 kali setahun untuk menangani isu-isu industri. Ini merupakan pendekatan kerajaan negeri Johor yang pro *business* dengan izin dan mesra pelabur bagi memastikan kita sentiasa lebih kompetitif sebagai destinasi pelaburan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning adalah menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan yang perlu diadakan di hab perabot yang akan dibina oleh kerajaan negeri melalui Johor Corporation di Muar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri telah menggalakkan supaya diambil langkah-langkah ke arah mewujudkan pengurusan kawasan perindustrian yang tersusun dan lebih sistematik dengan peningkatan kemudahan infrastruktur serta rantaian nilai tambah yang berkualiti. Ini termasuklah bagi cadangan Projek Pembinaan Taman Perindustrian Perkayuan di Bakri, Muar. Kerajaan telah bersetuju supaya syarikat atau badan pengurusan kawasan perindustrian di lantik bukan sahaja untuk menyelenggara lampu jalan dan sistem perparitan, landskap dan kutipan sisa pepejal dengan urus tadbir dan lebih cekap, tetapi juga untuk mengadakan pelbagai kemudahan lain termasuk kemudahan asrama pekerja, tempat riadah dan juga surau. Ini akan meliputi kawasan-kawasan perindustrian yang di selenggara oleh PBT dan juga kawasan-kawasan perindustrian yang dimajukan oleh pihak swasta. Syarikat pengurusan kawasan perindustrian ini juga akan mengurus aduan dan memastikan

tindakan penyelesaian segera diambil. Kesemua ini akan mewujudkan ekosistem pelaburan yang kondusif bagi memenuhi kehendak para pelabur dan pengilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Senai telah menyatakan bahawa dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global sekarang ini kerajaan harus berperanan untuk merangsang pelaburan domestik di negeri Johor yang dapat membawa peluang pekerja dan supaya bangsa Johor berpendapatan tinggi. Kerajaan negeri Johor melalui agensi-agensi pelaburan negeri termasuk JSIC, Johor Corporation, JPDC, IRDA dan Johor Biotech akan terus menjalankan program-program promosi, taklimat-taklimat dan rundingan meja bulat dengan bakal-bakal pelabur domestik dan dewan-dewan serta pertubuhan-pertubuhan perniagaan.

Selain itu, lebih banyak program *out reach* mesra pelabur, dengan izin akan diadakan bagi membolehkan pemaju-pemaju kawasan perindustrian termasuk daripada GLC kerajaan negeri Johor dan pihak swasta memberikan penerangan mengenai kewujudan kawasan-kawasan perindustrian sedia ada sebagai pilihan untuk pelabur domestik membuat pelaburan baru atau mengembangkan pelaburan sedia ada. Kita yakin bahawa dengan rekod pencapaian negeri Johor di kedudukan teratas dalam jumlah pelaburan untuk tahun 2013 dan tahun 2014, kita akan menerima pelabur domestik yang tinggi bagi tahun 2015 dan tahun-tahun seterusnya. Setakat bulan September 2015, jumlah nilai pelaburan sektor pembuatan bagi negeri Johor adalah RM30 bilion. Iaitu tertinggi di Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pembentangan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menggariskan menubuhkan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim sebagai antara 15 fokus utama bajet. Saya merasakan besar hati bahawa negeri Johor kini menggunakan inisiatif ke arah sebuah negeri lebih hijau dan lestari pembangunannya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peranan MPHPI bukan sekadar menangani, menyediakan pelan metigasi risiko ancaman kepada alam sekitar, tetapi juga menggalakkan serta mempromosi kempen dan aktiviti yang mesra alam. Pertumbuhan ekonomi hijau sehinggalah kepada gaya hidup rakyat yang turut bersama memastikan alam sekitar sempurna.

Saya amat terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membolehkan saya menerajui salah satu jawatankuasa di bawah MPHPI iaitu Jawatankuasa Industri. Sebagai sebuah negeri yang memiliki kira-kira 150 buah taman perindustrian di seluruh negeri, jawatankuasa ini penting untuk mewujudkan kawasan perindustrian yang mesra alam, hijau dan lestari. Jawatankuasa Industri MPHPI Johor bersetuju untuk mendalami usaha menghijaukan industri melalui 4 bidang fokus utama itu:

1. Meningkatkan kesedaran melalui promosi insentif-insentif sedia ada;
2. Menggalakkan pelaburan yang lebih teknologi hijau;
3. Menggalakkan industri sedia ada lebih mesra alam;
4. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi industri.

Mesyuarat pertama bagi menggerakkan inisiatif-inisiatif yang dicadangkan melalui jawatankuasa ini telah diadakan pada 21 September 2015. Jawatankuasa telah berkesempatan untuk membuat lawatan kerja ke kawasan perindustrian hijau di Majlis

Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai. Mesyuarat menerima unsur untuk menjalankan kajian ringkas pengumpulan maklumat-maklumat mengenai insentif-insentif dan promosi-promosi yang sedia ada mengenai teknologi hijau di peringkat kebangsaan, negeri dan PBT untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pihak industri di negeri Johor untuk berada ke arah pertumbuhan hijau.

Selain itu, jawatankuasa bersetuju untuk mengadakan program-program kesedaran bagi meningkatkan kapasiti industri-industri ke arah *green economy growth* dengan izin, di mana pembangunan ekonomi selaras dengan penjagaan kualiti alam sekitar melalui aplikasi teknologi hijau dan lain-lain lagi. Sehubung dengan itu, pihak kerajaan negeri dengan kerja sama IRDA akan mengadakan satu sesi pada 1 Disember ini bertajuk *Moving Energy Efficiency Programmes Foward In Iskandar Malaysia*, dengan izin yang menekankan kepentingan pengurusan tenaga yang cekap. Sesi ini adalah antara sesi pertama peningkatan kapasiti melalui jawatankuasa industri. Melalui peruntukan bajet yang diberikan kerajaan negeri, kami yakin program-program sebegini dapat diteruskan dengan jayanya selaras dengan komitmen kerajaan negeri untuk mencapai pembangunan lestari.

Teknologi hijau menunjuk kepada teknologi-teknologi yang mesra alam dan membantu meningkatkan produktiviti sesebuah industri melalui kecekapan penggunaan elektrik, tenaga dan air. Pihak kerajaan negeri melihat kepada penerapan teknologi hijau bagi meningkatkan daya saing di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Penggaram, Yang Berhormat Puteri Wangsa dan Yang Berhormat Sungai Abong telah membangkitkan soal kos sara hidup rakyat kita. Kerajaan negeri tidak menafikan bahawa umumnya rakyat kita rasa terbeban dengan kos sara hidup yang semakin meningkat di kawasan pembangunan Wilayah Iskandar. Namun, sebuah kerajaan negeri yang prihatin kita tidak membiarkan perkara ini berterusan dan akan merancang pelbagai program dan inisiatif bagi menangani perkara ini. Selain inisiatif daripada kerajaan pusat seperti bantuan rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, kemudahan pendidikan percuma

YB Dato' Timbalan Speaker : YB Pengerusi Pelancongan panjang lagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dan Kepenggunaan : Sikit.

YB Dato' Timbalan Speaker : Cepatkan sikit? Laju lagi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Dan Kepenggunaan : Percuma dan kemudahan perubatan yang murah. Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk melihat bagaimana mekanisme untuk menangani kos sara hidup rakyat tinggi. Antara usaha berterusan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah pembinaan lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat, pengangkutan bas awam yang percuma, pelancaran kedai-kedai harga patut, program pembangunan usahawan dan koperasi, bantuan kepada golongan sasaran dan sebagainya. Kerajaan negeri melalui KPDNKK telah menyediakan platform *price watch* dengan izin, di laman web www.kpdnkk.gov.my. Di mana, sebanyak 446 harga barangan keperluan harian setiap hari diperolehi. Pengguna boleh membuat perbandingan harga sebelum merancang pembelian, maklumat perubahan harga

yang ketara atau melampau juga boleh dikesan dan tindakan pengguna bijak seperti mengurangkan permintaan di pasaran akan memberi tekanan untuk kembali stabil. Di samping itu, KPDNKK akan mengadakan skim kawalan harga barangan semasa musim-musim perayaan bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan melakukan aktiviti pencatutan ke atas barangan yang dijual kepada pengguna.

Peniaga-niaga di wajib menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh kerajaan dan meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu ke atas barangan terkawal. Peniaga yang disabitkan kesalahan akan diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara lazimnya kerajaan negeri menerusi KPDNKK Johor melancarkan kempen penurunan harga di pasar raya-pasar raya, melaksanakan Anugerah Kedai Harga Patut, pemeriksaan penandaan harga, penghasilan buku panduan harga pengguna serta mengaktifkan pelbagai medium untuk pengguna membuat aduan terhadap peniaga yang tidak beretika.

Mengenai penguatkuasaan GST, seramai 238 orang pegawai pemantau dan penguat kuasa di seluruh negeri menjalankan pemeriksaan memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan GST untuk menaikkan *profit margin* dengan izin, perkhidmatan dan barangan mereka secara tidak munasabah. Setakat 27 November 2015, sejak pelaksanaan GST sejumlah 250,271 pemeriksaan telah dilakukan ke atas premis-premis perniagaan dan didapati sebanyak 248 kes telah disabitkan kesalahan melibatkan nilai rampasan barangan sejumlah RM54,138.88 serta kompaun sebanyak RM30,220.00. Sebanyak 168 notis Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan anti pencatutan telah dikeluarkan mulai 1 Januari sehingga 27 November 2015.

Justeru, kerajaan sentiasa memantau dan membuat perbandingan bagi harga barangan di pasaran secara mingguan. Analisa harga akan dibuat dan dihantar kepada Majlis Harga Barangan Negara Negeri Johor. Adalah diharapkan selain daripada pegawai penguatkuasaan, pemimpin setempat termasuk penghulu dan pengguna menjadi dan telinga untuk melaporkan kes pencatutan kepada pegawai KPDNKK.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak usaha dan inisiatif sedang dijalankan dari semasa ke semasa. Untuk menangani kos sara hidup rakyat dan sememangnya seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Jementah. Kerajaan negeri mengakui isu kos sara hidup rakyat tinggi dan telah pun berperanan untuk menanganinya bagi memperkasa fokus menangani kos sara hidup secara kreatifnya. Kerajaan negeri sedang merancang untuk mengujud satu program yang dinamakan *Initiative Cost Of Living* At *Johor* dengan izin, atau secara ringkasnya *i-COL @ Johor* di mana terdapat beberapa inisiatif seperti Festival Trak Johor, *Factory to Johorean* dan Selera Rakyat Johor sedang dalam proses kajian terakhir. Sepanjang cuti mingguan yang lepas itu, Festival Trak Johor sebagai projek perintis telah berlangsung di Pasir Gudang di mana ia berkonsepkan gabungan modul perniagaan jualan terus dari kilang atau pengeluar pasar raya besar dan peniaga pasar minggu, jualan terus dari kilang membolehkan harga barangan di jual pada harga yang lebih rendah kerana mengurangkan *level marketing* dengan izin, kepelbagaian barangan secara skala

besar dan berkenaan *in how brand* dengan izin, oleh pasar raya besar juga mengujudkan harga barangan yang lebih murah lagi *kompetitif*. Setakat ini saya difahamkan bahawa sambutan Festival Trak Johor mendapat sambutan yang menggalakkan. Penyertaan sebanyak 60 buah trak barangan dengan menawarkan potongan harga barangan sehingga 40% telah melihat potensi program ini diperkembangkan pada tahun hadapan.

Selain itu, bagi lebih mendekati pengguna di negeri Johor, program Kembara Pengguna Johor akan diadakan pada tahun 2016. Program ini akan memberi lebih banyak ruang kepada pengguna di seluruh Johor untuk diberi lebih pendedahan berkaitan isu-isu dan hak-hak pengguna termasuk;

1. Sistem ekonomi negara dan aras penetapan harga barangan;
2. Kesihatan dan gaya hidup sihat
3. Keselamatan makanan dan produk,
4. Taklimat aktiviti gores dan menang, tuntutan kepada tribunal dan sebagainya.

Program Kembara Pengguna Johor ini dirancang diadakan secara bekerjasama strategi dengan Badan Bukan Kerajaan, Kepenggunaan serta pihak *industrial* secara sistematik diadakan di semua daerah dalam Johor. Program ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih berkesan kepada semua pengguna di negeri Johor melalui kaedah....

YB Dato' Timbalan Speaker : Pengerusi Pelancongan, sila ringkaskan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Dato' Timbalan Speaker : Ada Pengerusi lain yang hendak menjawab, hendak menggulung.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Ok. Lokasi geografi Johor yang terletak berhampiran dengan negara Singapura telah sedikit sebanyak mempengaruhi kadar inflasi di negeri ini. Hakikatnya kadar inflasi di Johor merupakan antara tertinggi di Malaysia pada tahun lepas. Saya begitu tertarik dengan data yang dimaklumkan oleh YB Jementah di mana kadar inflasi lebih kurang 7%. Jabatan Perangkaan Malaysia telah merekodkan kadar inflasi Johor pada tahun 2014 adalah sebanyak 3.3%. Walaupun kadar inflasi kita tinggi namun pendapatan isi rumah bulanan pelanggan negeri Johor telah pun meningkat daripada RM3,650.00 kepada RM5,197.00 iaitu pertumbuhan sebanyak 17.7% berada di tangga ketiga tinggi di Malaysia. Harga perkhidmatan dan barangan yang dikenakan oleh peniaga untuk mengaut keuntungan atas daya beli atau *purchasing power* yang tinggi daripada warga *Singapore*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini, dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawah portfolio saya dalam sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini. Kalau ada perkara yang terlepas pandang mohon tindakan susulan daripada jabatan-

jabatan di bawah portfolio saya. Sepanjang Persidangan Dewan yang berlangsung sehingga hari ini saya memohon maaf sekiranya ada salah dan silap serta terlanjur kata. Akhir kata dengan Bajet 2016 ini mudah-mudahan Johor akan menuju ke arah lestari, inklusif dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Timbalan Speaker : Sila Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmannirahim.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ringkas sahaja.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2016 tahun 2015. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Bajet 2016 yang Inklusif, Lestari Dan Sejahtera Untuk Johor yang mana kesejahteraan rakyat menjadi salah satu keutamaan. Di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan dan juga teguran tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Yang Berhormat ADUN kawasan Tanjung Puteri membangkitkan tentang pembinaan pusat aktiviti warga emas yang diserahkan kepada jawatankuasa penduduk setempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warga tua atau warga emas menurut warga dasar Warga Tua Kebangsaan di takrifan kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di *World Assembly On Ageing in 1982 Viennai* dengan izin, dan Dasar Warga Tua Kebangsaan adalah bagi mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan pelindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara. Warga tua yang merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat dan negara diakui mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran. Mereka telah banyak sumbangan selama ini dan masih mempunyai potensi menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, adalah wajar mereka mendapat perhatian, penghormatan dan kasih sayang bagi memastikan menikmati kesejahteraan hidup sepanjang hayat. Sehubungan dengan itu, pewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas ataupun PAWE, merupakan antara salah satu program dalam pelan tindakan dasar warga emas. Pusat aktiviti warga emas adalah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti selain menjadi kemudahan kepada warga emas menjalani aktiviti terutama yang tinggal bersendirian semasa ahli keluarga ataupun penjaga tiada di rumah atau keluar bekerja.

PAWE mensasarkan golongan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. PAWE merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan. Dalam persediaan negara sebelum mencapai status negara tua pada tahun 2030, apabila warga emas mencecah kadar 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Kerajaan negeri dalam Bajet 2016 telah mengambil inisiatif dengan memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 bagi menaik taraf dua bangunan sedia ada yang bersesuaian untuk dijadikan premis pusat aktiviti warga emas iaitu di Pontian dan juga Kota Tinggi bagi dijadikan pusat aktiviti warga emas yang akan menjadikan jumlah keseluruhan PAWE di Johor sebanyak 8 buah. Iaitu dua terletak di Muar, 2 di Johor Bahru manakala 1 Kluang dan 1 di Batu Pahat.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa PAWE ini adalah objektifnya salah satu adalah mempelbagaikan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan juga pembangunan warga emas. Selain daripada itu, kita meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga aktif dan juga produktif dan yang pentingnya untuk kita memberi ruang kepada warga emas agar dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka. Dan, di situ juga konsep yang kita buat di PAWE adalah merupakan sebagai pusat pertemuan untuk warga emas menjalankan pelbagai aktiviti dan ianya adalah secara *locallise* menumpukan kepada kawasan perumahan dan kawasan penduduk berkepadatan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri juga membangkitkan mengenai sejauh manakah program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim ditubuhkan pada tahun 1997 dengan 3 objektif utama. Iaitu mengukuhkan institusi keluarga, membawa wanita ke arus pembangunan dan menangani masalah sosial. Sejajar dengan matlamat dan objektif penubuhan Yayasan Pembangunan Keluarga itu sendiri, maka perancangan dan pelaksanaan aktiviti ataupun program adalah berteraskan kepada program dan aktiviti kekeluargaan, kewanitaan dan sosial. Bagi tujuan tersebut Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mengujudkan unit-unit berkaitan yang bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan program ataupun aktiviti. Iaitu Unit Kekeluargaan, Unit Wanita dan NGOs, Unit Kaunseling dan Motivasi dan Unit Projek Sosial, Unit Kajian dan Pendidikan dan Unit Penempatan Pekerjaan OKU.

Antara program atau aktiviti penting telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim adalah seperti program Modul Keluarga Sakinah, program menjana pendapatan wanita berpendapatan rendah dan ibu tunggal, program kaunseling dan motivasi, program penempatan pekerjaan kepada OKU, perkhidmatan TASKA, perkhidmatan runding cara dan kaunseling. Sejak dari awal penubuhannya Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah banyak melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang mensasarkan hampir seluruh kelompok masyarakat seperti keluarga, wanita, ibu tunggal, OKU, penjawat awam, belia, pelajar sekolah dan tidak hanya menumpukan kepada satu kaum sahaja. Di bawah program kekeluargaan teras utamanya adalah pelaksanaan Modul Keluarga Sakinah. Modul Keluarga

Sakinah mula diperkenalkan oleh kerajaan negeri Johor pada tahun 1998 dengan kerjasama bijak antara Jabatan Agama Johor dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Antara objektif pengenalan Modul Sakinah ini adalah untuk memberikan kefahaman dan maklumat kepada semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan membina institusi keluarga berdasarkan panduan dan ajaran Islam yang sebenar. Pada peringkat awal pelaksanaannya ia lebih tertumpu kepada aktiviti ceramah semata-mata dan disampaikan oleh pemudah cara. Namun mulai tahun 2002, ianya mengambil inisiatif melantik pegawai penggerak di setiap kawasan DUN bagi tujuan menyampaikan modul ini kepada orang ramai di pelbagai peringkat. Melalui peranan pegawai penggerak ini pelaksanaan modul Keluarga Sakinah dapat disebarkan secara meluas di seluruh negeri Johor. Berdasarkan statistik sejak tahun 2002, sejak ia dimulakan oleh penggerak Sakinah sehingga tahun 2014 program ceramah dan pengamalan Sakinah yang dilaksanakan oleh pegawai penggerak adalah berjumlah 136,770 aktiviti berbanding hanya 3,835 aktiviti ataupun program ceramah modul Keluarga Sakinah sejak dilaksanakan pada tahun 1999 hingga 2001.

Malah, mulai tahun 2008 Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mula melaksanakan ceramah modul Keluarga Sakinah secara bersiri di mana penyampaian dilaksanakan setiap kampung mengikut kedua hingga kesepuluh. Melalui pendekatan ini diharapkan modul Keluarga Sakinah dapat disampaikan dan diterima secara menyeluruh bagi setiap kampung atau kawasan seluruh negeri Johor. Selain aktiviti ceramah dan pengamalan Yayasan Pembangunan Keluarga juga memperkenalkan program-program Sakinah yang lain seperti remaja ataupun belia Sakinah, sehari bersama keluarga, mesra Sakinah, muzakarah keluarga, persembahan Sakinah, gerak Sakinah, selangkah seiring jalan dan sebagainya. Selain itu, di bawah program kekeluargaan juga menumpukan kepada program kaum bukan Islam. Iaitu melalui program kasih yang memfokuskan kepada konsep keibu bapaan ataupun *parenting skill*. Program ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2011 dan mendapat maklum balas yang sangat baik dari kalangan masyarakat bukan Islam. Atas dasar tersebut juga, maka program ini turut diberikan perhatian sebagaimana dalam ucapan bajet 2016 yang mensasarkan seramai 1,200 penyertaan. Bagi mempastikan penyampaian lebih berkesan dan menepati golongan sasar, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mempelbagai kaedah ataupun *method* pelaksanaan sesuai dengan golongan sasar. Antara pendekatan yang digunakan selain ceramah termasuklah LDK, sketsa, tayangan video, pengamalan *training of trainers* dan sebagainya.

14dilla

DALILAH1 30.11.2015

Selain itu, di bawah program kekeluargaan juga, menumpukan kepada program kaum bukan Islam iaitu melalui Program KASIH yang memfokuskan kepada konsep keibubapaan ataupun *parenting skill*. Program ini telah mula diperkenalkan sejak tahun tahun 2011 dan mendapat maklum balas yang sangat baik dari kalangan masyarakat bukan Islam. Atas dasar tersebut juga, maka program ini turut diberi perhatian sebagaimana di dalam ucapan Bajet 2016 yang mensasarkan seramai 1,200 penyertaan.

Bagi mempastikan penyampaian yang lebih berkesan dan menepati golongan sasar, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mempelbagai kaedah atau *method* pelaksanaan sesuai dengan golongan sasar. Antara pendekatan yang digunakan selain ceramah termasuklah LDK, Sketsa, Tayangan video, pengamalan *training of trainers* dan sebagainya.

Dari aspek keberkesanan pula, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dengan kerjasama penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia telah melaksanakan penilaian berkenaan keberkesanan penyampaian Modul Keluarga SAKINAH pada tahun 2010 di seluruh Negeri Johor.

YB Dato' Timbalan Speaker : Yang Berhormat panjang lagi?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ada dua atau tiga perkara lagi.

YB Dato' Timbalan Speaker : Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Dewan ke jam 2:30 petang.

Persidangan di tangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyambung penggulungan. Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker mengizinkan saya untuk menyambung kembali penggulungan mengenai dengan program dan aktiviti Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Dari aspek keberkesanan pula, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dengan kerjasama penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia telah melaksanakan penilaian berkenaan keberkesanan penyampaian Modul Keluarga SAKINAH pada tahun 2010 di seluruh Negeri Johor. Daripada 1,675 responden yang telah mengikuti Modul SAKINAH ini mendapati tahap pengetahuan mereka mengenai dengan Modul Keluarga SAKINAH dan keberkesanan Modul Keluarga SAKINAH ini sangat tinggi.

Manakala pada tahun 2007, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia telah membuat satu kajian bertajuk Kajian Modul Keluarga SAKINAH, *Method*, Amalan dan Keberkesanan di mana hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa 99.8% responden menyatakan Modul Keluarga SAKINAH berkesan dalam memantapkan institusi keluarga dan 91.3% responden percaya Modul Keluarga SAKINAH sebagai panduan masyarakat menangani pelbagai masalah keluarga. Malah, Program Modul Keluarga

SAKINAH juga telah mula diguna pakai oleh agensi atau jabatan luar seperti Polis Di Raja Malaysia, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, dan kini menjadi teras rujukan pihak JAKIM dalam pembentukan Dasar Keluarga SAKINAH Negara.

Bagi Program Menjana Pendapatan Wanita Berpendapatan Rendah ataupun Ibu Tunggal pula, program ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2003, iaitu melalui kerjasama bijak dengan JUITA menerusi Projek JUITAku Sayang Ke -12. Dan program ini memberikan bantuan dari aspek kursus kemahiran dan bantuan peralatan kepada ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan keluarga secara *Home Based*. Sejak diperkenalkan, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah melatih seramai 6,134 orang ibu tunggal mengikuti pelbagai kursus kemahiran seperti jahitan, masakan, urutan, *nursery* dan seramai 262 ibu tunggal telah diberi bantuan dalam bentuk peralatan perniagaan seperti mesin jahit, *oven*, penguli dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, didapati 963 orang ibu tunggal telah berjaya menjana pendapatan melalui kursus dan bantuan yang diberikan sekurang-kurangnya menjana pendapatan keluarga.

Pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga telah membangunkan sebuah Sistem Maklumat Ibu Tunggal yang kita namakan SMIT bagi tujuan mengumpul data dan maklumat tentang ibu tunggal dari seluruh Negeri Johor. Melalui sistem ini, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dapat mengenal pasti jumlah ibu tunggal berdasarkan pecahan daerah, DUN, tahun, umur dan kategori ibu tunggal. Diharapkan dengan adanya sistem ini dapat membantu kerajaan menangani pelbagai isu dan permasalahan berkenaan ibu tunggal dan mencadangkan program dan aktiviti mengenainya. Sejak mula diperkenalkan, sistem ini telah mendaftarkan seramai 12,891 orang ibu tunggal di seluruh Negeri Johor.

Golongan OKU juga menjadi perhatian dan tumpuan dalam perancangan dan pelaksanaan program di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim menerusi Program Penempatan Pekerjaan OKU, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah berjaya menempatkan seramai 90 orang OKU pelbagai kategori bekerja di dalam pelbagai sektor, seperti jabatan kerajaan, perhotelan, pasaraya dan juga perindustrian. Malah, bagi tujuan memudahkan lagi urusan penempatan pekerjaan kepada OKU ini, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim mengambil inisiatif mewujudkan Sistem Penempatan Pekerjaan OKU secara *online*.

Bagi tujuan mewujudkan persekitaran mesra OKU serta mengurangkan kerenah birokrasi dan diskriminasi di kalangan OKU, pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mengambil inisiatif mengadakan Kursus Bahasa Isyarat Malaysia membabitkan penjawat awam Negeri Johor. Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah melatih seramai 265 orang penjawat awam mengikuti kursus ini.

Selari dengan salah satu objektif penubuhan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, iaitu menangani masalah sosial, ianya turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan motivasi secara percuma kepada masyarakat. Malah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga mempunyai seramai 6 orang Pegawai Kaunselor berdaftar yang bersedia memberikan perkhidmatan kaunseling dan runding

cara kepada yang memerlukan. Selain daripada itu, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga kerap mendapat undangan mengadakan program motivasi terutamanya di sekolah-sekolah seluruh negeri Johor. Sejak tahun 2006 hingga 2014, Yayasan telah melaksanakan sebanyak 671 aktiviti dengan penyertaan seramai 74,347 orang.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga telah bekerjasama dengan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi menjalankan pelbagai kajian berkaitan kekeluargaan, wanita dan sosial. Dan sehingga 2012, sebanyak 21 kajian dan penyelidikan yang berjaya dibuat melalui kerjasama bijak ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjawab pertanyaan daripada ADUN Kawasan Penggaram dan ADUN Yong Peng, mengenai dengan keganasan terhadap wanita. Kerajaan Johor melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor telah menjalankan pelbagai program *advocacy* dan kempen kesedaran bagi membendung masalah keganasan terhadap wanita. Antaranya ialah, pelancaran 90 Hari Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita bermula 1 Oktober hingga 31 Disember setiap tahun. Dan, 2015 merupakan pertama kali kita melancarkan Kempen 90 Hari dan tetapi sebelum ini hanya 60 hari.

Yang kedua, Program Seminar Literasi Undang-Undang, yang ketiga Program Wanita Anti Jenayah ataupun WAJA seterusnya Program Kesejahteraan Emosi *Bridge To A Better Life* dan seterusnya Program Seminar Kesaksamaan *Gender*, yang keenam, Persidangan Meja Bulat NGO Zon Selatan yang menghimpunkan NGO's-NGO's Wanita yang bergerak aktif di Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dalam isu-isu berkaitan wanita seperti memperjuangkan hak wanita yang diganasi, penyediaan aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan untuk wanita dan juga ibu tunggal. Kita juga mengadakan Seminar Kebangsaan Intervensi Krisis Dan Trauma.

Selain daripada itu, kita juga mengadakan Program Lukisan Graviti Sempena Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita, dan Sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada 25 November setiap tahun. Seterusnya, kita menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, ini Akta 521 dengan mengambil kira pandangan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penyediaan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga Pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang seragam di semua agensi. Dan yang akhirnya, bagi membantu keganasan khususnya dari aspek mengurangkan trauma, 129 buah *One Stop Crisis Centre* (OSCC) telah ditubuhkan di hospital-hospital besar Kerajaan di seluruh negara bagi membolehkan mangsa keganasan mendapatkan rawatan yang komprehensif dan berpusat. Dan, bagi negeri Johor kesemua hospital kerajaan sebanyak 12 buah telah wujud OSCC untuk membantu mangsa keganasan mendapatkan rawatan.

Yang Berhormat juga menyatakan ataupun membangkitkan mengenai dengan *hotline* yang disediakan kepada wanita yang mengalami keganasan. Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dengan permasalahan dan jenayah keganasan rumah tangga. Dengan perkembangan teknologi dan sumber maklumat yang begitu pantas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat telah melancarkan Talian KASIH 15999, kena catit ini semua, kepada golongan masyarakat yang memerlukan bantuan khususnya kepada mangsa keganasan rumah tangga untuk membuat aduan. Talian ini beroperasi selama 24 jam sehari bagi membuat aduan mengenai dengan kes-kes krisis yang berlaku dalam masyarakat seperti penderaan, keganasan, pembuangan bayi, kaunseling dan lain-lain.

Akhirnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab persoalan yang dikemukakan oleh ADUN Machap, Paloh dan Bukit Naning, menyarankan penempatan, peluang pekerjaan kepada golongan OKU diperluaskan diberikan perhatian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya, selaras dengan usaha kerajaan untuk kita meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan khususnya dalam sektor awam, kerajaan telah memperkenalkan Dasar 1% Peluang Pekerjaan di Sektor Awam kepada OKU pada tahun 1988. Bagi memastikan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya, dasar ini telah diperkukuhkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Usaha ini merupakan inisiatif kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor awam kepada golongan OKU yang berkelayakan. Dan, secara amnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 ini menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya 1% daripada jumlah pegawai dan kakitangan dalam agensi tersebut. Dasar ini diperluaskan meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa. Dalam hal ini, setiap kementerian bertanggungjawab melaksanakan dan memantau secara dalaman pelaksanaan Dasar 1% peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU dalam organisasi dan agensi di bawahnya bagi memastikan matlamat dasar ini dicapai.

Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sangat komited dalam merealisasikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 2008 tersebut. Dan sehubungan itu, golongan OKU diharap turut sama diberi peluang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Johor.

Kesedaran masyarakat khususnya golongan majikan dan pemimpin dengan memberikan fokus kepada keupayaan golongan OKU dan bukannya kekurangan atau tidak keupayaan mereka amat dihargai dan diucapkan terima kasih. Bagi membantu warga OKU Malaysia memiliki pekerjaan, pihak kerajaan Johor amat giat melaksanakan pelbagai inisiatif, seperti mewajibkan Pihak Berkuasa Tempatan menempatkan 2 OKU di PBT selain meningkatkan kesedaran dan kepekaan majikan berhubung pekerjaan bagi golongan tersebut. Dan, melalui kemudahan pekerjaan ini, golongan OKU akan dapat menyumbang kepada ekonomi negara, tidak terpinggir dan ketinggalan dalam masyarakat. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Bagi merealisasikan usaha tersebut juga, kerajaan negeri Johor telah menubuhkan Unit Penempatan Pekerjaan Orang Kurang Upaya pada tahun 2010 di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim . Dan, penubuhan unit ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan Program *Encouring Increased Participation by*

People With Disabilities In The Workplace in The State In Johor, dengan izin, iaitu peningkatan penyertaan Orang Kurang Upaya di tempat kerja di negeri Johor iaitu Program Kerjasama di antara kerajaan negeri Johor dan *United Nation Development Programmes* (UNDP)pada bulan Oktober 2008 sehinggalah 2010. Dan, Unit Penempatan Pekerjaan OKU ini beroperasi dengan merujuk kepada *Employment Model* atau Model Pekerjaan sebagai rangka kerja bagi merealisasikan objektif utama program iaitu memastikan peningkatan bilangan OKU di dalam sektor pekerjaan di Negeri Johor

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program penempatan pekerjaan yang dilaksanakan di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim ini menarik perhatian pihak luar untuk mempelajari kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam membantu golongan OKU mendapat pekerjaan khususnya di sektor kerajaan dan swasta seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan *Japan International Cooperation Agency. Dan, s*ehingga November 2015, setelah melalui proses tertentu, sebagaimana yang telah saya nyatakan, seramai 90 orang, Orang Kelainan Upaya berjaya ditempatkan dalam bidang pekerjaan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut meningkatkan usaha mengintegrasikan OKU dalam masyarakat dengan memperluaskan lagi program *Job Coach* di mana *Job Coach* yang telah dilatih dan diberikan sijil menjadi perantaraan di antara majikan dan OKU. Seramai 40 orang Petugas ataupun Penyelia PDK telah pun dilatih Kursus Asas *Job Coach* pada tahun 2014 dan 2015. Dan, kursus ini juga diperluaskan kepada NGO's yang berminat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Mana-mana soalan yang tidak berkesempatan untuk saya jawab, saya akan menjawabnya secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan. Saya juga mengharapkan kepada seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, akan terus memberikan sokongan, pandangan dan teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab saya, demi kemajuan pembangunan Negeri Johor. Teguh berdiri pohon cemara, kalis sentuhan gegak gempita, andai tersasar kata bicara, jemari disusun maaf dipinta. Sekian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Negeri Johor. Dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat petang, salam sejahtera, salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan, untuk saya memberikan ucapan penggulungan, bagi pihak kerajaan yang berkaitan dengan portfolio dan agensi di bawah saya,

dalam Mesyuarat Ketiga Bajet 2016, bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, di atas pembentangan Bajet 2016 yang inklusif, lestari dan sejahtera untuk Johor. Bajet ini merupakan suatu anggaran perbelanjaan negeri, yang tidak boleh disangkal kebaikannya. Tidak boleh dinafikan manfaatnya, dan tidak boleh dibendung kesannya kepada kesejahteraan rakyat. Rakan-rakan di sebelah sana, walaupun cuba menyelak dan mencari-cari kelemahannya dan kekurangannya, tapi tak jumpa. Malah, sebahagian daripada mereka terungkap juga kata-kata pujian. Sejak bermulanya langkah pertama Yang Amat Berhormat Menteri Besar memimpin kerajaan ini, setiap detik dan langkahnya sentiasa memikirkan apa yang perlu lakukannya untuk menjadikan rakyat Johor ini hidup sejahtera. Bermula dengan kajian Suara Hati Rakyat, kemudian diperincikan menjadi Pelan Suara Hati Johor dan seterusnya menjadi polisi dan arah pandu kerajaan negeri. Sehingga hari ini, pelbagai langkah dan inisiatif yang telah, dan akan terus dilakukan. Daripada urusan yang sekecil di dapur, sehinggalah menggamit berbilion ringgit pelaburan ke negeri ini. Antaranya, menyediakan barang keperluan dapur yang murah melalui kewujudan IM Coop. Menyediakan rumah-rumah kediaman murah untuk rakyat berteduh, berserta dengan pembiayaannya melalui modal pusingan bernilai RM300 juta yang akan diurus oleh AmBank Islamic. Menyediakan pelbagai perancangan mengatasi masalah air, inisiatif-inisiatif orang muda menceburi keusahawanan, menyediakan infrastruktur, melahirkan modal insan kemahiran, menyediakan bantuan orang susah tidak kira bangsa dan lain-lain yang tidak dapat disebutkan satu persatu. Pokoknya, segala keperluan kehidupan rakyat untuk sejahtera dan bahagia, menjadi keutamaan kerajaan negeri. Tidak cukup dengan itu, cara kerajaan berbelanja, bukan sahaja berhemah, tetapi sangat bijaksana. Terbukti, dengan perbelanjaan saban tahun kebelakangan ini, yang ada lebihan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin nasihatkanlah Ahli-Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana tu, tak usahlah nak mencari-cari kelemahan itu dan ini. Apatah lagi berhujah dengan fakta-fakta yang tidak tepat, semata-mata untuk mengelirukan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tenang ada membangkitkan tentang Pusat Industri Kecil Dan Sederhana di setiap FELDA di Negeri Johor, yang berperanan aktif. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Negeri Johor terbahagi kepada 2 Wilayah FELDA iaitu Wilayah Johor Bahru dan Segamat. Di mana, di Wilayah Johor Bahru terdapat 41 Rancangan FELDA, sementara Wilayah Segamat ada 28 Rancangan, yang jumlah keseluruhannya 69 Rancangan FELDA di seluruh Negeri Johor. Sehingga kini, terdapat 4,439 orang usahawan FELDA di Wilayah Johor Bahru dan 1,827 orang usahawan FELDA di Wilayah Segamat dengan jumlah keseluruhan usahawan FELDA seramai 6,266 orang. Dalam Wilayah Johor Bahru, terdapat 3 Pusat Industri Ringan FELDA yang terletak di kawasan Sungai Sibol, Tenggaroh 2 dan Pasak, di samping terdapat 29 Pusat Industri Kecil Sederhana (PKS) yang melibatkan 29 pengusaha di seluruh kawasan Wilayah Johor Bahru, di mana 25 daripadanya adalah usahawan makanan, 2 orang mengusahakan minuman dan 2 orang lagi terlibat dalam kluster industri kraf. Walau bagaimanapun, pihak FELDA masih belum membangunkan Pusat Industri Kecil Dan Sederhana ini, di Wilayah Segamat.

Yang Berhormat Serom ada juga membangkitkan tentang usaha-usaha kerajaan negeri seperti Program Inkubator Usahawan, untuk menerapkan nilai-nilai keusahawan dan menceburi bidang keusahawanan kepada golongan belia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini melalui Bajet 2015 yang lalu, Perbadanan Islam Johor telah merancakkan lagi bantuan kepada Kumpulan Sasaran Usahawan Belia. Program Bantuan Usahawan Belia adalah bertepatan dengan usaha Pelan Suara Hati Johor dan Perbadanan Islam Johor sebagai pelaksana bagi program ini. Program Bantuan Usahawan Belia ini, telah diperuntukkan sebanyak RM1 juta dan seramai 200 orang usahawan belia yang berjaya, telah berjaya menerima bantuan ini, yang mana setiap mereka menerima sebanyak RM5,000.00 seorang. Melalui bantuan penjaja kecil, Perbadanan Islam Johor telah memperuntukkan sebanyak RM675,000.00. Seramai 1,350 orang telah berjaya menerima bantuan dengan nilai sebanyak RM500.00 seorang. Bagi program Bantuan Tajaan Belia pula, keluaran Islam Johor telah memperuntukkan sebanyak RM400,000.00, dan sebanyak 62 persatuan berdaftar telah berjaya menerima bantuan tersebut. Program bantuan *Youth Collective* dengan izin, pula telah diperuntukkan sebanyak RM200,000.00, dengan penerima bantuan sebanyak 200 orang. Antara bantuan yang diberikan ialah, peralatan seperti khemah, meja, kerusi dan lain-lain. Bantuan sokongan lain telah diberikan oleh peserta tertentu dan bengkel serta latihan di bawah kelolaan Koperasi Saudagar Selatan. Karnival *Youth Collective*, dengan izin yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang sedang berlangsung daripada 27 November hingga 2 Disember 2015 di Dataran Bandaraya Johor Bahru, ialah kemuncak kepada program Bantuan Usahawan Belia, Perbadanan Islam Johor. Melalui karnival ini, usahawan belia dapat memasarkan produk mereka kepada masyarakat, di samping masyarakat akan lebih mengetahui perkembangan aktiviti-aktiviti keusahawanan belia. Pembinaan inkubator Perbadanan Islam Johor pula, adalah kesinambungan dari program bantuan di atas. Usahawan belia ditawarkan satu ruangan pejabat, mampu sewa serendah RM300.00 dengan pelbagai kemudahan asas. Tujuan utama adalah untuk memastikan golongan belia sentiasa diberi perhatian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Maharani ada membangkitkan tentang kedudukan pembangunan hab industri perabut di Muar. Taman Perindustrian Kayu Muar, dengan keluasan 985 ekar ini, akan dibangunkan oleh TPM Techno Park Sdn. Bhd., anak syarikat kepada Johor Corporation di lokasi strategik yang terletak di Bakri, Muar. Komposisi pembangunan yang terdapat dalam taman perindustrian ini, adalah terdiri daripada lot-lot industri, kilang siap bina, hostel pekerja, pusat penyelidikan dan pembangunan industri perkayuan, dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Perkayuan Malaysia ataupun MKIB dengan izin, serta premis-premis perdagangan dan kedai pejabat. Dengan adanya Taman Perindustrian Kayu Muar ini nanti, ia akan menjadi pelengkap kepada ekosistem bagi hub industri perabot di Muar, yang terancang dan bersepadu serta terkemuka di Malaysia dalam tahun ini. Ia juga dijangka akan melimpahkan ekonomi yang positif bagi penduduk di kawasan sekitarnya.

Yang Berhormat Bukit Naning ada membangkitkan tentang harga tanah industri untuk hab perabot di Muar ini, mestilah sama dan sesuai dengan harga pasaran. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan Negeri Johor sentiasa memastikan pembangunan tanah Perindustrian Kayu Muar ini, menawarkan harga lot-lot tanah

industri yang kompetitif, munasabah dan sesuai dengan harga pasaran. Tambahan pula, Taman Perindustrian Kayu Muar ini, mencakupi pakej pembangunan yang terancang dan bersepadu yang mempunyai pelbagai komposisi, di mana yang telah saya nyatakan tadi. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan industri pembuatan perabot di Negeri Johor dan mentransformasikan Daerah Muar sebagai hab perabot terkemuka di Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Skudai ada membangkitkan tentang kadar kutipan pinjaman Yayasan Pelajaran Johor, melalui potongan KWSP dibenarkan dan pemberian biasiswa kepada anak-anak Johor tanpa perlu dibayar balik. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun KWSP, telah menetapkan syarat-syarat bagi tujuan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Bagi tujuan pendidikan, KWSP telah menetapkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh ahli, bermula pada 1 April tahun 2000. Pengeluaran bagi peringkat ahli yang menuntut, atau yang belajar dalam Ijazah Sarjana Muda dan ke atas, dibenarkan bagi anak-anak ahli. Bermula pada 2 Januari 2001 pula, kebenaran pengeluaran caruman untuk peringkat pengajian Diploma serta ke atas serta yang setara dengannya bagi ahli, dan kemudian pada 17 Januari 2006, dibenarkan bagi peringkat pengajian Diploma bagi anak ahli. Ahli atau anak ahli mestilah mengikuti pengajian peringkat Diploma, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah atau setara dengannya sahaja yang dibenarkan membuat pengeluaran caruman KWSP melalui akaun 2, untuk tujuan pendidikan.

Sejajar dengan itu, Yayasan Pelajaran Johor sememangnya telah menggunakan pendekatan pembayaran melalui pengeluaran wang KWSP, sebagai salah satu cara bayaran balik pinjaman pelajaran. Pada tahun 2015, sebanyak 180 orang peminjam telah membuat permohonan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini, bagi menyelesaikan pinjaman bayaran mereka. Daripada 180 orang tersebut, seramai 120 orang telah berjaya menyelesaikan sebahagian tunggakan mereka, yang melibatkan kutipan sebanyak RM518,719.03. Sebagaimana ketetapan syarat yang dikeluarkan oleh KWSP, pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi tujuan pendidikan, hanya dibenarkan pada tahun 2001 dan seterusnya. Peminjam yang menandatangani pinjaman pelajaran bersama Yayasan Pelajaran Johor sebelum tahun 2001, tidak boleh membuat pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi tujuan ini. Manakala, bagi peminjam yang menandatangani bersama Yayasan Pelajaran Johor bermula 2001, hanya pinjaman pelajaran yang bermula di peringkat Diploma dan ke atas yaini Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah sahaja, dibenarkan membuat pengeluaran KWSP untuk menyelesaikan pinjaman mereka. Bagi peminjam yang menandatangani perjanjian pinjaman selepas 2001, tetapi untuk pengajian peringkat tahap Sijil, mereka tak dibenarkan oleh KWSP.

Berkaitan dengan cadangan pemberian biasiswa kepada pelajar, dana tahunan yang disalurkan kepada Yayasan Pelajaran Johor oleh YPJ Holdings tidak mengikut peratus keuntungan atau perkembangan perniagaan oleh YPJ Holdings. Tetapi, adalah berdasarkan kepada golongan sasaran penerima bantuan yang telah ditetapkan oleh Yayasan Pelajaran Johor. YPJ Holdings memperuntukkan dana dalam bentuk tunai dan telah dibuat sejak tahun 1994. Purata dana yang disumbangkan oleh YPJ Holdings ialah RM15 juta setahun. Walau bagaimanapun, dana tahunan ini telah meningkat kepada RM16 juta pada tahun 2013, RM18 juta pada tahun 2014 dan RM25 juta pada

tahun 2015. Untuk tahun 2016, YPJ Holdings telah memperuntukkan, akan memperuntukkan sebanyak RM26 juta.

Yayasan Pelajaran Johor tidak memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam. Namun begitu, Yayasan Pelajaran Johor mempunyai Skim Pinjaman Boleh Ubah. Melalui skim ini, pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang, yakni Kelas Pertama dan setaraf pada akhir pengajiannya, boleh diberikan keistimewaan menukar pinjaman pelajaran mereka kepada biasiswa. Pada tahun 2015, sehingga bulan Oktober, terdapat seramai 15 orang peminjam Yayasan Pelajaran Johor telah diberikan skim tersebut dengan pembiayaan berjumlah RM234,682.50.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Skudai juga ada membangkitkan tentang Laporan Audit 2014 berkaitan dengan dividen yang dibayar kepada syarikat induknya iaitu YPJ Corporation Sdn. Bhd. oleh anak syarikatnya YPJ Plantation semakin merosot. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, YPJ Holdings Berhad memiliki beberapa anak syarikat yang lain dan keuntungan atau dana tidak hanya tertumpu kepada YPJ Plantation sahaja. Pengurangan pengeluaran buah tandan basah ataupun PKS dengan izin, di ladang-ladang milik YPJ Plantation dilaporkan dalam Laporan Audit 2014 adalah disebabkan oleh proses penanaman semula pokok kelapa sawit. Proses penanaman semula ladang YPJ Plantation dilakukan secara berperingkat dan telah dimulakan pada tahun 2008 kira-kira 5,000 ekar ladang telah terlibat proses tanam semula ini iaitu kira-kira 2,600 ekar setahun. Proses ini dijangka berakhir pada tahun 2016. Walaupun pembayaran dividen berkurangan daripada syarikat induk kepada syarikat induk, namun komitmen YPJ Holdings kepada Yayasan Pelajaran Johor tetap dipenuhi kerana pendapatan YPJ Corporation tidak hanya bergantung kepada YPJ Plantation sahaja. Dividen tahun YPJ Holdings dan anak-anak syarikat yang disumbangkan kepada Yayasan Pelajaran Johor bergantung kepada nilai yang telah ditentukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat daripada Parit Raja membangkitkan tentang pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 5A dalam UPSR tetapi tidak dapat memasuki sekolah berasrama penuh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekolah berasrama penuh di tubuh dan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan. Terdapat 7 buah berasrama penuh di negeri Johor iaitu Sekolah Tun Fatimah, Sekolah Menengah Sains Muar, Sekolah Menengah Sains Johor Kluang, Sekolah Menengah Sains Kota Tinggi, Sekolah Menengah Sains Sultan Iskandar Mersing, Sekolah Menengah Sains Sembrong, Kluang, Sekolah Menengah Sains Batu Pahat. Jumlah murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR semakin meningkat maka sememangnya terdapat segelintir pelajar tidak dapat berpeluang meneruskan persekolahan di sekolah berasrama penuh akibat jumlah yang terhad. Berdasarkan kepada keupayaan yang ada, pihak kementerian hanya mampu untuk menawarkan 8,000 tempat sahaja di seluruh negara untuk menyambung pelajaran di sekolah berasrama penuh dan sekolah kecemerlangan. Di negeri Johor terdapat 4,878 pelajar yang berjaya mendapat keputusan 5A dalam UPSR tahun 2015. Oleh itu, untuk memastikan kecemerlangan berterusan murid-murid ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kelas rancangan khas di sekolah-sekolah menengah harian. Di Johor terdapat 124 buah sekolah yang menawarkan kelas-kelas ini. Murid-

murid cemerlang yang tidak berjaya mendapat tempat di asrama penuh akan dikumpulkan, akan di tawarkan ke dalam kelas-kelas ini bagi memastikan mereka melalui proses pembelajaran yang mirip suasana di sekolah berasrama penuh. Untuk kemasukan ke kelas rancangan khas ini pelajar harus menepati kelayakan yang sama sebagaimana kelayakan untuk ke sekolah berasrama penuh. Di Johor terdapat 320 kelas rancangan khas dengan keupayaan untuk memberi peluang kepada 9,000 orang murid yang cemerlang dalam UPSR.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang juga ada mencadangkan supaya diadakan kursus-kursus kepimpinan pelajar DUN Johor tahun 6, tingkatan 3, 5 dan 6 yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin dari setiap sekolah untuk dibimbing dengan elemen kepimpinan kenegaraan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Balang yang sangat prihatin terhadap anak-anak sekolah yang perlu dibimbing dengan elemen kepimpinan kenegaraan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Pendidikan Negeri Johor sememangnya sentiasa mengadakan program-program kepimpinan secara berkala untuk pelajar-pelajar sekolah yang terpilih kecuali mereka yang berada di dalam tahun peperiksaan. Antara program-program yang dilaksanakan tahun 2015, Simposium Kepimpinan Pengawas dan Pembimbing Rakan Sebaya peringkat ASEAN, program jati diri murid lelaki segak, aktif dan positif, sekolah rendah peringkat negeri Johor. Program kepimpinan ikon murid peringkat negeri, perkhemahan jati diri murid lelaki sekolah rendah peringkat negeri Johor dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, pihak sekolah juga ada menganjurkan pelbagai kursus kepimpinan di peringkat sekolah masing-masing melalui inisiatif-inisiatif dan kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau pelbagai agensi yang diiktiraf. Pihak Jabatan Pendidikan tiada halangan sekiranya ada agensi yang sudi menaja kursus-kursus kepimpinan dan kenegaraan dengan syarat mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan.

Selain daripada itu, kerajaan negeri melalui Yayasan Pelajaran Negeri Johor juga telah mengadakan banyak kursus-kursus kepimpinan yang telah dimulakan pada tahun 2015 ini di mana melibatkan pelajar-pelajar tingkatan 4, bakal-bakal ketua pengawas dan kepada pelajar tajaan biasiswa Kenangan Dato' Onn YPJ di seluruh Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Jorak membangkitkan tentang ura-ura Kementerian Pendidikan sekali lagi untuk melihat bahawa pengajaran sains dan matematik ini mahu kembali kepada Bahasa Inggeris. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ura-ura untuk pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik kembali dalam Bahasa Inggeris yakni PPSMI dengan izin, hanyalah sekadar khabar angin sahaja. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti pendidikan di semua sekolah di seluruh negara. Usaha ini jelas digambarkan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini menekankan kepada merealisasikan 5 aspirasi sistem pendidikan iaitu *Access,* kualiti, ekuiti perpaduan dan kecekapan dalam usaha melahirkan model insan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan negara. Seiring dengan falsafah pendidikan kebangsaan murid yang dilahirkan dari sistem pendidikan ini diharap memiliki ciri-ciri yang berikut iaitu memiliki pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional yang membolehkan mereka bersaing di peringkat global. Inisiatif-inisiatif

peningkatan kualiti pendidikan di laksana secara komprehensif kepada semua peringkat meliputi semua aspek yang mempengaruhinya. Ini termasuk inisiatif peningkatan prestasi mata pelajaran yang di laksana melalui peningkatan kualiti guru, infrastruktur, prasarana dan kemudahan pembelajaran yang lain. Dengan guru dan kemudahan yang berkualiti, penyampaian yang berkesan akan dapat dilaksanakan dan ia menarik minat murid terhadap mata pelajaran khususnya mata pelajaran di anggap sukar serta mata-mata pelajaran Sains Tulen. Berdasarkan kepada keperluan masa hadapan pelbagai program melaksana bagi melaksanakan modal insan yang berkualiti, Jabatan Pendidikan Negeri Johor memberikan pendekatan kepada penekanan kepada pendidikan berkualiti seperti melalui penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran, perlaksanaan pembelajaran abad 21, pemantauan pengajaran dan pembelajaran dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di samping itu seiring dengan penekanan kemahiran berkomunikasi pemantapan kemahiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris turut diberi penekanan melalui program-program di bawah dasar memartabatkan Bahasa Malaysia memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Inisiatif di bawah perkara ini bukan sahaja tertumpu kepada mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tetapi juga melibatkan mata-mata pelajaran Sains dan Matematik. Terdapat 12 strategi untuk Bahasa Malaysia dan 10 strategi untuk Bahasa Inggeris telah dirangka di bawah dasar memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Di samping itu, dua program baru iaitu *Highly Immersive Programme* dengan izin, HIP dan *Dual Language Programme* (DLP) dengan izin, telah diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Pada tahun ini, *Highly Immersive Programme* dengan izin, di laksana secara perintis di 6 buah negeri melibatkan 84 buah sekolah. *Dual Languange Programme* dengan izin, adalah program di bawah dasar memartabatkan Bahasa Malaysia memperkukuhkan Bahasa Inggeris yang memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang layak untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik, Sains Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Reka bentuk dan Teknologi. *Dual Language Programme* dengan izin, akan bermula dengan Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1 pada Januari 2016. Program ini selaras dengan salah satu aspirasi murid dalam pelan pembangunan pendidikan Malaysia iaitu kemahiran dwi bahasa. Program ini memberi peluang kepada murid untuk menggunakan Bahasa Inggeris dengan lebih kerap melalui mata pelajaran terlibat. Program ini bukanlah pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris tetapi ia adalah satu program pengukuhan Bahasa Inggeris peringkat sekolah manakala pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris adalah suatu dasar yang perlu dilaksanakan di semua sekolah. Selepas pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dasar memartabatkan Bahasa Malaysia memperkukuhkan Bahasa Inggeris diperkenalkan untuk menangani isu penguasaan pelajar dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekolah digalakkan untuk membantu murid menghadapi transisi bagi *Dual Language Programme* dengan izin, khususnya murid Tahun 4 dan Tingkatan 1. Contohnya pihak sekolah boleh mengadakan program untuk membiasakan murid dengan istilah-istilah pengajaran dan pembelajaran Sains, Matematik dan Teknologi dalam Bahasa Inggeris.

Dalam pelaksanaan *Dual Language Programme* dengan izin, sekolah-sekolah membuat pilihan secara sukarela dengan mengemukakan butiran kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan yang akan membuat pilihan terakhir sekolah-sekolah yang layak berdasarkan kriteria berikut iaitu sumber yang mencukupi, kesediaan Pengetua, Guru Besar ataupun guru untuk melaksanakan *Dual Language Programme* dengan izin, permintaan dan sokongan daripada ibu bapa pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Yong Peng dan Yang Berhormat Skudai ada membangkitkan tentang cadangan supaya keputusan kerajaan negeri Johor dalam mengiktiraf peperiksaan bersama sekolah-sekolah persendirian Cina atau dikenali sebagai *Unified Examination Certificate* ataupun UEC dengan izin. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagaimana yang saya nyatakan sebelum ini UEC merupakan satu peperiksaan yang tidak berlandaskan kepada kokurikulum kebangsaan. Sebagaimana yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996, Bahagian 4 (Sistem Pendidikan Kebangsaan) Bab 1 Perkara 18 iaitu kokurikulum kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah. Berdasarkan kepada dasar pendidikan kebangsaan pernyataan dasar menyatakan kokurikulum kebangsaan hendaklah menyediakan program pendidikan termasuk kurikulum dan kokurikulum yang merangkupi pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk perkembangan menyeluruh murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi mewujudkan perpaduan dan integrasi kaum. Melalui dasar pendidikan kebangsaan terdapat 14 strategi perlaksanaan dalam menerapkan perpaduan nasional menerusi pendidikan. Antaranya menyediakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama di institusi pendidikan, menggunakan kokurikulum kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan, mewajibkan pengajaran bahasa kebangsaan di institusi pendidikan yang bahasa penghantar utama bukan bahasa kebangsaan, menambah baik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah oleh pendekatan yang lebih menarik minat murid untuk memahami kepelbagaian bangsa dan sejarah negara, menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab Komunikasi sebagai bahasa tambahan di sekolah kebangsaan, menambah baik pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Kokurikulum kebangsaan yang terkandung dalam pendidikan, dalam dasar pendidikan kebangsaan adalah bagi mewujudkan perpaduan dan integrasi antara kaum. Di bawah dasar pendidikan kebangsaan semenjak Laporan Razak 1956 lagi telah mengutamakan aspek perpaduan. Nilai-nilai perpaduan telah menjadi teras dasar pendidikan kebangsaan demi menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat berbilang kaum. Melihat kepada strategi pelaksanaan yang terkandung dalam dasar pendidikan kebangsaan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang wajib difahami oleh semua rakyat Malaysia untuk menjadi medium perantara utama rakyat jelata.

Selain daripada itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan juga bermatlamat untuk melahirkan individu yang sayangkan negara. Sebab itu mata pelajaran Sejarah juga menjadi keutamaan supaya rakyat Malaysia memahami sejarah negaranya. Ini akan dapat menanamkan semangat patriotik serta cintakan negara dalam diri setiap individu rakyat negara ini. Kerajaan Negeri Johor percaya, melalui mekanisme yang

terkandung dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan ini, kita akan dapat membina negara, bangsa yang kukuh dengan perpaduan, dapat membina identiti nasional dan semangat patriotik serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bidang pendidikan adalah perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat bukan kerajaan negeri sepertimana yang termaktub dalam Jadual Ke-9 Di bawah Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan. Kita tidak boleh samakan dengan Negeri Sarawak kerana negeri itu sememangnya mempunyai autonomi dalam isu pendidikan sebagai salah satu daripada 18 perkara yang dipersetujui semasa penyertaan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Perkara ini tidak ada kepada mana-mana negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pengiktirafan itu pun hanya terhad kepada institusi pengajian milik kerajaan negeri sahaja. Begitu juga dengan Selangor.

Isu UEC ini mudah sahaja. Kalau pihak sekolah-sekolah persendirian Cina bersedia menerima kokurikulum yang terkandung dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan dan tidak bercanggah dengan Akta Pendidikan 1996, saya percaya pihak kementerian tidak ada masalah. Isunya ialah, kita sebagai wakil-wakil yang duduk dalam Dewan ini, apakah bersedia untuk memainkan peranan mengatasi kemelut ini atau sekadar untuk bermain isu meraih sokongan politik di kalangan kumpulan yang tertentu.

Seterusnya, Ahli-Ahli Dewan di sebelah sana, yang kononnya nak menjadi juru bicara dalam perkara ini, ini adalah perkara yang berkaitan untuk melahirkan generasi masa depan. Supaya, fikiran, impian dan harapannya sama. Saya tetap berpegang kepada prinsip untuk melahirkan bangsa yang maju dan bersatu, anak-anak mestilah disemai dengan asas-asas negara bangsa yang satu dan bukan berbeza antara satu dengan yang lain (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inilah sahaja yang dapat saya sampaikan untuk sesi penggulungan kali ini. Terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan yang melibatkan jabatan dan agensi di bawah portfolio saya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada yang masih tidak terjawab, bolehlah berhubung terus dengan pejabat saya supaya dapat diberikan jawapan secara bertulis.

Akhirnya, saya nak mengambil kesempatan ini bagi pihak rakan-rakan dalam Dewan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. (Dewan bertepuk). Kami doakan mudah-mudahan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar diberikan kesejahteraan bersama keluarga, kekuatan, kesihatan yang baik dan dikurniakan petunjuk serta hidayah agar dapat terus memimpin negeri yang tercinta ini. Di Bagan Datoh memasang lukah, sungainya lurus melewati paya, Yang Amat Berhormat Dato' teruskanlah, kami terus menjunjung setia. Sekian, terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Amin. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan Di Bawah Peraturan Tetap 30 (2) supaya Dewan ini tidak ditangguhkan sehingga urusan kerajaan selesai ditimbangkan.

YB Tan Sri Speaker : Ada sokongan? Lebih daripada 10 orang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rundingan itu dipersetujukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang tibalah masanya kita mendengar penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor. Yang Amat Berhormat dipersilakan.

YAB Menteri Besar: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat atas kualiti perbahasan yang semakin baik dan berfokus sepanjang Mesyuarat Ke-3, Bagi Penggal Persidangan Ke-3, Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Juga terima kasih atas ucapan dan Doa Selamat Hari Ulang Tahun kepada saya. (Dewan bertepuk).

Kebanyakan Ahli-Ahli Yang Berhormat tampil dengan kritikan membina dan persiapan yang rapi dalam membahaskan pembentangan Bajet 2016. Pelbagai saranan serta cadangan telah kita dengar yang bukan sahaja konstruktif tetapi segar dan inovatif.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana sokongan yang padu ke atas pembentangan Bajet 2016 serta segala agenda pembangunan lain yang dirancang oleh kerajaan negeri. Ini termasuklah kepada Yang Berhormat Puteri Wangsa yang menyifatkan pembentangan Bajet 2016 ini sebagai begitu komprehensif dan membawa kepada kesejahteraan Johor. (Dewan bertepuk). Sekalipun berbeza ideologi dan pegangan politik, tetapi Yang Berhormat bersikap profesional dan secara asasnya, bersetuju dengan matlamat pembangunan kita yang ingin menuju status sebuah ekonomi berkesejahteraan. (Dewan bertepuk). Semangat seperti inilah yang kita amat alu-alukan. Berbeza cara, namun matlamatnya sama, berbeza manhaj namun maqasidnya sama. (Dewan bertepuk). Saling menyokong atas nama kebaikan dan kesejahteraan bersama, bukannya budaya menggali isu tanpa asas demi meraih sokongan.

Saya berharap, budaya politik membangun seperti ini dapat dicontohi oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Tapi kita sedar Yang Berhormat pun mungkin akan berpisah dengan mereka. (Dewan bertepuk). Kita perlu bersifat progresif. Ini abad ke-21, belajarlah mengiktiraf perkara yang baik. (Dewan bertepuk). Demokrasi kita telah cukup dewasa dan matang, malangnya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat terus dengan sindrom penafian yang terkebelakang. Yang masih kejap berakar umbikan pemikiran yang sempit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya menjawab beberapa isu yang dibangkitkan secara khusus, saya ingin mengulas perkara-perkara berikut:-

Prestasi Ekonomi Johor dua tahun kebelakangan ini menyaksikan pelbagai penambahbaikan kepada prestasi ekonomi Negeri Johor. Kadar pengangguran kita adalah yang terendah di Malaysia iaitu pada kadar 2.6%. Pada tahun 2014, dengan jumlah tenaga buruh yang bekerja seramai 1.59 juta orang. Saya suka menjelaskan satu perkara yang sangat penting. Pada sesi perbahasan Dewan yang lepas, ada dakwaan yang mengatakan pertumbuhan KDNK Negeri Johor tidak memberi manfaat kepada rakyatnya. Ini merupakan dakwaan dari pemikiran yang terkebelakang dan tidak objektif. Data terkini daripada Jabatan Perangkaan, menerusi bancian penyiasatan pendapatan isi rumah 2014, menunjukkan bahawa Negeri Johor telah mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi tahunan bagi pendapatan isi rumah bulanan purata iaitu 14.4% atau RM6,207.00 seisi rumah berbanding RM4,658.00 pada tahun 2012.

Menerusi bancian yang sama juga, Johor merupakan satu-satunya negeri selain Putrajaya yang berjaya menghampiri peratusan sifar dalam insiden kemiskinan berbanding 0.9% yang dialami pada tahun 2012. Maka secara keseluruhannya, pencapaian ekonomi kita telah menterjemahkan kesejahteraan dalam masyarakat. Kualiti hidup rakyat menjadi semakin baik, namun, saya dan rakan-rakan di sebelah sini tidak sama sekali akan leka. Semua kebaikan ini akan menjadi motivasi kepada kami semua untuk menghasilkan kebaikan yang lebih besar dan bekerja dengan lebih gigih.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan pencapaian dan prestasi yang saya sebutkan ini, pengurusan fiskal Bajet 2016 akan memberi penekanan kepada 3 perkara utama, iaitu, memaksimum dan mempelbagaikan hasil yang mapan, mempertingkat urus tadbir kewangan yang baik, dan memastikan pengagihan peruntukan yang cukup. Hasil kerajaan negeri untuk tahun 2015 telah mencapai anggaran asal dalam Bajet 2015. Kutipan hasil sehingga 25 November 2015, telah mencecah RM1,403.27 juta atau 113.24% daripada anggaran asal bajet.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, agak melucukan apabila baru-baru ini selepas Bajet Johor 2016 dibentangka,n ada pihak tampil mendakwa bahawa kita menyedut dan mencedok idea daripada Bajet Negeri Selangor 2016. Saya berhasrat mengulas sedikit tentang perkara ini.

1. Kita tidak pernah memandang Selangor sebagai perbandingan dan suri teladan yang baik untuk Johor. (Dewan bertepuk). Selangor bukan standard kita. (Dewan bertepuk). Johor telah berada dalam liga yang berlainan dan tersendiri. Kita akan menjadi kuasa ekonomi baru Malaysia. Takkanlah untuk menjadi ekonomi paling maju di Malaysia, kita ingin mencontohi Selangor, sedangkan Singapura hanya 20 minit dari Johor Bahru (Dewan bertepuk).

2. Semak kembali Bajet Johor Tahun 2014 dan 2015. Kita telah mula menggunakan pendekatan pembangunan dan pertumbuhan inklusif sebelum mana-mana negeri lain menggunakannya. Kita mempunyai agenda yang terancang dan tidak pernah merangka Bajet Johor secara terpisah-pisah dan bercanggah dari perancangan sebelumnya. Hanya mereka yang tidak mahu mengakui pencapaian dan merit akan menggunakan alasan dangkal untuk menidakkan sesuatu yang baik.

3. Dalam Bajet 2016 ini terdapat 5 kategori perkara utama. Senarai projek atau inisiatif kerajaan persekutuan.

   i. Perkara-perkara yang sudah kita mulakan sebelum ini dan kini diteruskan dengan beberapa pemantapan seperti penambahan jumlah rumah mampu milik Johor, penambahan program yang merancakkan keusahawanan Johor serta penambaikan bantuan-bantuan menangani kos sara hidup golongan tertentu seperti nelayan, anak yatim serta dwafa.

   ii. Idea-idea baru yang belum pernah dilakukan di mana-mana negeri lain, misalnya penubuhan koperasi Orang Asli, pelaksanaan teknik pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi digital yang menyaksikan penggunaan I-Pad oleh sekolah agama, penubuhan unit suai daya insan, tabung kemahiran rakyat Johor, pusat perniagaan antarabangsa, zon antarabangsa, penubuhan kedai harga patut muafakat Johor, menggunakan instrumen gabungan 60 buah koperasi serta pelancaran buat kali pertama polisi alam sekitar negeri yang khusus iaitu Dasar Kelestarian Johor. Kesemua ini adalah idea baru yang terhasil dari kajian mendalam dan pemikiran yang serius. Tidak ada cedukan dan penyedutan daripada mana-mana bajet negeri lain. (Dewan bertepuk). Apatah lagi, dari Selangor dan Pulau Pinang. Kalau kita baca bajet mereka hari ini, esok kita sudah lupa akan kandungannya. Begitulah tidak menariknya nukilan mereka. (Dewan bertepuk).

   iii. Adalah perkara-perkara lama yang pernah dilakukan di Johor dahulu dan kini diperkemaskan dengan konsep baru. Misalnya penubuhan tabung wakaf dengan struktur pengurusan dan matlamat yang lebih berbeza berbanding dengan wakaf An-Nur yang dimulakan sejak 2009 iaitu lebih sedekad sebelum pembangkang itu sendiri hadir dan memerintah Selangor.

   iv. Adalah saranan serta perkongsian perancangan yang ingin kita terokai seperti ikhtiar menjadikan Johor sebagai pusat tamadun Melayu serantau, orkestra klasik kanak-kanak Johor dan pelan Rejuvinasi Desa Johor. Kesemua ini sekali lagi, adalah perkara-perkara yang unik dan eksklusif kepada Bajet Johor 2016. Seperkara yang paling mencuit hati saya, sejak bila agenda yang melibatkan pembinaan kapasiti bersifat inklusif, lestari, pro rakyat dan berkesejahteraan ini menjadi hak eksklusif sesetengah pihak seperti Selangor? Semuanya adalah isu universal dan merentas sempadan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya akan menjawab beberapa perkara yang di bangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sekalian. Isu pertama sistem penyampaian kerajaan. Saya mulakan dengan isu sistem penyampaian kerajaan yang perlu dimantapkan sehingga ke peringkat bawahan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Semarang. Saya harus akui, bahawa saya juga berkongsi harapan yang sama, sistem penyampaian kerajaan selalu benar menjadikan usaha pembangunan yang radikal itu hambar. Kerajaan negeri berharap yang segala insentif tambahan yang kita berikan ini akan menzahirkan semangat motivasi, kecekapan serta produktiviti para pentadbir dan penjawat awam yang lebih baik. Tidak ada lagi alasan untuk tidak bekerja dengan lebih gigih. Zaman dan lingkungan kita telah

berubah. Sektor perniagaan, sektor korporat, malah pergerakan sivil telah lama mendahului sektor awam dalam inovasi perkhidmatan. Oleh yang demikian, semua penjawat awam, harus tampil memberikan yang terbaik. Berilah dedikasi yang setulusnya untuk Johor. Ini negeri kita, ini tanah air kita, jika bukan kita yang membangunnya, siapa lagi? (Dewan bertepuk).

Isu kedua, KDNK per kapita Johor dan agihan kekayaan kepada rakyat. Isu pendapatan per kapita seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penggaram. Menurut beliau, sekali pun Johor mencatatkan pertumbuhan KDNK yang melepasi paras nasional, namun KDNK per kapita Johor masih di belakang negeri Sarawak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Sekali gus,di minta supaya kerajaan negeri bersifat pro aktif dalam membantu rakyat menghadapi kos sara hidup yang dijangka akan semakin naik. Isu ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani, yang menggesa agihan kekayaan yang lebih adil, ekoran rekod pelaburan ke dalam negeri Johor adalah antara yang tertinggi di Malaysia. Saya tidak menafikan pengamatan Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut tentang jangkaan kenaikan harga barang dan kedudukan KDNK per kapita Johor yang masih di belakang beberapa buah negeri lain. Tetapi kita harus sedar bahawa, KDNK per kapita Johor tidak mencatatkan angka tertinggi kerana beberapa sebab.

1. Saiz populasi penduduk di negeri Johor adalah ramai iaitu kira-kira 3.55 juta orang dan angka ini adalah lebih tinggi dan hampir dua kali ganda berbanding negeri Pahang dan Pulau Pinang. Maka munasabahlah KDNK per kapita kita adalah lebih rendah kerana ia dikira dengan membahagikan pendapatan KDNK dengan jumlah keseluruhan populasi kita.

2. Sekali pun KDNK per kapita kita bukan yang tertinggi, namun kita harus tahu bahawa Johor, mencatatkan kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah antara yang tertinggi di negara seperti yang telah saya sebutkan di awal ucapan saya tadi.

3. KDNK per kapita tidak sepatutnya dijadikan satu-satunya petunjuk tunggal kesejahteraan masyarakat. Saya telah menyatakan dari tahun lepas lagi bahawa, Johor ingin pergi lebih jauh dari ukuran KDNK dan KDNK per kapita. Kita telah mula bergerak ke arah melihat pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang melangkaui petunjuk KDNK dan ingin saya jelaskan bahawa, telah ada kesepakatan pemikir terbaik ekonomi global, bahawa KDNK per kapita bukan ukuran yang konklusif untuk mengukur kesejahteraan. Dalam *Editorial Board* oleh *Bloomberg View* bertarikh 30 Januari 2013 bertajuk dengan izin, "*GDP and Imperfect Major of Progress",* telah diulaskan bahawa jujukan kepada KDNK per kapita adalah tidak konklusif dalam mengukur pertumbuhan. Laporan tersebut memetik saranan daripada Suruhanjaya Stiglitz iaitu pemenang anugerah nobel pada tahun 2001 kepada kerajaan Perancis bahawa terdapat banyak cara yang lebih menyeluruh dalam mengukur pertumbuhan ekonomi masyarakat.

Perkara ini turut dihujahkan oleh Mark Fleurbaey, dan Didier Blanchet dalam buku mereka, *Beyond GDP Measuring Welfares And Accessing Sustainability* dengan izin, terbitan *Oxford Press* pada tahun 2013. Malah Charles I. Jones dan Peter J. Klenow dalam *Beyond GDP, Welfare Across Countries and Time* yang diterbitkan pada April

tahun ini menyatakan bahawa peningkatan dalam KDNK per kapita tidak sama sekali membuktikan peningkatan taraf kehidupan yang lebih baik. Dalam kajian terkini pada tahun 2015, Claudio O. Delang dan Yi Hang Yu dalam *Measuring Welfare Beyond Economics, The Genuine Progress Of Hong Kong and Singapore* dengan izin, terbitan Routledge.

Mereka menegaskan, bahawa ukuran dan pertunjuk ekonomi semasa harus melangkaui perkiraan ekonomi dan KDNK. Masyarakat antarabangsa sudah mula menumpukan kepada perkara-perkara seperti sejauh manakah kualiti alam sekitar kita. Tahap kesihatan ekologi kita, tahap kehijauan aktiviti ekonomi kita, kualiti pendidikan masyarakat kita dan tahap semangat kesukarelawanan kita menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat negeri dan negara. Namun malangnya kesemua elemen penting ini tidak hadir dalam petunjuk KDNK, mahupun KDNK per kapita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hidup ini bukan hanya tentang angka-angka. Ia bukan hanya tentang sen dan ringgit. Bukan jua hanya tentang saham dan dividen. Ia lebih daripada itu. Yang lebih penting dalam konteks kita di Malaysia, negeri-negeri yang mencatatkan KDNK per kapita yang lebih tinggi berbanding Johor tidak semestinya turut mencatatkan bacaan yang juga baik bagi aspek-aspek lain yang sebenarnya lebih kritikal dalam kehidupan mereka.

1. Johor mempunyai populasi graduan lepasan Ijazah kedua tertinggi di Malaysia, melepasi Selangor, Pulau Pinang dan Sarawak, walaupun KDNK per kapita mereka lebih tinggi dari kita.
2. Johor mencatatkan insiden kemiskinan antara terendah di Malaysia dengan kadar 0.0%, jauh lebih baik daripada Sarawak, Pulau Pinang dan Pahang.
3. Johor adalah satu-satunya negeri yang sudah mula merancang dasar kelestarian dan dasar "*low carbon society*" di Malaysia.
4. Johor Bahru berada di tangga 21 dalam senarai *top most liveable city in asia* dengan izin yang dikeluarkan oleh ECA International.
5. Setakat suku kedua tahun 2015, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mencatatkan bahawa kadar ketembusan jalur lebar Johor adalah yang ketujuh terbaik di Malaysia dan lebih baik daripada Selangor dan Pulau Pinang.
6. Johor adalah satu-satunya negeri di Malaysia, yang mempunyai sistem pendidikan agama terancang, malah bakal dimodenkan dengan penggunaan teknologi digital dengan kerjasama *Apple*, yang menggunakan model sistem dari Australia.

Maka saya tegaskan sekali lagi, bahawa sekalipun kesemua negeri yang dibandingkan ini mencatat kadar KDNK per kapita yang lebih tinggi berbanding Johor, namun tahap kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar mereka tidak semestinya lebih baik. Dan untuk manfaat dan rujukan lanjut semua pihak, saya suka maklumkan, bahawa Bait Al-Amanah UMNO, bukan yang sana punya, kini sedang membantu kita dalam peringkat terakhir proses menerbitkan Laporan Pembangunan Johor yang bakal menjadi laporan pertama seumpamanya bagi sebuah negeri di Malaysia. Laporan ini akan menunjukkan pencapaian sebenar pembangunan Johor dengan naratif yang lebih terangkum bukan hanya bersandarkan satu agregat seperti KDNK per kapita.

Ternyata Yang Berhormat dari Penggaram sangat ketinggalan dalam kefahaman terhadap debat ekonomi dunia semasa. Saya menyarankan Yang Berhormat untuk kembali membaca tulisan dan pemikiran baru dalam usaha global bagi mengukur pembangunan dan kemajuan manusiawi. Hanya mereka yang sempit pemikirannya yang akan membuat penilaian tentang sesuatu perkara dengan merujuk kepada hanya satu penunjuk, petunjuk semata-mata.

Seterusnya Yang Berhormat Penggaram juga ada mengatakan tentang keperluan mempunyai satu jawatankuasa *bipartisan* bagi menangani isu air di Johor. Inilah masalahnya, segala perkara mahu dipolitikkan dan segala perkara bagi mereka penyelesaiannya adalah melalui instrumen politik. Sebarang masalah termasuklah perkara yang disebabkan oleh faktor semula jadi dan fenomena alam sekalipun mahu dijadikan modal politik. Saya tidak melihat wujudnya keperluan jawatankuasa rentas parti tersebut atas empat sebab.

Pertama, isu air tidak mencapai tahap krisis kritikal. Benar kita mengakui Johor berhadapan dengan masalah air, tetapi kita juga harus menerima bahawa ia bukanlah krisis yang telah sampai ke tahap yang sangat kritikal sehingga melumpuhkan kehidupan seharian masyarakat seluruh Johor. Ia adalah masalah yang tertumpu di beberapa kawasan dan bukan melibatkan keseluruhan negeri Johor.

Kedua, kita juga harus mengakui bahawa punca krisis ini berlaku adalah pelbagai. Namun, penyumbang utamanya adalah kesusutan jumlah air di empangan akibat kurangnya jumlah hujan, impak perubahan cuaca. Justeru, kerajaan tidak beranggapan bahawa penubuhan jawatankuasa pilihan khas tentang krisis air adalah penyelesaian terhadap masalah ini. Ia bukan masalah yang harus diberikan konotasi politik. Sebaliknya, penyelesaian isu air ini ada pada dapatan sains dan teknologi. Jawapannya ada pada kearifan saintifik, bukan politik. Ia memerlukan kita menggembleng tenaga untuk menyelesaikan masalah ini melalui kaedah saintifik dan teknologi termaju dengan sumbangsih bakat terbaik dari dalam pelbagai bidang ilmu.

Ketiga, kerajaan negeri tidak berdiam diri, sekarang ini pun kerajaan negeri sedang gigih berusaha untuk menyelesaikan masalah ini dengan pelbagai pendekatan. Kita sama sekali tidak membiarkan perkara ini berlarutan. Kita meneroka pelbagai langkah penyelesaian dan mitigasi sama ada untuk jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Pendekatan kita adalah untuk mengemukakan penyelesaian yang komprehensif dan di pacu oleh sains dan teknologi. Ia harus melibatkan kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak, dari kerajaan pusat, universiti, badan bukan kerajaan, persatuan pengguna serta pelbagai agensi serta masyarakat. Malah kita juga sedang menyemak semula dasar dan memastikan regulasi industri air adalah pada tahap terbaik, merencana keperluan masa depan dengan menggunakan data empirikal serta melabur dalam prasarana dan teknologi terkini.

Keempat, kita percaya selain mempunyai bekalan air yang mencukupi, isu air juga amat berkaitan rapat dengan penggunaan berhemah. Untuk itu, salah satu perancangan kita adalah melancarkan kempen radikal untuk masyarakat menggunakan air secara bertanggungjawab, berhemah dan mapan.

Dan kesemua perkara yang saya nyatakan ini boleh menjadi penyelesaian kepada isu air. Lebih penting, ia tidak sesekali memerlukan ideologi politik yang di campuradukkan, apatah lagi keperluan kepada satu jawatankuasa terpilih merentasi parti. Jelaslah dalam isu ini bukan air yang menjadi krisis, tetapi pembangkang yang sedang berada dalam krisis. (Dewan bertepuk) Iaitu krisis kekurangan modal politik untuk menarik popularitи murahan.

Isu keempat, koperasi. Seterusnya saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semarang, Yang Berhormat Tanjung Surat dan Yang Berhormat Rengit tentang saranan menyebar luaskan konsep koperasi. Dan pembukaan kedai-kedai harga patut yang perlu disasarkan kepada kawasan luar bandar, berbanding dengan pusat bandar. Pertama sekali, terima kasih atas pengiktirafan kepentingan dan keberkesanan penggunaan instrumen koperasi sebagai satu mekanisme yang inovatif dalam menangani isu bebanan kos sara hidup. Inilah pemahaman yang selama ini kita cuba tanamkan dalam masyarakat. Saya ingin nyatakan bahawa, kita menganjurkan instrumen koperasi ini kerana kita percaya kenaikan harga barang dan kos sara hidup adalah sesuatu yang sukar untuk di kawal dek kerana kompleksnya sistem ekonomi kita. Kita telah menjadi sebahagian dari sistem ekonomi global dan kita memerlukan kesepakatan yang inklusif untuk sama-sama menanganinya, kerana itulah kita mesti menggunakan pelbagai kaedah, termasuklah kaedah keusahawanan sosial, ataupun *social enterprise,* dengan izin.

Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Semarang dan Yang Berhormat Kempas juga meminta kerajaan negeri supaya tidak membenarkan sama sekali warga luar negara untuk membeli sebarang hartanah di seluruh negeri Johor, melainkan hanya di dalam zon antarabangsa yang ditetapkan. Suka saya menjelaskan bahawa Johor merupakan sebuah ekonomi yang terbuka. Kita membangun kerana sektor perniagaan kita rancak dan pantas, dan nilai keusahawanan Johor juga sangat cerdas. Mana mungkin kita bersifat anti-pasaran sedangkan kita adalah ekonomi yang ke-14 paling kompetitif di dunia. Oleh itu, saya ingin dengan hormatnya mengemukakan tiga alasan kenapa cadangan seperti yang disuarakan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut sukar untuk dilaksanakan.

1. Wujud kawalan dan syarat yang ketat. Terma dan syarat pemilikan warga luar atau asing yang dibenarkan di luar zon antarabangsa hanyalah antara 10% hingga 30% tertakluk kepada kategori dan jenis pembangunan hartanah iaitu:
    a) 30% bagi pembangunan perumahan strata bertingkat
    b) 10% bagi pembangunan perumahan bertanah dan perumahan strata bertanah, dan
    c) 10% bagi pembangunan komersial perdagangan.

Dan suka dimaklumkan bahawa sebarang penambahan kuota ini adalah tidak dibenarkan melainkan dengan kebenaran daripada pihak kerajaan negeri. Selain itu, salah satu usaha kerajaan negeri bagi menyekat pemilikan warga negara asing di luar zon antarabangsa yang berlebihan adalah melalui penetapan harga rumah minimum untuk warga negara asing iaitu RM1 juta bagi perumahan bertanah dan perumahan strata bertanah.

2. Tidak praktikal kepada pelabur dan pekerja warga luar negara. Halangan mutlak kepada warga luar negara untuk memiliki hartanah di luar zon antarabangsa adalah tidak praktikal khususnya kepada mereka yang bekerja atau mempunyai perniagaan di luar zon antarabangsa dan mahu menetap di kawasan berdekatan dengan tempat kerja. Secara logiknya tidak mungkin kita mahu berkeras dan mewajibkan pelabur atau tenaga kerja luar untuk masih tinggal di zon antarabangsa sekiranya mereka bekerja atau mempunyai kawasan perniagaan yang jauh seperti di Batu Pahat dan juga di Muar.

3. Ia bercanggah dengan polisi nasional. Tindakan promosi dan rangsangan kepada warga luar untuk datang bekerja dan menetap di negara ini adalah dasar kebangsaan seperti dalam dasar *Malaysia My Second Home*. Kerajaan juga gigih berusaha untuk menarik bakat terbaik datang bekerja, menetap dan menyumbang kepada ekonomi negara. Bagaimana kita akan dapat menarik bakat terbaik dan golongan berpendapatan tinggi untuk datang menetap dan menyumbang kepada kesejahteraan Malaysia jika kita mahu mereka tinggal di satu penempatan sahaja iaitu hanya di zon antarabangsa. Maka kita tidak boleh menghalang secara terus warga luar negara untuk memiliki hartanah di luar zon antarabangsa di Johor kerana polisi ini tidak praktikal dan bercanggahan dengan polisi nasional. Dan kita juga tidak akan membiarkan pasaran menjadi bebas sepenuhnya, sebaliknya akan diwujudkan pelbagai kawalan dan syarat yang ketat seperti yang saya katakan tadi.

Isu keenam, pengagihan bajet pusat kepada negeri. Yang Berhormat daripada Semarang telah membangkitkan tentang berapa peratusan limpahan bajet pusat ke negeri Johor daripada jumlah keseluruhan RM267.2 bilion. Sebagai makluman, kerajaan persekutuan telah memaklumkan kepada pihak kerajaan negeri berkenaan peruntukan perbelanjaan pembangunan persekutuan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 bagi *rolling plan* yang pertama, dengan izin. Bagi tahun 2016, negeri Johor akan menerima peruntukan sebanyak RM2.2 bilion, iaitu meningkat jika dibandingkan dengan RM1.92 bilion pada tahun 2015. Jumlah ini melibatkan 125 projek baru, berjumlah RM630 juta dan 202 projek sambungan bernilai RM1.57 bilion. Kerajaan negeri amat berterima kasih kepada kerajaan persekutuan atas peruntukan ini, dan semua bantuan yang telah dipanjangkan kepada rakyat Johor dengan selayaknya. Semuanya adalah natijah dari eratnya perhubungan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Isu ketujuh, peluang usahawan Bumiputera di kawasan bandar raya. Saya merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat daripada Kempas, yang menyarankan kerajaan negeri untuk mewujudkan zon khas bagi peniaga-peniaga tempatan terutamanya Bumiputera untuk berniaga di tengah-tengah bandar raya. Dalam hal ini perlu dinyatakan bahawa di sebalik segala kepesatan pembangunan di bandar raya Johor Bahru, agensi kerajaan negeri, khususnya Johor Corporation telah melakukan pelbagai inisiatif yang munasabah untuk mengekalkan keutamaan Bumiputera, khasnya orang Melayu dari segi peluang perniagaan di dalam pusat membeli belah mahupun premis-premis miliknya. Bagi lima buah pusat membeli belah yang di bina di kawasan bandar raya Johor Bahru, Johor Corporation telah memperuntukkan sebanyak 59% lot bagi penyewa Bumiputera dan 41% bagi bukan Bumiputera. Sehingga kini, sebanyak 48% telah diduduki oleh penyewa bumiputera dan 52% adalah bukan Bumiputera. Dua

pusat membeli belah yang telah di bina iaitu KOMTAR JBCC dan Galleria@Kotaraya, terletak di tengah-tengah *Ibrahim International District*. KOMTAR JBCC telah menempatkan sebanyak 16 lot. Iaitu 14% penyewa Bumiputera, manakala 100 lot, 86% penyewa bukan bumiputera. Salah satu penyewa terbesar KOMTAR JBCC iaitu *Angry Birds Activity Park* Johor Bahru, seluas 26 ribu kaki persegi adalah milik penuh Bumiputera. Bagi Galleria@Kotaraya pula, sebanyak 53 lot, iaitu 56% telah diduduki oleh Bumiputera dan 42 lot, 44% penyewa bukan Bumiputera. Malah pihak Johor Corporation sedang giat memasarkan lot-lot yang masih belum di sewa kepada Bumiputera supaya mereka boleh bersama-sama bersaing di dalam menjalankan perniagaan di tengah-tengah bandar raya ini.

Selain daripada itu, Johor Corporation memainkan peranan utama di dalam projek pembangunan *Ibrahim International Business District,* iaitu inisiatif yang di ambil Johor Corporation, dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru, yang bakal menjadi katalis di dalam projek transformasi bandar raya Johor Bahru yang akan melibatkan kawasan seluas 250 ekar. Komponen yang melibatkan Johor Corporation adalah PERSADA Annex dan Suite Perubatan. PERSADA Annex adalah sebuah gedung peruncitan berkeluasan 80 ribu kaki persegi yang di bina khas untuk menempatkan 100 usahawan Bumiputera yang berkeupayaan menampilkan jenama tempatan dan antarabangsa. Ini jelas menunjukkan bahawa peniaga bumiputera khususnya Melayu tidak akan terpinggir dan masih diberi keutamaan dalam kepesatan pembangunan yang sedang berlaku di bandar raya Johor Bahru. Akan tetapi kita juga harus faham seperkara, Johor Corporation adalah sebuah entiti yang semakin melonjak naik dan berhasrat untuk menjadi pemain antarabangsa yang berprestij tinggi. Jadi terdapat sesetengah projek yang dibangunkan oleh JCorp yang sememangnya dikhaskan untuk tujuan komersil yang bertaraf dan berprofil antarabangsa. Maka dalam situasi sebegini tidak bolehlah untuk kita turut mendesak agar pembangunan yang berprofil antarabangsa ini juga harus dijadikan platform untuk memelihara kepentingan bumiputera. Dan adalah tidak adil bagi kita untuk menghukum JCorp, gagal atau tidak memberi ruang kepada usahawan bumiputera dalam situasi sebegini.

Namun saya juga ingin menegaskan, sekalipun kerajaan negeri ingin membantu sebanyak mungkin usahawan dan peniaga bumiputera, pentadbiran saya juga mesti menekankan aspek merit, kelayakan dan kemampuan dan bukannya status bumiputera semata-mata. Jadi diharapkan para peniaga dan usahawan bumiputera akan terus bekerja keras untuk memajukan diri mereka dalam perniagaan dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan negeri. Jalan untuk maju ialah persaingan dan bukan perlindungan yang berterusan.

Isu kelapan, Rizab Melayu. Yang Berhormat Bentayan ada membangkitkan bahawa sekalipun kerajaan negeri berjaya menaikkan peratusan Tanah Rizab Melayu sehingga mencecah 29% namun kejayaan besar tersebut tidak memberikan manfaat yang terus kepada orang Melayu secara individu. Ini kerana menurut Yang Berhormat Bentayan, harga tanah rizab Melayu adalah tidak kompetitif dan lebih murah di pasaran berbanding dengan tanah lain, lebih-lebih lagi jika tanah itu tanah jiran. Dan adalah lebih bagus sekiranya kerajaan melakukan sesuatu agar harganya menjadi lebih tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, secara kasarnya dan sepintas lalu beliau kedengaran ikhlas dan prihatin dengan para pemilik tanah rizab Melayu. Namun, yang manis

jangan terus ditelan, yang pahit jangan terus dibuang. Tidakkah beliau sedar bahawa inilah sebenarnya matlamat pengenalan dasar tersebut, iaitu untuk cuba mengekalkan nilai tanah pada harga yang agak murah dan kompetitif bagi orang Melayu dan harga yang tidak terlalu tinggi ini mempunyai dua fungsi. Pertama agar pemilik tanah rizab Melayu tidak akan lekas tergoda untuk melepaskan pegangan tanah mereka kerana tawaran harga yang tinggi.

Dan kedua, sekalipun transaksi jualan masih ingin dilakukan atas dasar yang baik, maka akan ada orang Melayu dalam pasaran tersebut yang berpeluang untuk menjadi pembeli sekali gus mengekalkan status tanah tersebut. Sebab itulah harga tanah rizab Melayu selalunya akan mempunyai penilaian yang lebih rendah berbanding tanah bukan rizab Melayu sekalipun terletak bersebelahan. Inilah yang gagal difahami oleh Yang Berhormat Bentayan atau barang kali sengaja tidak mahu difahami oleh beliau. Atau barang kali di sebalik pengamatan yang kononnya prihatin tersebut, sebenarnya Yang Berhormat Bentayan berhajat secara halus untuk menggagalkan matlamat polisi ini (Dewan bertepuk). Seakan-akan mahu memastikan yang orang Melayu dikeluarkan sedikit demi sedikit dari pasaran dan liga hartanah dan terus menerus dibiarkan tidak berupaya untuk membeli dan memiliki aset hartanah.

Biar saya tegaskan di sini bahawa maruah, harga diri dan kehormatan kita bukan pada nilai harta semata, semua itu tidak akan menjadikan kita lebih dihormati, atau lebih hebat atau lebih tersanjung. Tanah rizab Melayu tujuannya adalah untuk memelihara identiti Melayu dan memastikan pemilikan Melayu kekal zaman berzaman, agar mereka boleh terus tinggal di kawasan strategik di kawasan bandar dan di kawasan berkepentingan komersil. Ukurannya bukan tinggal di kondominium yang mewah, ukurannya bukan beberapa nilaian dari pemaju hartanah. Nilai semua itu tidak sama dengan kehadiran orang Melayu itu terlihat, dirasai dan berperanan dalam kepesatan pembangunan Johor sebagai metropolis berkepentingan antarabangsa. Janganlah Yang Berhormat cuba berfikiran bahawa maruah dan kehidupan orang Melayu itu adalah pada harga sekeping tanah. Pemikiran sebegitu lebih tohor dari sang kapitalis yang tidak ada nilai budaya dan identiti bangsa.

Isu kesembilan, pembentangan liabiliti negeri semasa pembentangan Bajet. Dakwaan Yang Berhormat Skudai bahawa kita tidak mematuhi prosedur dan peruntukan undang-undang dengan tidak membentangkan Penyata Kewangan Tahunan Negeri di dalam Dewan yang mulia ini adalah tidak tepat sama sekali. Saya ingin menerangkan sedikit tentang prosedur dan tatacara berhubung perkara ini walaupun pada hemah saya perkara ini adalah amat memalukan dan tidak boleh diterima apabila tuduhan sebegitu dibuat oleh Yang Berhormat daripada Skudai. Kerana Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan sekalian seharusnya sudah memahami akan prosedur Dewan dan mengetahui secara jelas akan kedudukan sebenar tentang perkara ini.

Walaupun peruntukan Fasal 38(4) menyatakan penyata kewangan hendaklah dibentangkan di dalam Dewan semasa pembentangan belanjawan, namun jangan terlepas pandang bahawa terdapat ungkapan "seberapa yang boleh" dalam peruntukan tersebut. Atau dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *as far as is practicable* dengan izin, yang membawa erti sekiranya penyata kewangan itu tidak dapat disediakan semasa pembentangan bajet dilakukan ia tidak menjejaskan pembentangan bajet tersebut. Frasa ini memberi kelonggaran kepada kehendak

pembentangan penyata kewangan tersebut dengan erti kata lain pemberian kuasa budi bicara dan keupayaan untuk membentangkan penyata kewangan tersebut masih bergantung dan tertakluk kepada Artikel 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat Skudai juga dan saya berharap Yang Berhormat Skudai dapat dengar baik-baik bahawa Penyata Kewangan Tahunan Negeri bagi tahun 2014 mesti terlebih dahulu diaudit dan dibuat laporan mengikut Artikel 106 Perlembagaan Persekutuan. Laporan tersebut hendaklah kemudiannya dibentangkan di Parlimen mengikut Artikel 107 (1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes negeri Johor, Penyata Kewangan Negeri baru sahaja dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015 yang lalu, iaitu 4 hari selepas kita membentangkan Bajet 2016 di Dewan Undangan Negeri kita pada ketika itu. Setelah itu, penyata kewangan ini hendaklah dimaklumkan pada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti dalam peruntukan Artikel 107 (2) Perlembagaan Persekutuan dan hanya selepas itu barulah penyata kewangan boleh dibentangkan di Dewan Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 38 (4) Undang-Undang Tubuh Negeri Johor dan inilah yang dilakukan dalam tahun-tahun sebelum ini.

Maka memandangkan Penyata Kewangan Tahunan Negeri Johor tahun 2014 baru sahaja dibentangkan di Parlimen pada 23 November yang lalu dan masih dalam proses untuk memaklumkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, maka kita tidak dapat membentangkan semasa Pembentangan Bajet 2016. Dan adalah salah, memesongkan dan amat tidak bertanggungjawab untuk Yang Berhormat Skudai mendakwa bahawa kita gagal (Dewan bertepuk), bahawa kita gagal untuk membentangkan Laporan Tahunan Kewangan Negeri ini selama tiga tahun berturut-turut. Ini kerana kita sebenarnya telah melakukan seperti berikut. Laporan Tahunan Negeri tahun 2011 telah dibentangkan pada 7 Disember 2012, Laporan Kewangan Tahunan Negeri tahun 2012, telah dibentangkan pada 20 Februari 2014 dan Laporan Kewangan Tahunan Negeri tahun 2013 telah dibentangkan pada 12 Februari 2015. Perkara ini nyata menyerlahkan kedangkalan dan sikap Yang Berhormat Skudai yang hanya suka menimbulkan isu dengan sengaja (Dewan bertepuk).

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan Tetap 45 (xiii). Sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah membuat teguran kepada Skudai. Harap memberikan ruang untuk saya mempertahankan...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, duduk.

YAB Menteri Besar : Biar saya habiskan.

YB Tan Sri Speaker : Ini Yang Berhormat Skudai duduk. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang menggulung perbahasan termasuk perkara-perkara yang berbangkit dalam negeri. Jadi, itu tugas dan kewajipan beliau. Sila Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Saya harap pada masa hadapan, Yang Berhormat Skudai bukan sahaja akan membaca Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor tetapi turut menyemak peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tuduhan itu tak betul. Itu hak saya untuk mengumpul dan memberikan penjelasan. Sebab sebelum itu Menteri Besar, bekas Menteri Besar berjaya membentangkan Penyata Kewangan satu tahun sebelum itu. Yang Amat Berhormat kena memberikan penjelasan ikut Undang-Undang Tubuh Negeri setakat mana boleh. Kenapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri gagal membentangkan semasa serentak dengan pembentangan bajet untuk tahun depan?

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tan Sri Speaker, semasa Skudai membentangkan tiada orang kacau, tak ada orang bangkit. Jadi masa Yang Amat Berhormat jawab tak payahlah Yang Berhormat...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Peraturan Tetap 45 (xiii), sebab itu tuduhan peribadi kepada saya...

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, duduk, duduk.

YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Peraturan 46.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Dan untuk kepentingan awam, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena ikut Undang-Undang Tubuh Negeri, kenapa tak boleh kerajaan negeri gagal membentangkan penyata kewangan yang lepas. Bukan kita nak kena tunggu Februari ...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai, duduk, duduk. Saya bercakap ni Yang Berhormat duduklah.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut pengalaman saya semasa menjadi menteri dahulunya, apabila kerajaan pusat membentangkan bajet, dia membentangkan sekali Laporan Ketua Audit Negara. Tetapi kerajaan pusat telah menukar amalan tersebut kerana, apabila dibentangkan sekali, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat banyak membahaskan mengenai laporan audit, tidak membahaskan mengenai belanjawan negara. Jadi atas sebab itulah kita dapat lihat belanjawan negara di bentang dalam bulan Oktober tetapi audit *report* dibentangkan dalam bulan November. Jadi atas sebab itu lah kita masih belum terima, jadi macam mana kita hendak bentang. Lain kali semak, Yang Berhormat.

YB Tan Sri Speaker : Teruskan Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Jadi barangkali kerana ketandusan isu dan sering membangkitkan perkara-perkara remeh seperti inilah, Yang Berhormat Skudai bukan sahaja tidak diterima perbahasannya dalam Dewan ini malah ditolak oleh partinya sendiri dan gagal menjadi ketua pembangkang (Dewan bertepuk). Tetapi memandangkan isu ini sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai, nampak macam menjadi rutin dan amalan kelaziman setiap tahun, jadi saya nak cadangkan kepada Setiausaha Dewan, buat salinan setiap kali dia bangkit hanya bagi salinan yang saya jawab seperti hari ini.

(Dewan bertepuk). *So* siap sedia, untuk setiap tahun apa yang dijawab pada hari ini kerana itu sahaja yang akan dibangkitkan.

Seterusnya Yang Berhormat Skudai juga ada mempersoalkan sama ada bajet kita adalah, bajet lebihan atau sebenarnya menurut beliau, adalah bajet defisit. Bajet 2016 merupakan anggaran hasil dan anggaran perbelanjaan untuk tahun akan datang. Dalam perkiraan bajet ini terdapat 3 komponen utama iaitu anggaran hasil, perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Di dalam perkiraan perbelanjaan mengurus telah dimasukkan komponen perbelanjaan pembangunan melalui kod B28. Sumbangan kepada kumpulan wang berkanun iaitu sebanyak RM520 juta seperti yang terdapat pada muka surat 56 buku bajet 2016, negeri Johor Darul Takzim. Oleh itu di dalam pengiraan bajet surplus ataupun defisit anggaran hasil akan ditolak dengan perbelanjaan mengurus yang mana perbelanjaan pembangunan telah diambil kira sebenarnya, seperti yang terdapat pada muka surat ii buku bajet 2016 negeri Johor Darul Takzim. Apabila ditolak hasilnya akan menunjukkan secara jelas bahawa bajet negeri Johor pada tahun 2016 adalah surplus dengan anggaran lebihan sebanyak RM1,556,000.00 dan sekali lagi saya mohon agar segala persoalan yang dibangkitkan seperti ini, sebenarnya merupakan soalan yang setiap tahun dibangkitkan dan harap supaya ia tidak lagi dibangkitkan di tahun-tahun mendatang.

Isu kesebelas peruntukan Pejabat Menteri Besar. Isu yang juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang mempersoalkan peningkatan peruntukan kepada pejabat Menteri Besar. Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa bagi tahun 2011 hingga 2015, pejabat Menteri Besar secara amalannya bertanggungjawab kepada dua maksud pembangunan iaitu, P.55, pejabat daerah dan tanah dan P.56, pejabat Menteri Besar Johor. Walaupun secara rekod dan formatnya kedua-duanya elemen ini dinyatakan secara berasingan dalam bajet. Di dalam bajet 2015, kedua-dua maksud pembangunan ini telah diberikan peruntukan pembangunan masing-masing sebanyak RM53 juta dan RM88.5 juta menjadikan campuran jumlah keseluruhan kedua-dua maksud pembangunan ini ialah RM141.50 juta. Walau bagaimanapun bermula dengan bajet 2016 hingga tahun 2020, peruntukan pembangunan telah dirombak sepenuhnya dan ia tidak lagi menggunakan format sebelum ini. Ini adalah berikutan penggunaan format dalam Rancangan Johor 5 Tahun atau RJ5T yang sebenarnya selari dengan amalan di peringkat kerajaan persekutuan. Kesan penggunaan format ini menyebabkan kedua-dua maksud pembangunan yang sebelum ini diasingkan sebagai P.55 dan P.56 seperti dalam bajet 2015 telah di gabungkan sekali di bawah maksud pembangunan yang baru iaitu P.70, pejabat Menteri Besar Johor dengan peruntukan tahun 2016 sebanyak RM155 juta iaitu pertambahan 9.54% daripada peruntukan yang diterima dalam tahun 2015 untuk maksud pembangunan P.55 dan P.56.

Jadi secara asasnya, sekali pun kelihatan seolah-olah Pejabat Menteri Besar menerima peruntukan yang lebih banyak, namun secara hakikatnya tidak kerana ia adalah kesan yang berlaku kerana peruntukan pejabat daerah dan tanah kini di letakkan di bawah pejabat Menteri Besar dan yang lebih penting peletakan peruntukan di bawah pejabat Menteri Besar ini bukanlah dilakukan secara membuta tuli. Sebaliknya ia turut disusuli dengan perincian-perincian yang khusus kepada tujuan dan maksud pembangunan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua maklum bahawa salah satu agenda besar yang saya perkenalkan dalam bajet 2016, baru-baru ini adalah penggunaan instrumen wakaf secara optimum dalam membangunkan ekonomi pendidikan dan kebajikan di Johor. Rentetan daripada itu, atas dasar bahawa kepimpinan adalah melalui teladan. Maka saya ingin mencadangkan kepada semua Ahli Dewan yang beragama Islam untuk menyahut cabaran ini iaitu melakukan potongan gaji sebanyak RM100.00 setiap bulan untuk disumbangkan kepada Tabung Wakaf Johor. (Dewan bertepuk). Sebagai wakil masyarakat, biar lah kita yang terlebih dahulu ke hadapan dalam hal-hal kebajikan dan baik seperti ini. Marilah kita berlumba-lumba melakukan kebaikan dan amal soleh. Semoga usaha kita ini diteladani sebaiknya oleh seluruh masyarakat Johor. Saya harap cadangan ini akan dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita sedar bahawa segala sumber dan enjin pertumbuhan ekonomi pasti akan menyusut juga suatu waktu nanti. Kebergantungan terhadap beberapa sektor tertentu tidak akan mengukuhkan daya tahan ekonomi kita. Bagi memastikan ekonomi Johor terus kukuh, kita memerlukan pembaharuan dan perancangan masa depan yang terencana rapi. Johor mesti mengenal pasti bidang kebolehhasilan yang baru. Ekonomi Johor perlu ada naratif baru, selari dengan matlamat kita untuk menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi baru Malaysia. Maka ikhtiar demi ikhtiar harus terus dilakukan untuk mencari sumber-sumber dan industri-industri baru dan tidak tradisional agar pertumbuhan ekonomi kita akan berkesinambungan dan mampan. Kata orang, sediakan payung sebelum hujan. Jadi saya percaya sudah tiba masanya kita mula memberikan perhatian kepada usaha membangunkan industri-industri baru, yang mempunyai potensi besar dalam membudayakan ekonomi Johor yang inklusif. Tiga bidang pertumbuhan baru sedang dikenal pasti.

1. Industri kreatif.
2. Penjagaan kesihatan dan perubatan dan
3. Pelancongan.

Ketiga-tiga industri ini akan amat mempengaruhi perkembangan ekonomi masa hadapan dan harus kita bangunkan secara serius bermula dari sekarang.

Tan Sri Speaker, akhir sekali, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala kritikan dan cadangan membina yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Segala cadangan yang baik, akan diperhalusi dan dijadikan teladan. Mana yang kurang baik, kita jadikan pengajaran dan sempadan dan ini lah yang saya maksudkan apabila saya menyatakan semasa dalam pembentangan bajet tempoh hari, bahawa kita mahu, warga Johor sentiasa berfikiran kritis dan kritikal yakni berhujah memberi pandangan, membuat cadangan, menggunakan fakta, analisis yang kukuh dan niat yang baik. Menjadi kritikal itu bukan bermakna kita mesti menolak dan menentang apa sahaja semua perkara tanpa alasan yang jelas. Atau meletakan tahap perbahasan kita ke tahap seperti yang dijenamakan sendiri oleh pembangkang iaitu, sembang-sembang kedai kopi. (Dewan bertepuk). Itu kritikan nak meruntuh bukan untuk membangun. Jadi kepada semua Ahli Dewan marilah kita mengambil kesempatan ini untuk membulatkan tekad dan muafakat..

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat...

YAB Menteri Besar : Untuk memberi yang terbaik kepada negeri Johor. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikian tadi penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor. Di ucapkan syabas dan terima kasih.

Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2016) tahun 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan, untuk perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM877,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM877,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pada jumlah tersebut, sebanyak RM631,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM246,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah, RM159,474,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada jadual rang undang-undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM159,474,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut :

1. Bahagian Pengurusan, RM24,678,000.00.
2. Pelbagai Perkhidmatan, RM44 juta.
3. Pejabat Menteri Besar Johor, RM14,620,000.00.
4. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, RM4,936,000.00
5. Dewan Negeri Johor RM18,042,000.00
6. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, RM7,479,000.00
7. Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, RM21,583,000.00
8. Audit Dalam, RM1,034,000.00
9. Pusat Pelaburan Negeri Johor, RM1,602,000.00
10. Pemberian kepada agensi, RM21,500,000.00

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM17,073,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM17,073,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

a. Kerajaan Tempatan, RM9,031,000.00
b. Perumahan, RM6,473,000.00
c. Landskap, RM1,569,000.00

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM6,000,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM6,000,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti hal ehwal wanita dan keluarga.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM20,544,000.00 bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan RM8,200,000.00 bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, peruntukan berjumlah RM20,544,000.00 disediakan di bawah Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi Program Rakan Muda dan kegiatan-kegiatan

sukan negeri, manakala di bawah Maksud Bekalan B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM8,200,000.00 boleh disediakan pelaksanaan kegiatan-kegiatan kebudayaan, seni dan warisan negeri Johor. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,167,000.00 bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM2,220,000.00...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Saya dulu, sabar Tan Sri Pengerusi, kawan saya sebelah terperanjat.

YB Tan Sri Speaker : Portfolio.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, peruntukan berjumlah RM1,167,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi aktiviti-aktiviti di bawah Badan Kawal Selia Air Johor, BAKAJ.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, Peraturan Mesyuarat.

YB Tan Sri Pengerusi : Ya.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, Peraturan Mesyuarat 112(4) dan Peraturan Mesyuarat 71, berkenaan dengan perbahasan pada peringkat Jawatankuasa, dengan ini saya merujukkan kepada butiran muka surat 38, butiran100150, objek sebagai 11000 gaji dan upahan. Tan Sri Speaker, berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan 2015, gaji dan upahan adalah RM645,000.00 tetapi pada kali bajet ini, 2016, perbelanjaan, maaf, gaji dan upahan, gaji dan upahan RM507,000.00. Ini bermaksud kekurangan RM138,000.00. Jementah ingin bertanya kepada Yang Amat, Yang Berhormat EXCO, apakah sebab-sebab kekurangan ini? Sebab seperti Yang Berhormat EXCO tadi dalam penggulungan telah menyatakan bahawa BAKAJ, Badan Kawal Selia Air Johor akan memperluaskan usaha untuk membuat kajian, untuk membuat kajian berkenaan dengan hal ehwal sumber bekalan air. Dan kalau kita merujuk kepada perjawatan 2016, bahagian BAKAJ macam tak ada penyelidik untuk membuat kajian.

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat jangan sentuh dasar. Perkara-perkara yang berkaitan sahaja.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Bukan, Tan Sri Speaker, sebab peruntukan yang diberikan telah lebih kurang, telah kurang RM138,000.00. Sedangkan pihak BAKAJ akan membuat kajian yang lebih teliti lagi berkenaan dengan masalah bekalan

sumber air. Maka Tan Sri Speaker, Jementah ingin mengetahui siapa yang membuat kajian tersebut, sama ada kajian tersebut telah di *outsource* kepada badan-badan yang lain. Kalau tidak, kenapa gaji dan upahan berkurang begitu banyak. Ini saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Dan satu lagi berkenaan dengan kajian. Saya berpendapat bahawa kajian kalau diadakan kajian tersebut supaya dibentangkan kajian tersebut di Dewan Negeri juga. Satu kertas putih supaya Dewan Negeri kita tahu apa yang sebenarnya kajian berkenaan dengan bekalan air ini untuk jangka masa panjang, menyelesaikan masalah isu air.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok, Yang Berhormat jangan cadangkan cadangan pula. Ini bukan perbahasan, Yang Berhormat. Masa perbahasan hari itu patut Yang Berhormat pastikan. Jangan ada perbahasan lagi. Saya minta, ok duduk Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, ini saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok. Yang Berhormat kalau ada jawapan, boleh jawab, kalau tidak boleh secara bertulis dan sebagainya ataupun apa yang dibangkitkan itu tidak menepati.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih. Perkara yang dibangkitkan yang menyentuh soal emolumen saya kira sudah amat jelas iaitu menyentuh tentang soal gaji, upahan, bergantung kepada keperluan untuk bayaran-bayaran bagi maksud yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat merasa terganggu apabila RM1.167 juta dibelanjakan untuk tujuan kajian sepertimana Yang Berhormat bangkitkan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa tujuan perbelanjaan RM1.167 juta adalah bagi kerja-kerja memasang pagar di empangan RM400,000.00; kerja-kerja membersihkan empangan RM310,000.00; kerja-kerja meningkatkan kualiti dan kuantiti air mentah RM250,000.00; menanam pokok-pokok hutan di kawasan tadahan Sungai Lebam RM107,000.00; penyediaan pelan pewartaan kawasan sumber air RM100,000.00. Maka jumlah keseluruhan adalah RM1.167 juta bagi tujuan perbelanjaan yang dimaksudkan di bawah perkara B03.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,220,000.00 bagi Maksud B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B03, Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM2,220,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pelancongan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,715,000.00 bagi Maksud B04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B04, peruntukan sebanyak RM18,715,000.00 diperlukan bagi pengurusan dan pentadbiran Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,953,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM5,597,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM220,000.00 untuk pemilikan aset, RM97,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap dan baki RM7,848,000.00 untuk perbelanjaan pulang balik hasil dan hapus kira.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,627,000.00 bagi Maksud B07, Jabatan Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Di bawah Maksud, Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B07, Jabatan Pertanian, peruntukan yang disediakan bagi tahun 2016 berjumlah RM18,627,000.00, ianya adalah bagi menampung segala perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan pejabat-pejabat pertanian di seluruh negeri, merangkumi perbelanjaan lain dan perbelanjaan emolumen anggota Jabatan di bawah aktiviti pentadbiran am.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM87,195,000.00 bagi Maksud B08, jadi, bagi Maksud B08, Jabatan Pengairan dan Saliran, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM87,195,000.00. Sejumlah RM29,287,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, RM56,997,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penyenggaraan sungai-sungai, RM350,000.00 disediakan untuk pemilikan aset Jabatan dan RM561,000.00 pula disediakan untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap termasuk bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota Jabatan yang bersara.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri...

YB Tan Sri Pengerusi : Jemput...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Tan Sri Pengerusi : Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Di sini ada satu perkara yang menarik perhatian Mengkibol, di mana ada satu perkara, 28000 berkenaan dengan penyelenggaraan dan pembaikan yang di beri. Adakah ini termasuk parit-parit yang telah rosak ataupun pembaikan apa tu, parit-parit yang telah lama terbiar. Kalau sekiranya ia termasuk dalam perkara ini, maka adakah wajar kita tambahkan peruntukan untuk bab ini sebab saya nampak sekarang kos operasi telah meningkat. Saya bagi satu contoh, dua minggu yang lepas, di mana ada satu aduan daripada Kampung Seri Lalang, satu parit yang telah, apa masalah, telah roboh, kos untuk memperbaiki kerosakan itu melibatkan RM200,000.00. Maka adakah dengan jumlah RM50 juta ini cukup untuk menampung. Makin lama makin banyak parit-parit yang rosak dan perlukan kerja-kerja pembaikan.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok dijemput Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, terima kasihlah Yang Berhormat Mengkibol kerana membangkitkan tentang katanya kekurangan. Kalau ikut dari segi pengalaman memang cukuplah. Tapi nantilah dalam pertengahan saya akan bincang dengan PKN untuk peruntukan tambahan, jadi Mengkibol kena angkat tangan sokong eh. Ok, terima kasih.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker,

YB Tan Sri Pengerusi : Dijemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, butiran 100100 kod objek sebagai 28000 penyelenggaraan dan pembaikan yang diberi. Tan Sri Speaker, pada dua bulan yang lalu saya ingin tahu peruntukan adakah ini juga boleh diberikan kepada satu masalah banjir yang berlaku di Taman Gelang di kawasan saya. Ini berkenaan dengan peruntukan.

YB Tan Sri Pengerusi : Yalah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Saya nak tahu sama adakah peruntukan ini boleh, apa ni sebagai satu peruntukan untuk memperbaiki parit di Kampung Baru, Jementah di kawasan saya. Sebab saya dimaklumkan oleh pihak JPS bahawa banjir yang berlaku di Taman Gelang, Jementah disebabkan oleh masalah perparitan di Kampung Baru Jementah. Maka saya ingin tahu sama ada peruntukan ini boleh diberikan kepada untuk usaha untuk menyelesaikan masalah di Taman Gelang di Jementah. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : : Tan Sri pengerusi, Boleh tapi bagi Kemelah dan Buloh Kasap dulu, Jementah kemudian.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM 9,677,000,000 bagi Maksud B.10 Jabatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan sebanyak RM9,677,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas pembantu dan melatih penternak-penternak serta menjaga kesihatan ternakan-ternakan di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya sejumlah wang berjumlah RM 7,992,000.00 bagi Maksud B.12 Pejabat Kebun Bunga Diraja Johor dan RM4,137,000.00 bagi Maksud B.13 Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud bekalan B12 peruntukan berjumlah RM7,962,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Pejabat Kebun Bunga Diraja Johor. Peruntukan sebanyak RM 4,137,000.00 di bawah maksud bekalan B.13 adalah untuk Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya wang berjumlah RM14,571, 000.00 bagi Maksud B.19 Jabatan Perhutanan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud bekalan B.19 peruntukan sebanyak RM14,571,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Perhutanan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM12,787,000.00 adalah perbelanjaan emolumen manakala baki sebanyak RM1,784,000.00 adalah untuk lain2 perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset dan kenaan bayaran tetap.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada jawatankuasa ini supaya peruntukan wang berjumlah RM 230,976,000.00 bagi Maksud B.21 Jabatan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud bekalan B21 Jabatan Agama Islam. Peruntukan sebanyak RM232, 936,000.00 telah diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama Islam di dalam usaha meninggikan syiar Islam termasuk perbelanjaan pengurusan di bawah pendidikan agama Islam serta bantuan kepada sekolah-sekolah Arab dan sekolah-sekolah agama rakyat dan guru-guru KAFA. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti ialah sebagaimana berikut, Jabatan Agama Islam, pentadbiran am sebanyak RM51,315,000.00, Pendidikan Islam sebanyak RM179, 661, 000.00. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada jawatankuasa ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM 25,569, 000.00 bagi Maksud B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Pembanguan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bagi maksud bekalan B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM25,569,00.00 dari jumlah tersebut sebanyak RM 4, 016, 00.00 diperlukan pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, RM3,055,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM425,00.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM18,073,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk miskin, bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan...

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Pengerusi, biar saya ingin mengambil bahagian dalam pertanyaan. Nak minta penjelasan bahawa muka surat 53, butiran 100100 kod 11000 gaji dan upahan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sedia di maklum, di pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Ledang kemungkinan atau pun adakah kekurangan kakitangan yang telah mengakibatkan permohonan-permohonan baru lama perlu tunggu lama pasal dalam borang itu dicatatkan dalam 4 minggu tapi pernah berlaku sudah 9 bulan temu duga tidak dibuat. Minta penjelasan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Di jemput.

YB Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tangkak, kita membentangkan tentang Bajet dari segi kewangan dan Yang Berhormat bertanyakan tentang kakitangan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dan, kalau kita tengok pada emolumen ini, ini adalah penambahan kenaikan gaji dan sebagainya. Dan itu adalah di luar dalam pembentangan Bajet. Yang Berhormat bertanya tentang kekurangan kakitangan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan...

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Satu sahaja soalan untuk butiran, untuk penjelasan. Saya hanya nak minta penjelasan untuk Kod 3400 di bawah kenderaan dan jentera di mana ada peruntukan untuk RM25,000.00 itu nak minta EXCO nak, untuk beli kenderaan dan jentera apa sahaja?

YB Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Bukit Batu, ini adalah untuk kenderaan untuk digunakan oleh kakitangan untuk membuat pemantauan dan juga siasatan di daerah-daerah.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, dijemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan berjumlah RM83, 137,000.00 bagi Maksud B.24 Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi maksud bekalan B.24 Jabatan Kerja Raya peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2016 ialah berjumlah RM83, 137,000.00 . Dari jumlah tersebut sebanyak RM53,284,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, RM 28,553,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM686,000.00 untuk pemilikan aset, RM594,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap, manakala baki sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain jabatan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, butiran 224100 Kod 29000 perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan yang diberi dan hospitaliti. Di kawasan Jementah ini kerajaan telah melaksanakan projek untuk menaiktarafkan jalan daripada Muar ke Segamat dan bahagian Jementah ke Segamat telah siap tetapi lampu isyarat yang dipasang di seluruh jalan daripada Jementah ke Segamat ada 5 lagi lampu isyarat yang belum berfungsi. Dan, saya memaklumkan kepada pegawai JKR Daerah dan saya dimaklumkan keadaan berada, apa ini, perkara ini telah disampaikan kepada TNB kerana bekalan elektrik tidak ada. Dan, dia kata sudah sampaikan kepada pihak TNB. Saya dimaklumkan oleh Pihak TNB bahawa bayaran belum dibuat oleh pihak JKR. Maka saya hendak tahu sama ada masalah ini boleh diselesaikan tak dalam masa terdekat sebab lampu isyarat ini sangat penting. Jalan tersebut sudah di naik taraf daripada dua hala kepada empat. Satu lorong kepada

dua lorong dan lampu isyarat perlu berfungsi dengan secepat mungkin untuk mengelakkan kemalangan jalan raya berlaku di kawasan itu. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah objek 29000 perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa dalam muka surat yang ke-54 ini ianya adalah bertepatan dengan apa yang telah saya bentangkan. Tu yang pertama dan keduanya ialah ia adalah belanja mengurus bererti bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi selaras dengan perancangan di peringkat Jabatan Kerja Raya bahawa kerja-kerja membina jalan-jalan baru termasuk jambatan, pelebaran jambatan-jambatan memerlukan perkhidmatan perunding-perunding oleh kerana Jabatan Kerja Raya di negeri Johor tidak punya unit reka bentuk. Maka perkhidmatan ikhtisas adalah diperlukan untuk reka bentuk-reka bentuk infrastruktur jalan dan Jabatan di buat melalui pelantikan perkhidmatan perunding. Dan saya percaya perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan diberikan, saya akan berikan perhatian supaya ianya termasuk di dalam skop kerja-kerja perkhidmatan perunding yang dilantik.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara tu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan...

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi...

YB Tan Sri Pengerusi : Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,643,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor dan RM520,000,000.00 bagi Maksud B.28, sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM3,643,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM896,000.00 adalah perbelanjaan emolumen, manakala baki sebanyak RM2,747,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan Jabatan, aset dan kenaan bayaran tetap. Di bawah Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak RM520,000,000.00 diperlukan untuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara tu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan....

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, mohon untuk diperbahaskan.

YB Tan Sri Pengerusi : Saya dah jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat lambat ya.

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Siapa yang bersetuju jemput angkat tangan, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM8,572,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah dan RM2,419,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, peruntukan sebanyak RM8,572,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah bagi tahun 2016. Dan daripada jumlah yang tersebut, sebanyak RM4,846,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, sebanyak RM3,529,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, sebanyak RM100,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM97,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap. Di bawah Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM2,419,000.00 adalah disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,754,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM4,784,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM4,499,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM4,010,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM4,586,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM3,741,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM3,938,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM3,577,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM3,162,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya dan RM3,017,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM4,754,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM4,784,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,499,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM4,010,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM4,586,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM3,741,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM3,938,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,577,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM3,162,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM3,017,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat daerah seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM25,610,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM5,906,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM4,963,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM6,385,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM3,220,00.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM4,377,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM3,960,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM4,387,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM3,694,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM2,897,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya; RM2,926,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian, diperuntukkan sebanyak RM25,610,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM5,906,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM4,963,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM6,385,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM3,220,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM4,377,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM3,960,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,387,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,694,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM2,897,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM2,926,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat tanah di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Dewan Negeri Bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Peraturan Tetap 79, saya minta mesyuarat ditangguhkan supaya bacaan kali ketiga ini ditangguhkan supaya penyata kewangan akan, 2014 akan dibentangkan di bawah Peraturan Tetap 32(8), kita ada 10 orang Ahli Dewan Negeri yang menyokong usul ini supaya ditangguhkan sehingga penyata kewangan 2014 dibentangkan.

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat tidak akan dapat diterima, kita, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jadi perkara itu tidak berbangkit. (Dewan bertepuk). sila jemputan YB Mohd Jais.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingatkan...

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat, saya tak boleh terima kerana perkara itu dah tak berbangkit lagi. Jemput YB Jais.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingatkan Dewan ini dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga, Datuk, Tun Dr. Mahathir pernah dipecatkan oleh UMNO juga. Jangan main-mainkan sentimen di sini secara politik bahawa saya ditolak oleh Parti DAP, saya tetap dalam DAP, saya takkan ini, (Dewan ketawa) untuk DAP. Sebab Dr. Mahathir dipecatkan oleh UMNO, dia keluar masuk UMNO berapa kali. Kita berpegang kuat pada prinsip kita, betul tak? Ha, sana setuju, tengok semua ketawa.

YB Tan Sri Pengerusi : Yang Berhormat, sila duduk. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dah tak bersesuaian.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Oleh itu ini amat penting. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penyata kewangan mesti dibentangkan jika bacaan kali ketiga diluluskan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat tadi pun, Yang Amat Berhormat pun kata Yang Berhormat bukan ditolak oleh DAP, Yang Berhormat. Maknanya jawatannya sahaja dalam DAP, salah faham Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat tadi? (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Jurutulis.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan; maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini adalah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut ; Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2016) Tahun 2015 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2016.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya dewan ini serta-merta berpindah menjadi jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2016 yang telah dibentangkan sebagai kertas mesyuarat bil. 21 Tahun 2015 dan memperakukan sama ada perangkaan itu patut diluluskan oleh dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk peranggaran pembangunan bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM541,100,000.00 di bawah empat jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor RM360,600,000.00.

2. Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor RM45,000,000.00,

3. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor RM102,500,000.00,

4. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor RM33,000,000.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM155,000,000 bagi Maksud P.70 Pejabat Menteri Besar Johor, RM110,500,000 bagi Maksud P.71 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan), RM95,100,000 bagi Maksud P.72 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan) dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 70 Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan sebanyak RM155,000,000 disediakan bagi Tahun 2016. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM96,000,000 diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan termasuk Pembangunan Fizikal, Pembangunan Sosial dan Pembangunan Kerja-kerja Kecil. Sebanyak RM8,000,000 pula disediakan untuk perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan. Manakala selebihnya sebanyak RM51,000,000 disediakan bagi Projek-projek Khas Daerah di seluruh Negeri Johor.

Di bawah Maksud Pembangunan 71, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan), peruntukan sebanyak RM110,500,000 disediakan untuk Tahun 2016. Sebanyak RM23,000,000 disediakan bagi Projek Pembangunan Ekonomi dan Inklusif. Sebanyak RM29,500,000 pula adalah untuk Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain daripada itu, sebanyak RM20,000,000 disediakan bagi projek-projek di bawah Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebanyak RM6,500,000 disediakan bagi program di bawah Pembangunan Modal Insan, Keluarga dan Masyarakat. Di samping itu juga sebanyak RM11,500,000 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan Perhutanan, Taman Negara dan Pengurusan Sumber Air. Sebanyak RM10,500,000 disediakan bagi Pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi. Sebanyak RM3,000,000 pula disediakan bagi program Pembangunan Belia dan Sukan dn selebihnya RM6,500,000 disediakan untuk melaksanakan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang ditetapkan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Negeri Johor.

Di bawah Maksud Pembangunan 72, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), peruntukan sebanyak RM95,100,000 disediakan untuk Tahun 2016. Sebanyak

RM43,500,000 disediakan bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan, Baik pulih dan Naik taraf Kuarters Kerajaan dan Bangunan Negeri, Bangunan-bangunan Milik Kerajaan Negeri di Luar Negeri dan Bangunan-bangunan Kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Kota Iskandar serta Masjid Kota Iskandar. Di samping itu juga, sebanyak RM24,000,000 disediakan bagi bayaran-bayaran yang berkaitan dengan Kota Iskandar. Sebanyak RM4,300,000 pula disediakan bagi pembinaan Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri, RM20,000,000 disediakan bagi Kerja-kerja Kecil dan akhir sekali RM3,300,000 disediakan bagi Kenderaan Penguatkuasaan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Peraturan, Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Mengkibol memohon untuk membahaskan perkara ini. Di mana daripada apa yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar tadi, perkara maksud Pembangunan 71 di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, tiada peruntukan untuk memperkasakan lagi Dewan Negeri Johor di mana kita sedia maklum bahawa Dewan Negeri Johor adalah salah satu *portion* dengan izin daripada bidang kuasa Pejabat Setiausaha Kerajaan dan kita bangga dengan Dewan Negeri kita di mana Dewan Negeri kita adalah Dewan atau pun *assembly* yang pertama di Malaysia. Tapi, tadi saya cuba melayari laman web untuk cari laman web rasmi Dewan Negeri Johor, tak dapat. Padahal sebelum ini ada. Saya masih ingat lagi pada tahun 2008-2009, bila kita *search* dalam Internet, dapat laman web rasmi Dewan Negeri Johor. Tapi sampai hari ini, tiada.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok, ok YB.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Jadi benda-benda ini patut dibangunkan untuk memperkasakan lagi Dewan Negeri Johor. Maka, saya harap satu peruntukan, satu amaun diberikan kepada Dewan Negeri Johor supaya sedikit sebanyak kita pertambahkan baik Dewan Negeri Johor supaya ia setanding..

YB Tan Sri Pengerusi : Ok, YB.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Setanding dengan Dewan-Dewan yang lain dan menjadi contoh teladan Dewan-Dewan lain di Malaysia.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Tan Sri Pengerusi : Stulang?

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Ya. Nak tanya sikitlah. Berkenaan dengan 72005, bayaran-bayaran Kota Iskandar RM24,000,000.00 boleh minta penjelasan sikit?

YB Tan Sri Pengerusi : Ok.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Tan Sri Pengerusi. Pertama, mengenai soal penyediaan laman web saya percaya itu satu perkara yang boleh dipertimbangkan oleh Pejabat Dewan Negeri. Tak ada masalah. Kedua, bayaran-bayaran Kota Iskandar ini merujuk kepada sebagaimana kita semua sedia maklum pembinaan Kota Iskandar ini dilaksanakan dahulu melalui pembayaran *deferred* dengan izin. Dan juga kita sedia maklum bahawa soal-soal untuk menyelenggara Kota Iskandar ini perlulah diperuntukkan pada setiap tahun. Jadi mengambil kira kedua-dua komponen itu, maka atas sebab itu lah peruntukan disediakan untuk memenuhi keperluan sebagaimana yang telah ditetapkan sebelum daripada ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara daripada jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM54,000,000.00 bagi maksud P.73 Jabatan Agama Islam dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Pembangunan 73, Jabatan Agama Islam Negeri Johor memperuntukkan sebanyak RM45,000,000 dan disediakan untuk Tahun 2016. Di mana sebanyak RM2,700,000 disediakan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan di Pusat Islam Iskandar Johor dan RM11,340,000 adalah untuk pembangunan Sekolah-sekolah Agama di seluruh Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Islam Negeri Johor. Dan sebanyak RM700,000 pula disediakan bagi pembelian Kenderaan Penguatkuasaan dan Jentera dan peruntukan sebanyak RM2,600,000 disediakan bagi kelengkapan Masjid-masjid Kerajaan, pelaksanaan kerja-kerja yang dirancangkan mengikut peringkat-peringkat bagi membina Rumah Pegawai, Guru-guru Agama dan Kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Manakala peruntukan sejumlah RM4,530,000 lagi adalah bagi Kelengkapan dan Kemudahan di Makam DiRaja dan Tanah-tanah Perkuburan. Baki peruntukan sebanyak RM23,130,000 lagi adalah untuk Membina dan Memperelok Masjid-masjid Jamek, Bangunan-bangunan Pejabat Agama Islam Negeri Johor, Bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor dan Bangunan Jabatan Mufti Negeri Johor. Terima kasih Tan Sri Pengerusi.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu...

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Tan Sri Pengerusi, Tangkak. Tangkak nak buat pertanyaan.

YB Tan Sri Pengerusi : Ini Agama Islam punya hal.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ya. Ada berkaitan dengan Islam. Minta izin. (Dewan ketawa).

YB Tan Sri Pengerusi : Ok.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Tan Sri Pengerusi. Di bawah kod 73006 tanah-tanah perkuburan, saya nak minta YB pengerusi untuk ambil perhatian. Tapak perkuburan Kampung Bekok, Tangkak, Ledang seluas 2 ekar memerlukan pagar-pagar kerana...

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Peraturan-peraturan.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Perlukan pagar untuk tanah-tanah perkuburan. Nak minta dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan ini.

YB Tan Sri Pengerusi : YB, lain kali dalam perbahasan you bangkitkanlah ini YB. Jemputlah.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ok, terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Jemputlah, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Tak apa, terima kasih. Tan Sri Pengerusi, saya pun memang nak jawab sangat soalan ini.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok. Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. (Dewan ketawa). Ahli-Ahli bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM102,500,000 bagi maksud P.74 Jabatan Kerja Raya dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan 74 peruntukan sebanyak RM102,500,000 disediakan untuk Tahun 2016. Sebanyak RM55,000,000 diperlukan untuk Kerja-kerja Pembinaan, Menaik taraf serta Memperelok Jalan dan Jambatan Negeri. Dan sebanyak RM2,000,000 untuk Melebar Jalan-jalan Negeri, Membina Tembok Tepi Sungai dan Rancangan Mengelak Banjir.

Peruntukan sebanyak RM2,500,000 juga disediakan untuk Menaik taraf Sistem Mekanikal dan Elektrikal di Bangunan-bangunan Kerajaan dan sebanyak RM4,000,000 untuk Kerja-kerja Kecil. Sebanyak RM3,500,000 disediakan untuk Kerja-kerja Pembinaan, Menaik taraf dan Ubahsuai Bangunan-bangunan Kerajaan di Negeri Johor. Sebanyak RM5,000,000 diperuntukkan untuk Menaik taraf Bangunan-bangunan Utama Kerajaan serta kemudahan-kemudahan dan keperluan bangunan.

Akhir sekali sebanyak RM25,000,000 diperuntukkan untuk Bangunan-bangunan Negeri, sebanyak RM5,000,000 untuk Bangunan Yayasan Warisan dan RM500,000 untuk Pembelian Kenderaan dan Jentera. Terima kasih Tan Sri Pengerusi.

YB Tan Sri Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM33,000,000 bagi maksud P.75 Jabatan Pengairan dan Saliran dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, tadi masa Skudai cadangkan supaya anggaran perbekalan ditangguhkan untuk tunggu penyata kewangan nampaknya sahabat-sahabat kita kat depan ni,

belakang ni semua takkan ada gajilah. Termasuklah kita, kalau kita tangguh, kita tak tahu bila Dewan, dan kita tak ada gaji. Niat tak berapa eloklah.

Bagi Maksud Pembangunan 75, Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan sebanyak RM33,000,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek bagi tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,100,000.00 adalah bagi pembelian jentera, kenderaan, loji dan pintu air serta kelengkapan dan sebanyak RM1,000,000.00 disediakan untuk bangunan-bangunan jabatan. Sebanyak RM1,100,000.00 disediakan untuk projek pengukuran dan penyiasatan bagi projek-projek saliran dan pengairan. Di samping itu, sebanyak RM23,500,000.00 disediakan bagi Rancangan Tebatan Banjir, Rancangan Saliran Bandar, Rancangan Kawalan Hakisan Pantai dan Rancangan Pengurusan. Dan akhir sekali, RM6,300,000.00 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh negeri Johor.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan dengan Maksud Pembangunan 75, syabas dan tahniah kepada Jabatan Pengairan dan Saliran kerana banyak aspek telah dirangkumi, pantai, tebatan banjir sampai kuala-kuala sungai pun digali. Tapi saya rasa, selama ini dan banyak kali telah kami dan pihak kerajaan sendiri pun mengakui bahawa pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan tadahan air adalah penting. Di mana sekarang banyak empangan-empangan di bawah kawal selia JPS juga digunakan sebagai salah satu sumber air mentah. Maka adalah dicadangkan bahawa dalam perbelanjaan pembangunan untuk JPS dimasukkan juga perbelanjaan peruntukan untuk pemuliharaan kawasan tadahan air terutamanya bagi empangan-empangan yang digunakan juga untuk membekalkan air sumber. Air mentah.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Tan Sri, saya ambil maklum.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan Tetap 45 (13) sebab Yang Berhormat Pengerusi telah buat tuduhan kepada saya berniat jahat untuk cuba menangguhkan Bacaan Ketiga.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebab ini berkenaan dengan Bajet kerajaan saya takut satu hari, kita tak mampu nak bayar gaji-gaji penjawat awam. Sebab kita tetap nak tahu, tahun lepas kerugian kerana keuntungan kerajaan supaya kita pastikan kerajaan mampu membayar gaji untuk penjawat awam.

YB Tan Sri Pengerusi : Ok, tapi itu urusan kerajaanlah YB. Itu, ok..

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,tanya tauke...

Y.B. Tan Sri Pengerusi : Duduk-duduk. Duduklah. Saya dah cakap duduk. Itu perkara kerajaan, kerajaan akan bertanggungjawablah.

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud penganggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2015 itu telah selesai ditimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya Ketetapan-Ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2015. Dari itu saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan Ketetapan-Ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM541,100,000.00 yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 2016 itu diluluskan oleh Dewan negeri ini. Dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM541,100,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2016 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Dan dengan demikian, maka Bajet 2016 akan sama-sama kita luluskan. Itu bermakna tadi kalau usul pembangkang diterima maknanya seperti kata Yang Berhormat EXCO Kesihatan, maknanya bukan sahaja gaji tak akan diterima kalau Bajet itu ditahan tetapi usaha kita untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat Johor akan tergendala. (Dewan bertepuk).

Atas sebab itulah saya nak ucap tahniah kepada wakil-wakil PAS yang tidak menyokong semasa usul itu dibangkitkan. (Dewan bertepuk). Itu bermakna mereka terima hakikat bahawa mereka bukan perhiasan seperti yang selama ini dibuat. Dan yang lebih anehnya ialah wakil daripada AMANAH tadi terus hilang, sekarang baru masuk balik. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Minta maaf.

YB Tan Sri Speaker: Duduklah. Tak perlu. Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Kena jawab.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis: RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 3) TAHUN 2015.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan No. 3 Tahun 2015 dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang Ini dibacakan kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB. Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi perbelanjaan bekalan tahun 2015. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM124,841,000.00. Bagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 6 Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor RM124,142,000.00
2. Jawatankuasa Agama Islam Negeri RM59,000.00.
3. Jawatankuasa perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri RM67,000.00.
4. Jawatankuasa kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah RM313,000.00.
5. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor RM70,000.00
6. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor RM200,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Tan Sri Pengerusi : Rundingan daripada Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2015 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

JADUAL.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Peruntukan Wang berjumlah RM60,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan, diperuntukkan sebanyak RM65,000.00. Sebanyak RM40,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM25,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota kontrak jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM7,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Jabatan Landskap Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM7,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.
Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM70,000.00 bagi Maksud B.07Jabatan Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07 Jabatan Pertanian Negeri Johor

diperuntukkan sebanyak RM70,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan iaitu ITP untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Terima kasih.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM200,000.00 bagi Maksud B.08 Jabatan Pengairan dan Saliran jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM48,000.00 bagi Maksud B.12 Kebun Bunga Diraja Johor dan RM12,000.00 bagi Maksud B.13 Jabatan Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah maksud Bekalan B.12 Kebun Bunga Diraja Johor diperuntukkan sebanyak RM48,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud B.13 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM12,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM193,000.00 bagi Maksud B.19 Jabatan Perhutanan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19Jabatan Perhutanan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM193,000.00 bagi menampung perbelanjaan di bawah faedah-faedah kewangan yang lain jabatan.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini supaya peruntukan wang berjumlah RM303,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pengerusi. Di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM303,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM15,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor dan RM123,530,000.00 bagi Maksud B.28 sumbangan dari Kumpulan Wang Berkanun, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi. Di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar diperuntukkan sebanyak RM15,000.00. Sebanyak RM3,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Manakala selebihnya sebanyak RM12,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota kontrak jabatan tahun 2015.

Di bawah Maksud Bekalan B.28, sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun diperuntukkan sebanyak RM123,530,000.00 bagi caruman ke dalam kumpulan wang pembangunan kerana terdapat kelulusan tambahan peruntukan pembangunan tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM53,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah dan RM6,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi. Di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM53,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan ITP untuk anggota-anggota tetap jabatan bagi tahun 2015. Manakala di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM6,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan ITP untuk anggota-anggota tetap jabatan bagi tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM12,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar, RM7,000.00 bagi Maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat, RM10,000.00 bagi Maksud B.44 Pejabat Daerah Pontian,

RM13,000.00 bagi Maksud B.45 Pejabat Daerah Segamat, RM8,000.00 bagi Maksud B.46 Pejabat Daerah Kluang, RM11,000.00 bagi Maksud B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi dan RM8,000.00 bagi Maksud B.48 Pejabat Daerah Mersing, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi. Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM12,000.00 bagi menampung bayaran imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud bekalan B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM7,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.44 Pejabat Daerah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM10,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.45 Pejabat Daerah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM13,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.46 Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM8,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM11,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM8,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM150,000.00 bagi Maksud B.51 Pejabat Tanah Dan Galian, RM50,000.00 bagi Maksud B.55 Pejabat Daerah Pontian, RM61,000.00 bagi Maksud B.56 Pejabat Tanah Segamat dan RM9,000.00 bagi Maksud B.59 Pejabat Tanah Mersing, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM150,000.00 bagi menampung bayaran kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.55 Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan RM50,000.00 bagi menampung bayaran emolumen dan kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Di bawah Maksud Bekalan B.56 Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan RM61,000.00 bagi menampung bayaran emolumen dan kenaikan imbuhan tetap perumahan untuk anggota-anggota tetap jabatan tahun 2015. Dan, di bawah Maksud Bekalan B.59 Pejabat Tanah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM9,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran *emolumen* kepada kakitangan jabatan bagi tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2

YB Tan Sri Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA

YB Tan Sri Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara fasal yang pertama, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa supaya Rundingan Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2015, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2015.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2015.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja Pindaan 2015, dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1960, [Enakmen No. 20/1960].

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58, ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen peruntukan DiRaja 1960 atau C*ivil List Enactment 1960*, dengan izin telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1961. Enakmen ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan dengan izin, This Civil List *of His Highness the Sultan and Sovereign Ruler from time to time of the State of Johore, the remuneration of Regent or Council of Regency and the payment of allowance to certain personages.*

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Rang Undang-Undang yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1960, [Enakmen No. 20/1960]. Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan. Fasal 2, bertujuan meminda Jadual Enakmen No. 20/1960 di bawah Kelas II kelas III, Kelas IV dan Kelas VI.

Peruntukan DiRaja di bawah Kelas II adalah ditambah daripada RM7.5 juta kepada RM15 juta. Penambahan ini diperlukan berikutan pertambahan pembayaran emolumen kepada anggota-anggota di Jabatan Istana Besar Johor dan anggota-anggota Pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Johor. Menambah peruntukan DiRaja di bawah Kelas III daripada RM9 juta kepada RM11 juta berikutan peningkatan perbelanjaan mengurus pentadbiran DiRaja, terutama bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan. Menambah peruntukan DiRaja di bawah Kelas IV daripada RM900,000.00 kepada RM1.5 juta berikutan pertambahan perbelanjaan bayaran elaun-elaun kerabat DiRaja yang berubah, kerana kenaikan kadar elaun bulanan yang diterima. Dan, menambah peruntukan DiRaja, di bawah Kelas V1 daripada RM200,000.00 kepada RM250,000.00 berikutan pertambahan peruntukan rizab di bawah Kepala Peruntukan T.01 - Peruntukan DiRaja Johor. Rang Undang-Undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan Wang Tambahan yang amaunnya pada masa ini tidak dapat ditentukan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2015.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : Fasal 1

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal 2

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2, jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya, dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2015.

Jurutulis: RUNDINGAN.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 30 untuk membawa satu Resolusi di bawah Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61) untuk Penubuhan Akaun Amanah Bagi Tujuan Memberi Pinjaman Kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor, Ahli Dewan Negeri Johor dan Setiausaha Politik Kepada YAB Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga mohon mencadangkan supaya Kertas Resolusi untuk menubuhkan Akaun Amanah yang dibentangkan di atas meja mesyuarat sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2015 hendaklah diterima dan dipersetujukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada masa ini, Perbendaharaan Negeri Johor mengguna pakai Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 (Akta 42) dan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang ditimbal guna dari semasa ke semasa. Berikutan daripada pemerbadanan Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 (Akta 42) akan dimansuhkan.

Sehubungan itu, bagi meneruskan pembiayaan pinjaman perumahan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Dewan Negeri Johor dan Setiausaha Politik Kepada YAB Menteri Besar Johor, satu resolusi penubuhan akaun amanah dibawa sebagaimana kehendak Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih.

Persidangan ditangguhkan pada jam 6:00 petang.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Tuan Haji Mohd Nazid bin Jasiman

Koordinator
Puan Asiah binti Moklis

Setiausaha Pejabat
Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)
Puan Zalinah binti Ali
Puan Azlin binti Bahrin
Puan Saniah binti Kassim
Puan Junaidah binti Paing
Puan Zahiti binti Mohammad Hamdi
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Nor Adeliah binti Abidi
Puan Norazilawati binti Masri
Puan Zakiah binti Abd. Wahab
Puan Norlydialina binti Isnin
Puan Raihanah binti Ismail
Puan Nor Wahidah binti Elias
Puan Fakhrinnazia binti Fuad
Puan Hajah Rahimah binti Akbar
Puan Norazlin binti Hussin
Puan Sharifah Mazuin binti Syed Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Rakaman
Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md. Sidi

Juruaudio Video
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

Juruteknik
Encik Hazrilzullah bin Ali

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR